


KAMUS

EKONOMI



KAMUS

EKONOMI

KAMUS

EKONOMI

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

KK 330-6568 4101

Cetakan Pertama 1993
© Dewan Bahasa dan Pustaka 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk pada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamus ekonomi.

ISBN 983-62-3832-8

1. Economics--Dictionaries--Malay. 1. Dewan Bahasa dan Pustaka.

330.03

Diatur Huruf oleh Visual Print Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 9/11 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
RM15.00

Kandungan

Penyumbang	vii
Prakata	ix
Pendahuluan	xi
Panduan Penggunaan Kamus	xiii
Kamus A-Z	1-275
Lampiran 1: Senarai Kata Masukan	277
Lampiran 2: Rujukan	323

Penyumbang

Pengurus Projek

Noresah Baharom

Penyusun

Dr. Md. Zyadi Md. Tahir
Prof. Madya Dr. Mansor Jusoh
Dr. Mohd. Zainudin Saleh
Prof. Madya Chamhuri Siwar

Ketua Editor

Fadilah Jasmani

Editor

Saliah Abd. Aziz
Sufiah Husain

Yang Turut Menyumbang

Ismail Taib
Rusli Abd. Ghani
Halimah Hj. Ahmad

Prakata

Ekonomi Malaysia kian pesat berkembang, dan serentak dengan itu kata dan ungkapan yang menghuraikan konsep ekonomi turut tercipta dan diperkatakan di sana sini, terutamanya dalam media massa. Dalam penggunaan istilah yang tercipta selama ini, apa yang diperhatikan ialah sesetengah istilah memang sudah diketahui umum konsepnya, manakala sesetengah yang lain masih menjadi tanda tanya. Oleh itu, usaha untuk menghasilkan kamus ekonomi memang sesuatu yang menepati keperluan untuk mempertingkatkan pengetahuan pelajar dan masyarakat umum tentang konsep ekonomi.

Kamus Ekonomi ini merupakan sebuah lagi terbitan dalam siri penerbitan kamus istilah yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain dapat dijadikan wadah meningkatkan fahaman pengguna tentang bidang ekonomi, usaha menerbitkan kamus ini juga bertujuan untuk membuktikan kemampuan bahasa Melayu menjadi wahana pengungkap ilmu ekonomi dalam dunia yang penuh saingan ini, khususnya di Malaysia. Semoga kamus ini ada manfaatnya kepada pengguna, insya-Allah.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengungkapkan tahniah kepada empat orang pakar bidang, Dr. Md. Zyadi Md. Tahir, Prof. Madya Dr. Mansor Jusoh, Dr. Mohd. Zainudin Saleh, dan Prof. Madya Chamhuri Siwar dari Universiti Kebangsaan Malaysia selaku penyusun, dan semua petugas Dewan Bahasa dan Pustaka yang terlibat dalam penyusunan kamus ini.

Dato' Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
April 1993

Pendahuluan

Kamus Ekonomi ini memuatkan istilah, sama ada yang berbentuk kata tunggal atau frasa, yang sering digunakan dalam bidang ekonomi. Kamus ini mengandungi 1882 kata masukan yang meliputi pelbagai subbidang ekonomi, daripada subbidang asas mikroekonomi dan makroekonomi, hinggalah kepada subbidang khusus, seperti ekonomi kewangan, ekonomi percukaian, ekonomi pertanian, ekonomi sumber asli, ekonomi pembangunan, ekonometrik, ekonomi antarabangsa, dan sejarah pemikiran ekonomi, dan juga istilah bidang lain seperti bidang matematik, statistik, pengurusan, dan kewangan, yang ada kaitan dengan bidang ekonomi. Di samping itu, kata masukan kamus ini meliputi istilah terkini dalam bahasa Melayu, seperti *hipotesis jangkaan rasional* dan *makroekonomi klasik baru*.

Kata masukan dalam kamus ini ditakrif dengan ringkas dan jelas dan diharapkan akan dapat membantu para pelajar, pengajar, penyelidik, dan pengguna umum kamus ini memahami istilah dalam konteks penggunaannya dalam bidang ekonomi. Contoh dan ilustrasi yang berupa jadual, graf, dan persamaan matematik disertakan bagi kata masukan yang difikirkan perlu dengan tujuan untuk membantu kefahaman. Kefahaman istilah dan konsepnya sekaligus boleh mengelakkan kekeliruan, di samping bertindak sebagai pendorong kepada penggunaan istilah bahasa Melayu, khususnya istilah ekonomi, dengan lebih meluas.

Kamus Ekonomi bukannya pengganti buku-buku teks ekonomi. Konsep, metodologi, teori, dan seluruh bidang ilmu ekonomi hanya boleh difahami sepenuhnya melalui pembelajaran secara sistematik dalam bidang itu. Oleh itu, kamus ini boleh dianggap sebagai pelengkap pembelajaran, terutamanya menerusi pembacaan buku teks ekonomi.

Usaha penerbitan kamus ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan dan sumbangan bererti pelbagai pihak. Di sini, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dato' Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang memberi peluang kepada kami untuk menyusun kamus ini. Ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang membenarkan kami menggunakan masa kerja untuk melaksanakan tugas tersebut. Ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada Puan Hajah Noresah Baharom, Ketua Bahagian Perkamusan, Cik Fadilah Jasmani dan Cik Sufiah Husain, editor kamus ini, yang telah banyak memberi kerjasama dengan penuh kesabaran yang berterusan sehingga kamus ini selesai. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih buat Puan Saliah Abdul Aziz yang telah bersama-sama mengedit kamus ini pada peringkat awal penyusunan kamus ini.

Prof. Madya Dr. Mansor Jusoh
Dr. Md. Zyadi Md. Tahir
Dr. Mohd. Zainudin Saleh
Prof. Madya Chamhuri Siwar

Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor Darul Ehsan
April 1993

Panduan Penggunaan Kamus

I Kata Masukan

- i. Kata masukan disusun menurut urutan abjad Rumi.
- ii. Kata masukan berbentuk kata tunggal, kata majmuk, atau singkatan.

Sebagai contoh:

- a. Kata tunggal : agregat
- b. Kata majmuk : alat kewangan
- c. Singkatan : REPO

II Takrif

- i. Takrif dan huraian diletakkan selepas padanan kata masukan.

Sebagai contoh:

nilai buku (*book value*) Nilai aset yang ditulis dalam buku akaun, yang mungkin berbeza daripada nilai aset yang sebenar dalam pasaran. Nilai buku yang sebenar hanya akan diketahui sekiranya aset dijual.

- ii. Bagi kata masukan yang mempunyai lebih daripada satu takrif, takrif dan huraianya diasing-asingkan dengan nombor Arab.

Sebagai contoh:

akaun (*account*) 1. Rekod yang mencatatkan kegiatan dan urusan niaga ekonomi untuk suatu tempoh tertentu. Misalnya, akaun pendapatan negara dan akaun imbalan

pembayaran. 2. Rekod yang mencatatkan kedudukan kewangan individu, firma, dan kerajaan pada suatu masa atau dalam suatu tempoh tertentu. Misalnya, akaun simpanan individu dan akaun untung rugi firma.

III Rujuk Silang dan Sinonim

- i. Bagi kata masukan yang sama erti, kata masukan yang diutamakan diberi takrif, dan sinonimnya diletakkan selepas takrif. Sinonimnya disenaraikan juga sebagai kata masukan, dan dirujuksilangkan kepada kata masukan yang bertakrif dengan label *Lihat*.

Sebagai contoh:

akaun simpanan (*savings account*) Akaun bank yang mencatatkan kedudukan kewangan bagi simpanan pelanggan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa, sama ada di bank asal atau di bank cawangan. Simpanan dalam akaun ini akan diberi pulangan yang dikenali juga sebagai faedah, bunga, atau riba, pada kadar dan dalam tempoh tertentu. *Sinonim* akaun tabungan.

akaun tabungan (*savings account*) *Lihat* akaun simpanan.

- ii. Bagi kata masukan yang mempunyai dua padanan bahasa Inggeris atau lebih, dan masing-masing mendukung konsep yang berbeza, padanan dan takrifnya diasing-asingkan dengan nombor Arab.

Sebagai contoh:

statistik 1. (*statistic*) Sebarang pemboleh ubah fungsi kepada sampel yang nilainya boleh digunakan untuk membuat perihalan tentang data. Contoh statistik ialah min sampel, varians sampel, dan penganggar pekali regresi. Statistik yang digunakan untuk menganggarkan suatu parameter dikenali sebagai penganggar parameter. Statistik yang digunakan untuk ujian dikenali sebagai statistik ujian.

2. (*statistics*) Bidang ilmu yang berkaitan dengan pengumpulan, persembahan, dan penganalisan data empirik. Statistik digunakan dengan dua cara, iaitu secara deskriptif atau secara pentakbiran. Statistik deskriptif secara khusus meringkaskan dan menghuraikan suatu set

data. Statistik pentakbiran pula secara khusus menganalisis set data pensampelan dan membuat telahan tentang populasi dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Penggunaan kaedah statistik pentakbiran membantu dalam membuat keputusan secara objektif dalam keadaan ketaktentuan.

- iii. Bagi kata masukan yang mempunyai dua padanan bahasa Inggeris atau lebih, dan kesemuanya mendukung konsep yang sama, takrif sepunya diberikan selepas padanan.

Sebagai contoh:

ekonomi kecil (*atomistic economy, small economy*)

1. Ekonomi yang mengandungi ramai pengeluar kecil yang bersaing dalam industri pengeluar yang terlalu kecil dan tidak dapat mempengaruhi harga pasaran. Pengeluar terpaksa menerima harga pasaran dan menyelaraskan keluaran mengikut harga tersebut. Ekonomi seperti ini menghampiri model persaingan sempurna. 2. Dalam perdagangan antarabangsa, istilah ini bermaksud sebuah negara yang tidak dapat mempengaruhi harga barang eksport dan import.

- iv. Bagi dua kata masukan atau lebih yang mempunyai konsep yang berkaitan tetapi bukan sinonim, yang satu dirujuksilangkan kepada yang lainnya dengan label *Lihat juga*.

Sebagai contoh:

oligopoli firma berpengaruh (*dominant-firm oligopoly*)

Oligopoli yang wujud apabila beberapa firma besar dalam sesuatu industri menentukan harga mengikut harga yang ditetapkan oleh firma pemimpin harga. *Lihat juga* kepimpinan harga.

kepimpinan harga (*price leadership*) Kaedah menentukan harga pasaran sesuatu barang mengikut firma yang bertindak sebagai pemimpin dalam sesuatu industri, biasanya dalam industri oligopoli. Harga tersebut kemudiannya akan digunakan oleh firma lain. Biasanya firma yang menjadi pemimpin harga ialah firma yang mempunyai kos pengeluaran

yang terendah, firma yang kukuh, atau firma yang menguasai sebahagian besar pasaran.

IV Simbol dan Singkatan

Simbol dan singkatan yang digunakan ialah yang lazim digunakan dalam bidang ekonomi.

V Tanda Kurung

Tanda kurung bulat (), digunakan untuk:

- i. Padanan bahasa Inggeris atau bahasa asing.
- ii. Keterangan lanjut dalam ayat.
- iii. Formula matematik.

VI Jenis Huruf

- i. Huruf tebal digunakan untuk mencetak kata masukan.
- ii. Huruf roman digunakan untuk mencetak takrif dan huraian.
- iii. Huruf condong digunakan untuk mencetak:
 - a. Padanan bahasa Inggeris atau bahasa asing.
 - b. Label *Lihat*, *Lihat juga*, *Singkatan*, dan *Sinonim*.

A

agihan pendapatan (*income distribution*) Pembahagian pendapatan negara kepada individu atau kumpulan dalam sesebuah negara. Jumlah pendapatan seseorang atau sesuatu kumpulan bergantung pada beberapa faktor seperti taraf pendidikan, kemahiran, taraf sosial, jantina, umur, dan harta yang dimiliki.

agihan pendapatan fungsian (*functional distribution of income*) Agihan pendapatan atau pulangan antara faktor-faktor pengeluaran seperti buruh dan modal, tanpa mengambil kira siapa yang memiliki faktor-faktor tersebut.

agregat (*aggregate*) Jumlah pemboleh ubah mikroekonomi kepada unit yang lebih besar iaitu makroekonomi. Misalnya, pendapatan negara dan tingkat harga umum. Agregat memberi maklumat tentang kedudukan semasa dan perkembangan ekonomi secara umum, seperti pertambahan dalam keluaran negara yang menggambarkan peningkatan ekonomi secara keseluruhannya. Bidang ekonomi yang berkaitan dengan pengkajian agregat ialah makroekonomi.

akaun (*account*) 1. Rekod yang mencatatkan kegiatan dan urus niaga ekonomi untuk suatu tempoh tertentu. Misalnya, akaun pendapatan negara dan akaun imbalan pembayaran. 2. Rekod yang mencatatkan kedudukan kewangan individu, firma, dan kerajaan pada suatu masa atau dalam suatu tempoh tertentu. Misalnya, akaun simpanan individu dan akaun untung rugi firma.

akaun belum terima (*account receivable*) Jumlah wang yang belum diterima oleh penjual daripada penjualan yang dibuat secara hutang.

akaun modal (*capital account*) Akaun yang mencatatkan pergerakan modal antarabangsa. Akaun modal terdiri daripada modal jangka pendek dan modal jangka panjang yang dimiliki oleh pihak swasta dan kerajaan. Misalnya, pinjaman jangka pendek dan pinjaman jangka panjang yang dibuat atau yang diterima oleh pihak swasta dalam negeri daripada pihak swasta luar negeri.

akaun pendapatan negara

akaun pendapatan negara (*national income account*) Penyata tingkat pendapatan dan keluaran sesebuah negara secara keseluruhan dalam satu jangka masa tertentu. Ukuran pendapatan yang paling kerap digunakan ialah keluaran negara kasar (KNK) atau keluaran dalam negara kasar (KDNK). Akaun pendapatan negara mencatatkan anggaran KNK, KDNK, dan butiran lain yang menentukan KNK dan yang berkaitan dengan kedua-dua ukuran itu. Misalnya, akaun pendapatan negara Malaysia bagi tahun 1985 adalah seperti yang berikut:

Keluaran Negara Kasar (harga semasa) 1985

Perbelanjaan pengguna	RM40 360
Perbelanjaan pelaburan	RM10 866
Perbelanjaan kerajaan	
penggunaan	RM11 741
pelaburan	RM12 046
perubahan stok	- RM 1 777
Eksport barangan dan	
perkhidmatan bukan faktor	RM42 591
Import barangan dan	
perkhidmatan bukan faktor	- RM39 595
KDNK	- RM77 547
Bayaran faktor bersih ke luar negeri	RM 5 739
	RM71 808

Sumber: Laporan Ekonomi 1986/1987, Kementerian Kewangan Malaysia

akaun penerima sahaja (*account payee only*) Arahan tentang cek tertentu yang sifatnya hanya boleh dimasukkan ke dalam akaun penerima, tidak boleh dipindahkan, atau dibuat pembayaran atas penama lain, dan tidak boleh ditunaikan serta-merta. *Sinonim* cek berpaling.

akaun semasa (*current account*) Akaun simpanan pelanggan dalam bank perdagangan yang tidak memperoleh pulangan faedah, malah dikenakan caj sekiranya tidak menyimpan suatu jumlah purata minimum yang ditentukan. Penyimpan akaun semasa boleh mengeluarkan wang simpanannya dengan mengemukakan cek yang dikeluarkan atas namanya.

akaun simpanan (*savings account*) Akaun bank yang mencatatkan kedudukan kewangan bagi simpanan pelanggan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa, sama ada di bank asal atau di bank cawangan. Simpanan dalam akaun ini akan diberi pulangan yang dikenali juga sebagai faedah, bunga, atau riba, pada kadar dan dalam tempoh tertentu. *Sinonim* akaun tabungan.

akaun tabungan (*savings account*) Lihat akaun simpanan.

akaun wilayah (*regional account*) Akaun pendapatan dan keluaran bagi

suatu wilayah dalam sesebuah negara untuk satu jangka masa tertentu. Akaun ini memberi maklumat terperinci tentang kegiatan ekonomi wilayah tersebut. Maklumat ini tidak terdapat dalam akaun pendapatan negara. Akaun wilayah menyediakan rangka kerja yang lebih fleksibel kepada penggubal dasar untuk membuat analisis ekonomi wilayah.

aktiviti tak dilaporkan (*unreported activity*) Kegiatan mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dimasukkan dalam pengiraan pendapatan negara dan merupakan punca utama yang boleh merendahkan angka pendapatan negara. Aktiviti tak dilaporkan termasuk kegiatan haram seperti perjudian, pelacuran, atau penyeludupan, serta kegiatan sah dari segi undang-undang yang bertujuan untuk mengelak cukai seperti pekerjaan sendiri dalam projek tertentu.


alat dasar (*policy instrument*) Unsur atau pemboleh ubah yang boleh dikawal oleh penggubal dasar untuk mempengaruhi pemboleh ubah sasaran. Misalnya, kadar cukai, penawaran wang, kadar bunga, dan perbelanjaan kerajaan. *Sinonim* pemboleh ubah dasar.

alat hutang (*debt instrument*) Sebarang dokumen yang menandakan pemegangnya mempunyai tuntutan hutang terhadap pengeluar dokumen tersebut. Alat hutang dikenali juga sebagai sekuriti, walaupun kadangkala sekuriti merujuk alat hutang yang mempunyai tempoh matang yang panjang. Misalnya, bil, bon, sekuriti kerajaan, dan sekuriti syarikat.

alat kewangan (*financial instrument*) Sebarang dokumen yang menandakan pemegangnya mempunyai tuntutan kewangan terhadap pihak yang mengeluarkan dokumen tersebut. Misalnya, bil, bon, sijil deposit, dan saham atau ekuiti syarikat.

alat kredit (*credit instrument*) Sebarang dokumen yang melibatkan pemindahan wang daripada seorang individu kepada seorang individu lain. Misalnya, cek, nota janji, draf, surat kredit, wang pos, dan kiriman wang.


aliran fizikal (*physical flow*) Pergerakan barang dan perkhidmatan dalam



aliran pusingan

pasaran barang dan pergerakan faktor pengeluaran dalam pasaran faktor. Aliran fizikal wujud apabila isi rumah ingin menggunakan barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma, dan apabila firma memerlukan faktor pengeluaran yang dimiliki oleh isi rumah untuk kegiatan pengeluaran.

aliran pusingan (*circular flow*) Pergerakan yang berterusan bagi barang dan perkhidmatan, perbelanjaan pengguna, faktor pengeluaran, dan pendapatan faktor antara unit-unit ekonomi seperti isi rumah dengan firma. Dalam pasaran barang, aliran pusingan melibatkan pergerakan berterusan bagi barang dan perkhidmatan yang ditukarkan dengan perbelanjaan pengguna yang dinyatakan dalam nilai wang. Dalam pasaran faktor, aliran pusingan melibatkan pergerakan berterusan bagi faktor pengeluaran yang ditukarkan dengan pendapatan faktor seperti sewa, upah, bunga, dan untung, yang dinyatakan dalam nilai wang.




aliran tunai (*cash flow*) Jumlah tunai yang diperoleh oleh syarikat dalam jangka masa tertentu yang boleh digunakan untuk pelaburan semula. Aliran tunai dikira daripada akaun pembayaran dan akaun penerimaan syarikat, dan nilai akaun ini menggambarkan keteguhan kedudukan kewangan syarikat tersebut. Aliran tunai bersih didapati dengan menolak cukai dan peruntukan susut nilai daripada jumlah aliran tunai.

aliran tunai bersih (*net cash flow*) Lihat aliran tunai.

aliran tunai terdiskaun (*discounted cash flow*) Lihat nilai kini bersih.

aliran wang (*money flow*) Pergerakan perbelanjaan pengguna dalam pasaran barang, dan pergerakan pendapatan faktor dalam pasaran faktor. Aliran wang wujud apabila isi rumah membayar kepada firma ketika membeli barang dan perkhidmatan yang dimiliki oleh firma, dan apabila firma membayar kepada isi rumah ketika membeli perkhidmatan faktor pengeluaran yang dimiliki oleh isi rumah.



alternatif (*alternative*) Pilihan terhadap berbagai-bagai kegunaan sumber yang terhad. Alternatif melibatkan kos melepasi atau kos alternatif. Ini berlaku kerana sumber atau faktor pengeluaran terhad. *Lihat juga* kos melepasi, peruntukan sumber.

anak syarikat (*subsidiary company*) Syarikat yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain yang dikenali sebagai syarikat induk. Mengikut Seksyen 5 Akta Syarikat 1965, sebuah syarikat menjadi anak syarikat apabila keahlian lembaga pengarah anak syarikat itu dikuasai oleh syarikat induk, atau lebih daripada setengah hak mengundi pada anak syarikat dikuasai oleh syarikat induk, atau syarikat tersebut merupakan anak syarikat kepada anak syarikat lain bagi syarikat induk itu.

analisis dinamik (*dynamic analysis*) Kajian tentang perubahan ekonomi dan proses penyelarasannya yang berlaku secara berterusan, dan bukannya tentang penentuan titik keseimbangan. Dengan memasukkan unsur masa dalam analisis, sebahagian daripada nilai pemboleh ubah ekonomi pada masa tertentu bergantung pada nilai pemboleh ubah tersebut pada masa lepas. Proses ekonomi berlaku melalui satu laluan masa yang terdiri daripada tempoh-tempoh yang berturutan, dan ini digambarkan dengan lat masa. Satu model ekonomi dikatakan dinamik jika sekurang-kurangnya satu daripada pemboleh ubah dalam model tersebut mempunyai nilai tertentu pada pelbagai titik masa, atau sekurang-kurangnya satu daripada persamaan model tersebut berfungsi terhadap masa. *Sinonim* ekonomi dinamik.

analisis input-output (*input-output analysis*) Kaedah sistematik yang menunjukkan pergerakan penjualan dan pembelian input-output antara individu atau sektor sesebuah negara. Biasanya analisis ini menggunakan jadual input-output yang menggambarkan jumlah output sesebuah industri yang digunakan oleh industri lain sebagai input, dan output yang memasuki terus pasaran sebagai barang akhir.

analisis keseimbangan separa

analisis keseimbangan separa (*partial equilibrium analysis*) Analisis tentang suatu pasaran secara terasing, tanpa mengambil kira kesan balas terhadap pasaran lain. Misalnya, analisis keseimbangan separa bagi pasaran suatu barang menyelidik syarat-syarat pasaran tersebut dengan andaian bahawa harga barang lain diberi atau dianggap tetap. Dalam analisis tersebut, kesan perubahan harga barang itu terhadap harga pasaran barang-barang lain yang berkaitan diabaikan, termasuk juga harga faktor pengeluaran.

analisis keseimbangan umum (*general equilibrium analysis*) Analisis yang melihat sebuah ekonomi secara keseluruhan dan menyiasat bagaimana harga dan kuantiti keseimbangan bagi barang-barang dan perkhidmatan ditentukan secara serentak dalam ekonomi. Sekiranya sebuah ekonomi dibahagikan kepada beberapa pasaran, maka analisis keseimbangan umum akan mengambil kira hubungan antara pasaran itu dalam menentukan keseimbangan kesemua pasaran tersebut secara serentak.

analisis kos-faedah (*cost-benefit analysis*) Kaedah yang digunakan untuk menilai keberuntungan sesuatu projek. Analisis ini melibatkan penilaian terhadap faedah sesuatu projek berbanding dengan kos pelaksanaannya. Analisis kos-faedah melibatkan lima langkah, iaitu:

- i) mengenal pasti semua kesan projek seperti perubahan tingkat output, harga, pendapatan, dan persekitaran;
- ii) membuat anggaran kuantitatif terhadap kesan tersebut;
- iii) memberi nilai wang kepada kesan tersebut;
- iv) menjumlahkan kesan-kesan tersebut mengikut masa melalui suatu pendekatan yang mendiskaunkan faedah dan kos masa depan; dan
- v) menentukan kepekaan hasil kajian terhadap perubahan nilai pemboleh ubah dan parameter.

analisis marginal (*marginal analysis*) Lihat analisis sut.

analisis pendapatan (*income analysis*) Lihat teori penentuan pendapatan negara.

analisis portfolio (*portfolio analysis*) Analisis yang menentukan kombinasi aset kewangan yang cekap dan memberikan jangkaan pulangan yang maksimum kepada pelabur, di samping memenuhi keperluan kecairan pelabur tersebut. Andaian utama analisis ini ialah pelabur akan mengutamakan portfolio yang dijangka memberi kadar pulangan yang maksimum apabila berhadapan dengan satu tingkat risiko tertentu.

analisis regresi (*regression analysis*) Kaedah statistik yang bertujuan mengkuantitikan hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih, dan kemudian menggunakan maklumat hubungan itu untuk meramal dan menganalisis kajian, atau untuk melihat sama ada hasil kajian itu dapat menerangkan keadaan sebenar. Analisis regresi sangat penting dalam kajian ekonomi kerana kaedah ini membolehkan teori ekonomi diuji.

analisis spektrum (*spectral analysis*) Teknik ekonometrik tentang pemisahan dan penganggaran amplitud dan tempoh komponen kitaran dalam agregat siri masa. Analisis ini juga digunakan untuk memisahkan kesan faktor

- rawak daripada komponen sistematik dalam siri masa.
- analisis sut** (*marginal analysis*) Kaedah menganalisis kesan perubahan kecil pemboleh ubah ekonomi. Misalnya, analisis sut dalam teori firma membincangkan kesan tambahan satu unit output terhadap tambahan dalam jumlah kos dan jumlah hasil. Mengikuti analisis sut, keseimbangan firma dicapai apabila tambahan dalam jumlah kos sama dengan tambahan dalam jumlah hasil yang diakibatkan oleh pertambahan satu unit output. Tambahan dalam jumlah kos disebut kos sut, dan tambahan dalam jumlah hasil disebut hasil sut. Analisis sut juga digunakan dalam teori firma, teori agihan sumber, teori penentuan keseimbangan pasaran dan teori keseimbangan umum ekonomi. *Sinonim* analisis marginal.
- analisis wilayah** (*regional analysis*) Kajian perbandingan tentang pertumbuhan dan pembangunan wilayah dalam sesuatu kawasan geografi. Analisis ini menekankan peranan masa depan sesuatu wilayah terhadap pembangunan ekonomi negara. Analisis wilayah memerlukan faktor seperti data aliran keluaran, pendapatan perseorangan, bilangan penduduk, guna tenaga, dan pengeluaran industri.
- andaian** (*assumption*) Pernyataan yang dianggap benar dan dijadikan asas pembinaan teori. Misalnya, pembinaan teori pasaran berasaskan andaian bahawa pengguna dan pengeluar berkelakuan rasional. Pengguna diandaikan memaksimumkan utiliti, manakala pengeluar diandaikan memaksimumkan keuntungan. Keseluruhan teori ekonomi menggunakan andaian *ceteris paribus*, iaitu hal-hal lain tidak berubah.
- antipakatan** (*antitrust*) Dasar atau perundangan yang digubal untuk menghalang amalan monopoli atau kewujudan kuasa monopoli, dan sebaliknya menggalakkan persaingan dalam perniagaan. Antipakatan bertujuan melindungi pengguna supaya harga yang wujud menggambarkan harga pasaran yang berpatutan.
- anugerah faktor** (*factor endowment*) Sumber yang terdapat dalam sesebuah negara yang boleh digunakan sebagai faktor dalam pengeluaran barang-barang untuk dieksport. Teori perdagangan antarabangsa menyatakan bahawa wujud kecenderungan bagi sesebuah negara untuk mengkhusus dalam pengeluaran barang eksport yang menggunakan secara intensif faktor yang dianugerah dengan banyak.
- anuiti** (*annuity*) Sejumlah wang yang diterima atau dibayar kepada seseorang oleh badan tertentu, seperti syarikat insurans, setiap tahun bagi satu jangka masa yang ditetapkan. Bayaran ini dibuat sekali atau beberapa kali setahun. Anuiti merupakan pulangan pada premium insurans yang dibayar dahulu. Misalnya, anuiti hayat dan anuiti tertunda.
- anuiti hayat** (*life annuity*) Anuiti yang dibayar kepada pewaris sepanjang masa hidupnya. Pembayaran tersebut akan terhenti apabila pewaris itu meninggal dunia.
- apungan bersama** (*joint float*) Sistem yang digunakan oleh sekumpulan negara untuk menetapkan kadar pertukaran mata wang sesama mereka.

apungan kotor

Bagaimanapun kadar pertukaran ini dibenarkan berbeza dalam julat tertentu. Kadar pertukaran mata wang negara kumpulan dengan negara luar dibenarkan fleksibel, dan ditentukan di pasaran pertukaran asing. Sistem ini diamalkan oleh negara-negara Eropah sebaik sahaja sistem Bretton Woods dimansuhkan dalam tahun 1973.

apungan kotor (*dirty float*) Pentadbiran kadar pertukaran yang pada dasarnya membenarkan kadar pertukaran mata wang sesebuah negara terapung atau fleksibel, tetapi pada masa-masa tertentu kerajaan campur tangan untuk mengubah kadar pertukaran untuk mencapai matlamat tertentu. Sebuah negara dikatakan mengamalkan apungan kotor apabila kerajaan negara itu dari semasa ke semasa campur tangan dalam pasaran pertukaran bukan sekadar untuk mengatasi masalah turun naik kadar pertukaran dalam jangka pendek, tetapi untuk tujuan lain, misalnya untuk memastikan mata wang negara tersebut berkurang nilai bagi menggalakkan eksport. *Lihat juga* apungan terurus.

apungan terurus (*managed float*) Sistem yang digunakan oleh sesebuah negara yang membiarkan kadar pertukaran mata wangnya ditentukan oleh pasaran wang asing, kecuali dalam keadaan tertentu apabila autoriti kewangan negara itu campur tangan untuk mengurangkan turun naik kadar pertukaran yang bersifat jangka pendek. Autoriti kewangan tidak akan campur tangan sekiranya perubahan kadar pertukaran mata wang selari dengan arah aliran jangka panjang.

arah aliran (*trend*) Arah pergerakan jangka panjang sesuatu pemboleh ubah dalam data siri masa. Arah aliran ini biasanya dikira dengan menggunakan kaedah regresi atau purata bergerak.

arah aliran sekular (*secular trend*) Kecenderungan pergerakan jangka panjang aktiviti ekonomi yang mengikut suatu arah aliran tertentu. Arah aliran mungkin negatif, yang menggambarkan penurunan, atau positif, yang menggambarkan peningkatan. Perubahan kecenderungan mungkin berpunca daripada perubahan cita rasa yang mengubah corak permintaan atau perubahan teknologi yang mengubah kaedah pengeluaran. Misalnya, kemerosotan yang berpanjangan dalam penggunaan beca yang disebabkan oleh proses pemodenan. Perubahan permintaan yang berlaku mengikut musim tidak dinamakan perubahan arah aliran sekular.

arbitraj (*arbitrage*) Kegiatan membeli pertukaran asing, sekuriti, atau komoditi di satu pasaran dan menjualnya di pasaran lain secara serentak, dengan harga yang lebih tinggi. Kegiatan ini berlaku kerana terdapat perbezaan harga antara dua pasaran. Kemudahan memindahkan mata wang melalui telegraf antara pusat perdagangan di Kuala Lumpur dengan pusat perdagangan di New York atau di London, membolehkan arbitraj terhadap mata wang dilakukan.

arbitraj bunga dilindungi (*covered interest arbitrage*) Kegiatan memindahkan dana kewangan jangka pendek ke sebuah negara yang mempunyai kadar bunga yang lebih tinggi yang disertai dengan tindakan

menutup kemungkinan kerugian akibat risiko turun naik kadar pertukaran. Tindakan mengelak kemungkinan kerugian boleh dilakukan dengan membeli mata wang asing di pasaran semerta, dan pada masa yang sama menjual mata wang itu di pasaran ke depan.

arbitraj bunga tak dilindungi (*uncovered interest arbitrage*) Kegiatan memindahkan dana kewangan jangka pendek ke sebuah negara yang mempunyai kadar bunga yang lebih tinggi tanpa disertai dengan tindakan untuk mengurangkan kemungkinan kerugian akibat risiko turun naik kadar pertukaran.

asas cukai (*tax base*) Asas untuk mengira cukai. Misalnya, jumlah pendapatan dijadikan asas cukai pendapatan, nilai harta yang dimiliki dijadikan asas cukai harta, dan nilai barangan yang dijual dijadikan asas cukai jualan.

aset (*asset*) Harta ketara atau tidak ketara yang mempunyai nilai wang. Aset berguna kerana perkhidmatan atau keuntungan boleh diperoleh daripadanya pada masa hadapan.

aset berperolehan (*earning asset*) Aset, sama ada aset kewangan seperti bon, atau aset fizikal seperti barang modal, yang dapat menghasilkan pendapatan kepada pemilikinya. Aset seperti wang tunai tidak dapat menghasilkan pendapatan kepada pemilikinya.

aset cair (*liquid asset*) Wang dan aset lain yang boleh ditukarkan kepada tunai dengan segera dan tidak melibatkan kos yang tinggi. Wang termasuk deposit akaun semasa dan wang tunai, sementara aset lain termasuk wang panggilan dan bil terdiskaun.

aset jangka panjang (*long-term asset*) Aset kewangan yang mempunyai masa matang yang panjang, biasanya satu tahun atau lebih, atau yang tidak mempunyai masa matang yang pasti. Misalnya, simpanan tetap yang melebihi satu tahun, bon yang hanya boleh ditebus selepas satu tahun.

aset ketara (*tangible asset*) Aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dilihat, yang bukan hanya dalam bentuk hak untuk menerima bayaran tunai atau faedah lain. Misalnya, tanah, bangunan, kereta, dan mesin.

aset kewangan (*monetary asset*) Aset yang merupakan tuntutan untuk sejumlah tetap wang tunai pada suatu masa tertentu. Misalnya, mata wang, deposit akaun semasa, deposit akaun bermasa, bon, dan sekuriti.

aset modal (*capital asset*) Aset ketara dan tak ketara yang digunakan untuk menjalankan aktiviti organisasi bagi tempoh yang melebihi tempoh terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian. Misalnya, tanah, bangunan, dan jenama perniagaan.

aset semasa (*current asset*) Wang tunai dan aset yang mudah ditukarkan kepada tunai. Misalnya, wang tunai dalam tangan, akaun belum terima, inventori, dan sekuriti boleh pasar.

aset tak ketara (*intangible asset*) Aset yang tidak mempunyai kewujudan

aset tetap

fizikal. Aset ini memberi hak kepada pemiliknya untuk menerima bayaran tunai atau faedah lain, seperti hak untuk menjalankan perniagaan. Misalnya, paten, hak cipta, muhibbah, dan jenama.

aset tetap (*fixed asset*) Aset yang sukar ditukarkan kepada tunai. Aset tetap terdiri daripada aset tetap ketara seperti bangunan, tanah, mesin, dan pelaburan jangka panjang; dan aset tetap tak ketara seperti paten, hak cipta, dan tanda perdagangan.

asurans (*assurance*) Perlindungan bagi sebarang kemungkinan kerugian akibat peristiwa yang pasti berlaku seperti kematian. Asurans juga dikenali sebagai insurans nyawa.

audit (*audit*) Pemeriksaan penyata kewangan organisasi seperti firma atau pertubuhan sosial oleh juruaudit untuk menentukan sama ada penyata telah diuruskan dengan cara yang betul.

autarki (*autarchy*) Keadaan mampu diri dari segi ekonomi, tanpa bergantung pada negara lain. Dalam konteks perdagangan antarabangsa, autarki bermaksud tidak berdagang dengan negara lain.

automasi (*automation*) Penggunaan alat mekanik dan elektronik yang maju, seperti komputer, mesin kira, mesin pendua, dan robot, yang boleh membantu mempercepat proses sesuatu pengeluaran. Automasi meningkatkan daya pengeluaran dan mungkin mengurangkan penggunaan tenaga manusia. Automasi merupakan kesan daripada kemajuan teknologi.

autoriti kewangan (*monetary authority*) Agensi yang fungsi utamanya ialah menggubal dan melaksanakan dasar kewangan melalui kawalan terhadap penawaran wang atau kadar bunga. Antara fungsi lain autoriti tersebut ialah mencetak wang, menjadi penasihat kewangan kepada kerajaan, dan menguruskan hutang negara. *Lihat juga* dasar kewangan.

ayunan ke bawah (*downward swing*) Keadaan kitaran perdagangan apabila aktiviti perniagaan dan perdagangan lembap, harga sedang mengalami kejatuhan, dan kadar pengangguran sedang meningkat. Misalnya, di Malaysia ayunan ke bawah berlaku pada akhir tahun 1970-an hingga pertengahan tahun 1980-an. *Sinonim* fasa ke bawah. *Lihat juga* kitaran perdagangan.

B

bahan mentah (*raw material*) Bahan asli untuk proses pengeluaran atau bahan perkilangan separuh proses yang diperlukan untuk proses perkilangan selanjutnya. Bahan mentah boleh dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu bahan yang boleh digunakan secara terus, seperti buah kelapa sawit untuk pengeluaran minyak kelapa sawit, bahan mentah yang perlu diubahsuai secara tak langsung seperti kayu balak yang perlu dipotong untuk pengeluaran perabot, dan bahan mentah yang perlu diubah bentuk melalui proses perkilangan yang kompleks seperti bahan petroleum untuk menghasilkan keluaran petrokimia.

banci (*census*) Proses pengumpulan data yang melibatkan semua unsur dalam populasi yang ditentukan dalam kajian. Misalnya, banci penduduk yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang jumlah bilangan mengikut jantina, umur, kaum, dan daerah.

bandar satelit (*satellite town*) Bandar kecil yang diwujudkan berhampiran dengan bandar lain yang lebih besar, yang menyebabkan pertumbuhan bandar tersebut bergantung pada pertumbuhan bandar yang lebih besar tersebut.

bank (*bank*) Institusi kewangan yang menjalankan urusan niaga seperti menerima simpanan, memberi pinjaman, menjalankan perniagaan bil pertukaran, membuat pelaburan ekuiti, dan menjalankan dasar kewangan kerajaan. Bank dikelaskan mengikut fungsi utamanya seperti bank pusat, bank perdagangan, bank saudagar, dan bank simpanan.

bank diskaun (*bank of discount*) Bank yang menjalankan aktiviti pendiskaunan bil pertukaran dan nota janji.

bank konsortium (*consortium bank*) Sekumpulan bank yang biasanya bertaraf antarabangsa, yang ditubuhkan untuk memberi pinjaman jangka masa sederhana dalam jumlah yang besar bagi keperluan pelanggan antarabangsa.

bank penerimaan (*acceptance bank*) Lihat gedung penerimaan.

bank perdagangan (*commercial bank*) Institusi pengantara kewangan yang

bank pertanian

ciri utamanya menawarkan akaun semasa, di samping menjalankan fungsi-fungsi umum bank.

bank pertanian (*agricultural bank*) Bank yang fungsi utamanya memberi pinjaman kepada petani, nelayan, dan penternak untuk menjalankan perusahaan pertanian. Bank ini beroperasi seperti bank pinjaman, tetapi pinjaman diberi dengan kadar bunga yang lebih rendah daripada kadar bunga pasaran dan dengan syarat yang longgar.

bank saudagar (*merchant bank*) Bank yang fungsi utamanya mengendalikan pembiayaan urus niaga antara saudagar atau syarikat, terutamanya urus niaga antarabangsa. Kegiatan utamanya adalah menerima dan menjelaskan bil-bil pertukaran. Bank saudagar tidak menerima deposit akaun semasa daripada orang ramai.

bank simpanan (*savings bank*) Bank yang fungsi utamanya menerima deposit daripada orang ramai dan menguruskan simpanan yang kecil jumlahnya. Misalnya, Bank Simpanan Nasional.

bank tanah (*land bank*) Pusat pengumpulan maklumat tentang tanah seperti keluasan, penggunaan, dan hak milik tanah. Maklumat ini penting untuk tujuan perancangan dan penggunaan tanah pada masa akan datang.

bantuan asing (*foreign aid*) Bantuan dalam bentuk modal kewangan atau teknikal daripada sebuah negara kepada negara lain. Bantuan asing biasanya diberi oleh negara maju kepada negara membangun dengan tujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup negara tersebut. Bantuan asing secara umumnya terbahagi kepada dua bentuk, iaitu bantuan dua hala yang diberikan secara langsung oleh sesebuah negara kepada sesebuah negara lain, dan bantuan berbilang hala yang diberikan kepada institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Tabung Kewangan Antarabangsa, dan Bank Pembangunan Islam. Institusi kewangan antarabangsa yang menerima bantuan ini akan mengagihkannya kepada negara-negara penerima.

bantuan pengangguran (*unemployment benefit*) Bantuan kewangan yang diberi kepada penganggur sama ada yang belum pernah bekerja atau yang diberhentikan. Bantuan pengangguran ini merupakan satu bentuk bayaran pindahahan. Tujuannya adalah untuk memastikan pendapatan pengangguran tidak berada di bawah paras cukup hidup. *Sinonim* pampasan pengangguran.

barang (*goods*) Benda yang ada permintaan dan dapat memberi faedah kepada pengguna. Bagaimanapun, ada juga ahli ekonomi yang beranggapan bahawa istilah barang mencakupi benda dan perkhidmatan.

barang akhir (*final goods*) Barang yang dikeluarkan untuk penggunaan unit ekonomi dengan tujuan mendapat utiliti atau kepuasan, bukan untuk tujuan mengeluarkan barang-barang lain. Misalnya, roti dan kereta, yang penggunaannya bertujuan untuk mendapatkan kepuasan. *Lihat* barang perantaraan.

barang atasan (*superior goods*) *Lihat* barang normal.

barang awam (*public goods*) Barang atau perkhidmatan yang sifatnya boleh digunakan secara bersama. Penggunaan seorang individu terhadap barang itu tidak menjejaskan penggunaan individu lain. Sekiranya barang awam dikeluarkan untuk seorang individu, kos untuk mengeluarkan barang yang sama untuk individu lain adalah sifar. Misalnya, padang permainan awam, hutan lipur, jalan raya, perkhidmatan radio dan televisyen, perkhidmatan polis dan ketenteraan, dan perkhidmatan kesihatan masyarakat.

barang bawahan (*inferior goods*) Barang yang mempunyai keanjalan pendapatan yang negatif, iaitu kuantiti yang diminta berkurang apabila pendapatan pengguna bertambah, *ceteris paribus*.

barang bukan dagangan (*nontraded goods*) Barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara untuk pasaran dalam negeri dan bukan untuk pasaran antarabangsa. Kos pengangkutan yang tinggi dan sekatan perdagangan mungkin merupakan antara faktor yang menyebabkan barangan tidak dapat diperdagangkan ke luar negeri. *Sinonim* barangan bukan dagangan, komoditi bukan dagangan.

barang ekonomi (*economic goods*) Barang yang ada permintaan, mempunyai harga, berciri penawaran yang terhad, dan melibatkan proses pengeluaran. Misalnya, kereta dan pakaian yang diproses untuk kegunaan awam. Barang-barang seperti udara dan sinaran matahari tidak dikira barang ekonomi.

barang Giffen (*Giffen goods*) Barang yang permintaannya berkurangan apabila harga turun. Ini kerana apabila harga turun, pendapatan benar pengguna akan meningkat dan sebaliknya. Ini menyebabkan pengguna itu membeli barang lain dan mengurangkan pembelian barang Giffen. Misalnya, beras hancur.

barang ketara (*tangible goods*) Barang yang ada bentuk fizikal, yang dapat dilihat dan dirasa. Misalnya, getah, kelapa sawit, dan timah. Barang ketara terbahagi kepada barang tahan lama, seperti peti sejuk dan kereta, dan barang tak tahan lama, seperti makanan.

barang merit (*merit goods*) Barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan diperuntukkan secara percuma, atau dengan bayaran minimum, kepada setiap rakyat negara itu. Misalnya, perkhidmatan pelajaran, keselamatan awam, dan perubatan.

barang mewah (*luxury goods*) Barang yang mempunyai keanjalan yang lebih daripada satu.

barang modal (*capital goods*) Lihat modal.

barang normal (*normal goods*) Barang yang mempunyai keanjalan pendapatan yang positif, iaitu kuantiti diminta bertambah apabila pendapatan pengguna bertambah, *ceteris paribus*. Barang normal kadangkala dikenali juga sebagai barang atasan.

barang pengganti (*substitute goods*) Barang yang boleh diganti dengan barang lain berdasarkan fungsi barang itu kepada pengguna. Misalnya, teh dan kopi adalah dua barang pengganti yang boleh saling tukar dari

barang penggenap

segi fungsi penggunaannya, iaitu untuk minuman. Permintaan terhadap sesuatu barang akan bertambah jika harga barang penggantinya meningkat kerana pengguna yang rasional akan mengalihkan penggunaannya daripada barang yang mahal harganya kepada barang yang murah harganya. Barang ini mempunyai keanjalan silang yang positif.

barang penggenap (*complementary goods*) Barang yang penggunaannya diperlukan apabila ada barang lain di gunakan. Misalnya, minyak petrol ialah barang penggenap kepada kereta kerana kereta hanya dapat digunakan apabila terdapat penggunaan minyak petrol.

barang perantaraan (*intermediate goods*) Barang yang digunakan sebagai input untuk mengeluarkan barang akhir. Misalnya, tepung gandum untuk membuat roti, dan besi dan keluli untuk membuat kereta. *Lihat juga* barang akhir.

barang percuma (*free goods*) Barang yang ada permintaan, pemasaran yang tidak terhad, serta tidak melibatkan proses pengeluaran. Tiada bayaran yang dikenakan untuk menggunakan barang percuma. Misalnya, udara dan air sungai.

barang perlu (*necessity goods*) Barang yang mempunyai keanjalan pendapatan yang positif yang kurang daripada satu, iaitu kadar pembeliannya tidak bertambah sebanyak kadar pertambahan pendapatan. Barang perlu ialah barang yang penting untuk keperluan kehidupan asas seperti makanan, tempat kediaman, pakaian, dan keperluan perubatan.

barang persendirian (*private goods*) Barang dan perkhidmatan yang hak menggunanya dapat ditentukan secara eksklusif. Apabila barang persendirian digunakan oleh individu atau firma, barang tersebut tidak lagi dapat digunakan oleh individu atau firma yang lain. Misalnya, kereta, rumah, tanah, dan perkhidmatan buruh.

barang tahan lama (*durable goods*) Barang modal ataupun barang pengguna yang mempunyai jangka hayat yang panjang. Misalnya, mesin, bangunan kilang, perabot, kenderaan, dan peralatan rumah.

barang tak diniagakan (*nonmarketed goods*) Barang yang tidak diniagakan di pasaran tetapi ditukar melalui sistem tukar barang, atau diperoleh melalui kegiatan membuat sendiri. Misalnya, khidmat suri rumah dan kegiatan gotong royong.

barang tak tahan lama (*nondurable goods*) Barang modal ataupun barang pengguna yang mempunyai jangka hayat yang pendek. Misalnya, makanan.

barangan (*commodity*) Barang ekonomi, terutamanya yang merujuk barang peringkat pertama seperti getah. Konsep ini merupakan asas untuk mengkaji teori ekonomi tentang permintaan, penawaran, dan harga. *Sinonim* komoditi.

barangan bukan dagangan (*nontraded commodity*) *Lihat* barang bukan dagangan.

barangan utama (*primary commodity*) Barangan yang dikeluarkan melalui kegiatan pertanian atau kegiatan ekstraktif seperti bercucuk tanam,

menangkap ikan, dan melombong. Misalnya, barang makanan, hasil pertanian, dan hasil perlombongan. *Sinonim* komoditi utama.

barisan pemasangan (*assembly line*) Sistem pemasangan barangan yang dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut pengkhususan kerja. Pekerja di setiap peringkat menjalankan tugas masing-masing dan kemudian menyalurkan barang tersebut ke peringkat berikutnya sehingga barang tersebut sampai ke peringkat yang terakhir.

barter (*barter*) Sistem ekonomi yang mengamalkan urus niaga pertukaran barang dengan barang tanpa menggunakan wang. Sistem ini telah diamalkan di zaman manusia belum lagi mencipta wang.

bayaran kebajikan (*welfare payment*) Bantuan kewangan oleh pihak kerajaan kepada orang miskin, terutamanya mereka yang tidak boleh bekerja, atau yang berpendapatan rendah. Bayaran ini mempunyai kesan negatif, kerana ia mungkin mendorong orang supaya tidak bekerja lebih.

bayaran khidmat hutang (*debt servicing*) Bayaran faedah dan pokok ke atas pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan dari sumber dalam dan luar negeri. Bayaran ini merupakan salah satu komponen perbelanjaan pengurusan kerajaan di Malaysia yang telah membuat pinjaman atau hutang untuk membiayai projek pembangunan.

bayaran pendahuluan (*down payment*) Bayaran permulaan yang dibuat sebagai cagaran kepada pembelian ansuran atau sewa beli sesuatu barang. Bayaran pendahuluan biasanya kurang daripada separuh harga barang yang dibeli.

bayaran pindahan (*transfer payment*) Bayaran yang dibuat bukan berasaskan perkhidmatan produktif penerima, yang tidak mendatangkan pulangan dalam bentuk wang kepada pembayarinya. Misalnya, bayaran kebajikan, bayaran pencen, dan bantuan asing. Bayaran ini merupakan salah satu cara mengagihkan semula pendapatan kepada orang miskin.

bayaran tangguh serah (*backwardation*) Bayaran yang dibuat oleh pespekulasi kepada pembeli kerana gagal menyerahkan saham atau komoditi pada tarikh yang ditetapkan. Di bursa komoditi, bayaran tangguh serah merupakan perbezaan antara harga semerta dengan harga ke depan iaitu harga belian komoditi tersebut. *Lihat juga* harga semerta, pasaran ke depan.

beban berlebihan (*excess burden*) Tambahan beban cukai yang ditanggung oleh unit-unit ekonomi akibat daripada pelaksanaan cukai yang tidak optimum atau tidak cekap. Cukai yang tidak cekap ini ialah cukai yang mengherotkan harga relatif. Ini bererti cukai tersebut menimbulkan kesan penggantian dan kesan pendapatan, manakala cukai optimum hanya menimbulkan kesan pendapatan sahaja kerana cukai optimum tidak mengherotkan harga relatif.

beban cukai (*tax burden*) Jumlah tanggungan cukai yang terakhir yang perlu dibayar oleh penanggung sebenar. Beban cukai tidak semestinya ditanggung oleh pembayar cukai yang asal, tetapi boleh dipindahkan kepada orang lain. Misalnya, beban cukai pendapatan yang ditanggung sepenuhnya oleh pembayar berbeza dengan cukai eksais yang pada mulanya dibayar oleh

belanjaan

pengeluar, tetapi dapat dipindahkan sebahagiannya atau sepenuhnya kepada pengguna.

belanjaan (*budget*) Penyata hasil dan perbelanjaan yang dirancang oleh individu, kumpulan, organisasi, atau kerajaan bagi suatu jangka masa tertentu yang biasanya satu tahun. Misalnya, belanjaan tahunan kerajaan.

belanjaan defisit (*deficit budget*) Dasar belanjaan kerajaan yang jumlah perbelanjaannya melebihi jumlah hasil bagi satu tahun fiskal. Keadaan ini berlaku apabila kerajaan mengurangkan cukai atau meningkatkan perbelanjaan, atau kedua-duanya sekali. Defisit tersebut biasanya dibiayai melalui pinjaman. *Sinonim* belanjaan kurangan.

belanjaan kurangan (*deficit budget*) *Lihat* belanjaan defisit.

belanjaan lebihan (*surplus budget*) Dasar belanjaan kerajaan yang jumlah hasilnya melebihi jumlah perbelanjaan bagi satu tahun fiskal. Belanjaan ini mungkin dicapai dengan mengurangkan perbelanjaan kerajaan atau menaikkan cukai, atau kedua-duanya sekali.

belanjaan terimbang (*balanced budget*) Belanjaan kerajaan yang jumlah hasilnya sama dengan jumlah perbelanjaannya bagi sesuatu jangka masa, biasanya bagi satu tahun fiskal. Keadaan ini merupakan suatu yang unggul dan menjadi asas kepada dasar fiskal yang teguh serta dapat mengekalkan kepercayaan perniagaan.

bias penjimatan buruh (*labour-saving bias*) Proses pembangunan ekonomi yang cenderung menggunakan lebih banyak modal daripada buruh. Proses ini selalunya berpunca daripada penggunaan teknik penjimatan buruh yang diimport dari negara maju.

bil bank (*bank bill*) Bil pertukaran yang dikeluarkan oleh sesuatu bank yang mengandungi arahan kepada bank lain untuk membuat pembayaran kepada penerima. *Sinonim* penerimaan bank.

bil perbendaharaan (*treasury bill*) Bon jangka pendek yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk meminjam daripada bank perdagangan atau orang perseorangan bagi memenuhi keperluan kewangan pada masa tertentu. Kegiatan bank pusat menjual dan membeli bon ini dalam pasaran terbuka mempengaruhi stok wang edaran. *Lihat juga* operasi pasaran terbuka.

bil perdagangan (*trade bill*) Bil pertukaran yang digunakan dalam proses jual beli barang yang mempunyai tempoh matang yang pendek. Bil ini penting dalam perdagangan antarabangsa.

bil pertukaran (*bill of exchange*) Dokumen yang boleh diniagakan yang mengandungi arahan kepada pihak ketiga, seperti bank, untuk membayar sejumlah wang pada suatu tarikh yang ditetapkan atau atas permintaan.

bocoran (*leakage*) 1. Aliran keluar perbelanjaan daripada aliran pusingan pendapatan sesebuah ekonomi yang mengurangkan tingkat pendapatan negara. Misalnya, import mengurangkan perbelanjaan keluaran dalam negeri, manakala cukai dan tabungan mengurangkan perbelanjaan penggunaan. 2. Aliran keluar dana kewangan daripada sistem bank yang boleh mengurangkan perkembangan stok wang. Misalnya, apabila orang

ramai lebih gemar memegang wang tunai daripada menyimpannya sebagai deposit bank.

bon (*bond*) Surat tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan yang menjanjikan bayaran pokok dan bunga pada kadar tertentu pada suatu tarikh yang ditetapkan. Misalnya, bon pinjaman dan bon kerajaan.

bon anuiti (*annuity bond*) Lihat konsol.

bon cagamas (*cagamas bond*) Bon yang dikeluarkan oleh Perbadanan Cagaran Malaysia (Cagamas) Berhad yang bertujuan mewujudkan pasaran peringkat kedua bagi pinjaman bercagar utama, terutama pinjaman perumahan. Cagamas Berhad bertindak sebagai pengantara antara pemberi pinjaman utama dan pelabur, iaitu dengan membeli pinjaman perumahan yang belum terjual daripada bank atau institusi kewangan, dan pada masa yang sama menerbitkan bon cagamas untuk dijual kepada orang ramai untuk membiayai pembelian tersebut.

bon kekal (*perpetual bond*) Lihat konsol.

bon kerajaan (*government bond*) Lihat sekuriti kerajaan.

bon pendanaan semula (*refunding bond*) Bon baru yang dikeluarkan untuk mendapatkan dana bagi menebus hutang lama.

borjuis (*bourgeois*) Satu kelas pertengahan masyarakat yang terlibat dalam industri yang mengikut Karl Marx, menjadi penindas kepada kelas pekerja (proletariat). Mereka termasuk pedagang, jurubank, pelabur utama, dan usahawan di sektor industri. Golongan ini memainkan peranan penting semasa revolusi industri di Eropah Barat.

bunga (*interest*) Bayaran terhadap kredit atau dana yang dipinjam, biasanya dinyatakan sebagai peratusan kepada jumlah yang dipinjam.

bursa komoditi (*commodity exchange*) Institusi yang melaksanakan kontrak pembelian dan penjualan komoditi, dan menentukan peraturan secara semerta, atau terutamanya secara ke depan. Kontrak pembelian dan penjualan ini menentukan harga, jumlah, mutu, dan syarat-syarat penyerahan komoditi tersebut. *Lihat juga* pasaran ke depan, pasaran semerta.

buruh (*labour*) Tenaga manusia yang digunakan dalam proses pengeluaran, tetapi tidak termasuk tenaga pengurusan dalam bentuk fizikal atau mental. Buruh bersifat kuantitatif dari segi tenaga dan masa, dan bersifat kualitatif dari segi kepintaran dan kemahiran.

buruh mahir (*skilled labour*) Buruh yang mempunyai kepakaran khusus yang diperoleh daripada latihan profesional dalam bidang tertentu. Misalnya, jurutera, juruterbang, dan arkitek.

buruh separuh mahir (*semi-skilled labour*) Buruh yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu yang diperoleh daripada pengalaman bekerja dan/atau latihan separuh profesional. Buruh separuh mahir berbeza daripada buruh mahir dari segi kepakaran, iaitu kepakaran yang dimiliki tidaklah begitu khusus dan memerlukan proses pembelajaran atau latihan yang lebih

buruh tak produktif

rumit dan yang lebih lama memakan masa. Misalnya, mekanik kereta, juruteknik, dan jurukimpal.

buruh tak produktif (*unproductive labour*) Buruh yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran barang-barang ketara. Mengikut Adam Smith, buruh tak produktif termasuk buruh yang terlibat dalam perkhidmatan seperti tentera, pekerja gereja, peguam, pelukis, kerani dan pentadbir. Pengelasan Adam Smith ini tidak berasas kerana perkhidmatan juga merupakan barang ekonomi dalam bentuk output tak ketara, tetapi mengikut pendapat mutakhir buruh yang terlibat dalam perkhidmatan dianggap buruh produktif.

C

- cadangan bank** (*bank reserve*) *Lihat* rizab bank.
- cagaran** (*collateral*) Sekuriti yang diberi oleh peminjam sebagai jaminan terhadap pembayaran semula pinjaman yang diperoleh. *Sinonim* sekuriti cagaran.
- cair sendiri** (*self-liquidating*) Pinjaman pelaburan atau bil pertukaran yang mempunyai risiko yang rendah, dan yang berkeupayaan untuk menyelesaikan bayaran pinjaman daripada hasil yang diperoleh daripada pelaburan atau penjualan bil pertukaran tersebut.
- caj bank** (*bank charge*) Bayaran yang dikenakan oleh bank kepada pelanggan atas perkhidmatan yang diberikan. Misalnya, bayaran terhadap pengurusan akaun semasa dan pengurusan pemindahan wang.
- cap dagang** (*trademark*) *Lihat* tanda perdagangan.
- catatan bergu** (*double entry*) Kaedah mencatat setiap urus niaga kepada dua bahagian dalam akaun, iaitu debit dan kredit. Misalnya, catatan ini digunakan untuk merekodkan urus niaga dalam imbangan pembayaran, iaitu apabila sesebuah negara mengeksport sesuatu barang; bahagian debit mencatatkan penerimaan bayaran nilai eksport, manakala bahagian kredit mencatatkan nilai barang berkenaan.
- cek** (*cheque*) Bil pertukaran yang sah yang dikeluarkan oleh bank dan boleh ditukarkan dengan wang tunai. Biasanya, pada cek itu ditulis jumlah nilai wang yang boleh diambil oleh bank daripada akaun semasa pemilik cek untuk diberi kepada penerima cek tersebut.
- cek bank** (*banker's cheque*) *Lihat* draf bank.
- cek berpaling** (*crossed cheque*) *Lihat* akaun penerima sahaja.
- cek kosong** (*blank cheque*) Cek yang dikeluarkan oleh pemilik kepada seseorang atau sesebuah organisasi tanpa menulis jumlah tertentu wang, dengan kepercayaan penerima tersebut akan menulis jumlah wang mengikut urus niaga yang telah dilakukan apabila mengetahui nilai urus niaga tersebut.
- cek lambung** (*bounced cheque*) Cek yang tidak laku atau tidak boleh

cek tak layan

ditukar dengan wang tunai oleh bank kerana wang simpanan pemilik cek tersebut dalam akaun bank tidak mencukupi. *Sinonim* cek tak layan.

cek tak layan (*dishonoured cheque*) *Lihat* cek lambung.

cek terbuka (*open cheque*) Cek yang tidak dipalang, dan boleh ditukar dengan wang tunai tanpa membuka akaun dalam bank. *Lihat juga* cek berpalang.

cengkeram (*deposit*) Sebahagian wang yang pembeli bayar dahulu sebagai tanda setuju membeli barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh penjual. Bayaran sepenuhnya akan dibuat kemudian apabila pembeli ingin mengambil barang tersebut atau ingin mendapatkan perkhidmatan yang dijanjikan.

ceteris paribus (*ceteris paribus*) Frasa Latin yang bermaksud hal atau faktor lain tidak berubah. *Ceteris paribus* ialah andaian penting dalam analisis ekonomi yang menunjukkan kesan perubahan satu atau beberapa pemboleh ubah bebas, sementara pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap. Misalnya, kesan perubahan harga terhadap permintaan sesuatu barang dengan andaian bahawa faktor-faktor lain termasuk pendapatan, adalah tetap.

CIF (*CIF*) *Singkatan* bagi *Cost, Insurance, and Freight* yang membawa maksud bahawa kos, insurans, dan belanja pengangkutan dibayar oleh pengimport sebaik sahaja barang tiba di negara pengimport. Dalam merekodkan urusan niaga import-eksport, data eksport selalunya dicatat FOB dan data import dicatat CIF. Catatan import CIF meliputi kos barang import dan juga perbelanjaan insurans dan kos pengangkutan bagi barang tersebut.

cita rasa (*taste*) Kegemaran pengguna yang merupakan faktor penting yang mempengaruhi pengguna dalam membuat keputusan untuk membeli sesuatu barang. Perubahan cita rasa boleh mengubah kedudukan keluk permintaan.

cukai (*tax*) Bayaran wajib dalam bentuk wang dan bukan wang seperti barang dan perkhidmatan yang dikenakan oleh kerajaan kepada individu dan syarikat. Cukai berperanan untuk mengagihkan semula pendapatan dan kekayaan dan memperuntukkan semula sumber. Hasil cukai adalah sumber utama untuk membiayai perbelanjaan kerajaan.

cukai ad valorem (*ad valorem tax*) Cukai yang dikenakan terhadap barangan berdasarkan peratusan tetap atau mengikut kadar yang dikira atas nilai barangan. Jumlah cukai yang dikenakan berubah-ubah mengikut nilai barangan yang dicukai. Misalnya, cukai harta benda dan duti import.

cukai belian (*purchase tax*) Cukai *ad valorem* yang dikenakan terhadap harga borong barang-barang tertentu yang bukan barang perlu. Cukai belian dibayar oleh pengguna kepada peruncit yang akan membayar cukai kepada kerajaan. Cukai belian ialah sejenis cukai tak langsung.

cukai berdiskriminasi (*discriminatory tax*) Cukai terhadap barang dan perkhidmatan suatu industri tertentu supaya industri lain dapat bersaing

- dengan industri tersebut. Misalnya, cukai yang tinggi dikenakan terhadap kereta import untuk membolehkan industri kereta tempatan berkembang.
- cukai berkadar** (*proportional tax*) Cukai yang kadarnya tidak berubah walaupun nilai asal asas cukai berubah. Dalam cukai berkadar, kadar cukai sut sentiasa sama dengan kadar cukai purata. Misalnya, cukai jualan sebanyak 5% dikenakan terhadap jumlah jualan tanpa mengira jumlah jualan tersebut.
- cukai eksais** (*excise tax*) *Lihat* duti eksais.
- cukai eksport** (*export tax*) Cukai yang dikenakan terhadap barang-barang yang dijual ke luar negeri. Contoh barang yang dikenakan cukai eksport oleh kerajaan Malaysia ialah petroleum, kelapa sawit, dan barang-barang tekstil dan elektronik. *Sinonim* duti eksport.
- cukai harta benda** (*property tax*) Cukai yang dikenakan terhadap harta tanah. Misalnya, cukai pintu dan cukai tanah. Bagi bangunan, cukai dikenakan berasaskan nilai semasa dan bagi tanah, cukai dikenakan berasaskan jenis penggunaan tanah.
- cukai import** (*import tax*) *Lihat* tarif.
- cukai jualan** (*sales tax*) Cukai yang dikenakan terhadap jualan barang dan perkhidmatan. Cukai ini berasaskan hasil jualan syarikat atau berasaskan perbelanjaan isi rumah terhadap barang dan perkhidmatan kena cukai.
- cukai kepala** (*poll tax*) Cukai yang dikenakan terhadap penduduk sesebuah negara mengikut jumlah tertentu. Di Malaysia, cukai kepala pernah diamalkan di Kelantan oleh pemerintah British pada tahun 1909. Kadar cukai kepala yang dikenakan ialah RM1.00 seorang bagi orang Melayu, dan RM3.00 seorang bagi orang Cina.
- cukai korporat** (*corporate tax*) *Lihat* cukai syarikat.
- cukai langsung** (*direct tax*) Cukai yang dibayar terus oleh pembayar cukai kepada kerajaan. Misalnya, cukai pendapatan, cukai keuntungan, dan cukai harta. Beban cukai langsung tidak boleh dipindahkan kepada orang lain.
- cukai nilai ditambah** (*value-added tax*) Cukai yang dikenakan terhadap tambahan nilai sesuatu barang yang berlaku dalam proses pengeluaran. Cukai nilai ditambah dikenakan pada tiap-tiap peringkat pengeluaran dan penderaan. Jika kadar cukai adalah malar pada tiap-tiap peringkat, maka jumlah cukai yang dikutip adalah sama dengan cukai jualan pada output akhir.
- cukai pendapatan** (*income tax*) Cukai yang dikenakan terhadap pendapatan perseorangan dan pendapatan atau untung syarikat. *Lihat juga* cukai pendapatan perseorangan dan cukai syarikat.
- cukai pendapatan negatif** (*negative income tax*) Program berbentuk bayaran pindahan daripada kerajaan atau dikenakan ‘cukai negatif’ kepada keluarga yang pendapatannya kurang daripada tingkat pendapatan tertentu, biasanya di bawah garis kemiskinan. Program ini bertujuan menjamin keluarga berkenaan berada di atas garis kemiskinan.

cukai pendapatan perseorangan

cukai pendapatan perseorangan (*personal income tax*) Cukai yang dikenakan terhadap pendapatan yang diterima oleh individu atau isi rumah, iaitu termasuk gaji dan upah, dan pendapatan daripada harta seperti sewa, dividen, atau bunga. Pendapatan boleh cukai ialah jumlah semua pendapatan tersebut setelah diambil kira potongan tertentu yang dibenarkan. Jumlah cukai yang dibayar bergantung pada kadar cukai dan pendapatan boleh cukai. Di Malaysia, kadar cukai pendapatan adalah progresif supaya golongan berpendapatan tinggi membayar cukai pada kadar yang lebih tinggi daripada golongan berpendapatan rendah.

cukai pendapatan progresif (*progressive income tax*) Lihat cukai progresif.

cukai pendapatan regresif (*regressive income tax*) Lihat cukai regresif.

cukai penggunaan (*consumption tax*) Cukai yang dikenakan terhadap jumlah barang dan perkhidmatan yang dibelanjakan oleh pengguna. Jumlah cukai yang dibayar berbeza mengikut perbelanjaan pengguna. Sebenarnya cukai yang dikenakan terhadap pengeluaran boleh dipindahkan kepada pengguna dengan menaikkan harga barang. Cukai penggunaan berbentuk regresif.

cukai progresif (*progressive tax*) Cukai yang kadar puratanya, iaitu jumlah cukai per jumlah pendapatan, semakin tinggi apabila semakin tinggi pendapatan seseorang. Cukai progresif bertujuan supaya beban cukai lebih ditanggung oleh golongan berpendapatan tinggi. *Sinonim* cukai pendapatan progresif.

cukai regresif (*regressive tax*) Cukai yang kadar puratanya, iaitu jumlah cukai per jumlah pendapatan, semakin rendah apabila semakin tinggi pendapatan seseorang. Misalnya, golongan berpendapatan rendah membayar cukai jualan pada kadar yang sama seperti golongan berpendapatan tinggi apabila membeli sesuatu barang.

cukai sekaligus (*lump-sum tax*) Cukai yang dikenakan tanpa dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi. Cukai ini juga tidak mempunyai asas percukaian yang umum. Misalnya, cukai kepala. *Lihat juga* cukai kepala.

cukai syarikat (*corporate tax*) Cukai yang dikenakan terhadap keuntungan syarikat atau perbadanan perniagaan selepas ditolak kos operasi, bayaran bunga, dan elaun susut nilai modal. *Sinonim* cukai korporat.

cukai tak langsung (*indirect tax*) Cukai yang dibayar dalam bentuk penambahan kepada barang dan perkhidmatan. Misalnya, cukai jualan, cukai eksais, cukai import, dan cukai eksport. Beban cukai tak langsung yang tujuan asalnya dikenakan kepada penjual barang, tetapi boleh dipindahkan kepada pembeli kerana kutipan cukai ini berasaskan barang yang dijual.

cukai tersembunyi (*hidden tax*) Cukai tak langsung yang dipindahkan kepada pengguna dengan menambahkan harga barang yang dijual, tanpa pengetahuan pengguna. Misalnya, duti yang dikenakan terhadap petroleum yang diimport.

cukai untung berlebihan (*excess profit tax*) Cukai yang dikenakan terhadap untung syarikat yang melebihi satu tingkat yang dianggap normal.

cukai warisan (*inheritance tax*) Cukai terhadap individu yang menerima harta pusaka. Kadar cukai warisan secara am adalah progresif dan kadar ini juga bertambah apabila pertalian antara waris-waris yang berhak dengan simati semakin jauh. Selalunya pengecualian yang munasabah kepada cukai ini juga diberi kerana alasan utama cukai ini digunakan ialah berdasarkan prinsip kemampuan membayar.

D

dagangan balas (*countertrade*) Bentuk perdagangan antarabangsa yang mensyaratkan sesebuah negara mengeksport mengimbangi semua atau sebahagian daripada nilai eksportnya dengan mengimport barang-barang dari negara pengimport.

dana (*fund*) Stok wang yang disimpan untuk tujuan tertentu seperti untuk tujuan pembayaran pencen, menolong orang miskin, keperluan semasa kecemasan, dan tujuan awasan.

dana boleh pinjam (*loanable fund*) Dana yang ditawarkan ke pasaran wang untuk dipinjam. Dua sumber yang menyumbangkan kepada dana pinjaman, iaitu bank perdagangan, dan penabung yang terdiri daripada individu, syarikat, dan kerajaan. Individu menabung sebahagian daripada pendapatan boleh guna, syarikat menabung elaun susut nilai dan sebahagian daripada perolehan tersimpan, sementara kerajaan menabung lebihan hasil cukai. Tabungan dianggap dana pinjaman hanya apabila tabungan itu ditawarkan untuk dipinjam, sama ada secara langsung kepada peminjam atau melalui pengantara kewangan seperti bank.

dana perlindungan (*hedge fund*) Dana yang dikumpulkan untuk pelaburan oleh rakan kongsi terhad. Dana ini pula akan diuruskan oleh rakan kongsi umum yang boleh berkongsi keuntungan yang didapati daripada pelaburan rakan kongsi terhad itu. Tidak seperti pelaburan syarikat, dana perlindungan boleh memperoleh leveraj dengan meminjam wang dari bank dan boleh melalui pembelian sekuriti untuk jangka masa pendek.

dana pusingan (*revolving fund*) Stok wang yang dikumpulkan khas untuk tujuan pinjaman perniagaan. Dana pusingan akan diisi semula oleh pembayaran semula pinjaman. Dengan itu, wang yang terkumpul boleh dipinjam lagi kepada orang lain atau kepada orang yang sama juga. Oleh itu, dana yang ada sentiasa keluar masuk.

dana terikat (*sinking fund*) Dana yang diperuntukkan untuk pembayaran semula hutang seperti penjelasan bon, sama ada secara ansuran atau

sekali gus pada tarikh matang hutang itu atau untuk elaun susut nilai. Sementara menunggu kematangan hutang, tunai dari dana ini boleh juga dilaburkan di pasaran wang.

dasar fiskal (*fiscal policy*) Dasar kerajaan untuk mempengaruhi kegiatan ekonomi dan seterusnya pertumbuhan ekonomi melalui perubahan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai. Umumnya, kerajaan akan menambahkan perbelanjaannya dan menurunkan kadar cukai untuk mengatasi masalah deflasi atau kemelesetan ekonomi. Sebaliknya, kerajaan akan mengurangkan perbelanjaannya dan menaikkan kadar cukai untuk mengatasi inflasi.

dasar kewangan (*monetary policy*) Dasar kerajaan yang bertujuan untuk mencapai kestabilan guna tenaga dan harga, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan pembayaran, dengan mengawal penawaran wang, kadar bunga, dan keadaan kredit. Alat dasar kewangan utama ialah nisbah rizab wajib, kadar diskaun, operasi pasaran terbuka, dan penetapan kadar bunga.

dasar makroekonomi (*macroeconomic policy*) Dasar ekonomi yang mempengaruhi agregat ekonomi yang bertujuan antara lain untuk mencapai guna tenaga penuh, menentukan tingkat harga umum yang stabil, mencapai tingkat pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dan menstabilkan nilai mata wang negara. Pelaksanaan dasar makroekonomi melibatkan kegiatan pihak berkuasa seperti perbendaharaan atau bank pusat, memilih alat atau pemboleh ubah yang sesuai, dan menentukan tingkat pemboleh ubah yang berpatutan supaya boleh mempengaruhi pemboleh ubah sasaran mencapai tingkat yang bersesuaian dengan matlamat ekonomi yang dikehendaki.

dasar memapakan jiran (*beggar-thy-neighbour policy*) Program bertujuan meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri dengan mengenakan kuota atau tarif untuk menyekat import sehingga boleh menjejaskan sektor eksport negara lain. Negara yang menghadapi masalah pengangguran boleh menyekat import untuk meningkatkan permintaan terhadap keluaran dalam negeri dan seterusnya menambah peluang pekerjaan. Kesan tindakan tersebut ialah seolah-olah negara itu mengeksport pengangguran ke negara lain. Dasar ini sering diikuti oleh tindakan ketimbalbalikan oleh negara lain.

dasar mikroekonomi (*microeconomic policy*) Dasar ekonomi yang menggunakan teori mikroekonomi sebagai panduan yang bertujuan untuk mencapai peruntukan sumber yang optimum. Dasar mikroekonomi perlu dalam keadaan tertentu apabila terdapat kegagalan pasaran, atau apabila barang-barang atau perkhidmatan tidak dapat diperuntukkan mengikut mekanisme pasaran. Alat dasar yang sering digunakan ialah cukai atau subsidi.

dasar pembangunan melihat keluar (*outward-looking development policy*)

dasar pendapatan

Dasar pembangunan ekonomi yang menggalakkan perdagangan bebas, pergerakan bebas faktor-faktor pengeluaran, dan kemasukan pelaburan asing.

dasar pendapatan (*income policy*) Dasar kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi, terutama inflasi melalui kawalan langsung ke atas harga dan mengadakan garis panduan kenaikan upah mengikut kadar daya pengeluaran pekerja. Ini bererti, kenaikan upah pekerja dibenarkan apabila daya pengeluaran pekerja bertambah. Dengan cara ini, masalah inflasi tolakan kos dapat dibendung.

dasar pendapatan asas cukai (*tax-based income policy*) Dasar pendapatan yang menyediakan insentif cukai kepada pihak pengurusan dan pekerja yang mematuhi garis panduan upah dan harga yang dibentuk oleh kerajaan. Mengikut dasar ini, kenaikan upah dan harga yang melebihi kadar yang dinyatakan dalam garis panduan akan dikenakan cukai dengan kadar yang tinggi. Oleh itu, firma dan kesatuan sekerja masing-masing, tidak mempunyai insentif untuk menuntut kenaikan harga dan upah yang berlebihan.

dasar pertanian (*agricultural policy*) Dasar pembangunan sektor pertanian yang meliputi pembaikan institusi dan struktur pertanian seperti corak milik tanah, kredit, pengeluaran, pemasaran, dan sokongan pertanian. Dasar ini bertujuan untuk menstabilkan harga keluaran pertanian dan meningkatkan pendapatan petani. Dasar ini melibatkan perencanaan dan peruntukan pembangunan untuk sektor pertanian, pelaksanaan projek-projek pertanian, sokongan, dan pengawalan.

dasar tenaga manusia (*manpower policy*) Dasar yang bertujuan untuk menyediakan buruh dengan bilangan yang mencukupi dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan pembangunan sesebuah negara. Dasar ini melibatkan tiga aspek, iaitu penawaran buruh, permintaan buruh, dan pewujudan tenaga buruh. Dalam pelaksanaannya, dasar ini menitikberatkan latihan untuk meningkatkan kualiti buruh supaya seimbang dengan permintaan buruh dan pelajaran, bersesuaian dengan peningkatan kualiti tenaga manusia.

dasar wilayah (*regional policy*) Dasar ekonomi yang bertujuan untuk mengubah corak pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah. Dasar ini perlu mengambil kira dasar ekonomi dan keadaan fizikal wilayah tersebut. Biasanya dasar ini menitikberatkan pembangunan wilayah yang mundur untuk mengurangkan jurang antara wilayah.

data sekunder (*secondary data*) Data yang diperoleh daripada sumber yang telah dikumpulkan oleh pihak tertentu. Data ini mungkin telah diubahsuai atau diselaraskan. Misalnya, data yang diperoleh daripada bahan-bahan terbitan Jabatan Perangkaan Negara, Bank Negara, dan Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan.

- data utama** (*primary data*) Data yang diperoleh melalui banci atau soal selidik.
- daya pasaran** (*market forces*) Faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran sesuatu barangan yang seterusnya mempengaruhi tingkat harga dan kuantiti keseimbangan. Umumnya, apabila permintaan pasaran lebih besar daripada penawaran pasaran maka harga akan cenderung naik dan kuantiti akan cenderung bertambah. Keadaan sebaliknya akan berlaku apabila penawaran pasaran melebihi permintaan pasaran.
- daya pengeluaran** (*productivity*) Output maksimum yang boleh dikeluarkan dengan mengubah kuantiti sesuatu input pada suatu tingkat teknologi dengan kuantiti input lain dianggap tetap. Daya pengeluaran diukur dalam nilai ringgit. Ini berbeza dengan daya pengeluaran fizikal yang diukur dalam unit keluaran.
- daya pengeluaran fizikal** (*physical productivity*) Lihat daya pengeluaran.
- daya pengeluaran sut** (*marginal productivity*) Tambahan unit atau nilai output yang boleh dikeluarkan dengan menambah penggunaan satu unit faktor pengeluaran, *ceteris paribus*. Misalnya, sebuah kilang dengan 7 orang buruh boleh mengeluarkan 100 unit payung. Dengan 8 orang buruh, pengeluaran menjadi 110 unit. Daya pengeluaran sut buruh ke 8 ialah 10 unit. Lihat juga keluaran sut.
- daya pengeluaran sut berkurangan** (*diminishing marginal productivity*) Daya pengeluaran sut yang makin berkurangan apabila bilangan input berubah terus ditambah kepada satu input tetap. Lihat juga daya pengeluaran sut dan hukum pulangan berkurangan.
- debentur** (*debenture*) Modal pinjaman yang dibuat oleh sesebuah syarikat perniagaan untuk menambah modal pusingan perniagaan. Debentur ini akan dibayar faedah, tetapi tidak boleh menerima dividen syarikat tersebut. Debentur juga diterbitkan oleh syarikat awam yang dapat diniagakan di Bursa Saham. Ia berbeza daripada saham yang juga merupakan pinjaman syarikat tetapi dibayar dividen.
- debit** (*debit*) 1. Catatan di sebelah kiri akaun T. 2. Debit menunjukkan pengeluaran wang simpanan pemilik akaun dalam bank. Dalam akaun imbalan pembayaran, debit menunjukkan pembayaran dibuat kepada negara asing. Lihat juga kredit.
- debit langsung** (*direct debit*) Tindakan bank mendebitkan sesuatu akaun pelanggan atas arahan pelanggan itu sendiri.
- defisit belanjawan** (*budget deficit*) Lihat kurangan belanjawan.
- deflasi** (*deflation*) Keadaan apabila tingkat harga umum jatuh secara berterusan untuk beberapa waktu. Deflasi biasanya dikaitkan dengan penguncupan penawaran wang dan kredit, dan selalunya terjadi semasa penguncupan ekonomi.
- demografi** (*demography*) Ilmu tentang kependudukan yang meliputi arah aliran kadar kelahiran, kadar kematian, taburan umur, serta kesannya terhadap pertumbuhan penduduk. Perubahan yang berlaku pada penduduk

demografi ekonomi

biasanya mempunyai implikasi terhadap ekonomi. Umpamanya kenaikan kadar kelahiran menyebabkan pertambahan saiz tenaga kerja, dan ini boleh mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi. Kaitan antara penduduk dan ekonomi disebut demografi ekonomi.

demografi ekonomi (*economic demography*) Lihat demografi.

deposit akaun semasa (*current account deposit*) Lihat simpanan semasa.

deposit bank (*bank deposit*) 1. Wang yang disimpan dalam bank oleh pelanggan bank. 2. Jumlah wang yang dimiliki oleh bank yang diperoleh dari pelanggan, sama ada diterima sebagai deposit atau dikreditkan ke dalam akaun mereka dalam bentuk faedah atau overdraf. Jumlah wang ini merupakan tuntutan oleh pelanggan dan oleh itu, ia merupakan liabiliti bank.

deposit bermasa (*time deposit*) Lihat deposit tetap.

deposit khas (*special deposit*) Tunai yang mesti disimpan di bank pusat oleh bank dan gedung penjelasan sebagai memenuhi arahan khas autoriti kewangan sesebuah negara. Autoriti kewangan memerlukan deposit khas untuk mengurangkan pinjaman bank kepada pelanggan dengan cara mengurangkan kadar kecairan. Penggunaan deposit khas ini didapati sangat berkesan dalam mempengaruhi keupayaan bank meminjamkan wang kepada pelanggan kerana ia mempengaruhi nisbah tunai secara langsung. Deposit khas ini akan menerima faedah simpanan mengikut kadar faedah bagi bil perbendaharaan semasa.

deposit tetap (*fixed deposit*) Deposit dalam institusi kewangan tertentu seperti bank perdagangan dan bank tabungan yang mempunyai tempoh simpanan tertentu seperti sebulan, tiga bulan, enam bulan, sembilan bulan, dua belas bulan, atau lebih daripada setahun. Deposit minimum yang diperlukan oleh institusi kewangan di Malaysia ialah RM500. Kadar faedah simpanan berbeza mengikut tempoh matang. Jika simpanan hendak dikeluarkan sebelum tempoh matang, faedah simpanan mungkin tidak didapati atau dikira mengikut jangka yang lebih pendek yang memenuhi syarat. *Sinonim* deposit bermasa.

disinflasi (*disinflation*) Proses mengurangkan atau berlakunya pengurangan kadar inflasi yang tinggi. Misalnya, kemelesetan pada awal tahun 1980-an membawa kepada disinflasi pada tempoh tersebut.

diskaun (*discount*) 1. Potongan ke atas harga barang yang dibeli secara tunai. Harga barang tersebut adalah lebih rendah berbanding dengan harga yang dibayar secara ansuran. Diskaun menggalakkan pembelian secara tunai. *Sinonim* diskaun tunai. 2. Perbezaan antara harga pembelian saham atau aset kewangan yang lebih rendah daripada nilai mukanya. 3. Perbezaan antara harga pembelian bil pertukaran pada harga yang lebih rendah daripada nilai mukanya. Diskaun ini bergantung pada tempoh matang belum habis dan risiko yang terlibat dengan pemegangan aset tersebut.

diskaun jurubank (*banker's discount*) Perbezaan antara nilai muka bil

pertukaran atau nota janji, yang dibeli oleh bank daripada pelanggannya dengan jumlah yang dikreditkan ke dalam akaun pelanggan bank tersebut. Perbezaan ini merupakan diskaun yang dipotong oleh bank dan faedah yang dikenakan terhadap tempoh masa pemegang bil pertukaran atau nota janji sebelum bil itu boleh dibayar, dan dicampurkan pula dengan caj yang dikenakan terhadap darjah risiko yang terlibat.

diskaun perdagangan (*trade discount*) Potongan ke atas harga barang yang disenaraikan dalam katalog barang oleh penjual borong atau pembekal kepada peruncit yang dapat membayar hutang lebih cepat daripada tempoh yang ditetapkan. Misalnya, diskaun perdagangan akan diberi jika pembeli boleh membayar dalam tempoh 7 hari bagi suatu pembelian kredit yang diberi tempoh pembayaran selama 30 hari.

diskaun tunai (*cash discount*) Lihat diskaun 1.

diskriminasi harga (*price discrimination*) Pengenaan harga yang berbeza bagi barang yang sama kepada pembeli yang berlainan. Diskriminasi harga selalunya diamalkan oleh firma monopoli apabila terdapat perbezaan keanjalan permintaan antara kumpulan pembeli. Misalnya, kadar bayaran bagi penggunaan elektrik, air, dan perkhidmatan telefon berbeza antara kegunaan kediaman dengan kegunaan perusahaan.

diskriminasi jantina (*sex discrimination*) Layanan kurang baik terhadap pekerja wanita berbanding dengan pekerja lelaki. Misalnya, pembayaran gaji dan upah yang rendah diberi kepada pekerja wanita berbanding dengan pekerja lelaki kerana prasangka terhadap kebolehan, kemahiran, dan kekuatan tenaga fizikal kaum wanita, serta ketiadaan kesatuan sekerja wanita. *Sinonim* diskriminasi wanita.

diskriminasi ras (*racial discrimination*) Layanan kurang baik terhadap ras tertentu yang timbul kerana prasangka terhadap kebolehan, kemahiran, dan keistimewaan hak.

diskriminasi wanita (*women discrimination*) Lihat diskriminasi jantina.

dividen (*dividend*) Bahagian untung perniagaan yang diagihkan kepada pemegang saham. Apabila dividen diisytiharkan, pemegang saham keutamaan akan dibayar dahulu mengikut kadar yang ditetapkan oleh lembaga pengarah. Pemegang saham biasa akan menerima dividen berdasarkan peratusan daripada jumlah saham yang dimiliki.

doktrin bil benar (*real-bill doctrine*) Teori yang mengatakan semua pinjaman perniagaan oleh institusi kewangan perlu bersifat jangka pendek dan cair sendiri. Jumlah kredit yang diberi adalah berdasarkan nilai barang yang sedang diproses. Jika doktrin ini dipatuhi, pembayaran bagi setiap urusan niaga ekonomi akan berkembang atau menguncup mengikut jumlah barang dikeluarkan. Dengan ini pertumbuhan penawaran wang adalah selari dengan pertumbuhan output, dan inflasi dapat dielakkan. *Lihat juga* cair sendiri.

doktrin daya pengeluaran sut (*marginal productivity doctrine*) Lihat teori daya pengeluaran sut.

draf bank (*bank draft*, *banker's draft*) Cek yang boleh dibayar atas

dua nilai

permintaan bank yang mengeluarkan draf bank tersebut. Oleh sebab draf bank ini dikeluarkan oleh bank berkenaan itu sendiri, maka draf bank itu boleh dianggap sebagai wang tunai. Ini kerana jumlah wang yang tercatat pada draf bank dijamin ada dalam simpanan bank. *Sinonim* cek bank.

dua nilai (*double standard*) Lihat kedwilogaman.

dualisme (*dualism*) Kewujudan bersama di satu kawasan ekonomi dua keadaan atau fenomenon yang berlawanan dan saling terpisah daripada kumpulan masyarakat kawasan tersebut. Misalnya, kewujudan kemiskinan dan kemewahan, sektor moden dan sektor tradisional, dan kemajuan dan kemunduran.

dualisme ekonomi (*economic dualism*) Kewujudan dua fenomenon ekonomi dalam sesebuah masyarakat yang jauh berbeza daripada kumpulan yang lain dalam masyarakat tersebut. Misalnya, kewujudan bersama ekonomi moden dan ekonomi tradisi, dan kekayaan dan kemiskinan.

duopoli (*duopoly*) Pasaran persaingan tak sempurna yang mengandungi dua pengeluar atau penjual bagi satu barangan yang bersaing untuk mendapatkan pelanggan melalui persaingan harga dan persaingan bukan harga. Untuk mengelakkan kerugian, pengeluar atau penjual mungkin berkongsi pasaran seperti membahagikan pasaran mengikut kawasan dan berjanji tidak bersaing dalam kawasan masing-masing.

duti berbeza (*differential duty*) Duti import yang mempunyai kadar yang berbeza, bergantung pada negara asal yang mengeluarkan atau mengeksport barang berkenaan. Umpamanya duti import yang dikenakan oleh Malaysia terhadap tekstil yang diimport dari Jepun mungkin berbeza daripada yang dikenakan terhadap tekstil dari Indonesia. *Sinonim* duti berdiskriminasi.

duti berdiskriminasi (*discriminatory duty*) Lihat duti berbeza.

duti eksais (*excise duty*) Cukai yang dikenakan terhadap pembelian sejenis atau sekumpulan barangan tertentu seperti rokok, tembakau, atau minuman keras. Duti eksais berbeza daripada cukai jualan kerana cukai jualan dikenakan terhadap pembelian semua barang kecuali beberapa jenis yang dikecualikan. *Sinonim* cukai eksais.

duti eksport (*export duty*) Lihat cukai eksport.

duti import (*import duty*) Lihat cukai import.

duti kastam (*custom duty*) Lihat tarif.

duti timbal balas (*countervailing duty*) Duti yang dikenakan terhadap barang-barang import yang bertujuan mengimbangi kesan pemberian subsidi terhadap pengeluaran barang-barang tersebut oleh negara pengeksport. *Sinonim* tarif timbal balas.

E

ekonomi (*economics*) 1. Ilmu sains sosial yang mengkaji gelagat atau perlakuan manusia dalam memperuntukkan sumber yang terhad untuk memenuhi keperluan dan kehendak yang tidak terhad, yang bersaing antara satu sama lain. Mengikut P.A. Samuelson, ekonomi merupakan satu kajian tentang bagaimana individu atau masyarakat memilih, sama ada dengan menggunakan wang atau tidak, untuk menggunakan sumber produktif yang terhad, yang mungkin mempunyai alternatif penggunaan, untuk mengeluarkan pelbagai komoditi pada sepanjang masa, dan mengagihkan komoditi itu untuk penggunaan sekarang dan penggunaan masa depan (tabungan), kepada pelbagai manusia dan kumpulan dalam masyarakat. 2. Kegiatan manusia dalam pengeluaran, pengagihan, dan penggunaan barang atau perkhidmatan.

ekonomi barter (*barter economy*) Lihat barter.

ekonomi bidangan (*economies of scale*) Pengurangan kos purata jangka panjang hasil daripada pengeluaran secara besar-besaran. Pengurangan kos ini berpunca daripada pembelian secara pukal, peningkatan daya pengeluaran hasil daripada pembahagian dan pengkhususan kerja, dan penggunaan teknologi dan pengurusan yang cekap.

ekonomi buruh (*labour economics*) Cabang ekonomi yang mengkaji pasaran buruh seperti permintaan dan penawaran buruh, kecekapan buruh, upah, pergerakan pekerja, diskriminasi pekerjaan, dan masalah pengangguran. Cabang ekonomi ini lebih kerap menggunakan teori mikroekonomi.

ekonomi campuran (*mixed economy*) Sistem ekonomi yang sebahagian peruntukan sumbernya dikawal oleh sektor swasta, dan sebahagian lagi oleh sektor awam. Ini bererti sistem ini menggabungkan unsur-unsur sistem ekonomi kapitalis dan sistem ekonomi sosialis. *Sinonim* sistem campuran, sistem ekonomi campuran.

ekonomi dalaman (*internal economy*) Penjimatan kos yang wujud hasil daripada operasi tertentu oleh firma yang hanya boleh dinikmati oleh

ekonomi deskriptif

firma itu sendiri. Misalnya, pembesaran operasi firma boleh mewujudkan ekonomi dalaman menerusi pembahagian dan pengkhususan kerja.

Apabila firma mengalami ekonomi dalaman, keluk kos puratanya menurun.

ekonomi deskriptif (*descriptive economics*) Kaedah pengkajian ekonomi yang menghuraikan fenomena ekonomi seperti perjalanan dan fungsi institusi ekonomi tanpa membuat kesimpulan yang logik tentang sebab dan akibatnya. *Sinonim* ekonomi perihalhan.

ekonomi dinamik (*dynamic economics*) *Lihat* analisis dinamik.

ekonomi gunaan (*applied economics*) Kajian ekonomi yang memberi tumpuan pada penggunaan teori dan prinsip ekonomi untuk menyelesaikan masalah amalan ekonomi. Misalnya, ekonomi pertanian, ekonomi industri, ekonomi pembangunan, dan ekonomi alam sekitar.

ekonomi kantung (*enclave economy*) Kawasan ekonomi di negara membangun yang dicirikan oleh kewujudan bersama satu kawasan yang maju dari segi ekonomi dengan kawasan lain yang lebih besar di sekitarnya yang kurang mengalami sebarang pembangunan. Dalam ekonomi tersebut wujud dualisme. *Lihat juga* dualisme.

ekonomi kebajikan (*welfare economics*) Kajian ekonomi tentang pencapaian matlamat sosio-ekonomi berdasarkan ukuran etika. Penekanan selalunya diberi kepada faedah dan kos sosial di samping faedah dan kos persendirian. Penyelesaian optimum dicapai apabila kebajikan sosial adalah maksimum. Contoh kajian dalam ekonomi kebajikan ialah agihan pendapatan seimbang, kebebasan memilih yang maksimum antara individu, dan taraf hidup yang optimum bagi semua individu yang tertakluk pada sumber dan teknologi yang ada.

ekonomi kecil (*atomistic economy, small economy*) 1. Ekonomi yang mengandungi ramai pengeluar kecil yang bersaing dalam industri pengeluar yang terlalu kecil dan tidak dapat mempengaruhi harga pasaran. Pengeluar terpaksa menerima harga pasaran dan menyelaraskan keluaran mengikut harga tersebut. Ekonomi seperti ini menghampiri model persaingan sempurna. 2. Dalam perdagangan antarabangsa, istilah ini bermaksud sebuah negara yang tidak dapat mempengaruhi harga barang eksport dan import.

ekonomi kewangan (*monetary economics*) Cabang ekonomi yang membincangkan wang dan peranannya dalam ekonomi. Ekonomi kewangan merangkumi kajian tentang pasaran wang, pasaran modal, dan institusi kewangan.

ekonomi Keynes (*Keynesian economics*) Fahaman ekonomi tentang penentuan pendapatan negara dan guna tenaga yang melibatkan komponen sektor benar. Saranan utamanya adalah ekonomi mungkin mencapai keseimbangan walaupun terdapat pengangguran, dan dengan merangsang permintaan agregat, kemelesetan ekonomi dapat dipulihkan. Mengikut fahaman ini, dasar fiskal melalui cukai dan perbelanjaan kerajaan adalah yang paling baik untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi. *Lihat*

juga model Keynes. *Sinonim* sistem Keynes.

ekonomi klasik baru (*new classical economics*) *Lihat* teori jangkaan rasional.

ekonomi kuantitatif (*quantitative economy*) *Lihat* ekonomi matematik.

ekonomi luaran (*external economy*) Penjimatan yang terjadi apabila operasi sesebuah firma atau tindakan seseorang individu boleh menghasilkan manfaat kepada pihak lain tanpa sebarang bayaran dikenakan. Misalnya, firma besar yang menyediakan latihan untuk pekerjaannya akan mewujudkan ekonomi luaran apabila sebahagian pekerja terlatih itu bekerja dengan firma lain.

ekonomi matang (*mature economy*) Ekonomi yang cukup maju, yang sudah sampai ke tahap pertumbuhan terakhir, apabila sektor dalam sudah cukup teguh dan berupaya mengeluarkan barangan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat. Sektor luar dicirikan oleh pelaburan ke luar negeri yang besar. Istilah ini mula digunakan oleh Rostow untuk merujuk tahap pertumbuhan ekonomi yang boleh dicapai oleh sesebuah negara. Kegiatan ekonomi lebih banyak tertumpu pada sektor perkhidmatan dan peningkatan taraf hidup.

ekonomi matematik (*mathematical economics*) Kaedah pengkajian ekonomi yang menggunakan kaedah matematik seperti penggunaan graf dan simbol untuk menganalisis prinsip ekonomi. *Sinonim* ekonomi kuantitatif.

ekonomi neoklasik (*neoclassical economics*) Kajian ekonomi yang menentukan peletakan harga berdasarkan pendekatan utiliti sut dan daya pengeluaran sut dalam pasaran persaingan. Analisis ekonomi neoklasik tertumpu pada gelagat unit-unit individu ekonomi, sama ada pengguna atau firma, dan bagaimana keputusan yang dibuat oleh unit-unit ini mempengaruhi pasaran. Dalam analisis tersebut, pengaruh institusi sama ada dari segi politik atau sosial, selalunya diabaikan. *Lihat juga* mazhab neoklasik.

ekonomi normatif (*normative economics*) Cabang ekonomi yang menggunakan pertimbangan nilai tentang barang dan perkhidmatan yang sepatutnya dikeluarkan supaya memenuhi keperluan masyarakat, bagaimana kaedah pengeluaran sepatutnya dijalankan dengan lebih cekap, dan kepada siapa barang dan perkhidmatan sepatutnya diagihkan supaya perkhidmatan lebih adil dan saksama. Misalnya, ekonomi kebajikan.

ekonomi pasaran (*market economy*) Ekonomi yang bergantung pada kuasa pasaran untuk menyelesaikan masalah utama ekonomi, iaitu apa yang perlu dikeluarkan, bagaimana untuk dikeluarkan, dan untuk siapa dikeluarkan. Kuasa pasaran (permintaan dan penawaran) akan menentukan harga, yang penting sebagai petunjuk tentang jenis barang yang patut dikeluarkan dan yang dibeli, dan juga kaedah penggunaan sumber dan agihan pulangan sumber tersebut. Prasyarat kepada sistem ekonomi ini ialah sumber-sumber ekonomi bebas dimiliki oleh individu, dan

ekonomi pembangunan

pengeluaran dijalankan secara bebas tanpa campur tangan pihak tertentu seperti kerajaan.

ekonomi pembangunan (*development economics*) Cabang ekonomi yang membincangkan masalah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat dan masalah agihan semula pendapatan dan kekayaan negara supaya pemilikannya lebih setara. Ekonomi pembangunan juga membincangkan cara mengatasi masalah pengangguran dan inflasi.

ekonomi pemilikan persendirian (*private ownership economy*) Lihat perusahaan swasta.

ekonomi pengurusan (*managerial economics*) Cabang ekonomi yang menggunakan teori dan prinsip ekonomi, terutamanya mikroekonomi, dalam membuat keputusan perniagaan.

ekonomi perancangan pusat (*central planning economics*) Struktur ekonomi yang penyelesaian masalah asas ekonominya dibuat oleh satu unit pusat perancangan yang terletak di bawah jagaan kerajaan. Ekonomi perancangan pusat diamalkan oleh negara-negara yang berfahaman komunis seperti negara China.

ekonomi perihalan (*descriptive economics*) Lihat ekonomi deskriptif.

ekonomi pertanian (*agricultural economics*) Cabang ekonomi yang menganalisis sektor pertanian terutamanya dalam aspek pengeluaran, pemasaran, penggunaan, dasar, perancangan, pembiayaan, bahan makanan, dan pembangunan pertanian.

ekonomi politik (*political economy*) Cabang ekonomi yang menganalisis kegiatan ekonomi berdasarkan pendekatan politik. Pada masa dahulu, ilmu ekonomi merujuk ekonomi politik.

ekonomi positif (*positive economics*) Cabang ekonomi tentang apa yang sebenarnya terjadi, tanpa melibatkan pertimbangan nilai apabila sesuatu dasar digunakan. Ekonomi ini menganalisis sebab dan akibat sesuatu tindakan ekonomi dengan berpandukan pengamatan dan bukti empirik.

ekonomi sebelah penawaran (*supply-side economy*) Falsafah ekonomi yang mempercayai bahawa peningkatan pengeluaran oleh sektor swasta dapat dicapai dengan mengurangkan cukai dan perbelanjaan. Pengurangan cukai akan menggalakkan pelabur swasta menambahkan pengeluaran melalui penambahan tenaga kerja. Pengurangan cukai juga akan menggalakkan individu dan sektor swasta meningkatkan tabungan dan pelaburan. Peningkatan pengeluaran dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi tanpa mewujudkan inflasi. Fahaman ekonomi yang dipelopori oleh Laffer ini mengurangkan kadar pengangguran, dan ini bertentangan dengan ekonomi sebelah permintaan yang dipelopori oleh Keynes.

ekonomi sebelah permintaan (*demand-side economy*) Falsafah ekonomi yang mempercayai bahawa keseimbangan guna tenaga penuh hanya boleh dicapai dengan mengubah komponen permintaan agregat. Saranan utama fahaman ini menyatakan perlunya dasar fiskal membawa ekonomi

keluar daripada masalah kemelesetan.

ekonomi tak ikut bidangan (*diseconomies of scale*) Peningkatan dalam kos seunit apabila pengeluar menghasilkan keluaran dalam kuantiti yang banyak. Peningkatan ini disebabkan oleh pengeluar mengeluarkan keluaran selepas titik optimum apabila kos sut meningkat dengan setiap pertambahan unit keluaran.

ekonomi tanah (*land economics*) Cabang ekonomi yang berkaitan dengan permintaan dan penawaran tanah, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti hak milik, sewa, pemecahan, dan penggunaan tanah.

ekonomi terarah tradisional (*traditional directed economy*) Cabang ekonomi yang menyelesaikan masalah pengeluaran dan pengedaran mengikut amalan tradisi, iaitu dengan menyerahkan proses pengeluaran dan pengedaran yang dilakukan oleh bapa kepada anak cucu secara warisan. Amalan ini sangat meluas di negara mundur dan di negara sedang membangun. Misalnya, di Malaysia, nelayan dan pembuat batik di Pantai Timur selalunya mewariskan pekerjaan mereka kepada anak masing-masing.

ekonomi terbuka (*open economy*) Ekonomi yang melibatkan perdagangan sebuah negara dengan negara yang lain. Darjah keterbukaan ekonomi bergantung pada saiz perdagangan antarabangsa, berbanding dengan keluaran negara kasar.

ekonomi tertutup (*closed economy*) Ekonomi yang tidak melibatkan perdagangan antarabangsa, iaitu tidak wujud aktiviti import dan eksport barang dan faktor pengeluaran. *Sinonim* sistem tertutup.

ekonomi wilayah (*regional economy*) Kajian ekonomi yang menganalisis pertumbuhan dan pembangunan sesuatu kawasan geografi. Penumpuan selalunya diberi pada penyediaan garis panduan perancangan dan pembangunan wilayah, dan peranan masa depannya dalam ekonomi negara.

eksport (*export*) Penjualan barang dan perkhidmatan ke luar negeri. Barang yang dieksport termasuk barang pengguna, barang modal, dan bahan mentah. Eksport perkhidmatan pula termasuk perkhidmatan perkapalan yang ditawarkan oleh negara tempatan, pelancongan, dan insurans.

eksport bersih (*net export*) Nilai semua barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negeri yang dijual kepada negara asing, dan ditolak nilai semua barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara asing yang dibeli oleh pemastautin tempatan.

eksport nampak (*visible export*) Eksport barang dagangan yang boleh dilihat dan disentuh. Eksport nampak termasuk getah, minyak kelapa sawit, dan komponen barang elektrik dan elektronik.

eksport semula (*reexport*) Urus niaga perdagangan antarabangsa yang melibatkan pembelian komoditi dari satu negara asing, dan penjualan barang yang sama ke negara lain, tanpa perubahan yang besar dari segi kandungan dan bentuk fizikal. Selalunya aktiviti ini melibatkan

eksport tak nampak

perdagangan komoditi seperti bahan mentah, makanan, minuman, dan tekstil. Misalnya, daun teh yang diimport dalam bentuk daun kering, kemudiannya dieksport semula dalam bentuk saiz yang kecil atau serbuk halus, yang mudah digunakan untuk membuat minuman.

eksport tak nampak (*invisible export*) Eksport perkhidmatan, seperti perkhidmatan perkapalan, penerbangan, pelancongan, dan insurans.

ekuiti (*equity*) 1. Kepentingan pemilikan harta atau perniagaan. 2. Hak tuntutan terhadap aset oleh pemiutang, pemilik, atau pengusaha.

ekuiti cukai (*tax equity*) Agihan yang adil terhadap beban cukai. Ekuiti cukai boleh dilihat daripada dua aspek, iaitu ekuiti cukai menegak dan ekuiti cukai mendatar. Mengikut ekuiti cukai menegak, agihan beban cukai berbeza mengikut kemampuan pembayar cukai, iaitu berdasarkan faktor seperti pendapatan dan kekayaan. Mengikut ekuiti cukai mendatar pula, agihan beban cukai adalah sama bagi golongan yang berkemampuan yang sama walaupun punca pendapatan mereka berlainan.

ekuiti mendatar (*horizontal equity*) Prinsip kesaksamaan atau keadilan dalam menanggung beban cukai. Mengikut ekuiti mendatar, pembayar cukai yang mempunyai sama tingkat pendapatan atau kekayaan hendaklah membayar cukai yang sama, walaupun punca pendapatan mereka berbeza.

ekuiti menegak (*vertical equity*) Prinsip kesaksamaan atau keadilan dalam menanggung beban cukai. Mengikut ekuiti menegak, pembayar cukai yang mempunyai pendapatan atau kekayaan (sebagai ukuran kemampuan membayar cukai) yang berbeza, patut membayar cukai yang berbeza. Misalnya, orang yang berpendapatan RM50 000 setahun patut membayar cukai yang lebih banyak daripada orang yang berpendapatan RM20 000 setahun. *Sinonim* kesaksamaan menegak, keadilan menegak.

ekuiti pemilik (*owners' equity*) Lihat nilai bersih.

elaun (*allowances*) 1. Tambahan kepada pendapatan tetap seperti elaun keraian, elaun rumah, dan elaun perkhidmatan awam. 2. Peruntukan untuk tujuan sebahagian daripada pendapatan yang dikecualikan daripada cukai. Peruntukan ini diberikan untuk diri, berasaskan pengecualian isteri, anak, dan tanggungan.

elaun cukai (*tax allowance*) Elaun yang diberi kepada pembayar cukai supaya sejumlah pendapatan larasannya dikecualikan daripada cukai. Misalnya, elaun cukai pelaburan yang diberi kepada syarikat yang mengeluarkan keluaran yang digalakkan, atau kegiatan lain yang digalakkan. Semasa pengiraan cukai pada tahun taksiran, syarikat ini dibenarkan menolak elaun cukai daripada pendapatan larasan supaya pengecualian cukai diperoleh.

elaun cukai pelaburan (*investment tax allowance*) Lihat elaun cukai.

elaun guna modal (*capital consumption allowance*) Peruntukan sebahagian daripada pendapatan perniagaan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan. Peruntukan ini diberi untuk mengambil kira susut nilai modal, kerosakan tidak sengaja akibat kemalangan pengangkutan,

- kebakaran, atau bencana alam, dan perbelanjaan untuk membeli barang-barang modal baru. *Sinonim* elaun modal.
- elaun keluarga** (*family allowance*) Elaun tambahan yang diberi kepada pekerja yang belajar atau berkhidmat di luar negeri untuk membantu sara hidup keluarga pekerja tersebut.
- elaun modal** (*capital allowance*) Lihat elaun guna modal.
- elaun modal ditambah** (*initial capital allowance*) Peruntukan tambahan sebahagian daripada pendapatan yang dikecualikan daripada cukai. Peruntukan ini diberi kepada perniagaan yang ingin memodenkan teknik pengeluaran.
- elaun permulaan** (*initial allowance*) Peruntukan sebahagian daripada pendapatan yang dikecualikan daripada cukai yang diberi pada tahun pertama operasi perniagaan. Pengecualian ini diberi untuk membantu perniagaan yang selalunya mengalami kesulitan kewangan pada awal operasinya.
- elaun sara diri** (*subsistence allowance*) Sebahagian daripada pendapatan individu yang dikecualikan daripada cukai pendapatan. Di Malaysia, mengikut taksiran cukai pendapatan 1990, bahagian pendapatan yang dikecualikan daripada cukai ialah RM5000 untuk diri sendiri, RM2000 untuk isteri, dan jumlah maksimum RM3000 untuk anak-anak.
- embargo** (*embargo*) 1. Larangan kerajaan secara rasmi untuk mengimport atau mengeksport sesuatu barang atau perkhidmatan dari/ke sesebuah negara dengan tujuan untuk mendesak supaya sesuatu konsesi diberikan kepadanya. 2. Sekatan terhadap keluar masuk kapal dari pelabuhan sesebuah negara. 3. Keengganan sesebuah syarikat pengangkutan untuk mengangkut barang-barang apabila berlaku mogok atau kesesakan lalu lintas.
- emigrasi** (*emigration*) Penghijrahan keluar tenaga buruh dari sebuah negara ke sebuah negara lain, atau dari satu kawasan geografi ke satu kawasan geografi lain, untuk memperbaiki taraf hidup mereka.
- emolumen** (*emolument*) Faedah dalam bentuk wang seperti gaji, atau faedah sampingan seperti kemudahan perubatan yang diberikan kepada buruh untuk perkhidmatannya.
- entrepot** (*entrepot*) Pusat perdagangan atau pelabuhan yang mengimport barang dari sesebuah negara dan kemudiannya mengeksport semula barang tersebut ke negara lain, tanpa mengenakan cukai. Misalnya, negara Singapura.
- estet** (*estate*) Kawasan tanaman pertanian seperti tanaman getah, kelapa sawit, dan koko yang luasnya melebihi 40.5 hektar (100 ekar). Kawasan tanaman pertanian yang kurang daripada 40.5 hektar disebut kebun kecil.
- estet industri** (*industrial estate*) Kawasan yang dirancang dan dimajukan untuk kegiatan perkilangan. Dalam kawasan tersebut semua kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, dan jalan raya disediakan oleh kerajaan. Misalnya, estet industri Senawang di Negeri Sembilan, Petaling Jaya dan

Eurodolar

Shah Alam di Selangor, dan Mak Mandin di Seberang Prai. *Sinonim* kawasan industri.

Eurodolar (*Eurodollar*) Dolar Amerika yang disimpan di bank luar Amerika Syarikat terutamanya di Eropah, untuk membiayai perdagangan antarabangsa dan pinjaman kerana mudah ditukar ke mata wang yang lain.

ex-ante (*ex-ante*) Nilai pemboleh ubah yang diingini atau yang dirancang oleh unit-unit ekonomi sebelum sesuatu kegiatan ekonomi dilaksanakan. Misalnya, jumlah pelaburan *ex-ante* dalam teori penentu ialah jumlah pelaburan yang diingini atau yang dirancang oleh sesebuah negara. *Ex-ante* ialah frasa Latin yang bermaksud “yang dirancangan” atau “yang diingini”. *Lihat juga ex-post.*

ex-post (*ex-post*) Nilai sebenar pemboleh ubah yang dilakukan oleh unit-unit perniagaan. Misalnya, dalam teori penentuan pendapatan negara, pelaburan *ex-post* ialah jumlah pelaburan sebenar yang wujud dalam sesebuah negara. *Ex-post* ialah frasa Latin yang bermaksud “yang berlaku” atau “yang dilaksanakan”.

F

faedah (*benefit*) Ganjaran atau keuntungan yang boleh meningkatkan kepuasan yang diterima oleh unit ekonomi, hasil daripada aktiviti unit itu sendiri atau daripada aktiviti unit ekonomi lain.

faedah akhir (*final benefit*) Faedah yang diperoleh secara langsung daripada penggunaan barang dan perkhidmatan akhir yang dihasilkan oleh sesuatu projek pelaburan. Misalnya, bekalan elektrik yang diperoleh daripada projek empangan yang digunakan oleh firma. *Lihat juga* faedah perantaraan.

faedah benar (*real benefit*) Faedah yang diperoleh oleh pengguna akhir daripada suatu projek pelaburan yang boleh menambahkan kebajikan masyarakat. Misalnya, faedah yang dihasilkan oleh projek pengairan ialah pertambahan output petani, pengurangan hakisan tanah, dan pengindahan kawasan yang terlibat.

faedah berbanding (*comparative advantage*) Keupayaan negara, firma, atau individu untuk mengeluarkan sesuatu barangan. Misalnya, negara X berupaya mengeluarkan kereta pada 80% kos pengeluaran negara Y, dan negara Y mengeluarkan beras pada 90% kos pengeluaran negara X. Oleh itu, negara X mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran kereta, dan negara Y mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran beras. Negara X perlu mengkhusus dalam pengeluaran kereta dan membeli beras daripada negara Y, dan sebaliknya.

faedah bukan kewangan (*nonmonetary benefits*) Ganjaran yang diperoleh bukan dalam bentuk wang, seperti faedah sampingan yang diberi kepada pekerja, dan bantuan atau subsidi baja yang diberi kepada petani.

faedah ketara (*tangible benefit*) Faedah yang boleh dinilai dalam pasaran yang diperoleh daripada sesuatu projek pelaburan. Misalnya, pertambahan nilai output pertanian dalam projek pengairan.

faedah kewangan (*pecuniary benefit*) Faedah yang wujud daripada kesan perubahan harga relatif yang berlaku apabila ekonomi bertindak terhadap

faedah langsung

pembekalan perkhidmatan awam atau projek-projek pelaburan. Misalnya, pertambahan relatif dalam pendapatan guru apabila projek pendidikan diadakan oleh kerajaan.

faedah langsung (*direct benefits*) Faedah yang berkait rapat dengan objektif utama projek pelaburan. Misalnya, manusia berilmu dan berdisiplin dalam projek pendidikan. *Sinonim* faedah utama.

faedah mutlak (*absolute advantage*) Keupayaan negara, firma, atau individu mengeluarkan sesuatu barangan pada kos yang lebih rendah daripada pesaingnya. Faedah mutlak wujud kerana penganugerahan semula jadi seperti iklim, geografi, dan sumber tenaga manusia. Misalnya, dengan faktor pengeluaran 10 unit, negara X boleh mengeluarkan 500 tan getah dan 10 000 unit kereta, manakala negara Y pada masa yang sama boleh mengeluarkan 1000 tan getah dan 5000 unit kereta. Oleh itu, negara X mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran kereta, sementara negara Y pula mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran getah. Faedah mutlak membolehkan pengkhususan dan peningkatan pengeluaran serta perdagangan antara dua negara.

faedah perantara (*intermediate benefit*) Faedah yang diperoleh daripada penglibatan pengeluaran barang dan perkhidmatan perantara untuk dijadikan sebagai input dalam pengeluaran akhir. Misalnya, kuasa elektrik yang digunakan oleh kilang dalam proses pengeluaran barang lain. *Lihat juga* faedah akhir.

faedah peringkat kedua (*secondary benefit*) *Lihat* faedah tak langsung.

faedah persendirian (*private benefit*) Faedah atau keuntungan yang diterima oleh unit ekonomi, hasil daripada aktiviti unit tersebut, dan bukan faedah yang diterima daripada aktiviti unit lain. Misalnya, untung yang diterima oleh firma dan upah wang yang diterima oleh pekerja.

faedah sampingan (*fringe benefit*) Ganjaran yang bukan dalam bentuk wang yang diperoleh oleh pekerja seperti keadaan bekerja yang selesa, jaminan pekerjaan, masa bekerja yang pendek dan senang, cuti bergaji yang panjang, faedah perumahan, faedah perubatan, dan faedah pengangkutan. Faedah sampingan juga membolehkan pekerja mendapatkan nilai pelepasan cukai yang lebih tinggi. Faedah sampingan menjadikan pekerjaan lebih menarik walaupun gaji rendah. *Sinonim* faedah sut.

faedah sekunder (*secondary benefit*) *Lihat* faedah tak langsung.

faedah sosial (*social benefits*) Faedah atau keuntungan yang diterima oleh unit ekonomi hasil daripada aktiviti unit lain. Misalnya, pembinaan kilang atau industri mewujudkan peluang pekerjaan, dan keadaan persekitaran serta kemudahan pengangkutan yang lebih baik.

faedah sosial sut (*marginal social benefit*) Kadar pertambahan faedah atau kepuasan sesebuah masyarakat secara keseluruhan apabila terdapat pertambahan pengeluaran sesuatu barangan. *Lihat juga* faedah sosial.

faedah sut (*marginal benefit*) *Lihat* faedah sampingan.

faedah tak ketara (*intangible benefit*) Faedah bukan kewangan yang tidak boleh dinilai di pasaran yang diperoleh daripada sesuatu projek pelaburan. Misalnya, kewujudan kecantikan kawasan hasil projek pengairan, dan wujudnya pengundi yang lebih bijaksana hasil projek pendidikan.

faedah tak langsung (*indirect benefit*) Faedah sampingan yang diperoleh daripada sesuatu projek pelaburan yang bukan merupakan objektif utama projek tersebut. Misalnya, mengurangkan hakisan tanah dalam projek pengairan, dan meningkatkan pendapatan masa depan apabila projek pendidikan dilaksanakan. *Sinonim* faedah peringkat kedua, faedah sekunder.

faedah utama (*primary benefit*) Lihat faedah langsung.

fahaman perlindungan (*protectionism*) Dasar melindungi industri dalam negeri daripada saingan negara asing melalui pengenaan tarif, kuota, dan sekatan terhadap barang import, serta pemberian subsidi eksport kepada barang tempatan. Dengan cara ini, keluaran industri tempatan dapat bersaing dengan keluaran industri luar negeri. Fahaman perlindungan diamalkan untuk mengekalkan taraf hidup, menggalakkan industri muda, menjamin mampu diri dan keselamatan negara, serta mengelakkan lambakan.

faktor berubah (*variable factor*) Lihat input berubah.

faktor bukan ekonomi (*noneconomic factor*) Faktor yang tidak boleh diberi nilai wang atau diukur dengan angka. Misalnya, kepercayaan, sikap, norma hidup, dan sistem politik. *Sinonim* pemboleh ubah bukan ekonomi.

faktor pelengkap (*complementary factor*) Faktor yang mempunyai kaitan rapat dengan faktor lain yang menyempurnakan proses pengeluaran. Apabila permintaan bagi satu faktor meningkat, permintaan bagi faktor pelengkap juga akan meningkat. Misalnya, minyak yang merupakan faktor pelengkap bagi jentera.

faktor pembaikan tahunan (*annual improvement factor*) Peruntukan yang dinyatakan dalam perjanjian tawar-menawar kolektif tentang kenaikan upah yang dikaitkan dengan kenaikan daya pengeluaran. Peruntukan ini dibuat dengan menyamakan kenaikan kadar upah tahunan dalam sesuatu industri dengan arah aliran kenaikan daya pengeluaran industri tersebut. Ini membolehkan pekerja mendapat tambahan upah daripada kenaikan tahunan biasa atau kenaikan pangkat berdasarkan kenaikan daya pengeluaran pekerja.


faktor pengeluaran (*production factor*) Faktor fizikal yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Faktor pengeluaran dibahagikan kepada empat jenis, iaitu tanah, buruh, modal, dan usahawan. Faktor-faktor pengeluaran ini akan menerima bayaran atau pulangan atau pendapatan yang masing-masing disebut sewa, upah atau gaji, dividen atau bunga, dan untung. Umumnya dalam jangka pendek, faktor tanah, modal, dan usahawan dikelaskan sebagai faktor pengeluaran tetap.

fasa ke bawah

Manakala buruh dikelaskan sebagai faktor pengeluaran berubah. *Sinonim* input.

fasa ke bawah (*downward phase*) Lihat ayunan ke bawah.

fenomenon keluk J (*J-curve phenomenon*) Kecenderungan defisit imbalan perdagangan sesebuah negara menjadi bertambah buruk selepas mata wang negara itu mengalami penurunan nilai, dan menjadi bertambah baik hanya selepas beberapa ketika. Fenomenon keluk J berlaku pada mulanya kerana permintaan import dan penawaran eksport tidak anjal dalam jangka pendek. Fenomenon ini dapat dijelaskan oleh rajah di bawah. Apabila mata wang diturunkan nilai pada masa t_0 , defisit imbalan perdagangan bertambah dan selepas satu ketika (t_1), defisit ini akan menurun sehingga imbalan perdagangan menjadi positif semula selepas t_2 . *Sinonim* kesan keluk J.



fi (*fee*) 1. Bayaran yang dikenakan kerana mendapat sesuatu perkhidmatan khusus atau nasihat profesional seperti perkhidmatan guaman, perkhidmatan perundangan, perkhidmatan kesihatan, dan perkhidmatan arkitek. 2. Caj yang dibayar untuk mendapat kebenaran mengguna atau membuat sesuatu seperti bayaran letak kereta, bayaran menggunakan hakcipta, dan bayaran kemasukan sesuatu tempat. 3. Caj yang dikenakan kerana merekod sesuatu seperti bayaran pendaftaran dan bayaran tempahan.

firma (*firm*) Unit ekonomi atau pelaku ekonomi yang menjalankan kegiatan penggunaan sumber ekonomi untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Matlamat umum firma ini ialah untuk memaksimumkan keuntungan, yang digunakan sebagai asas pembinaan teori firma dan peramalan perlakuan firma. Firma boleh merupakan seorang individu atau organisasi yang menjalankan kegiatan pengeluaran atau penjualan yang bertujuan untuk mendapat untung.

firma berbilang keluaran (*multi-product firm*) Firma yang mengeluarkan beberapa jenis barang yang berlainan dalam tempoh masa yang sama.

Misalnya, firma memproses kelapa sawit mengeluarkan minyak kelapa sawit dan isi rong kelapa sawit.

firma bersaing (*competitive firm*) Firma yang mengeluarkan output yang sama jenis dalam sesuatu industri. Umumnya firma bersaing tidak dapat mempengaruhi harga output. Firma bersaing biasanya hanya mendapat untung minimum.

firma kos terendah (*lowest-cost firm*) Firma dalam sesuatu industri yang berjaya menghasilkan output dengan kos paling rendah. Dalam industri persaingan sempurna, hanya firma kos terendah yang mampu bertahan lama. Dalam industri oligopoli, firma ini akan menjadi ikutan oleh firma lain dalam menentukan harga output. Dalam perkataan lain, firma ini menjadi pemimpin harga kerana harga yang ditentukan akan diikuti dan digunakan sebagai harga output bagi industri itu.

fisiokrasi (*physiocracy*) Fahaman yang dipelopori oleh Francois Quesnay, ahli ekonomi Perancis kurun ke-18 yang mempercayai bahawa kegiatan ekonomi ditentukan oleh hukum semula jadi. Mengikut fahaman ini, kegiatan pertanian dan tanah adalah kegiatan produktif dan merupakan sumber utama pendapatan dan kekayaan. Kegiatan perkilangan dan perdagangan dianggap tidak produktif. Walaupun fahaman ini tidak diikuti lagi, antara sumbangan yang penting ialah pembentukan konsep saling bergantung antara sektor-sektor ekonomi yang merupakan asas analisis aliran antara sektor dalam modal input-output.

fungsi (*function*) Hubungan atau padanan antara dua atau lebih pemboleh ubah, yang nilai satu atau lebih pemboleh ubah dipadankan dengan satu nilai pemboleh ubah yang lain. Jika satu fungsi ditulis $y = f(x)$, iaitu y ialah fungsi kepada x , maka $f(x)$ ialah peraturan yang menentukan nilai x yang dipadankan dengan nilai y . Terdapat berbagai-bagai bentuk peraturan, misalnya, fungsi malar ($y = 5$), fungsi linear ($y = 2 + 3x$), fungsi kuadratik ($y = 2 + 3x + 4x^2$), fungsi rasional ($y = 1/x$), fungsi eksponen ($y = e^x$), fungsi log ($y = \log x$), dan fungsi trigonometri ($y = \cos x$). Apabila $y = f(x_1, x_2)$, maka fungsi f memadankan pasangan nilai-nilai x_1 dan x_2 dengan nilai-nilai y .

fungsi gerak balas penawaran (*supply response function*) Lihat gerak balas penawaran.

fungsi kebajikan sosial (*social welfare function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan antara kebajikan masyarakat dengan utiliti ahli dalam masyarakat itu. Misalnya, bagi sebuah masyarakat yang terdiri daripada ahli A dan B, yang masing-masing mempunyai fungsi utiliti A, (U_a), dan fungsi utiliti B, (U_b), fungsi kebajikan sosial ialah:

$$FKS = f(U_a, U_b)$$

Kelompok sosial berdasarkan fungsi kebajikan sosial. Hubungan ini memberi nilai kebajikan yang dinikmati oleh masyarakat. Berdasarkan

fungsi kemungkinan pengeluaran

nilai ini, dapat ditentukan sama ada gabungan U_a dan U_b itu lebih diutamakan daripada gabungan lain. *Lihat juga* keluk puas sama sosial.

fungsi kemungkinan pengeluaran (*production possibility function*) *Lihat* keluk kemungkinan pengeluaran.

fungsi kos (*cost function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan antara kos minimum sesebuah firma dengan pelbagai tingkat harga input dan tingkat harga output. Fungsi kos homogen linear kepada harga output, iaitu apabila harga input meningkat dua kali ganda, kos juga meningkat dua kali ganda. Fungsi kos diperoleh dengan menggantikan input dengan fungsi permintaan bersyarat bagi input dalam persamaan kos. Apabila harga input dianggap tetap, fungsi kos bersamaan dengan keluk kos.

fungsi linear (*linear function*) *Lihat* fungsi.

fungsi penawaran (*supply function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan kuantiti keluaran sesebuah firma dengan pelbagai tingkat harga keluaran dan harga-harga input. Fungsi penawaran menunjukkan hubungan positif antara kuantiti dan harga keluaran, kerana kenaikan harga boleh meningkatkan untung yang menyebabkan firma menambahkan keluaran.

fungsi pengeluaran (*production function*) Hubungan yang menunjukkan output maksimum yang boleh dikeluarkan daripada pelbagai kombinasi input. Umumnya fungsi pengeluaran boleh digambarkan dengan persamaan matematik berbentuk $Q = f(L, K)$ apabila Q ialah output, dan L dan K ialah input. Dengan mengubah kombinasi L dan K , sebuah firma boleh mengubah kuantiti keluaran. Fungsi pengeluaran ialah satu cara menggambarkan teknologi sesebuah firma, seperti fungsi pengeluaran Cobb-Douglas dan fungsi pengeluaran CES.

fungsi pengeluaran berkadar tetap (*fixed-rate production function*) *Lihat* fungsi pengeluaran linear.

fungsi pengeluaran Cobb-Douglas (*Cobb-Douglas production function*)

Fungsi pengeluaran berbentuk $Q = AL^a K^b$,

apabila Q = kuantiti output,

K = kuantiti modal yang digunakan,

L = kuantiti buruh yang digunakan, dan

A , a , dan b = pemalar.

Apabila $a + b = 1$ menunjukkan pulangan pulangan malar mengikut bidangan, $a + b < 1$ menunjukkan pulangan berkurang mengikut bidangan, dan $a + b > 1$ menunjukkan pulangan bertambah mengikut bidangan. Fungsi Cobb-Douglas (C-D) mempunyai keanjalan penggantian bersamaan satu. Ini bermakna 1% perubahan dalam harga relatif faktor akan membawa perubahan 1% dalam nisbah faktor (K/L).

fungsi pengeluaran homogen (*homogenous production function*) Fungsi pengeluaran yang menggambarkan satu teknologi yang apabila setiap inputnya bertambah k kali ganda, outputnya akan bertambah k^n kali ganda. Sebagai contoh, jika $Q = f(L, K)$ ialah fungsi pengeluaran homogen darjah n , maka apabila K dan L bertambah 2 kali ganda, output akan

bertambah 2^n kali ganda, iaitu:

$$f(2L, 2K) = 2^n f(L, K) = 2^n Q$$


Darjah kehomogenan, n , berkaitan dengan pulangan ikut bidang, khususnya proses pengeluaran menunjukkan pulangan bertambah ikut bidang jika $n > 1$, pulangan berkurangan ikut bidang jika $n < 1$, dan pulangan malar ikut bidang jika $n = 1$. Fungsi pengeluaran homogen linear ialah fungsi yang mempunyai darjah kehomogenan $n = 1$. Fungsi ini memberi implikasi bahawa keluaran sut bagi setiap input bergantung pada nisbah input, dan bukan pada bidang pengeluaran.

fungsi pengeluaran homogen linear (*linear homogenous production function*) Lihat fungsi pengeluaran homogen.

fungsi pengeluaran input-output (*input-output production function*) Lihat fungsi pengeluaran linear.

fungsi pengeluaran Leontief (*Leontief production function*) Lihat fungsi pengeluaran linear.

fungsi pengeluaran linear (*linear production function*) Fungsi pengeluaran yang menggambarkan satu teknologi apabila satu unit output atau lebih boleh dikeluarkan mengikut perkadaran tertentu, dengan menggunakan input pada perkadaran yang tetap. Umumnya, fungsi pengeluaran linear boleh ditulis sebagai $xL = aQ$ dan $xK = bQ$, apabila a dan b ialah pekali yang menunjukkan kuantiti input L dan kuantiti input K , yang perlu dalam pengeluaran satu unit output Q . Jikalau kuantiti input L ialah xL , maka output yang boleh dikeluarkan ialah xL/a unit, jika kuantiti input K juga cukup untuk mengeluarkan sejumlah unit output tersebut, tetapi jika kuantiti input K , xK adalah tidak cukup, maka output yang boleh dikeluarkan hanyalah xK/b unit. Oleh itu, fungsi pengeluaran linear berbentuk $Q = \min(xL/a, xK/b)$. Fungsi pengeluaran linear adalah homogen linear dan memberikan keluk isokuan seperti di bawah. *Sinonim* fungsi pengeluaran berkadar tetap, fungsi pengeluaran input-output, fungsi pengeluaran Leontief.



fungsi penggunaan

fungsi penggunaan (*consumption function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan antara aras perbelanjaan penggunaan dengan aras pendapatan. Ukuran aras pendapatan umumnya ialah pendapatan boleh guna. Faktor lain yang mempengaruhi penggunaan adalah keupayaan menggunakan masa lepas untuk memenuhi kehendak masa kini. Tempoh masa juga adalah satu faktor penting dalam fungsi penggunaan. Tempoh yang lama akan mewujudkan fungsi penggunaan yang curam dan sebaliknya.

fungsi permintaan (*demand function*) Fungsi yang menyenaraikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi permintaan sesuatu barang. Antara faktor yang mempengaruhi permintaan sesuatu barang (D_n), seperti harga barang itu sendiri, P_n , harga barang lain, P_m , pendapatan, Y , dan cita rasa, t . Formulanya ialah:

$$D_n = f(P_n, P_m, Y, t)$$

fungsi permintaan input (*input demand function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan antara kuantiti input yang memaksimumkan keuntungan dengan tingkat harga input dan output. Hubungan ini memberi kuantiti input yang optimum pada tingkat harga input dan output.

fungsi permintaan input bersyarat (*conditional input demand function*) Fungsi yang menunjukkan hubungan antara kuantiti input dengan tingkat harga input dan tingkat output yang meminimumkan kos. *Lihat juga* permintaan input bersyarat.

fungsi permintaan wang (*money demand function*) Fungsi yang menggambarkan permintaan untuk memegang wang dalam tangan. Secara umum, fungsi ini bergantung pada tingkat pendapatan yang mewakili tujuan urus niaga dan awasan, dan kadar bunga yang mewakili tujuan spekulasi.

fungsi untung (*profit function*) Fungsi yang menunjukkan untung maksimum bagi sesuatu firma pada pelbagai tingkat harga input dan harga output. Fungsi untung dapat dibentuk dengan menggantikan input-input dalam identiti untung dengan fungsi permintaan masing-masing. Ciri penting fungsi untung adalah apabila fungsi ini dibezakan berdasarkan harga output. Bezaan pertama yang terbentuk memberikan fungsi penawaran.

G

gabungan faktor optimum (*optimal factor combination*) Lihat kombinasi faktor optimum.

gabungan kos terendah (*least-cost combination*) Gabungan input yang menghasilkan kos paling rendah untuk suatu tingkat pengeluaran. Gabungan yang menghasilkan kos terendah itu bergantung pada harga input-input. Perubahan harga input ini akan menghasilkan gabungan input-input lain yang mungkin berbeza nilai kos minimumnya. *Lihat juga* kecekapan ekonomi.

gadai janji (*mortgage*) Perakuan atau perjanjian yang menyatakan bahawa pinjaman wang telah dibuat dengan mencagarkan harta seperti tanah atau rumah kediaman. Gadai janji melibatkan pemindahan pemunyaan, tetapi bukan hak milik terhadap harta cagaran daripada penghutang kepada pemberi hutang. Pindahan pemunyaan batal apabila pinjaman selesai.

gaji bawa pulang (*take-home pay*) Jumlah gaji yang diterima oleh seseorang pekerja daripada majikan setelah ditolak pembayaran-pembayaran seperti cukai pendapatan, sumbangan insurans, yuran kesatuan, dan potongan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

ganti rugi (*indemnity*) Bayaran pampasan oleh kerajaan atau syarikat insurans kepada seseorang yang mengalami kerugian, kerosakan harta benda, atau kecacatan tubuh badan. Jumlah bayaran yang diberi bergantung pada penilaian kerajaan atau jadual ganti rugi yang disediakan oleh syarikat insurans.


garis belanjawan (*budget line*) Garis yang menunjukkan kombinasi dua barang yang dapat dibeli dengan sejumlah pendapatan atau belanjawan tertentu pada satu tingkat harga tertentu. Misalnya, jika semua pendapatan, Y , dibelanjakan ke atas dua barang X dan Z dengan harga P_x dan P_z , maka

$$Y = P_x \cdot X + P_z \cdot Z$$

$$Z = \frac{Y}{P_z} - \frac{P_x}{P_z} \cdot X$$

garis kemiskinan

Garis belanjawan boleh ditunjukkan dalam bentuk graf, dengan kecerunan garis belanjawan ialah nisbah harga barang-barang tersebut. *Sinonim* garis penggunaan, garis kemungkinan penggunaan, kekangan belanjawan.



garis kemiskinan (*poverty line*) Tingkat pendapatan benar yang dianggap mencukupi untuk memenuhi kesemua keperluan asas kehidupan sesuatu masyarakat atau negara, seperti makanan, pakaian, tempat kediaman, dan kesihatan. Penduduk yang berpendapatan benar kurang daripada garis kemiskinan dianggap miskin. Misalnya, garis kemiskinan di Malaysia pada tahun 1987 ialah RM350 sebulan bagi keluarga lima orang.

garis kemungkinan penggunaan (*consumption possibilities line*) Lihat garis belanjawan.

garis panduan upah-harga (*wage-price guideline*) Panduan menaikkan upah wang tanpa menjejaskan kestabilan harga. Garis panduan ini mencadangkan supaya kenaikan kadar upah tidak melebihi kadar kenaikan daya pengeluaran buruh. Garis panduan ini juga mencadangkan harga dalam sesuatu industri tidak meningkat lebih tinggi berbanding dengan tingkat daya pengeluaran secara keseluruhan. Mengikut panduan ini, kestabilan harga dapat dikekalkan.

garis penggunaan (*consumption line*) Lihat garis belanjawan.

garis kos sama (*equal cost line*) Lihat keluk isokos.

garisan regresi (*regression line*) Garis, keluk, atau persamaan statistik yang menunjukkan hubungan antara satu pemboleh ubah dengan satu atau lebih pemboleh ubah yang lain, untuk menunjukkan kesan pemboleh ubah tak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Misalnya, perbelanjaan penggunaan, C , bergantung pada pendapatan boleh guna, Y , maka hubungan ini boleh ditunjukkan oleh garisan regresi dengan

pendapatan boleh guna sebagai pemboleh ubah tak bersandar, manakala perbelanjaan penggunaan sebagai pemboleh ubah bersandar, dalam bentuk persamaan $C = a + bY + e$. Dalam persamaan tersebut, a dan b ialah pekali atau parameter regresi, dan e ialah ralat rawak yang menggambarkan perkara lain yang mempengaruhi hubungan tersebut secara tidak sistematik. *Lihat juga analisis regresi.*

gedung penerimaan (*acceptance house*) Institusi kewangan, seperti bank saudagar yang diwujudkan untuk menerima dan menjamin bil pertukaran, terutama untuk pembayaran perdagangan antarabangsa. Gedung ini menjalankan urusan niaga seperti mengimport barang-barang bagi pihak pelanggan dan mengutip bayaran untuknya. *Sinonim* bank penerimaan.

gedung penjelasan (*clearing house*) Institusi kewangan yang menjalankan fungsi menjelaskan hutang-hutang antara bank. Operasi penjelasan melibatkan wakil-wakil bank membuat tuntutan bil atau cek terhadap bank lain.

gelagat pengguna (*consumer behaviour*) *Lihat* perlakuan pengguna.

genangan (*stagnation*) Keadaan apabila kadar pertumbuhan ekonomi rendah dan kadar pengangguran tinggi. Genangan biasanya berlaku apabila kadar pertumbuhan output benar kurang daripada kadar pertumbuhan penduduk, dan apabila pertumbuhan permintaan agregat yang lemah menghalang potensi pertumbuhan ekonomi.

genangan sekular (*secular stagnation*) Keadaan apabila pertumbuhan ekonomi sangat rendah atau tiada pertumbuhan langsung, dan keadaan ini berterusan dalam jangka masa yang sangat panjang.

gerak balas penawaran (*supply response*) Hubungan antara kuantiti yang ditawarkan oleh firma atau industri dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penawaran. Antara faktor yang mempengaruhi penawaran sesuatu barang, S , ialah harga barang itu, P , harga barang lain, P_m , harga input, P_p , tingkat teknologi, T , dan keadaan cuaca, W . Maka fungsi gerak balas penawaran boleh ditulis:

$$S = f(P, P_m, P_p, T, W)$$

geran (*grant*) 1. Sumbangan kewangan oleh kerajaan atau institusi swasta kepada kerajaan negeri, pertubuhan, atau orang perseorangan, untuk membiayai sesuatu rancangan khusus, seperti penyelidikan, pendidikan, dan sebarang usaha kebajikan. 2. Perakuan undang-undang tentang pindahan harta tanah atau harta. Geran mempunyai maklumat seperti saiz dan kedudukan harta, pemilik, dan jenis pemilikan.

geran am (*general grant*) Geran atau dana yang dipindahkan daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri tanpa sebarang ikatan dalam membelanjakan dana tersebut. Pemberian geran ini dikira berdasarkan faktor tertentu seperti jumlah penduduk dan panjang jalan raya negeri. Geran ini berfungsi sebagai alat mengurangkan ketaksamaan dalam keupayaan fiskal antara kerajaan negeri. *Sinonim* geran tak bersyarat.

geran bersyarat

geran bersyarat (*conditional grant*) Lihat geran spesifik.

geran bukan pepadanan (*nonmatching grant*) Geran atau dana yang menghendaki kerajaan negeri membelanjakan dana tersebut untuk tujuan yang dinyatakan. Jumlah dana yang dijanjikan tidak berubah secara langsung dengan perbelanjaan kerajaan negeri untuk aktiviti tersebut. Geran ini akan menambahkan kemampuan kerajaan negeri untuk membiayai sesuatu projek barang awam. Geran ini mungkin diberi sekaligus tanpa mengira jumlah dana yang diperlukan oleh kerajaan negeri. Kadang-kadang kerajaan pusat juga meminta kerajaan negeri menyediakan jumlah dana yang minimum sebelum layak menerima bayaran sekaligus. *Lihat juga* geran pepadanan.

geran pepadanan (*matching grant*) Geran atau dana yang diberi oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri yang menghendaki kerajaan negeri menyumbangkan sejumlah wang tertentu bagi setiap ringgit yang diterima daripada kerajaan pusat. Misalnya, kerajaan negeri perlu membiayai RM0.30 bagi setiap ringgit geran yang diberi oleh kerajaan pusat. Kadang-kadang kerajaan pusat hanya memberi geran ini apabila kerajaan negeri telah membiayai semua kos barang awam dengan syarat geran tersebut dibelanjakan untuk suatu tingkat output minimum yang ditetapkan. Kaedah ini bertujuan untuk mengurangkan kos penyediaan barang awam yang dipilih oleh kerajaan pusat. *Lihat juga* geran bukan pepadanan.

geran pembangunan wilayah (*regional development grant*) Sumber pembiayaan percuma dalam bentuk kewangan atau bantuan teknik untuk pembangunan wilayah. Punca sumber termasuk dari kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau/dan yayasan dalam negeri atau luar negeri, seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa.

geran spesifik (*specific grant*) Geran atau dana yang mesti digunakan oleh kerajaan negeri (penerima) untuk tujuan tertentu sahaja. Tujuan pemberian dana itu selalunya dinyatakan dengan terperinci dalam perjanjian geran. Misalnya, geran pembinaan empangan tertentu hendaklah dibelanjakan untuk projek pembinaan empangan tersebut sahaja. *Sinonim* geran bersyarat.

geran tak bersyarat (*unconditional grant*) *Lihat* geran am.

GSP (*GSP*) *Singkatan* bagi *Generalized System of Preferences* yang bermaksud Sistem Keutamaan Teram. Keutamaan cukai tidak timbal balik yang bersifat sementara yang diberikan oleh negara maju, terutamanya dalam bentuk pengenaan tarif yang minimum terhadap import barang-barang tertentu negara membangun. Perjanjian tentang Sistem Keutamaan Teram dirunding di bawah naungan UNCTAD (United Nations Commission for Trade and Development). Dalam perundingan tersebut, negara pengimport diberi kebebasan menentukan jenis barang, jumlah import, dan tempoh sistem itu berakhir. Misalnya, Malaysia mendapat kemudahan Sistem Keutamaan Teram dari Amerika Syarikat terhadap barang-barang elektronik dan tekstil.

gudang pembuatan berlesen (*licensed manufacturing warehouse*) Syarikat atau kilang asing yang terletak di luar zon perdagangan bebas tetapi diberi kemudahan seperti pelepasan cukai, pengecualian cukai, dan kredit cukai yang sama seperti yang diberikan kepada syarikat-syarikat dalam zon perdagangan bebas. Taraf gudang pembuatan berlesen selalunya diberi kepada syarikat cawangan yang menjual keluarannya terus kepada syarikat induk di negara asalnya.

guna tenaga (*employment*) Penggunaan sumber-sumber ekonomi seperti tanah, buruh, modal, dan pengusaha, oleh firma-firma untuk kegiatan pengeluaran barang dan perkhidmatan. Secara khusus, guna tenaga lebih merujuk kepada penggunaan buruh dalam kegiatan ekonomi.

guna tenaga penuh (*full employment*) Keadaan apabila semua sumber ekonomi, iaitu buruh, tanah, modal, dan usahawan, yang ada dalam sesebuah negara digunakan sepenuhnya. Dalam realiti, keadaan guna tenaga penuh tidak boleh dicapai. Walau bagaimanapun, secara praktiknya, ahli ekonomi mengatakan sesebuah negara telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya terdapat kadar pengangguran yang rendah, iaitu kira-kira 3% hingga 5% dan pengangguran yang berlaku merupakan pengangguran geseran dan kadang-kadang pengangguran struktur yang sentiasa ada dalam jangka pendek.

guna tenaga tak penuh (*underemployment*) Keadaan apabila pekerja yang bekerja belum lagi mencapai tahap yang sepatutnya atau kemahirannya mereka tidak digunakan secara optimum dalam bidang kemahirannya. Oleh itu pencapaian usahanya jauh lebih rendah daripada daya pengeluaran potensinya. Misalnya, graduan universiti membuat tugas seorang kerani, atau jurutera membawa teksi kerana kerja yang setaraf dengan kelulusan dan pengalamannya tidak ada. Keadaan ini biasanya berlaku semasa ekonomi negara mengalami kemelesetan dan kekurangan pelaburan untuk mencipta pekerjaan baru.

H

hak harta benda (*property rights*) Lihat hak harta benda persendirian.

hak harta benda persendirian (*private property rights*) Hak yang ada pada pemilik harta benda untuk mengurus harta benda tersebut, seperti menggunakan, mengawal, dan memindahkan hak-hak tersebut terhadap barangan atau harta benda. Hak harta benda persendirian ditentukan oleh adat resam dan peraturan masyarakat. *Sinonim* hak harta benda.

Hak Pengeluaran Khas (*Special Drawing Rights*) Satu bentuk rizab cair antarabangsa, seperti emas dan dolar, yang digunakan untuk menyelesaikan masalah imbalan pembayaran di kalangan ahli-ahli Tabung Kewangan Antarabangsa. Jumlah hak pengeluaran khas yang diberi kepada ahli adalah berdasarkan kuota yang telah ditetapkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa. Ahli-ahli boleh juga mendapatkan rizab tambahan sebagai pinjaman untuk mengatasi dan memenuhi keperluan pembayaran antarabangsa. Hak Pengeluaran Khas biasanya digunakan oleh kerajaan sahaja sebagai perantara pertukaran antarabangsa, dan bukannya untuk kemudahan pihak swasta.

hak penukaran (*conversion rights*) Hak menukar debentur kepada saham biasa berdasarkan syarat-syarat tertentu dan bagi tempoh masa tertentu.

halaju wang (*velocity of money*) Kadar wang bertukar tangan atau beredar dalam suatu tempoh, biasanya setahun. Kekekapan peredaran wang dalam masyarakat bergantung pada jumlah wang yang dibelanjakan dalam tempoh tersebut dan juga kepada lamanya wang itu dipegang oleh masyarakat. Halaju wang boleh dikira berdasarkan formula pertukaran, iaitu:

$$V = \frac{PT}{M}$$

apabila V = halaju wang,

P = tingkat harga umum,

T = jumlah urus niaga, dan
M = jumlah penawaran wang.

Halaju wang adalah tinggi jika masyarakat memegang jumlah wang yang sedikit, dan membelanjakannya segera. Keadaan ekonomi yang melambung menyebabkan halaju wang tinggi.

hancuran kredit (*credit crunch*) Keadaan apabila kredit sukar diperolehi dan pada kadar yang tinggi. Hancuran kredit wujud apabila terdapat kawalan kerajaan yang ketat terhadap kredit atau apabila orang ramai lebih gemar memegang bon atau menyimpan beku daripada menyimpan aset sebagai deposit bank. Proses yang membawa kepada hancuran kredit ialah kebalikan kepada proses penciptaan kredit atau penciptaan wang. *Sinonim* hancuran wang.

hancuran wang (*money crunch*) Lihat hancuran kredit.

harga (*price*) Nilai sesuatu barang dalam sebutan unit mata wang atau dalam sebutan unit barang-barang lain. Dalam analisis ekonomi, harga sesuatu barang seperti baju boleh ditukar dengan sepasang kasut, atau dengan RM50. Dengan itu, harga baju tersebut ialah sepasang kasut atau RM50. Harga baju dalam sebutan kasut ialah harga relatif, manakala harga baju dalam sebutan ringgit ialah harga wang. Dalam analisis mikroekonomi, harga relatif lebih kerap digunakan, manakala dalam analisis makroekonomi harga wang lebih kerap digunakan.

harga adil (*just price*) Harga yang dianggap oleh masyarakat umum setara dengan nilai barangan. Konsep harga adil lahir bersama fahaman bahawa keadilan dalam pertukaran barangan seharusnya berdasarkan kesetaraan nilai. Pada zaman pertengahan, dipercayai bahawa satu harga adil wujud bagi setiap barang dan perkhidmatan. Harga yang dianggap adil ialah harga kebiasaan. Oleh itu, tindakan penjual yang menaikkan harga melebihi harga kebiasaan apabila terdapat kekurangan, atau tindakan pembeli mendesak harga yang lebih rendah daripada biasa apabila barangan bertambah di pasaran, dianggap tidak bermoral. Pengenaan bunga pinjaman juga dianggap tindakan tidak bermoral kerana bayaran balik pinjaman tidak setara dengan pokok pinjaman. *Sinonim* harga patut.

harga bayangan (*shadow price*) Harga sesuatu barang yang menggambarkan kos melepasi sebenar barang tersebut. Konsep harga bayangan sering digunakan dalam membuat penilaian secara tak langsung harga sesuatu barang atau perkhidmatan yang tidak dipasarkan atau yang tidak mempunyai harga pasaran, seperti yang digunakan dalam analisis kos faedah.

harga benar (*real price*) Harga barang dan perkhidmatan yang telah diselaraskan untuk mengetepikan perubahan yang berlaku dalam tempoh yang berlainan. Misalnya, harga benar barang pengguna diperolehi dengan membahagikan harga barang pengguna tersebut dengan indeks harga pengguna.

harga bumbung (*ceiling price*) Harga maksimum barang yang ditetapkan

harga dijangka

oleh pihak berkuasa. Secara rasmi harga sesuatu barang yang tertentu tidak boleh melebihi harga bumbung barang tersebut, sama ada disebabkan pihak berkuasa memberi atau menjual barang itu untuk mempengaruhi permintaan dan penawaran, atau disebabkan pihak berkuasa tidak membenarkan penjual menjual barang dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan. Biasanya amalan menetapkan harga bumbung dikenakan terhadap barang perlu untuk menjaga kepentingan pengguna. *Sinonim* harga maksimum.

harga dijangka (*anticipated price*) Harga yang diramalkan wujud pada masa hadapan. Jangkaan tentang sama ada harga akan naik atau turun mempengaruhi permintaan pengguna dan penawaran pengeluar. Misalnya, jika harga dijangka meningkat, pengguna cenderung untuk menambahkan permintaan pada masa kini. Sebaliknya jika harga dijangka turun, pengguna akan menangguhkan pembelian mereka. Pengusaha pula meningkatkan pengeluaran jika harga dijangka meningkat, dan sebaliknya.

harga dunia (*world price*) Harga barang-barang import atau eksport yang ditentukan oleh penawaran dan permintaan dunia. Harga ini akan digunakan sebagai harga jualan oleh negara-negara kecil dalam perdagangan antarabangsa. Ini kerana negara kecil tidak boleh mempengaruhi harga dan kuantiti dalam pasaran dunia. Oleh itu, negara tersebut adalah negara penerima harga.

harga faktor (*factor price*) Kos barang dan perkhidmatan yang mengandungi kos upah, sewa, bunga, dan untung kepada pengusaha. Harga faktor lebih rendah daripada harga pasaran apabila terdapat cukai tak langsung, dan lebih tinggi daripada harga pasaran apabila terdapat subsidi. Oleh itu untuk mendapat pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga faktor, nilai cukai tak langsung akan ditolak, dan subsidi akan dicampur.

harga hedonik (*hedonic price*) Harga bayangan atau harga tersirat bagi setiap ciri yang terdapat pada sesuatu barang. Misalnya, rumah mengandungi ciri-ciri tertentu seperti bilangan bilik yang berbeza, reka bentuk yang berlainan, dan lokasinya, sama ada terletak jauh dari pusat bandar atau di kawasan eksklusif. Setiap ciri tersebut mempunyai nilai pada pandangan pembeli dan penjual barang. Nilai tersebut akan menentukan permintaan dan penawaran, dan seterusnya harga hedonik bagi setiap ciri.

harga kebiasaan (*customary price*) Lihat harga adil.

harga ke depan (*futures price*) Harga komoditi dan mata wang asing yang dipersetujui untuk diniagakan sekarang, tetapi penyerahannya dibuat pada masa hadapan, pada tempoh tertentu seperti sebulan, tiga bulan, dan setahun. *Sinonim* harga ke hadapan.

harga ke hadapan (*forward price*) Lihat harga ke depan.

harga keseimbangan (*equilibrium price*) Harga barang yang menyamakan kuantiti yang diminta dengan kuantiti yang ditawarkan. Pada harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan, kuantiti yang ditawarkan melebihi

- kuantiti yang diminta. Pada harga yang lebih rendah, kuantiti yang diminta melebihi kuantiti yang ditawarkan. Pada harga keseimbangan, kuantiti yang ditawarkan adalah sama dengan kuantiti yang diminta, iaitu keadaan yang disebut pasaran terjelas. *Sinonim* harga pasaran. *Lihat juga* keseimbangan pasaran.
- harga lantai** (*floor price*) Harga minimum barang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, yang selalunya lebih tinggi daripada harga keseimbangan. Secara rasmi harga suatu barang tertentu tidak boleh lebih rendah daripada harga lantai. Pihak berkuasa akan menentukan harga barang tersebut tidak boleh lebih rendah daripada harga lantai dengan membeli lebihan barang tersebut atau menguatkuasakan undang-undang. Selalunya amalan harga lantai dikenakan pada hasil pertanian untuk menjamin pendapatan petani.
- harga maksimum** (*maximum price*) *Lihat* harga bumbung.
- harga malar** (*constant price*) Harga barang dan perkhidmatan, atau nilai keluaran negara yang dinyatakan mengikut nilai indeks harga pada satu tahun asas. Harga ini digunakan untuk menggugurkan faktor inflasi yang mungkin wujud dalam harga semasa. *Lihat juga* harga semasa.
- harga minimum** (*minimum price*) *Lihat* harga lantai.
- harga minimum terjamin** (*guaranteed minimum price*) *Lihat* harga lantai, harga terjamin.
- harga nominal** (*nominal price*) 1. Harga wang bagi barang dan perkhidmatan. Nilai harga nominal adalah sama dengan nilai harga semasa. 2. Harga yang dianggarkan bagi sesuatu komoditi atau saham yang belum disenaraikan di bursa komoditi atau bursa saham.
- harga pasaran** (*market price*) *Lihat* harga keseimbangan.
- harga patut** (*fair price*) *Lihat* harga adil.
- harga relatif** (*relative price*) Nilai pertukaran sesuatu barang dalam sebutan kuantiti barang lain. *Sinonim* nisbah harga. *Lihat juga* harga.
- harga semasa** (*current price*) Harga pasaran pada satu masa. Nilai harga ini mungkin telah dipengaruhi oleh unsur-unsur inflasi atau deflasi. Oleh itu, penggunaan nilai harga semasa akan memberi gambaran yang mengelirukan tentang peningkatan nilai pemboleh ubah tertentu seperti pertumbuhan KDNK atau KNK, dan boleh memberi gambaran yang salah apabila membuat perbandingan nilai KDNK antara dua masa.
- harga semerta** (*spot price*) Harga semasa bagi komoditi dan mata wang asing yang diniagakan dan yang diserahkan pada masa itu juga.
- harga senarai** (*list price*) Harga yang disyorkan oleh pengedar atau pengeluar sesuatu barang untuk dijual oleh peruncit. Peruncit biasanya menjual lebih rendah daripada harga senarai, dan dengan berbuat demikian peruncit mengurangkan komisen yang diterima daripada pengedar atau pengeluar.
- harga tahun asas** (*base year price*) Harga pada suatu tahun yang dipilih untuk dijadikan asas perbandingan dengan harga-harga pada tahun lain. Pemilihan harga ini penting dalam mendapatkan indeks harga. Selalunya

harga terjamin

harga pada tahun asas tidak atau kurang dipengaruhi oleh faktor inflasi atau faktor yang menyebabkan harga naik atau turun daripada keadaan normal. Harga tahun asas akan diberi nilai 100 dalam indeks harga.

harga terjamin (*guaranteed price*) Harga yang dijanjikan oleh pihak kerajaan, bagi sesuatu keluaran dengan persetujuan bahawa kerajaan bersedia untuk membeli semua output yang dikeluarkan pada harga tersebut tanpa mengira keadaan pasaran, atau memberi subsidi jika harga pasaran kurang daripada harga yang dijanjikan. Harga terjamin biasanya dalam bentuk harga minimum, iaitu kerajaan menjamin akan membeli semua keluaran pada harga yang tidak rendah daripada harga terjamin minimum tersebut. Tujuan penetapan harga terjamin adalah untuk menggalakkan pengeluaran barang-barang tertentu yang dianggap strategik bagi sesebuah negara. Jika dibiarkan harga ditentukan oleh pasaran, harga barang-barang tersebut mungkin menjadi terlalu rendah sehingga tidak menggalakkan pengeluarannya. Di Malaysia, harga terjamin minimum dilaksanakan terhadap keluaran padi.

harga tertadbir (*administered price*) Harga yang ditentukan oleh pihak pengeluar selepas mengambil kira kos pengeluaran, kos pengangkutan, dan keuntungan yang paling tinggi yang mungkin diperoleh. Harga tertadbir berbeza daripada harga pasaran yang ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Tingkat harga tertadbir adalah antara harga pasaran monopoli dengan harga pasaran persaingan sempurna. *Sinonim* harga terurus.

harga terurus (*managed price*) Lihat harga tertadbir.

harga tunai (*cash price*) Harga yang dibayar bagi sesuatu barang apabila pembelian dibuat secara tunai, bukannya secara ansuran.

harga wang (*money price*) Nilai pertukaran sesuatu barang dalam sebutan unit mata wang. *Lihat juga* harga.

harta benda (*property*) Barang yang menjadi sumber kekayaan, iaitu yang boleh menghasilkan perkhidmatan atau pendapatan. Harta benda boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu harta tanah yang terdiri daripada tanah, bangunan, dan sumber-sumber di atasnya, dan harta benda perseorangan yang terdiri daripada mesin, perabot, kenderaan, inventori, saham, bon, gadaian, dan deposit bank.

harta benda intelek (*intellectual property*) Semua ciptaan seperti reka bentuk perindustrian, hasil seni, dan hasil kesusasteraan, yang mempunyai nilai ekonomi. Hak terhadap harta benda intelek biasanya ditandakan dengan tanda perdagangan, paten, hak cipta, atau nama perdagangan.

harta benda persendirian (*private property*) Kekayaan atau harta benda yang memberi pemiliknya hak secara eksklusif dari segi undang-undang. Antara hak pemilik ialah mengurus, menggunakan, menukar, menjual, dan memperoleh pendapatan daripada harta tersebut. Harta benda adalah satu ciri sistem ekonomi perusahaan bebas.

harta benda perseorangan (*personal property*) Lihat harta benda.

harta milik bersama (*common property*) Harta yang digunakan oleh seseorang tidak akan menjejaskan penggunaan orang lain. Misalnya, laut dan taman rekreasi.

harta tanah (*realty*) Lihat harta benda.

hasil (*revenue*) 1. Pendapatan kerajaan yang diperoleh daripada kutipan cukai dan bukan cukai, seperti bayaran perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan, dan bayaran denda. *Sinonim* hasil kerajaan, pendapatan kerajaan. 2. Pendapatan firma yang diperoleh daripada penjualan barang dan perkhidmatan.

hasil bukan cukai (*non-tax revenue*) Pendapatan kerajaan yang diperoleh daripada bayaran perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan seperti setem, bayaran denda yang ditentukan oleh undang-undang, dan lesen.

hasil cukai (*tax revenue*) Pendapatan kerajaan yang diperoleh daripada kutipan cukai langsung, seperti cukai pendapatan persendirian dan cukai korporat, dan cukai tak langsung, seperti cukai eksais dan cukai jualan.

hasil kerajaan (*government revenue*) Lihat hasil 1.

hasil purata (*average revenue*) Hasil seunit keluaran yang dikira dengan membahagikan jumlah hasil satu tempoh dengan jumlah keluaran. Oleh sebab jumlah hasil diperoleh dengan mendarabkan harga dengan kuantiti keluaran, maka hasil purata sama dengan harga.

hasil sut (*marginal revenue*) Tambahan jumlah hasil yang diperoleh apabila satu unit keluaran ditambah. Misalnya, apabila satu unit keluaran dijual dengan harga RM8 seunit, jumlah hasil ialah RM8. Apabila harga turun kepada RM7 seunit, keluaran meningkat kepada dua unit. Ini bererti hasil sut ialah RM6 iaitu $RM14 - RM8$.

hayat perkhidmatan (*service life*) Tempoh sesuatu aset tetap boleh digunakan dengan cekap oleh pengusaha dalam pengeluaran barang atau perkhidmatan. Misalnya, hayat perkhidmatan pengisar padi ialah 10 tahun.

hedonisme (*hedonism*) Prinsip yang menyatakan bahawa individu-individu yang mempunyai hasrat mencari kegembiraan akan cuba memperbaiki cara hidup mereka. Prinsip ini berdasarkan doktrin falsafah dan psikologi yang menyatakan bahawa kelakuan manusia dipandu hanya oleh usaha mencari kegembiraan dan menolak bencana. Mengikut Jeremy Bentham, prinsip hedonisme adalah seperti yang berikut: keadaan semula jadi telah menempatkan manusia di bawah pengaruh dua faktor utama, iaitu kesakitan dan kegembiraan.

hipotesis jangkaan mudah suai (*adaptive expectation hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan agen ekonomi hanya menggunakan pengalaman lepas untuk merumuskan ramalan masa hadapan. Mereka mengubahsuai jangkaan itu secara perlahan dengan mengambil kira ralat yang dilakukan. Misalnya, dari tahun 1985 hingga 1990 kadar inflasi ialah 3% setahun, maka mereka menjangka inflasi tahun 1991 ialah 3%. Akan tetapi jika

hipotesis jangkaan rasional

pada tahun 1991 kadar inflasi ialah 7%, maka jangkaan mereka untuk tahun 1992 bukannya 7% tetapi antara 4 hingga 6 peratus.

hipotesis jangkaan rasional (*rational expectation hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan agen ekonomi menggunakan semua maklumat yang ada untuk membentuk jangkaan masa hadapan. Maklumat bukan sahaja berdasarkan pengalaman lepas, tetapi juga ramalan masa hadapan, seperti kesan dasar kerajaan yang lalu dan yang akan datang. Misalnya, apabila KNK nominal jatuh, agen ekonomi akan membuat ramalan tentang inflasi berdasarkan maklumat berikut:

- i) Pengetahuan tentang tindak balas inflasi terhadap kejatuhan KNK nominal.
- ii) Pengetahuan tentang dasar kerajaan yang pernah dilaksanakan apabila berhadapan dengan masalah sedemikian. *Lihat juga* hipotesis jangkaan mudah suai.

hipotesis kitaran hidup (*life-cycle hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan perbelanjaan penggunaan bergantung pada pendapatan yang dijangka diterima sepanjang hayat. Mengikut hipotesis ini, seorang pengguna cenderung mengekalkan pola perbelanjaan penggunaan yang stabil sepanjang hayat. Oleh itu, seorang yang baru bekerja dan seorang yang telah bersara cenderung berbelanja lebih daripada pendapatannya, sementara seorang dewasa pertengahan umur lebih cenderung berbelanja kurang daripada pendapatannya.

hipotesis pelarasan separa (*partial adjustment hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan agen ekonomi tidak membuat perubahan serta-merta apabila terdapat perbezaan antara kuantiti yang diinginkan atau kuantiti jangka panjang dengan kuantiti semasa. Misalnya, kuantiti yang diinginkan bagi sesuatu pemboleh ubah, bergantung pada nilai semasa sesuatu pemboleh ubah lain. Formulanya ialah:

$$y_t^* = a + bx_t$$

apabila y_t^* = tingkat penggunaan yang diinginkan, dan
 x_t = tingkat pendapatan.

Dalam suatu masa hanya sebahagian pelarasan sahaja yang ingin dibuat itu terlaksana, iaitu:

$$y_t - y_{t-1} = d(y_t^* - y_{t-1}) + u_t$$

apabila d = pekali yang bernilai antara 0 hingga 1,
 u_t = kesan luar jangka yang juga mungkin mempengaruhi pelarasan.

Pekali tersebut mengukur berapa cepat pelarasan dibuat dalam suatu masa. Apabila pekali bernilai satu, pelarasan berlaku sepenuhnya, dan apabila pekali bernilai sifar, pelarasan tidak berlaku langsung. Pada prinsipnya, kuantiti yang diinginkan tidak dapat diamati, oleh itu tidak boleh dianggarkan. Berdasarkan hipotesis pelarasan separa, satu persamaan ekonometrik dapat diterbitkan, iaitu:

$$y_t = a' + b'x_t + (1 - d)y_{t-1} + u_t$$

apabila a' = da, dan
 b' = db

Sinonim model pelarasan separa.

hipotesis pendapatan mutlak (*absolute income hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan perbelanjaan penggunaan semata-mata bergantung pada pendapatan boleh guna semasa. Hipotesis ini telah dikemukakan oleh John Maynard Keynes. Perhubungan antara perbelanjaan penggunaan dan pendapatan boleh guna dicirikan oleh tiga ciri, iaitu:

- i) Kenaikan pendapatan boleh guna akan menaikkan perbelanjaan penggunaan dengan kadar yang lebih kecil. Ini bererti kecenderungan mengguna sut adalah kurang daripada satu.
- ii) Kecenderungan mengguna sut kurang daripada kecenderungan mengguna purata.
- iii) Kadar perubahan mengguna sut adalah negatif. Ini bererti fungsi penggunaan semakin landai apabila pendapatan boleh guna bertambah.

hipotesis pendapatan relatif (*relative income hypothesis*) Hipotesis yang mengandaikan perbelanjaan penggunaan sesebuah keluarga bukan sahaja bergantung pada pendapatan semasa, tetapi juga dipengaruhi oleh pendapatan keluarga lain. Hipotesis ini telah dikemukakan oleh J.S. Duesenberry untuk menjelaskan wujudnya bukti empirik yang bercanggahan mengenai fungsi penggunaan jangka panjang dan jangka pendek berdasarkan data siri masa dan keratan rentas. Perhubungan antara perbelanjaan penggunaan dan pendapatan boleh guna mempunyai dua ciri:

- i) Bahagian pendapatan yang diperuntukkan pada perbelanjaan penggunaan atau kecenderungan pengguna purata ditentukan oleh pendapatan purata relatif, iaitu kedudukan keluarga tersebut dari segi agihan pendapatan. Oleh itu, apabila pendapatan kesemua keluarga bertambah sekali ganda yang bererti kedudukan setiap keluarga tidak berubah dari segi agihan pendapatan, iaitu bahagian pendapatan yang diperuntukkan kepada bahagian penggunaan bagi setiap keluarga tidak berubah.
- ii) Isi rumah lebih mudah menyesuaikan perbelanjaan penggunaan apabila pendapatan meningkat, berbanding dengan apabila pendapatan jatuh. Ini dinamakan kesan sehaluan. Ini kerana apabila pendapatan turun, isi rumah cuba mengekalkan taraf hidup mereka dengan mengurangkan sedikit perbelanjaan penggunaan. Apabila pendapatan naik, isi rumah akan mengikut pola penggunaan jangka panjang. Ini bererti, kecenderungan pengguna purata apabila pendapatan turun lebih besar daripada kecenderungan pengguna purata apabila pendapatan naik. Kadar kenaikan penggunaan kesan daripada kenaikan pendapatan adalah lebih besar daripada kadar kejatuhan penggunaan kesan daripada kejatuhan pendapatan.

hipotesis pendapatan tetap (*permanent income hypothesis*) Hipotesis yang

hukum daya pengeluaran sut berkurangan

mengandaikan bahawa jumlah perbelanjaan dipengaruhi oleh penggunaan pendapatan tetap, dan bukan pendapatan semasa. Hipotesis ini telah dikemukakan oleh Milton Friedman. Ini kerana pendapatan semasa terdiri daripada pendapatan tetap dan pendapatan sementara. Pendapatan sementara akan menentukan perbelanjaan pendapatan sementara. Oleh itu, pada suatu masa tertentu penggunaan tetap boleh jadi lebih besar atau lebih kecil daripada penggunaan terukur.

hukum daya pengeluaran sut berkurangan (*law of diminishing marginal productivity*) Hukum yang menyatakan bahawa apabila satu faktor pengeluaran ditambah berterusan sedangkan faktor-faktor lain tidak berubah, daya pengeluaran faktor berkenaan akan berkurangan. Daya pengeluaran sut berkurangan apabila sumbangan setiap tambahan unit faktor pengeluaran itu (faktor lain dibiarkan tetap) kepada output kurang daripada sumbangan unit sebelumnya, biasanya selepas tahap keluaran tertentu. Daya pengeluaran sut berkurangan adalah satu sebab utama kenapa keluk permintaan faktor bercerun menurun. *Sinonim* hukum pulangan fizikal sut berkurangan, hukum perkadaran berubah.

hukum pulangan fizikal sut berkurangan (*law of diminishing marginal physical returns*) Lihat hukum daya pengeluaran sut berkurangan.

hukum ekonomi (*economic law*) Kesimpulan umum yang menjelaskan perhubungan pemboleh ubah ekonomi tertakluk pada hukum majoriti atau hukum bilangan terbesar. Hukum ekonomi dibina berdasarkan kajian empirik yang dibuktikan secara statistik. Oleh itu, hukum ekonomi bukan satu kebenaran mutlak seperti hukum dalam sains tulen. Misalnya, hukum permintaan adalah benar dalam keadaan umum sahaja, tidak pada keseluruhan keadaan.

hukum Engle (*Engle's law*) Hipotesis yang menyatakan bahawa apabila tingkat pendapatan bertambah, maka perbelanjaan untuk makanan, walaupun bertambah dari segi jumlah, tetapi berkurangan secara relatif dibandingkan dengan perbelanjaan untuk tujuan lain.

hukum Gresham (*Gresham's law*) Hukum yang menyatakan bahawa apabila dua jenis logam yang berlainan nilai diberi kuasa yang sama bagi tender yang sah, maka logam yang lebih murah akan menjadi medium edaran yang utama, manakala logam yang lebih berharga akan disimpan atau dieksport dan seterusnya akan lenyap dalam edaran. Hukum ini masih digunakan, misalnya, oleh orang asing apabila membuat ketetapan untuk menerima emas sebagai ganti nilai mata wang dalam pembayaran terhadap barang-barang yang diimport.

hukum Okun (*Okun's law*) Hukum yang menyatakan apabila kadar pengangguran melebihi kadar guna tenaga penuh, kejatuhan kadar pengangguran akan menyebabkan peningkatan output negara. Hukum Okun menunjukkan kejatuhan satu peratus kadar pengangguran akan meningkatkan output negara sebanyak tiga peratus.

hukum penawaran (*law of supply*) Hukum yang menyatakan tentang perhubungan positif antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan bagi sesuatu barang. Mengikut hukum ini, kuantiti yang ditawarkan akan

bertambah apabila harga meningkat dan sebaliknya.

hukum penggantian berkurangan (*law of diminishing substitution*) Hukum yang menyatakan apabila pengguna ingin menukarkan satu barang dengan barang yang lain, dia sanggup menawarkan kuantiti yang banyak bagi unit pertama, dan kuantiti yang berkurangan bagi unit yang kedua, dan seterusnya. Apabila pengguna memiliki satu jenis barang dengan jumlah yang banyak, ia lebih bersedia untuk menukarkan barangan itu dengan barangan yang lain, yang tidak dimiliki atau yang dimilikinya tetapi dengan jumlah yang sedikit. Misalnya, A dan B ialah dua jenis barang yang berlainan. Jika pengguna mempunyai banyak A dan tiada B, dia akan sanggup menukarkan banyak barangan A untuk mendapatkan sedikit barangan B, tetapi jika dia berterusan menukarkan A untuk mendapatkan B, maka kuantiti A yang sanggup ditukarkan untuk mendapatkan setiap unit tambahan B akan berkurangan. Hukum ini berkaitan dengan hukum utiliti sut berkurangan. Hukum penggantian berkurangan memberikan bentuk keluk puas sama yang cembung ke arah titik asal.

hukum perkadaran berubah (*law of variable proportion*) Lihat hukum daya pengeluaran sut berkurangan.

hukum permintaan (*law of demand*) Hukum yang menyatakan bahawa sesuatu barang lebih banyak diminta atau dibeli apabila harga barang tersebut rendah, dan sebaliknya. Hukum ini menghasilkan keluk permintaan bercerun menurun. Misalnya, pada tingkat harga RM10.00, barang X yang diminta ialah 20 unit. Apabila harga turun kepada RM6.00, kuantiti meningkat kepada 60 unit.

hukum pulangan berkurangan (*law of diminishing returns*) Hukum yang menyatakan apabila satu faktor ditambah berterusan sedangkan faktor-faktor lain tidak diubah, maka akan tiba pada satu tahap apabila tambahan keluaran akan berkurangan. Misalnya, apabila tujuh orang pekerja digunakan untuk mengusahakan lima hektar tanah, jumlah keluaran yang diperoleh ialah 126 kg. Sumbangan sut pekerja ketujuh ialah 12 kg. Apabila seorang pekerja ditambah menjadi lapan orang untuk mengusahakan lima hektar tanah, jumlah keluaran ialah 136 kg. Ini bererti sumbangan sut pekerja kelapan ialah 10 kg. Dari contoh di atas, kita dapati sumbangan sut (keluaran sut) setiap pekerja yang ditambah berkurangan.

Bilangan Pekerja	Tanah (hektar)	Jumlah Keluaran (kg)	Keluaran Sut
5	5	100	–
6	5	114	14
7	5	126	12
8	5	136	10
9	5	144	8
10	5	150	6

hukum pulangan malar ikut bidangan

hukum pulangan malar ikut bidangan (*law of constant return to scale*)

Hukum yang menyatakan apabila bidangan pengeluaran ditambah, output akan bertambah berkadaran dengan pertambahan bidangan itu. Pertambahan bidangan merujuk pertambahan semua input dalam proses pengeluaran dengan kadar yang sama. Hukum ini cenderung berlaku dalam industri kecil seperti industri kraftangan tradisional yang biasanya tidak menggunakan mesin, dan industri yang dicirikan oleh teknik pengeluaran yang menggunakan faktor-faktor pengeluaran dengan kombinasi yang tetap, seperti industri menapis minyak.

hukum Say (*Say's law*) Hukum yang menyatakan bahawa aktiviti produktif sesebuah ekonomi akan mewujudkan permintaan yang mencukupi untuk menyerap barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam sesebuah ekonomi. Jika terdapat lebih dalam penawaran atau permintaan, aktiviti pengeluaran akan secara automatik membetulkan ketidakseimbangan itu melalui mekanisme harga, kadar upah, dan kadar bunga. Secara amnya, ketidakcukupan permintaan tidak akan wujud. Berdasarkan ciri ini, hukum Say secara mudah disebut sebagai penawaran mencipta permintaannya sendiri. Hukum ini telah diperkenalkan oleh ahli perniagaan Perancis iaitu Jean-Baptiste Say (1767 – 1832).

hukum upah minimum (*law of minimum wage*) Undang-undang yang mewajibkan buruh menerima sekurang-kurangnya upah minimum yang telah ditetapkan. Upah minimum selalunya diubah mengikut masa supaya pendapatan buruh berpatutan dengan keperluan asas. Pelaksanaan undang-undang ini secara langsung menyebabkan tingkat upah umum dalam sesebuah ekonomi lebih tinggi berbanding dengan keadaan apabila undang-undang ini tidak dilaksanakan.

hukum utiliti sut berkurangan (*law of diminishing marginal utility*) Hukum yang menyatakan semakin banyak suatu barangan itu dimiliki atau digunakan, semakin kurang kepuasan (utiliti) yang diperoleh daripada tambahan satu unit penggunaan barangan itu. Misalnya, apabila lima biji rambutan dimakan, jumlah utiliti ialah 200 dan apabila enam biji rambutan dimakan, jumlah utiliti ialah 250. Oleh itu utiliti sut ialah 50. Apabila sebiji lagi rambutan dimakan (tujuh biji), jumlah utiliti ialah 290. Oleh itu utiliti sut menjadi 40.

Bilangan Rambutan	Jumlah Utiliti	Utiliti Sut
5	200	–
6	250	50
7	290	40
8	320	30
9	340	20

Jadual menunjukkan semakin banyak rambutan dimakan, pertambahan jumlah utiliti adalah dengan kadar yang berkurangan. Ini bermakna, walaupun jumlah kepuasan atau utiliti bertambah, utiliti sutnya semakin berkurangan. Hukum utiliti sut berkurangan adalah asas hukum permintaan dan merupakan satu sebab utama keluk permintaan bercerun menurun.

hukum Walras (*Walrasian law*) Hukum yang menyatakan bahawa jika terdapat n pasaran dalam ekonomi, dan $n - 1$ daripadanya berada dalam keseimbangan, maka pasaran yang satu lagi itu semestinya berada dalam keseimbangan, kerana dalam ekonomi semestinya tidak wujud lebihan bersih permintaan atau penawaran. Sebaliknya, jika terdapat lebihan penawaran dalam salah satu pasaran itu maka semestinya wujud lebihan permintaan dalam pasaran lain. Hukum Walras berguna dalam analisis keseimbangan umum. Misalnya, dalam analisis makroekonomi, sebuah ekonomi dibahagikan kepada empat pasaran; sekiranya tiga daripada pasarnya, iaitu pasaran barang, pasaran buruh, dan pasaran wang berada dalam keseimbangan, maka semestinyalah pasaran yang satu lagi, iaitu pasaran bon berada dalam keseimbangan. Sehubungan itu, analisis keseimbangan makroekonomi biasanya melihat keseimbangan pasaran barang, pasaran buruh, dan pasaran wang, dengan mengabaikan pasaran bon.

hutang asing (*foreign debt*) Lihat hutang luar negeri.

hutang awam (*public debt*) Lihat hutang negara.

hutang dalam negeri (*domestic debt, internal debt*) Pinjaman yang dibuat oleh kerajaan, termasuk kerajaan negeri dan tempatan, badan dan agensi kerajaan, daripada sektor swasta negara berkenaan. Kerajaan meminjam daripada sektor isi rumah dengan membuat pinjaman langsung daripada bank-bank dan institusi kewangan, atau dengan menjual bon dan sekuriti kerajaan kepada institusi-institusi kewangan bukan bank seperti KWSP, atau kepada bank dan syarikat kewangan.

hutang kerajaan (*government debt*) Lihat hutang negara.

hutang lapuk (*bad debt*) Hutang yang sukar atau tidak mungkin dapat dipungut. Misalnya, syarikat kerjasama atau peniaga kecil mempunyai ramai penghutang yang tidak menjelaskan hutang mereka walaupun telah diminta atau diingatkan berkali-kali. Setelah gagal untuk mendapatkannya, dan syarikat tersebut merasa yakin hutang tersebut tidak dapat dipungut lagi, hutang tersebut dikelaskan sebagai hutang lapuk.

hutang luar negeri (*external debt*) Pinjaman kerajaan atau badan dan agensi kerajaan sesebuah negara daripada kerajaan atau bank negara asing, atau badan kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia. Hutang daripada badan kewangan atau kerajaan negara asing dikenali sebagai pinjaman projek, dan biasanya digunakan untuk membiayai projek pembangunan tertentu, serta dikenakan syarat tertentu. Manakala hutang

hutang negara

luar negeri daripada bank negara asing dikenali sebagai pinjaman pasaran. *Sinonim* hutang asing.

hutang negara (*national debt*) Hutang kerajaan kepada orang ramai dan institusi dalam negeri (hutang dalam negeri) dan kepada pemastautin asing (hutang luar negeri). Hutang dalam negeri termasuk pinjaman kerajaan melalui jualan bon atau bil perbendaharaan, dan pinjaman daripada kumpulan simpanan seperti kumpulan wang simpanan pekerja. Hutang luar negeri ialah pinjaman daripada kerajaan asing, bank dunia, bank swasta negara asing, atau institusi kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Pembangunan Islam. *Sinonim* hutang awam.

I

identiti (*identity*) Persamaan yang benar apabila ditakrifkan demikian. Misalnya, pendapatan negara, Y , ditakrifkan sebagai hasil tambah perbelanjaan penggunaan, C , perbelanjaan pelaburan, I , perbelanjaan bersih kerajaan, G , dan perbelanjaan import bersih ($X - M$). Formulanya ialah:

$$Y = C + I + G + (X - M)$$

identiti untung (*profit identity*) Identiti yang menunjukkan untung sesuatu firma, iaitu jumlah hasil firma tersebut ditolak jumlah kos. Formulanya ialah:

$$\pi = PY - (wL + rK)$$

apabila P = harga,
 Y = output,
 w = harga input L ,
 r = harga input K , dan
 π = untung.

Sinonim persamaan untung.

imbangan aktif (*active balance*) Imbangan pembayaran positif atau yang menguntungkan, iaitu penerimaan melebihi pembayaran. *Lihat juga* imbangan pembayaran.

imbangan asas (*basic balance*) Imbangan bersih semua butiran urus niaga yang terkandung dalam akaun semasa dan akaun modal jangka panjang. Imbangan asas bertujuan membezakan urus niaga.

imbangan dagangan (*merchandise balance*) *Lihat* imbangan perdagangan.

imbangan kecairan bersih (*net liquidity balance*) Imbangan asas dicampur aliran modal jangka pendek bersih dan ralat serta ketinggalan. Imbangan kecairan bersih memberi gambaran kedudukan permintaan dan penawaran terhadap mata wang. *Lihat juga* imbangan pembayaran.

imbangan negatif (*adverse balance*) *Lihat* imbangan tak memuaskan.

imbangan pembayaran

imbangan pembayaran (*balance of payment*) Catatan semua urusan niaga antara sesebuah negara dengan negara lain di dunia bagi suatu jangka masa, biasanya setahun. Urusan niaga ini dilihat dari segi imbalan dagangan (eksport dan import barang), imbalan perkhidmatan, dan imbalan modal. Imbalan pembayaran menunjukkan hubungan antara jumlah pembayaran dengan jumlah penerimaan sesebuah negara dengan negara lain. Imbalan pembayaran terbahagi kepada tiga akaun utama, iaitu imbalan akaun semasa yang mencatatkan eksport dan import barang dan perkhidmatan, akaun modal yang mencatatkan aliran modal jangka pendek dan jangka panjang, dan akaun keseluruhan yang menjumlahkan imbalan akaun semasa dan akaun modal. Kurangan imbalan pembayaran menunjukkan kedudukan ekonomi yang tidak teguh, iaitu pembayaran import barang dan perkhidmatan serta aliran keluar modal melebihi eksport barang dan perkhidmatan serta aliran masuk modal. Keadaan ini selalu diperbaiki dengan menggalakkan eksport dan mengurangkan import barang dan perkhidmatan.

imbangan penyelesaian rasmi (*official settlements balance*) Perbezaan antara perubahan aset rasmi milik sesebuah negara di luar negeri dengan aset milik sesebuah negara asing. Aset rasmi termasuk Hak Ambilan Khas (HAK), sekuriti kerajaan, dan rizab antarabangsa. Imbalan penyelesaian rasmi memberi gambaran tentang pembayaran atau penerimaan yang harus dibuat oleh sesebuah negara untuk mengimbangi lebihan atau kurangan imbalan keseluruhan.

imbangan perdagangan (*balance of trade*) Hubungan antara pembayaran terhadap import barang ketara dengan penerimaan daripada eksport barang sesebuah negara. Apabila penerimaan melebihi pembayaran, imbalan perdagangan adalah positif, dan sebaliknya. *Sinonim* imbalan dagangan.

imbangan semasa (*current balance*) Hubungan antara penerimaan dengan pembayaran sesebuah negara terhadap import dan eksport barang dan perkhidmatan, dan juga bayaran pindahan yang berlaku dalam sesuatu tempoh, misalnya, setahun. Keluar masuk modal tidak diambil kira dalam imbalan ini. Imbalan akaun semasa memberi maklumat tentang pendapatan atau pengeluaran sesebuah negara yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.

imbangan tak memuaskan (*unfavourable balance*) Imbalan perdagangan atau imbalan pembayaran yang defisit, iaitu apabila jumlah debit melebihi jumlah kredit dalam akaun tersebut. Misalnya, apabila nilai import melebihi nilai eksport. *Sinonim* imbalan negatif.

import (*import*) Pembelian barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara asing. Barang yang diimport termasuk barang pengguna, barang modal, dan bahan mentah. Import perkhidmatan termasuk perkhidmatan perkapalan yang ditawarkan oleh negara asing, pelancongan rakyat

tempatan ke negara asing, dan pembelian insurans asing oleh rakyat tempatan.

indeks daya pengeluaran (*productivity index*) Penunjuk daya pengeluaran kesemua faktor pengeluaran suatu sektor bagi suatu tempoh berbanding dengan daya pengeluaran pada satu tahun asas. Indeks ini dikira dengan mengambil purata wajaran daya pengeluaran setiap input yang relatif pada tahun asas. Indeks daya pengeluaran digunakan untuk mengukur kecekapan teknik atau perubahan teknologi sesuatu sektor ekonomi.

indeks harga (*price index*) Penunjuk purata harga sekumpulan barang bagi satu tempoh berbanding dengan purata harga bagi barang yang sama pada satu tahun asas. Indeks harga dikira dengan mengambil purata wajaran harga pada suatu masa dibahagi dengan purata harga barang yang sama pada satu tahun asas. Wajaran yang sering digunakan ialah kuantiti barang yang digunakan atau yang diurusniagakan pada tahun asas atau pada tahun indeks harga tersebut dikira. Misalnya, indeks harga pengguna, indeks harga pengeluar, dan pendeflasi keluaran negara kasar.

indeks harga borong (*wholesale price index*) Indeks harga yang dikira berdasarkan harga jualan borong barang tertentu, yang merupakan barang penting pada ekonomi sesebuah negara. Biasanya, kadar perubahan harga yang berdasarkan indeks ini adalah lebih rendah daripada kadar perubahan harga mengikut indeks pengguna.

indeks harga Laspeyres (*Laspeyres price index*) Indeks harga yang dikira dengan menggunakan kuantiti barang tahun asas sebagai wajaran. Misalnya, indeks harga Laspeyres bagi tahun t ialah:

$$LP_t = \frac{\sum_{i=1}^k P_{it} X_{i0}}{\sum_{i=1}^k P_{i0} X_{i0}} \times 100$$

apabila X_1, X_2, \dots, X_k = barang yang digunakan,
 $X_{10}, X_{20}, \dots, X_{k0}$ = kuantiti barang pada tahun asas,
 $P_{10}, P_{20}, \dots, P_{k0}$ = harga masing-masing pada tahun asas, dan
 $P_{1t}, P_{2t}, \dots, P_{kt}$ = harga masing-masing pada tahun t .

Kebanyakan indeks harga di Malaysia menggunakan kaedah indeks harga Laspeyres.

indeks harga Paasche (*Paasche price index*) Indeks harga yang dikira dengan menggunakan kuantiti barang pada tahun indeks harga tersebut dikira sebagai wajaran. Misalnya, indeks harga Paasche bagi tahun t ialah:

$$PP_t = \frac{\sum_{i=1}^k P_{it} X_{it}}{\sum_{i=1}^k P_{i0} X_{it}} \times 100$$

indeks harga pengeluar

apabila X_1, X_2, \dots, X_k = barang yang digunakan,
 $P_{10}, P_{20}, \dots, P_{k0}$ = harga masing-masing pada tahun asas,
 $X_{1t}, X_{2t}, \dots, X_{kt}$ = kuantiti barang pada tahun t , dan
 $P_{1t}, P_{2t}, \dots, P_{kt}$ = harga masing-masing pada tahun t .

Contoh indeks harga Paasche ialah pendeflasi keluaran negara kasar.

indeks harga pengeluar (*producer's price index*) Indeks harga yang dikira berdasarkan harga yang ditawarkan oleh pengeluar. Indeks harga pengeluar menggambarkan perubahan kos pengeluaran barang dalam ekonomi. *Lihat juga* indeks harga.

indeks harga pengguna (*common price index*) Indeks harga yang menggambarkan perubahan harga runcit barang pengguna. Indeks harga pengguna dikira berdasarkan harga pesanan barang dan perkhidmatan yang biasa dibeli oleh seseorang isi rumah yang dianggap sederhana dalam sesebuah negara. Indeks ini biasanya dikira dengan menggunakan kaedah Laspeyres. Indeks harga pengguna ialah penunjuk penting bagi sesebuah negara dan digunakan untuk mengira kadar inflasi dan kos sara hidup.

indeks kos sara hidup (*cost of living index*) Indeks yang mengukur perubahan kos sara hidup sekumpulan individu yang mempunyai satu tahap pendapatan yang tertentu. Pengiraan dibuat berdasarkan sekumpulan barangan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, atau pengangkutan. Wajaran diberikan mengikut kepentingan barangan tersebut dengan menggunakan tahun asas yang diberi indeks 100. Kenaikan harga barang tersebut akan memberikan satu indeks baru yang melebihi 100, dan dengan itu, mencerminkan kenaikan kos sara hidup.

indeks kuantiti (*quantity index*) Indeks yang menunjukkan perubahan sekumpulan kuantiti beberapa jenis barangan tertentu bagi satu tempoh dibahagi dengan kuantiti barangan yang sama pada tahun asas. Indeks ini dikira dengan menggunakan harga tahun asas sebagai wajaran, iaitu berbeza dengan indeks kuantiti Paasche yang menggunakan harga semasa sebagai wajaran. Wajaran yang sering digunakan ialah harga barang tersebut pada tahun asas, atau pada tahun apabila indeks itu dikira. Indeks yang digunakan pada tahun asas disebut indeks kuantiti Laspeyres, dan indeks yang digunakan pada tahun semasa disebut indeks kuantiti Paasche. Misalnya, indeks pengeluaran industri.

indeks kuantiti Laspeyres (*Laspeyres quantity index*) *Lihat* indeks kuantiti.

indeks kuantiti Paasche (*Paasche quantity index*) *Lihat* indeks kuantiti.

indeks pengeluaran industri (*industrial production index*) Ukuran output fizikal bagi industri perkilangan, industri perlombongan, dan industri utiliti awam, yang dikumpulkan dalam satu jangka masa, seperti sebulan, tiga bulan, enam bulan, atau setahun. Tujuan indeks ini adalah untuk melihat kepentingan relatif tiap-tiap keluaran berdasarkan data kuantiti dan nilai yang ditentukan daripada bancian terbaharu kerajaan.

indeks penunjuk lat (*index of lagging indicator*) Ukuran sesuatu agregat

dalam ekonomi yang biasanya berbentuk siri masa, yang pergerakannya seolah-olah mengikuti jejak pergerakan keseluruhan aktiviti ekonomi. Apabila aktiviti ekonomi secara keseluruhan meningkat, maka indeks ini juga akan meningkat selepas beberapa waktu tertentu yang lazim, dan sebaliknya. Indeks ini digunakan untuk mengesahkan apakah kedudukan ekonomi secara keseluruhan berbanding dengan kedudukannya pada waktu tertentu. Antara siri masa yang selalu digunakan sebagai indeks ini ialah nilai inventori barang pembuatan, perbelanjaan firma terhadap loji dan peralatan, kos buruh seunit output, tingkat pinjaman perdagangan belum jelas, dan kadar bunga terhadap pinjaman perniagaan jangka pendek.

indeks penunjuk utama (*index of leading indicator*) Ukuran sesuatu agregat ekonomi atau kombinasi beberapa agregat ekonomi yang biasanya berbentuk satu siri masa, yang pergerakannya secara sistematik mendahului perubahan tingkat aktiviti ekonomi keseluruhan. Apabila indeks ini meningkat, maka selepas beberapa waktu yang lazim, tingkat aktiviti ekonomi keseluruhan juga akan meningkat, dan sebaliknya. Indeks ini digunakan oleh pembuat dasar, ahli ekonomi, dan para usahawan untuk meramal keadaan ekonomi. Agregat ekonomi yang selalu digunakan sebagai penunjuk utama termasuk pesanan baru barangan tahan lama, kadar pengangguran mingguan, dan permohonan permit pembinaan bangunan baru.

indeks peresapan (*diffusion index*) Penunjuk penyebaran aktiviti ekonomi dari satu industri ke satu industri yang lain. Indeks ini menggambarkan satu kenaikan atau kejatuhan siri dalam sesuatu jeda masa. Jika bilangan siri yang mengalami kenaikan lebih besar daripada bilangan siri yang mengalami kejatuhan, maka indeks ini lebih tinggi daripada 50, dan sebaliknya.

indentur (*indenture*) Perjanjian antara sesebuah perbadanan dengan pemegang amanah yang menentukan syarat bagaimana bon dikeluarkan. Perjanjian ini juga menamakan pemegang amanah dan memberi kuasa kepadanya untuk bertindak bagi pihak semua pemegang bon. Indentur menggariskan hak pemegang bon serta hak dan liabiliti perbadanan sebagai penghutang. Pemegang amanah, biasanya sebuah bank atau badan amanah, bertanggungjawab menetapkan syarat indentur, melindungi pemegang bon, dan menjalankan beberapa tugas mekanikal seperti menguruskan pembayaran bunga.

industri (*industry*) Kumpulan firma yang mengeluarkan barang yang sama. Misalnya, industri sabun basuh terdiri daripada sekumpulan firma yang mengeluarkan sabun basuh, tetapi setiap firma mempunyai jenamanya sendiri.

industri di rumah (*cottage industry*) Lihat industri kotej.

industri ekstraktif (*extractive industry*) Industri yang aktiviti utamanya mengeluarkan bahan mentah daripada sumber asli. Misalnya, industri

industri fajar

perlombongan bijih timah, bijih besi, dan cari gali minyak.

industri fajar (*sunrise industry*) Industri atau subsektor sesuatu industri yang sedang berkembang dan dijangka akan mengalami perkembangan pesat pada masa hadapan. Misalnya, industri yang berasaskan teknologi maklumat di Malaysia.

industri kotej (*cottage industry*) Industri yang menghasilkan barangan di rumah atau di perkarangan rumah. Industri kotej mempunyai bidang pengeluaran yang kecil, aras teknologi yang rendah, dan bilangan buruh yang kecil, yang biasanya terdiri daripada ahli keluarga. Misalnya, perusahaan membuat keropok, wau, atau hasil kraftangan. *Sinonim* industri di rumah.

industri muda (*infant industry*) Industri yang baru mula bertapak dalam sesebuah negara dan tidak mampu bersaing dengan industri luar negeri. Dalam mengamalkan dasar penggantian import, negara membangun menggalakkan penubuhan industri baru untuk mengeluarkan barang yang dahulunya diimport. Untuk menjamin industri muda terus berkembang, sesebuah negara biasanya melindungi industri tersebut dengan mengenakan sekatan perdagangan dan tarif. Jangka masa perlindungan yang diberi dipercayai mencukupi untuk industri itu mengembangkan ekonomi ikut bidangan, dan meningkatkan kecekapan teknologi supaya harga boleh dikurangkan dan mereka boleh bersaing dengan industri asing.

industri penting (*key industry*) Industri yang mempunyai pengaruh yang penting kepada industri lain dan juga kepada ekonomi seluruhnya kerana saiz, lokasi, dan jenis keluarannya. Sesuatu yang berlaku ke atas industri ini akan memberi kesan besar terhadap industri lain dan juga kepada ekonomi. Misalnya, industri minyak dan industri pertanian yang merupakan industri penting dari segi sumbangan pekerjaan.

industri peringkat kedua (*secondary industry*) Industri yang mengkhusus dalam pengeluaran barang siap dan separuh siap dengan memproses bahan mentah dan bahan separuh mentah yang dikeluarkan oleh industri peringkat pertama. Industri peringkat kedua terdiri daripada industri pembuatan dan perkilangan, seperti industri mengeluarkan keluli, jentera, barang elektrik dan elektronik, dan bahan makanan yang diproses.

industri peringkat ketiga (*tertiary industry*) Industri yang menyediakan perkhidmatan dan terlibat dalam urusan perdagangan. Misalnya, industri membaiki dan menyelenggara barang modal, pentadbiran awam, pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, pelancongan, perdagangan runcit dan borong, industri bank, perniagaan sekuriti, dan perkhidmatan perundingan.

industri peringkat pertama (*primary industry*) Perusahaan yang berkaitan dengan pengeluaran komoditi utama, yang belum mengalami sebarang bentuk pemprosesan seperti industri pertanian, perlombongan, perhutanan, dan perikanan.

industri perintis (*pioneer industry*) Industri muda yang dianggap penting

kepada pertumbuhan sektor perindustrian dan ekonomi sesebuah negara. Untuk mengembangkan industri berkenaan, kerajaan memberikan taraf perintis yang biasanya melibatkan pemberian subsidi eksport, perlindungan tarif dan bukan tarif, dan kelepasan cukai.

industri senja (*sunset industry*) Industri atau subsektor sesuatu industri yang mengalami kejatuhan dan dijangka akan terus mengalami kejatuhan pada masa akan datang. Misalnya, industri timah di Malaysia.

industri utama (*leading industry*) Industri penting dalam sesebuah negara yang boleh mencetuskan kesan rantaian kepada industri lain. Pembangunan industri utama menggalakkan perkembangan industri lain yang menggunakan output industri utama, iaitu rantaian ke hadapan, dan akan menggalakkan perkembangan industri yang membekalkan input kepada industri utama, iaitu rantaian ke belakang. Misalnya, industri berat yang mewujudkan rantaian ke hadapan bagi industri kereta, dan rantaian ke belakang bagi industri perlombongan.

inferens statistik (*statistical inference*) Lihat pentakbiran statistik.

inflasi (*inflation*) Kenaikan tingkat harga umum secara berterusan apabila harga purata dalam sesebuah ekonomi meningkat. Pada masa inflasi, ada harga yang meningkat lebih tinggi, ada harga meningkat secara perlahan, dan ada yang mungkin turun. Inflasi dianggap berlaku apabila harga meningkat secara berterusan selama beberapa bulan atau beberapa tahun. Inflasi mungkin berpunca daripada kenaikan permintaan agregat, terlalu banyak wang mengejar terlalu sedikit barang, atau kenaikan kos pengeluaran.

inflasi kejutan penawaran (*supply shock inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kenaikan kos akibat kejutan penawaran. Misalnya, kejutan minyak pada tahun 1973 dan 1979 menyebabkan inflasi berlaku di seluruh dunia.

inflasi liar (*wild inflation*) Lihat inflasi melampau.

inflasi melampau (*hyperinflation, runaway inflation*) Inflasi yang cepat dan berterusan tanpa had. Inflasi ini mendatangkan kesan yang sangat buruk terhadap sistem kewangan kerana wang yang ada tidak mempunyai nilai atau mempunyai nilai yang sangat rendah. Inflasi ini sering berlaku pada atau selepas selesainya sesuatu malapetaka atau kerosakan alam seperti peperangan. Dalam keadaan ini output benar sangat kurang, manakala penawaran wang terlalu banyak kerana kerajaan mencetak wang yang berlebihan untuk membiayai perang atau kerosakan akibat perang. Misalnya, inflasi melampau yang berlaku di Jerman selepas Perang Dunia Pertama dari akhir tahun 1922 hingga akhir tahun 1923. *Sinonim* inflasi liar, inflasi melompat.

inflasi melompat (*galloping inflation*) Lihat inflasi melampau.

inflasi merayap (*creeping inflation*) Inflasi yang meningkat secara perlahan, biasanya pada kadar 2% setahun. Sesetengah ahli ekonomi berpendapat bahawa inflasi jenis ini baik untuk sesebuah ekonomi kerana ia

inflasi pendapatan

menggalakkan pertumbuhan output benar.

inflasi pendapatan (*income inflation*) Inflasi yang berpunca daripada usaha memperbaiki pendapatan relatif. Usaha ini bermula dari kejayaan sekumpulan pekerja menuntut kenaikan pendapatan. Apabila kumpulan lain melihat kejayaan tuntutan kumpulan itu, mereka pula menuntut kenaikan pendapatan. Fenomenon ini merebak ke seluruh ekonomi, yang akhirnya menyebabkan peningkatan pendapatan, dan seterusnya meningkatkan permintaan agregat. Sekiranya penawaran agregat tetap, maka inflasi pendapatan akan berlaku.

inflasi pengesahan tolakan kos (*rectification push cost inflation*) Inflasi yang berpunca daripada tindakan kerajaan menambahkan permintaan agregat, sama ada menerusi peningkatan bekalan wang, atau perbelanjaan kerajaan untuk mengelakkan kesan negatif daripada kejutan penawaran. Kejutan penawaran yang berlaku sekali mungkin menyebabkan kenaikan harga, tetapi tidak menyebabkan inflasi. Kesan kejutan tersebut boleh mempengaruhi daya pengeluaran buruh sehingga menyebabkan pengangguran. Untuk mengatasinya, kerajaan menambahkan permintaan agregat yang seterusnya menyebabkan kenaikan harga secara berterusan.

inflasi sebelah penawaran (*supply-side inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kekurangan penawaran agregat yang disebabkan oleh kejatuhan daya pengeluaran. Kejatuhan penawaran agregat dipengaruhi oleh faktor seperti kenaikan kos bahan mentah, kos upah, dan kejutan penawaran.

inflasi sebelum masa (*premature inflation*) Inflasi yang berlaku akibat daripada kadar upah yang cenderung meningkat semasa ekonomi menghampiri tingkat guna tenaga penuh. Pada tempoh tersebut, kenaikan upah yang cepat terjadi bukan kerana terdapat lebih permintaan buruh tetapi kerana buruh kerap bertukar kerja.

inflasi sesak (*bottle-neck inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kenaikan harga barang atau perkhidmatan di sektor tertentu sahaja, akibat kesesakan yang berlaku dalam sektor berkenaan. Inflasi ini mungkin berlaku apabila wujudnya kesesakan penawaran dalam industri utama ekonomi, seperti industri besi dan keluli, dan industri sumber tenaga. Inflasi sesak biasanya dicirikan oleh kenaikan harga yang perlahan atau bersifat inflasi merayap.

inflasi tarikan permintaan (*demand-pull inflation*) Inflasi yang berpunca daripada pertambahan yang cepat jumlah wang yang ingin dibelanjakan, yang melebihi pertambahan barang atau perkhidmatan yang ditawarkan, atau pertambahan permintaan agregat melebihi pertambahan penawaran agregat. Keadaan ini juga disebut “terlalu banyak wang mengejar sedikit barang”. Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pertambahan agregat ialah pertambahan penawaran wang, pertambahan permintaan eksport, dan pertambahan defisit belanjawan.

inflasi terperakui (*validated inflation*) Inflasi yang dibenarkan kerana kerajaan menambahkan penawaran wang dengan kadar yang sama dengan

inflasi. Inflasi ini sebenarnya berpunca daripada penawaran wang. Oleh itu, pertambahan penawaran wang tidak memberi kesan terhadap barang dan perkhidmatan, dan lebih permintaan terhadap wang tidak akan wujud. Inflasi ini hanya memberi kesan neutral kepada ekonomi.

inflasi tersembunyi (*hidden inflation*) Keadaan apabila nilai wang atau kuasa beli jatuh bukan kerana kenaikan harga barang, tetapi kerana kejatuhan mutu perkhidmatan atau barang, atau pengurangan saiz barang secara keseluruhan.

inflasi tertekan (*repressed inflation*) Keadaan apabila nilai wang atau kuasa beli menurun secara berterusan, bukan disebabkan oleh kenaikan harga, tetapi akibat sekatan permintaan oleh kerajaan melalui pelesenan, pencatutan barangan, dan pengawalan harga. Pada masa inflasi tertekan, kadar inflasi tidak tinggi kerana wujudnya kawalan-kawalan tersebut, tetapi kuasa beli menurun kerana kekurangan barang. Apabila kawalan tersebut dimansuhkan, kemungkinan besar inflasi akan meningkat dengan tinggi. Inflasi ini biasanya berlaku dalam ekonomi bukan pasaran.

inflasi tokok (*mark-up inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kenaikan harga akibat kegiatan firma monopoli dan oligopoli yang mengamalkan prinsip penentuan harga tokok atau harga tertadbir. Keadaan ini mungkin berlaku sekiranya firma monopoli menguasai industri utama.

inflasi tolakan kos (*cost-push inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kenaikan autonomi kos pengeluaran, sama ada akibat kenaikan harga faktor pengeluaran, atau gangguan dalam penawaran faktor tersebut. Kenaikan kos pengeluaran mendesak kenaikan harga barang. Beberapa faktor boleh menyebabkan kenaikan kos, seperti kejatuhan pengeluaran barang, kenaikan autonomi harga bahan mentah, tuntutan upah kesatuan sekerja, atau kegiatan meletak harga syarikat monopoli.

inflasi tolakan kos upah (*wage-cost push inflation*) Lihat inflasi tolakan upah.

inflasi tolakan upah (*wage-push inflation*) Inflasi yang berpunca daripada kenaikan upah buruh. Misalnya, akibat tuntutan kesatuan sekerja. Kenaikan upah ini diikuti oleh kenaikan harga barang dan perkhidmatan kerana firma ingin mengekalkan tingkat keuntungan mereka. Inflasi tolakan upah boleh berlaku sekiranya kuasa kesatuan sekerja kuat. *Sinonim* inflasi tolakan kos upah.

infrastruktur (*infrastructure*) Kemudahan asas ekonomi negara, seperti sistem pengangkutan dan perhubungan, kemudahan kuasa dan tenaga, dan perkhidmatan awam yang lain, yang penting dalam menentukan tahap aktiviti ekonomi. Infrastruktur termasuk aset tak ketara seperti tingkat pendidikan dan sikap sosial penduduk, kemahiran industri, dan pengalaman pentadbiran. Oleh sebab infrastruktur ini sangat penting, maka lebih baik dan lengkap infrastruktur sesebuah negara, akan lebih cekap dan sempurna aktiviti ekonomi yang dijalankan.

input (*input*) Lihat faktor pengeluaran.

input bawahan

input bawahan (*inferior input*) Input yang penggunaannya berkurang apabila keluaran bertambah. Misalnya, penggunaan buruh oleh firma dalam industri berteknologi tinggi semakin berkurang apabila keluaran firma tersebut meningkat.

input bersama (*joint input*) Dua input atau lebih yang memerlukan satu sama lain dalam sesuatu proses pengeluaran. Misalnya, tanah tidak boleh mengeluarkan padi jika tidak disertakan dengan buruh, kerana tanah dan buruh ialah input bersama bagi pengeluaran padi.

input berubah (*variable input*) Input yang kuantiti penggunaannya berubah apabila jumlah output yang dikeluarkan berubah. Misalnya, bahan mentah dan buruh yang kuantiti inputnya perlu ditambah sekiranya jumlah output perlu dibanyakkan. *Sinonim* faktor berubah.

input kos terendah (*least cost input*) Lihat permintaan input bersyarat.

input normal (*normal input*) Input yang penggunaannya bertambah apabila keluaran bertambah. Misalnya, buruh, modal, dan bahan mentah yang penggunaannya dalam kebanyakan industri meningkat apabila keluaran firma tersebut bertambah.

input pengganti (*substitute input*) Input yang penggunaannya bertambah apabila harga input lain meningkat, dan sebaliknya. Misalnya, penggunaan modal akan meningkat apabila upah buruh meningkat.

input penggenap (*complementary input*) Input yang penggunaannya bertambah apabila harga input lain menurun, dan sebaliknya. Misalnya, apabila harga jentera turun, permintaan terhadap jentera meningkat. Dengan itu, permintaan terhadap minyak sebagai input penggenap kepada jentera akan turut meningkat.

input pertengahan (*intermediate input*) Input yang berbentuk barang separa siap yang merupakan output firma lain atau firma itu sendiri. Misalnya, dalam pengeluaran kereta, input pertengahan termasuk tayar, cermin, dan besi waja.

input tak boleh bahagi (*indivisible input*) Faktor pengeluaran tertentu, seperti tenaga kerja dan peralatan, yang tidak boleh dibahagikan kepada unit yang lebih kecil. Misalnya, satu mesin besar tidak boleh dibahagikan atau dipecahkan kepada dua bahagian dan mengeluarkan setengah daripada output maksimum pada setengah daripada kos asal. Mesin ini boleh mengeluarkan output sebanyak 50% daripada kapasitinya walaupun kos satu unit lebih tinggi daripada pengeluaran pada kapasiti 90%. Faktor pengeluaran yang tidak boleh dibahagikan ini boleh digunakan dengan sangat cekap apabila output yang dikeluarkan adalah besar, dan sebaliknya kurang cekap pada tingkat pengeluaran yang rendah.

input tetap (*fixed input*) Input yang kuantitinya tidak boleh diubah oleh firma dalam jangka masa pendek, seperti loji, tanah, dan jentera.

insentif cukai (*tax incentive*) Galakan khas kerajaan dalam bentuk cukai untuk kegiatan pelaburan dan pengeluaran tertentu supaya dapat menikmati lebihan ekonomi dan sosial yang lebih tinggi. Bentuk galakan cukai yang

selalu diamalkan ialah pemberian kelepasan cukai pendapatan kepada syarikat tertentu untuk beberapa tahun atau pengurangan cukai pendapatan untuk beberapa peratus, atau pengecualian cukai ke atas input luar yang mesti diimport. Insentif cukai diberi apabila syarikat atau pelabur memenuhi syarat yang ditetapkan seperti syarat taraf perintis, syarat penggunaan buruh dan bahan mentah tempatan, jumlah modal yang dilaburkan, dan tempat didirikan tapak pengilangan. *Sinonim* insentif fiskal.

insentif fiskal (*fiscal incentive*) Lihat insentif cukai.

insidens cukai (*tax incidence*) Kesan sesuatu cukai terhadap agihan pendapatan pembayar cukai. Lihat juga beban cukai.

insurans (*insurance*) 1. Perlindungan bagi sebarang kemungkinan kerugian akibat peristiwa yang mungkin berlaku seperti kebakaran, kecurian, kemalangan, dan peristiwa yang pasti berlaku seperti kematian. Untuk mendapatkan perlindungan insurans, seseorang perlu membeli insurans dengan membayar sejumlah wang tertentu yang dipanggil premium insurans. Pemegang insurans seterusnya berhak menerima sejumlah wang tertentu apabila berlaku kerugian akibat peristiwa yang diinsuranskan jika berlaku dalam tempoh yang ditetapkan. 2. Tuntutan yang menjanjikan sejumlah pulangan tertentu pada masa hadapan yang ditetapkan apabila berlaku sesuatu peristiwa.

insurans kredit (*credit insurance*) Insurans yang melindungi syarikat daripada kemungkinan kerugian hutang lapuk. Pemberian kredit melibatkan risiko kerugian apabila hutang tidak dibayar balik. Untuk mengelakkan kemungkinan kerugian tersebut, syarikat boleh membeli insurans yang akan membayar sejumlah wang tertentu apabila kredit gagal dijelaskan.

insurans nyawa (*life insurance*) Lihat asurans.

insurans pengangguran (*unemployment insurance*) Skim perlindungan untuk membantu pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja oleh syarikat. Pekerja yang terpaksa menganggur akan menerima bayaran pindahan daripada satu tabung yang diwujudkan daripada pembayaran cukai upah yang dikenakan terhadap majikan. Jumlah bayaran yang diterima oleh pekerja biasanya bergantung pada keadaan ekonomi semasa.

integrasi (*integration*) Proses pembesaran syarikat yang melibatkan penyatuan pelbagai aktiviti pengeluaran di bawah satu kawalan. Misalnya, syarikat membuat kereta membesarkan operasinya dengan mengambil alih syarikat membuat tayar, atau syarikat membuat rokok mengambil alih syarikat lain yang mengeluarkan rokok jenama yang berlainan.

integrasi ekonomi (*economic integration*) Proses penyatuan yang meliputi tahap kegiatan ekonomi tertentu dan dasar ekonomi beberapa buah negara dalam sesuatu kawasan tertentu. Misalnya, pasaran bersama, kesatuan kastam, dan kawasan perdagangan bebas.

integrasi ke belakang (*backward integration*) Integrasi menegak yang terjadi apabila syarikat membesarkan operasi dengan menambahkan aktiviti

integrasi ke hadapan

pengeluaran yang bertahap lebih rendah. Misalnya, firma membuat tayar menguasai firma yang mengeluarkan bahan mentah seperti syarikat perladangan getah.

integrasi ke hadapan (*forward integration*) Integrasi menegak yang terjadi apabila syarikat membesarkan operasi dengan menambahkan aktiviti pengeluaran yang bertahap lebih tinggi. Misalnya, syarikat pengeluaran minyak mengembangkan perniagaan dengan membuka atau mengambil alih stesen menjual minyak petrol. Matlamat utama syarikat membuat integrasi ke hadapan adalah untuk menjamin hubungan yang lebih rapat dengan pasaran bagi keluarannya.

integrasi mendatar (*horizontal integration, lateral integration*) Integrasi yang melibatkan penyatuan proses pengeluaran yang sama atau hampir sama. Integrasi mendatar biasanya melibatkan satu syarikat mengambil alih syarikat lain yang mengeluarkan barang yang hampir sama, atau barang yang hanya berbeza dari segi jenama. Misalnya, syarikat rokok membesarkan operasinya dengan mengambil alih syarikat membuat rokok keretek. Integrasi mendatar boleh terjadi apabila terdapat persamaan dari segi teknik pengeluaran atau bahan mentah yang digunakan.

integrasi menegak (*vertical integration*) Integrasi yang melibatkan penyatuan pelbagai tahap pengeluaran yang saling berkaitan di bawah kawalan satu syarikat. Integrasi menegak menyebabkan firma menambah bilangan proses pengeluaran tetapi tidak semestinya membesarkan sesuatu proses tersebut. Misalnya, firma membuat kereta menambahkan aktiviti pengeluaran dengan mengambil alih syarikat membuat tayar atau syarikat yang mengeluarkan besi keluli. Integrasi menegak bertujuan menjamin bekalan input yang berterusan yang boleh diperolehi pada kos yang lebih rendah, mengawal kualiti keseluruhan, atau untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat antara firma dengan pasaran keluaran firma tersebut.

intensif modal (*capital intensive*) Berkaitan dengan cara pengeluaran yang sebahagian besar daripada kos pengeluarannya terdiri daripada kos modal. Kebanyakan industri di negara maju berintensif modal. Di negara membangun, kebanyakan industri eksportnya berintensif modal. Negara membangun lebih menekankan kepentingan pembentukan modal kerana industri berintensif modal menggambarkan kecekapan pengeluaran.

inventori (*inventory*) Bahan mentah, barang dalam proses, barang siap, dan bekalan yang dimiliki oleh organisasi pada akhir tempoh perakaunan yang belum diguna atau dijual. Jumlah inventori itu termasuk yang disimpan oleh organisasi, yang masih dalam perjalanan, atau yang dikirimkan. Jumlah inventori selalunya ditentukan melalui pengiraan fizikal dan rekod perakaunan.

isi rumah (*household*) Sekumpulan individu yang mendiami satu unit perumahan yang mungkin mengandungi seorang individu, atau beberapa individu dan keluarga yang duduk bersama, dan berkongsi perbelanjaan.

Isi rumah ialah satu konsep statistik yang digunakan untuk mengukur bilangan unit rumah yang diduduki dalam sesebuah negara. Bilangan dan ciri-ciri isi rumah seperti tingkat pendapatan, taburan pendapatan, dan saiz keluarga merupakan statistik yang penting dalam membentuk potensi pasaran, terutama untuk barang pengguna tahan lama.

J

jadual kos (*cost schedule*) Satu set angka yang menunjukkan segala jenis kos pada satu tahap output tertentu. Jenis kos termasuk jumlah kos, kos tetap, kos berubah, kos purata, dan kos sut. Dengan menggunakan jadual ini, keluk kos dapat dilukis.

Kuantiti	Kos Tetap	Kos Berubah	Jumlah Kos	Kos Purata	Kos Sut
1	1000	200	1200	1200	1200
2	1000	1200	2200	1100	1000
3	1000	2000	3000	1000	800
4	1000	2600	3600	900	600
5	1000	3000	4000	800	400
6	1000	3200	4200	700	200
7	1000	3900	4900	700	700
8	1000	4600	5600	700	700
9	1000	6200	7200	800	1600
10	1000	8000	9000	900	1800

jadual permintaan (*demand schedule*) Lihat keluk permintaan.

jangka panjang (*long run*) Tempoh yang mencukupi yang membolehkan sesebuah firma mengubah semua input, khususnya input tetap menjadi input berubah, tetapi tidak mencukupi bagi membolehkan berlakunya perubahan teknologi. Tempoh yang mencukupi itu berbeza mengikut teknik pengeluaran. Misalnya, jangka panjang bagi mengubah mesin mengetin nenas ialah tiga tahun, manakala bagi mesin membuat mi kuning ialah seminggu.

jangka pendek (*short run*) Tempoh yang tidak mencukupi untuk membolehkan firma mengubah input tetap menjadi input berubah. Tempoh

yang mencukupi berbeza mengikut jenis aktiviti pengeluaran yang akan menentukan jenis dan saiz input berubah. Misalnya, jangka pendek bagi mesin percetakan ialah kira-kira tiga tahun, kerana selepas tempoh itu barulah firma berupaya menambah dan mengubah mesin tersebut. Dalam aktiviti menjual air tebu, jangka pendek mungkin sebulan kerana selepas itu penjual air tebu boleh menambah mesin tebu yang menjadi input tetapnya. Dalam jangka pendek, firma hanya boleh menambah output dengan kaedah pengeluaran yang lebih intensif kerana input tetap tidak boleh ditambah. Konsep jangka pendek juga penting dalam membuat keputusan pengurusan. *Lihat juga* input tetap, input berubah.

jangkaan hidup (*life expectancy, expectation of life*) Ukuran purata tentang berapa lama seseorang bayi yang dilahirkan, tidak mati, dan dijangka akan terus hidup. Jangkaan hidup selalunya diukur dalam tahun. Bagi negara kurang maju jangkaan hidup seorang bayi lelaki ialah 48 tahun dan bagi bayi perempuan ialah 52 tahun. Bagi negara maju jangkaan hidup masing-masing ialah 70 dan 72 tahun. Jangkaan hidup salah satu daripada penunjuk yang berguna untuk mengukur taraf hidup sesebuah negara.

janjang aritmetik (*arithmetic progression*) Siri nombor yang diperoleh daripada penambahan pemalar yang sama. Misalnya, bagi janjang 2, 4, 6, 8, 10, dan seterusnya, penambah pemalarnya ialah 2. Janjang ini digunakan oleh Malthus untuk menunjukkan kadar pertumbuhan bahan makanan yang lebih lambat daripada pertumbuhan penduduk yang mempunyai pertumbuhan janjang geometri.

janjang berharmoni (*harmonic progression*) Siri nombor yang diperoleh daripada salingan janjang aritmetik. Misalnya, bagi janjang aritmetik 2, 4, 6, 8, 10, dan seterusnya, janjang berharmoninya ialah $1/2$, $1/4$, $1/6$, $1/8$, $1/10$, dan seterusnya.

janjang geometri (*geometric progression*) Siri nombor yang diperoleh daripada pendaraban pemalar yang sama. Misalnya, janjang 2, 4, 8, 16, 32, 64, dan seterusnya, pengganda pemalarnya ialah 2.

jimatan cermat (*austerity, thrift*) Tindakan mengurangkan perbelanjaan, terutama perbelanjaan yang kurang perlu akibat kejatuhan pendapatan. Pada peringkat isi rumah, tindakan ini adalah untuk mengurangkan kesan daripada penguncupan pendapatan benar akibat kejatuhan nilai wang atau pemotongan wang. Pada peringkat negara, tindakan ini melibatkan pemotongan perbelanjaan projek kurang perlu akibat kejatuhan pendapatan negara kerana kemelesetan ekonomi. Tindakan ini dapat mengecilkkan defisit belanjawan kerajaan, dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah inflasi.


jober (*jobber*) 1. Gelaran yang diberi kepada firma peraih di pasaran saham. Bagaimanapun jober hanya mengurus niaga dengan broker saham dan bukan dengan individu. Apabila broker saham ingin mengurus niaga dengannya, jober akan mengemukakan dua sebut harga, terendah dan

jumlah hasil

tertinggi, tidak kira sama ada broker itu ingin menjual atau membeli saham. Harga sebutan tertinggi ialah harga jualan, sementara harga sebutan terendah ialah harga saham yang sanggup dibeli oleh jobber. Perbezaan antara kedua-dua harga tersebut memberikan keuntungan kepadanya. 2. Orang tengah yang membeli barang perkilangan ringan secara besar-besaran seperti pakaian, rokok, dan makanan daripada pengeluar untuk diagihkan kepada peruncit. Selalunya, jobber menghantar terus barang ke tempat peruncit, dan membantu menyusun dan mempamerkan barang tersebut.

jumlah hasil (*total revenue*) Jumlah perolehan yang diterima oleh sesebuah firma daripada penjualan barang dan perkhidmatan. Secara perakaunan, jumlah hasil ialah harga jualan didarabkan dengan jumlah kuantiti barang dan perkhidmatan yang dijual. Misalnya, pada tingkat harga RM7, kuantiti yang dikeluarkan ialah dua unit. Oleh itu, jumlah hasil ialah RM14.

Keluaran	Harga	Jumlah Hasil	Hasil Purata	Hasil Sut
1	8	8	8	8
2	7	14	7	6
3	6	18	6	4
4	5	20	5	2



jumlah keluaran (*total product*) Jumlah kuantiti barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh faktor pengeluaran dalam suatu tempoh tertentu. Jumlah kuantiti yang dikeluarkan berubah dengan kadar yang berbeza mengikut input berubah yang digunakan. Umumnya, jika satu input berubah sahaja yang ditambah manakala input lain tetap, jumlah keluaran bertambah dengan kadar yang bertambah, kemudian bertambah dengan

kadar yang berkurang sehingga ia mencapai jumlah maksimum, dan selepas itu akan terus berkurang. Keadaan ini disebabkan teknik pengeluaran tertakluk pada hukum daya pengeluaran sut berkurangan atau hukum pulangan fizikal sut berkurangan.

jumlah kos (*total cost*) Semua kos yang terlibat dalam proses pengeluaran. Jumlah kos meningkat apabila output meningkat kerana kos ini terdiri daripada kos berubah yang turut meningkat apabila output meningkat, dan kos tetap yang malar pada semua tingkat pengeluaran. *Lihat juga* kos tetap, kos berubah.

jumlah kos berubah (*total variable cost*) *Lihat* kos berubah.

jumlah penawaran buruh (*total supply of labour*) *Lihat* penawaran masa kerja.

jumlah utiliti (*total utility*) Jumlah kepuasan atau nilai faedah yang diterima oleh isi rumah atau pengguna daripada penggunaan barang dan perkhidmatan.

jurang daya pengeluaran (*productivity gap*) Perbezaan antara keluaran per kapita atau daya pengeluaran buruh purata sesuatu golongan penduduk dengan daya pengeluaran golongan penduduk yang lain. Misalnya, daya pengeluaran penduduk di sektor pertanian berbanding dengan daya pengeluaran penduduk di sektor industri di sesebuah negara, atau daya pengeluaran penduduk negara membangun berbanding dengan daya pengeluaran penduduk negara membangun yang lain. Jurang daya pengeluaran ini memberi gambaran tentang perbezaan tingkat teknologi pengeluaran dan tingkat kepakaran di kalangan kelompok yang dibandingkan.

jurang deflasi (*deflationary gap*) Keadaan apabila perbelanjaan agregat yang dirancang tidak mencukupi untuk mencapai tingkat output pada guna tenaga penuh. Apabila wujud jurang deflasi, berlaku pengangguran dan tingkat harga cenderung untuk jatuh.

jurang dolar (*dollar gap*) Keadaan yang menunjukkan jumlah import Britain dari Amerika Syarikat dan negara lain dalam kawasan dolar yang melebihi eksportnya ke negara berkenaan. Masalah ini dialami juga oleh negara lain di Eropah Barat. Masalah ini muncul selepas sahaja Perang Dunia Kedua kerana pada masa itu hanya Amerika Syarikat sahaja yang mampu membekalkan barangan, khususnya barangan yang dikehendaki untuk membangunkan semula ekonomi Eropah Barat. Masalah jurang dolar mula surut sebaik sahaja Eropah Barat pulih daripada kesan peperangan. Istilah ini hanya digunakan antara tahun 1945 hingga 1948.

jurang inflasi (*inflationary gap*) *Lihat* lompong inflasi.

jurang keluaran negara kasar (*gross national product gap*) Perbezaan antara keluaran negara kasar sebenar dengan keluaran negara kasar potensi pada guna tenaga penuh tanpa inflasi. Jurang keluaran negara

jurang keluaran negara kasar

kasar sukar ditentukan kerana nilai keluaran negara kasar potensi sukar dianggarkan.

K

kadar asas (*base rate*) Lihat kadar pinjaman asas.

kadar bank (*bank rate*) Kadar minimum *Bank of England* sanggup mendiskaunkan bil pertukaran kelas pertama atau bil bank. *Bank of England* bertindak sebagai peminjam terakhir.

kadar bil (*bill rate*) Kadar yang digunakan untuk mendiskaunkan bil pertukaran. Kadar ini berbeza mengikut kualiti bil pertukaran. Misalnya, kadar bagi bil perbendaharaan adalah lebih rendah daripada kadar bagi bil pertukaran.

kadar bunga (*rate of interest*) Harga atau kadar bayaran terhadap wang atau modal yang dipinjamkan. Kadar bunga dinyatakan dalam sebutan “peratusan setahun”, iaitu kadar bagi lebihan bayaran balik atau disebut bunga terhadap jumlah pinjaman dalam satu tempoh tertentu. Lebihan bayaran balik ini ialah perbezaan antara jumlah bayaran balik dengan jumlah pinjaman. Misalnya, bagi jumlah pinjaman RM100, jumlah bayaran balik selepas setahun ialah RM110. Oleh itu, lebihan bayaran balik ialah RM10, dan kadar bunga setahun ialah 10%, iaitu

$$\frac{\text{RM}(110 - 100)}{\text{RM}100} = 0.10$$

kadar bunga utama (*prime rate of interest*) Lihat kadar utama.

kadar cukai sut (*marginal tax rate*) Tambahan kadar cukai yang dikenakan terhadap setiap tambahan struktur percukaian. Bagi struktur cukai progresif, kadar cukai sut adalah tetap dan bagi struktur cukai regresif, kadar cukai sut menurun. Di Malaysia, kadar cukai sut bertambah mengikut pertambahan pendapatan boleh cukai kerana Malaysia mengamalkan struktur cukai progresif.

kadar diskaun (*discount rate*) Kadar bunga yang dikenakan oleh bank pusat terhadap pinjaman langsung bank perdagangan dan institusi kewangan lain. Bank perdagangan atau institusi kewangan lain meminjam daripada bank pusat sebagai sumber pinjaman terakhir. Kadar diskaun

kadar diskaun semula

ialah suatu alat dasar yang boleh dinaikkan untuk mengurangkan bekalan wang, atau diturunkan untuk menggalakkan pertumbuhan bekalan wang. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia menentukan kadar diskaun berdasarkan kadar diskaun semula.

kadar diskaun semula (*rediscount rate*) Kadar yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia apabila bank perdagangan atau institusi kewangan lain mendiskaunkan semula bil perbendaharaan, sekuriti kerajaan, atau bil pertukaran yang diluluskan. Sebagai sumber terakhir, bank perdagangan dan institusi kewangan lain boleh mendapatkan mudah tunai daripada bank pusat dengan mencagarkan pegangan sekuriti yang dibenarkan.

kadar hasil (*yield*) Peratusan pulangan tahunan sesuatu pelaburan seperti pembelian tanah dan saham modal. Kadar hasil dikira dengan membahagikan jumlah pulangan pelaburan dengan jumlah kos pelaburan semasa. Misalnya, sebidang tanah dibeli dengan harga RM10 000. Pulangan dari tanah ini ialah RM2000. Ini bererti kadar hasil ialah 20%. Andainya harga tanah semasa telah meningkat kepada RM15 000, manakala jumlah pulangan tidak berubah, maka kadar hasil yang baru ialah 13.3%, kerana perbandingan yang digunakan ialah nilai kos pelaburan semasa iaitu RM15 000. Pertambahan RM5000 atau 5% nilai tanah disebut laba modal.

kadar kekosongan kerja (*job vacancy rate*) Peratusan kekosongan kerja terhadap jumlah kerja yang ada. Kekosongan kerja dalam sesebuah syarikat adalah kerja yang perlu dilakukan tetapi tidak dapat diisi kerana tiada pekerja yang sesuai atau yang sanggup melakukannya. Kadar kekosongan kerja memberi gambaran ringkas tentang corak pengangguran dalam sesuatu industri atau kawasan. Maklumat tentang kadar kekosongan kerja membantu program tenaga manusia memberi latihan dan pelajaran yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan.

kadar kelahiran (*birth rate*) Bilangan kelahiran hidup bagi setiap seribu penduduk dalam satu tahun. Misalnya, kadar kelahiran 20 menunjukkan bahawa dalam satu tahun terdapat 20 orang bayi yang dilahirkan hidup bagi setiap 1000 orang penduduk, iaitu 2% bagi seluruh penduduk. Kadar kelahiran mempengaruhi bilangan penduduk sesebuah negara. Kadar kelahiran yang tinggi di negara membangun merupakan punca utama pertumbuhan pesat bagi penduduk negara tersebut.

kadar kematian (*mortality rate, death rate*) Bilangan kematian bagi seribu penduduk dalam satu tahun. Kadar kematian dipengaruhi oleh banyak faktor, seperti peratusan penduduk tua dan taraf kesihatan. Pengiraan kadar kematian bagi tahun 1990 ialah:

$$\frac{\text{Bilangan kematian bagi tahun 1990}}{\text{Jumlah penduduk bagi tahun 1990} \times 1000}$$

kadar kesuburan (*fertility rate*) Bilangan kelahiran hidup dalam satu tahun bagi setiap seribu penduduk wanita yang dalam lingkungan umur boleh

hamil, lazimnya antara 15 hingga 49 tahun. Misalnya, kadar kesuburan 60 menunjukkan bahawa dalam satu tahun terdapat 60 anak yang dilahirkan hidup bagi setiap 1000 wanita yang berumur antara 15 hingga 49 tahun. Kadar kesuburan memberi gambaran tentang kelajuan pertumbuhan penduduk. Antara faktor yang mempengaruhi kadar kesuburan ialah perkahwinan pada umur yang muda.

kadar pemberian pinjaman asas (*base lending rate*) Lihat kadar pinjaman asas.

kadar pembiakan (*reproduction rate*) Bilangan anak perempuan yang telah dan akan dilahirkan bagi 1000 orang perempuan yang dalam lingkungan umur boleh hamil dalam tempoh hayatnya. Kadar ini menggambarkan kepantasan membiak semula jadi bagi satu kumpulan penduduk. Kadar ini boleh dinyatakan secara kasar dan bersih. Kadar pembiakan kasar mengandaikan bahawa semua kanak-kanak perempuan yang dilahirkan pada suatu masa yang diberi akan hidup sepanjang tempoh boleh hamil, manakala kadar pembiakan bersih mengambil kira jumlah kematian yang berlaku terhadap orang perempuan semasa atau sebelum umur boleh hamil. Kadar pembiakan bersih memberi gambaran yang lebih tepat tentang perubahan aliran penduduk dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

kadar pengangguran (*unemployment rate*) Peratus individu yang menganggur daripada jumlah tenaga buruh. Formulanya ialah:

$$\text{Kadar pengangguran (\%)} = \frac{\text{Jumlah penganggur}}{\text{Jumlah tenaga buruh}} \times 100$$

Pada umumnya, jumlah pengangguran adalah berdasarkan bilangan penganggur yang berdaftar.

kadar pengangguran semula jadi (*natural rate of unemployment, normal unemployment*) Kadar pengangguran minimum yang wujud kerana ketidakseimbangan pasaran buruh seperti ketaksempurnaan maklumat pekerjaan, kurangnya mobiliti buruh, halangan kesatuan sekerja, dan peraturan tentang guna tenaga serta kadar upah. Pengangguran geseran adalah sebahagian daripada pengangguran semula jadi. Pengangguran semula jadi sukar diatasi dengan peningkatan permintaan agregat.

kadar penggantian komoditi (*rate of commodity substitution*) Lihat kadar penggantian sut.

kadar penggantian pasaran (*market rate of substitution*) Bilangan unit sesuatu barang yang pengguna sanggup beli pada satu tingkat harga dan pendapatan yang diberi. Misalnya, kadar penggantian pasaran barang A terhadap barang B ialah nisbah kuantiti barang A terhadap barang B. Kadar ini adalah sama dengan nisbah harga barang A terhadap harga barang B. Ini bererti kadar penggantian pasaran adalah sama dengan nisbah harga.

kadar penggantian perseorangan (*personal rate of substitution*) Lihat kadar penggantian sut.

kadar penggantian sut

kadar penggantian sut (*marginal rate of substitution*) Bilangan unit sesuatu barang yang pengguna sanggup menggantikan dengan suatu barang lain supaya tingkat kepuasan adalah sama. Misalnya, kadar penggantian sut barang A terhadap barang B ialah nisbah utiliti sut barang A terhadap utiliti sut barang B. Cerun keluk puas sama ialah kadar penggantian sut. *Sinonim* kadar penggantian komoditi, kadar penggantian perseorangan.

kadar penggantian teknik (*rate of technical substitution*) Lihat kadar penggantian teknik sut.

kadar penggantian teknik sut (*marginal rate of technical substitution*) Kadar satu input yang boleh digantikan dengan satu input yang lain supaya tingkat output sesebuah firma adalah sama. Kadar penggantian teknik sut input buruh terhadap modal ialah nisbah keluaran sut modal terhadap keluaran sut buruh. Cerun keluk isokuan ialah kadar penggantian teknik sut.

kadar penggunaan keupayaan (*capacity utilization rate*) Kadar keluaran sebenar terhadap keluaran berpotensi, atau kadar output semasa terhadap kadar operasi. Keluaran sebenar ialah keluaran semasa bagi sesebuah firma atau seluruh ekonomi, manakala keluaran berpotensi ialah keluaran pada kapasiti penuh.

kadar penyertaan buruh (*labour participation rate*) Peratusan tenaga buruh terhadap jumlah penduduk dalam kumpulan layak bekerja, biasanya penduduk yang berumur 16 tahun ke atas. Formulanya ialah:

$$\text{LFPR} = \text{LF}/(\text{LF} + \text{NLF}) = (\text{U} + \text{E})/(\text{U} + \text{E} + \text{NLF})$$

apabila LFPR = kadar penyertaan buruh,

LF = jumlah tenaga buruh,

NLF = jumlah penduduk bukan tenaga buruh,

U = jumlah guna tenaga, dan

E = jumlah penganggur.

Dalam pengiraan ini anggota tentera biasanya tidak diambil kira.

kadar penyertaan tenaga buruh (*labour force participation rate*) Lihat kadar penyertaan buruh.

kadar perlindungan berkesan (*effective rate of protection*) Kadar mengukur keberkesanan langkah perlindungan import yang dikira dengan mengambil nilai cukai import barang sebagai peratusan kepada nilai ditambah bagi industri yang terlibat dalam pengeluaran barang import tersebut. Misalnya, kadar perlindungan berkesan bagi cukai import terhadap kereta ialah nisbah dalam peratusan nilai cukai import kereta terhadap nilai ditambah industri kereta di negara pengimport. Jika nilai kadar perlindungan berkesan tinggi, cukai yang dikenakan tidak memberi kesan kepada perlindungan.

kadar pertukaran (*exchange rate*) Lihat kadar pertukaran asing.

kadar pertukaran asing (*foreign exchange rate*) Kadar atau harga mata wang sesebuah negara yang boleh ditukarkan dengan mata wang negara

lain. Misalnya, untuk mendapatkan RM1.00 seseorang perlu membayar AS\$0.40. Oleh itu, kadar pertukaran antara ringgit dan dolar ialah $RM1.00 = AS\$0.40$.

kadar pertukaran berbilang (*multiple exchange rate*) Kadar pertukaran yang berbeza-beza yang wujud bagi dua mata wang apabila kerajaan menetapkan keperluan mata wang tersebut. Kadar yang berbeza ini wujud apabila kerajaan menetapkan kadar yang berlainan mengikut keperluan urus niaga mata wang tersebut. Misalnya, satu kadar pertukaran ditetapkan untuk menggalakkan pelancongan, dan satu kadar lain untuk menggalakkan eksport.

kadar pertukaran berkesan (*effective exchange rate*) Purata berwajaran kadar pertukaran antara mata wang sesebuah negara dengan mata wang negara rakan perdagangan yang utama. Wajaran yang digunakan ialah kepentingan relatif perdagangan negara itu dengan setiap negara rakan perdagangan. Kepentingan relatif merupakan nisbah jumlah import-eksport negara rakan perdagangan terhadap jumlah import-eksport negara tersebut.

kadar pertukaran boleh ubah (*flexible exchange rate*) Lihat kadar pertukaran terapung.

kadar pertukaran fleksibel (*flexible exchange rate*) Lihat kadar pertukaran terapung.

kadar pertukaran gelap (*black exchange rate*) Kadar pertukaran yang wujud di luar pasaran pertukaran asing yang diiktiraf oleh kerajaan. Biasanya kadar pertukaran gelap lebih tinggi daripada kadar pertukaran rasmi.

kadar pertukaran terapung (*floating exchange rate*) Sistem yang membenarkan kadar pertukaran satu mata wang dengan mata wang lain ditentukan secara bebas oleh permintaan dan penawaran pertukaran asing tanpa sebarang campur tangan kerajaan dalam pasaran. Negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran terapung sentiasa membiarkan nilai mata wangnya terapung atau turun naik secara bebas mengikut kuasa pasaran. Campur tangan kerajaan dalam pasaran pertukaran asing adalah minimum dan terhad kepada yang bertujuan untuk menjamin kelancaran perjalanan pasaran. *Sinonim* kadar pertukaran fleksibel, kadar pertukaran boleh ubah.

kadar pertukaran terpancang (*pegged exchange rate*) Kadar pertukaran yang ditetapkan oleh autoriti kewangan supaya berada dalam lingkungan had yang kecil di sekitar satu nilai tara yang dinyatakan dalam sebutan mata wang asing. Tindakan memancang sesuatu mata wang melibatkan penetapan nilai tara mata wang itu dalam sebutan satu mata wang asing, biasanya dolar Amerika, atau sekumpulan mata wang asing yang terkemuka, dan juga penetapan lingkungan dalam bentuk peratusan, di atas dan di bawah nilai tara tersebut. Autoriti kewangan kemudiannya menentukan supaya kadar pertukaran sentiasa berada dalam lingkungan

kadar pertukaran tetap

tersebut dengan mempengaruhi penawaran pertukaran asing melalui belian atau jualan mata wang asing di pasaran. *Lihat juga* kadar pertukaran tetap.

kadar pertukaran tetap (*fixed exchange rate*) Kadar pertukaran mata wang yang ditetapkan nilainya oleh kerajaan dan bukannya ditentukan oleh permintaan dan penawaran pertukaran asing. Nilai kadar pertukaran boleh berubah dalam lingkungan peratus yang kecil sahaja. Perubahan yang lebih daripada nilai tersebut perlulah mendapatkan persetujuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

kadar pertumbuhan semula jadi (*natural rate of growth*) Kadar pertumbuhan ekonomi yang tertinggi yang boleh dicapai apabila ekonomi berada pada tingkat pengangguran semula jadi. Kadar ini suatu kadar berpotensi yang berubah mengikut kadar pertumbuhan penduduk dan tahap kemajuan teknologi sesebuah ekonomi.

kadar pinjaman asas (*base lending rate*) Kadar bunga pinjaman yang dikenakan oleh bank perdagangan yang ditentukan berdasarkan kos kumpulan wang bank tersebut. Di Malaysia, kadar pinjaman asas beberapa bank utama menentukan kadar bunga pinjaman bank. *Sinonim* kadar asas, kadar pemberian pinjaman asas.

kadar pulangan (*rate of return*) Peratusan untung bersih selepas susut nilai terhadap jumlah modal yang digunakan. Kadar pulangan ini ialah satu daripada “nisbah kewangan” yang digunakan untuk mengukur kecekapan sesuatu perniagaan atau projek pelaburan secara keseluruhan. Ia dikira dengan mengambil angka untung sebelum atau selepas cukai. Biasanya angka untung selepas cukai digunakan kerana ia merupakan untung bersih yang diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen.

kadar pulangan dalaman (*internal rate of return*) *Lihat* kecekapan modal sut.

kadar silang (*cross rate*) Kadar pertukaran bagi dua mata wang yang dikira berasaskan kadar pertukaran setiap mata wang tersebut dengan mata wang asing yang lain. Kadar silang diperlukan kerana tidak semua mata wang mempunyai kadar pertukaran yang sama antara satu sama lain. Misalnya, untuk mendapatkan kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan rupee Nepal, kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan ringgit Amerika Syarikat dan kadar pertukaran rupee Nepal dengan ringgit Amerika Syarikat digunakan. Misalnya,

$$\text{AS\$1.00} = \text{RM2.75}$$

$$\text{AS\$1.00} = 550 \text{ rupee .}$$

$$\therefore \text{RM1.00} = \frac{1}{2.75} \times 550$$

$$= 200 \text{ rupee}$$

kadar syarat perdagangan (*terms of trade*) Nisbah harga barang dan perkhidmatan yang dieksport terhadap harga barang dan perkhidmatan yang diimport oleh sesebuah negara dalam urusan niaga perdagangan

antarabangsa. Oleh sebab barang dan perkhidmatan yang terlibat adalah sangat banyak, maka kadar syarat perdagangan diukur dengan menggunakan nilai indeks harga dan dinyatakan dalam peratusan. Formulanya ialah:

$$\frac{\text{Indeks harga eksport}}{\text{Indeks harga import}} \times 100$$

Jika kadar tersebut ialah 15%, ini bermakna harga eksport telah meningkat 15% berbanding dengan harga import dalam tempoh tertentu. Apabila kadar syarat perdagangan meningkat, keadaan perdagangan sesebuah negara bertambah baik, dan sebaliknya.

kadar transformasi sut (*marginal rate of transformation*) Kadar yang menunjukkan keupayaan sesebuah firma, industri, atau negara mengubah penggunaan faktor pengeluaran daripada mengeluarkan satu jenis barang kepada satu jenis barang yang lain. Kadar ini dikira dengan merujuk jumlah satu barang yang harus dikorbankan supaya satu barang lain dapat dikeluarkan. Berdasarkan pendekatan geometri, kadar transformasi sut ditunjukkan oleh cerun keluk kemungkinan pengeluaran atau keluk transformasi.

kadar upah (*wage rate*) Kadar bayaran yang diterima oleh seorang pekerja yang berasaskan ukuran tertentu seperti masa bekerja (jam, minggu, atau bulan), atau unit (kuantiti) output yang dihasilkan atau yang dijual. Misalnya, RM50 seminggu ialah kadar upah mengikut masa bekerja, manakala RM2 seunit jualan ialah kadar upah mengikut kuantiti yang dijual oleh pekerja itu. Dalam pasaran buruh, kadar upah berubah mengikut keadaan permintaan dan penawaran buruh. Jika permintaan terhadap buruh melebihi penawarannya, maka kadar upah akan meningkat, dan sebaliknya kadar upah akan turun jika ada lebihan penawaran buruh.

kadar upah minimum (*minimum wage rate*) Satu tingkat kadar upah yang ditetapkan oleh kerajaan melalui undang-undang yang mesti dibayar oleh pihak pengurusan tanpa mengira sumbangan pekerja kepada syarikat. Upah yang dibayar oleh pihak majikan tidak boleh kurang daripada kadar upah minimum. Penguatkuasaan kadar upah minimum ini bertujuan meningkatkan taraf hidup pekerja yang memiliki tingkat kemahiran yang rendah.

kadar utama (*prime rate*) Kadar bunga yang dikenakan oleh bank terkemuka terhadap pinjaman yang dibuat oleh pelanggan yang amat dipercayai oleh bank tersebut. *Sinonim* kadar bunga utama.

kaedah aliran tunai terdiskaun (*discounted cash flow method*) Kaedah mengukur keberuntungan pelbagai projek pelaburan dengan mendiskaunkan aliran pendapatan masa hadapan kepada nilai kini. Terdapat dua cara pengiraan, iaitu nilai kini bersih dan kadar pulangan dalaman.

kaedah aruhan (*inductive method*) Kaedah menganalisis sesuatu masalah

kaedah pensampelan

ekonomi yang bermula daripada fakta khusus kepada fakta umum, iaitu dengan menekankan pemerhatian fakta daripada data empirik sebagai asas membuat kesimpulan umum. Kaedah ini berbeza dengan kaedah deduktif yang bermula daripada fakta umum kepada fakta khusus. Kesimpulan kaedah aruhan berdasarkan koleksi dan pemerhatian dari fakta khusus yang banyak dan kes yang menggambarkan kehidupan sebenar. Oleh itu, kaedah ini menekankan variasi dan membenarkan suatu teori yang boleh berubah. Kesilapan utama kaedah aruhan ialah penggunaannya tidak memungkinkan kita mencapai satu darjah keyakinan yang muktamad dalam pemikiran ekonomi. Sistem yang ada selalunya terbuka kepada pemerhatian baru yang mungkin menghasilkan kesimpulan yang berbeza. Oleh itu, kebenaran suatu sistem bergantung pada fakta yang diperhatikan dan digunakan dalam membuat kesimpulan umum itu.

kaedah pensampelan (*sampling method*) Lihat pensampelan.

kaedah statistik Bayes (*Bayesian statistical method*) Kaedah membuat keputusan yang berasaskan model probabiliti subjektif. Kaedah ini biasanya digunakan dalam pengurusan perniagaan untuk membuat ramalan subjektif terhadap natijah tindakan yang dirancang.

kaji selidik (*survey*) Teknik pengumpulan data yang bersifat kualitatif dan kuantitatif dari satu sampel objek penyelidikan tertentu seperti isi rumah, pekerja kilang, petani, dan peniaga. Jumlah sampel yang diambil adalah mengikut jumlah tertentu yang mencukupi untuk mewakili populasi objek penyelidikan tersebut. Sampel yang diambil bukanlah secara arbitrari, tetapi mengikut kaedah pensampelan tertentu yang sistematik. Lihat juga pensampelan.

kajian pasaran pengguna (*consumers' market research*) Kajian pasaran tentang keperluan dan corak penggunaan isi rumah.

kajian pasaran perindustrian (*industrial market research*) Kajian pasaran yang terhad kepada perindustrian, aktiviti pemasaran, dan hubungan antara industri.

kapitalisme (*capitalism*) Sistem ekonomi yang membenarkan orang perseorangan memiliki secara bebas semua sumber ekonomi yang ada. Sinonim kapitalisme pasaran.

kapitalisme pasaran (*market capitalism*) Lihat kapitalisme.

kartel (*cartel*) Pakatan pengeluar barang yang sama yang bertujuan untuk mewujudkan kuasa monopoli dan mengurangkan ketidakpastian dalam pasaran. Kartel menentukan harga dan kuantiti yang harus dikeluarkan oleh setiap ahli. Misalnya, OPEC yang terdiri daripada negara-negara pengeksport petroleum.

kawalan eksport sukarela (*voluntary export restrain*) Persetujuan secara tak formal antara negara pengeksport dan pengimport. Negara pengeksport bersetuju mengehendkan eksport suatu barang tertentu dengan tujuan tidak menjejaskan industri tertentu di negara pengimport. Negara pengeksport

biasanya akur kepada persetujuan tersebut untuk mengelakkan kemungkinan pengenaan sekatan perdagangan wajib oleh negara pengimport.

kawalan harga (*price control*) Penetapan harga sesuatu barang oleh kerajaan supaya berada pada jeda yang ditetapkan. Kawalan harga selalunya melibatkan penetapan harga bumbung atau harga lantai dengan tujuan menjaga kebajikan pengguna dalam keadaan kekurangan barang atau apabila terdapat unsur monopoli, atau menjaga kebajikan pengeluar dalam sektor yang dilindungi seperti sektor padi di Malaysia.

kawalan kerajaan (*government control*) Campur tangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi sesebuah negara. Di negara sosialis kawalan kerajaan adalah maksimum, manakala di negara kapitalis pula kerajaan hanya mengawal kegiatan ekonomi yang tertentu sahaja. Misalnya, cukai, tarif, kuota, kawalan pelaburan, kawalan pertukaran subsidi, dan kawalan mutu.

kawalan kredit (*credit control*) Dasar untuk mengawal aliran kredit untuk mempengaruhi kegiatan ekonomi. Biasanya kawalan kredit digunakan untuk mengatasi inflasi. Misalnya, operasi pasaran terbuka, rizab berkanun, kadar diskaun, dan syarat-syarat kredit. Kawalan kredit merupakan bahagian dasar kewangan yang sangat penting.

kawalan kualitatif (*qualitative control*) Alat dasar kewangan yang dikenakan untuk menentukan jenis pinjaman yang boleh diluluskan oleh bank perdagangan. Kawalan kualitatif bertujuan mempengaruhi penawaran dana pinjaman dalam pasaran tertentu. Contoh kawalan kualitatif ialah seperti yang berikut:

- i) Keperluan margin untuk mengehendkan pinjaman membeli saham.
- ii) Kawalan kredit saham ansuran untuk mengehendkan pinjaman membeli barang pengguna.
- iii) Kawalan pinjaman gadai janji untuk mengawal pinjaman permulaan. Satu lagi bentuk kawalan kualitatif ialah penetapan bumbung kadar bunga dengan tujuan mencegah bank daripada bersaing menaikkan kadar bunga terhadap deposit untuk menarik dana dari bank lain.

kawalan kualiti (*quality control*) Lihat kawalan mutu.

kawalan kuantitatif (*quantitative control*) Alat dasar kewangan untuk mempengaruhi penawaran wang secara langsung. Tiga bentuk kawalan kuantitatif yang sering digunakan ialah nisbah rizab berkanun bank dan syarikat kewangan, kadar diskaun, dan operasi pasaran terbuka.

kawalan monopoli (*monopoly control*) Peraturan mengawal pengeluar yang mempunyai kuasa monopoli daripada menindas pengguna. Contoh kawalan monopoli ialah pelaksanaan undang-undang menyekat penyatuan firma, menghalang pembahagian pasaran, mengawal firma monopoli dari segi penentuan harga, dan mengharamkan firma monopoli, kecuali firma milik negara yang mengeluarkan barang utiliti awam.

kawalan mutu (*quality control*) Peraturan yang melibatkan pemeriksaan

kawalan pelaburan

dari semasa ke semasa secara tak berkala, terhadap cara bekerja, teknologi pengeluaran, dan barang yang dikeluarkan dengan tujuan menjamin mutu barang dan perkhidmatan. *Sinonim* kawalan kualiti.

kawalan pelaburan (*control of investment*) Dasar kerajaan untuk mempengaruhi pelaburan supaya melabur dalam sektor atau industri yang diutamakan. Kawalan pelaburan penting apabila permintaan faktor pengeluaran melebihi penawarannya. Misalnya, selepas Perang Dunia Kedua penawaran barangan sangat rendah relatif kepada permintaan. Oleh itu, pelaburan dalam industri eksport dan barang modal diberi keutamaan, manakala sesetengah barangan pengguna terpaksa dihentikan pengeluarannya.

kawalan pertukaran (*exchange control*) Kawalan rasmi terhadap pembelian dan penjualan mata wang asing. Kawalan ini bertujuan untuk memperbaiki keadaan imbalan pembayaran negara. Contoh bentuk kawalan pertukaran ialah menstabilkan kadar pertukaran, mengurangkan nilai mata wang untuk menggalakkan eksport dan mengurangkan import, menaikkan nilai mata wang untuk menggalakkan import dan mengurangkan eksport, mengawal aliran keluar mata wang tempatan, dan menentukan pengagihan pertukaran asing untuk urus niaga import dan eksport barang dan perkhidmatan.

kawalan sewa (*rent control*) Kawalan terhadap kadar sewa dan syarat penyewaan untuk melindungi kebajikan penyewa atau pemberi sewa. Kerajaan menetapkan kadar sewa maksimum bagi sesuatu jenis barang sewa untuk melindungi kebajikan penyewa, dan menetapkan kadar sewa minimum untuk melindungi kebajikan pemberi sewa. Misalnya, untuk menjaga kepentingan pemberi sewa, penyewa perlu membayar deposit sekurang-kurangnya satu bulan sewa, manakala untuk menjaga kepentingan penyewa, pemberi sewa hendaklah melengkapi alat asas untuk keselamatan menggunakan barang sewa.

kawalan upah (*wage control*) Peraturan mengawal kenaikan upah untuk menyekat inflasi desakan upah. Kawalan upah merupakan campur tangan kerajaan secara langsung terhadap penentuan upah dan harga yang diputuskan oleh kerajaan sendiri.

kawasan dolar (*dollar area*) Sekumpulan negara yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Kanada, dan beberapa negara Amerika Latin yang mata wang masing-masing boleh ditukarkan kepada dolar Amerika Syarikat dengan mudah. Negara tersebut yang juga mempunyai akaun sterling di United Kingdom dengan mudah dapat menukarkan mata wang sterling kepada dolar Amerika Syarikat.

kawasan industri (*industrial area*) Lihat estet industri.

kawasan mata wang optimum (*optimum currency area*) Sekumpulan negara yang mata wang masing-masing dikaitkan antara satu sama lain melalui satu kadar pertukaran yang ditetapkan untuk selama-lamanya.

kawasan membangun (*developing area*) Lihat negara kurang membangun.

kawasan mundur (*depressed area, backward area, distressed area, slum*)

area) Kawasan yang ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi berbanding dengan kawasan lain dalam sebuah negara. Kawasan mundur biasanya dicirikan oleh kadar pengangguran yang tinggi, pendapatan penduduk yang rendah, serta kekurangan aktiviti ekonomi, seperti perniagaan, pengeluaran pertanian, dan perkilangan. Sebab utama ini berlaku ialah kejatuhan permintaan terhadap barang atau bahan mentah yang dikeluarkan oleh kawasan ini, kepupusan bahan mentah yang sangat diperlukan oleh kawasan ini, kekurangan daya saingan keluaran dengan keluaran yang diimport, dan perpindahan perusahaan yang besar dari kawasan ini ke kawasan lain.

kawasan perdagangan bebas (*free trade area*) Sekumpulan negara yang bersetuju menghapuskan halangan perdagangan seperti tarif antara negara ahli dengan negara bukan ahli. Misalnya, Persatuan Perdagangan Bebas Eropah yang ditubuhkan pada tahun 1960 yang terdiri daripada United Kingdom, Austria, Denmark, Norway, Portugal, Sweden, dan Switzerland.

kawasan sterling (*sterling area*) Sekumpulan negara terutama negara Commonwealth yang menyandarkan mata wang masing-masing kepada sterling. Sebahagian besar daripada rizab luar negara tersebut disimpan di Bank of England. Sifat utama kawasan sterling ialah pembayaran dalam mata wang sterling antara ahli adalah bebas daripada kawalan, penyimpanan rizab luar negara ahli di London, dan pemegangan rizab emas dan dolar untuk kawasan ini oleh United Kingdom.

KDNK (GDP) *Lihat* keluaran dalam negara kasar.

keadaan pegun (*stationary state*) Keadaan ekonomi yang tidak berubah apabila pemboleh ubah makroekonomi yang utama mencapai tingkat keseimbangan stabil. Dalam tempoh itu pengeluaran agregat sentiasa sama dengan permintaan agregat, kadar upah berada pada tingkat cukup hidup, tingkat pembentukan modal bersih adalah sifar, dan pengeluaran mencapai tingkat maksimum.

keadilan menegak (*vertical equity*) *Lihat* ekuiti menegak.

keagungan pengguna (*consumer sovereignty*) Kuasa pengguna yang berperanan menentukan jenis dan kuantiti barang atau perkhidmatan yang patut dikeluarkan dalam sebuah ekonomi. Keagungan pengguna merupakan faktor utama yang mempengaruhi pola pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam sistem ekonomi pasaran bebas. Apabila permintaan pengguna meningkat, harga akan meningkat dan seterusnya pengeluaran akan meningkat kerana kemungkinan untung akan meningkat. Sebaliknya apabila permintaan pengguna berkurang, pengeluaran akan berkurang.

keanjalan harga penawaran (*price elasticity of supply*) *Lihat* keanjalan penawaran.

keanjalan harga permintaan (*price elasticity of demand*) *Lihat* keanjalan permintaan.

keanjalan harga silang (*cross-priced elasticity*) *Lihat* keanjalan permintaan silang.

keanjalan infinit

keanjalan infinit (*infinite elasticity*) Lihat keanjalan sempurna.

keanjalan lengkok (*arc elasticity*) Darjah keanjalan purata di antara dua titik keluk permintaan atau keluk penawaran.

keanjalan penawaran (*supply elasticity*) Ukuran gerak balas kuantiti yang ditawarkan terhadap perubahan harga sesuatu barang. Formulanya ialah:

$$\frac{\text{Peratusan perubahan kuantiti yang ditawarkan}}{\text{Peratusan perubahan harga}}$$

Umumnya, nilai keanjalan penawaran bukan negatif, iaitu dari nilai sifar hingga nilai tak terhingga positif. Jika keanjalan ini bernilai positif dua, maka ini bererti satu peratus kenaikan harga akan menambahkan kuantiti yang ditawarkan sebanyak dua peratus. *Sinonim* keanjalan harga penawaran.

keanjalan penawaran infinit (*infinite elasticity of supply*) Lihat keanjalan penawaran tak terhingga.

keanjalan penawaran jangka panjang (*long-run elasticity of supply*) Ukuran kesan perubahan harga terhadap keupayaan firma menawarkan sesuatu barang dalam satu jangka masa yang cukup lama yang membolehkan firma mengubah kombinasi faktor pengeluaran seperti alat, modal, dan saiz bidang. Pada umumnya keanjalan ini lebih besar daripada keanjalan penawaran jangka pendek kerana dalam jangka panjang semua faktor boleh berubah.

keanjalan penawaran lengkok (*arc elasticity of supply*) Ukuran gerak balas purata kuantiti yang ditawarkan terhadap perubahan harga barang. Formulanya ialah:

$$\frac{\frac{S_1 - S_0}{(S_0 + S_1)/2}}{\frac{P_1 - P_0}{(P_0 + P_1)/2}}$$

apabila S_0 = kuantiti asal yang ditawarkan,

S_1 = kuantiti baru yang ditawarkan,

P_0 = harga asal, dan

P_1 = harga baru.

Jika nilai keanjalan ini positif dua, maka ini bererti secara purata apabila harga meningkat satu peratus, kuantiti yang ditawarkan bertambah dua peratus. *Sinonim* keanjalan penawaran titik tengah.

keanjalan penawaran sempurna (*perfect elasticity of supply*) Lihat keanjalan penawaran tak terhingga.

keanjalan penawaran silang (*cross elasticity of demand*) Ukuran gerak balas kuantiti sesuatu barang yang ditawarkan terhadap perubahan harga barang lain. Formulanya ialah:

$$\frac{\text{Peratusan perubahan kuantiti barang yang ditawarkan}}{\text{Peratusan perubahan harga barang lain}}$$

Nilai keanjalan ini menggambarkan gerak balas pengeluaran terhadap

keberuntungan mengeluarkan sesuatu barang apabila berlaku perubahan harga barang lain. Semakin besar nilai keanjalan ini, semakin banyak barang lain ditawarkan berbanding dengan barang tersebut.

keanjalan penawaran tak terhingga (*infinite elasticity of supply*) Keadaan perubahan penawaran yang sangat banyak apabila berlaku kenaikan harga yang kecil, atau tidak ada sebarang perubahan penawaran apabila harga jatuh. Keadaan ini digambarkan oleh keluk penawaran yang selari dengan paksi kuantiti. *Sinonim* keanjalan penawaran sempurna, keanjalan penawaran infinit.

keanjalan penawaran titik (*point elasticity of supply*) Ukuran gerak balas kuantiti ditawarkan terhadap perubahan harga barang pada satu titik tertentu di atas keluk penawaran. Keanjalan ini merupakan anggaran perubahan kuantiti yang ditawarkan apabila berlaku perubahan harga yang amat kecil di sekitar satu tingkat harga tertentu. Formulanya ialah:

$$\frac{dS}{dP} \cdot \frac{P}{S}$$

apabila S = kuantiti yang ditawarkan,

P = harga, dan

$\frac{dS}{dP}$ = hasil pembezaan fungsi penawaran terhadap harga.

keanjalan penawaran titik tengah (*mid-point elasticity of supply*) Lihat keanjalan penawaran lengkok.

keanjalan penggantian (*elasticity of substitution*) Ukuran kebolehgantian satu input seperti buruh, dengan input lain seperti modal, apabila berlaku perubahan nisbah harga input tersebut. Formulanya ialah:

$$\frac{\text{Perubahan relatif nisbah modal-buruh}}{\text{Perubahan relatif nisbah harga modal-buruh}} = \frac{(\Delta K/\Delta L)/(K/L)}{(\Delta r/\Delta w)/(r/w)}$$

apabila K = kuantiti modal,

L = kuantiti buruh,

r = harga modal (sewa), dan

w = harga buruh (upah).

Semakin besar nilai keanjalan ini, semakin mudah input digantikan antara satu sama lain.

keanjalan permintaan (*demand elasticity*) Ukuran gerak balas kuantiti yang diminta terhadap perubahan harga sesuatu barang. Formulanya ialah:

Peratusan perubahan kuantiti yang diminta

Peratusan perubahan harga

Umumnya nilai keanjalan ini bukan positif, iaitu dari nilai kosong hingga nilai infiniti negatif. Nilai keanjalan yang kurang daripada satu disebut permintaan tak anjal, dan jika nilainya sifar, ia disebut permintaan tak anjal sempurna. Jika nilai keanjalan ialah negatif dua, ini bererti satu

keanjalan permintaan infinit

peratus kenaikan harga akan menyebabkan dua peratus kejatuhan kuantiti yang diminta. *Sinonim* keanjalan harga permintaan.

keanjalan permintaan infinit (*infinite elasticity of demand*) Lihat keanjalan permintaan tak terhingga.

keanjalan permintaan jangka panjang (*long-run elasticity of demand*) Suatu ukuran kesan perubahan harga barang ke atas permintaan untuk barang tersebut dalam satu jangka masa yang cukup lama yang boleh mengubah bentuk dan kedudukan keluk permintaan. Perubahan bentuk dan kedudukan keluk permintaan pada umumnya boleh menyebabkan keanjalan ini bertambah kerana dalam jangka masa panjang, cita rasa, tingkat pendapatan, dan harga barang pengganti boleh berubah.

keanjalan permintaan lengkok (*arc elasticity of demand*) Ukuran gerak balas purata kuantiti yang diminta terhadap perubahan harga sesuatu barang. Formulanya ialah:

$$\frac{\frac{d_1 - d_0}{(d_0 + d_1)/2}}{\frac{P_1 - P_0}{(P_0 + P_1)/2}}$$

apabila d_0 = kuantiti diminta yang asal,

d_1 = kuantiti diminta yang baru,

P_0 = harga asal, dan

P_1 = harga baru.

Jika nilai keanjalan ini negatif dua, maka ini bererti secara purata apabila harga meningkat satu peratus, kuantiti yang diminta berkurangan dua peratus. *Sinonim* keanjalan permintaan titik tengah.

keanjalan permintaan sempurna (*perfect elasticity of demand*) Lihat keanjalan permintaan tak terhingga.

keanjalan permintaan silang (*cross elasticity of demand*) Ukuran gerak balas kuantiti sesuatu barang yang diminta terhadap perubahan harga barang lain. Formulanya ialah:

$$\frac{\text{Peratusan perubahan kuantiti diminta}}{\text{Peratusan perubahan harga barang lain}}$$

Nilai keanjalan boleh positif atau negatif. Nilai positif bererti kedua-dua barang tersebut ialah barang pengganti, dan sebaliknya nilai negatif bererti kedua-dua barang tersebut ialah barang penggenap. *Sinonim* keanjalan harga silang.

keanjalan permintaan tak terhingga (*infinite elasticity of demand*) Keadaan perubahan permintaan yang sangat banyak apabila berlaku kejatuhan harga yang sedikit, atau tiada perubahan langsung apabila harga meningkat walaupun sedikit. Keadaan keanjalan ini digambarkan oleh keluk permintaan yang selari dengan paksi kuantiti. *Sinonim* keanjalan permintaan sempurna, keanjalan permintaan infinit, permintaan anjal sempurna.

keanjalan permintaan titik (*point elasticity of demand*) Gerak balas kuantiti diminta terhadap perubahan harga barang pada satu titik tertentu di atas keluk permintaan. Keanjalan ini merupakan anggaran perubahan kuantiti yang diminta apabila berlaku perubahan harga yang amat kecil di sekitar satu tingkat harga tertentu. Formulanya ialah:

$$\frac{dD}{dP} \cdot \frac{P}{D}$$

apabila D = kuantiti diminta,

P = harga, dan

$\frac{dD}{dP}$ = hasil pembezaan fungsi permintaan terhadap harga.

keanjalan permintaan titik tengah (*mid-point elasticity of demand*) Lihat keanjalan permintaan lengkok.

keanjalan satu (*unitary elasticity*) Keadaan yang menunjukkan kadar perubahan kuantiti yang diminta (bagi keanjalan permintaan) atau yang ditawarkan (bagi keanjalan penawaran) adalah sama dengan kadar perubahan harga barang tersebut. Dengan kata lain, apabila kadar perubahan kuantiti yang diminta atau kuantiti yang ditawarkan dibahagi dengan kadar perubahan harga, nilainya satu.

keanjalan sempurna (*perfect elasticity*) Keadaan apabila kuantiti yang diminta atau yang ditawarkan berubah dengan banyak sekali jika terdapat perubahan kecil dalam harga. Dalam konteks pekali keanjalan, keanjalan sempurna adalah apabila nilai pekali tak terhingga. *Sinonim* keanjalan infinit, keanjalan tak terhingga.

keanjalan sifar (*zero elasticity*) Keadaan apabila tiada perubahan dalam kuantiti yang diminta (bagi keanjalan permintaan) atau yang ditawarkan (bagi keanjalan penawaran) jika harga bagi barang tersebut berubah. Dengan kata lain, kuantiti yang diminta atau yang ditawarkan tidak bertindak balas terhadap perubahan harga. Keadaan ini digambarkan oleh keluk permintaan atau penawaran yang selari dengan paksi harga.

keanjalan tak terhingga (*infinite elasticity*) Lihat keanjalan sempurna.

keanjalan titik (*point elasticity*) Nilai keanjalan harga pada satu titik tertentu di atas keluk permintaan. Keanjalan titik adalah anggaran perubahan kuantiti yang diminta berbanding dengan perubahan yang amat kecil dalam harga. Keanjalan ini dikira sebagai hasil darab songsang kepada cerun keluk permintaan pada satu titik di atas keluk dengan nisbah harga terhadap kuantiti pada titik berkenaan. *Lihat juga* keanjalan lengkok.

keapungan (*buoyancy*) 1. Kenaikan hasil cukai semasa inflasi yang berlaku apabila perbelanjaan kerajaan melebihi hasil yang dikutip. Tindakan kerajaan ini mendorong kenaikan harga yang seterusnya menyebabkan cukai pendapatan dan cukai jualan meningkat. 2. Keadaan pasaran saham yang harga sahamnya sentiasa tinggi.

kebijakan industri

kebijakan industri (*industrial welfare*) Suasana pekerjaan yang meliputi keselesaan tempat kerja, keselamatan pekerjaan, beban kerja, masa rehat, waktu kerja, dan kemudahan yang disediakan oleh majikan seperti kemudahan perubatan, perumahan, pengangkutan, dan ameniti sosial.

kebijakan masyarakat (*social welfare*) Tingkat kebijakan atau utiliti semua unit ekonomi, seperti isi rumah, firma, dan kerajaan, yang diukur dengan tingkat penggunaan barang dan perkhidmatan. Penilaian tingkat kebijakan ini juga melibatkan pertimbangan nilai tentang baik buruk sesuatu barang, dan perbandingan utiliti antara kelompok masyarakat yang berbeza dari segi tingkat pendapatan atau taraf hidup.

kebankrapan (*bankruptcy*) Keadaan yang diisytiharkan oleh mahkamah terhadap perniagaan perseorangan, perkongsian, atau syarikat yang gagal membayar hutang. Pengisytiharan kebangkrupan boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, secara sukarela, iaitu penghutang sendiri meminta supaya dirinya diisytiharkan bankrap. Kedua, secara paksa, iaitu apabila pemberi hutang mengambil inisiatif supaya mahkamah mengumumkan penghutang diisytiharkan bankrap. Mahkamah akan melantik satu badan pemegang amanah untuk menguruskan aset penghutang, dan membahagikan aset tersebut kepada pemberi hutang mengikut jumlah yang ditetapkan. Seseorang yang bankrap tidak boleh mengurus mana-mana syarikat berhad atau menjadi aktif dalam syarikat berkenaan tanpa persetujuan mahkamah. *Sinonim* muflis.

kebergantungan eksport (*export dependence*) Keadaan apabila sesebuah negara terlalu bergantung pada eksport sebagai sumber pembiayaan untuk kegiatan pembangunan. Kebergantungan eksport sering wujud di negara membangun yang terpaksa mengeksport barangan utama untuk mendapatkan pertukaran asing yang amat diperlukan.

keberkecualian wang (*neutrality of money*) Keadaan perubahan kuantiti wang yang hanya mempengaruhi tingkat harga umum, tanpa meninggalkan kesan ke atas harga relatif, agihan pendapatan, atau tingkat keseimbangan pemboleh ubah benar, seperti kadar bunga, kadar upah dan tingkat pendapatan. Keberkecualian wang ialah satu hipotesis yang tersirat dalam model makroekonomi klasik.

keberkesanan kos (*cost effectiveness*) Teknik menilai dan memilih projek pelaburan yang boleh mencapai objektif tertentu yang sama berdasarkan kos terendah. Teknik ini digunakan apabila analisis kos faedah tidak dapat digunakan kerana kesukaran mengetahui nilai kewangan faedah sesuatu projek.

kebezaan upah (*wage differential*) Perbezaan upah purata antara kumpulan yang dikelaskan mengikut industri atau tempat bekerja, atau mengikut jenis pekerjaan, kumpulan etnik, dan jantina. Biasanya kebezaan upah antara sektor pertanian (yang menerima upah rendah) dengan sektor perkilangan (yang menerima upah tinggi) merupakan fenomena utama dalam sesuatu ekonomi. Ini berpunca daripada perbezaan daya pengeluaran

buruh berkenaan, perbezaan pengalaman dan kemahiran, perbezaan jenis dan sifat pekerjaan, dan perbezaan dalam latihan dan faedah bukan kewangan.

kebolehtukaran (*convertibility*) 1. Keupayaan menukar mata wang sesebuah negara dengan mata wang negara lain pada kadar pertukaran asing yang ditetapkan. Ini memudahkan urus niaga perdagangan antarabangsa. Biasanya, jumlah mata wang boleh tukar tidak dihadkan kecuali negara berkenaan menghadapi kekurangan mata wang asing. Tabung Kewangan Antarabangsa tidak menggalakkan sebarang sekatan terhadap kebolehtukaran mata wang asing. Badan ini juga akan menyediakan bekalan mata wang asing yang cukup kepada negara yang mengalami kekurangan mata wang.

kebolehtukaran mata wang (*currency convertibility*) Lihat kebolehtukaran.

kebolehubahan upah-harga (*wage-price flexibility*) Keadaan upah dan harga yang mudah berubah, sama ada naik atau turun, tanpa sebarang halangan daripada institusi seperti kesatuan sekerja atau campur tangan kerajaan. Sifat ini dijadikan andaian dalam teori ekonomi klasik. Andaian ini memudahkan ekonomi bergerak menuju ke tingkat guna tenaga penuh.

kebum kecil (*smallholding*) Lihat estet.

kecairan (*liquidity*) Kebolehtukaran sesuatu aset, biasanya aset kewangan, kepada wang tunai tanpa memerlukan masa yang panjang, melibatkan kos urus niaga yang tinggi, atau mengurangkan nilai aset tersebut. Wang tunai adalah aset yang paling cair, diikuti dengan deposit akaun semasa. Manakala simpanan tabungan, simpanan tetap, saham, bon, dan bil perbendaharaan adalah aset yang kurang cair.

kecekapan ekonomi (*economic efficiency*) Lihat optimum Pareto.

kecekapan modal sut (*marginal efficiency of capital*) Kadar pulangan yang dijangka daripada pertambahan seunit stok modal. Graf kecekapan modal sut menunjukkan hubungan di antara jangkakan pulangan untuk satu unit modal dengan kuantiti stok modal optimum. Keluk kecekapan modal sut bercerun negatif menggambarkan pertambahan unit modal akan mengurangkan tambahan produktiviti modal. *Sinonim* kadar pulangan dalaman.

kecekapan Pareto (*Pareto efficiency*) Lihat optimum Pareto.

kecekapan pelaburan sut (*marginal efficiency of investment*) Kadar pulangan yang dijangkakan daripada pertambahan satu unit pelaburan. Pelaburan di sini bermaksud kos atau perbelanjaan untuk menambahkan unit stok modal. Keluk kecekapan pelaburan sut yang bercerun negatif menggambarkan bahawa tambahan unit pelaburan mengurangkan pulangan pelaburan. Menurut Keynes, kos satu unit pelaburan ialah kadar bunga. Oleh itu, jika kecekapan pelaburan sut lebih besar daripada kadar bunga, maka akan terdapat tambahan pelaburan, dan sebaliknya. Dalam konteks ini keluk kecekapan pelaburan sut merupakan keluk permintaan yang

kecekapan pengeluaran

berfungsi kepada kadar bunga. *Lihat juga* kecekapan modal sut.

kecekapan pengeluaran (*productive efficiency*) Keadaan pengeluaran yang berdasarkan gabungan input yang melibatkan jumlah kos yang minimum untuk mengeluarkan sejumlah output tertentu. Kecekapan ini boleh juga ditakrifkan sebagai output maksimum yang dicapai apabila harga input dan jumlah perbelanjaan diberi.

kecekapan peruntukan (*allocative efficiency*) Penggunaan sumber atau input yang meminimumkan kos pengeluaran pada kadar yang sesuai dengan nisbah harga pasaran sumber atau input tersebut. Sebuah firma mencapai kecekapan peruntukan apabila firma tersebut berupaya mengeluarkan output pada kos minimum dengan menggunakan input pada kadar gantian teknik sut yang menyamai nisbah harga input tersebut. Sebuah ekonomi pula mencapai kecekapan peruntukan apabila proses pengeluaran ekonomi tersebut menggunakan sumber secara optimal yang membayangkan kekurangan relatif sumber tersebut.

kecekapan teknik (*technical efficiency*) *Lihat* kecekapan teknologi.

kecekapan teknologi (*technological efficiency*) Kecekapan pengeluaran yang berdasarkan penggunaan input fizikal yang minimum untuk mengeluarkan sejumlah output yang tertentu. Misalnya, terdapat tiga kaedah untuk mengeluarkan 1000 unit barang X. Kaedah A memerlukan 3 unit mesin dan 100 unit buruh, kaedah B memerlukan 5 unit mesin dan 125 unit buruh, dan kaedah C pula memerlukan 5 unit mesin dan 75 unit buruh. Berdasarkan keperluan input tersebut, kaedah B adalah tidak cekap kerana menggunakan jumlah input yang secara relatif lebih banyak daripada kaedah C, manakala kaedah A dan C adalah sama cekap dari segi teknologi kerana kaedah A menggunakan jumlah mesin yang terendah, manakala kaedah C menggunakan jumlah buruh yang terendah. *Sinonim* kecekapan teknik.

kecenderungan menabung (*propensity to save*) Perlakuan isi rumah untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatannya. Jumlah tabungan bergantung pada pendapatan boleh guna dan jangkaan isi rumah tentang harta, pendapatan, dan kegunaan wang yang tidak dibelanjakan pada masa akan datang. *Lihat juga* kecenderungan menabung purata, kecenderungan menabung sut.

kecenderungan menabung purata (*average propensity to save*) Ukuran nisbah jumlah tabungan terhadap jumlah pendapatan. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan menabung purata} = \frac{S}{Y}$$

apabila S = jumlah tabungan, dan

Y = jumlah pendapatan.

kecenderungan menabung sut (*marginal propensity to save*) Ukuran perubahan tabungan apabila terdapat perubahan dalam tingkat pendapatan. Kecenderungan menabung sut dikira dengan membahagikan perubahan

kecenderungan mengguna purata

tabungan dengan perubahan pendapatan. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan menabung sut} = \frac{\Delta S}{\Delta Y}$$

apabila ΔS = perubahan dalam jumlah tabungan, dan
 ΔY = perubahan dalam jumlah pendapatan.

kecenderungan mencukai (*propensity to tax*) Perlakuan kerajaan untuk memungut cukai daripada asas cukai yang termasuk pendapatan, harta, jumlah penggunaan, laba modal, dan hasil bumi. Jumlah cukai bergantung pada skop asas cukai dan struktur cukai, sama ada progresif, berkadaran, atau regresif.

kecenderungan mencukai purata (*average propensity to tax*) Ukuran nisbah jumlah hasil cukai terhadap jumlah asas cukai. Misalnya, kecenderungan mencukai purata bagi cukai pendapatan ialah jumlah cukai pendapatan dibahagi dengan jumlah pendapatan. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mencukai purata} = \frac{T}{Y}$$

apabila T = jumlah cukai pendapatan, dan
 Y = jumlah pendapatan.

kecenderungan mencukai sut (*marginal propensity to tax*) Ukuran nisbah perubahan hasil cukai terhadap perubahan asas cukai. Misalnya, kecenderungan mencukai sut bagi cukai pendapatan ialah perubahan cukai pendapatan dibahagi dengan perubahan jumlah pendapatan. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mencukai sut} = \frac{\Delta T}{\Delta Y}$$

apabila ΔT = perubahan dalam cukai pendapatan, dan
 ΔY = perubahan dalam jumlah pendapatan.

kecenderungan mengguna (*propensity to consume*) Perlakuan isi rumah untuk menggunakan sebahagian daripada pendapatannya untuk membeli barang pengguna. Jumlah penggunaan bergantung pada pendapatan boleh guna dan jangkaan isi rumah terhadap harta, pendapatan, dan kegunaan masa hadapan.

kecenderungan mengguna purata (*average propensity to consume*) Ukuran nisbah jumlah penggunaan terhadap jumlah pendapatan. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mengguna purata} = \frac{C}{Y}$$

apabila C = jumlah penggunaan, dan
 Y = jumlah pendapatan.

kecenderungan mengguna sut

kecenderungan mengguna sut (*marginal propensity to consume*)

Pertambahan perbelanjaan penggunaan kesan daripada pertambahan 1 unit tingkat pendapatan. Kecenderungan mengguna sut dikira dengan membahagikan perubahan perbelanjaan penggunaan agregat sama ada dengan perubahan pendapatan agregat, atau dengan perubahan perbelanjaan penggunaan, atau dengan perubahan pendapatan boleh guna. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mengguna sut} = \frac{\Delta C}{\Delta Y}$$

apabila ΔC = perubahan dalam perbelanjaan penggunaan, dan

ΔY = perubahan dalam jumlah pendapatan.

kecenderungan mengimport (*propensity to import*)

Perlakuan sesebuah negara untuk mengimport barang dan perkhidmatan dari negara luar. Kecenderungan mengimport bergantung pada tingkat pendapatan negara, kadar pertukaran asing, harga barang import, dan sekatan perdagangan.

kecenderungan mengimport purata (*average propensity to import*)

Ukuran nisbah jumlah import terhadap jumlah pendapatan sesebuah negara. Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mengimport purata} = \frac{M}{Y}$$

apabila M = jumlah import, dan

Y = jumlah pendapatan negara.

kecenderungan mengimport sut (*marginal propensity to import*)

Ukuran nisbah di antara perubahan import terhadap perubahan pendapatan negara.

Formulanya ialah:

$$\text{Kecenderungan mengimport sut} = \frac{\Delta M}{\Delta Y}$$

apabila ΔM = perubahan dalam jumlah import, dan

ΔY = perubahan dalam jumlah pendapatan negara.

kedai kesatuan (*union shop*)

 Lihat kedai terbuka.

kedai rantaian (*chain stores*) Rantaian kedai yang dimiliki dan diuruskan oleh organisasi yang sama. Ia mungkin mempunyai nama yang sama ataupun berlainan. Misalnya, Kentucky Fried Chicken, 7 Eleven, dan Ayamas.

kedai terbuka (*open shop*) Keadaan apabila majikan atau syarikat bebas mengambil mana-mana pekerja tanpa mengira sama ada pekerja itu ahli kesatuan sekerja ataupun tidak. *Sinonim* kedai kesatuan.

kedai tertutup (*closed shop*) Keadaan apabila majikan dikehendaki mengambil pekerja yang merupakan ahli kesatuan sekerja. Amalan pengambilan cara ini biasanya berlaku apabila kesatuan sekerja mempunyai

- kuasa runding yang kuat dalam sesuatu organisasi.
- kedudukan kredit** (*credit rating*) Kemampuan dan kebertanggungjawaban seseorang peminjam untuk membayar balik hutangnya. Ini diketahui melalui rekod prestasi peminjam untuk memenuhi tanggungjawab kewangannya dan kemampuan untuk memenuhi tanggungjawab tersebut pada masa hadapan.
- kedudukan panjang** (*long position*) Tindakan membeli aset, terutamanya mata wang, di pasaran semerta atau di pasaran ke depan dengan harapan untuk menjual aset tersebut pada harga yang lebih tinggi di pasaran semerta pada masa akan datang. Penspekulasi mengambil kedudukan panjang apabila yakin harga akan meningkat pada masa akan datang.
- kedudukan pendek** (*short position*) Tindakan menjual aset, terutamanya mata wang, di pasaran ke depan dengan harapan untuk membeli aset tersebut pada harga yang lebih rendah di pasaran semerta pada masa akan datang untuk menyempurnakan kontrak jualan ke depan tersebut. Apabila mengambil kedudukan pendek, penspekulasi sebenarnya menjual aset yang belum dimiliki. Penspekulasi mengambil kedudukan pendek apabila yakin harga akan jatuh pada masa hadapan.
- kedwilogaman** (*bimetallism*) Sistem kewangan yang menggunakan dua logam terutamanya emas dan perak sebagai sandaran nilai mata wang supaya nilai mata wang tersebut lebih stabil. *Sinonim* dua nilai.
- keempunyaan** (*proprietorship*) Bentuk pemilikan syarikat perniagaan oleh orang perseorangan. Keempunyaan wujud hasil daripada sumbangan modal dan pengurusan orang perseorangan tersebut. Biasanya syarikat keempunyaan kecil saiznya. *Sinonim* keempunyaan tunggal.
- keempunyaan tunggal** (*sole proprietorship*) Lihat keempunyaan.
- kegagalan pasaran** (*market failure*) Keadaan ketaksempurnaan pasaran yang disebabkan oleh kuasa monopoli, tak mobilitinya faktor pengeluaran, penyebaran maklumat yang tak sempurna, dan penentuan hak milik yang kurang jelas. Kegagalan pasaran menyebabkan sistem ekonomi pasaran tidak dapat berfungsi atau menyumbangkan faedah sepenuhnya. Kegagalan pasaran merupakan satu alasan yang digunakan untuk menyokong campur tangan kerajaan mempengaruhi sistem pasaran bebas.
- kegagalan perniagaan** (*business failure*) Pemberhentian pengendalian sebuah entiti perniagaan kerana penglibatan tindakan mahkamah untuk menyusun semula perniagaan atau penyerahan hak perniagaan, atau tindakan sukarela yang menyebabkan kerugian kepada pemberi pinjaman. Kegagalan perniagaan tidak termasuk firma yang dibubarkan, dicantumkan, atau dijual untuk mengelakkan kerugian. Biasanya, kegagalan perniagaan termasuk industri dan perniagaan komersil.
- kehendak** (*wants*) Kemahuan atau keinginan manusia yang digerakkan oleh sifat semula jadi untuk memaksimumkan kepuasan. Dalam ekonomi, kehendak ekonomi diandaikan tidak terhad berbanding dengan sumber

keheterogenan input

ekonomi yang terhad. Keadaan yang bertentangan ini memaksa manusia memilih kehendak yang lebih diutamakan, yang sepadan dengan peruntukan sumber yang ada. Apabila pilihan dibuat, seseorang itu akan menanggung kos yang disebut kos melepas. *Lihat juga* kekurangan, kos melepas.

keheterogenan input (*input heterogeneity*) Sifat faktor pengeluaran yang tidak serupa antara satu sama lain. Semakin tinggi darjah keheterogenan input, semakin rendah kebolehgantian antara input-input tersebut. Misalnya, kebolehgantian antara buruh dengan modal, dan antara buruh mahir dengan buruh tak mahir.

keheterogenan keluaran (*product heterogeneity*) Sifat dua keluaran yang tidak serupa pada pandangan pengguna walaupun fungsi pengeluarannya sama. Ini menyebabkan kebolehgantian keluaran tersebut tidak sempurna. Misalnya, sabun mandi, ubat gigi, dan minyak masak.

kehomogenan input (*input homogeneity*) Sifat faktor pengeluaran yang serupa antara satu sama lain. Misalnya, buruh kasar yang merupakan pengganti sempurna kepada buruh kasar yang lain dalam proses pengeluaran. Ini bererti keanjalan penggantian input tersebut sempurna.

kehomogenan keluaran (*product homogeneity*) Sifat barang dan perkhidmatan yang serupa antara satu sama lain. Misalnya, gas masak dan petrol. Walaupun barang ini dikeluarkan oleh pengeluar yang berbeza, barang tersebut merupakan pengganti yang sempurna. Ini bererti keanjalan penggantian barang tersebut sempurna. Kehomogenan keluaran merupakan ciri penting dalam pasaran pertandingan sempurna.

kejutan penawaran (*supply shock*) Perubahan besar yang tidak diduga yang menyebabkan pertambahan atau pengurangan penawaran agregat. Misalnya, kejutan penawaran minyak pada tahun 1973 yang diikuti oleh kejatuhan daya pengeluaran yang menyeluruh, dan bencana alam yang menimpa sektor pembekal bahan mentah utama atau bahan makanan.

kekangan belanjawan (*budget constraint*) *Lihat* garis belanjawan.

kekangan ekonomi (*economic constraint*) Hambatan kepada pencapaian matlamat utama ekonomi seperti pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan agihan pendapatan serta kekayaan yang saksama. Misalnya, kekurangan buruh mahir, buruh yang tak mobiliti, kekurangan alat modal, dan ketiadaan teknologi yang sesuai.

kekayaan (*wealth*) Sesuatu yang mempunyai nilai pasaran dan boleh ditukarkan dengan barang atau perkhidmatan. Kekayaan boleh dibahagi kepada kekayaan manusia atau kekayaan tak ketara, dan kekayaan bukan manusia atau kekayaan ketara. Kekayaan manusia termasuk kepakaran, manakala kekayaan bukan manusia termasuk barang atau aset fizikal dan aset kewangan. Satu sifat kekayaan ialah kebolehan untuk mewujudkan utiliti dan menghasilkan pendapatan.

kekayaan bukan manusia (*nonhuman wealth*) Semua aliran pendapatan

yang diperoleh pada masa hadapan daripada sumber selain daripada pendapatan upah. Nisbah nilai kini kekayaan bukan manusia terhadap jumlah kekayaan mempengaruhi penggunaan tetap, dan seterusnya mempengaruhi kecenderungan mengguna jangka panjang, iaitu semakin besar nisbah ini semakin besar kecenderungan mengguna jangka panjang.

kekayaan negara (*national wealth*) Nilai semua aset ketara dalam sesebuah negara, tidak termasuk harta tentera. Kekayaan negara termasuk aset ketara yang boleh dikeluarkan semula, seperti stok modal dan aset tak boleh dikeluarkan semula, seperti tanah dan sumber asli. Perangkaan kekayaan negara penting untuk menggambarkan stok ekonomi sesebuah negara. Kekayaan negara berbeza dengan pendapatan negara kerana pendapatan negara dikira berdasarkan pendekatan perbelanjaan, keluaran, atau pendapatan, manakala kekayaan negara dikira berdasarkan pendekatan kunci kira-kira (lembaran imbalan). Cara paling mudah mengira kekayaan adalah dengan menjumlahkan nilai kesemua aset negara tanpa mengambil kira susut nilai, jangka hayat, dan kegunaan aset tersebut.

kekayaan perniagaan (*business wealth*) Barang modal dalam bentuk bangunan, bahan mentah, barang separa siap, mesin, dan alat pengangkutan. Barang ini dianggap kekayaan perniagaan kerana boleh membantu menghasilkan pendapatan walaupun tidak mendatangkan kepuasan.

kekeliruan *ceteris paribus* (*ceteris paribus fallacy*) Kesilapan dalam membuat kesimpulan bahawa perubahan satu set pemboleh ubah adalah kesan daripada perubahan satu set pemboleh ubah lain kerana kegagalan mengambil kira faktor atau set pemboleh ubah lain yang juga mempengaruhi hubungan antara kedua-dua set pemboleh ubah tersebut.

kekeliruan kepalsuan sebab (*false-cause fallacy*) Tanggapan yang salah bahawa apabila dua perkara berlaku secara serentak atau bersama, maka satu perkara itu mestilah menyebabkan berlakunya perkara yang satu lagi.

kekeliruan komposisi (*fallacy of composition*) Tanggapan yang salah bahawa apabila sesuatu perkara adalah benar pada sebahagian atau secara individu, maka perkara tersebut mesti juga benar pada keseluruhannya.

kekurangan (*scarcity*) Keadaan apabila sumber ekonomi terhad berbanding dengan keinginan manusia yang tidak terbatas. Kekurangan boleh berlaku dalam mana-mana peringkat ekonomi seperti individu, negara, atau antarabangsa. Pada peringkat individu, kekurangan wujud apabila kemahuan manusia untuk makanan, minuman, pakaian, tempat kediaman, dan hiburan, tidak dapat ditunaikan dengan jumlah pendapatan yang terhad. Pada peringkat kerajaan, kekurangan berlaku apabila jumlah pendapatan kerajaan tidak mencukupi untuk membiayai berbagai-bagai projek awam. Dalam bidang pengeluaran, konsep kekurangan dimaksudkan sebagai sesuatu faktor secara relatif adalah kurang berbanding dengan faktor lain yang perlu digunakan bersama dalam

kekurangan buruh

sesuatu pengeluaran. Misalnya, di negara mundur faktor modal adalah kurang berbanding dengan faktor buruh dan tanah. Konsep ini penting kerana apabila wujud kekurangan, pilihan perlu dibuat yang seterusnya akan menimbulkan konsep kos melepas dan persoalan tentang masalah asas ekonomi.

kekurangan buruh (*labour shortage*) Keadaan apabila permintaan terhadap buruh melebihi penawaran pada satu tingkat upah semasa. Secara relatifnya, apabila keadaan ini berlaku tingkat upah bagi suatu industri atau sesuatu sektor cenderung menjadi lebih tinggi daripada tingkat upah bagi industri atau sektor yang tidak mengalami kekurangan buruh.

kelajakan (*overshooting*) Keadaan apabila kadar pertambahan sesuatu pemboleh ubah dalam jangka pendek melebihi kadar pertambahan keseimbangan jangka panjang pemboleh ubah tersebut. Lajakan biasanya merujuk pertambahan kadar pertukaran, kadar inflasi, atau kadar bunga yang melebihi kadar pertambahan jangka panjang masing-masing. Misalnya, apabila penawaran wang bertambah 5%, kadar pertukaran dalam jangka panjang dijangka akan bertambah sebanyak 5% tetapi pertambahan ini tidak berlaku serta merta. Dalam jangka pendek, akibat kejatuhan kadar bunga dan kenaikan tingkat inflasi beberapa ketika selepas bertambahnya penawaran wang, kadar pertukaran mungkin naik lebih daripada tingkat 5%.

kelas pekerja (*working class*) Lihat proletariat.

kelepasan cukai (*tax holiday*) Pengecualian pembayaran cukai pendapatan atau pengurangan kadar cukai pendapatan untuk beberapa tahun kepada syarikat atau pelabur yang ingin membuat pelaburan, atau mengembangkan aktiviti pengeluaran dalam sektor atau kawasan yang ditentukan. Di Malaysia, kelepasan cukai pendapatan syarikat diberi kepada pelabur industri perintis, industri muda, industri galakan eksport, dan industri yang banyak menggunakan buruh tempatan, bahan mentah tempatan, dan di tempat yang digalakkan untuk pembangunan desa. Tempoh kelepasan cukai yang diberi oleh Malaysia ialah antara dua hingga 10 tahun.

kelonggaran cukai penggunaan buruh (*labour utilization relief*) Bentuk galakan kepada syarikat supaya menggunakan teknologi yang lebih berintensif buruh. Syarikat yang mendapat galakan ini diberi pengecualian daripada membayar cukai untuk beberapa tahun mengikut bilangan pekerja sepenuh masa syarikat tersebut. Galakan ini biasanya digunakan oleh negara membangun untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan atau untuk mengatasi pengangguran.

keluaran bersama (*joint product*) Dua barang atau lebih yang boleh dikeluarkan secara serentak dalam satu proses pengeluaran yang sama. Jika satu barang dikeluarkan maka barang yang satu lagi juga dengan sendirinya boleh dikeluarkan. Kedua-dua barang tersebut dianggap sama penting. Misalnya, daging dan belulang, bulu dan daging kambing, minyak dan isi rong kelapa sawit.

keluaran dalam negara kasar (*gross domestic product*) Nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pada harga pasaran yang dikeluarkan oleh rakyat

dalam sesebuah negara tanpa mengambil kira keluaran atau pendapatan bersih luar negeri. Keluaran dalam negara kasar boleh juga dinyatakan dalam kos faktor selepas menolak cukai tak langsung dan dicampur subsidi. *Sinonim* KDNK.

keluaran fizikal sut (*marginal physical product*) *Lihat* keluaran sut.

keluaran hasil sut (*marginal revenue product*) Tambahan hasil yang diperoleh oleh firma apabila ditambah penggunaan satu input, input lain diandaikan tetap. Keluaran hasil sut diperoleh dengan mendarab harga keluaran, P , dengan keluaran sut, MP_p . Misalnya, apabila satu input buruh ditambah, tambahan hasil yang diperoleh itu merupakan keluaran hasil sut buruh. Dalam pasaran persaingan sempurna, nilai keluaran sut adalah sama dengan keluaran hasil sut yang diperoleh dengan mendarabkan hasil sut, MR , dengan keluaran sut input, MP_p . Ini disebabkan oleh hasil sut yang sama dengan harga dalam pasaran tersebut. Sebaliknya dalam pasaran persaingan tak sempurna, nilai keluaran sut adalah lebih tinggi daripada keluaran hasil sut kerana dalam pasaran ini harga adalah lebih tinggi daripada hasil sut. *Sinonim* nilai keluaran sut.

keluaran heterogen (*heterogenous product*) *Lihat* keluaran sama lainan.

keluaran intensif buruh (*labour-intensive product*) Keluaran yang dihasilkan daripada proses pengeluaran yang menggunakan teknologi yang berintensif buruh. Misalnya, barang pertanian yang lebih banyak menggunakan tenaga buruh, jika dibandingkan dengan barang perkilangan yang merupakan keluaran intensif modal.

keluaran intensif modal (*capital-intensive product*) Keluaran yang dihasilkan daripada proses pengeluaran yang menggunakan teknologi yang berintensif modal. Misalnya, barang perkilangan yang lebih banyak menggunakan modal, jika dibandingkan dengan barang pertanian yang merupakan keluaran intensif buruh.

keluaran negara (*national product*) Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh unit ekonomi dalam sesebuah negara dalam satu tempoh tertentu, biasanya setahun. Oleh sebab keluaran negara merupakan pendapatan kepada faktor pengeluaran negara tersebut, maka keluaran negara sama dengan pendapatan negara dan perbelanjaan negara kerana semua pendapatan yang diterima dibelanjakan. *Lihat juga* pendapatan negara, perbelanjaan negara.

keluaran negara bersih (*net national product*) Nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pada kos faktor dalam satu tempoh tertentu setelah ditolak susut nilai. Dalam perakaunan pendapatan negara, keluaran negara bersih diperoleh apabila keluaran negara kasar pada harga faktor ditolak dengan susut nilai barang modal. *Lihat juga* keluaran negara kasar.

keluaran negara kasar (*gross national product*) Nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pada harga pasaran dalam satu tempoh tertentu, sebelum ditolak susut nilai. Keluaran negara kasar boleh juga dinyatakan pada kos faktor dengan menolak cukai tak langsung dan dicampur subsidi. Dalam perakaunan pendapatan negara, keluaran negara kasar diperoleh apabila keluaran dalam negara kasar dicampurkan dengan

keluaran negara potensi

keluaran bersih atau pendapatan bersih luar negeri. *Lihat juga* keluaran dalam negara kasar.

keluaran negara potensi (*potential national product*) Tingkat keluaran negara yang boleh dicapai apabila semua sumber ekonomi digunakan sepenuhnya. Dengan kata lain, keluaran negara potensi ialah keluaran negara pada tingkat guna tenaga penuh.


keluaran sama lainan (*differentiated product*) Keluaran yang fungsi penggunaannya adalah sama tetapi pada pandangan pengguna adalah berbeza dari segi pembungkusan, warna, atau bahan tambahan yang digunakan. Misalnya, sabun mandi, ubat gigi, dan minyak petrol. *Sinonim* keluaran heterogen. *Lihat juga* pembezaan keluaran.

keluaran sampingan (*by-product*) Keluaran yang terhasil daripada suatu proses pengeluaran barang lain yang lebih diutamakan. Misalnya, dedak yang diperoleh daripada proses pengisaran padi untuk mendapatkan beras.

keluaran sut (*marginal product*) Tambahan output yang boleh dikeluarkan dengan menambah penggunaan satu unit faktor tersebut tanpa perubahan kepada faktor lain. Misalnya, apabila satu input buruh ditambah, tambahan keluaran yang diperoleh itu merupakan keluaran sut buruh tersebut. *Sinonim* keluaran fizikal sut.


keluaran sut buruh (*labour marginal product*) *Lihat* keluaran sut.

keluk harga-penggunaan (*price-consumption curve*) Lokus yang menyambungkan titik-titik keseimbangan pengguna yang dicapai apabila harga satu barang berubah, tetapi tingkat pendapatan dan harga barang lain diandaikan tetap. Di dalam rajah, paksi X dan Y menunjukkan kuantiti barang X dan Y. U_1 , U_2 , dan U_3 ialah keluk puas sama dan B_1 , B_2 , dan B_3 ialah garis belanjawan apabila harga X ialah masing-masing $P_1 > P_2 > P_3$. Keluk harga penggunaan ditunjukkan oleh keluk PCC.




keluk hasil purata (*average revenue curve*) Keluk yang menghubungkan

hasil purata dengan tingkat keluaran sesebuah firma. Keluk hasil purata merupakan keluk permintaan sebuah firma. Bagi firma persaingan tak sempurna seperti firma monopoli, keluk hasil purata mencerun ke bawah seperti dalam Rajah I. Bagi firma persaingan sempurna, keluk ini selari dengan paksi keluaran seperti dalam Rajah II.




keluk hasil sut (*marginal revenue curve*) Keluk yang menghubungkan hasil sut dengan tingkat keluaran sesebuah firma. Bagi firma persaingan sempurna keluk hasil sut sama dengan keluk hasil purata. Bagi firma persaingan tak sempurna keluk hasil sut berada di bawah keluk hasil purata dan di tengah-tengah antara paksi menegak dengan keluk hasil purata.



keluk IS (*IS curve*) Keluk yang menggambarkan pelbagai kombinasi tingkat pendapatan dengan kadar bunga yang meletakkan pasaran barangan (pasaran keluaran) dalam keseimbangan, iaitu semasa penawaran agregat sama dengan permintaan agregat. Biasanya keluk IS bercerun negatif

keluk isokos




seperti dalam rajah. Ini kerana apabila kadar bunga meningkat, pelaburan berkurangan, dan seterusnya pendapatan berkurangan.

keluk isokos (*isocost curve*) Keluk yang menunjukkan pelbagai kombinasi input yang dapat dibeli dengan peruntukan perbelanjaan tertentu. Dalam rajah di bawah, garis RABW ialah keluk isokos. Jumlah perbelanjaan OK_0 unit modal dan OL_1 unit buruh adalah sama dengan OK_1 unit modal dan OL_0 unit buruh. Formulanya ialah:


$$E = wL + rK$$

apabila E = jumlah perbelanjaan,
 w = kadar upah,
 L = jumlah buruh,
 r = kos semasa modal, dan
 K = jumlah modal.



Sinonim keluk kos sama.



keluk isokuan (*isoquant curve*) Keluk yang menunjukkan kombinasi input seperti modal, K , dan buruh, L , yang menghasilkan tingkat pengeluaran yang sama pada suatu tingkat teknologi yang tertentu. Sebarang titik pada keluk isokuan seperti titik A dan B dalam rajah menggambarkan pelbagai kombinasi dua input yang berbeza yang dapat menghasilkan tingkat pengeluaran yang sama. Pada titik A, modal digunakan lebih daripada buruh, manakala pada titik B buruh digunakan lebih daripada modal. Lagi jauh titik ini dari asalan, lebih besar tingkat pengeluaran. *Sinonim* keluk keluaran sama.




keluk jumlah hasil (*total revenue curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara jumlah hasil yang diterima oleh penjual dengan setiap tingkat pengeluaran. Jumlah hasil boleh dihitung dengan mendarabkan jumlah kuantiti keluaran yang dijual dengan harga seunit keluaran. Oleh sebab harga seunit berkurangan apabila jumlah kuantiti bertambah, maka keluk jumlah hasil berkeadaan bertambah dengan kadar berkurangan seperti dalam Rajah I. Keadaan jumlah hasil ini berlaku dalam pasaran persaingan tak sempurna. Dalam pasaran persaingan sempurna, keluk jumlah hasil berbentuk satu garis lurus, seperti dalam Rajah II, kerana harga seunit dalam pasaran ini tidak berubah walaupun tingkat keluaran yang dijual berubah.




keluk jumlah keluaran

keluk jumlah keluaran (*total product curve*) Keluk yang menggambarkan kuantiti keluaran maksimum pada suatu tingkat input berubah dengan input lain tetap dan pada suatu tingkat teknologi yang tertentu. Umumnya, keluk jumlah keluaran berbentuk seperti dalam rajah, iaitu apabila input ditambah, jumlah keluaran meningkat dengan kadar bertambahan hingga ke L_1 , bertambah lagi tetapi dengan kadar berkurangan hingga ke L_2 dan selepas itu berkurangan. Keadaan ini berdasarkan hukum daya pulangan sut berkurangan. Berdasarkan keadaan ini juga, keluk jumlah keluaran boleh dibahagikan kepada tiga kawasan pengeluaran, iaitu Kawasan I yang bermula dari asalan hingga keluaran purata mencapai maksimum, Kawasan II yang bermula dari keluaran purata berkurangan hingga jumlah keluaran mencapai maksimum, dan Kawasan III yang bermula dari titik jumlah keluaran mencapai maksimum dan jumlah keluaran terus berkurangan.




keluk jumlah kos (*total cost curve*) Keluk yang menunjukkan jumlah kos minimum yang boleh dicapai pada suatu tingkat pengeluaran dan tingkat teknologi yang diberi. Umumnya, keluk jumlah kos didapati dengan



menjumlahkan secara menegak keluk kos tetap dan kos berubah. Oleh sebab keluk kos tetap adalah selari dengan paksi keluaran, maka bentuk keluk jumlah kos adalah serupa dengan keluk kos berubah.


keluk jumlah utiliti (*total utility curve*) Keluk yang menunjukkan jumlah kepuasan yang paling maksimum yang boleh dicapai dari penggunaan suatu atau sekumpulan barang dan perkhidmatan pada jumlah unit tertentu. Mengikut teori utiliti kardinal, keluk jumlah utiliti pada umumnya berbentuk seperti dalam Rajah I, iaitu bertambah dengan kadar berkurangan sehingga ia mencapai titik maksimum dan selepas itu ia terus berkurangan. Keadaan ini berdasarkan hukum utiliti sut berkurangan, iaitu utiliti sut berkurangan apabila jumlah unit penggunaan bertambah, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah II.



keluk keluaran sama (*equal product curve*) Lihat keluk isokuan.


keluk kemungkinan pengeluaran (*production possibility curve*) Keluk atau fungsi yang menunjukkan kombinasi barang yang maksimum yang boleh dikeluarkan apabila semua faktor pengeluaran digunakan dengan cekap pada tingkat teknologi yang ada. Biasanya keluk kemungkinan pengeluaran berbentuk cekung ke arah asalan. Cerun di titik-titik pada

keluk kemungkinan utiliti




keluk kemungkinan pengeluaran memberikan kadar transformasi sut. *Sinonim* sempadan kemungkinan pengeluaran, keluk transformasi.

keluk kemungkinan utiliti (*utility possibility curve*) Keluk atau fungsi yang menunjukkan gabungan utiliti dua orang atau dua kumpulan pengguna yang menggunakan semua barang yang dikeluarkan dalam ekonomi. Secara umumnya keluk kemungkinan utiliti adalah seperti rajah di bawah. Titik R, S, dan T dalam rajah menunjukkan gabungan penggunaan barang yang berlainan bagi kedua-dua pengguna. *Sinonim* sempadan kemungkinan utiliti. *Lihat juga* pemaksimuman kebajikan sosial.




keluk kontrak pengeluaran (*production contract curve*) Lokus titik-titik kecekapan pengeluaran yang dicapai apabila keluk kemungkinan pengeluaran dua barang menyentuh satu sama lain. Lokus ini menggambarkan kadar penggantian teknik sut antara pasangan input adalah sama bagi kedua-dua barang. Di dalam rajah, keluk kontrak pengeluaran ditunjukkan oleh $O_X P Q R O_Y$.




Keluk ini diterbitkan daripada titik-titik persentuhan keluk keluaran sama (isokuan) barang X dengan barang Y, seperti Q_x^1 dengan Q_y^3 , Q_x^2 dengan Q_y^2 , dan Q_x^3 dengan Q_y^1 .

keluk kontrak penggunaan (*consumption contract curve*) Lokus titik-titik penggunaan optimum yang dicapai apabila keluk puas sama dua pengguna menyentuh satu sama lain. Lokus ini menggambarkan kadar penggantian sut antara pasangan barang adalah sama bagi kedua-dua pengguna. Di dalam rajah, keluk kontrak penggunaan ditunjukkan oleh $O_A RSTO_B$. Keluk ini diterbitkan daripada titik-titik persentuhan keluk puas sama pengguna A dengan pengguna B, seperti U_A^1 dengan U_B^3 , U_A^2 dengan U_B^2 , dan U_A^3 dengan U_B^1 .




keluk kos purata (*average cost curve*) Keluk yang menghubungkan kos purata dengan tingkat kuantiti keluaran. Umumnya keluk kos purata berbentuk U, yang bermaksud kos purata akan berkurangan dari peringkat awal output hingga ke tingkat kapasiti normal seperti di titik E di dalam rajah. Selepas itu kos purata akan meningkat. Pengurangan kos purata

keluk kos purata jangka panjang



disebabkan oleh ekonomi dalaman, manakala peningkatan kos purata disebabkan oleh disekonomi dalaman yang timbul akibat kesulitan perancangan, kawalan, dan pengurusan.

keluk kos purata jangka panjang (*long-run average cost curve*) Keluk yang menggambarkan kos purata minimum yang boleh dicapai oleh sesebuah firma dalam mengeluarkan satu tingkat output apabila semua input berubah, manakala tingkat teknologi dan harga input adalah tetap. Keluk kos purata jangka panjang sebenarnya ialah keluk kos perancangan sesuatu firma kerana dalam mengeluarkan suatu tingkat output, kos purata firma tidak mencapai tingkat kos purata jangka panjang. Ini kerana proses pengeluaran berlaku dalam jangka pendek dan untuk mengeluarkan suatu tingkat output, kuantiti input tetap seperti tanah dan modal dipilih terlebih dahulu supaya kekal sebagai kos purata jangka panjang. Selepas itu input berubah dipilih untuk meminimumkan kos purata jangka pendek, iaitu kos purata yang minimum tertakluk pada kuantiti input tetap tersebut. Kos purata jangka pendek tidak rendah




keluk kos sut jangka panjang


daripada kos purata jangka panjang kerana firma dalam jangka panjang boleh menurunkan kos purata. Keluk kos purata jangka panjang diterbitkan daripada keluk-keluk kos purata jangka pendek seperti dalam rajah. Pada bahagian yang menurun, keluk kos purata jangka panjang menyentuh keluk kos purata jangka pendek pada sebelah kirinya. Sebaliknya, pada bahagian yang menaik, keluk kos purata jangka panjang menyentuh keluk kos purata jangka pendek pada sebelah kanannya. Titik minimum keluk kos purata jangka panjang menyentuh titik minimum keluk kos purata jangka pendek pada tingkat keupayaan unggul, iaitu di titik E.

keluk kos sama (*equal cost curve*) Lihat keluk isokos.

keluk kos sut (*marginal cost curve*) Keluk yang menghubungkan kos sut dengan kuantiti keluaran. Umumnya keluk kos sut berbentuk melengkung dan memotong keluk kos purata dari bawah ketika kos purata minimum, seperti di titik E di dalam rajah.



keluk kos sut jangka panjang (*long-run marginal cost curve*) Keluk yang menunjukkan tambahan jumlah kos jangka panjang akibat pertambahan seunit output. Keluk kos sut jangka panjang berbentuk 'J', dan memotong




keluk Kuznets


keluk kos purata jangka panjang dari bawah pada titik minimum keluk itu. Perbandingan antara kos sut jangka panjang (KSJP) dan kos purata jangka panjang (KPJP) boleh memberi gambaran tentang bidang ekonomi sesebuah firma. Jika KSJP melebihi KPJP yang bererti kos purata jangka panjang bertambah apabila output berubah, maka firma beroperasi dalam ekonomi ikut bidang, dan jika KSJP kurang daripada KPJP yang bererti KPJP menurun walaupun KSJP sedang meningkat, maka firma tidak beroperasi dalam ekonomi ikut bidang.

keluk Kuznets (*Kuznets curve*) Keluk yang menggambarkan hubungan antara pendapatan per kapita dengan agihan pendapatan sesebuah negara. Pada mulanya apabila pendapatan per kapita negara meningkat, agihan pendapatan adalah tak setara tetapi menjadi lebih setara apabila pendapatan per kapita meningkat lebih tinggi. Keadaan ini benar bagi sebuah negara yang tahap pendapatan per kapitanya adalah rendah. Apabila digambarkan dengan graf, keluk Kuznets berbentuk 'U'.


keluk Laffer (*Laffer curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kadar cukai dengan jumlah hasil cukai. Bentuk keluk ini menunjukkan bahawa pada kadar cukai 0 peratus dan 100 peratus, jumlah hasil cukai adalah sifar, dan pada kadar cukai optimum (t^*) antara dua nilai peratusan tersebut, jumlah hasil cukai (h^*) mencapai maksimum. Keadaan ini berlaku apabila kadar cukai yang optimum mendorong peningkatan aktiviti ekonomi, yang akan menyebabkan pungutan cukai yang banyak.



keluk LM (*LM curve*) Keluk yang menggambarkan pelbagai kombinasi tingkat pendapatan dan kadar bunga yang meletakkan pasaran wang dalam keseimbangan, iaitu ketika penawaran wang sama dengan permintaan wang. Keluk LM biasanya bercerun positif seperti di dalam rajah kerana apabila pendapatan negara meningkat, permintaan wang urus niaga meningkat. Ini menyebabkan aset nominal seperti bon terpaksa dijual, yang seterusnya menyebabkan harga aset nominal jatuh dan kadar bunga meningkat.




keluk Lorenz (Lorenz curve) Keluk agihan pendapatan sekumpulan penduduk yang menghubungkan peratusan pendapatan yang diterima dengan setiap peratusan penduduk kumulatif. Jika keluk Lorenz berbentuk lurus bercerun 45 darjah seperti keluk OE dalam rajah, maka setiap peratusan pendapatan kumulatif adalah sama bagi setiap peratusan penduduk kumulatif yang menggambarkan setiap penduduk menerima agihan pendapatan yang sama. Jika keluk Lorenz terletak di bawah dan berbentuk cembung menjauhi garis 45 darjah, maka peratusan pendapatan kumulatif adalah kurang daripada peratusan penduduk kumulatif. Keadaan ini memberi gambaran ketaksamaan pendapatan di kalangan penduduk. Semakin jauh keluk ini dari garis lurus tersebut, maka semakin tinggi ketaksamaan pendapatan, dan sebaliknya. *Lihat juga* koefisien Gini.



keluk penawaran (supply curve) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kuantiti yang ditawarkan dengan harga barang tersebut apabila pengeluaran atau firma memaksimumkan pengeluaran. Keluk ini juga menggambarkan hukum penawaran yang menyatakan kuantiti ditambah apabila harga meningkat, dan sebaliknya. Penambahan kuantiti yang ditawarkan apabila harga meningkat bergantung pada kecerunan keluk penawaran, iaitu lagi curam kecerunan keluk, lagi sedikit perubahan kuantiti, manakala lagi

keluk penawaran buruh



landai kecerunan keluk, maka lagi besar perubahan kuantiti. *Lihat juga* keanjalan penawaran.

keluk penawaran buruh (*labour supply curve*) Keluk yang menggambarkan hubungan antara kuantiti buruh yang ditawarkan dengan kadar upah pada suatu masa. Biasanya keluk penawaran buruh bercerun positif kerana apabila tingkat upah meningkat, lebih banyak khidmat buruh, iaitu lebih ramai buruh atau lebih banyak jam bekerja yang ditawarkan dalam pasaran, dan sebaliknya.

keluk penawaran jangka pendek (*short-run supply curve*) Keluk penawaran industri persaingan sempurna yang diterbitkan dengan menjumlahkan secara melintang keluk kos sut yang berada di atas keluk kos berubah purata bagi semua firma dalam sesuatu industri. Ini kerana keluk kos sut setiap firma persaingan sempurna menunjukkan kuantiti barang yang ditawarkan oleh firma suatu tingkat harga pasaran tertentu. Oleh itu, keluk penawaran industri ialah jumlah kuantiti yang dikeluarkan atau ditawarkan oleh setiap firma pada setiap harga pasaran.

keluk penawaran Lucas (*Lucas supply curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kuantiti output agregat benar yang ditawarkan dalam sesebuah ekonomi pada pelbagai perbezaan tingkat harga antara tingkat harga semasa dengan harga dijangka. Keluk penawaran Lucas bercerun positif menggambarkan ekonomi akan menawarkan lebih banyak output apabila tingkat harga semasa lebih tinggi daripada tingkat harga dijangka. Ini kerana pengeluar sebenarnya tertipu untuk mengeluarkan lebih banyak keluaran apabila harga semasa (sebenar) lebih tinggi daripada harga dijangka, dan sebaliknya. Pengeluar biasanya lebih tahu tentang harga barangan yang dijual daripada harga barangan yang mereka beli. Apabila harga lebih tinggi daripada yang dijangka maka pengeluar barang dan khidmat buruh merasakan harga barangan yang mereka keluarkan itu adalah secara relatif lebih tinggi daripada harga barangan lain. Ini membayangkan tambahan permintaan terhadap barangan mereka, dan


mereka mengeluarkan lebih banyak. Sebaliknya, apabila harga lebih rendah daripada yang dijangka, pengeluar akan mengurangkan output kerana mereka tertipu dengan mempercayai bahawa harga barangan keluaran mereka telah jatuh berbanding dengan harga barangan lain. Apabila harga semasa sama dengan harga dijangka, pengeluar mengetahui kenaikan atau kejatuhan harga adalah menyeluruh, dan oleh itu tidak akan mengubah tingkat output yang ada.

keluk penawaran pasaran (*market supply curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kuantiti sesuatu barang yang ingin dibekalkan oleh sesuatu industri ke pasaran pada suatu masa, dengan tingkat harga barang tersebut, apabila pemboleh ubah lain seperti harga input dan tingkat teknologi diandaikan tetap. Keluk penawaran pasaran jangka panjang menunjukkan hubungan antara kuantiti barang yang ingin dibekalkan oleh setiap firma dalam industri pada pelbagai tingkat harga apabila firma bebas untuk keluar masuk, dan apabila struktur kos atau teknologi firma dalam industri boleh berubah. Keluk penawaran pasaran jangka panjang boleh bercerun positif, negatif, atau mengufuk, bergantung pada sama ada sesuatu industri itu mengalami ekonomi luaran atau tidak, atau sama ada industri tersebut merupakan industri kos malar atau tidak. Keluk penawaran pasaran jangka pendek ialah keluk pasaran penawaran apabila firma dalam industri tidak bebas untuk keluar masuk dan tingkat teknologi dianggap tetap. Keluk ini bercerun positif.

keluk penawaran pasaran jangka panjang (*long-run market supply curve*)
Lihat keluk penawaran pasaran.

keluk penawaran pasaran jangka pendek (*short-run market supply curve*)
Lihat keluk penawaran pasaran.

keluk permintaan (*demand curve*) Keluk yang menghubungkan kuantiti barang yang diminta pada pelbagai tingkat harga dalam satu tempoh tertentu. Keluk ini biasanya bercerun menurun, yang bererti kuantiti yang diminta bertambah apabila harga jatuh, dan sebaliknya, seperti di dalam rajah. *Sinonim* keluk permintaan Marshall.



keluk permintaan input bersyarat

keluk permintaan input bersyarat (*conditional input demand curve*) Lihat fungsi permintaan input bersyarat.


keluk permintaan Hicks (*Hicks demand curve*) Lihat keluk permintaan pampasan Hicks.

keluk permintaan input (*input demand curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan kuantiti input yang diminta oleh firma yang memaksimumkan untung, dengan harga input tersebut apabila harga input lain dan harga output diandaikan tetap.

keluk permintaan Lucas (*Lucas demand curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kuantiti output benar yang diminta pada pelbagai perbezaan tingkat harga, antara tingkat harga semasa dengan tingkat harga dijangka. Keluk permintaan Lucas bercerun negatif, yang menunjukkan bahawa apabila tingkat harga semasa (sebenar) lebih tinggi daripada tingkat harga dijangka, orang ramai mendapati baki benar mereka jatuh lebih rendah daripada yang sepatutnya, dan oleh itu akan mengurangkan penggunaan, dan sebaliknya.


keluk permintaan Marshall (*Marshall demand curve*) Lihat keluk permintaan pampasan Hicks. Sinonim keluk permintaan.

keluk permintaan pampasan Hicks (*Hicks compensated demand curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara kuantiti barang yang diminta




dengan harga barang tersebut apabila utiliti pengguna diandaikan tetap. Ini bererti keluk ini menggambarkan hanya kesan penggantian yang berlaku akibat perubahan harga. Ini berbeza daripada keluk permintaan biasa (keluk permintaan Marshall) yang mengambil kira kesan penggantian dan kesan pendapatan akibat perubahan harga. Keluk ini mesti bercerun negatif, manakala keluk permintaan biasa boleh bercerun positif atau negatif. Rajah I menggambarkan keluk-keluk puas sama untuk penggunaan barangan X_1 dan X_2 apabila harga barang X_1 diandaikan jatuh dari P_0 ke P_1 , yang menyebabkan kuantiti yang diminta naik dari Q_0 ke Q_2 . AB ialah kesan penggantian dan BC ialah kesan pendapatan. Keluk permintaan pampasan Hicks diperoleh dengan memplot kejatuhan harga dengan kenaikan kuantiti dari Q_0 ke Q_1 , manakala keluk permintaan biasa diperoleh dengan memplot kejatuhan harga dengan kenaikan kuantiti dari Q_0 ke Q_2 seperti di Rajah II. Dalam Rajah II, keluk A'B' ialah keluk permintaan pampasan Hicks, manakala A'C' ialah keluk permintaan biasa.

keluk permintaan terpatah (*kinked demand curve*) Keluk permintaan yang dihadapi oleh satu firma oligopoli yang menurunkan harga apabila pesaingnya menurunkan harga, tetapi tidak berbuat demikian apabila pesaingnya menaikkan harga. Keluk ini adalah seperti dalam rajah, iaitu keluk permintaan berkesannya ialah keluk ABC. Firma ini akan menggunakan bahagian keluk BC apabila harga turun dan bahagian keluk AB apabila harga meningkat. Keluk ini menerangkan ketegaran harga apabila berlaku perubahan kos dalam satu julat tertentu seperti antara DE. Dalam rajah tersebut kenaikan kos yang sedikit seperti yang digambarkan oleh peralihan keluk kos sut dari KS ke KS' tidak akan mengubah tingkat harga keseimbangan, kerana pada julat ini kos sut masih sama dengan hasil sut pada keluk hasil sut menegak.




keluk Phillips

keluk Phillips (*Phillips curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan negatif antara kadar pengangguran dengan kadar inflasi. Keluk Phillips yang asal menghubungkan kadar pengangguran dengan kadar kenaikan upah. Bagaimanapun, hubungan yang serupa dapat ditunjukkan antara kadar pengangguran dengan kadar inflasi. Keluk Phillips jangka pendek menunjukkan hubungan negatif antara kadar pengangguran dengan kadar inflasi, yang memberi erti kadar pengangguran boleh diturunkan dengan menaikkan kadar inflasi.




keluk Phillips jangka panjang (*long-run Phillips curve*) Keluk yang menunjukkan tiada hubungan antara kadar pengangguran dengan kadar inflasi. Ini bererti keluk ini menegak, selari dengan paksi inflasi, seperti di dalam rajah. Pada suatu tingkat pengangguran tertentu iaitu kadar pengangguran semula jadi, sebarang perubahan kadar inflasi tidak memberi kesan kepada kadar pengangguran.




keluk Phillips jangka pendek (*short-run Phillips curve*) Lihat keluk Phillips.

keluk puas sama (*indifference curve*) Keluk yang menunjukkan pelbagai kombinasi dua barang yang memberi kepuasan atau utiliti yang sama pada pengguna. Misalnya, pengguna akan memperoleh kepuasan yang sama jika menggunakan kombinasi OY_2 barang Y dengan OX_1 barang X seperti di titik A, dan kombinasi OY_1 barang Y dengan OX_2 barang X seperti di titik B. Semakin jauh keluk puas sama dari asalan, semakin tinggi utiliti yang diperoleh.



keluk puas sama komuniti (*community indifference curve*) Lihat keluk puas sama sosial.


keluk puas sama sosial (*social indifference curve*) Keluk yang menggambarkan pelbagai kombinasi dua barang seperti X dan Y yang meletakkan setiap individu pada suatu tingkat kebajikan tertentu. Jika



keluk tawaran


terdapat dua individu dalam masyarakat, kombinasi penggunaan yang digambarkan di titik A dan di titik B dalam rajah menghasilkan tingkat kebajikan yang sama kepada kedua-dua pengguna. Misalnya, penggunaan sebanyak OX_0 barang X dan OY_1 barang Y seperti di titik A menghasilkan tingkat kebajikan yang sama seperti penggunaan OX_1 barang X dan OY_0 barang Y seperti di titik B. Ini bererti tingkat kebajikan pengguna pertama adalah sama di titik A dan di titik B, dan begitu juga bagi pengguna kedua. Ini juga bererti setiap titik di atas keluk puas sama sosial menghasilkan tingkat kebajikan yang sama kepada individu pertama dan kedua. *Sinonim* keluk puas sama komuniti. *Lihat juga* keluk puas sama.

keluk tawaran (*offer curve*) Keluk yang menunjukkan hubungan antara jumlah import yang diminta, atau yang harus diperoleh oleh sesebuah negara dengan jumlah eksport yang ditawarkan. Keluk tawaran menggambarkan kesanggupan sesebuah negara mengeksport keluarannya untuk memperoleh barang import pada pelbagai tingkat harga relatif. Misalnya, keluk tawaran antara Malaysia dan Thailand ditunjukkan seperti dalam rajah. Di titik Q pada keluk tawaran, Malaysia sanggup menawarkan OC barang eksportnya untuk mendapatkan OD barang import Thailand. Kedua-dua keluk yang bersilang pada titik P menggambarkan jumlah barang yang sanggup dieksport oleh Malaysia untuk mendapatkan barang Thailand, sama dengan jumlah yang sanggup dieksport oleh Thailand untuk mendapatkan barang Malaysia. Cerun garis OP menggambarkan harga relatif, yang disebut kadar syarat perdagangan, yang sama di kedua-dua negara. *Lihat juga* kadar syarat perdagangan.



keluk transformasi (*transformation curve*) *Lihat* keluk kemungkinan pengeluaran.

keluk utiliti (*utility curve*) Keluk yang menghubungkan tingkat penggunaan satu barang atau lebih dengan jumlah utiliti yang diperoleh seperti dalam rajah. Umumnya, keluk ini akan menunjukkan peningkatan dalam jumlah utiliti apabila kuantiti barang ditambah, tetapi kadar pertambahannya berkurangan hingga ke satu tingkat kuantiti tertentu, seperti di titik X_1 , iaitu apabila jumlah utiliti mencapai maksimum seperti di titik E. Selepas itu, jumlah utiliti akan berkurangan dan terus berkurangan hingga menjadi negatif jika tingkat penggunaan terus ditambah.



kemajuan teknologi berimbuhan buruh (*labour-augmenting technological progress*) Kemajuan teknologi yang boleh meningkatkan daya pengeluaran buruh yang sedia ada. Misalnya, kemajuan dalam sistem pelajaran dan latihan sambil kerja, meningkatkan kualiti pekerja.

kemajuan teknologi jimat buruh (*labour-saving technological progress*) Kemajuan teknologi yang menyebabkan lebih banyak output dikeluarkan dengan menggunakan bilangan buruh yang sama. Keadaan ini biasanya berlaku apabila barangan atau teknologi baru ditemui atau apabila terdapat pembaharuan dalam proses pengeluaran yang sedia ada. Misalnya, penciptaan komputer dan robot, yang mengurangkan penggunaan buruh.

kemakmuran (*prosperity*) Keadaan ekonomi yang berlanjutan dalam kitaran perniagaan yang dicirikan oleh kenaikan tingkat pengeluaran, tingkat harga, dan upah, pengurangan pengangguran, pertambahan dalam pelaburan, kemunculan perniagaan baru, dan kemudahan memperoleh kredit. Antara ancaman semasa kemakmuran ialah kenaikan harga yang berlaku secara besar-besaran.

kemampuan membayar (*ability to pay*) Prinsip pencukai yang menentukan bahawa beban cukai yang perlu dibayar oleh seseorang bergantung pada keupayaan membayarnya. Seseorang yang mempunyai lebih banyak harta perlu menyumbang lebih banyak kepada kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab sosial. Prinsip ini mengandaikan utiliti pendapatan semakin berkurangan, iaitu semakin tinggi pendapatan semakin

kemelesetan

kurang utilitinya kepada individu. Prinsip ini menentukan kadar cukai progresif atau berkadar dengan pendapatan dan lazim digunakan dalam menentukan kadar cukai yang lebih tinggi bagi orang kaya.

kemelesetan (*depression*) Keadaan ekonomi yang mengalami kemerosotan yang teruk dan berpanjangan hingga beberapa tahun. Kemelesetan dicirikan oleh kadar pengangguran yang tinggi, kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah atau negatif, dan kejatuhan tingkat pendapatan benar. Pada masa berlakunya kemelesetan, kegiatan ekonomi amat lembap, dan para pengusaha dan pengguna berasa pesimis dan tidak yakin dengan prospek ekonomi masa depan. Misalnya, Kemelesetan Besar yang dialami oleh dunia dalam tahun 1929–35 telah mencatatkan kadar pengangguran yang tinggi serta kejatuhan besar dalam keluaran negara kasar benar di kebanyakan negara di dunia.

kemerosotan (*recession*) Keadaan ekonomi yang secara keseluruhannya mengalami kejatuhan dalam aktiviti ekonomi, seperti pengeluaran dan perniagaan. Kemerosotan ekonomi biasanya berlaku sekali dalam satu kitaran perniagaan. Tempoh kemerosotan biasanya pendek, dengan kadar kejatuhan aktiviti ekonomi sebanyak 10% mengikut indeks pengeluaran industri. Walaupun kadar kemerosotan hanya 10% sahaja, kesannya terhadap ekonomi negara sangat bererti kerana ramai diberhentikan kerja dan terpaksa menganggur. Misalnya, kemerosotan ekonomi yang pendek antara tahun 1960–61, dan yang agak panjang antara tahun 1985–87. Jika tempoh kemerosotan melebihi lima tahun seperti pada tahun 1930-an, keadaan ekonomi dikatakan mengalami kemelesetan besar.

kemiskinan (*poverty*) Keadaan apabila seseorang hanya mempunyai harta benda yang sedikit atau menerima pendapatan benar yang kecil yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas hidup. Konsep kemiskinan boleh dibahagikan kepada kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak ialah suatu keadaan apabila seseorang tidak mempunyai pendapatan benar yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas hidup, seperti makanan, pakaian, dan perlindungan pada tingkat yang minimum. Kemiskinan relatif merupakan keadaan kemiskinan bagi sesuatu golongan atau individu berbanding dengan golongan atau individu lain pada suatu masa, atau keadaan kemiskinan sesuatu golongan atau individu antara dua tempoh. Misalnya, satu tingkat pendapatan benar yang diterima oleh individu atau sesuatu golongan di desa yang dianggap mewah mungkin dianggap miskin di bandar, atau suatu keadaan yang dianggap kemiskinan hari ini mungkin dianggap sebagai keadaan yang agak mewah pada satu masa yang lampau.

kemiskinan mutlak (*absolute poverty*) Lihat kemiskinan.

kemiskinan relatif (*relative poverty*) Lihat kemiskinan.

kempen beli sekarang (*buy now campaign*) Kempen kerajaan atau masyarakat perniagaan untuk menggalakkan pembelian atau penggunaan semasa. Tujuannya adalah untuk meningkatkan permintaan berkesan

untuk membantu aktiviti pengeluaran dan perniagaan. Kempen ini dilakukan pada masa kemerosotan ekonomi.

kepadatan penduduk (*population density*) Ukuran saiz penduduk dalam sesuatu kawasan, biasanya dalam satu kilometer persegi. Kepadatan penduduk diperoleh dengan membahagikan jumlah penduduk sesuatu kawasan bagi sesuatu tempoh dengan jumlah keluasan kawasan yang boleh diduduki. Kepadatan penduduk dikatakan tinggi jika jumlah penduduk bagi satu kilometer persegi kawasan tersebut lebih tinggi daripada kawasan lain.

keperluan asas (*basic needs*) Barang dan perkhidmatan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, dan kesihatan yang perlu untuk seseorang atau isi rumah mencapai satu tingkat taraf hidup yang paling sederhana atau minimum. *Sinonim* keperluan hidup.

keperluan hidup (*life sustenance*) Lihat keperluan asas.

keperluan margin (*margin requirement*) Peraturan minimum yang perlu dibayar sendiri oleh pembeli saham atau pembeli bon apabila pembelian saham atau bon itu dibuat melalui pinjaman bank. Misalnya, jika keperluan margin terhadap saham ialah 40% maka pembeli saham hanya boleh meminjam tidak lebih daripada 60% harga saham, dan yang selebihnya harus dibayar sendiri.

keperluan rizab (*reserve requirement*) Peraturan yang mewajibkan bank dan syarikat kewangan memegang sejumlah rizab tertentu, sama ada di bank pusat atau di tangan, sebagai sokongan terhadap deposit di institusi tersebut. Keperluan rizab menjamin setiap pengambilan deposit dapat dipenuhi oleh sesebuah bank atau syarikat kewangan, dan seterusnya menjamin kepercayaan orang ramai terhadap institusi tersebut.

kepimpinan harga (*price leadership*) Kaedah menentukan harga pasaran sesuatu barang mengikut firma yang bertindak sebagai pemimpin dalam sesuatu industri, biasanya dalam industri oligopoli. Harga tersebut kemudiannya akan digunakan oleh firma lain. Biasanya firma yang menjadi pemimpin harga ialah firma yang mempunyai kos pengeluaran yang terendah, firma yang kukuh, atau firma yang menguasai sebahagian besar pasaran.

kepuasan sut (*marginal satisfaction*) Lihat utiliti sut.

kerasionalan (*rationality*) Ciri individu atau firma yang diandaikan bertindak berdasarkan segala maklumat yang ada dan kemudian membuat keputusan yang akan mendatangkan faedah terbaik.

kerja awam (*public works*) Kerja yang dikendalikan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan awam dan tidak bermatlamatkan keuntungan. Sifat kerja ini tidak mendorong pihak swasta untuk mengendalikannya. Misalnya, pembekalan air dan elektrik ke desa, pembentungan najis, pembinaan jalan, jambatan, empangan, padang permainan, dan tempat rekreasi.

kerja kolar biru (*blue-collar job*) Kerja buruh kasar yang memerlukan

kerja kolar kelabu

tenaga fizikal yang berlebihan dan tidak banyak menggunakan tenaga mental. Misalnya, kerja-kerja pembinaan, pertanian, dan pengendalian pengeluaran di kilang.

kerja kolar kelabu (*grey-collar job*) Kerja yang tidak banyak memerlukan tenaga mental seperti kerja kolar putih dan tidak banyak memerlukan tenaga fizikal seperti kerja kolar biru. Misalnya, pekerjaan mandiri di sektor pertanian dan penyelia pengeluaran di kilang.

kerja kolar putih (*white-collar job*) Kerja yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang berlebihan, tetapi lebih banyak menggunakan tenaga mental. Misalnya, kerja untuk peringkat ikhtisas, pengurusan dan pentadbiran, dan kerja perkeranian.

kerjasama ekonomi (*economic cooperation*) Sekumpulan dua negara atau lebih yang bersetuju bekerjasama dalam aktiviti ekonomi, terutamanya yang melibatkan kegiatan perdagangan antarabangsa antara negara-negara tersebut. Misalnya, kerjasama antara negara ASEAN dan antara negara Kesatuan Eropah (EEC) dari segi ekonomi.

kerjasama rapat (*close cooperation*) Persetujuan antara ahli kumpulan kecil yang memegang saham sesuatu firma. Jika seseorang ahli kumpulan ini ingin menjual sahamnya, ia mesti terlebih dahulu menawarkan saham tersebut kepada ahli lain dalam kumpulan itu.

kerugian cukai dibawa ke belakang (*tax-loss carry back*) Peruntukan undang-undang cukai yang membenarkan perniagaan perbadanan dan bukan perbadanan membawa kerugian pengendalian perniagaan dalam satu tahun ke beberapa tahun yang lepas, semasa mereka memperoleh keuntungan. Peruntukan ini bertujuan mengurangkan risiko perniagaan akibat pembayaran cukai yang tinggi pada tahun keuntungan dan menggunakan penjimatan kos cukai atau bayaran balik cukai untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi pada masa kerugian. Walaupun peruntukan ini penting untuk meningkatkan aktiviti perniagaan dan pelaburan, ia hanya digunakan untuk jumlah kerugian tertentu dan bagi tempoh tertentu sahaja.

kerugian cukai dibawa ke hadapan (*tax-loss carry forward*) Peruntukan undang-undang cukai yang membenarkan perniagaan perbadanan dan bukan perbadanan membawa kerugian pengendalian perniagaan dalam satu tahun ke beberapa tahun akan datang, yang mereka mungkin memperoleh keuntungan. Peruntukan ini bertujuan mengimbangi pendapatan pada tahun-tahun hadapan dan mengurangkan risiko pembayaran cukai terhadap perniagaan dan pelaburan. Walaupun peruntukan ini penting untuk meningkatkan aktiviti perniagaan dan pelaburan, ia digunakan hanya untuk jumlah kerugian tertentu dan bagi tempoh tertentu sahaja.

kerugian durian runtuh (*windfall loss*) Lihat keuntungan durian runtuh.
kesaksamaan menegak (*vertical equity*) Lihat ekuiti menegak.

kesalinggenapan (*complementarity*) Ciri permintaan terhadap barang dan


input penggenap. Kesalinggenapan menyebabkan permintaan bagi satu barang meningkat apabila permintaan bagi barang penggenapnya meningkat.

kesan baki benar (*real balance effect*) Lihat teori kesan baki benar.

kesan berarah (*directional effect*) Kesan akibat perubahan kadar cukai belian barang tertentu untuk mengawal kenaikan permintaan agregat yang menyebabkan hanya permintaan terhadap barang tersebut sahaja yang berubah, dan bukannya keseluruhan permintaan agregat. Misalnya, pada masa inflasi, kadar cukai belian dinaikkan terhadap barang tertentu. Kesan ini hanya dirasakan oleh industri yang mengeluarkan barang yang diubah kadar cukai beliannya. Kesan berarah tidak timbul jika cukai jualan dikenakan kerana cukai jualan dikenakan terhadap semua jualan runcit.

kesan demonstrasi (*demonstration effect*) Kesan terhadap pengguna akibat pendedahan kepada pelbagai barang dalam pasaran dan perlakuan perbelanjaan pengguna lain. Kesan ini menyebabkan penggunaannya meningkat walaupun pendapatan tidak meningkat. Menurut Keynes perbelanjaan penggunaan sesebuah keluarga hanyalah dipengaruhi oleh tingkat pendapatannya. Kesan demonstrasi membuktikan kenyataan ini tidak tepat. Pengguna yang berpeluang melihat dan memeriksa pelbagai barang di pasaran akan cenderung untuk menambahkan perbelanjaan penggunaannya berbanding dengan pengguna yang tidak berpeluang untuk berbuat demikian.

kesan harga (*price effect*) Perubahan kuantiti barang dan perkhidmatan yang diminta akibat perubahan harga satu barang sahaja. Apabila harga satu barang berubah sedangkan pendapatan wang pengguna masih tetap, perubahan kuantiti yang diminta tertakluk pada kesan penggantian dan kesan pendapatan. Misalnya, apabila harga suatu barang jatuh, barang itu menjadi lebih murah berbanding dengan barang lain, yang menyebabkan pengguna lebih suka menggantikan barang lain dengan barang tersebut. Ini dikenali sebagai kesan penggantian. Kejatuhan




kesan himpitan

harga barang itu juga bererti pendapatan benar pengguna naik, yang menyebabkan pengguna menambahkan pembelian barang tersebut sekiranya barang itu barang normal, atau mengurangkan pembelian jika barang itu barang Giffen. Kesan ini dikenali sebagai kesan pendapatan. Gabungan kedua-dua kesan ini disebut kesan harga. Ketiga-tiga kesan ini dapat ditunjukkan di dalam rajah. Keluk AB ialah garis belanjawan sebelum harga berubah. Apabila harga jatuh, garis belanjawan berubah kepada AC. Perubahan keseimbangan pengguna dari P ke R merupakan kesan harga yang meningkatkan kuantiti yang diminta sebanyak X_0X_2 . Untuk melihat kesan penggantian garis belanjawan, bayangkan DF yang selari dengan AC dan menyentuh keluk puas sama U_0 seperti di Q. Perubahan keseimbangan dari P ke Q merupakan kesan penggantian yang meningkatkan penggunaan barang sebanyak X_0X_1 . Perubahan keseimbangan dari Q ke R merupakan kesan pendapatan yang meningkatkan permintaan barang sebanyak X_1X_2 .

kesan himpitan (*crowding-out effect*) Pengurangan pendapatan akibat penyelarasan dalam sektor kewangan yang boleh mengurangkan atau menghapuskan langsung kesan pengganda bagi perbelanjaan kerajaan. Kesan himpitan beroperasi melalui kadar bunga. Tingkat pendapatan meningkat apabila kerajaan menambahkan perbelanjaan melalui kesan langsung dan kesan pengganda Keynes. Peningkatan pendapatan menyebabkan permintaan wang bertambah, memaksa orang ramai menjual bon yang mereka miliki, dan seterusnya menyebabkan kadar bunga naik. Kenaikan kadar bunga boleh mengurangkan perbelanjaan pelaburan dan seterusnya mengurangkan tingkat pendapatan yang kadang-kadang boleh menghapuskan langsung pertambahan pendapatan yang berlaku dahulu. Semakin anjal permintaan wang terhadap pendapatan, atau semakin tidak anjal permintaan wang terhadap kadar bunga, atau semakin anjal permintaan pelaburan terhadap kadar bunga, maka semakin besar kesan himpitan. *Sinonim* maklum balas negatif.

kesan kekayaan (*wealth effect*) Kesan pengaruh aset benar terhadap penggunaan apabila berlaku perubahan dalam tingkat harga umum.



Misalnya, apabila tingkat harga umum meningkat, nilai aset benar yang mempunyai nilai yang tetap, seperti wang dan bon akan jatuh. Kejatuhan nilai benar ini mengurangkan perbelanjaan penggunaan dan menambahkan tabungan untuk mengekalkan nilai benar tabungan terkumpul pengguna. Kesan ini menyebabkan keluk IS, seperti di dalam rajah beralih ke kiri dari $IS(P_0)$ ke $IS(P_1)$. Apabila tingkat harga umum naik, tingkat keseimbangan pendapatan negara turun dari Y_1 ke Y_0 , dan kadar bunga turun dari r_1 ke r_0 . *Lihat juga* teori kesan baki benar.

kesan keluk-J (*J-curve effect*) *Lihat* fenomenon keluk-J.

kesan Keynes (*Keynes effect*) Kesan terhadap perubahan permintaan agregat, terutama pelaburan agregat, akibat perubahan kadar bunga. Misalnya, apabila penawaran wang benar meningkat, sama ada akibat pertambahan penawaran wang nominal atau kejatuhan tingkat harga, kadar bunga akan menurun. Kejatuhan kadar bunga itu seterusnya menggalakkan pelaburan, penggunaan, dan seterusnya permintaan agregat. *Lihat juga* 'perangkap kecairan, teori kesan baki benar.

kesan kitaran (*cyclical effect*) Kesan yang mempengaruhi nilai pemboleh ubah dalam suatu siri masa. Kesan kitaran merupakan hasil daripada turun naik komponen asas makroekonomi, terutamanya yang berkaitan dengan sektor industri seperti pengangguran, pendapatan, dan output. *Lihat juga* turun naik kitaran.

kesan pendapatan (*income effect*) *Lihat* kesan harga.

kesan pengganda (*multiplier effect*) Kesan terhadap tingkat pendapatan negara apabila berlaku perubahan perbelanjaan autonomi, seperti perbelanjaan penggunaan autonomi, pelaburan, perbelanjaan kerajaan, dan eksport. Kadar perubahan tingkat pendapatan ini bergantung pada saiz pengganda, yang antara lainnya bergantung pada kecenderungan mengguna sut. *Lihat juga* pengganda.

kesan penggantian (*substitution effect*) *Lihat* kesan harga.

kesan pergantungan (*dependence effect*) Kesan yang menyebabkan wujudnya pengeluaran akibat pertambahan permintaan oleh masyarakat mewah. Permintaan terhadap barang oleh masyarakat mewah wujud selepas mereka memenuhi keperluan asasi. Lebih pendapatan setelah ditolak perbelanjaan untuk keperluan asasi mewujudkan permintaan untuk barang mewah. Jika barang mewah ini diperlukan segera, maka pengeluaran barang mewah akan segera dibuat. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kesan pergantungan. Misalnya, kehendak terhadap televisyen diperoleh selepas masyarakat menikmati kepuasan daripada perkhidmatan radio. Kesan ini dipopularkan oleh J.K. Galbraith. *Lihat juga* masyarakat mewah.

kesan Pigou (*Pigou effect*) *Lihat* teori kesan baki benar.

kesan surutan (*backwash effect*) Kesan negatif akibat pertumbuhan ekonomi sesuatu wilayah terhadap wilayah lain. Kesan ini berpunca daripada pergerakan faktor pengeluaran, biasanya buruh dan modal, dari wilayah

kesan tebaran

yang kadar pertumbuhannya rendah ke wilayah yang kadar pertumbuhannya tinggi. Kesan surutan menyebabkan jurang pertumbuhan antara wilayah bertambah luas. Kesan ini juga berlaku antara sektor, seperti sektor pertanian dan sektor perkilangan. Kemunduran sektor perkilangan dalam negeri disebabkan oleh penekanan kerajaan terhadap perkembangan sektor eksport pertanian.

kesan tebaran (*spread effect*) Kesan positif terhadap peningkatan aktiviti ekonomi sesuatu sektor atau wilayah akibat perkembangan aktiviti perdagangan antarabangsa sesuatu sektor atau wilayah lain. Keadaan ini berlaku kerana perkembangan perdagangan antarabangsa sesuatu wilayah mencipta pasaran baru kepada wilayah lain. Kesan ini juga berlaku antara sektor-sektor. Misalnya, kenaikan dalam nilai eksport akan membawa kesan tebaran dalam bentuk kenaikan pendapatan per kapita dalam sektor lain melalui proses pengganda.

kesan Veblen (*Veblen effect*) Kesan apabila sebahagian pengguna mengurangkan pembelian apabila harga sesuatu barang jatuh kerana beranggapan bahawa kejatuhan harga berpunca daripada kejatuhan mutu barang tersebut. Kesan Veblen menghasilkan keluk permintaan pasaran yang lebih curam daripada yang sepatutnya, malah boleh membuatkan keluk tersebut bercerun positif.

kesatuan (*union*) Lihat kesatuan sekerja.

kesatuan kastam (*custom union*) Kesatuan yang membuat perjanjian untuk menghapuskan duti kastam, kuota, dan sekatan perdagangan yang lain di kalangan negara ahli, tetapi mengenakan duti kastam terhadap negara bukan ahli.

kesatuan kewangan (*monetary union*) Kesatuan yang membuat perjanjian antara sekumpulan negara untuk menetapkan satu kadar pertukaran yang dipersetujui bagi mata wang negara tersebut. Misalnya, Kesatuan Kewangan Negara Amerika Latin.

kesatuan kredit (*credit union*) Sekumpulan individu yang bersatu untuk menghulurkan bantuan sesama sendiri. Kumpulan ini menyimpan wang dan kemudian menyediakan pinjaman dengan kadar bunga yang rendah. Pinjaman ini khusus untuk anggota kumpulan sahaja. Kesatuan kredit menyediakan kemudahan urusan peminjaman dan memilih sendiri lembaga pengarahnya.

kesatuan sekerja (*labour union, trade union*) Kesatuan para pekerja yang bertujuan mengadakan rundingan dengan majikan tentang upah, keadaan kerja dan faedah sampingan untuk kebaikan para pekerja. Kesatuan sekerja menuntut kenaikan gaji melalui kegiatan yang dinamakan tawar-menawar kolektif, dan jika gagal, akan mengadakan mogok. Kejayaan tuntutan kesatuan sekerja bergantung pada beberapa faktor, termasuk kekuatan kesatuan tersebut, keadaan kedudukan kewangan firma semasa tuntutan dibuat, dan keadaan ekonomi semasa.

kesatuan sekerja industri (*industrial union*) Kesatuan sekerja yang mewakili

semua pekerja mahir dan tidak mahir dalam sesuatu loji, industri, atau kumpulan industri. Kesatuan ini berkembang sebagai suatu kesan daripada perkembangan pengeluaran yang besar, kerana pekerja mahir dan tidak mahir bekerja bersama dalam loji pengeluaran yang besar. Tujuan utama kesatuan ini ialah melaksanakan dasar mengurangkan perbezaan harga relatif antara pekerja, terutamanya melalui perundingan kolektif untuk menaikkan upah. Matlamat lain kesatuan ini ialah menjaga kebajikan sosioekonomi ahli-ahlinya.


keseimbangan jangka panjang (*long-run equilibrium*) Keadaan apabila permintaan agregat menyamai penawaran agregat dan kesemua jangkakan diandaikan tepat. Sebuah ekonomi berada dalam keseimbangan apabila:

- i) output yang dikeluarkan dalam ekonomi tersebut cukup untuk memenuhi permintaan,
- ii) harga adalah pada tingkat yang firma ingini dan firma tersebut berupaya mengeluarkan keluaran pada satu tingkat output yang ditetapkan, dan
- iii) tingkat harga adalah sama dengan tingkat harga yang dijangkakan oleh setiap ejen dalam ekonomi.

Sebuah pasaran dikatakan berada dalam keseimbangan jangka panjang jika penawaran jangka panjang sama dengan permintaan pasaran, dan setiap firma dalam industri hanya mendapat untung normal sahaja. Dalam pasaran pertandingan sempurna, keseimbangan jangka panjang tercapai apabila harga output adalah sama dengan kos purata dan kos sut setiap firma dalam industri, dan firma tidak cenderung untuk masuk atau keluar.

keseimbangan jangka panjang bagi firma (*long-run equilibrium of the firm*) Lihat keseimbangan jangka panjang.

keseimbangan pasaran (*market equilibrium*) Keadaan apabila permintaan pasaran adalah sama dengan penawaran pasaran. Secara graf, keadaan ini diperoleh apabila keluk permintaan pasaran (DD) bersilang dengan



keseimbangan separa

keluk penawaran pasaran (SS). Dalam keadaan tersebut berlaku satu keadaan harga keseimbangan (H_c) dan kuantiti keseimbangan (K_c) seperti di dalam rajah. *Sinonim* penjelasan pasaran.

keseimbangan separa (*partial equilibrium*) Keadaan apabila satu pasaran atau beberapa pasaran tertentu berada dalam keseimbangan. Pasaran lain selain daripada pasaran tersebut tidak semestinya berada dalam keseimbangan. *Lihat juga* keseimbangan umum.

keseimbangan umum (*general equilibrium*) Keadaan apabila semua pasaran dalam ekonomi berada dalam keseimbangan secara serentak. *Lihat juga* keseimbangan separa.

keseimbangan untung normal (*normal-profit equilibrium*) Keadaan apabila firma memperoleh jumlah hasil sama dengan jumlah kos pada tingkat keseimbangan. Keseimbangan untung normal dialami oleh firma persaingan sempurna dan firma persaingan monopolistik dalam jangka panjang kerana firma dalam pasaran tersebut bebas untuk keluar masuk. Firma baru atau firma dari industri lain akan masuk dalam industri yang memperoleh untung lebih normal dan akan keluar meninggalkan industri tersebut jika firma lama mengalami kerugian. Proses ini berterusan sehingga untung normal diperoleh oleh semua firma. *Sinonim* keseimbangan untung sifar.

keseimbangan untung sifar (*zero-profit equilibrium*) *Lihat* keseimbangan untung normal.

kestabilan (*stability*) Keadaan ekonomi yang tidak mengalami ayunan turun naik yang besar yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Dalam ekonomi, kestabilan biasanya merujuk tiga aspek utama, iaitu pengeluaran, guna tenaga, dan harga. Kestabilan juga wujud apabila pertumbuhan penduduk adalah selari dengan keupayaan pengeluaran.

kestabilan Marshall (*Marshallian stability*) Hipotesis yang menyatakan bahawa kuantiti keluaran di pasaran akan bertambah apabila harga permintaan melebihi harga penawaran, dan sebaliknya. Harga permintaan mengikut Marshall ialah harga maksimum yang membolehkan suatu kuantiti laku dijual, dan harga penawaran ialah harga minimum suatu kuantiti itu sanggup ditawarkan. Mengikut hipotesis kestabilan Marshall, suatu keseimbangan pasaran dikatakan stabil apabila kuantiti di pasaran berubah mengikut lebihan harga permintaan daripada harga penawaran. *Lihat juga* kestabilan Walras.

kestabilan Walras (*Walrasian stability*) Hipotesis yang menyatakan bahawa harga di pasaran akan berubah mengikut lebihan permintaan. Apabila lebihan permintaan positif, harga akan naik dan apabila lebihan permintaan negatif, harga akan turun. Keseimbangan pasaran dikatakan stabil jika harga berubah mengikut hipotesis di atas. Kestabilan Walras berbeza daripada kestabilan Marshall yang menekankan perubahan kuantiti apabila berlaku ketakseimbangan harga.

ketakanjalan sempurna (*total inelasticity, perfect inelasticity*) Keadaan apabila kuantiti yang diminta atau ditawarkan tidak berubah walaupun terdapat perubahan yang besar dalam harga. Dalam konteks nilai keanjalan, ketakanjalan sempurna wujud apabila nilai keanjalan sifar.

ketakcekapan X (*X inefficiency*) Keadaan apabila penggunaan sumber tidak cekap walaupun semua sumber digunakan sepenuhnya. Oleh itu, pengeluaran output adalah kurang daripada yang sepatutnya. Jika dirujuk keluk kemungkinan pengeluaran, ketakcekapan X berlaku pada titik yang berada dalam keluk kemungkinan pengeluaran, bukan pada titik di atas keluk tersebut. Berdasarkan keluk jumlah keluaran, ketakcekapan X merupakan titik di bawah keluk tersebut.

ketakpastian (*uncertainty*) Keadaan yang tidak diketahui dengan pasti sama ada akan berlaku atau tidak kerana tidak ada maklumat lengkap tentang keadaan tersebut, dan ketakupayaan mengawal peristiwa yang tidak diingini daripada berlaku pada masa hadapan. Oleh itu, ketakpastian akan menyebabkan ketaktepatan dan ketakupayaan untuk meramal peristiwa akan datang. Ketakpastian merupakan suatu keadaan yang sentiasa dihadapi oleh ahli ekonomi dan ahli perniagaan apabila membuat keputusan pengurusan. Misalnya, ahli ekonomi tidak dapat meramal dengan tepat kesan sesuatu dasar kewangan atau dasar fiskal yang dijalankan sekarang kerana perikatan ekonomi sentiasa berubah pada masa hadapan. Ahli perniagaan juga tidak dapat meramalkan dengan tepat sama ada keluaran barunya berjaya menembusi pasaran. Ketakpastian berbeza daripada risiko yang merupakan kemungkinan sesuatu perkara akan berlaku tidak dapat dikira dan tidak diketahui. *Lihat juga* risiko.

ketakseimbangan (*disequilibrium*) Keadaan apabila permintaan pasaran tidak sama dengan penawaran pasaran. Dalam keadaan ini terdapat permintaan berlebihan atau penawaran berlebihan. Apabila berlaku permintaan berlebihan, harga cenderung meningkat dan apabila penawaran berlebihan, perkara sebaliknya berlaku. *Lihat juga* keseimbangan pasaran.

ketaksempurnaan pasaran (*market imperfection*) Keadaan apabila terdapat unsur-unsur yang boleh menyekat persaingan bebas di kalangan pengguna dalam pasaran barangan dan di kalangan firma dalam pasaran faktor. Ketaksempurnaan pasaran wujud apabila terdapat kuasa monopoli, ketakmobilitian faktor dan pengguna, ketaksempurnaan maklumat, dan ketakpastian.

ketegaran upah (*wage rigidity*) Keadaan ekonomi apabila upah wang atau upah benar tidak berubah, sama ada ke bawah atau ke atas. Secara praktik, ketegaran upah merujuk kepada keadaan tingkat upah yang tidak boleh jatuh. Oleh itu, keadaan ekonomi sentiasa mempunyai satu upah sahaja. Jika upah benar hendak dikekalkan, maka upah wang akan berubah dengan kadar yang sama dengan perubahan tingkat harga. Kesannya, pasaran buruh tidak akan mencapai keseimbangan, iaitu lebihan

ketimbalbalikan

penawaran buruh berlaku jika upah benar naik, dan sebaliknya. Begitu juga dalam kes upah wang, lebih penawaran buruh berlaku jika upah wang tidak dibenarkan turun.

ketimbalbalikan (*reciprocity*) Amalan dalam perdagangan antarabangsa apabila setiap negara mengambil tindakan yang sama seperti memberi konsesi perdagangan, mengurangkan atau menambah halangan perdagangan. Ketimbalbalikan mendatangkan kebaikan ekonomi kepada negara yang terlibat. Misalnya, jika setiap negara menurunkan tarif, ancaman kepada imbalan pembayaran defisit dapat dielakkan. Dengan itu tidak ada herotan dalam aliran perdagangan yang boleh mengubah keseimbangan perdagangan seperti yang wujud sebelum tarif dikurangkan. Dari segi politik, pengurangan tarif misalnya boleh dianggap sebagai suatu program pertukaran dasar, bukannya program mengaku kalah kepada negara “tuan rumah” (negara yang memulakannya) yang selalunya diandaikan mendapat untung dan faedah yang lebih.

keuntungan durian runtuh (*windfall profit*) Keuntungan yang sangat besar yang disebabkan oleh kenaikan harga yang sangat tinggi akibat penambahan dalam permintaan atau kejatuhan dalam penawaran secara tiba-tiba. Keuntungan ini tidak berkaitan dengan perubahan struktur kos yang mungkin menambahkan tingkat keuntungan. Jika keadaan sebaliknya berlaku, iaitu kejatuhan dalam permintaan atau penambahan dalam penawaran, maka kerugian durian runtuh akan dialami oleh pengeluar.

keupayaan (*capacity*) Jumlah output maksimum yang boleh dikeluarkan oleh sesebuah firma atau industri dengan menggunakan sejumlah faktor pengeluaran dan tingkat teknologi yang sedia ada pada satu tempoh tertentu. Keupayaan bertambah apabila faktor pengeluaran bertambah dan tahap teknologi ditingkatkan.

keupayaan berlebihan (*excess capacity*) Keadaan apabila firma mengeluarkan tingkat output kurang daripada tingkat output unggul. Isipadu keupayaan berlebihan ialah perbezaan antara keupayaan unggul dengan keupayaan sebenar firma. Keupayaan berlebihan biasanya berlaku dalam pasaran persaingan bermonopoli dalam jangka panjang.

keupayaan boleh cukai (*taxable capacity*) Jumlah cukai atau kadar cukai yang tertinggi yang dikenakan tanpa memberi kesan negatif, seperti mengurangkan masa bekerja dan tingkat penggunaan kepada pembayar cukai. Keupayaan boleh cukai bergantung pada beberapa faktor, seperti sistem pencukaaian, agihan pendapatan, bentuk perbelanjaan awam, dan saiz penduduk.

keupayaan normal (*normal capacity*) Tingkat pengeluaran pada kos purata jangka pendek yang minimum. Keupayaan normal diperoleh setelah firma menikmati ekonomi dalaman.

keupayaan penuh (*full capacity*) 1. Tingkat keluaran yang maksimum yang boleh dicapai apabila faktor pengeluaran digunakan sepenuhnya. 2. Tingkat output negara yang maksimum yang boleh dicapai apabila

kesemua sumber ekonomi, seperti buruh, modal, bahan mentah, dan usahawan digunakan sepenuhnya.

keupayaan terbiar (*idle capacity*) Keadaan apabila tingkat output yang maksimum tidak dicapai kerana faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya. Misalnya, mesin yang tidak digunakan sepenuhnya kerana kerosakan atau kerana pekerja tidak tahu menggunakannya.

keupayaan unggul (*ideal capacity*) Tingkat pengeluaran pada kos purata jangka panjang yang minimum. Keadaan ini hanya berlaku pada firma persaingan sempurna yang tingkat harga, kos purata, dan kos sutnya adalah sama.

keutamaan kecairan (*liquidity preference*) Keinginan isi rumah, firma, atau bank untuk memegang aset dalam bentuk cair, iaitu dalam bentuk wang. Keutamaan kecairan merupakan satu konsep penting dalam teori permintaan wang Keynes. Mengikut teori Keynes, kecairan diperlukan untuk tujuan urus niaga, awasan, dan spekulasi. Oleh itu, permintaan terhadap wang atau terhadap aset cair bergantung pada tingkat pendapatan, iaitu faktor yang mempengaruhi tingkat urus niaga; kadar bunga, iaitu kos memegang wang melebihi tingkat yang diperlukan untuk urus niaga; dan kadar bunga yang dijangkakan, iaitu faktor yang mempengaruhi kegiatan spekulasi.

keutamaan leksikografi (*lexicographic preference*) Fungsi keutamaan yang menggambarkan sifat pengguna yang agak ganjil, iaitu menggemari satu barang sahaja, tanpa mempersoalkan barang lain. Misalnya, seorang pengguna diberi peluang memilih dua himpunan barang yang masing-masing terdiri daripada dua jenis barang, A dan B, dan A amat digemarinya. Pengguna dikatakan mempunyai keutamaan leksikografi jika beliau mengutamakan atau memilih himpunan yang mengandungi lebih banyak barang A tanpa mengira kuantiti barang B; sekiranya kedua-dua himpunan mengandungi kuantiti barang A yang sama barulah beliau memilih mengikut kuantiti barang B.

keutamaan pengguna (*consumer preference*) Penilaian individu atau pengguna terhadap barang dan perkhidmatan berdasarkan kegemaran atau cita rasa, tanpa dipengaruhi oleh harga dan belanjawan individu tersebut. Seorang pengguna dikatakan mengutamakan sebiji oren daripada sebiji pisang sekiranya beliau lebih menggemari sebiji oren; sebaliknya, pengguna dikatakan puas sama, atau tiada keutamaan, sekiranya sebiji oren dan sebiji pisang sama-sama digemari. Konsep keutamaan penggunaan menjadi asas kepada teori utiliti ordinal. Keluk puas sama pengguna ialah keluk yang menunjukkan kombinasi dua barang yang pengguna menganggapnya puas sama. Keutamaan terhadap sesuatu barang adalah berasaskan tanggapan pengguna terhadap sumbangan barang itu kepada peningkatan kepuasan atau utiliti mereka. Oleh itu, satu himpunan barang yang diberi keutamaan lebih tinggi, semestinya mempunyai nilai utiliti yang tinggi; dan dua himpunan barang

keutamaan ternyata

yang dianggap puas sama seharusnya mempunyai nilai utiliti yang sama. **keutamaan ternyata** (*revealed preference*) Analisis tentang kelakuan pengguna yang hanya berdasarkan pengetahuan tentang pilihan sebenar yang dilakukan oleh pengguna itu pada pelbagai tingkat harga pendapatannya. Mengikut analisis ini, pengguna akan menentukan kecenderungan membeli barang dan perkhidmatan yang berbeza-beza mengikut pelbagai tingkat harga pendapatan. Misalnya, pada tingkat harga pendapatan tertentu, pengguna akan membeli gabungan barangan dalam kumpulan A, bukannya dalam kumpulan B. Oleh itu, dalam keadaan ini pilihan untuk kumpulan A dinamakan keutamaan ternyata. Pilihan keutamaan ternyata akan berubah apabila pengguna berada pada tingkat harga pendapatan yang lain.

kiraan dua kali (*double counting*) Masalah dalam pengiraan pendapatan atau keluaran negara apabila nilai sesuatu barang dikira dua kali. Untuk mengelakkan daripada berlakunya kiraan dua kali, nilai barang separuh siap tidak boleh dicampurkan dengan nilai barang siap. Biasanya kaedah nilai ditambah digunakan untuk mengatasi masalah kiraan dua kali.

kitaran Kitchin (*Kitchin cycle*) Kitaran turun naik ekonomi yang mengambil masa antara 7 tahun hingga 10 tahun untuk selesai yang dikenal pasti oleh Joseph Kitchin. Kitaran ini berkait rapat dengan turun naik pertumbuhan pelaburan inventori. Satu kitaran jangka pendek yang berkait dengan perkara yang sama juga telah dikenal pasti oleh Alvin Hansen tetapi pada pendapatnya jangka masa tersebut adalah lebih singkat.

kitaran Kondratieff (*Kondratieff cycle*) Kitaran yang merujuk pada turun naik ekonomi yang mengambil masa yang amat panjang, iaitu antara 50 hingga 60 tahun. Mengikut Kondratieff, kitaran perdagangan berpunca daripada perubahan sistematik yang bersifat luaran, yang termasuk reka baru teknologi, penemuan barangan baru, peperangan, dan revolusi politik.

kitaran Kuznets (*Kuznets cycle*) Kitaran perdagangan yang hanya selesai dalam masa lebih kurang 25 tahun, yang dianalisis oleh Simon Kuznets. Kitaran ini dikaitkan dengan pertambahan semula jadi penduduk, arah aliran penawaran sumber, dan perubahan daya pengeluaran. Mengikut Kuznets, terdapat beberapa kitaran perdagangan yang kecil yang mengambil masa antara satu tahun hingga dua tahun, dan yang lebih besar yang mengambil masa antara 6 tahun hingga 10 tahun.

kitaran perdagangan (*trade cycle*) Pusingan aktiviti ekonomi dan perniagaan yang berulang-ulang dari tingkat melambung ke tingkat meleset dalam satu tempoh yang lama, seperti 10 tahun. Misalnya, di Malaysia terdapat satu kitaran yang terbaharu dalam tempoh tiap-tiap 10 tahun. Pengalaman terakhir Malaysia beredar dari tingkat melambung ke tingkat meleset ialah antara pertengahan dan akhir tahun 1970-an, dan juga awal dan pertengahan tahun 1980-an. Pada masa melambung, ekonomi negara berkembang pesat dengan tingkat pengeluaran yang bertambah dan tingkat pengangguran yang rendah. Pada masa meleset, ekonomi negara

mengalami tingkat pertumbuhan yang rendah dan tingkat pengangguran yang tinggi. Punca utama kemelesetan ialah kekurangan tingkat pelaburan yang diikuti dengan kejatuhan dalam perbelanjaan agregat atau permintaan agregat yang berkesan.

kitaran rujukan (*reference cycle*) Pengembangan atau penguncupan yang berterusan dalam aktiviti umum ekonomi, seperti aktiviti perniagaan atau pengeluaran. Kitaran rujukan ditentukan oleh gabungan beberapa penunjuk ekonomi yang dianggap mewakili penanda aktiviti umum ekonomi. Antara penunjuk ekonomi yang termasuk dalam gabungan ini ialah guna tenaga, pendapatan negara, pengeluaran industri, dan tingkat harga umum. Setiap penunjuk ini tidak semestinya mempunyai aliran seperti kitaran rujukan kerana kitaran rujukan ialah gabungan semua penunjuk tadi.

KNK (*GNP*) Lihat keluaran negara kasar.

koefisien Gini (*Gini coefficient*) Ukuran ketaksaksamaan agihan pendapatan yang nilainya antara kosong dan satu. Nilai kosong menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai satu menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama. Di negara maju, koefisien Gini biasanya kurang daripada 0.5, manakala di negara sedang membangun koefisien Gini lebih daripada 0.5. Ini bererti ketaksaksamaan agihan pendapatan di negara sedang membangun adalah lebih besar daripada negara maju. *Sinonim* pekali Gini.

koefisien korelasi (*correlation coefficient*) Lihat koefisien korelasi mudah. *Sinonim* pekali korelasi.

koefisien korelasi berbilang (*multiple correlation coefficient*) Lihat koefisien penentuan. *Sinonim* pekali korelasi berbilang.

koefisien korelasi mudah (*simple correlation coefficient*) Parameter yang mengukur darjah kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah. Koefisien ini boleh bernilai positif atau negatif dengan nilai dari kosong hingga satu. Nilai satu menggambarkan hubungan yang tepat antara dua pemboleh ubah tersebut, dan sebaliknya nilai kosong menunjukkan tidak ada hubungan langsung. *Sinonim* pekali korelasi mudah.

koefisien modal (*capital coefficient*) Lihat nisbah modal output. *Sinonim* pekali modal.

koefisien penentuan (*coefficient of determination*) Ukuran yang menjelaskan sejauh mana pemboleh ubah bebas dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar. Koefisien penentuan mempunyai nilai antara kosong dan satu. Semakin hampir nilai koefisien ini kepada kosong, semakin kurang keupayaan pemboleh ubah bebas menerangkan variasi pemboleh ubah bersandar, dan sebaliknya. *Sinonim* koefisien korelasi berbilang, pekali penentuan.

koefisien teknik (*technical coefficient*) Nisbah unit input terhadap unit output. Dalam analisis input-output, koefisien teknik diandaikan malar, kerana fungsi pengeluaran diandaikan mempunyai keluk isokuan berbentuk 'L' atau dipanggil fungsi pengeluaran Leontief. Oleh itu, jika berlaku perubahan dalam harga atau kos faktor, koefisien teknik yang malar

kolonialisme

tidak akan membolehkan penggantian satu faktor dengan faktor yang lain. *Sinonim* pekali teknik.

kolonialisme (*colonialism*) Dasar sebuah negara penjajah yang dibentuk untuk mengekalkan undang-undang atau kewibawaan terhadap negara atau bangsa lain yang secara umumnya lebih mundur atau kurang maju daripada negara penjajah tersebut. Dasar ini telah diperluaskan kepada kegiatan dan pembangunan ekonomi yang tidak seimbang yang mewujudkan ekonomi dualisme dan memudahkan berkembangnya ekonomi kapitalis.

kombinasi faktor optimum (*optimal factor combination*) Gabungan input yang paling sedikit atau minimum yang boleh menghasilkan sesuatu tingkat output yang diperlukan. Semua gabungan input itu adalah cekap dari segi teknik. *Lihat juga* kecekapan teknologi.

komisen (*commission*) Pembayaran wang kepada pekerja atau wakil penjual untuk menggalakkan mereka bekerja bersungguh-sungguh untuk menjual barang dengan banyak.

komoditi (*commodity*) *Lihat* barangan.

komoditi bukan dagangan (*nontraded commodity*) *Lihat* barang bukan dagangan.

komoditi utama (*primary commodity*) *Lihat* barangan utama.

komunisme (*communism*) Fahaman yang diasaskan oleh Karl Marx yang berpendapat bahawa segala modal dimiliki oleh kerajaan dan segala aktiviti ekonomi dirancang oleh kerajaan. Pengeluaran dan agihan juga menjadi tanggungjawab kerajaan. Menurut fahaman ini, unsur hak milik persendirian tidak wujud. Fahaman ini menentang kapitalisme yang dikatakan menindas golongan miskin. Contoh negara yang mengamalkan fahaman komunisme ialah China.

komuniti ekonomi (*economic community*) Kesatuan ekonomi antara beberapa negara yang bertujuan menyelaraskan dasar kewangan dan fiskal sebagai langkah permulaan untuk mewujudkan mata wang bersama, mewujudkan tarif yang sama terhadap negara di luar komuniti, dan menghapuskan sekatan perdagangan antara negara dalam komuniti.

konglomerat (*conglomerate*) Firma yang mengandungi syarikat pemegangan dan anak syarikat yang terdapat dalam beberapa pasaran. Konglomerat berkembang dengan cara penyatuan dan pengambilalihan, bukan dengan cara pertumbuhan dalaman. Pembentukan konglomerat bertujuan meningkatkan kecekapan melalui fungsi pemasaran, agihan, dan pembelian.

konsainan (*consignment*) 1. Kaedah penghantaran barang daripada pemilik kepada peniaga dengan arahan peniaga menjual barang tersebut pada harga yang ditetapkan. Peniaga akan menerima komisen jualan bagi setiap unit yang dijual. 2. Pengeksportan sesuatu barang ke sebuah negara dengan hak milik barang tersebut masih dipegang oleh pengeksport. Negara pengimport akan menjual barang itu pada harga yang paling

tinggi yang boleh diperoleh. Wang yang diperoleh ini digunakan untuk membayar pengeksporit.

konsol (*consol*) Bon yang dikeluarkan oleh kerajaan dengan janji pemegang akan dibayar sejumlah bayaran tetap pada setiap jangka masa tertentu sampai bila-bila, tanpa masa matang. *Sinonim* bon anuiti, bon kekal, perpetuiti.

konsortium (*consortium*) Sekumpulan firma yang biasanya bertaraf antarabangsa yang bergabung dan bekerja sama untuk mewujudkan suatu kuasa tawar-menawar bagi mendapatkan kontrak yang besar yang tidak boleh dilaksanakan oleh satu firma. Misalnya, konsortium untuk pembinaan empangan, stesen kuasa nuklear, atau lebuhraya.

kontrak (*contract*) Perjanjian sah antara dua pihak, sama ada secara bertulis atau lisan. Menurut perjanjian tersebut, satu pihak bersetuju untuk melakukan sesuatu bagi pihak yang lain, berasaskan syarat yang ditetapkan. Kontrak yang sah mestilah memenuhi syarat yang berikut:

- i) Tawaran mestilah dibuat oleh satu pihak kepada pihak yang lain.
- ii) Tawaran diterima oleh pihak tersebut.
- iii) Kepentingan kedua-dua pihak diambil kira.
- iv) Pekerjaan yang dilakukan menurut kontrak itu haruslah sah di sisi undang-undang dan boleh dilakukan oleh pihak tersebut.

kontrak kos tokok fi peratusan (*cost-plus-percentage-fee contract*) Kontrak yang kontraktornya dibayar segala kos perbebanan yang terpaksa ditanggung dalam kerjanya dan juga fi yang merupakan peratusan tertentu daripada jumlah kos. Kontrak ini diamalkan kerana pemberi kontrak tidak tahu jumlah kos projek terlebih dahulu. Dengan menentukan satu peratusan fi, projek tersebut dapat dimulakan dengan cepat.

koperasi (*cooperative*) Syarikat yang dimiliki dan dikendalikan oleh sekumpulan orang yang tidak bertujuan mendapat keuntungan tetapi bertujuan memberi faedah kepada ahli kumpulan tersebut. Koperasi menjalankan pelbagai kegiatan bergantung pada kumpulan yang menubuhkannya dan matlamat asas penubuhan koperasi tersebut. Misalnya, koperasi pengguna yang kegiatan utamanya menjual barang pada ahli, koperasi pengeluar yang bertujuan membeli dan memasarkan barang ahli, dan koperasi kredit yang bertujuan memberi pinjaman pada kadar bunga yang rendah. Contoh di Malaysia, seperti koperasi nelayan, persatuan peladang, koperasi serbaguna pemandu teksi, dan Bank Rakyat. *Sinonim* syarikat kerjasama.

koperasi pemasaran (*marketing cooperative*) Koperasi yang ahlinya terdiri daripada para pengeluar, biasanya pengeluar barang pertanian yang berfungsi menjual hasil keluaran ahli. Hasil jualan setelah ditolak kos pengendalian koperasi adalah hak pengeluar, tetapi untung koperasi diagihkan sebagai dividen kepada ahli. *Lihat juga* koperasi.

koperasi pengguna (*consumer cooperative*) *Lihat* koperasi.

korelasi (*correlation*) Konsep yang merujuk darjah hubungan linear antara

korelasi separa

dua pemboleh ubah atau lebih, yang membolehkan rumusan dibuat sama ada terdapat hubungan antara pemboleh ubah tersebut. Untuk mengukur korelasi antara dua pemboleh ubah x dan y , kita boleh gunakan pekali korelasi, r_{xy} , yang diperolehi dari formula seperti yang berikut:

$$r_{xy} = \frac{\sum x_i y_i}{\sqrt{\sum x_i^2} \sqrt{\sum y_i^2}}$$

apabila $x_i = (X_i - \bar{X})$,

$$\bar{X} = \frac{\sum X_i}{N}$$

$y_i = (Y_i - \bar{Y})$,

$$\bar{Y} = \frac{\sum Y_i}{N}$$

r_{xy} hanya mengambil nilai antara -1 dan 1 . Jika x dan y bergerak dalam satu arah maka r_{xy} menghampiri 1 , dan jika x dan y bergerak dalam arah yang berlawanan maka r_{xy} menghampiri -1 . Jika x dan y tidak berkaitan, maka $r_{xy} = 0$.

korelasi separa (*partial correlation*) Konsep yang merujuk darjah hubungan antara dua pemboleh ubah, misalnya y dan x , apabila satu pemboleh ubah lain, misalnya z , yang juga berkaitan dengan y , dibiarkan tidak berubah. Koefisien korelasi separa antara x dan y , dengan andaian z tidak berubah, mengukur pengaruh linear pemboleh ubah x terhadap y setelah pengaruh linear pemboleh ubah z terhadap y adalah tetap.


kos (*cost*) Nilai perbelanjaan bagi memperoleh perkhidmatan sesuatu faktor pengeluaran. Kos juga merujuk nilai barang dan perkhidmatan yang dilepaskan untuk mengeluarkan barangan tersebut. *Lihat juga* kos melepasi.

kos alternatif (*alternative cost*) *Lihat* kos melepasi.

kos bersama (*joint cost*) Kos yang berkait dengan pengeluaran barang keluaran bersama. Misalnya, dalam pengeluaran barang keluaran bersama, A dan B, terdapat sejumlah perbelanjaan yang tidak dapat dikenal pasti puncanya, sama ada daripada pengeluaran A atau pengeluaran B. Terdapat juga kos yang boleh dikenal pasti puncanya yang bukan merupakan kos bersama. Misalnya, sebahagian daripada kos pemprosesan dan perbelanjaan pengangkutan boleh ditentukan puncanya sama ada daripada pengeluaran barang A atau barang B.

kos berubah (*variable cost*) Kos bagi input berubah yang digunakan dalam proses pengeluaran. Kos ini akan berubah apabila tingkat output yang dikeluarkan berubah. Misalnya, perbelanjaan terhadap bahan mentah dan buruh yang kuantitinya berubah secara langsung dengan jumlah output. Kos ini adalah sifar apabila jumlah output adalah sifar. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah, jumlah kos berubah terus

meningkat apabila output meningkat.



kos insurans dan tambang (*cost insurance and freight*) Lihat CIF.

kos ketara (*tangible cost*) Kos yang boleh dinilai dalam pasaran yang diwujudkan daripada sesuatu projek pelaburan. Misalnya, kos membina saluran dalam projek pengairan, kos gaji guru, kos pembinaan bangunan sekolah, dan kos pembelian buku dalam projek pendidikan.

kos kewangan (*pecuniary cost*) Kerugian kewangan, yang dialami daripada sesuatu projek pelaburan. Misalnya, kehilangan pendapatan sebahagian pekerja feri apabila projek jambatan dilaksanakan.

kos langsung (*direct cost*) Kos yang berkait rapat dengan objektif utama projek pelaburan. Misalnya, kos membesarkan sungai dan membina saluran dalam projek pengairan. Contoh lain ialah perbelanjaan persekolahan murid, gaji guru, dan kos pembinaan bangunan apabila projek pendidikan dilaksanakan. *Sinonim* kos utama.

kos melep (*opportunity cost*) Nilai faedah yang boleh diperoleh daripada pengeluaran atau penggunaan sesuatu barang lain tetapi terpaksa dilepaskan apabila mengeluarkan atau menggunakan sesuatu barang. Misalnya, kos melep bagi pengeluaran getah ialah hasil yang boleh diperoleh jika kelapa sawit yang ditanam, kos melep bagi tanah rumah kediaman ialah pulangan yang boleh diterima jika tanah itu disewakan, dan kos melep membeli novel ialah nilai kepuasan yang boleh diperoleh jika wang tersebut digunakan untuk menonton wayang. Konsep kos melep timbul kerana sumber adalah terhad. Faktor pengeluaran yang telah digunakan dalam pengeluaran sesuatu barang tidak boleh digunakan untuk pengeluaran barang lain, begitu juga pendapatan yang telah dibelanjakan untuk membeli sesuatu barang tidak lagi dapat dibelanjakan untuk barang lain. Oleh itu, untuk menentukan kos sebenar bagi melakukan sesuatu aktiviti ekonomi harus diambil kira nilai faedah yang boleh diperoleh daripada aktiviti ekonomi alternatif yang terpaksa dikorbankan. *Sinonim* kos alternatif.

kos overhed

kos overhed (*overhead cost*) Lihat kos tetap.

kos pemilikan (*carrying cost*) Kos untuk memiliki aset, loji, peralatan, dan inventori dalam satu tempoh tertentu. Kos pemilikan dianggap sebagai kos semasa kerana perbelanjaannya berlaku setiap tahun selagi aset itu masih dimiliki. Misalnya, bunga pinjaman untuk membiayai aset, cukai terhadap aset, insurans aset, kos kerosakan, dan penyelenggaraan.

kos pengedaran (*distributive cost*) Kos untuk mengedarkan barang dari tempat pengeluaran kepada pengguna, termasuk kos penyimpanan, kos pengangkutan, dan upah buruh mengangkut. Pengkhususan tenaga kerja, pengeluaran mengikut kawasan, atau kenaikan kos yang berkaitan dengan penjualan terutamanya kos pengiklanan, boleh menaikkan kos pengedaran.

kos pengeluaran (*cost of production*) Kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu barang. Kos pengeluaran terdiri daripada kos untuk menyediakan faktor pengeluaran yang termasuk kos buruh, kos peralatan modal, dan kos bahan mentah.

kos pengguna (*user cost*) 1. Kos yang terlibat dalam penggunaan mesin. Kos ini akan mengurangkan nilai mesin yang telah digunakan. Misalnya, jika harga mesin sebelum digunakan ialah RM150, setelah digunakan untuk mengeluarkan output nilainya turun menjadi RM120. Oleh itu, kos pengguna ialah RM30. Konsep ini serupa dengan konsep susut nilai yang lebih biasa digunakan dalam analisis ekonomi. *Sinonim* kos sewaan.
2. Jumlah kos yang timbul akibat penggunaan sesuatu barang kemudahan atau perkhidmatan seperti jalan raya dan jalan keretapi. Misalnya, kos penggunaan jalan raya termasuk kos persendirian seperti belanja petrol, dan kos sosial seperti kebisingan yang ditimbulkan oleh kenderaan jalan raya dan masa yang hilang yang boleh dijimatkan jika sistem perhubungan yang lain digunakan.

kos peringkat kedua (*secondary cost*) *Sinonim* kos tak langsung.

kos persendirian (*private cost*) Kos kewangan yang ditanggung secara langsung oleh unit ekonomi individu. Misalnya, bagi sebuah firma, kos persendirian ialah perbelanjaan bagi input berubah dan input tetap yang digunakan dalam proses pengeluaran. *Lihat juga* kos sosial.

kos purata (*average cost*) Jumlah kos pengeluaran yang terdiri daripada kos tetap dan kos berubah bagi satu jangka masa tertentu, dibahagi dengan unit pengeluaran. Ini ditunjukkan di dalam jadual seperti yang berikut:

Pengeluaran (unit)	Jumlah Kos (\$)	Kos Purata (\$)
1	100	100
2	150	75
3	180	60
4	200	50
5	210	42

- kos purata jangka panjang** (*long-run average cost*) Lihat keluk kos purata jangka panjang.
- kos sara hidup** (*cost of living*) Nilai wang yang diperlukan bagi membeli barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat kediaman, kesihatan, dan pendidikan, agar taraf hidup dapat dicapai pada peringkat tertentu. Kos ini berbeza antara sebuah negara dengan negara lain kerana taraf hidup antara negara-negara tersebut tidak sama.
- kos sekunder** (*secondary cost*) Lihat kos tak langsung.
- kos sepunya** (*common cost*) Kos yang terlibat dalam pengeluaran dua barang atau lebih secara bersama. Pengeluaran barang tersebut lebih murah jika dikeluarkan bersama, berbanding dengan jika barang itu dikeluarkan secara berasingan.
- kos sewaan** (*rental cost*) Lihat kos pengguna.
- kos sosial** (*social cost*) Jumlah wang yang mencukupi yang diperlukan sebagai pampasan untuk mengekalkan tingkat utiliti asal. Kos sosial dibayar kepada orang yang kehilangan utiliti kesan daripada pengeluaran sesuatu barang. Kos sosial merupakan kos melepas kepada masyarakat, bukan kepada firma atau individu. Kos sosial berbeza daripada kos persendirian kerana wujudnya kos keluaran.
- kos sosial sut** (*marginal social cost*) Kos tambahan yang ditanggung oleh masyarakat secara keseluruhan apabila sumber milik masyarakat tersebut digunakan untuk menambahkan pengeluaran suatu jenis komoditi. Kos sosial sut biasanya merupakan kos melepas dalam bentuk komoditi lain yang tidak dapat dinikmati oleh masyarakat itu apabila sumber digunakan untuk mengeluarkan sesuatu komoditi. Masyarakat itu dikatakan berada pada tahap optimum penggunaan sumber apabila kos sosial sut mengeluarkan setiap komoditi adalah sama dengan faedah sosial sut masing-masing.
- kos sut** (*marginal cost*) Tambahan kos akibat pertambahan seunit keluaran. Kos sut dikira sebagai nisbah perubahan jumlah kos terhadap perubahan keluaran. Proses pengeluaran sesuatu firma boleh dibahagikan kepada tahap-tahap mengikut keadaan kos sut dan kos purata firma tersebut. Apabila kos sut lebih rendah daripada kos purata, maka pengeluaran ialah pada tahap pulangan bertambah; apabila kos sut lebih tinggi daripada kos purata, pengeluaran berada pada tahap pulangan berkurangan; dan apabila kos sut dan kos purata firma adalah sama, maka firma beroperasi pada tahap pulangan malar.
- kos sut jangka panjang** (*long-run marginal cost*) Lihat keluk kos sut jangka panjang.
- kos tak ketara** (*intangible cost*) Kos yang tidak boleh dinilai di pasaran, yang diwujudkan oleh sesuatu projek pelaburan. Misalnya, kehilangan hidupan liar dalam projek pengairan dan kehilangan masa lapang dalam projek pendidikan.
- kos tak langsung** (*indirect cost*) Kos sampingan yang ditanggung akibat

kos tetap

pelaksanaan sesuatu projek pelaburan. Misalnya, kemusnahan hidupan liar di kawasan projek pengairan, dan mewujudkan jenayah penipuan profesional apabila projek pendidikan dijalankan. *Sinonim* kos peringkat kedua, kos sekunder.

kos tetap (*fixed cost*) Kos bagi input tetap yang digunakan dalam proses pengeluaran. Kos tetap tidak berubah walaupun tingkat output yang dikeluarkan berubah. Misalnya, perbelanjaan terhadap bangunan, kos binaan loji, sewa tanah, dan perbelanjaan membeli peralatan. *Sinonim* kos overhed.

kos urus niaga (*transaction cost*) Kos yang wujud semasa menjalankan urus niaga penjualan dan pembelian, terutamanya barang tahan lama. Kos ini tidak dimasukkan dalam harga barangan dan perkhidmatan. Misalnya, kos pengangkutan dan kos pemasangan.

kos utama (*primary cost*) *Lihat* kos langsung.

kredit (*credit*) 1. Kaedah yang membenarkan pembeli membeli barang dengan berjanji untuk menjelaskan bayaran pada tarikh yang telah ditetapkan. Kaedah ini memudahkan pembelian dan menarik ramai pembeli. 2. Pinjaman yang diberi oleh bank kepada seseorang individu sama ada dalam bentuk pinjaman terus atau overdraf. Kredit meningkatkan penawaran dan kuasa beli individu.

kredit bank (*bank credit*) Pinjaman yang diberi oleh bank kepada pelanggan dalam bentuk overdraf atau pinjaman biasa. Pinjaman ini boleh diberi kepada kerajaan dalam bentuk pembelian bon atau stok kerajaan. Kredit bank menambahkan kuasa beli pengguna dan deposit bank melalui penciptaan kredit.

kredit bank giro (*bank giro credit*) Sistem pemindahan kredit bagi tujuan membuat pembayaran melalui bank seperti pembayaran bil air, bil elektrik, dan pinjaman. Perkhidmatan kredit bank giro diberikan secara percuma kepada pemegang akaun, dan bayaran yang minimum dikenakan terhadap mereka yang tidak mempunyai akaun.

kredit cukai (*tax credit*) Peruntukan undang-undang cukai yang membenarkan pembayar cukai mengurangkan sejumlah perbelanjaan tertentu daripada liabiliti cukai, iaitu pengurangan selepas cukai kena bayar dikira. Kredit cukai berbeza daripada potongan cukai yang membenarkan perbelanjaan tertentu ditolak daripada jumlah pendapatan boleh cukai. Oleh itu, kredit cukai adalah lebih baik daripada potongan cukai walaupun jumlah pengurangan sesuatu perbelanjaan adalah sama. Misalnya, pembayaran zakat RM1000 yang merupakan kredit cukai, dibenarkan ditolak daripada jumlah cukai kena bayar, manakala perbelanjaan insurans nyawa RM1000 yang merupakan potongan cukai, hanya dibenarkan ditolak daripada pendapatan boleh cukai. Ini bererti jika kadar cukai tertinggi ialah 50%, maka sejumlah RM500 dibenarkan ditolak daripada cukai kena bayar. *Lihat juga* potongan cukai.

kredit penerimaan (*acceptance credit*) Kaedah pembayaran yang digunakan

dalam perdagangan antarabangsa. Pedagang yang mempunyai kedudukan kredit yang baik boleh membuka kemudahan kredit penerimaan melalui gedung penerimaan untuk membuat pembayaran bagi perdagangan dengan seseorang pedagang dari luar negara. *Sinonim* kredit perdagangan.

kredit pengguna (*consumer credit*) Pinjaman yang diberi oleh peniaga kepada pengguna untuk membeli barang atau perkhidmatan. Barang atau perkhidmatan diperoleh terlebih dahulu dan bayaran dijelaskan kemudian.

kredit perdagangan 1. (*commercial credit*) Lihat kredit penerimaan. 2. (*trade credit*) Kredit yang diberi kepada firma kecil atau pemborong oleh firma pembekal untuk memperluaskan jualan barang perniagaannya. Kredit perdagangan mempunyai tempoh antara 10 - 30 hari dari tarikh penghantaran. Kredit ini memainkan peranan penting dalam memajukan aktiviti perniagaan kerana ia merupakan sumber pembiayaan jangka pendek yang mudah berbanding dengan kredit bank. Kredit ini juga boleh mempengaruhi aktiviti ekonomi tanpa melalui kawalan langsung dari kerajaan seperti yang berlaku pada kredit bank. Oleh itu, bagi firma kecil, kredit perdagangan dianggap sama seperti pinjaman bank, terutama semasa bank mengetatkan syarat pinjaman.

kredit timbal balas (*countervailing credit*) Kredit yang diterima oleh pihak perantara daripada pihak pengeksport setelah pihak pengeksport tersebut menerima kredit yang disahkan daripada bank negara perantara. Misalnya, seorang peniaga dari England mengimport getah dari Malaysia melalui Singapura. Pihak perantara dari Singapura boleh meminta kredit timbal balas untuk membuat bayaran pendahuluan kepada peniaga Malaysia tersebut bagi pihak England, setelah peniaga England itu mendapat kredit yang disahkan.

kriteria kebajikan (*welfare criterion*) Kriteria menilai cadangan projek dan menentukan sama ada sesuatu projek itu berfaedah, penting, dan beruntung dari segi ekonomi kebajikan. Dengan menggunakan kriteria ini projek yang terbaik untuk tujuan kebajikan masyarakat dapat dipilih.

kriteria nilai kini (*present value criterion*) Peraturan membuat keputusan pelaburan yang mengesyorkan supaya sesuatu projek pelaburan dilaksanakan hanya jika nilai kini projek tersebut melebihi kos pelaburan. Formulanya ialah:

$$PV = \sum_{j=1}^t \frac{R_j}{(1+i)^j} > C$$

apabila PV = nilai kini projek,

R_j = aliran pulangan projek yang diterima apabila

$j = 1, 2, \dots, t,$

i = kadar bunga, dan

C = kos projek.


kuantiti diminta

Nilai kini bersih sesuatu projek ialah nilai kini projek ditolak kos projek tersebut. Oleh itu, kriteria nilai kini menyatakan bahawa pelaburan dalam sesuatu projek dapat dilaksanakan jika nilai kini bersih projek tersebut sekurang-kurangnya sifar.

kuantiti diminta (*quantity demanded*) Bilangan sesuatu barang yang dibeli pada satu tingkat harga tertentu. Kuantiti diminta berubah apabila harga barang tersebut berubah, sementara perkara lain dianggap tetap. Perubahan kuantiti diminta ditunjukkan sebagai pergerakan di atas keluk permintaan.

kuantiti ditawarkan (*quantity supplied*) Bilangan sesuatu barang yang ditawarkan untuk dijual pada satu tingkat harga tertentu. Kuantiti ditawarkan berubah apabila harga barang tersebut berubah, sementara perkara lain dianggap tetap. Perubahan ini boleh digambarkan sebagai pergerakan di sepanjang keluk penawaran.

kuantiti keseimbangan (*equilibrium quantity*) Tingkat kuantiti yang diperoleh apabila permintaan pasaran sama dengan penawaran pasaran. Keadaan ini ditunjukkan oleh persilangan keluk permintaan dengan keluk penawaran, seperti yang ditunjukkan oleh Q^* dalam rajah di bawah. Dalam keadaan ini, harga yang sanggup dibeli oleh pembeli adalah sama dengan harga yang ditawarkan oleh penjual. Kuantiti yang diminta



oleh pengguna adalah sama dengan kuantiti yang sanggup ditawarkan oleh penjual.

kuasa beli wang (*purchasing power of money*) Jumlah barang dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan satu unit mata wang. Oleh itu, apabila harga meningkat, kuasa beli wang jatuh.

kuasa dua terkecil biasa (*ordinary least square*) Lihat regresi kuasa dua terkecil.

kuasa monopoli (*monopoly power*) Kebolehan atau kuasa yang ada pada sesebuah firma atau pengeluar untuk menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa mengakibatkan kehilangan sebahagian besar pelanggan firma atau pengeluar tersebut . Kuasa monopoli diperoleh sama ada secara semula jadi melalui struktur pasaran seperti pengawalan bahan mentah, atau melalui perlindungan undang-undang seperti pemberian hak cipta. Kuasa monopoli juga diperoleh apabila aktiviti pengeluaran memerlukan modal yang besar.

kuasa pasaran (*market power*) Lihat mekanisme pasaran.

kuasa tawar-menawar (*bargaining power*) Kuasa kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah dan keadaan kerja yang lebih memuaskan. Kuasa ini bergantung pada kekuatan kesatuan itu.

kuasa timbal balas (*countervailing power*) 1. Kuasa yang wujud di pasaran yang menimbalkan kuasa tawar-menawar sesetengah pembeli dan penjual besar. Misalnya, di negara maju seperti Amerika Syarikat dan England terdapat rantaian runcit yang besar yang mempengaruhi harga keluaran yang dibeli daripada pengeluar asal. 2. Kuasa tawar-menawar antara majikan dengan kesatuan sekerja yang kuat yang menyebabkan kesatuan sekerja boleh mempengaruhi dan memaksa majikan membayar harga yang diminta dan upah yang tinggi. Konsep ini diperkenalkan oleh J.K. Galbraith.

kumpulan bukan saingan (*noncompeting groups*) Kategori pekerja yang tidak bersaing secara langsung antara satu sama lain. Misalnya, doktor bedah ialah seorang pakar, tetapi ia tidak boleh bersaing untuk mendapatkan kerja yang memerlukan kepakaran seorang jurutera, kerana kedua-duanya merupakan kumpulan bukan saingan.

kunci kira-kira (*balance sheet*) Penyata yang menunjukkan aset sesuatu perniagaan pada tarikh tertentu, yang dipadankan dengan liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang, serta ekuiti pemilik dan modal saham. Kunci kira-kira mencerminkan kedudukan kewangan serta nilai bersih perniagaan tersebut yang diperoleh dengan menolak jumlah liabiliti daripada jumlah aset. Kunci kira-kira sentiasa menunjukkan keseimbangan antara jumlah aset dengan jumlah liabiliti dan ekuiti.

kuota (*quota*) Had yang dikenakan terhadap jumlah unit atau nilai sesuatu barang yang boleh dikeluarkan atau dieksport, digunakan atau diimport. Misalnya, kuota import, iaitu had yang dikenakan terhadap kuantiti yang diimport, atau kuota pengeluaran dan eksport minyak yang dikenakan oleh OPEC terhadap ahlinya.

kupon (*coupon*) 1. Sijil yang diberi sebagai pembayaran kadar bunga bagi debentur, bon, dan sekuriti lain yang mempunyai kadar bunga yang tetap. 2. Tiket yang mempunyai nilai diskaun bagi barang tertentu yang dibeli.

kurang pembangunan (*underdevelopment*) Keadaan ekonomi yang mengalami tingkat pembangunan yang rendah. Punca masalah ini ialah sumber ekonomi pada peringkat awal pembangunan banyak disalurkan

kurang penduduk

ke sektor pertanian. Sektor perindustrian sukar atau belum dijalankan secara sepenuhnya atau dengan sempurna kerana kekurangan infrastruktur untuk memulakan atau menggalakkan perkembangan perindustrian. Dalam ekonomi yang kurang membangun, kecekapan teknik pengeluaran sukar dicapai, atau tidak boleh didapati, atau mungkin tidak digunakan dengan sistematik. Akibatnya, matlamat perancangan ekonomi untuk mencapai tingkat output yang maksimum bagi setiap modal yang dilakukan tidak diperolehi.

kurang penduduk (*underpopulation*) Keadaan ekonomi yang mengalami jumlah penduduk yang secara relatifnya sedikit jika dibandingkan dengan sumber ekonomi lain, seperti tanah dan tenaga kerja. Jumlah penduduk yang ada belum lagi mencapai tingkat penduduk optimum. Apabila jumlah penduduk bertambah dalam ekonomi tersebut, taraf hidup akan meningkat kerana banyak sumber lain boleh digunakan dengan lebih cekap lagi. Misalnya, Sabah dan Sarawak pada tahun 1970-an merupakan dua negeri di Malaysia yang mengalami keadaan kurang penduduk.

kurang penggunaan (*underconsumption*) Keadaan ekonomi yang mengalami kekurangan jumlah permintaan terutamanya terhadap barang pengguna. Kekurangan ini mungkin disebabkan oleh:

- i) kekurangan dalam kuasa beli untuk membeli semua barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan, atau
- ii) tabungan yang terlalu tinggi di kalangan pengguna sehingga mengurangkan perbelanjaan penggunaan secara agregat.

Kurang penggunaan merupakan satu masalah ekonomi kerana ia akan menyebabkan kemelesetan. Oleh itu, sesetengah negara cuba mengatasinya melalui agihan semula pendapatan kerana kajian menunjukkan bahawa si miskin mempunyai kecenderungan mengguna yang tinggi dan kecenderungan menabung yang rendah. Oleh itu, kesannya akan meningkatkan penggunaan.

kurangan (*shortage*) Konsep pasaran yang membandingkan keadaan permintaan dengan keadaan penawaran. Jika jumlah penawaran sesuatu barang dan perkhidmatan tidak mencukupi untuk memenuhi jumlah permintaan, maka keadaan pasaran disebut penawaran kekurangan (permintaan berlebihan). Jika keadaan sebaliknya berlaku, keadaan pasaran disebut permintaan kekurangan (penawaran berlebihan). Misalnya, apabila jumlah pengeluaran Proton Saga setahun 40 000 unit tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan sebanyak 50 000 unit, maka penawaran kekurangan sebanyak 10 000 unit berlaku. *Lihat juga* kekurangan.

kurangan belanjawan (*budget deficit*) Kurangan hasil semasa kerajaan daripada perbelanjaan semasa kerajaan. Kurangan belanjawan berlaku apabila kerajaan berbelanja lebih daripada hasil yang diperolehi. *Sinonim* defisit belanjawan.

kutub pertumbuhan (*growth pole*) Kawasan yang jauh lebih maju dari

segi ekonomi dan sosial berbanding dengan kawasan sekitarnya, seperti kawasan bandar di negara membangun. Kewujudan kutub pertumbuhan mencetuskan kegiatan ekonomi hanya di kawasan sekitar yang terhampir kerana kewujudan infrastruktur dan kos pengangkutan yang rendah dari kawasan itu ke kawasan kutub. Kawasan yang terletak jauh dari kutub pertumbuhan akan terus ketinggalan.

L

laba modal (*capital gain*) 1. Lebih nilai yang diperoleh daripada penjualan aset modal seperti rumah, tanah, dan saham syarikat dengan harga yang lebih tinggi daripada harga beliannya. Aset modal dijual dengan harga yang lebih tinggi agar penjualnya tidak menanggung kerugian terutamanya hasil daripada perubahan nilai wang akibat inflasi. 2. Lebih nilai yang diperoleh adalah akibat kenaikan nilai kini atau harga bon. Kenaikan harga bon pula adalah akibat kejatuhan kadar bunga.


ladang kelompok (*collective farm*) Ladang di suatu kawasan yang dikelompokkan di bawah organisasi sekumpulan penduduk. Pendapatan yang diperoleh daripada tanaman itu akan dibahagikan sama rata.

ladang koperasi (*cooperative farm*) Pertubuhan ladang yang menjalankan perniagaan dalam bidangan besar yang membolehkan petani mendapat faedah jualan dan belian secara besar-besaran. Pertubuhan ini dipelopori oleh peladang di Denmark.

laissez-faire (*laissez-faire*) Fahaman bahawa kerajaan tidak perlu dan tidak digalakkan campur tangan dalam urusan kegiatan ekonomi. Adam Smith menggunakan istilah ini untuk memberi maksud tiada campur tangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi.

laluhan pengembangan kos terendah (*least cost expansion path*) Lokus titik yang menunjukkan kombinasi penggunaan input yang optimum yang memberikan jumlah kos pengeluaran yang minimum bagi setiap tingkat output apabila peruntukan perbelanjaan berubah, manakala harga input tetap. Laluhan pengembangan ini mungkin bercerun positif yang bererti pertambahan output memerlukan pertambahan kesemua input. Sebaliknya, laluhan pengembangan yang bercerun negatif menggambarkan bahawa pertambahan output memerlukan penggantian satu input dengan input yang satu lagi. Apabila ini berlaku, satu daripada input itu, iaitu input yang penggunaannya dikurangkan, disebut input inferior, manakala

input yang penggunaannya bertambah, disebut input normal. *Sinonim* laluan pengembangan output.



laluan pengembangan output (*output expansion path*) Lihat laluan pengembangan kos terendah.

lambakan (*dumping*) Penjualan barang di luar negeri dengan harga yang rendah berbanding dengan harga di pasaran tempatan. Misalnya, dasar lambakan yang diambil oleh Jepun yang mengeksport barang keluaran industrinya pada harga yang lebih rendah daripada harga di dalam negeri. Lambakan merupakan satu contoh diskriminasi monopoli. Jika pemonopoli dapat menutup kesemua kos tetap dalam pasaran tempatan, keuntungannya boleh ditambah melalui lambakan dengan mengenakan harga yang lebih sedikit daripada kos sut di pasaran luar negeri. Untuk menjayakan lambakan, satu perlindungan tarif adalah perlu untuk menghalang pembeli asing menjual semula barang yang dibeli dengan harga murah di pasaran negara bermonopoli tadi. Aktiviti lambakan menimbulkan bantahan keras daripada pengeluar tempatan yang mengeluarkan barang yang sama dan mereka mendakwa pengeluar asing menjual barang tersebut pada aras yang lebih rendah daripada kos.

lambang kesatuan (*union label*) Lambang pengenalan yang ditandakan pada semua barang yang dihasilkan oleh pekerja kesatuan dari firma atau kedai kesatuan. Tujuannya untuk memberitahu pembeli terutamanya ahli kesatuan dan saudara-mara mereka tentang kewujudan barang tersebut dan menggalakkan mereka membeli barang yang mempunyai lambang kesatuan. Dengan cara ini, mereka mempunyai sokongan yang kuat dalam pemasaran dan secara langsung mewujudkan kerjasama yang baik di kalangan mereka.

lat dalam

lat dalam (*inside lag*) Jarak di antara masa sesuatu dasar perlu dilaksanakan dengan masa dasar tersebut benar-benar dilaksanakan. Lat dalam wujud terutamanya kerana masa diperlukan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan dasar, dan untuk mendapatkan kelulusan bagi dasar tersebut. Lat dalam boleh dibahagikan kepada tiga komponen, iaitu lat pengecaman, lat pembuatan keputusan, dan lat tindakan. *Lihat juga* lat luar.

lat luar (*outside lag*) Jarak di antara masa pelaksanaan sesuatu dasar dengan masa apabila dasar tersebut menunjukkan kesannya terhadap ekonomi. Lat luar wujud bagi dasar fiskal dan dasar kewangan tetapi lat luar bagi dasar kewangan biasanya lebih panjang. *Lihat juga* lat dalam.

lat output guna tenaga (*output-employment lag*) Keadaan apabila pertumbuhan guna tenaga yang berlaku tidak secepat pertumbuhan output. Keadaan ini biasanya berlaku di negara membangun apabila pertumbuhan output melebihi tiga atau empat kali ganda pertumbuhan guna tenaga yang disebabkan oleh penggunaan teknologi jimat buruh.

lat tertabur (*distributed lag*) Dalam ekonometrik, keadaan yang wujud apabila tindak balas penuh satu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah yang lain tertabur kepada dua atau lebih lat. Misalnya, penawaran sesuatu komoditi pada satu tahun dipengaruhi oleh harganya pada tahun itu, harga pada tahun sebelum itu, dan harga dua tahun sebelumnya. Dalam contoh ini penawaran dipengaruhi oleh harga yang tertabur kepada dua lat.

lebih belanjawan (*budget surplus*) Lebih hasil semasa kerajaan daripada perbelanjaan semasa kerajaan. Lebih belanjawan berlaku apabila kerajaan berbelanja kurang daripada hasil.


lebih buruh (*labour surplus*) Keadaan apabila penawaran buruh melebihi permintaan buruh pada tingkat upah semasa. Secara relatifnya apabila keadaan ini berlaku, tingkat upah bagi sesuatu industri atau sektor menjadi lebih rendah. *Lihat juga* guna tenaga tak penuh.

lebih pembeli (*buyer's surplus*) *Lihat* lebih pengguna.

lebih pengeluar (*producer's surplus*) Faedah yang diterima oleh pengeluar yang melebihi nilai minimum yang sanggup diterima untuk mengeluarkan sesuatu barang pada harga yang sedia ada, iaitu pulangan terhadap modal dan usahawan yang melebihi kos melepasi mereka. Secara graf, lebih pengeluar ialah kawasan di atas keluk penawaran, iaitu antara harga yang sedia ada dengan harga minimum yang masih membolehkan sesuatu barang dikeluarkan. *Lihat juga* lebih pengguna.

lebih pengguna (*consumer surplus*) Perbezaan antara harga sebenar yang dibayar oleh pengguna dengan harga yang sanggup dibayar. Misalnya, unit pertama barang A yang dibeli oleh pengguna menghasilkan lebih kepuasan daripada unit kedua barang tersebut. Unit kedua pula mendatangkan lebih kepuasan daripada unit ketiga. Unit pertama dan kedua memberi kepuasan yang lebih daripada harga yang dibayar, dan

kepuasan inilah yang disebut lebih pengguna. Secara graf, lebih pengguna ialah kawasan di bawah keluk permintaan, iaitu harga maksimum yang sanggup dibayar dengan harga yang sedia ada. Kadang-kadang lebih pengguna disebut juga lebih pembeli.



lelong (*auction*) Kaedah penjualan dan pembelian secara bida apabila barang dijual kepada pembeli yang membuat bida yang paling tinggi. Lelong biasanya diadakan bagi barang yang sukar diasingkan mutunya seperti ikan dan barang lama. Sebelum lelong dijalankan, penjual atau broker akan mengaturkan barang yang akan dilelong untuk diteliti oleh pembeli. Apabila lelong bermula, broker akan menetapkan harga termurah dan pembeli mula membuat bida. Pembeli yang menawarkan harga yang tertinggi melayakkan diri untuk membeli barang tersebut.

levi modal (*capital levy*) Cukai khas terhadap harta kekayaan yang dimiliki oleh orang perseorangan. Levi modal jarang dikenakan kecuali sewaktu darurat atau apabila berlakunya bencana alam. Levi modal merupakan satu cara untuk mengagihkan kekayaan negara.

liabiliti (*liability*) Tuntutan kewangan daripada bank, firma, atau orang perseorangan terhadap bank, firma, atau orang perseorangan lain. Sebahagian besar daripada liabiliti bank terdiri daripada deposit pelanggan dan modal pemegang saham. Liabiliti firma atau syarikat ialah modal pemegang saham, pinjaman bank, pinjaman dari orang perseorangan, bunga yang perlu dibayar kepada pemberi pinjaman dan pemegang bon syarikat, dan dividen.

liabiliti jangka panjang (*long-term liability*) Hutang yang mesti dijelaskan dalam masa yang lebih daripada tempoh yang terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian. Liabiliti jangka panjang digunakan untuk membiayai pembelian barang modal.

liabiliti jangka pendek (*short-term liability*) Hutang yang mesti dijelaskan

liabiliti luaran

dalam masa yang kurang daripada tempoh yang terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian.

liabiliti luaran (*external liability*) Hutang syarikat kepada orang ramai atau organisasi luar, bukan hutang kepada pemegang saham biasa atau pemegang saham ketutamaan. Misalnya, debentur, cukai kepada jabatan hasil, atau pinjaman bank.

liabiliti semasa (*current liability*) Hutang yang mesti diselesaikan dalam jangka pendek, iaitu tempoh terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian. *Sinonim* liabiliti terapung.

liabiliti tak terhad (*unlimited liability*) Hutang yang mesti dijelaskan sepenuhnya oleh pemilik perniagaan yang tidak didaftarkan sebagai syarikat berhad. Pemilik perniagaan tersebut terpaksa menjual semua hartanya sama ada yang berkaitan dengan perniagaan atau tidak untuk membayar hutang.

liabiliti terapung (*floating liability*) *Lihat* liabiliti semasa.

liabiliti terhad (*limited liability*) Liabiliti yang ditanggung oleh pemilik saham berdasarkan nilai saham yang disumbangkan apabila syarikat berhad yang dimiliki muflis. Liabiliti terhad adalah berdasarkan penubuhan syarikat berhad yang diluluskan oleh kerajaan.

liberalisasi kewangan (*financial liberalization*) Keadaan apabila kerajaan sesebuah negara mengurangkan dan menghapuskan pelbagai bentuk campur tangan dalam pasaran kewangan yang seterusnya membolehkan penawaran dan permintaan terhadap aset kewangan menentukan secara bebas tingkat kadar bunga.

liberalisme abad ke-19 (*nineteenth-century liberalism*) *Lihat* liberalisme klasik.

liberalisme abad ke-20 (*twentieth-century liberalism*) *Lihat* liberalisme reformasi.

liberalisme klasik (*classical liberalism*) Falsafah ekonomi yang bercirikan pasaran bebas dengan campur tangan kerajaan yang minimum dalam kegiatan ekonomi. Liberalisme klasik memberi penekanan terhadap kepuasan pengguna dan penggunaan sumber optimum. Menurut fahaman ini, individu mempunyai hak untuk menghasilkan apa juga barang atau perkhidmatan, dan jika semua individu cuba memperbaiki kebajikannya sendiri, akhirnya kebajikan masyarakat secara keseluruhan akan dapat ditingkatkan. Di Amerika, konsep liberalisme merujuk keupayaan individu menjaga kebajikannya dalam pasaran bebas. *Sinonim* liberalisme abad ke-19.

liberalisme reformasi (*reform liberalism*) Falsafah ekonomi yang menyatakan bahawa campur tangan manusia dalam beberapa aktiviti ekonomi atau pasaran akan memperbaiki kebajikan ekonomi. Mengikut liberalisme reformasi, pasaran bebas membenarkan agihan sumber tidak cekap dan pembayaran upah yang tidak adil. Faktor lain yang mendorong

kewujudan liberalisme reformasi ialah keuntungan monopoli yang sangat besar, kemusnahan hutan dan sumber asli lain, pencemaran alam, pengagihan pendapatan yang tak sama, dan ketidakpuasan lain yang memerlukan campur tangan kerajaan untuk membaikinya. Pendekatan liberalisme reformasi adalah pragmatik kerana pendekatan ini membiarkan sesuatu aktiviti ekonomi yang baik berjalan sendiri dan campur tangan kerajaan hanya diperlukan apabila terdapat masalah dalam kepentingan masyarakat. Misalnya, antipakatan yang menggalakkan persaingan dan pengawalan harga minimum dan harga maksimum. Fahaman liberalisme ini lebih menekankan penyelesaian terhadap kesulitan akibat pengangguran daripada masalah hutang negara. Oleh sebab itu, idea Keynes yang menggalakkan campur tangan kerajaan untuk meningkatkan permintaan berkesan yang sangat kurang pada zaman Kemelesetan Besar disokong kuat oleh ahli liberalisme reformasi. *Sinonim* liberalisme abad ke-20. *Lihat juga* liberalisme klasik, negara kebajikan.

- lien** (*lien*) Hak memegang harta orang yang terhutang sebagai sandaran kepada hutang, sehingga hutang itu dijelaskan. Pemegang lien biasanya tidak berhak menjual harta sandaran tersebut. *Lihat juga* gadai janji.
- loji** (*plant*) Unit fizikal seperti kilang atau bangunan tempat output dikeluarkan. Sebuah firma mungkin mempunyai satu loji atau lebih.
- lompong inflasi** (*inflationary gap*) Keadaan apabila permintaan agregat melebihi penawaran agregat pada ekonomi guna tenaga penuh. Misalnya, permintaan bagi barang dan perkhidmatan dalam ekonomi sebanyak RM250 bilion, tetapi output sebenar pada guna tenaga penuh sebanyak RM200 bilion. Oleh itu, lompong inflasi ialah RM50 bilion. Lebihan permintaan sebanyak RM50 bilion ini merupakan lebihan dalam kuasa beli. Lebihan ini akan mengakibatkan kenaikan harga kerana melalui perubahan harga sahajalah pendapatan negara boleh meningkat melebihi tingkat output guna tenaga penuh yang maksimum. *Sinonim* jurang inflasi.
- longgokan penggunaan** (*consumption basket, consumption bundle*) Set barang dan perkhidmatan daripada pelbagai jenis dan kuantiti tertentu yang biasa digunakan atau yang diutamakan oleh seseorang pengguna. Biasanya longgokan penggunaan mengandungi barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat kediaman, kesihatan, dan pendidikan. Longgokan penggunaan biasanya digunakan sebagai ukuran untuk mengira indeks harga pengguna.
- lot ganjil** (*odd lot*) Saham yang jumlah unitnya kurang daripada unit yang biasa diniagakan di bursa saham. Biasanya jumlah unit yang diniagakan ialah 1000. Sebarang urus niaga bagi unit yang kurang daripada 1000 ialah lot ganjil.

M

mahkamah perindustrian (*industrial court*) Mahkamah khas untuk mengadili pertikaian perindustrian, sama ada pertikaian antara pekerja dengan majikan atau sesama pekerja tentang syarat-syarat pekerjaan dan upah.

makan tabungan (*dissaving*) Perbelanjaan yang melebihi pendapatan, sama ada dengan menggunakan simpanan yang lepas, harta pusaka, atau dengan meminjam. Perbezaan antara jumlah makan tabungan dengan simpanan kasar menghasilkan jumlah simpanan bersih. Mengikut kajian data empirik yang dibuat antara tahun-tahun 1940-an dan 1950-an, makan tabungan tidak berkadar terus dengan pendapatan semata-mata tetapi dipengaruhi oleh faktor lain. Mengikut George Garvy, makan tabungan seolah-olah bergantung pada faktor seperti perbelanjaan tinggi yang tidak dijangka, pembelian barang pengguna yang tahan lama atau kejatuhan pendapatan. *Sinonim* tabungan negatif.

maklum balas negatif (*negative feedback*) *Lihat* kesan himpitan.

makroekonomi (*macroeconomics*) Cabang ekonomi tentang hubungan ekonomi agregat yang terdapat dalam akaun pendapatan negara, seperti pendapatan negara, tabungan negara, perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan pelaburan, tingkat pengangguran, tingkat harga umum, dan penawaran wang. Analisis ini membantu kerajaan menggubal dasar tertentu untuk mencapai matlamat makroekonomi, iaitu pertumbuhan ekonomi, kestabilan harga, guna tenaga penuh, dan keseimbangan luar.

makroekonomi klasik baru (*new classical macroeconomics*) Pendekatan makroekonomi yang menggabungkan analisis makroekonomi klasik dan teori jangkaan rasional. Saranan utamanya ialah sebarang peningkatan dalam penawaran wang yang boleh dijangka tidak akan mempengaruhi tingkat keluaran benar. Perubahan tersebut hanya menaikkan tingkat harga dan kadar bunga. *Lihat juga* teori jangkaan rasional.

manusia ekonomi (*economic man*) Seorang individu dalam pembentukan

model ekonomi yang diandaikan berkelakuan seolah-olah individu tersebut memaksimumkan utiliti, tertakluk pada kekangan tertentu, seperti jumlah pendapatan. Manusia ekonomi semestinya rasional, iaitu berusaha mencapai matlamat walaupun menempuh halangan dalam mencapai matlamat tersebut, dan bertindak secara konsisten untuk memperoleh yang terbaik dalam sebarang keadaan.

margin untung (*profit margin*) Jumlah untung bersih yang diperoleh oleh pengeluar daripada jualan. Margin untung bergantung pada kos pengeluaran dan harga jualan. Margin untung meningkat apabila harga umum meningkat dan menurun apabila harga umum jatuh. Margin untung biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada harga jualan.

masa tunggu (*lead time*) 1. Perbezaan antara masa pesanan barang dengan masa penerimaan barang tersebut. Maklumat tentang masa tunggu penting bagi penyelenggaraan inventori sesebuah syarikat. 2. Masa yang diberikan kepada pengguna untuk memeriksa maklumat dan harga sesuatu barang sebelum membuat keputusan untuk membelinya.

masalah asas ekonomi (*basic economic problem*) Masalah yang berpunca daripada kekurangan sumber dan kehendak manusia yang tidak terhad. Masalah asas ekonomi akan menimbulkan masalah pilihan dan kos melepas. Masalah asas ekonomi juga menimbulkan tiga persoalan utama, iaitu:

- i) Apa jenis barang yang hendak dikeluarkan dan berapa kuantitinya.
- ii) Bagaimana barang tersebut hendak dikeluarkan.
- iii) Untuk siapa barang tersebut dikeluarkan.

Lihat juga kehendak, kekurangan, kos melepas.

masyarakat mewah (*affluent society*) Masyarakat atau negara yang sebahagian besar rakyatnya menikmati kehidupan yang mewah serta taraf hidup yang tinggi seperti Amerika Syarikat dan Eropah Barat. Dengan meningkatnya pendapatan benar dan berkurangnya kemiskinan, masyarakat dapat memenuhi keperluan asas dan mempunyai lebih wang untuk membeli barang mewah. Masyarakat juga mempunyai lebih banyak masa lapang untuk berihat dan beriadah. Lebihan pendapatan juga mewujudkan permintaan untuk barang mewah, mendorong pengeluaran barang mewah yang baru, dan meningkatkan pengeluaran barang mewah yang sedia ada.

masyarakat tani (*peasant society*) Masyarakat yang mengeluarkan kebanyakan daripada barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh ahlinya sendiri. Setiap ahli masyarakat tidak bergantung pada ahli masyarakat yang lain atau pada pasaran untuk mendapatkan segala keperluan ekonomi. Dalam masyarakat ini daya pengeluaran adalah rendah, perdagangan adalah terhad, dan urus niaga yang dijalankan lebih berbentuk barter.

mata wang (*currency*) Alat yang digunakan sebagai perantaraan pertukaran

mata wang kukuh

untuk tujuan pembayaran. Misalnya, wang kertas, syiling, deposit bank, bil pertukaran, kiriman wang, dan wang pos.

mata wang kukuh (*hard currency*) Lihat mata wang utama.

mata wang lembut (*soft currency*) Mata wang asing yang kadar pertukarannya cenderung menurun atau tidak stabil dalam jangka panjang. Punca berlakunya penurunan dan ketakstabilan kadar pertukaran mata wang asing ialah defisit yang berlarutan dalam imbangan pembayaran dan aktiviti spekulasi yang mendorong penjualan mata wang asing kerana kejatuhan dalam kadar pertukaran yang diramalkan. Akibatnya, mata wang ini tidak mudah ditukar dengan emas atau mata wang asing yang utama yang sering digunakan sebagai rizab pertukaran asing.

mata wang penting (*key currency*) Mata wang yang selalu digunakan oleh rakyat negara asing dalam urusan niaga antarabangsa, atau oleh pihak berkuasa kewangan negara asing untuk campur tangan dalam pasaran pertukaran asing. Misalnya, dolar Amerika Syarikat dan paun British yang banyak digunakan oleh negara-negara Asia. Satu ketika dahulu mata wang ini disandarkan pada emas, tetapi sekarang, mata wang asing disandarkan nilainya pada mata wang ini.

mata wang rizab (*reserve currency*) Mata wang asing yang dijadikan sebagai rizab rasmi oleh kerajaan dan institusi kewangan antarabangsa untuk mempengaruhi dan mengawal pembayaran antarabangsa. Mata wang asing yang dijadikan sebagai mata wang rizab mestilah:

- i) stabil berbanding dengan nilai mata wang lain,
- ii) digunakan dengan meluas dalam perdagangan antarabangsa, dan
- iii) boleh ditukar nilainya dengan mata wang lain.

Mata wang rizab boleh berfungsi jika pasaran pertukaran asing beroperasi dengan cekap. Misalnya, dolar Amerika Syarikat, paun British, dan yen Jepun.

mata wang terkurang nilai (*undervalued currency*) Mata wang yang mengalami kejatuhan nilai berbanding dengan suatu mata wang lain dalam pasaran pertukaran asing. Negara yang mengalami mata wang terkurang nilai akan mendapati bahawa harga import secara relatifnya lebih mahal berbanding dengan harga eksport. Keadaan ini menggalakkan pertambahan eksport dan seterusnya mendatangkan keuntungan dari segi imbangan pembayaran. *Lihat juga* susut nilai 2.

mata wang terlebih nilai (*overvalued currency*) Mata wang yang kadar pertukarannya dengan mata wang asing secara rasmi ditetapkan lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang sepatutnya berlaku di pasaran pertukaran asing tanpa campur tangan kerajaan. Kadar pertukaran yang ditetapkan itu dikenali sebagai kadar pertukaran terlebih nilai. Sebuah negara mungkin dengan sengaja melebihnilaikan mata wangnya sebagai satu dasar untuk menurunkan kos benar mengimport, atau dengan tidak sengaja berbuat demikian kerana kekurangan atau ketidakpastian maklumat. *Lihat juga* naik nilai mata wang.

mata wang terurus (*managed currency*) Mata wang sebuah negara yang mengamalkan dasar pengapungan terurus, iaitu apabila kerajaan campur tangan dalam pasaran pertukaran asing. Keadaan ini berlaku apabila kadar pertukaran jatuh atau naik dengan banyak. Nilai mata wang terurus dalam beberapa mata wang asing selalu diawasi supaya tidak kurang atau tidak lebih daripada had tertentu. Pengawasan mata wang ini dilakukan dengan mengubah kadar asas pinjaman minimum atau dengan menjual dan membeli mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing.

mata wang utama (*hard currency*) Mata wang asing yang kadar pertukarannya cenderung meningkat atau stabil dalam jangka panjang. Mata wang utama wujud di negara yang selalu mengalami imbalance pembayaran atau imbalance perdagangan yang positif. Keadaan ini menjadikan nilai mata wang negara tersebut kukuh dan seterusnya kekukuhan ini menyebabkan permintaan terhadap mata wang tersebut tinggi. *Sinonim* mata wang kukuh. *Lihat juga* mata wang lembut.

maya wang (*money illusion*) Ketidaksedaran bahawa nilai wang berubah secara songsang dengan harga barang dan perkhidmatan. Seseorang dikatakan mengalami maya wang jika sikap perbelanjaannya berubah apabila tingkat harga meningkat tetapi pendapatan wang tetap, atau mengubah sikap perbelanjaannya apabila tingkat harga umum tetap tetapi pendapatan wang naik dengan kadar yang sama.

mazhab bank (*banking school*) Mazhab yang berpendapat bahawa pengeluaran mata wang tidak seharusnya dihadkan tetapi dibiarkan mengikut kehendak perniagaan semasa. Mazhab bank lahir di England berikutan dengan pertelingkahan tentang pengeluaran mata wang. Permintaan untuk mata wang dan deposit permintaan akan mengembang dan menguncup mengikut keperluan perniagaan. Ahli mazhab berpendapat bahawa pengawalan dasar pinjaman bank pusat penting untuk mempengaruhi deposit permintaan, dan juga lebih berfaedah daripada menghadkan mata wang di pasaran.

mazhab Cambridge (*Cambridge school*) Mazhab yang menilai semula mazhab klasik dan memperbaiki kaedah analisis. Perbezaan utama antara mazhab Cambridge dengan mazhab klasik ialah pengurangan pergantungan terhadap *laissez-faire*. Mazhab ini menekankan kajian mereka terhadap teori nilai dan agihan, analisis penentuan harga dan peruntukan, dan mengabaikan masalah yang berkaitan dengan output agregat, pendapatan, pertumbuhan, dan pembangunan ekonomi. Pengasas mazhab Cambridge ialah Alfred Marshall, Arthur C. Pigou, dan D.H. Robertson.

mazhab Chicago (*Chicago school*) Mazhab yang berpendapat bahawa agihan sumber ekonomi boleh dilakukan dengan lebih baik melalui pasaran bebas dan persaingan. Mazhab ini mengamalkan fahaman ekonomi neo-

liberal dan memberi penekanan terhadap penawaran wang dalam kajian tentang gelagat ekonomi secara keseluruhan. Pengasas mazhab Chicago ialah Henry C. Simons, F.A. von Hayek, Frank Knight, Milton Friedman, dan George J. Stigler.

mazhab klasik (*classical school*) Fahaman ekonomi yang mementingkan persaingan bebas dan campur tangan kerajaan yang minimum. Mengikut fahaman ini, hukum ekonomi menentukan pengeluaran, penggunaan, serta agihan pendapatan dan kekayaan. Mazhab ini juga berpendapat bahawa mekanisme pasaran menentukan harga, upah, sewa, dan untung yang boleh menyelesaikan masalah asas ekonomi. Pengasas mazhab klasik ialah Adam Smith, David Ricardo, Nassau Senior, John Stuart Mill, Thomas Robert Malthus, Jeremy Bentham, Jean Baptiste Say, dan James Mill.

mazhab klasik baru (*new classical school*) Mazhab yang menekankan jangkaan orang ramai tentang masa depan yang berasaskan maklumat semasa, dan fahaman mereka tentang ekonomi sangat mempengaruhi gelagat ekonomi semasa. Pengikut mazhab ini percaya bahawa kerajaan sepatutnya menyediakan suatu persekitaran yang stabil untuk perniagaan dan untuk orang ramai dengan melaksanakan dasar jangka panjang yang sederhana dan tegas. Perubahan dasar fiskal dan kewangan tidak dapat menambah output dan guna tenaga. Permintaan dan penawaran boleh berfungsi dengan agak sempurna untuk menentukan harga output dan upah guna tenaga, dan mereka yang hendak bekerja dapat mencari pekerjaan kerana mereka sanggup dibayar upah yang rendah. Pengasas penting mazhab ini ialah Robert E. Lucas dan Patrick Minford. *Lihat juga* teori jangkaan rasional.

mazhab neoklasik (*neoclassical school*) Fahaman yang berpendapat bahawa ekonomi yang bercorak kapitalisme pasaran yang berteraskan keagungan pengguna, pemaksimuman untung, perusahaan swasta, dan persaingan sempurna, berupaya mengagihkan sumber yang terhad secara cekap. Mazhab ini menggunakan konsep analisis sut, seperti daya pengeluaran sut dan utiliti sut, untuk menganalisis penentuan harga barang atau perkhidmatan dan faktor pengeluaran dalam pasaran persaingan. Mazhab ini menekankan bahawa harga barang dan faktor pengeluaran dikaitkan dengan kekurangan masing-masing. Secara khusus mazhab ini mengkaji kemungkinan wujud satu set harga yang menjamin persamaan permintaan dan penawaran dalam semua pasaran. Seperti mazhab klasik, mazhab ini juga menekankan kuasa pasaran dalam mempengaruhi kegiatan ekonomi. Pengasas penting mazhab neoklasik ialah Alfred Marshall.

medium pertukaran (*medium of exchange*) *Lihat* perantara pertukaran.

mekanisme aliran harga spesies (*price-species flow mechanism*) Mekanisme penyelarasan automatik yang menghapuskan sebarang defisit atau lebihan dalamimbangan pembayaran sesebuah negara di bawah sistem piawai emas. Mengikut mekanisme ini sesebuah negara yang mengalami defisit,

imbangan pembayaran akan kehilangan emas dan mengalami penguncupan penawaran wang. Tingkat harga dalam negeri yang turun seterusnya akan merangsang pertambahan eksport sehingga defisit imbalan pembayaran ditampung sepenuhnya. Negara yang mengalami imbalan pembayaran lebih akan mengalami penyetaraan yang sebaliknya. *Sinonim* mekanisma aliran harga spesies Hume.

mekanisme aliran harga-spesies Hume (*Hume's price-species flow mechanism*) *Lihat* mekanisme aliran harga spesies.

mekanisme pasaran (*market mechanism*) Mekanisme yang menggabungkan hubung kait antara penawaran, permintaan, harga, persaingan, dan penyebaran maklumat supaya harga barang dan perkhidmatan bebas turun naik mengikut kuasa pasaran. Melalui mekanisme pasaran maklumat tentang kehendak pengguna disebarkan kepada pengeluar, kegiatan pengeluar diselaraskan, dan masalah ekonomi dapat diselesaikan. Mekanisme pasaran biasanya dianggap sebagai tangan ghaib yang mengatur proses dan kegiatan ekonomi yang berlaku dalam satu sistem ekonomi pasaran. *Sinonim* sistem harga.

melambung (*boom*) Keadaan ekonomi apabila perkembangan aktiviti perniagaan berada pada tahap yang tinggi. Dalam keadaan melambung, pengeluaran, harga, upah, dan peluang pekerjaan meningkat.

merkantilisme (*mercantilism*) Doktrin ekonomi yang berpendapat bahawa keadaan ekonomi sesebuah negara akan bertambah baik jika negara itu sentiasa berupaya mengekalkan lebih eksport supaya aliran masuk emas atau perak ke dalam negara selalu bertambah. Sebagai sebahagian daripada rancangan untuk menggalakkan pelaburan yang besar terhadap barang eksport, kerajaan mengenakan tarif yang tinggi untuk mengurangkan import dan menggalakkan industri penggantian import. Dalam sesetengah kes, kerajaan mengharamkan penjualan emas dan perak kepada negara luar. Doktrin ini dipercayai benar pada abad ke-17 dan awal abad ke-18. Negara-negara pada masa itu berusaha mengekalkan pasaran eksport dan sumber bahan mentah yang murah dengan meluaskan jajahan takluk. Pada abad ke-18 David Hume mengemukakan teori aliran wang emas Hume yang membuktikan doktrin merkantilisme tidak tepat.

mikroekonomi (*microeconomics*) Cabang ekonomi yang menganalisis unit kecil ekonomi bukan agregat, iaitu pengguna, isi rumah, pengeluar, dan firma. Unit ekonomi ini membuat keputusan tentang penggunaan sumber yang optimum untuk mencapai objektif masing-masing. Misalnya, pengguna memperuntukkan pendapatan untuk memaksimumkan utiliti daripada penggunaan barang dan perkhidmatan. Firma cuba meminimumkan kos dan memaksimumkan untung daripada pengeluaran dan penjualan serta perkhidmatan.

min aritmetik (*arithmetic mean*) Nilai purata suatu siri nombor yang diperoleh dengan menjumlahkan nombor-nombor tersebut dan

min geometri

membahagikannya dengan bilangan nombor dalam siri tersebut. Misalnya, bagi siri nombor 3, 5, 11, min aritmetikya ialah:

$$\frac{3 + 5 + 11}{3} \approx 6.3$$

min geometri (*geometric mean*) Nilai purata satu siri nombor yang diperoleh dengan mendarabkan nombor-nombor tersebut sesama sendiri dan mengambil punca ganda bilangan nombor dalam siri tersebut. Misalnya, bagi siri nombor 3, 5, 11, min geometrinya ialah:

$$^3\sqrt{3 \times 5 \times 11} \approx 5.5$$

Min geometri lebih baik daripada min aritmetik kerana kurang dipengaruhi oleh nilai sesuatu nombor yang ekstrem. Oleh itu min ini lebih diutamakan dalam pengiraan nombor indeks. *Lihat juga* min aritmetik.

min populasi (*population mean*) Nilai purata yang diperoleh dengan menjumlahkan keseluruhan nilai cerapan dan dibahagikan dengan jumlah cerapan dalam sesuatu populasi. Misalnya, saiz populasi ialah 1000 cerapan, nilai cerapan ialah $x_1, x_2, \dots, x_{1000}$. Oleh itu min populasi ialah:

$$\begin{aligned}\mu &= \frac{x_1 + x_2 + \dots + x_{1000}}{1000} \\ &= \frac{\sum_{i=1}^{n=1000} x_i}{N}\end{aligned}$$

apabila μ = min populasi,

x_i = nilai bagi sampel i , dan

N = jumlah populasi.

min sampel (*sample mean*) Nilai purata suatu sampel yang mewakili suatu populasi yang ingin diuji. Misalnya, terdapat 40 cerapan dari satu populasi yang bernilai x_1, x_2, \dots, x_{40} . Oleh itu min sampel ialah:

$$\begin{aligned}\bar{x} &= \frac{x_1 + x_2 + \dots + x_{40}}{40} \\ &= \frac{\sum_{i=1}^{n=40} x_i}{n}\end{aligned}$$

apabila \bar{x} = min sampel,

x_i = nilai bagi sampel i , dan

n = jumlah sampel

Min sampel dalam statistik digunakan untuk membuat pentakbiran atau kesimpulan tentang populasi, dan juga sebagai anggaran bagi min populasi. *Lihat juga* min populasi.

mobiliti buruh (*labour mobility*) Kebolehan para pekerja bertukar kerja atau berpindah tempat kerja. Mobiliti buruh boleh dipecahkan kepada tiga jenis:

- i) Mobiliti kerja, iaitu kebolehan bertukar kerja dalam satu industri.
- ii) Mobiliti geografi, iaitu kebolehan bertukar dari satu daerah ke satu daerah yang lain - biasanya dari daerah yang berlebihan buruh ke satu daerah lain yang kekurangan buruh.
- iii) Mobiliti industri, iaitu kebolehan pekerja berpindah dari satu industri ke satu industri yang lain. Misalnya, bagi negara membangun, perpindahan dari industri pertanian ke industri pembuatan dan perkilangan.

Faktor-faktor yang mengurangkan mobiliti buruh termasuk kos perpindahan, kos latihan semula, dan aspek psikologi dan persekitaran.

mobiliti faktor (*factor mobility*) Keupayaan sesuatu faktor pengeluaran diubah dari satu kegunaan ke satu kegunaan yang lain. Mobiliti faktor boleh melibatkan perpindahan mengikut kawasan geografi seperti dalam kes buruh atau hanya melibatkan perubahan jenis penggunaan seperti dalam kes tanah. Faktor dalam struktur pasaran persaingan sempurna lebih bermobiliti daripada faktor dalam struktur pasaran monopoli.

mobiliti kerja (*occupational mobility*) Lihat mobiliti buruh.

modal (*capital*) 1. Barang yang dikeluarkan untuk digunakan sebagai input dalam pengeluaran barang lain dan merupakan salah satu daripada faktor pengeluaran yang dapat dibezakan daripada tanah dan buruh yang tidak dapat dikeluarkan. Misalnya, jentera, barangan, dan wang. Mengikut Adam Smith, modal ialah sebahagian daripada stok yang digunakan untuk memperoleh pendapatan. 2. Kekayaan atau harta yang digunakan dalam pengeluaran untuk menambahkan lagi kekayaan. Biasanya modal digabungkan dengan faktor pengeluaran yang lain, iaitu bahan mentah, buruh, dan tanah.

modal benar (*real capital*) Modal yang dilihat dalam bentuk fizikal yang tidak termasuk wang dan aset kewangan yang dimiliki oleh sesuatu perniagaan.

modal dibenarkan (*authorised capital*) Modal nominal yang dibenarkan sebelum syarikat baru dibentuk dan didaftarkan. Permohonan untuk mendaftarkan syarikat mengandungi kenyataan tentang jumlah modal yang akan diterbitkan. Jumlah sebenar modal yang diterbitkan mungkin kurang, tetapi syarikat boleh mengisi kekurangan itu pada tarikh akan datang tanpa meminta kebenaran daripada pendaftar syarikat.

modal fizikal (*physical capital*) Lihat modal benar.

modal jangka panjang (*long-term capital*) Modal dalam bentuk aset kewangan yang jika dipinjamkan mempunyai masa matang yang panjang, biasanya melebihi 10 tahun, atau modal yang dilaburkan dalam bentuk sekuriti atau ekuiti yang tidak dibayar balik kecuali apabila syarikat yang terlibat bankrap.

modal kerja

modal kerja (*working capital*) Nilai semua aset semasa sesebuah syarikat yang dibiayai daripada sumber pinjaman jangka panjang. Modal kerja digunakan untuk membiayai pengendalian syarikat. Jumlah modal kerja sesebuah syarikat menggambarkan kecairan dan kemampuan membayar syarikat tersebut.

modal manusia (*human capital*) Segala pelaburan produktif yang terkumpul dalam diri seseorang, seperti kebolehan, kemahiran, kepakaran, dan kesihatan, hasil daripada perbelanjaan terhadap pendidikan, latihan, dan penjagaan kesihatan. Perkembangan modal manusia merupakan salah satu ciri penting dalam sistem ekonomi. Pertumbuhan modal manusia, terutamanya pelaburan dalam pendidikan adalah satu punca terbesar bagi pertumbuhan ekonomi masa dahulu dan akan datang. Berdasarkan beberapa penyelidikan yang dibuat, modal manusia telah membuat sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan negara berbanding dengan sumbangan daripada loji dan peralatan fizikal.

modal pusingan (*circulating capital*) Modal yang diperlukan dalam pengendalian perniagaan sesebuah syarikat. Misalnya, wang tunai, inventori, akaun belum terima, dan bahan mentah.

modal tambahan (*auxiliary capital*) Semua barang atau peralatan yang dapat membantu buruh dalam proses pengeluaran. Misalnya, peralatan, jentera, bahan mentah, alat perhubungan, dan pengangkutan.

modal usaha niaga (*venture capital*) Modal yang disumbangkan oleh pemegang saham kepada sesebuah perniagaan melalui pembelian saham baru atau perolehan yang diterima semula daripada pelaburan lama. Pemegang saham menerima hakikat tentang risiko yang akan dihadapi jika syarikat berkenaan bankrap. Modal usaha niaga merupakan sumber dana yang dikehendaki untuk pertumbuhan industri, sama ada dana untuk usaha niaga baru atau bagi firma yang sedia ada. Modal usaha niaga sangat diperlukan apabila syarikat berkenaan tidak mempunyai ekuiti modal yang mencukupi untuk membolehkan ia membuat pinjaman kepada bank atau pelabur. *Sinonim* risiko usaha niaga.

model agregat (*aggregative model*) Model ekonometrik yang melibatkan pemboleh ubah agregat, seperti pendapatan negara, perbelanjaan negara, penggunaan negara, pelaburan, tabungan, dan aras harga umum. Kajian yang menggunakan model agregat menimbulkan implikasi bagi menentukan dasar-dasar agregat.

model ekonomi (*economic model*) Binaan dan persembahan secara bersistem yang mengemukakan suatu teori ekonomi. Model ekonomi mengandungi set andaian tentang faktor atau pemboleh ubah yang dipercayai tentang sesuatu fenomenon, dan hubungan antara faktor atau pemboleh ubah tersebut. Andaian dan hubungan ini menghasilkan kesimpulan dalam bentuk kenyataan atau hipotesis tentang pelbagai aspek fenomenon tersebut. Hipotesis yang diperoleh merupakan inti bagi teori ekonomi

- yang dimuatkan dalam model ekonomi. Model ekonomi boleh berbentuk satu set persamaan matematik dan sering dipersembahkan secara graf.
- model had pertumbuhan** (*limits-to-growth model*) Lihat model hari kiamat.
- model hari kiamat** (*doomsday model*) Model yang berasaskan komputer untuk menggambarkan hubungan kait antara aktiviti ekonomi dengan kualiti alam sekitar. Model ini mendakwa jika manusia tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menggunakan sumber alam dengan baik, mengawal pencemaran, menanam semula hutan, dan mengamalkan pusingan semula bahan terpakai, maka dunia ini akan musnah dalam masa 150 tahun. Model hari kiamat mula diperkenalkan dalam buku *Limits to Growth* yang diterbitkan oleh *Club of Rome* dalam tahun 1970. Analisis ini telah dikritik dengan hebat kerana menggunakan data dari beberapa tahun kebelakangan untuk meramalkan perkara yang akan berlaku bagi tempoh masa depan yang panjang, dan kerana gagal memasukkan fakta terdapatnya penggantian antara sumber-sumber. Versi model ini yang terkemudian telah dibuat untuk membetulkan kesilapan tersebut. Salah satu daripadanya ialah model had pertumbuhan, yang berasaskan hasil kerja Jay Forrester dari Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat. Kajian yang lebih baru telah dibuat oleh kerajaan persekutuan Amerika Syarikat seperti yang dilaporkan dalam *Global 2000 Report*. Keseluruhan model ini menggambarkan gelagat harga dan pengeluaran bagi menambahkan rizab sumber alam.
- model Keynes** (*Keynesian model*) Model makroekonomi yang berasaskan ekonomi Keynes. Persamaan dalam model ini terdiri daripada persamaan sektor benar, seperti fungsi penggunaan, fungsi pelaburan, fungsi perbelanjaan kerajaan, dan fungsi eksport bersih.
- model kitaran keluaran** (*product cycle model*) Hipotesis yang menyatakan bahawa sesuatu barang baru yang dikeluarkan oleh sesebuah negara dengan menggunakan teknologi tinggi dan buruh mahir akan mengalami tiga tahap pengeluaran, iaitu tahap keluaran baru, tahap keluaran matang, dan tahap keluaran terpiawai. Tahap akhir keluaran tersebut dapat juga dikeluarkan oleh negara lain dengan menggunakan teknologi yang lebih mudah dan buruh yang kurang mahir. Model kitaran keluaran diperkenalkan oleh Raymond Vernon pada tahun 1966.
- model makroekonomi** (*macroeconomic model*) Persembahan teori makroekonomi dalam bentuk yang ringkas tetapi jitu, biasanya dengan menggunakan bentuk matematik. Misalnya, model Keynes, model makroekonomi klasik, model kitaran hayat, dan model pencepat.
- model paradigma palsu** (*false-paradigm model*) Pandangan bahawa punca sesebuah negara mundur dan gagal untuk membangun adalah disebabkan negara tersebut mengamalkan strategi pembangunan yang tidak sesuai yang biasanya disyorkan oleh ahli ekonomi bagi negara maju.
- model pelarasan separa** (*partial adjustment model*) Lihat hipotesis

model pengganda pencepat

pelarasan separa.

model pengganda pencepat (*multiplier-accelerator model*) Model yang cuba memberi penjelasan tentang proses pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan prinsip pengganda dan prinsip pencepatan. *Lihat juga* prinsip pencepatan, prinsip pengganda.

model perancangan (*planning model*) Model matematik seperti model input-output atau model makroekonomi yang dibina khusus untuk tujuan simulasi atau peramalan kuantitatif ciri-ciri utama struktur ekonomi sesebuah negara. Model perancangan membekalkan maklumat kuantitatif dan asas analisis yang berguna kepada penggubal dasar dalam memberi justifikasi dan melaksanakan rancangan pembangunan.

model regresi (*regression model*) Bentuk analisis regresi yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

- i) Model regresi mudah yang menerangkan pertalian dua pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar.
- ii) Model regresi berbilang yang menerangkan pertalian antara satu pemboleh ubah bersandar dengan sekumpulan pemboleh ubah bebas.

Model-model regresi di atas boleh dipecahkan lagi kepada bentuk linear dan bukan linear, atau model persamaan tunggal dan persamaan serentak. Pembentukan model regresi, sama ada mudah atau berbilang, linear atau bukan linear, persamaan tunggal atau persamaan serentak, bergantung pada andaian yang dibina dalam suatu teori dalam kajian empirik.

mogok (*strike*) Tindakan pekerja-pekerja secara kolektif untuk tidak melaksanakan kerja sehinggalah pihak majikan bersetuju dengan tuntutan tertentu yang dikemukakan oleh kesatuan sekerja. Mogok ialah tindakan susulan kesatuan sekerja apabila proses tawar-menawar kolektif menemui jalan buntu. Mogok umum melibatkan semua ahli kesatuan sekerja, biasanya sebagai tanda sokongan kepada tuntutan yang dibuat oleh sebahagian ahli terhadap majikan. Mogok juga dilakukan untuk menuntut keadaan kerja dan tingkat upah yang lebih baik secara menyeluruh.

mogok liar (*wildcat strike*) Mogok yang dianjurkan oleh sekumpulan ahli kesatuan sekerja, biasanya tanpa kelulusan rasmi pemimpin kesatuan sekerja, dan kadang-kadang tidak mengikut atur cara yang biasa.

mogok umum (*common strike*) *Lihat* mogok.

moneteris (*monetarist*) *Lihat* paham kewangan.

monopoli (*monopoly*) Struktur pasaran yang mengandungi hanya satu firma yang mengeluarkan barang yang tiada pengganti yang hampir. Dalam pasaran monopoli tidak ada firma yang bersaing, dan wujud sekatan yang menghalang firma lain memasuki industri atau pasaran berkenaan. Sekatan ini mungkin berupa sekatan semula jadi seperti kos pengeluaran yang besar, atau sekatan berupa hak eksklusif seperti hak paten yang diberikan oleh kerajaan kepada firma monopoli. Industri utiliti awam seperti telefon dan elektrik biasanya berbentuk monopoli. Industri ini secara semula jadi memerlukan kos pelaburan yang tinggi dan kerajaan juga

- tidak ingin membenarkan persaingan yang tidak menguntungkan pengguna dalam industri berkenaan. *Sinonim* monopoli sempurna, monopoli tulen.
- monopoli berdiskriminasi** (*discriminating monopoly*) Keadaan apabila seorang pemonopoli atau sebuah firma monopoli mengenakan harga yang berbeza terhadap kumpulan pembeli yang berbeza bagi barang yang sama. Monopoli berdiskriminasi hanya dapat dilakukan apabila kedudukan pasaran adalah berjauhan dan perkhidmatan atau barang tidak dapat dipindahkan daripada pasaran yang mengenakan harga murah kepada pasaran yang mengenakan harga tinggi. Amalan membezakan harga adalah menguntungkan jika keanjalan permintaan barang berbeza antara satu pasaran dengan pasaran yang lain. Pemonopoli boleh memaksimumkan hasilnya jika ia mengenakan harga maksimum yang mampu dibayar oleh setiap pembeli.
- monopoli dua hala** (*bilateral monopoly*) Keadaan apabila terdapat hanya seorang peniaga yang bertindak sebagai pemonopoli dalam penjualan barang dan juga sebagai pemonopsoni dalam pembelian bahan mentah. *Lihat juga* monopoli, monopsoni.
- monopoli mutlak** (*absolute monopoly*) Keadaan apabila penawaran keseluruhan barang atau perkhidmatan yang tiada pengganti dibolot atau dimonopoli oleh pembekal tunggal. Dalam keadaan sebenar monopoli mutlak sukar berlaku kerana kebanyakan barang atau perkhidmatan mempunyai pengganti atau alternatifnya.
- monopoli paten** (*patent monopoly*) Monopoli yang wujud kerana firma mempunyai hak untuk mengeluarkan dan memasarkan sesuatu barang melalui pemberian hak paten atau lesen. Monopoli paten biasanya bersifat sementara dan wujud apabila firma menemui suatu teknologi baru atau dapat mengeluarkan barang baru. Firma lain dihalang memasarkan barang yang sama kerana halangan undang-undang paten.
- monopoli sempurna** (*perfect monopoly*) *Lihat* monopoli.
- monopoli semula jadi** (*natural monopoly*) Monopoli yang wujud apabila wujudnya bidang ekonomi yang besar dan jumlah kos pengeluaran yang minimum, jika hanya satu firma yang beroperasi. Misalnya, industri utiliti awam seperti elektrik, telefon, dan keretapi. Dalam industri ini persaingan adalah tidak praktik kerana ia hanya meningkatkan kos pengeluaran.
- monopoli tulen** (*pure monopoly*) *Lihat* monopoli.
- monopsoni** (*monopsony*) Pasaran yang hanya mengandungi satu pembeli seperti yang kerap terjadi dalam pasaran faktor pengeluaran dan barang pertanian di negara mundur.
- motif awasan** (*precautionary motive*) Keinginan memegang wang sebagai langkah berjaga-jaga untuk memenuhi keperluan yang tidak diduga. *Lihat juga* permintaan wang.
- motif spekulasi** (*speculative motive*) Motif memegang wang yang timbul daripada jangkaan individu tentang perubahan nilai aset kewangan seperti

motif urus niaga

bon dan saham, dan nilai bentuk kekayaan yang lain. Berdasarkan motif ini, individu akan menukarkan bon (aset kewangan lain) dengan wang (bon yang dijual) jika dijangkakan kadar bunga naik yang bererti harga bon akan turun pada masa hadapan. Ini kerana kejatuhan harga bon melibatkan kerugian modal dengan andaian harga barang dan perkhidmatan tetap. Sebaliknya, jika individu itu menjangkakan kadar bunga turun yang bererti harga bon akan meningkat, individu tersebut akan mengurangkan pemegangan wang dan membeli bon kerana dengan berbuat demikian individu itu akan mendapat laba modal.

motif urus niaga (*transaction motive*) Motif untuk memegang wang sebagai alat pertukaran atau perantaraan pertukaran. Motif urus niaga timbul kerana masa penerimaan pendapatan tidak berlaku serentak dengan masa membuat bayaran perbelanjaan. Misalnya, seorang kerani menerima gaji pada akhir bulan, tetapi berbelanja sepanjang bulan. Untuk membolehkan kerani tersebut melakukan urus niaga itu, dia mesti memerlukan stok wang yang sentiasa dipegang untuk tujuan urus niaga itu. Motif urus niaga tidak timbul jika kesemua perbelanjaan dilakukan serentak pada masa menerima gaji atau dilakukan secara berhutang.

muflis (*bankrupt*) Lihat kebangkrapan.

N

naik nilai (*appreciation*) Kenaikan nilai pasaran suatu harta seperti saham, harta tanah, peralatan, dan mata wang akibat kenaikan permintaan melebihi penawaran terhadap harta-harta tersebut. Misalnya, kenaikan nilai saham di pasaran saham, kenaikan satu nilai mata wang berbanding dengan mata wang lain, dan kenaikan nilai harta tanah di pasaran harta tanah. Naik nilai ini biasanya diiktiraf melalui penjualan harta.

naik nilai mata wang (*currency appreciation*) Kenaikan nilai mata wang sebuah negara berbanding dengan nilai mata wang negara lain melalui mekanisme pasaran pertukaran asing. Misalnya, pada awalnya keseimbangan antara import dan eksport wujud, tetapi apabila eksport sebuah negara meningkat yang bererti permintaan terhadap mata wang tersebut meningkat, nilai mata wang juga turut meningkat. Kenaikan nilai mata wang seterusnya menyebabkan import negara tersebut secara relatif menjadi murah. Oleh itu, import akan meningkat sehingga keseimbangan dicapai semula. *Lihat juga* mata wang terlebih nilai.

negara dunia ketiga (*third world country*) *Lihat* negara kurang membangun.

negara kebajikan (*welfare state*) Negara yang mengutamakan aktiviti ekonomi yang diusahakan oleh sektor awam untuk faedah sosial warganegara supaya sekurang-kurangnya taraf hidup yang minimum dapat dicapai. Matlamat ini cuba dicapai melalui pengeluaran barang dan perkhidmatan sosial, pengawalan kitaran perniagaan, dan penyelarasan antara faedah sosial dengan kos sosial yang timbul daripada pelaksanaan projek pembangunan awam dan swasta. Negara kebajikan bukan negara yang mengamalkan sistem sosialis tetapi lebih bersifat sistem ekonomi campuran yang mementingkan perbelanjaan kerajaan untuk membantu dan memulihkan permintaan agregat yang tidak mencukupi dari sektor swasta.

negara kurang maju (*less developed country*) *Lihat* negara kurang membangun.

negara kurang membangun (*underdeveloped country*) Negara yang

negara maju

pendapatan benar per kapitanya adalah secara relatif sangat rendah, seperti negara Afrika, India, dan Cina berbanding dengan pendapatan benar per kapita negara industri, seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman Barat, dan England. Secara amnya negara kurang membangun mempunyai ciri-ciri ekonomi seperti yang berikut:

- i) Nisbah penduduk yang tinggi di sektor pertanian, iaitu antara 70% hingga 90%.
- ii) Keadaan pengangguran tak ketara dan kesukaran peluang pekerjaan di luar sektor pertanian.
- iii) Modal per individu adalah rendah.
- iv) Taraf hidup yang rendah dan menghampiri tingkat cukup hidup.
- v) Tingkat tabungan yang rendah. Tabungan pemilik tanah dan golongan menengah tidak disalurkan dengan banyak kepada aktiviti pengeluaran, perusahaan, dan perdagangan.

Sinonim negara dunia ketiga, negara kurang maju, negara membangun, negara miskin.

negara maju (*developed country*) Negara yang pendapatan benar per kapitanya adalah sangat tinggi. Misalnya, Amerika Syarikat, Jepun, dan England. Secara amnya negara maju mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- i) Nisbah penduduk yang tinggi di sektor perindustrian.
- ii) Modal per individu adalah tinggi.
- iii) Kadar pengangguran adalah rendah .
- iv) Taraf hidup melebihi tingkat cukup hidup.
- v) Tingkat tabungan adalah tinggi.

negara membangun (*developing country*) *Lihat* negara kurang membangun.

negara miskin (*low-income country*) *Lihat* negara kurang membangun.

negara pemberi hutang (*creditor nation*)

negara pemberi hutang (*creditor nation*) 1. Negara yang memberi pinjaman kepada negara lain. *Sinonim* negara pemberi pinjam. 2. Negara yang penerimaan daripada urus niaga antarabangsanya yang termasuk import, eksport, pelaburan asing, dan hutang piutang, melebihi pembayaran keluarnya. Ini bererti negara pemberi hutang mengalami imbalan pembayaran lebihan.

negara pemberi pinjam (*creditor nation*) *Lihat* negara pemberi hutang.

negara peminjam (*borrower nation*) *Lihat* negara penghutang.

negara penghutang (*debtor nation*) 1. Negara yang berhutang dengan negara asing atau institusi kewangan antarabangsa. *Sinonim* negara peminjam. 2. Negara yang pembayaran keluarnya melebihi penerimaan daripada urus niaga antarabangsanya. Ini bererti negara penghutang mengalami imbalan pembayaran kurangan. *Lihat juga* negara pemberi hutang.

negara perindustrian baru (*newly industrialised country*) Negara yang tahap perindustriannya menghampiri negara maju. Misalnya, Singapura,

Korea, Taiwan, dan Hong Kong. *Lihat juga* negara maju.

neokolonialisme (*neocolonialism*) Penguasaan ekonomi sesebuah negara oleh firma atau syarikat perniagaan negara asing. Sebarang peristiwa yang berlaku terhadap ekonomi negara asing atau sebarang tindakan yang diambil oleh syarikat asing akan meninggalkan kesan yang besar terhadap ekonomi dan keadaan sosial negara tersebut. Neokolonialisme biasanya dikaitkan dengan pertumbuhan syarikat multinasional, pengembangan kegiatan perniagaan, dan pelaburan syarikat ini di negara membangun.

nilai (*value*) Harga barang dan perkhidmatan di pasaran. Konsep ini telah digunakan pada awal sejarah ekonomi sebagai penjelasan nilai sesuatu barang dalam pertukaran, iaitu nilai pertukaran barang yang dinyatakan sebagai kuantiti barang lain atau jumlah wang yang mesti ditukarkan untuk memperoleh satu unit barang itu. Mengikut konsep ini, sesuatu barang mempunyai nilai pertukaran jika barang tersebut penting dan sedikit penawarannya. Nilai barang akan berkurangan jika penawarannya tinggi walaupun barang tersebut penting. Misalnya, udara yang tidak mempunyai nilai pertukaran dan tidak perlu dibayar penggunaannya.

nilai bersih (*net worth*) Jumlah aset sesebuah firma, bank, atau individu setelah ditolak jumlah liabiliti. *Sinonim* ekuiti pemilik.

nilai buku (*book value*) Nilai aset yang ditulis dalam buku akaun, yang mungkin berbeza daripada nilai aset yang sebenar dalam pasaran. Nilai buku yang sebenar hanya akan diketahui sekiranya aset dijual.

nilai ditambah (*value added*) Nilai sumbangan tambahan bagi setiap peringkat pengeluaran. Ia diukur dengan menolak kos yang digunakan dalam pengeluaran daripada nilai barang itu mengikut harga pasaran. Misalnya, harga sebungkus roti ialah RM1.00, tetapi kos tepung untuk membuat roti tersebut ialah 60 sen. Oleh itu, nilai ditambah ialah 40 sen. Nilai ditambah ialah kaedah terbaik dalam mengukur sumbangan ekonomi bagi setiap peringkat dalam industri pembuatan kerana kaedah ini dapat mengelak atau mengatasi masalah kiraan dua kali dalam perakaunan pendapatan negara. *Lihat juga* kiraan dua kali.

nilai keluaran sut (*value of marginal product*) *Lihat* keluaran hasil sut.

nilai kini (*present value*) Nilai aliran pendapatan atau pulangan yang akan diterima pada masa hadapan setelah didiskaunkan dengan suatu kadar diskaun tertentu. Nilai tersebut menggambarkan nilai maksimum yang sanggup dibayar oleh individu sekarang untuk menerima sejumlah nilai pada masa akan datang. Formulanya ialah:

$$PV = \sum_{t=1}^n \frac{R_t}{(1+r)^t}$$

apabila R = aliran pulangan/pendapatan,
 r = kadar diskaun,
 t = tempoh, dan
 PV = nilai kini.

nilai kini bersih

nilai kini bersih (*net present value*) Nilai aliran pendapatan atau pulangan yang akan diterima setelah ditolak kos yang akan ditanggung pada masa hadapan setelah didiskaunkan dengan suatu kadar diskaun tertentu. Formulanya ialah:

$$NPV = \sum_{t=1}^n \frac{R_t - C_t}{(1 + r)^t}$$

apabila R = aliran pulangan/pendapatan,

C = aliran kos,

r = kadar diskaun,

t = tempoh, dan

NPV = nilai kini bersih.

Sinonim aliran tunai terdiskaun.

nilai lebihan (*surplus value*) Perbezaan positif antara nilai barang yang dikeluarkan oleh buruh dengan bayaran upah yang diterima oleh buruh itu pada satu tempoh tertentu. Istilah nilai lebihan diperkenalkan oleh Karl Marx untuk mengukur tingkat penindasan para kapitalis terhadap kelas pekerja, dan bukan untuk mengukur tingkat keuntungan sebagai pulangan modal dan kemahiran pengurusan. Menurut Karl Marx, ini kerana nilai sesuatu barang merupakan sumbangan tunggal daripada buruh dalam proses pengeluaran. Pada masa kini, ahli ekonomi moden termasuk di Rusia, percaya bahawa pelaburan modal dalam bentuk loji dan peralatan ialah faktor pengeluaran yang penting untuk menambahkan nilai barang dan seterusnya nilai lebihan.

nilai nominal (*nominal value*) Nilai sesuatu barang atau perkhidmatan pada harga semasa. Apabila dikaitkan dengan pemboleh ubah ekonomi, nilai nominal akan membawa maksud nilai pemboleh ubah tersebut pada harga semasa (harga sebenar). Misalnya, upah wang yang diterima tanpa diselaraskan dengan perubahan tingkat harga.

nilai par (*par value*) Lihat nilai tara.

nilai serahan (*surrender value*) Lihat nilai serah tunai.

nilai serah tunai (*cash surrender value*) Jumlah tunai yang pemegang polisi insurans akan terima apabila pemegang polisi tersebut memberhentikan polisi insurans itu sebelum tarikh matang. Jumlah tunai yang diterima itu biasanya kurang daripada atau bersamaan dengan jumlah premium yang dibayar. *Sinonim* nilai serahan.

nilai tara (*par value*) Kadar pertukaran yang ditetapkan secara rasmi supaya kadar pertukaran yang dibenarkan wujud di pasaran tidak lebih atau tidak kurang daripada peratusan kecil yang juga ditetapkan di atas dan di bawah kadar pertukaran yang ditetapkan itu. Di bawah sistem kewangan antarabangsa yang dikendalikan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dari tahun 1944 hingga 1973, nilai tara kebanyakan mata wang dunia dinyatakan dalam sebutan dolar Amerika, sementara dolar Amerika

diikatkan pada nilai emas. *Sinonim* nilai par.

nilai terbitan (*derived value*) Nilai sesuatu barang, khususnya faktor pengeluaran, yang permintaannya berkait dengan atau wujud daripada permintaan untuk barangan lain. Misalnya, nilai sesuatu alat modal atau besi yang digunakan dalam pengeluaran kereta berkait dengan permintaan untuk kereta. *Lihat juga* permintaan terbitan, permintaan berkait.

nilai tertaksir (*assessed value*) Nilai yang ditaksirkan terhadap suatu barang, harta, atau harta tanah untuk tujuan penjualan atau penilaian.

nisbah buruh-output (*labour-output ratio*) Nisbah yang memberi gambaran jumlah buruh yang diperlukan untuk mengeluarkan satu unit output. Nisbah buruh-output diukur dengan membahagikan jumlah buruh yang digunakan dengan bilangan output yang dihasilkan.

nisbah harga (*price ratio*) *Lihat* harga relatif.

nisbah harga perolehan (*price-earnings ratio*) Nisbah harga saham biasa terhadap perolehan bersih dividen yang diterima oleh saham berkenaan. Nisbah harga perolehan suatu saham yang tinggi membuktikan bahawa pelabur mempercayai bahawa untung syarikat yang mengeluarkan saham tersebut akan bertambah pada masa akan datang, dan sebaliknya.

nisbah kecairan (*liquidity ratio*) Nisbah aset cair yang dipegang oleh bank terhadap jumlah deposit. Aset cair bank terdiri daripada wang tunai dalam tangan dan di bank pusat, wang panggilan, bil jangka pendek, dan pinjaman kepada pasaran diskaun. Secara praktiknya bank mengekalkan nisbah kecairan tertentu berdasarkan kebiasaan. Bagaimanapun, bank pusat boleh mempengaruhi kecairan sistem bank secara langsung dengan menetapkan nisbah kecairan minimum atau secara tidak langsung dengan mengubah cadangan wajib, mengubah kadar bank, atau dengan menjalankan operasi pasaran terbuka. Peningkatan nisbah kecairan meningkatkan aset cair sistem bank dan dengan demikian mengurangkan stok wang dalam edaran. Penurunan nisbah kecairan mempunyai kesan sebaliknya.

nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*) Nisbah bayaran bunga dan bayaran balik pokok terhadap hutang luar negeri dalam suatu tahun sebagai peratusan daripada nilai eksport barang dan perkhidmatan bagi tahun tersebut.

nisbah modal-buruh (*capital-labour ratio*) Nisbah stok modal negara terhadap jumlah tenaga kerja. Bagi industri atau sektor, nisbah modal-buruh merupakan nisbah stok modal sesuatu industri atau sektor terhadap jumlah tenaga kerja yang terdapat dalam industri atau sektor tersebut.

nisbah modal-output (*capital-output ratio*) Nisbah jumlah modal terhadap jumlah output yang dikeluarkan oleh modal tersebut. Nisbah modal-output berbeza-beza mengikut industri. *Sinonim* koefisien modal.

nisbah modal-tanah (*capital-land ratio*) Nisbah stok modal negara terhadap stok tanah. Nisbah ini menggambarkan keamatan modal yang digunakan

nisbah penumpuan

dalam suatu keluasan tanah tertentu. Nisbah ini juga menggambarkan taraf pengindustrian sektor pertanian.

nisbah penumpuan (*concentration ratio*) Nisbah penguasaan sesuatu pasaran atau industri oleh beberapa syarikat terhadap jumlah aset pasaran atau industri tersebut. Penguasaan pasaran atau industri biasanya berdasarkan aset beberapa syarikat terbesar, biasanya empat buah. Semakin besar nilai nisbah penumpuan semakin jelas industri berkenaan dikuasai oleh beberapa syarikat besar, dan sebaliknya.

nisbah pergantungan (*dependency ratio*) Peratusan daripada jumlah penduduk berumur kurang daripada 14 tahun dan lebih daripada 65 tahun terhadap jumlah penduduk. Nisbah pergantungan memberi gambaran tentang penduduk sesebuah negara yang terpaksa ditanggung oleh penduduk yang layak bekerja.

nisbah pinjaman deposit (*loan deposit ratio*) Nisbah pinjaman dan pendahuluan sistem bank terhadap jumlah deposit, biasanya ditunjukkan dalam bentuk peratusan. Nisbah pinjaman deposit memberi gambaran tentang kedudukan penawaran dan permintaan kredit sistem bank perdagangan. Semakin tinggi nisbah pinjaman deposit, semakin tinggi permintaan untuk kredit, dan sebaliknya.

nisbah rizab berkanun (*statutory reserve ratio*) Lihat nisbah rizab wajib.

nisbah rizab wajib (*required reserve ratio*) Nisbah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kewangan sesebuah negara yang menentukan jumlah rizab yang wajib dipegang oleh bank dan syarikat kewangan, sama ada dalam bentuk simpanan di bank pusat atau wang tunai di tangan, bagi setiap ringgit deposit orang ramai di institusi kewangan berkenaan. Misalnya, nisbah rizab wajib 0.05 atau 5% mewajibkan bank atau syarikat kewangan memegang dalam bentuk wang tunai di tangan atau deposit di bank pusat sebanyak RM0.05 bagi setiap RM1.00 yang didepositkan di institusi tersebut. Nisbah rizab wajib yang tinggi boleh mengurangkan keupayaan bank mencipta kredit, dan sebaliknya. Oleh itu, kerajaan sering menggunakan nisbah ini sebagai alat dasar untuk mempengaruhi penawaran wang. *Sinonim* nisbah rizab berkanun.

nisbah semasa (*current ratio*) Nisbah aset semasa sesebuah perniagaan terhadap liabiliti semasanya. Nisbah semasa digunakan untuk menguji kemampuan membayar sesebuah syarikat. *Lihat juga* nisbah ujian asid.

nisbah tunai (*cash ratio*) 1. Nisbah wang tunai terhadap jumlah deposit bank. Nisbah tunai yang dikenakan terhadap bank perdagangan oleh Bank Negara ditetapkan pada peratusan yang tertentu untuk mengekalkan keutuhan bank perdagangan tersebut. Oleh itu bank harus mempunyai wang yang cukup untuk memenuhi permintaan pelanggannya. 2. Keupayaan firma untuk menjelaskan segala pembayarannya. Formula ialah:

$$\frac{\text{Tunai yang dipegang} + \text{Pembayaran oleh pelanggan}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

- nisbah ujian asid** (*acid-test ratio*) Nisbah jumlah aset cair terhadap jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini merupakan suatu ukuran kemampuan membayar balik hutang dalam jangka pendek.
- nota bank** (*bank note*) Wang kertas yang dicetak oleh bank pusat sebuah negara. Nota bank merupakan nota janji yang mempunyai nilai seperti yang tercatat di atas nota tersebut.
- nota konsainan** (*consignment note*) Nota yang dihantar oleh pengeksport kepada pengimport, biasanya bersama-sama barang yang dihantar. Apabila barang sampai ke destinasiya, pengimport akan menandatangani nota konsainan sebagai bukti ia telah menerima barang tersebut. Nota konsainan mengandungi maklumat seperti nama serta alamat penghantar dan penerima, dan cara pembayaran.
- nota kontrak** (*contract note*) Dokumen yang mengandungi maklumat penuh tentang penjualan dan pembelian saham yang dihantar oleh broker saham kepada pelanggan. Nota kontrak mengandungi maklumat tentang syarat-syarat penjualan dan pembelian saham, harga saham, dan caj-caj lain seperti komisen broker dan duti setem.
- nota kredit** (*credit note*) Dokumen yang memberitahu pembeli tentang catatan kredit yang dibuat terhadap akaunnya. Nota kredit menunjukkan jumlah yang dikreditkan dan sebab catatan kredit itu dibuat. Misalnya, catatan kredit dibuat apabila barang yang dibeli terpaksa dipulangkan kerana sesuatu sebab seperti kerosakan atau bayaran terlebih yang tidak disengajakan.
- nota lindung** (*cover note*) Dokumen sementara yang dikeluarkan oleh syarikat insurans untuk memberitahu pembeli polisi tentang perlindungan yang diberi. Nota lindung digunakan sementara sijil polisi insurans disiapkan.
- nota makluman** (*advice note*) Nota yang dihantar kepada pembeli sebagai pemberitahuan tentang urus niaga yang telah berlaku. Nota makluman mengandungi maklumat tentang wang yang telah dikreditkan ke dalam akaun, barang yang telah dihantar, serta tarikh dan cara penghantaran.
- nota penyerahan** (*delivery note*) Nota yang disediakan oleh pemberi konsain dan diserahkan bersama-sama barang yang dihantar. Nota penyerahan mengandungi maklumat terperinci tentang sesuatu barang. Nota ini merupakan bukti penyerahan apabila pihak penerima konsain menerima barang tersebut.
- nota perbendaharaan** (*treasury note*) Sekuriti atau surat hutang kerajaan yang mempunyai tempoh matang antara satu hingga lima tahun. Nota perbendaharaan dikeluarkan dengan tujuan untuk mendapatkan sumber kewangan pinjaman yang sederhana panjang tempoh matangnya, iaitu tidak terlalu pendek seperti bil perbendaharaan dan tidak terlalu panjang seperti bon kerajaan. *Lihat juga* bil perbendaharaan, bon kerajaan.
- numeraire** (*numeraire*) Sesuatu yang digunakan untuk menyatakan harga sesuatu barang. Misalnya, dalam sistem barter, barang digunakan sebagai *numeraire* untuk mengukur barang lain. Sebelum wujudnya wang, emas

numeraire

digunakan sebagai *numeraire*, yaitu nilai sesuatu barang diukur dengan bilangan unit emas yang perlu ditukarkan untuk mendapatkan satu unit barang tersebut.

O

oligopoli (*oligopoly*) Struktur pasaran yang terdiri daripada dua firma atau lebih tetapi kurang daripada bilangan firma dalam pasaran monopolistik. Firma dalam oligopoli menjual barang yang sama tetapi dibezakan oleh beberapa perkara seperti jenama dan kaedah pembungkusan. Ciri utama yang membezakan oligopoli daripada struktur pasaran lain ialah firma dalam oligopoli saling bergantung dalam rancangan-rancangan jualan, pengeluaran, pelaburan, dan pengiklanan. Satu bentuk istimewa struktur pasaran ini ialah duopoli yang terdiri daripada dua firma sahaja.

oligopoli bersubahat (*collusive oligopoly*) Oligopoli yang wujud apabila beberapa firma besar dalam sesuatu industri bersubahat atau berpakat secara terang-terangan atau secara sulit, dalam menentukan tingkat harga dan pembahagian pasaran.

oligopoli firma berpengaruh (*dominant-firm oligopoly*) Oligopoli yang wujud apabila beberapa firma besar dalam sesuatu industri menentukan harga mengikut harga yang ditetapkan oleh firma pemimpin harga. *Lihat juga* kepimpinan harga.

operasi diskaun (*discount operation*) Tindakan bank pusat memberi pinjaman jangka pendek kepada bank dan institusi kewangan lain dengan mendiskaunkan semula atau mencagarkan bil perbendaharaan, sekuriti kerajaan, atau bil-bil yang layak. Operasi diskaun bertujuan membantu institusi kewangan yang menghadapi masalah mudah tunai yang bersifat sementara.

operasi pasaran terbuka (*open market operation*) Tindakan autoriti kewangan membeli atau menjual sekuriti kerajaan atau sekuriti lain seperti bon, surat jaminan hutang, dan bil perbendaharaan di pasaran terbuka. Operasi pasaran terbuka merupakan satu alat dasar kewangan yang paling berkesan dan kerap digunakan untuk mempengaruhi penawaran wang, jumlah kredit dan kadar bunga dalam ekonomi. Pembelian sekuriti di pasaran terbuka menambahkan wang dalam tangan, di samping meningkatkan kecairan

opsyen bergu

yang membolehkan sistem bank menambahkan penciptaan kredit atau wang. Pembelian sekuriti bererti permintaan untuk sekuriti meningkat, yang menyebabkan harga sekuriti juga meningkat dan kadar bunga jatuh. Penjualan sekuriti oleh autoriti kewangan memberikan kesan yang sebaliknya. *Lihat juga* dasar kewangan, alat dasar.

opsyen bergu (*double option*) Opsyen yang memberi hak kepada pemegang sekuriti sama ada untuk membeli atau menjual sekuriti tertentu pada harga dan tarikh tertentu. Jika urus niaga tersebut tidak dilakukan sehingga tarikh tertentu, opsyen tersebut akan luput. *Sinonim* pilihan bergu.

optimum Pareto (*Pareto optimum*) Keadaan yang wujud apabila tiada anggota masyarakat yang boleh memperbaiki kedudukannya tanpa memberi kesan buruk terhadap anggota masyarakat yang lain. Misalnya, optimum Pareto tercapai apabila tindakan mengenakan cukai terhadap golongan kaya dan mengagihkannya kepada golongan miskin menyebabkan kebajikan golongan kaya jatuh dan kebajikan golongan miskin meningkat. Sekiranya pengagihan cukai tidak menjejaskan kebajikan golongan kaya walaupun meningkatkan kebajikan golongan miskin, optimum Pareto belum dicapai. *Sinonim* kecekapan Pareto, kecekapan ekonomi.

orang tengah (*middleman*) Ejen, peniaga, atau broker yang terlibat dalam pengedaran barang daripada pengeluar kepada pengilang (bagi bahan mentah) atau peruncit (bagi barang pengguna). Orang tengah merupakan unit ekonomi yang penting dalam kegiatan pemasaran.

output (*output*) Barang atau perkhidmatan yang dihasilkan melalui proses pengeluaran, sama ada bagi satu firma atau bagi seluruh ekonomi.

output pemaksimuman untung (*profit maximizing output*) Tingkat output yang menghasilkan untung maksimum bagi sesebuah firma apabila firma tersebut berhadapan dengan tingkat harga output, tingkat harga input, dan tingkat teknologi yang tertentu. Fungsi yang menghubungkan output pemaksimuman untung dengan pelbagai tingkat harga output dan harga input dinamakan fungsi penawaran firma.

output potensi (*potential output*) Tingkat output yang pada prinsipnya boleh dikeluarkan oleh sebuah ekonomi jika ekonomi tersebut berada pada tahap penggunaan sumber yang cekap. Output potensi boleh dianggarkan daripada output benar dengan menggunakan hukum Okun. *Lihat juga* hukum Okun.

P

pampasan pengangguran (*unemployment compensation*) Lihat bantuan pengangguran.

pancangan (*pegging*) Penetapan nilai kadar pertukaran, kadar bunga, atau harga barang pada satu tingkat tertentu. Pancangan biasanya dilakukan oleh pihak berkuasa seperti kerajaan.

pancangan boleh laras (*adjustable peg*) Sistem kadar pertukaran asing yang memancang mata wang sesebuah negara pada satu kadar tertentu yang ditetapkan, tetapi pada masa tertentu, negara tersebut bersedia menyelaraskan kadar ini untuk menyesuaikan dengan kuasa asas pasaran pertukaran. Sistem pancangan boleh laras diamalkan oleh negara-negara terkemuka semasa era Bretton Woods antara 1944-1971.

pancangan merangkak (*crawling peg*) Kaedah mentadbir kadar pertukaran asing yang mengubah nilai pancangan mata wang pada kadar yang kecil secara kerap pada tarikh yang terlebih dahulu diumumkan sehinggalah kadar pertukaran mencapai keseimbangan yang baru.

panduan upah-harga (*wage-price guidepost*) Dasar penentuan upah yang menetapkan kadar kenaikan upah dalam sesuatu industri supaya menjadi sama dengan kadar pertumbuhan daya pengeluaran industri tersebut. Dasar ini pernah diperkenalkan di Amerika Syarikat pada tahun 1960-an sebagai satu usaha untuk mengelakkan inflasi sebelum masa yang sering berlaku semasa ekonomi menghampiri tingkat guna tenaga penuh.

paradoks berjimat (*paradox of thrift*) Keadaan yang berlaku apabila pertambahan tabungan oleh masyarakat tidak akan meningkatkan tabungan negara. Paradoks berjimat berlaku kerana peningkatan dalam tabungan akan mengurangkan penggunaan dan permintaan agregat dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan. Oleh sebab tabungan bergantung pada pendapatan, maka tabungan juga akan mengurang.

paradoks Leontief (*Leontief paradox*) Keadaan yang berlaku apabila negara yang secara relatif banyak modal mengimport barangan yang intensif

paradoks nilai

modal dan mengekspor barang yang intensif buruh. Kajian empirik menunjukkan barangan import Amerika Syarikat adalah lebih intensif modal daripada intensif buruh. Penemuan ini bercanggah dengan teori Heckscher-Ohlin yang meramalkan bahawa negara yang secara relatif mempunyai banyak modal seperti Amerika Syarikat, sepatutnya mengimport barangan intensif buruh dan mengekspor barangan intensif modal.

paradoks nilai (*paradox of value*) Keadaan yang nampak tidak munasabah apabila harga barang yang amat berguna seperti air adalah lebih rendah daripada harga barang yang kurang berguna seperti berlian. Keadaan ini boleh dijelaskan berdasarkan hakikat bahawa harga tidak menggambarkan kebergunaan tetapi menggambarkan permintaan dan penawaran.

parameter (*parameter*) Kuantiti yang kekal malar dalam konteks tertentu. Misalnya, dalam ungkapan matematik $y = a + bx$, a dan b ialah parameter. Apabila a dan b masing-masing mengambil nilai tertentu, misalnya 0 dan 2, maka satu persamaan, iaitu $y = 2x$, dapat dibezakan daripada persamaan-persamaan lain dalam keluarga persamaan umum itu.

parameter regresi (*regression parameter*) Lihat garis regresi.

pariti mint (*mint parity*) Kadar pertukaran yang ditentukan berdasarkan nilai emas setiap unit mata wang dua negara yang mengamalkan sistem piawai emas. Misalnya, Amerika Syarikat menetapkan nilai mata wang sebagai $\text{AS\$}1.50 = 23.22$ grain emas tulen, dan United Kingdom menetapkan $\text{£}1.00 = 113.0016$ grain emas tulen. Maka kadar pertukaran pariti *mint* antara dolar Amerika Syarikat dan pound sterling ialah nisbah 23.22 terhadap 113.0016, iaitu $\text{AS\$}1.00 = \text{£}0.205$.

pasaran (*market*) Institusi, sama ada berbentuk tempat atau hanya peraturan tertentu, yang membolehkan kegiatan pertukaran atau urus niaga dilakukan. Fungsi pasaran adalah untuk membolehkan pertukaran hak milik.

pasaran aktif (*active market*) Pasaran yang urus niaga sahamnya dilakukan secara aktif. Dalam pasaran aktif wujud penjualan dan pembelian komoditi atau saham dalam kuantiti yang banyak.

pasaran bebas (*free market*) Pasaran yang dicirikan oleh ketiadaan sekatan-sekatan yang boleh menghalang perjalanan mekanisme pasaran. Dalam pasaran bebas, peruntukan sumber semata-mata ditentukan oleh sistem harga. Negara pasaran bebas umumnya merujuk negara yang tidak mengamalkan sekatan seperti tarif atau kuota terhadap perdagangan dalam dan luar negeri.

pasaran buruh (*labour market*) Pasaran yang menemukan majikan yang mencari pekerja dengan buruh yang mencari pekerjaan. Apabila permintaan buruh sama dengan penawaran buruh pada suatu tingkat upah tertentu maka tingkat upah tersebut dikatakan mencapai keseimbangan. Upah yang lebih tinggi daripada tingkat upah keseimbangan akan mewujudkan lebih penawaran manakala upah yang lebih rendah daripada tingkat tersebut akan mewujudkan lebih permintaan. Bagaimanapun,

buruh tidak homogen, dan oleh itu wujud pasaran yang berbeza untuk setiap kategori buruh. Hal ini menyebabkan upah yang berbeza bagi pekerjaan dan kategori buruh yang berlainan.

pasaran Eurodolar (*Eurodollar market*) Pasaran antarabangsa yang menggunakan Eurodolar sebagai mata wang untuk tujuan urus niaga antarabangsa, terutamanya pembiayaan urus niaga jangka pendek. *Lihat juga* Eurodolar.

pasaran ke depan (*futures market*) Pasaran komoditi, sekuriti, dan mata wang asing secara kontrak. Urus niaganya dijalankan sekarang tetapi penyerahannya dibuat pada suatu masa hadapan yang ditetapkan.

pasaran modal (*capital market*) Pasaran yang melibatkan urus niaga sekuriti jangka panjang, biasanya yang mempunyai tempoh matang satu tahun atau lebih, dan yang tidak mempunyai tempoh matang tertentu. Urus niaga pasaran modal termasuk pengeluaran pinjaman jangka panjang, jual beli tuntutan terhadap hutang jangka panjang, dan jual beli ekuiti syarikat. Di Malaysia, pasaran modal terutamanya terdiri daripada pasaran sekuriti kerajaan, pasaran saham, dan pasaran sekuriti syarikat.

pasaran penjual (*seller's market*) Pasaran yang penjualnya menguasai pasaran, iaitu menentukan harga dan kuantiti barang dalam sesuatu pasaran. Dalam pasaran penjual, permintaan untuk suatu barang melebihi penawaran pada tingkat harga semasa. Keadaan ini berterusan sehingga penawaran dan permintaan berada pada tingkat keseimbangan. Kecenderungan untuk menaikkan harga akibat kekurangan penawaran merupakan fenomena utama dalam pasaran penjual.

pasaran peringkat kedua (*secondary market*) Pasaran bagi sekuriti belum tebus sebelum sampai tempoh matangnya. Sekuriti tersebut mestilah boleh diniagakan untuk membolehkannya diurusniagakan di pasaran peringkat kedua. Apabila dikeluarkan, sekuriti dan ekuiti dijual beli di pasaran peringkat pertama, tetapi jual beli selanjutnya bagi sekuriti atau ekuiti tersebut dilaksanakan di pasaran peringkat kedua.

pasaran peringkat pertama (*primary market*) Pasaran yang khusus bagi urus niaga pengeluaran dan penjualan semua alat hutang dan ekuiti untuk kali pertama. Peserta pasaran peringkat pertama terdiri daripada pembekal asal dana seperti isi rumah dan pengantara kewangan seperti bank yang menawarkan dana kepada peminjam dana seperti syarikat, isi rumah, atau pengantara kewangan yang memerlukannya. Semua sekuriti, sama ada sekuriti peringkat pertama atau sekuriti peringkat kedua, boleh niaga atau tidak boleh niaga, mesti dijual beli di pasaran peringkat pertama, iaitu semasa sekuriti tersebut dikeluarkan. Sekuriti boleh niaga dijual beli pada kali kedua atau seterusnya di pasaran peringkat kedua. *Lihat juga* pasaran peringkat kedua.

pasaran persaingan sempurna (*perfectly competitive market*) *Lihat* persaingan sempurna.

pasaran pertukaran asing (*foreign exchange market*) Pasaran bagi jual

pasaran semerta

beli mata wang asing sama ada dengan menggunakan mata wang tempatan atau mata wang negara lain. Permintaan untuk mata wang asing wujud apabila sesebuah negara mengimport barang atau perkhidmatan dari negara asing. Penawaran mata wang asing pula wujud apabila sesebuah negara asing mengimport barang atau perkhidmatan dari negara tersebut. Dalam pasaran pertukaran asing, kadar pertukaran antara mata wang asing dengan mata wang negara tersebut ditentukan.

pasaran semerta (*spot market*) Pasaran komoditi, sekuriti, dan mata wang yang urus niaganya memerlukan penyerahan dan pembayaran dibuat segera.

pasaran sempurna (*perfect market*) Lihat persaingan sempurna.

pasaran terbolot (*captive market*) Keadaan apabila pasaran bagi sesuatu barang adalah terjamin dan jumlah kesemua barang tersebut hampir pasti dijual pada harga yang menguntungkan. Biasanya pasaran ini dikuasai oleh seorang pengeluar.

pasaran wang (*money market*) 1. Pasaran yang mengendalikan urus niaga hutang atau pinjaman jangka pendek seperti nota janji perdagangan, nota kredit jangka pendek, wang semalaman, dan pinjaman antara bank. 2. Pasaran yang menemukan permintaan dan penawaran wang. Keseimbangan antara permintaan dan penawaran wang menentukan kadar bunga. Pasaran ini merupakan salah satu daripada pasaran ekonomi dalam pembentukan modal makroekonomi asas.

pekali Gini (*Gini coefficient*) Lihat koefisien Gini.

pekali korelasi (*correlation coefficient*) Lihat koefisien korelasi.

pekali korelasi berbilang (*multiple correlation coefficient*) Lihat koefisien korelasi berbilang.

pekali korelasi mudah (*simple correlation coefficient*) Lihat koefisien korelasi mudah.

pekali modal (*capital coefficient*) Lihat koefisien modal.

pekali penentuan (*coefficient of determination*) Lihat koefisien penentuan.

pekali teknik (*technical coefficient*) Lihat koefisien teknik.

pekerja tak berupah (*unpaid worker*) Pekerja yang secara rasmi tidak diberi upah dan walaupun sumbangan perkhidmatannya penting, tidak dikira dalam akaun pendapatan negara. Misalnya, suri rumah dan sukarelawan dalam aktiviti sosial. Perkhidmatan pekerja tak berupah tidak dikira dalam akaun pendapatan negara kerana perkhidmatan mereka tidak mempunyai harga pasaran.

pelaburan (*investment*) Perbelanjaan terhadap barang yang digunakan untuk menghasilkan barang lain. Pelaburan menambahkan stok modal. Pelaburan kasar merujuk jumlah perbelanjaan untuk barang modal yang baru, manakala pelaburan bersih merujuk pertambahan barang modal yang dihasilkan melebihi barang modal yang perlu digantikan. Pelaburan swasta ialah pelaburan yang dilakukan oleh pihak swasta manakala pelaburan awam ialah pelaburan yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau syarikat milik kerajaan.

pelaburan asing (*foreign investment*) Pelaburan syarikat swasta asing atau

orang perseorangan asing di sesebuah negara.

pelaburan asing bersih (*net foreign investment*) Lebih bersih tuntutan kewangan sesebuah negara terhadap pemastautin negara asing dan aset cadangan antarabangsa. Pelaburan asing bersih pada satu tempoh menggambarkan perbezaan antara perolehan aset negara asing oleh pemastautin sesebuah negara dengan jumlah perolehan aset negara itu oleh pemastautin sebuah negara asing.

pelaburan asing swasta (*private foreign investment*) Pelaburan yang dilakukan oleh pihak swasta asing di sesebuah negara, sama ada dalam sektor swasta atau kerajaan. Apabila pelabur asing membeli aset sesebuah negara, maka mereka dianggap membeli eksport modal dari negara tersebut. Oleh itu, pelaburan asing swasta dicatat sebagai kredit dalam akaun modal negara berkenaan.

pelaburan autonomi (*autonomous investment*) Pelaburan yang tidak dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, aras pendapatan negara, atau penggunaan. Penemuan barang atau teknik pengeluaran baru merupakan faktor penggerak pelaburan autonomi.

pelaburan awam (*public investment*) Lihat pelaburan.

pelaburan bersih (*net investment*) Lihat pelaburan.

pelaburan inventori (*inventory investment*) Peningkatan dalam nilai stok inventori yang dipegang oleh sektor perniagaan.

pelaburan kasar (*gross investment*) Lihat pelaburan.

pelaburan langsung (*direct investment*) Pelaburan yang pengurusan dan pengawalannya adalah di tangan pelabur asing. Pelaburan langsung melibatkan pengaliran masuk pelaburan benar seperti modal, teknologi, dan kepakaran. Pelaburan langsung biasanya dilakukan oleh perbadanan multinasional. *Sinonim* pelaburan langsung asing.

pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*) Lihat pelaburan langsung.

pelaburan negatif (*negative investment*) Keadaan apabila pelaburan kasar modal tetap dan inventori adalah lebih rendah daripada modal yang haus dalam satu tahun.

pelaburan portfolio (*portfolio investment*) Pelaburan dalam aset kewangan seperti ekuiti syarikat dan bon yang dilakukan oleh pemastautin dalam sesebuah negara. Pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai pelaburan portfolio ialah pelaburan dalam saham sebuah syarikat yang tidak melibatkan penguasaan kawalan terhadap syarikat berkenaan. *Lihat juga* modal jangka panjang.

pelaburan swasta (*private investment*) Lihat pelaburan.

pelaburan teraruh (*induced investment*) Pelaburan yang bertambah akibat perubahan pendapatan negara. Faktor yang menyebabkan berlakunya pelaburan teraruh ialah, antaranya laba pendapatan dan pertumbuhan penduduk yang mengakibatkan permintaan yang lebih besar terhadap barang dan perkhidmatan. Oleh itu, secara am, pelaburan ialah perbelanjaan bagi alatan tambahan untuk mengeluarkan kuantiti yang lebih banyak bagi barang atau perkhidmatan yang diberi. Pelaburan

pelan ekonomi

teraruh berbeza daripada pelaburan autonomi yang disebabkan oleh faktor bukan pendapatan.

pelan ekonomi (*economic plan*) Dokumen rasmi yang mengandungi perancangan tentang dasar ekonomi dan dasar pengagihan sumber untuk mencapai matlamat tertentu seperti pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pendapatan yang lebih setara.

pelan wilayah (*regional plan*) Pelan yang menunjukkan kedudukan dan peruntukan sesuatu kawasan untuk aktiviti pembangunan ekonomi seperti perusahaan, perumahan, perniagaan, aktiviti sosial, dan pentadbiran awam. Peruntukan dana dan pembahagian keluasan kawasan bagi aktiviti-aktiviti tersebut bergantung pada matlamat pembangunan wilayah.

pelancongan (*tourism*) Kegiatan melawat di dalam atau di luar negeri. Sektor pelancongan merupakan suatu butir penting dalam akaun pendapatan negara. Dalam akaun imbalan pembayaran, pelancongan merupakan butir tak nampak yang dikreditkan jika rakyat asing melancong ke negara ini kerana berlakunya aliran masuk wang asing.

pelarasan struktur (*structural adjustment*) Proses perubahan struktur pengeluaran dan guna tenaga dalam sesebuah negara kesan daripada perubahan suasana ekonomi dan perdagangan seperti perubahan daripada sebuah ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.

pelencogan perdagangan (*trade diversion*) Pemindahan pusat kegiatan pengeluaran sesuatu barang daripada negara yang mengeluarkan barang tersebut pada kos rendah kepada negara yang mengeluarkan barang yang sama pada kos tinggi. Pelencogan perdagangan boleh wujud apabila terdapat kesatuan kastam. Pengenaan tarif yang tinggi terhadap negara bukan ahli menyebabkan harga barang yang dahulunya diimport dengan murah menjadi lebih mahal apabila dikeluarkan oleh negara ahli kesatuan kastam.


pelepasan cukai dua kali (*double taxation relief*) Kelonggaran daripada membayar cukai dua kali bagi individu atau organisasi yang menerima pendapatan dari dalam dan luar negeri. Pada asasnya jika seorang individu atau sebuah organisasi telah membayar cukai terhadap pendapatan yang diterima daripada pelaburan luar negeri kepada negara berkenaan, individu atau organisasi tersebut dikecualikan daripada membayar cukai yang sama kepada kerajaan negerinya sendiri. Misalnya, syarikat Malaysia yang beroperasi di negara asing hanya membayar cukai pendapatan kepada negara berkenaan sahaja.

pelunasan (*amortisation*) Pelupusan hutang atau harta dengan menyetipkan dana untuk hutang atau harta tersebut sehingga hutang diselesaikan atau nilai harta diperolehi semula. Misalnya, bagi harta yang mengalami susutan nilai seperti jentera, sebahagian wang boleh diketipkan setiap tahun untuk dijadikan dana bagi mendapatkan semula sebahagian daripada modal jentera tersebut.

pemahaman kewangan (*monetarist*) Ahli ekonomi yang berpegang pada kepercayaan bahawa pergerakan penawaran wang adalah punca utama

yang menyebabkan naik turunnya aktiviti perdagangan dalam ekonomi. Pemaham kewangan juga percaya bahawa tanpa pengembangan penawaran wang yang berterusan, kadar inflasi tidak akan bertambah. Ia juga percaya bahawa campur tangan aktif kerajaan dalam ekonomi adalah tidak perlu. Pemaham kewangan telah membuktikan bahawa dalam jangka panjang dasar penstabilan gagal menurunkan kadar pengangguran supaya menjadi lebih rendah daripada kadar pengangguran semula jadi, dan langkah kerajaan mengekalkan kadar pengangguran yang lebih rendah daripada tingkat semula jadi akan hanya mempercepatkan inflasi.

pemaksimuman kebajikan sosial (*social welfare maximization*) Usaha ahli masyarakat untuk mencapai keluk puas sama sosial yang tertinggi berdasarkan jumlah utiliti sosial, seperti yang ditunjukkan oleh keluk kemungkinan utiliti. Kedudukan kebajikan sosial yang maksimum akan dicapai apabila keluk puas sama sosial tangen dengan keluk kemungkinan utiliti, seperti di Y dalam rajah di bawah. Pada titik Y, kebajikan sosial telah dimaksimumkan dengan A memperoleh utiliti sebanyak A', manakala B memperoleh sebanyak B'. Utiliti salah seorang mungkin melebihi utiliti seorang lagi pada titik Y, tetapi kedua-dua mencapai persetujuan pada titik ini kerana keadaan mereka lebih baik daripada keadaan pada titik-titik lain.



pemaksimuman untung (*profit maximization*) Usaha firma untuk menentukan mutu keluaran, output, dan harga yang boleh menghasilkan untung yang tertinggi. Pemaksimuman untung ialah satu andaian penting dalam pembentukan teori firma.

pemaksimuman untung bersama (*joint profit maximization*) Usaha sekumpulan syarikat, terutama syarikat oligopoli, untuk bekerjasama meletakkan harga yang boleh memberikan untung yang maksimum

pemaksimalan utiliti

kepada kumpulan itu. Pemaksimalan untung bersama boleh berlaku dalam bentuk formal seperti kartel, atau tidak formal seperti persetujuan tak bertulis antara syarikat.

pemaksimalan utiliti (*utility maximization*) Usaha pengguna untuk memaksimalkan utiliti atau kepuasan daripada penggunaan sekumpulan barang atau perkhidmatan. Utiliti maksimum ialah objektif yang diandaikan ingin dicapai oleh pengguna yang rasional daripada setiap ringgit yang dibelanjakan. Utiliti maksimum dicapai apabila nilai utiliti sut bagi setiap ringgit yang dibelanjakan terhadap suatu barang menyamai nilai utiliti sut bagi setiap ringgit akhir yang dibelanjakan terhadap barang lain. Utiliti maksimum tercapai apabila utiliti yang diperolehi daripada setiap ringgit yang dibelanjakan menyamai utiliti yang diperolehi terhadap barang lain.

pemasaran pertanian (*agricultural marketing*) Pemasaran keluaran pertanian daripada peringkat pengeluaran kepada pengguna terakhir. Pemasaran pertanian boleh dijalankan secara terus dan melibatkan peranan orang tengah yang memperoleh keuntungan pemasaran yang besar melalui kegiatan pengangkutan, pemprosesan, pembungkusan, dan pengedaran. Pengeluaran biasanya hanya mendapat bahagian yang kecil daripada harga keluaran.

pembahagian kerja (*division of labour*) Pengkhususan buruh dalam satu bahagian atau peringkat proses pengeluaran. Pembahagian kerja dapat menambahkan tingkat pengeluaran dan merupakan satu ciri ekonomi industri moden. Dalam pembahagian kerja secara besar-besaran, biasanya seorang atau sekumpulan pekerja membuat sejenis kerja di satu peringkat pengeluaran, manakala seorang atau sekumpulan pekerja lain membuat sejenis kerja yang lain di peringkat-peringkat berikutnya. Misalnya, dalam industri pemasangan kereta, terdapat sekumpulan pekerja membuat kerja tertentu pada setiap peringkat di barisan pemasangan. Antara kebaikan pembahagian kerja ialah kemahiran dan kecekapan pekerja bertambah kerana kekerapan membuat kerja yang sama, dan penjimatan masa kerana pekerja tidak melakukan pelbagai jenis kerja.

pembahagian pasaran (*market sharing*) Kaedah memasarkan barangan mengikut kawasan geografi dengan satu syarikat memasarkan barangan tersebut di satu kawasan, sementara syarikat lain memasarkan barangan yang sama di kawasan yang lain. Pembahagian pasaran bertujuan untuk mengurangkan persaingan sesama syarikat. Undang-undang biasanya melarang perjanjian rasmi untuk tujuan pembahagian pasaran. Bagaimanapun syarikat-syarikat masih boleh membuat persetujuan tidak rasmi atau membezakan barang keluaran mengikut kawasan geografi.

pembaharuan bandar (*urban renewal*) Tindakan memulihkan dan membangunkan semula kawasan bandar. Usaha ini melibatkan tindakan bersama kerajaan dan sektor swasta untuk membentuk semula struktur bandar bagi memenuhi permintaan pertumbuhan dan perubahan aktiviti penduduk bandar. Masalah utama yang sering dihadapi ialah terdapatnya kawasan setinggan yang wujud di pinggir bandar, dan bangunan lama

yang perlu diroboh dan dibina semula mengikut kehendak semasa, dan juga masalah penempatan dan penyusunan semula infrastruktur. Pembaharuan bandar merupakan program yang memerlukan perancangan yang teliti dan komprehensif untuk memenuhi keperluan moden penduduk bandar.

pembaikan Pareto (*Pareto improvement*) Keadaan sebahagian daripada masyarakat yang bertambah baik tanpa memburukkan keadaan sebahagian masyarakat yang lain. *Lihat juga* optimum Pareto.

pembandaran (*urbanization*) Proses menjadikan suatu kawasan bandar melalui perubahan dan/atau pertumbuhan demografi dan ekonomi. Pembandaran berlaku akibat perpindahan penduduk dari luar bandar, dan perubahan ekonomi daripada yang berasaskan pertanian kepada yang berasaskan perindustrian.

pembangunan (*development*) Proses peningkatan kualiti kehidupan, termasuk penambahan dalam tingkat pendapatan dan penggunaan, taraf pemakanan, kesihatan, pelajaran, suasana yang sesuai untuk peningkatan harga diri, serta peningkatan dalam kebebasan untuk memilih bagi semua penduduk sesebuah negara.

pembangunan ekonomi (*economic development*) Proses peningkatan taraf hidup sesebuah masyarakat atau negara menerusi peningkatan dalam tingkat pendapatan, penggunaan untuk makanan, kesihatan, perumahan, pendidikan, serta peningkatan dalam pelbagai alternatif barang dan sumber pendapatan masyarakat tersebut.

pembangunan tenaga manusia (*manpower development*) Peningkatan kualiti tenaga manusia melalui latihan dan pelajaran untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi. *Lihat juga* perancangan tenaga manusia.

pembangunan wilayah (*regional development*) Usaha pembangunan kebajikan dan kebendaan di sesuatu wilayah, terutama usaha untuk menambahkan output, mengubah penyusunan teknik dan penyusunan institusi ekonomi dan sosial, supaya matlamat pembangunan dapat dicapai. Pembangunan ekonomi berlaku apabila suatu wilayah mengalami pertumbuhan output, pertambahan guna tenaga, peningkatan taraf hidup dan taraf kesihatan, dan pengurangan kadar buta huruf.

pembentukan isi rumah (*household formation*) Pertambahan bersih tahunan dalam bilangan isi rumah. Anggaran bagi pembentukan isi rumah pada masa hadapan selalunya dibuat dan digunakan untuk meramalkan permintaan terhadap rumah-rumah baru di samping potensi jualan barang pengguna terutama barang tahan lama.

pemberhentian kerja sementara (*temporary layoff*) Keadaan apabila majikan memberhentikan pekerja kerana syarikat terpaksa mengurangkan pekerja sejajar dengan keperluan pekerjaan syarikat. Pekerja dijanjikan diambil bekerja semula apabila keadaan firma bertambah baik. Pemberhentian kerja sementara biasanya bertambah pada masa

pemberi sewa

kemelesetan ekonomi apabila aktiviti syarikat berkurangan, dan berkurang apabila keadaan ekonomi semakin pulih.

pemberi sewa (*renter*) Pemilik barang sewa, sama ada barang tahan lama seperti televisyen, peti sejuk, komputer, atau barang tidak boleh pindah seperti bangunan, bilik pejabat, rumah, dan tanah. Pemberi sewa mendapat bayaran daripada perkhidmatan yang diberikan oleh barang yang dimiliki. Pemberi sewa merupakan penerima pendapatan yang tidak aktif kerana tidak menyertai secara aktif aktiviti pengeluaran dan pengurusan, dan pendapatan yang diterima ialah hasil daripada aktiviti ekonomi yang dilakukan dahulu dan tidak berterusan.

pembezaan harga (*price differential*) Keadaan apabila harga sesuatu barang berbeza-beza akibat kos pengeluaran yang berbeza-beza. *Lihat juga* diskriminasi harga.

pembezaan keluaran (*product differentiation*) Keadaan apabila sesuatu barang dibeza-bezakan dari segi reka bentuk, jenama, cara membungkus, atau cara keluaran tersebut diiklankan. Pembezaan keluaran merupakan satu bentuk persaingan bukan harga yang biasanya wujud dalam pasaran oligopoli dan monopoli.

pembiayaan awam (*public finance*) Subbidang ekonomi yang berkaitan dengan hasil dan perbelanjaan kerajaan yang meliputi pengutipan hasil cukai dan penggunaan serta pengagihan perbelanjaan kerajaan. Pembiayaan awam memberi tumpuan terhadap hal-hal yang bersangkutan dengan percukaian dan proses belanjawan.

pembiayaan defisit (*deficit financing*) Keadaan apabila kerajaan berbelanja lebih daripada hasil yang diperolehi. Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa perbelanjaan kerajaan seharusnya sama dengan hasil yang dipungut, kebanyakan negara sekarang mengamalkan pembiayaan defisit termasuk Malaysia.

pemboleh ubah (*variable*) Sesuatu yang boleh mengambil pelbagai nilai. Pemboleh ubah yang sering digunakan dalam ilmu ekonomi ialah harga, untung, perbelanjaan penggunaan swasta, pelaburan awam, eksport, dan keluaran negara kasar. Oleh sebab pemboleh ubah mempunyai nilai yang boleh berubah-ubah, maka ia dinyatakan dalam bentuk simbol, dan bukannya dalam bentuk angka. Misalnya, pemboleh ubah harga ditandakan sebagai P, kos sebagai C, pendapatan negara sebagai Y, dan stok wang sebagai M. *Sinonim* variabel.

pemboleh ubah aliran (*flow variable*) Pemboleh ubah yang nilainya boleh ditaksirkan dalam satu tempoh masa, misalnya, satu tahun. Contoh pemboleh ubah aliran ialah keluaran negara kasar, penggunaan agregat, dan tabungan negara kasar.

pemboleh ubah autonomi (*autonomous variable*) Pemboleh ubah yang nilainya tidak ditentukan oleh model ekonomi. Perubahan pemboleh ubah autonomi tidak dapat diramalkan daripada korelasinya dengan aktiviti ekonomi, dan pemboleh ubah ini juga tidak mudah berubah

dalam jangka pendek. Misalnya, perbelanjaan pelaburan.

pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) Pemboleh ubah yang nilainya bergantung pada nilai pemboleh ubah lain. Misalnya, Y ialah satu pemboleh ubah bersandar jika Y mempunyai kaitan dengan satu pemboleh ubah lain, X, dan kaitan itu berbentuk sedemikian rupa sehingga nilai X menentukan nilai Y. Hubungan antara pemboleh ubah bersandar, Y, dan X boleh ditulis dalam bentuk fungsi. Misalnya $Y = 10 + 2X$, yang memberi gambaran bahawa Y bersandar kepada X, iaitu apabila diketahui nilai $X = 2$, maka akan diketahui nilai Y, iaitu 14.

pemboleh ubah bukan ekonomi (*noneconomic variable*) Lihat faktor bukan ekonomi.

pemboleh ubah dami (*dummy variable*) Pemboleh ubah yang sengaja diwujudkan untuk menggambarkan faktor-faktor yang tidak boleh diukur dalam model ekonometrik. Pemboleh ubah dami diandaikan mempunyai dua nilai sahaja, iaitu 1 dan 0. Nilai 1 digunakan untuk menggambarkan terdapatnya faktor tersebut dan nilai 0 digunakan untuk menggambarkan ketiadaan faktor tersebut. Misalnya, untuk mengambil kira faktor jantina dalam sesuatu model, pembina model ekonomi menggunakan angka 1 yang dipadankan dengan data untuk pekerja lelaki dan angka 0 yang dipadankan dengan data untuk pekerja perempuan. Pemboleh ubah dami juga boleh digunakan untuk menggambarkan keadaan semasa aman atau perang, dan juga untuk membahagikan sampel kepada dua bahagian.

pemboleh ubah dasar (*policy variable*) Lihat alat dasar.

pemboleh ubah ekonomi (*economic variable*) Pemboleh ubah yang menjadi ukuran kepada kegiatan ekonomi. Misalnya, pendapatan, penggunaan, dan harga.

pemboleh ubah rambang (*random variable*) Pemboleh ubah yang boleh mengambil sebarang nombor yang berlainan nilai tanpa mengira magnitud. Setiap pemboleh ubah rambang mempunyai kebarangkalian tertentu. *Sinonim* pemboleh ubah stokastik.

pemboleh ubah stok (*stock variable*) Pemboleh ubah yang nilainya dinyatakan pada suatu titik masa seperti jumlah barang stok jualan pada 31 Disember 1992. Pemboleh ubah ini tidak mempunyai dimensi masa, iaitu nilainya tidak dikira dalam suatu tempoh seperti dari 1 Januari hingga 31 Disember. Misalnya, bekalan wang, kadar bunga, dan tingkat harga. *Lihat juga* pemboleh ubah aliran.

pemboleh ubah stokastik (*stochastic variable*) *Lihat* pemboleh ubah rambang.

pemboleh ubah tak bersandar (*independent variable*) Pemboleh ubah yang tidak dipengaruhi oleh faktor atau pemboleh ubah lain. Nilai pemboleh ubah ini ditentukan oleh pembuat dasar, atau faktor yang di luar kawalan sesuatu sistem. Contoh pemboleh ubah tak bersandar dalam teori penentuan pendapatan negara ialah perbelanjaan kerajaan dan nilai eksport.

pemboleh ubah teraruh (*induced variable*) Pemboleh ubah yang nilainya

pembubaran

bergantung sepenuhnya pada nilai pemboleh ubah lain. Pergerakan pemboleh ubah ini boleh diramal daripada pertalian korelasi dengan aktiviti perniagaan. Dalam jangka masa pendek suatu pemboleh ubah teraruh berubah dengan bebas. Misalnya, perubahan dalam perbelanjaan penggunaan teraruh bergantung pada perubahan dalam pendapatan dan faktor-faktor lain. Bahagian perbelanjaan yang bergantung pada pendapatan ialah pemboleh ubah teraruh, manakala bahagian penggunaan yang tidak disebabkan oleh perubahan pendapatan ialah pemboleh ubah autonomi.

pembubaran (*liquidation*) Proses pembatalan sesebuah syarikat berhad, biasanya kerana syarikat tersebut gagal membayar hutang. Syarikat yang dibubarkan biasanya diletakkan di bawah syarikat penanggung yang bertanggungjawab mengumpul aset syarikat berkenaan untuk membayar hutang dan membahagikan baki aset, sekiranya ada, kepada pemegang saham. Sekiranya tidak mampu membayar, syarikat tersebut dianggap bankrap. Pembubaran boleh berlaku secara sukarela atau atas perintah mahkamah.

pemegang amanah (*trustee*) Seseorang atau perbadanan yang diberi tanggungjawab mengurus dan mengawal harta bagi pihak waris atau pihak yang berhak. Misalnya, Pemegang Amanah Raya.

pemfaktoran (*factoring*) Kaedah mengambil alih risiko hutang yang belum dibayar oleh institusi kewangan dengan mengenakan bayaran perkhidmatan tertentu. Institusi kewangan ini akan mendapatkan balik hutang dan menanggung hutang sekiranya tidak dibayar balik. Institusi-institusi kewangan yang khusus mengendalikan pemfaktoran dikenali sebagai syarikat pemfaktoran.

pemilikan (*ownership*) Hak dari segi perundangan yang memberikan seseorang kuasa kepunyaan terhadap sesuatu harta. Pemilik harta tidak semestinya menggunakan harta itu kerana pemilik tersebut boleh memberikan hak mengguna kepada orang lain dengan mengenakan bayaran tertentu.

pemilikan awam (*public ownership*) Pemilikan, pengendalian, dan pengawalan perusahaan-perusahaan oleh kerajaan atau perbadanan awam. Misalnya, MARA, UDA, dan PERNAS.

pemiliknegeraan (*nationalization*) Proses memindahkan hak milik dan pengurusan suatu firma atau industri swasta ke bawah kawalan kerajaan. *Sinonim* penghaknegeraan.

pemiutang (*creditor*) Orang perseorangan atau syarikat yang meminjamkan aset kewangan.

pemodenan (*modernization*) Proses transformasi sosial apabila suatu masyarakat mengalami proses pembedaan atau peningkatan teknologi secara menyeluruh, dan mengubah sikap, nilai, dan institusi, kepada yang lebih bersesuaian untuk pembangunan ekonomi. Pemodenan sering juga dikaitkan dengan perindustrian.

pempelbagaian (*diversification*) Proses memperluas skop keluaran atau sektor supaya firma atau ekonomi tidak bergantung pada satu atau beberapa bilangan kecil keluaran atau sektor sahaja. Misalnya, sebelum tahun 1960-an, Malaysia terlalu bergantung pada getah dan timah, tetapi selepas itu kerajaan telah menggalakkan pemelbagaian ekonomi dengan menggalakkan penanaman kelapa sawit dan koko.

pemulauan (*boycott*) Tindakan secara kolektif tidak mahu terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah firma atau penggunaan sesuatu barang.

pemulihan (*recovery*) Keadaan ekonomi yang secara keseluruhannya mengalami pertambahan dalam aktiviti ekonomi setelah melalui kemerosotan atau kemelesetan. Ekonomi dianggap berada dalam keadaan pemulihan sehingga ekonomi tersebut mencapai tingkat pertumbuhan yang sekurang-kurangnya sama seperti sebelum berlakunya kemerosotan atau kemelesetan. Kadar pemulihan ekonomi umumnya bergantung pada keadaan kemerosotan atau kemelesetan. Antara tanda pemulihan ialah pertambahan dalam penempahan atau pembelian barang tahan lama, kontrak industri dan bangunan perniagaan, jam kerja, dan untung perniagaan.

pemuliharaan (*conservation*) Tindakan memelihara persekitaran dan mengawal jumlah serta kaedah pengeluaran sumber, seperti laut, hutan, dan tanah supaya sumber tersebut berupaya mengekalkan daya pengeluarannya.

pemuliharaan tanah (*soil conservation*) Tindakan memelihara dan meminimumkan kadar hakisan tanah yang bertujuan mempertahankan daya pengeluaran tanah. Pemuliharaan tanah semakin penting kerana pertambahan penduduk menyebabkan perkembangan yang pesat dalam penggunaan tanah untuk pengeluaran pertanian dan pembukaan tanah baru untuk sektor perumahan dan perindustrian, dan terdapatnya gangguan semula jadi terhadap tanah-tanah.

penangguhan cukai pendapatan (*withholding of income tax*) Tindakan majikan menangguh penyerahan bayaran cukai pendapatan kepada kerajaan walaupun pemotongan untuk cukai telah dibuat semasa pembayaran gaji dan upah. Kutipan cukai yang dikumpul akan disimpan dahulu oleh majikan. Kebaikan penangguhan cukai pendapatan ialah pembayaran cukai kepada kerajaan dapat disegerakan apabila tiba masa penyerahan, dan pekerja tidak perlu bersusah payah menyimpan sendiri untuk membayar cukai. Walau bagaimanapun, penangguhan cukai pendapatan menambahkan kerja perkeranian sesebuah syarikat.

penarikan balik (*repossession*) Pengambilan semula suatu barang milik perseorangan oleh penjual tanpa melalui proses mahkamah dan tanpa menyalahi undang-undang. Penarikan balik ini dianggap sah dari segi undang-undang kerana syarat penarikan balik tertulis dalam kontrak jual beli. Antara syarat penarikan balik yang penting ialah pembeli bersetuju agar barang yang dibeli dibenarkan dirampas secara aman jika pembeli

penawaran

tersebut gagal membayar hutang dalam tempoh tertentu mengikut syarat yang ditentukan. Biasanya syarat penarikan balik dikenakan terhadap penjualan barang tahan lama seperti kenderaan, televisyen, peti sejuk, dan perabot.

penawaran (*supply*) Keinginan dan keupayaan pengeluar mengeluarkan atau menjual sesuatu keluaran pada suatu tingkat harga tertentu dengan dipengaruhi oleh harga alternatif dan kos pengeluaran. Keupayaan mengeluarkan barang bergantung pada tahap teknologi, iklim, dan peruntukan undang-undang.

penawaran anjal (*elastic supply*) Keadaan apabila kuantiti yang ditawarkan berubah pada kadar yang lebih besar daripada perubahan harga. Sekiranya perubahan dalam kuantiti yang ditawarkan terlalu besar (tidak terhad) akibat perubahan harga yang kecil, maka penawaran adalah anjal sempurna. *Lihat juga* keanjalan penawaran.

penawaran anjal sempurna (*perfectly elastic supply*) *Lihat* penawaran anjal.

penawaran bersama (*joint supply*) Penawaran dua barang atau lebih secara serentak. Perubahan dalam penawaran satu barang akan membawa perubahan yang sama kepada penawaran barang yang satu lagi. Barang-barang yang mempunyai penawaran bersama biasanya merupakan barang keluaran bersama seperti daging dan belulang, minyak dan isirung kelapa sawit. Apabila berlaku perubahan dalam permintaan yang menyebabkan harga salah satu daripada barang itu meningkat, maka harga barang yang satu lagi cenderung untuk jatuh.

penawaran buruh (*labour supply*) 1. Jumlah tenaga buruh, iaitu bilangan penduduk lelaki dan perempuan yang dianggap aktif dari segi ekonomi. 2. Jumlah khidmat buruh, iaitu bilangan jam perkhidmatan semua tenaga buruh yang ingin dibekalkan atau ditawarkan dalam ekonomi. Penawaran khidmat buruh berubah mengikut bilangan tenaga buruh dan bilangan jam bekerja. Faktor-faktor yang mempengaruhi penawaran buruh ialah bilangan penduduk, umur persekolahan, purata umur bersara, purata jam bekerja dalam setahun, dan tradisi seperti sikap masyarakat terhadap wanita yang bekerja.

penawaran jangka panjang (*long-run supply*) Tingkat pengeluaran optimum yang boleh dikeluarkan oleh firma atau industri pada setiap tingkat harga tertentu apabila firma atau industri tersebut boleh mengubah penggunaan semua input. Keluk penawaran jangka panjang industri diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar semua keluk penawaran jangka panjang firma-firma dalam industri.

penawaran masa kerja (*supply of effort*) Penawaran jumlah jam kerja penduduk sesebuah negara. Penawaran masa kerja bergantung pada saiz penduduk, peratusan penduduk yang ingin bekerja, dan bilangan jam kerja setiap individu. *Sinonim* jumlah penawaran buruh.

penawaran pasaran (*market supply*) Jumlah penawaran oleh semua firma dalam industri. Misalnya, penawaran pasaran getah ialah jumlah keluaran

getah oleh estet dan kebun kecil yang ditawarkan di pasaran. *Lihat juga* keluk penawaran pasaran.

penawaran tak anjal (*inelastic supply*) Keadaan apabila kadar perubahan dalam kuantiti barang yang dikeluarkan adalah lebih kecil daripada kadar perubahan harga. Apabila kuantiti yang dikeluarkan tidak berubah langsung walaupun terdapat perubahan dalam harga, keadaan ini disebut tak anjal sempurna. Penawaran tak anjal sempurna digambarkan oleh keluk penawaran yang berbentuk menegak.

penawaran tak anjal sempurna (*perfectly inelastic supply*) *Lihat* penawaran tak anjal.

penawaran wang (*money supply*) Jumlah wang yang dibekalkan dalam ekonomi. Penawaran wang yang ditakrif secara sempit, M1, terdiri daripada jumlah wang tunai dalam edaran, deposit akaun semasa, dan sijil deposit boleh niaga. Penawaran wang yang ditakrif secara lebih luas, M2, merupakan hasil tambah M1, deposit akaun simpanan, akaun tetap di bank perdagangan, dan semua deposit dalam institusi kewangan yang lain. *Sinonim* stok wang.

penbatasan (*rationing*) Kaedah menentukan siapa dan berapa banyak barang dapat diterima oleh seseorang atau sesebuah keluarga. Penbatasan dibuat apabila terdapat kekurangan barang.

penbatasan barang-barang (*rationing of goods*) Kaedah memperuntukkan barang apabila tiada keseimbangan antara penawaran dan permintaan pada harga keseimbangan atau harga yang ditetapkan. Biasanya dasar penbatasan barang-barang dikuatkuasakan apabila terdapat lebih permintaan pada harga maksimum, seperti semasa peperangan untuk menghadkan kuantiti yang dibeli oleh pengguna. Penbatasan barang-barang dapat mengagihkan barang dengan sama rata antara penduduk, dan mencegah inflasi dan pasaran gelap. Kupon digunakan semasa penbatasan dilaksanakan.

penbatasan pertukaran asing (*rationing of foreign exchange*) Kaedah pengawalan pertukaran asing yang berkehendakkan semua pemegang pertukaran asing menyerahkan semua mata wang asing yang mereka miliki untuk ditukarkan dengan mata wang tempatan pada suatu kadar pertukaran asing yang ditentukan. Setelah semua mata wang asing itu dikumpulkan, kerajaan akan memperuntukkan semula mata wang asing itu kepada pengimport yang memajukan aktiviti dan urusan niaga yang digalakkan, dengan kadar yang berbeza mengikut kepentingan aktiviti itu kepada ekonomi negara. Kerajaan juga berkuasa untuk menyekat secara langsung peruntukan mata wang asing kepada pengimport yang menjalankan aktiviti yang membahayakan keselamatan negara.

penciptaan wang (*money creation*) Pertambahan dalam penawaran wang yang berlaku melalui penciptaan deposit akaun semasa dalam sistem bank. Sebahagian daripada deposit akaun semasa yang diterima oleh bank daripada orang ramai boleh dipinjamkan dalam bentuk cek yang

pencukaaian langsung

akan didepositkan dalam mana-mana bank. Kebolehan sistem bank mencipta wang bergantung pada nisbah cadangan wajib. Misalnya, jika orang ramai mendepositkan RM100 dalam akaun semasa di sebuah bank dan nisbah cadangan wajib ialah 10%, maka jumlah yang bank boleh pinjamkan ialah RM90. Seterusnya jika jumlah RM90 tersebut didepositkan di bank lain, maka bank itu boleh memberi pinjaman sebanyak RM81, dan RM9 disimpan sebagai cadangan bank. Proses ini berterusan dan wang yang tercipta ialah $RM100 + RM90 + RM81 + \dots$, iaitu 10 kali ganda deposit yang asal. Jika nisbah cadangan wajib ialah 20%, maka wang yang tercipta ialah $RM100 + RM80 + RM64 + \dots$, iaitu lima kali ganda. Bocoran daripada gandaan wang yang tercipta oleh sistem bank boleh berlaku apabila peminjam tidak mendepositkan pinjaman mereka ke dalam akaun semasa, tetapi memegang wang tunai dalam tangan, atau menyimpannya dalam akaun simpanan atau akaun tetap.

pencukaaian langsung (*direct taxation*) Cukai yang dikenakan secara langsung terhadap pendapatan, bukan melalui pengenaan cukai jualan atau cukai belian. Misalnya, cukai pendapatan yang dikenakan secara langsung terhadap pendapatan seseorang atau cukai syarikat yang dikenakan terhadap sesebuah syarikat. Pencukaaian langsung merupakan alat yang lebih berkesan untuk menyamaratakan agihan pendapatan, berbanding dengan pencukaaian terhadap barang penggunaan. *Lihat juga* cukai pendapatan, cukai syarikat.

pendahuluan bank (*bank advances*) Kredit kepada pelanggan bank dalam bentuk pinjaman atau overdraf yang biasanya diperlukan sebagai modal pusingan atau keperluan segera. Pendahuluan bank mesti dibayar dalam jangka masa yang ditetapkan pada kadar bunga tertentu.

pendanaan semula (*refunding*) Kaedah pembiayaan semula bagi suatu aktiviti perniagaan perbadanan dengan mengeluarkan bon baru untuk menebus bon lama yang masih belum matang. Tujuan pendanaan semula adalah untuk melanjutkan tempoh kematangan supaya perbadanan dapat mengatasi masalah kewangan yang sedang dihadapi. Biasanya pendanaan semula melibatkan bon belum tebus yang tidak lama lagi akan mencapai kematangan di samping penerimaan jualan bon-bon baru. Kadangkala pendanaan semula juga melibatkan pertukaran langsung bon lama kepada bon baru. Oleh itu, mengikut kaedah ini bon lama mungkin dibayar balik sepenuhnya atau sebahagian sahaja, dan berlaku pada atau sebelum bon lama mencapai kematangan. Pendanaan semula dilakukan apabila keadaan pasaran membolehkan pembayaran bunga yang lebih rendah terhadap bon baru berbanding dengan bon lama, untuk memanjangkan tempoh hutang jangka pendek dan untuk menghapuskan bon-bon lama yang mengandungi syarat-syarat pembayaran balik yang tidak memuaskan.

pendapatan benar (*real income*) Pendapatan yang bukan diukur dalam bentuk nilai wang tetapi dalam bentuk barang dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan wang tersebut. Pendapatan benar merupakan kuasa

beli bagi pendapatan seseorang individu atau sesebuah negara. Pendapatan benar boleh dikira sebagai nisbah dan peratusan pendapatan wang terhadap indeks harga. Misalnya, jika pendapatan wang ialah RM2605 dan indeks harga ialah 111.5, maka pendapatan benar ialah RM2336. Pendapatan benar akan meningkat apabila pendapatan wang meningkat atau indeks harga turun, dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, pendapatan benar tidak berubah jika pendapatan wang dan indeks harga pengguna berubah dengan hala dan kadar yang sama.

pendapatan bersih (*net income*) Pendapatan seseorang setelah ditolak cukai pendapatan, atau pendapatan syarikat setelah ditolak semua perbelanjaan operasi syarikat tersebut.

pendapatan boleh cukai (*taxable income*) Jumlah pendapatan yang layak dikenakan cukai, iaitu pendapatan kasar tolak elaun saraan dan pelepasan yang dibenarkan.

pendapatan boleh guna (*disposable income*) Jumlah pendapatan perseorangan ditolak cukai pendapatan. Dalam perakaunan pendapatan negara, pendapatan boleh guna ialah pendapatan negara, iaitu keluaran negara kasar tolak cukai langsung.

pendapatan boleh guna perseorangan (*personal disposable income*) Lihat pendapatan boleh guna.

pendapatan buruh (*labour income*) Pendapatan atau upah yang diperoleh daripada khidmat buruh. Pendapatan buruh berbeza daripada pendapatan harta benda yang merupakan pendapatan yang diperoleh daripada pulangan terhadap aset.

pendapatan kerajaan (*government income*) Lihat hasil 1.

pendapatan negara (*national income*) Jumlah semua pendapatan, iaitu upah, sewa, bayaran bunga, dan untung yang diterima oleh faktor pengeluaran milik pemastautin sesebuah negara dalam satu jangka masa, biasanya satu tahun, atau jumlah pendapatan yang diterima oleh pemastautin sesebuah negara yang berpunca daripada pengeluaran semua barang dan perkhidmatan negara tersebut. Pendapatan negara bersih ialah pendapatan negara kasar tolak susut nilai dan cukai tak langsung.

pendapatan perseorangan (*personal income*) Jumlah pendapatan yang sebenarnya diterima oleh isi rumah dalam sesebuah negara. Pendapatan perseorangan adalah sama dengan pendapatan negara tolak untung korporat yang tidak dibahagikan, cukai korporat dan caruman kepada kumpulan wang simpanan pekerja atau tabung keselamatan sosial lain, dan ditambah dengan bayaran pindahan.

pendapatan pindahan (*transfer income*) Pendapatan yang diterima pada satu tempoh tanpa membuat sebarang perkhidmatan pengeluaran. Misalnya, pencen pesara, subsidi, atau pemberian persendirian. Oleh sebab pendapatan pindahan diperoleh tanpa menjalankan aktiviti yang produktif, maka pendapatan ini tidak boleh dimasukkan dalam pengiraan pendapatan negara.

pendapatan sementara

pendapatan sementara (*transitory income*) Pendapatan yang jumlahnya tidak menentu yang diterima oleh individu pada masa-masa tertentu. Misalnya, laba modal yang diperoleh daripada kenaikan harga saham. Pendapatan sementara ialah perbezaan antara pendapatan terukur dengan pendapatan tetap. Pendapatan ini adalah positif apabila pendapatan terukur melebihi pendapatan tetap, dan sebaliknya.

pendapatan terukur (*measured income*) Pendapatan sebenar yang diterima oleh individu pada satu tempoh.

pendapatan tetap (*permanent income*) Pendapatan yang dijangka diterima oleh individu daripada kerja biasanya dan kekayaan sepanjang hayat individu tersebut. *Lihat juga* hipotesis pendapatan tetap.

pendapatan wang (*money income*) Jumlah semua pendapatan yang diterima oleh isi rumah atau firma, termasuk yang diterima dalam bentuk barang atau perkhidmatan, yang dinilai dalam unit mata wang.

pendeflasi harga keluaran negara kasar (*GNP price deflator*) *Lihat* pendeplasi keluaran negara kasar.

pendeflasi keluaran negara kasar (*GNP deflator*) Indeks yang mengukur perubahan harga kesemua barang akhir dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah ekonomi. Pendeplasi keluaran negara kasar dikira dengan membahagikan keluaran negara kasar nominal (keluaran negara kasar pada harga semasa) dengan keluaran negara kasar pada harga tahun asas. *Sinonim* pendeplasi harga keluaran negara kasar, pendeplasi keluaran negara kasar tersirat.

pendeflasi keluaran negara kasar tersirat (*implicit GNP deflator*) *Lihat* pendeplasi keluaran negara kasar.

pendekatan daya pengeluaran buruh (*labour productivity approach*) Kaedah mengukur buruh yang berlebihan dengan mengambil kira daya pengeluaran sut buruh. Kaedah ini berpandukan konsep asas bahawa daya pengeluaran sut buruh seharusnya sama dengan kadar upah. Secara praktiknya daya pengeluaran sut faktor pengeluaran dikira dengan terlebih dahulu menganggarkan fungsi pengeluaran. Anggaran koefisien daya pengeluaran sut buruh itu kemudiannya dibandingkan dengan satu nilai piawai tertentu, biasanya kadar upah. Formulanya ialah:

$$S_A = LF_A - R_i$$

apabila S_A = purata tahunan buruh lebihan sektor A,

LF_A = tenaga buruh dalam sektor A,

R_i = bilangan buruh yang diperlukan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi, dan

i = 1, 2, ..., k yang terdapat dalam sektor A.

Dalam pengiraan sebenar, faktor musim juga diambil kira.

penduduk berlebihan (*overpopulation*) Keadaan apabila bilangan penduduk sesebuah negara melebihi bilangan penduduk optimum.

penduduk berumur (*ageing population*) Keadaan apabila sesebuah

masyarakat mempunyai ramai jumlah penduduk yang berumur lebih daripada 60 tahun. Penduduk berumur kian meningkat di kebanyakan negara kerana berlakunya kejatuhan dalam kadar kelahiran dan peningkatan dalam jangkaan hidup. Pertambahan dalam jumlah penduduk berumur bererti keperluan untuk kebajikan dan penjagaan orang-orang tua turut meningkat.

penduduk optimum (*optimum population*) Bilangan penduduk sesebuah negara yang boleh membekalkan tenaga buruh yang apabila digabungkan dengan faktor pengeluaran lain, boleh mengeluarkan output yang maksimum bagi setiap pekerja. Oleh itu, jumlah penduduk yang ramai tidak bererti sesebuah negara itu mengalami penduduk berlebihan, kecuali jika bilangan penduduk terlalu ramai sehingga tidak boleh digabungkan dengan faktor pengeluaran lain secara cekap. Penduduk berlebihan berlaku apabila jumlah penduduk melebihi penduduk optimum, manakala kekurangan penduduk terjadi apabila perkara sebaliknya berlaku.

penebusan (*redemption*) Penukaran bon kepada tunai yang boleh dibuat semasa atau sebelum kematangan sesuatu bon. Penebusan bagi bon yang sudah matang dibuat melalui pemegang amanah yang kemudiannya membayar kepada pemegang bon secara tunai apabila sijil bon diserahkan. Penebusan bagi bon yang belum matang hanya dibuat apabila sesebuah perbadanan mempunyai banyak tunai dan ingin mengurangkan obligasi tetap dan kos bunga. Penebusan bagi bon belum matang yang belum matang perlu dibuat melalui indentur yang mengandungi peruntukan panggilan iaitu perbadanan dibenarkan menebus bon belum matang tersebut, dengan syarat ketetapan tertentu dipenuhi.

penentuan harga beban masa puncak (*peak-load pricing*) Kaedah meletakkan harga yang lebih tinggi pada masa-masa tertentu apabila permintaan adalah tinggi. Penentuan harga beban masa puncak biasanya bertujuan mengurangkan penggunaan sesuatu barang apabila permintaan adalah tinggi. Misalnya, perkhidmatan telefon yang mengenakan bayaran yang lebih tinggi untuk panggilan telefon pada waktu siang, dan mengenakan kadar yang lebih rendah untuk panggilan pada waktu malam apabila penggunaan adalah kurang.

penentuan harga berbilang bahagian (*multi-part pricing*) Kaedah meletakkan harga dengan membezakan harga sesuatu barang atau perkhidmatan mengikut kategori pengguna atau jumlah kegunaan. Penentuan harga berbilang bahagian biasanya diamalkan dalam industri utiliti awam. Misalnya, kadar bayaran elektrik bagi penggunaan rumah adalah berbeza daripada kadar yang dikenakan bagi penggunaan industri.

penentuan harga kos sut (*marginal cost pricing*) Kaedah meletakkan harga sesuatu barang supaya sama dengan kos sut untuk mengeluarkan barang tersebut. Penentuan harga kos sut berasaskan prinsip bahawa sebuah firma yang cekap akan mencapai untung maksimum apabila hasil sut sama dengan kos sut. Sebuah masyarakat boleh mencapai tahap kecekapan

penentuan harga tokok

yang tinggi dengan mengeluarkan suatu barang untuk faedah masyarakat tersebut apabila faedah sosial sut adalah sama dengan kos sosial sut. Pengeluaran barang-barang awam seperti elektrik dan air boleh memaksimumkan faedah sosial jika harga ditentukan supaya sama dengan kos sosial sut setiap barang tersebut.

penentuan harga tokok (*mark-up pricing*) Kaedah meletakkan harga komoditi keluaran oleh syarikat berdasarkan satu kadar keuntungan yang ingin diperolehi. Misalnya, jika kos mengeluarkan satu komoditi ialah RM1.00 dan syarikat ingin memperoleh kadar keuntungan sebanyak 40%, maka harga yang ditetapkan ialah RM1.40. Jumlah sebanyak RM0.40 tersebut dipanggil harga tokok. Penentuan harga tokok biasanya diamalkan oleh syarikat atau firma dalam industri bukan persaingan sempurna apabila syarikat atau firma tersebut mempunyai kuasa dalam penentuan harga.

penentuan upah (*wage determination*) Proses menentukan tingkat upah keseimbangan dalam pasaran buruh. Faktor yang menentukan tingkat upah keseimbangan ialah bentuk dan saiz pasaran buruh yang digambarkan oleh keadaan penawaran dan permintaan buruh. Penentuan upah juga bergantung pada:

- i) keanjalan permintaan barang yang dikeluarkan,
- ii) keanjalan permintaan buruh,
- iii) peratusan kos upah berbanding dengan jumlah kos pengeluaran keseluruhan,
- iv) peratusan pekerja yang menjadi ahli kesatuan sekerja, dan
- v) keadaan guna tenaga dalam ekonomi.

penerimaan (*acceptance*) Perakuan oleh pemberi hutang bahawa pembayaran telah dibuat terhadap bil pertukaran. Penerimaan biasanya dibuat dalam bentuk bil penerimaan.

penerimaan bank (*bank acceptance*) Lihat bil bank.

penerima harga (*price taker*) Firma dalam pasaran persaingan sempurna yang secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga dan dengan itu menerima sahaja harga yang wujud di pasaran. Dalam pasaran output, penerima harga tidak dapat mempengaruhi harga barang yang dijual, sementara dalam pasaran input, pembelian input dibeli oleh penerima harga yang bilangan mereka tidak cukup untuk mempengaruhi harga input berkenaan.

penetapan harga (*price fixing*) 1. Perjanjian atau pakatan tidak rasmi antara firma dalam satu industri untuk menetapkan harga keluaran firma pada satu tingkat yang lebih menguntungkan daripada harga yang ditentukan secara persaingan. 2. Penentuan harga oleh pihak tertentu, biasanya firma monopoli atau kerajaan, berdasarkan ketentuan pihak itu sendiri dan bukannya oleh tindak balas bebas kuasa pasaran.

pengagihan harta (*distribution of property*) Proses bagaimana harta dibahagikan di kalangan individu atau isi rumah dalam sesebuah

masyarakat. Pengagihan harta bertujuan mengurangkan perbezaan sosial yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Ketaksamaan dalam pengagihan harta boleh mempengaruhi ketaksamaan dalam pengagihan pendapatan, kerana harta boleh menghasilkan pendapatan dalam bentuk sewa dan harga. Satu cara untuk mengurangkan ketidaksetaraan pengagihan harta adalah dengan mengenakan cukai yang tinggi dan progresif terhadap golongan yang memiliki harta mewah yang banyak.

pengambilalihan (*takeover*) Pemerolehan lebih daripada 50% daripada saham sebuah syarikat oleh syarikat lain yang menyebabkan syarikat kedua menguasai syarikat pertama. Pengambilalihan boleh dilakukan secara rundingan atau perbidaan, iaitu pembelian saham secara tawaran untuk membeli saham syarikat berkenaan pada harga tertentu. Jika pengambilalihan dilakukan secara rundingan, proses ini disebut penyatuan.

pengambilgunaan (*appropriation*) Pengambilan harta atau harta tanah individu oleh kerajaan, biasanya untuk kepentingan awam.

penganggur (*unemployed person*) Individu yang dalam lingkungan umur yang layak bekerja tetapi tidak bekerja. Di Malaysia, penganggur ialah individu yang tidak bekerja yang berumur 16 tahun ke atas. Penganggur meliputi mereka yang diberhentikan kerja sementara, yang mengalami keuzuran, dan yang tidak melebihi 55 tahun.

pengangguran (*unemployment*) Keadaan apabila seorang individu ingin bekerja tetapi tidak dapat pekerjaan. Jumlah pengangguran dalam sesebuah negara dikira dengan menjumlahkan semua individu yang tidak bekerja dan yang dalam proses mencari pekerjaan.

pengangguran bermusim (*seasonal unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada kehilangan pekerjaan dalam suatu industri tertentu apabila suatu musim tertentu tiba. Misalnya, kehilangan kerja menangkap ikan pada musim tengkujuh, atau bersawah apabila musim menuai berakhir. Biasanya masalah pengangguran bermusim dapat diatasi dengan merancang program-program kerja sebelum tiba musim berkenaan.

pengangguran geseran (*frictional unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada perubahan dalam ekonomi yang menyebabkan pekerja-pekerja tidak sempat menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang baru. Biasanya pengisian pekerjaan mengambil masa yang lama, menyebabkan berlakunya pengangguran geseran.

pengangguran kitaran (*cyclical unemployment*) Pengangguran yang berlaku semasa kemelesetan dalam kitaran perniagaan. Biasanya pengangguran kitaran dicirikan oleh pemberhentian kerja sementara.

pengangguran struktur (*structural unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada perubahan struktur ekonomi, iaitu apabila suatu sektor ekonomi menjadi kurang penting berbanding dengan sektor lain. Akibat perubahan ini, pekerja daripada sektor yang kurang penting terpaksa menganggur kerana kemahiran yang tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan di sektor yang berkembang.

pengangguran sukarela

pengangguran sukarela (*voluntary unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada keengganan individu bekerja pada kadar upah yang ditawarkan. Semasa ekonomi dijangka berkembang, pekerja menjangkakan upah yang tinggi dan oleh itu, tidak bersedia untuk menerima pekerjaan yang menawarkan upah yang rendah. Di sesetengah negara yang memberi bantuan atau faedah pengangguran, penganggur sukarela mungkin lebih ketara.

pengangguran tak ketara (*disguised unemployment*) Pengangguran yang berlaku apabila pekerja tidak bekerja pada jumlah jam yang sepatutnya atau pada tingkat keupayaan yang sebenar. Pengangguran tak ketara biasanya berlaku dalam sektor pertanian apabila sumbangan pekerja adalah pada aras yang rendah, sehinggakan sektor tersebut tidak terjejas jika pekerja dikeluarkan daripada sektor itu.

pengangguran teknologi (*technological unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada penggantian input buruh kepada input modal dalam operasi pengeluaran yang dilakukan untuk meningkatkan daya pengeluaran, taraf hidup, dan upah. Biasanya pengangguran teknologi dialami oleh pekerja tidak mahir dan separuh mahir. Pengangguran teknologi akan berlanjutan sekiranya buruh baru menganggur atau tidak diberi latihan yang sesuai dengan perkembangan teknologi moden.

pengangguran terbuka (*open unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada ketiadaan pekerjaan (pengangguran terpaksa), atau keengganan buruh menerima pekerjaan yang ada (pengangguran sukarela). Pengangguran terbuka kerap wujud di bandar-bandar negara membangun. *Lihat juga* guna tenaga tak penuh, pengangguran terpaksa.

pengangguran terpaksa (*forced unemployment*) Pengangguran yang berpunca daripada tingkat permintaan agregat yang rendah, menyebabkan pekerja sanggup menerima kadar upah yang rendah. Pengangguran terpaksa boleh diatasi dengan meningkatkan permintaan agregat dalam masyarakat.

pengangkutan (*transportation*) Perkhidmatan memindahkan barang daripada pengeluar kepada pengguna atau membawa seseorang dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Perkhidmatan pengangkutan yang utama ialah jalan darat, laut, dan udara, sama ada dalam negeri atau luar negeri. Perkhidmatan pengangkutan dari luar negeri ialah satu butiran penting dalam akaun perkhidmatan. Di Malaysia, pembayaran bagi perkhidmatan pengangkutan negara asing menyumbang kepada defisit akaun perkhidmatan imbang pembayaran negara.

pengantara kewangan (*financial intermediary*) Institusi kewangan yang berfungsi menemukan pembekal asal dana dengan pengguna sebenar dana, dengan membeli sekuriti peringkat pertama daripada sektor yang memerlukan dana dan mengeluarkan sekuriti peringkat kedua kepada pembekal dana. Pengantara kewangan berbeza daripada broker yang hanya menemukan pembekal dan pengguna dana tanpa melibatkan diri

dalam pemegangan atau pengeluaran sekuriti. Pengantara kewangan yang utama ialah bank perdagangan, bank saudagar, institusi tabungan, syarikat kewangan, syarikat insurans, dan institusi kumpulan wang tabungan seperti KWSP.

pengarahan buruh (*direction of labour*) Kaedah menggerakkan buruh oleh kerajaan dengan mengarahkan buruh dari sektor atau industri yang berlebihan buruh ke sektor atau industri yang kekurangan buruh, atau dari industri yang keluarannya perlu dikurangkan ke industri yang keluarannya perlu ditingkatkan. Pengarahan buruh biasanya dilakukan di negara komunis atau sosialis untuk mengagihkan buruh antara sektor atau industri. Di negara demokrasi pengarahan buruh tidak dapat dilakukan kecuali dalam keadaan yang terpaksa, seperti semasa darurat.

pengasingan (*appropriation*) Peruntukan yang diketepikan untuk kegunaan tertentu, seperti untuk perbelanjaan pengiklanan, pembinaan jalan raya dan masjid, dan subsidi tanaman.

pengecualian cukai (*tax exemption*) Kelonggaran untuk tidak membayar cukai seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Misalnya, pengecualian cukai terhadap pendapatan yang diterima sebagai royalti dan elaun tertentu, seperti elaun kerajaan.

pengedar (*distributor*) Seseorang atau sesebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan mengedar barang-barang daripada kilang kepada penjual. Pengedar juga dikenali sebagai pemborong atau orang tengah.

pengehadan dividen (*dividend limitation*) Penahanan pembayaran dividen kepada pemegang saham oleh firma untuk menenteramkan pihak kesatuan sekerja setelah kerajaan mengenakan sekatan terhadap kenaikan gaji semasa inflasi.

pengelakan cukai (*tax avoidance*) Kaedah mengurangkan liabiliti cukai tanpa menyalahi peruntukan undang-undang. Pengelakan cukai dianggap sah kerana terdapat kelemahan dalam undang-undang cukai itu sendiri, atau berlakunya perubahan dalam kadar cukai yang kerap, atau terdapat beberapa alternatif dalam kaedah penaksiran pendapatan. Pengelakan cukai berbeza daripada pelarian cukai yang menyalahi undang-undang. *Lihat juga* pengecualian cukai.

pengeluaran (*production*) Sebarang kegiatan mengeluarkan barang atau perkhidmatan. Dalam proses pengeluaran, input ditransformasikan untuk mengeluarkan output.

pengeluaran antidadangan (*antitrade production*) Pengeluaran barang, yang apabila berlaku peningkatan akan menghasilkan peningkatan pada kadar yang lebih kecil, atau kejatuhan dalam perdagangan antarabangsa sesebuah negara.

pengeluaran berkecuali (*neutral production*) Pengeluaran barang, yang apabila berlaku peningkatan akan menghasilkan peningkatan dalam perdagangan antarabangsa sesebuah negara pada kadar yang sama.

pengeluaran berlebihan (*overproduction*) Keadaan apabila pengeluaran

pengeluaran besar-besaran

melebihi permintaan dan barang dijual pada harga yang lebih rendah daripada yang menguntungkan.

pengeluaran besar-besaran (*mass production*) Pengeluaran barang atau perkhidmatan dalam bidang yang besar. Keupayaan firma mengeluarkan sesuatu barang secara besar-besaran bergantung pada sejauh mana pengkhususan dan pembahagian kerja boleh dilaksanakan dalam proses pengeluaran, dan pada kebolehan proses pengeluaran itu dilakukan secara automatik. Pengeluaran besar-besaran biasanya melibatkan pengeluaran barang yang seragam.

pengeluaran bidang besar (*large-scale production*) Proses pengeluaran secara besar-besaran yang memerlukan jumlah modal yang besar dan bilangan buruh yang ramai. Pengeluaran bidang besar menghasilkan pengkhususan dan pembahagian kerja. Syarikat memperluas bidang pengeluaran atas beberapa sebab:

- i) Untuk mengurangkan kos purata setelah menikmati ekonomi bidang dalaman.
- ii) Untuk menguasai pasaran, dan dengan itu memperoleh untung monopoli.
- iii) Untuk mempelbagaikan kegiatan dan keluaran, supaya syarikat tidak mengalami kerugian jika permintaan sebahagian daripada keluaran jatuh atau jika sebahagian daripada aktivitiinya mengalami kerugian. Peluasan bidang pengeluaran suatu syarikat dibatasi oleh kewujudan pasaran untuk keluaran syarikat itu, pertambahan kos purata apabila organisasi bertambah besar dan kompleks, dan pertambahan kos faktor pengeluaran apabila permintaan untuk faktor ini semakin bertambah.

pengeluaran bidang kecil (*small-scale production*) Pengeluaran yang bersaiz kecil yang tidak boleh menikmati faedah penjimatan kos atau faedah pengurangan kos purata yang biasanya wujud dalam pengeluaran secara besar-besaran. Pengeluaran bidang kecil wujud disebabkan oleh kekurangan permintaan, layanan khusus yang diberi terhadap permintaan segolongan pelanggan tertentu, faktor modal yang kecil, pengurusan yang rumit, dan sekatan kemajuan teknologi.

pengeluaran langsung (*direct production*) Pengeluaran barang oleh seorang individu untuk keperluan atau kepuasan individu itu sendiri. Pengeluaran langsung biasanya merupakan usaha seorang sahaja tanpa melibatkan individu lain. Dalam pengeluaran jenis ini, tidak terdapat pembahagian kerja.

pengeluaran prodagangan (*protrade production*) Pengeluaran barang yang apabila berlaku peningkatan, misalnya akibat kemajuan teknologi, akan menghasilkan peningkatan dalam perdagangan antarabangsa sesebuah negara pada kadar yang lebih tinggi.

pengenalpastian berlebihan (*overidentification*) Keadaan apabila semua parameter dalam suatu persamaan regresi boleh dianggarkan tetapi

sebahagian daripada parameter tersebut mempunyai beberapa nilai anggaran. *Lihat juga* pengenalpastian terkurang.

pengenalpastian terkurang (*underidentification*) Keadaan apabila semua parameter dalam suatu persamaan regresi tidak boleh dianggarkan kerana maklumat yang ada dalam sistem persamaan tidak mencukupi. *Lihat juga* pengenalpastian berlebihan.

pengesahan (*verification*) Proses penyediaan kriteria statistik untuk mengukur kesahihan hasil suatu ujian. Kriteria statistik tersebut digunakan untuk menentukan sama ada teori ekonomi atau hipotesis yang diuji berdasarkan data yang telah dikumpulkan boleh diterima atau tidak.

pengewangan (*monetization*) Keadaan yang menggambarkan bagaimana wang digunakan dalam urus niaga sesebuah ekonomi. Nisbah pengewangan mengukur jumlah barang dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi yang dibayar dengan wang. Nisbah pengewangan dijangkakan rendah bagi negara kurang maju dan semakin tinggi bagi negara yang lebih maju.

pengewangan hutang (*debt monetization*) Keadaan apabila bank pusat mencipta wang atau menambah penawaran wang, khususnya asas wang, untuk membiayai hutang negara. Proses pengewangan hutang berlaku apabila perbendaharaan sebuah negara menjual sekuriti kepada bank pusat dan bukannya kepada orang ramai atau bank perdagangan untuk membiayai hutang.

penggabungan (*amalgamation*) Percantuman dua firma yang sebelumnya berurus secara bebas dan berasingan dengan tujuan memperluas operasi firma. Penggabungan mewujudkan satu entiti baru manakala firma lama hilang identiti masing-masing. Saham firma lama juga ditukarkan dengan nisbah yang dipersetujui. Jika penggabungan berlaku antara dua firma kecil, firma baru mungkin mengambil gabungan nama kedua-dua firma tersebut. Jika penggabungan berlaku antara suatu firma besar dengan suatu firma kecil, nama firma besar itu mungkin dikekalkan.

pengganda (*multiplier*) Ukuran sejauh mana kesan perubahan keseluruhan suatu pemboleh ubah akibat perubahan pemboleh ubah autonomi. Pengganda diukur seperti formula yang berikut:

$$K = \frac{\Delta Y}{\Delta E}$$

apabila K = pengganda,

ΔY = perubahan dalam pendapatan, dan

ΔE = perubahan dalam perbelanjaan agregat awal.

Misalnya, jika $\Delta E = \text{RM}2$ juta, $\Delta Y = \text{RM}5$ juta, $K = 2.5$. Jika E meningkat satu unit, ini bermakna Y meningkat sebanyak 2.5 unit, iaitu 2.5 kali ganda daripada E. Ini berlaku kerana pertambahan dalam perbelanjaan autonomi akan menambahkan perbelanjaan sebilangan orang, dan seterusnya menambahkan pendapatan sebilangan orang lain. Proses

pengganda cukai bersih

ini berterusan sehinggalah pertambahan pendapatan merupakan gandaan kepada pertambahan perbelanjaan autonomi yang asal.

pengganda cukai bersih (*net tax multiplier*) Pengganda yang mengukur kesan perubahan cukai bersih terhadap tingkat pendapatan negara. Pengganda ini diukur seperti formula yang berikut:

$$KT = \frac{\Delta Y}{\Delta T}$$

apabila KT = pengganda cukai bersih,

ΔY = perubahan dalam pendapatan, dan

ΔT = perubahan dalam cukai bersih.

Pengganda cukai adalah negatif, yang bererti bahawa apabila cukai dinaikkan, tingkat pendapatan akan berkurang sebanyak KT kali ganda.

pengganda Keynes (*Keynesian multiplier*) Pengganda yang mengukur pertambahan dalam pendapatan akibat pertambahan dalam perbelanjaan autonomi. Menurut Keynes, pertambahan dalam perbelanjaan autonomi akan meningkatkan pendapatan kerana pengeluaran akan bertambah secukupnya untuk memenuhi permintaan. Pertambahan dalam pendapatan pula akan menambahkan perbelanjaan penggunaan yang seterusnya merangsangkan pengeluaran dan meningkatkan pendapatan. Proses ini berterusan sehinggalah pendapatan keseimbangan tercapai. Pada tahap ini pertambahan dalam pendapatan adalah beberapa kali ganda pertambahan dalam perbelanjaan autonomi yang asal.

pengganda pendapatan wilayah (*regional income multiplier*) Pengganda yang mengukur kesan perubahan pendapatan terhadap perubahan permulaan perbelanjaan agregat di sebuah wilayah. Pengganda pendapatan wilayah biasanya lebih daripada satu kerana pertambahan dalam perbelanjaan autonomi akan menyebabkan pertambahan dalam pendapatan yang lebih besar daripada pertambahan permulaan perbelanjaan autonomi tersebut. Maklumat tentang saiz pengganda ini penting untuk mengetahui keberkesanan perbelanjaan kerajaan dalam sesuatu wilayah, dan sejauh mana perbelanjaan itu memberi manfaat kepada wilayah tersebut, terutama dari segi peningkatan aktiviti ekonomi yang boleh mewujudkan guna tenaga.

pengganda wang (*money multiplier*) Pengganda yang mengukur kesan stok wang terhadap jumlah cadangan sistem bank. Pengganda wang yang paling kerap digunakan ialah nisbah stok wang sempit, iaitu $M1$ terhadap cadangan bank. Pengganda wang juga dikenali sebagai pengganda deposit bank. Pengganda ini dipengaruhi oleh pertambahan awal dalam cadangan bank, nisbah tunai terhadap deposit bank, dan nisbah tunai terhadap cadangan bank.

pengganti sempurna (*perfect substitute*) Barang yang membolehkannya ditukar ganti dengan barang lain. Permintaan terhadap suatu barang

pengganti sempurna bertambah dengan banyak apabila terdapat pertambahan yang kecil dalam harga barang lain, atau apabila pekali keanjalan harga kedua-dua barang itu adalah tak terhingga. Misalnya, minyak kelapa sawit ialah barang pengganti sempurna minyak soya.

penggantian (*replacement*) Tindakan mengganti sesuatu alat dengan alat lain kerana alat tersebut dianggap tidak cekap jika dibandingkan dengan alat lain yang lebih moden. Penggantian adalah penting dalam proses pemodenan alat-alat perkilangan.

penggunaan sementara (*transitory consumption*) Tingkat perbelanjaan penggunaan isi rumah yang tidak menentu sepanjang hayat isi rumah tersebut. Penggunaan sementara bergantung pada pendapatan sementara, iaitu nilai penggunaan sementara adalah positif apabila pendapatan sementara adalah positif, dan sebaliknya.

penggunaan terukur (*measured consumption*) Tingkat perbelanjaan penggunaan sebenar isi rumah pada satu masa.

penggunaan tetap (*permanent consumption*) Tingkat perbelanjaan penggunaan purata yang dirancang oleh isi rumah sepanjang hayat. Penggunaan tetap bergantung pada pendapatan tetap. *Lihat juga* penggunaan sementara.

penghakhnegeraan (*nationalization*) *Lihat* pemiliknegeraan.

penghijrahan (*migration*) Perpindahan orang atau buruh dari satu tempat ke satu tempat lain, atau dari satu negara ke satu negara lain. Penghijrahan dari satu tempat ke satu tempat dalam satu negara lebih kerap berlaku dan lebih berkait dengan faktor-faktor ekonomi, seperti peluang pekerjaan dan peluang pendapatan. Emigrasi ialah penghijrahan keluar manakala imigrasi ialah penghijrahan masuk.

penghijrahan industri (*industrial migration*) Pergerakan industri dari satu kawasan ke kawasan lain dalam satu negeri atau dari satu negara ke negara lain. Asas bagi penghijrahan industri individu mungkin disebabkan oleh adanya permintaan terhadap keluaran firma di kawasan itu, penawaran sumber keluaran yang diperlukan oleh firma itu, perbezaan upah, dan perbezaan faedah cukai.

pengiklanan (*advertising*) Cara memberi maklumat kepada pengguna atau pihak yang berkaitan tentang suatu barang, perkhidmatan, atau peluang pekerjaan yang ada. Tujuan utama pengiklanan adalah untuk meningkatkan penjualan. Biasanya pengiklanan menerangkan ciri-ciri menarik tentang tawaran istimewa sesuatu barang atau perkhidmatan, seperti potongan harga, tempoh dan tempat barang atau perkhidmatan itu boleh diperoleh. Pengiklanan melibatkan kos penjualan dan memasukkan unsur persaingan tak sempurna kepada pasaran barang tersebut.

pengindustrian (*industrialisation*) Proses meningkatkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk memproses bahan mentah dan mengeluarkan barang perkilangan untuk penggunaan atau pengeluaran seterusnya.

pengkadaran kredit

Pengindustrian sering dijadikan asas dasar ekonomi negara-negara membangun. Misalnya, Malaysia telah menekankan dasar pengindustrian sejak tahun 1970-an yang diperkuat oleh Pelan Induk Pengindustrian pada tahun 1984, dan seterusnya oleh Wawasan 2020 sebagai persediaan untuk menjadi sebuah negara perindustrian.

pengkadaran kredit (*credit rating*) Penilaian formal terhadap sejarah kredit seseorang atau syarikat, dan keupayaannya membayar balik hutang. Pengkadaran kredit ditentukan dengan cara menyiasat, mengumpul, dan menganalisis maklumat kewangan yang berkaitan dengannya. *Sinonim* taraf kredit.

pengkhususan (*specialization*) Pembahagian kerja di kalangan pekerja mengikut kemahiran masing-masing dalam proses pengeluaran. Pengkhususan dikenal pasti sebagai satu punca ekonomi ikut bidang. Pengkhususan juga merupakan asas perkembangan ekonomi pertukaran dalam semua peringkat, sama ada peringkat setempat atau peringkat antarabangsa. Secara umum, pengkhususan boleh menambahkan kemahiran, meninggikan kecekapan, menjimatkan masa, dan seterusnya menghasilkan output yang banyak pada kos purata yang lebih rendah.

pengkhususan buruh (*specialization of labour*) Pembahagian tugas di kalangan pekerja dengan tujuan meningkatkan kemahiran, dan jumlah pengeluaran, menjimatkan masa, dan mengurangkan kos purata. Melalui pengkhususan buruh juga mutu keluaran dapat ditingkatkan dan kaedah pengeluaran yang baru diuji berdasarkan pengalaman. Walau bagaimanapun, pengkhususan juga mungkin menimbulkan perasaan bosan dan mengurangkan mobiliti buruh. *Lihat juga* pembahagian kerja.

pengurusan hutang (*debt management*) Kegiatan perbendaharaan atau Bank Negara dalam menentukan komposisi dan bentuk hutang negara. Pengurusan hutang bertujuan mengurangkan beban hutang, menstabilkan ekonomi negara, dan secara beransur-ansur mengurangkan hutang negara. Pengurusan hutang juga merupakan satu alat dasar kewangan. Biasanya pengurusan hutang melibatkan penetapan kadar bunga bon kerajaan atau bil perbendaharaan, pengenalpastian pihak yang hendak diberikan hutang, penyediaan jadual kematangan hutang, dan penjadualan semula bayaran hutang. Kegiatan pengurusan hutang yang jelas adalah berkaitan dengan penjualan dan pembelian bil-bil perbendaharaan, yang apabila matang melibatkan pembayaran balik hutang dan penjualan bil-bil yang baru. *Lihat juga* hutang negara.

penilaian projek (*project evaluation, project appraisal*) Analisis kuantitatif yang menentukan sama ada pelaburan awam atau swasta sesuatu projek adalah lebih baik atau berfaedah daripada pelaburan projek-projek alternatif. Antara teknik analisis penilaian projek ialah analisis kos faedah.

penilaian semula (*revaluation*) Perubahan dalam nilai mata wang sesebuah negara secara perbandingan dengan emas atau mata wang lain terutamanya

akibat tindakan kerajaan menjual atau membeli emas atau mata wang asing di pasaran tukaran asing. Misalnya, pada tahun 1973, AS\$1.00 dinilai bersamaan dengan RM2.45. Pada tahun 1980, ringgit Malaysia telah mengalami naik nilai, dengan AS\$1.00 dinilai bersamaan dengan RM2.18 hingga RM2.21. Pada tahun 1986 pula, nilai ringgit Malaysia telah turun, dengan AS\$1.00 dinilai bersamaan dengan RM2.63. Penilaian semula berlaku apabila kerajaan dengan sengaja menjual atau membeli mata wang asing untuk menetapkan kadar pertukaran antara ringgit Malaysia dan dolar Amerika.

penimbangtaraan (*arbitration*) Penyelesaian perbalahan antara pekerja dengan majikan oleh pihak ketiga, iaitu penimbangtara. Penimbangtaraan biasanya melibatkan perbalahan tentang pengiktirafan hak dan kepentingan pekerja dalam perjanjian tawar-menawar, termasuk hubungan antara pekerja dan majikan, peraturan perkhidmatan, dan kenaikan gaji. Apabila berlaku perbalahan, penimbangtara yang biasanya seorang hakim dilantik, tertakluk pada persetujuan kedua belah pihak. Pihak pekerja dan majikan kemudian mengemukakan kes masing-masing. Setelah selesai, penimbangtara akan menggulung dan mengemukakan keputusan seperti dalam kes perbicaraan.

penjelasan pasaran (*market clearing*) Lihat keseimbangan pasaran.

penjimatan buruh (*labour saving*) Keadaan apabila bahagian buruh dalam suatu industri adalah berkurangan berbanding dengan bahagian modal industri tersebut. Penjimatan buruh biasanya berlaku hasil daripada penemuan baru atau perubahan dalam organisasi.

penjualan automatik (*automatic selling*) Penjualan barang melalui mesin automatik dengan menggunakan wang tunai. Penjualan automatik diadakan di tempat laluan orang ramai seperti di pusat membeli-belah dan di stesen bas untuk menjual barang-barang seperti rokok dan minuman.

penjualan langsung (*direct selling*) Penjualan terus suatu barang daripada pengeluar kepada pengguna melalui jurujual, bukan melalui pemborong atau peruncit.

pensampelan (*sampling*) Proses memilih suatu segmen yang disebut sampel daripada suatu populasi dengan tujuan untuk membuat beberapa pentakbiran tentang populasi tersebut. Misalnya, untuk mendapatkan umur purata bagi suatu populasi yang berjumlah 10 juta, suatu sampel yang berjumlah 10 ribu diambil untuk mewakili populasi tersebut. Umumnya, terdapat dua jenis pensampelan, iaitu pensampelan kebarangkalian yang mengandaikan bahawa kebarangkalian setiap sampel diketahui, dan pensampelan bukan kebarangkalian yang berdasarkan pertimbangan penyelidik.

pensampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*) Sinonim pensampelan bukan probabiliti. Lihat pensampelan.

pensampelan bukan probabiliti (*nonprobability sampling*) Lihat pensampelan bukan kebarangkalian.

pensampelan kebarangkalian

pensampelan kebarangkalian (*probability sampling*) Sinonim pensampelan probabiliti. Lihat pensampelan.

pensampelan probabiliti (*probability sampling*) Lihat pensampelan kebarangkalian.

penstabil automatik (*automatic stabilizer, built-in stabilizer*) Pemboleh ubah ekonomi yang bertindak secara automatik untuk membantu mengurangkan kesan turun naik pendapatan dan harga tanpa perubahan yang kerap dalam dasar kerajaan. Misalnya, bantuan seperti pampasan pengangguran dan bayaran jaminan sosial di negara maju seperti Amerika Syarikat. Jika perniagaan merosot dan penerimaan cukai berkurangan, pampasan pengangguran dan bayaran jaminan sosial akan meningkat, dan seterusnya akan menambahkan kuasa beli pengguna dan mengurangkan tekanan kemelesetan ekonomi.

penstabilan (*stabilization*) Keadaan ekonomi yang tidak mengalami ayunan turun naik ekonomi atau kitaran perniagaan yang besar. Dalam ekonomi, penstabilan biasanya merujuk kepada tiga aspek utama, iaitu pengeluaran, guna tenaga, dan harga. Ketiga-tiga aspek ini sering turun naik bersama perubahan fesyen atau cita rasa. Oleh itu, penstabilan hanya wujud apabila tidak berlaku turun naik yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Penstabilan ekonomi juga wujud jika pertumbuhan penduduk selari dengan keupayaan pengeluaran.

penstabilan keseimbangan (*stabilization of equilibrium*) Keadaan ekonomi yang pada awalnya tidak seimbang, tetapi akhirnya menuju ke titik keseimbangan selepas mengalami perubahan tertentu. Melalui proses dan interaksi ekonomi yang sistematik, keadaan ketidakseimbangan akan menuju ke titik keseimbangan, tetapi sama ada pada nilai yang lebih tinggi atau lebih rendah, bergantung pada saiz perubahan tersebut (sama ada negatif atau positif). Keadaan sebaliknya disebut ketidakstabilan, iaitu apabila perubahan ekonomi yang memecahkan keseimbangan menyebabkan keadaan semakin jauh dari titik keseimbangan.

penswastaan (*privatization*) Proses menyerahkan kepentingan dan pelaburan sektor awam kepada sektor swasta. Penswastaan biasanya melibatkan kegiatan ketakpemiliknegeraan, iaitu penyerahan kawalan hak milik syarikat awam kepada hak milik swasta. Misalnya, penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan kegiatan dari sektor awam kepada sektor swasta, dan pengurangan kawalan kerajaan terhadap aktiviti ekonomi. Dasar penswastaan di Malaysia yang bermula pada tahun 1983, bertujuan mengurangkan beban kewangan kerajaan, di samping mempertingkatkan kecekapan ekonomi menerusi persaingan.

pentakbiran statistik (*statistical inference*) Proses menggunakan maklumat (data) daripada sampel untuk membuat anggaran atau menelaah ciri-ciri suatu populasi. Proses pentakbiran dalam statistik biasanya merangkumi penentuan statistik yang sesuai untuk penganggaran dan ujian hipotesis, penganggaran dan pengujian terhadap statistik tersebut, dan penelahan

parameter populasi berdasarkan anggaran dan ujian itu. *Sinonim* inferens statistik.

penurunan nilai (*devaluation*) Tindakan yang melibatkan harga suatu mata wang dalam sebutan mata wang asing atau sebutan emas diturunkan. Sekiranya kadar pertukaran antara ringgit Malaysia dan dolar Amerika ialah RM1.00 = AS\$2.75, tetapi pihak kerajaan secara rasmi menurunkan kadar pertukaran kepada RM1.00 = AS\$2.50, maka ringgit Malaysia diturunkan nilai. Sebaliknya jika kejatuhan nilai berlaku secara bebas, ringgit Malaysia dikatakan mengalami susut nilai. *Lihat juga* susut nilai 2.

penyamaan cukai (*tax equalization*) Penyelarasan cukai oleh kerajaan untuk memastikan agihan yang sama terhadap penaksiran asas cukai antara pelbagai keadaan yang berbeza. Misalnya, dalam penaksiran harta antara kawasan, cukai perlu diselaraskan kerana nilai harta adalah berbeza mengikut kawasan cukai. Cukai keuntungan antara firma perlu juga diselaraskan kerana keadaan dan aktiviti firma berbeza. Tujuan penyamaan cukai adalah untuk mengelakkan rasa tidak puas hati di kalangan pembayar cukai.

penyatuan (*merger*) Penggabungan dua syarikat berasingan atau lebih menjadi satu syarikat. Penyatuan dua syarikat berhad biasanya melibatkan pemegang saham satu syarikat melepaskan hak sebahagian saham syarikat itu sebagai ganti kepada sejumlah saham syarikat yang satu lagi. Penyatuan boleh dikelaskan kepada tiga jenis:

- i) Penyatuan mendatar, iaitu penyatuan dua syarikat yang mengeluarkan barang yang sama.
- ii) Penyatuan menegak, iaitu penyatuan dua syarikat yang mengeluarkan dua barang yang berlainan tetapi proses pengeluaran kedua-dua barang adalah berkaitan, seperti gabungan syarikat membuat kasut dengan syarikat yang mengeluarkan kulit.
- iii) Penyatuan konglomerat, iaitu penyatuan dua syarikat yang mengeluarkan barang yang sama sekali berbeza, seperti penyatuan syarikat mengeluarkan sabun basuh dengan syarikat yang mengeluarkan minuman.

penyatuan konglomerat (*conglomerate merger*) *Lihat* penyatuan.

penyatuan mendatar (*horizontal merger*) *Lihat* penyatuan.

penyatuan menegak (*vertical merger*) *Lihat* penyatuan.

penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) Penyelidikan sains dan teknologi yang bertujuan memperbaiki dan mempertingkatkan mutu keluaran dan seterusnya memperbaiki kualiti hidup manusia.

penyelidikan pasaran (*market research*) Penyelidikan tentang kelakuan pengguna terhadap permintaan barang dan perkhidmatan, dan kelakuan firma terhadap penawaran barang dan perkhidmatan, sebelum barang dan perkhidmatan tersebut dipasarkan. Tujuan kajian pasaran adalah untuk membantu memasarkan barang dan perkhidmatan. Maklumat yang

penyorokan

diperoleh daripada penyelidikan pasaran dapat membantu pengeluar menentukan kuantiti, harga, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan cara mempersembahkan barang, seperti pembungkusan.

penyorokan (*hoarding*) Pengumpulan wang atau barang yang berlebihan daripada keperluan semasa atau segera kerana wujud kekhuatiran berlakunya kekurangan barang atau kenaikan harga barang atau wang pada masa hadapan. Dalam teori kewangan, penyorokan dianggap sebagai sebarang bahagian simpanan yang tidak digunakan untuk pelaburan. Yang demikian, penyorokan wang dari peredaran akan mengurangkan pendapatan total. Lebih besar kadar pendapatan yang disorok dalam bentuk wang, maka lebih perlahan peredaran wang. Ini akan menyebabkan halaju wang dalam peredaran berubah secara songsang dengan kadar penyorokan.

penyuruh bayar (*drawer*) Orang yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan suatu dokumen. Misalnya, penyuruh bayar bagi bil pertukaran ialah pemberi hutang, dan penyuruh bayar bagi cek ialah penghutang.

perakaunan (*accounting*) Proses mengumpul dan menganalisis data sesuatu urusan niaga dengan tujuan mendapatkan maklumat tentang kedudukan kewangan sesebuah syarikat atau perbadanan.

perancangan ekonomi (*economic planning*) Usaha merencanakan aktiviti ekonomi, menentukan skop, dan membuat unjuran tentang keadaan ekonomi masa hadapan. Perancangan ekonomi menentukan peranan yang perlu dimainkan oleh sektor awam atau sektor swasta. Perancangan ini melibatkan penggunaan, pelaburan, dan perbelanjaan sektor utama ekonomi.

perancangan tenaga manusia (*manpower planning*) Usaha menentukan keperluan tenaga manusia, sama ada di peringkat tenaga mahir atau separuh mahir, dan langkah yang perlu diambil untuk mencapai keperluan tersebut. Dalam perancangan ini langkah yang sering disyorkan termasuk pengubahsuaian program latihan dan pelajaran untuk menyediakan tenaga manusia yang berkualiti dengan jumlah yang sesuai dengan perancangan tersebut.

perancangan wilayah (*regional planning*) Usaha merencanakan pembangunan wilayah oleh pihak yang bertanggungjawab, biasanya pihak kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah. Perancangan wilayah digunakan sebagai garis panduan dalam memajukan sesuatu wilayah. Perancangan ini mengandungi matlamat, dasar dan strategi wilayah, termasuk sumber untuk pembiayaan wilayah.

perang harga (*price war*) Keadaan pasaran apabila semua pengeluar bersaing untuk menguasai pasaran dengan menurunkan harga. Dalam perang harga, suatu keadaan akan timbul apabila harga turun begitu rendah sehingga sebilangan firma mengalami kebangkrutan.

perangkap kecairan (*liquidity trap*) Keadaan apabila individu atau syarikat

perniagaan tidak mahu memegang harta dalam bentuk aset lain selain daripada wang pada suatu tingkat kadar bunga yang ada. Dalam perangkap kecairan, pertambahan penawaran wang tidak akan menyebabkan kadar bunga turun lebih rendah daripada tingkat kadar bunga yang sedia ada, dan sebarang lebihan penawaran wang akan dipegang sebagai baki tunai. Dalam keadaan ini juga dasar kewangan dikatakan gagal mengubah permintaan agregat dan seterusnya gagal mendatangkan apa-apa kesan terhadap ekonomi. Perangkap kecairan dikemukakan oleh Keynes, walaupun beliau sendiri tidak yakin keadaan demikian boleh wujud dalam keadaan sehari-hari.

perangkap penduduk Malthus (*Malthusian population trap*) Keadaan apabila saiz penduduk sesebuah negara hanya ditentukan oleh jumlah sumber, khususnya makanan yang ada di negara itu. Perangkap penduduk Malthus merupakan implikasi daripada teori kependudukan Malthus yang menyatakan bahawa pada suatu masa jumlah penduduk sesebuah negara akan melebihi makanan yang boleh dikeluarkan jika pertambahan penduduk negara tersebut tidak disekat secara sukarela. Keadaan ini akan mengakibatkan kebuluran dan wabak penyakit yang boleh memusnahkan sebahagian daripada penduduk negara. Dalam keadaan sedemikian, saiz penduduk boleh disokong oleh sumber makanan yang ada.

perantara pertukaran (*exchange medium*) Sesuatu yang boleh digunakan sebagai alat pertukaran. Perantara pertukaran tidak diperlukan kecuali untuk tujuan memudahkan pertukaran antara barang atau perkhidmatan. Pada zaman dahulu, barang-barang seperti kulit kerang atau emas diterima sebagai perantara pertukaran, tetapi kini wang merupakan perantara pertukaran utama. *Lihat juga* wang.

perantisan (*apprenticeship*) Sistem yang meletakkan pelatih atau pekerja baru di bawah pengawasan pekerja yang berpengalaman untuk beberapa tahun. Mengikut sistem perantisan, pelatih dikehendaki mempelajari dan menguasai kemahiran yang diperlukan sebelum diterima sebagai pekerja terlatih. Jangka masa perantisan bergantung pada darjah kemahiran yang diperlukan, dan dalam jangka masa tersebut pelatih diberi gaji yang rendah.

perasionalan (*rationalization*) Kaedah penyusunan semula unit oleh individu atau syarikat yang bertujuan meningkatkan kecekapan. Perasionalan biasanya melibatkan penggabungan unit pengeluaran, penutupan unit pengeluaran atau kilang yang mengalami kerugian, dan penumpuan kepada unit pengeluaran yang menguntungkan.

peraturan kewangan (*monetary rule*) Peraturan yang dikemukakan oleh pemaham kewangan supaya autoriti kewangan mencapai satu kadar pertambahan penawaran wang yang tidak berubah-ubah sepanjang masa. Kadar pertumbuhan penawaran wang yang sentiasa sama boleh mengurangkan kecenderungan ekonomi mengalami turun naik yang

peraturan Q

melampau. Peraturan ini bertentangan dengan dasar kestabilan yang disyorkan oleh Keynes.

peraturan Q (*regulation Q*) Peraturan dalam urusan bank yang dikeluarkan khususnya oleh bank pusat Amerika Syarikat, iaitu The Federal Reserve, yang menentukan kadar bunga maksimum yang boleh dibayar oleh bank perdagangan terhadap simpanan bermasa. Peraturan Q boleh mengawal secara langsung aliran dana tanpa mengubah jumlah penawaran wang sesebuah negara. Apabila kadar bunga maksimum tinggi, kadar bunga sebenar akan meningkat, dan ini mendorong orang ramai menyimpan di bank dan seterusnya mengurangkan wang dalam peredaran. Apabila kadar maksimum diturunkan, keadaan sebaliknya akan berlaku. Secara praktik, perubahan dalam peraturan Q menyebabkan gangguan dalam urusan pinjaman dan simpanan. Misalnya, jika kadar bunga maksimum bagi simpanan bermasa di bank perdagangan dinaikkan, maka simpanan di institusi kewangan bukan bank akan mengalir keluar dan masuk ke bank perdagangan. Oleh sebab simpanan di institusi tersebut merupakan sumber pinjaman jangka panjang, maka pengaliran keluar simpanan akan menghadkan sumber pinjaman jangka panjang. Akibatnya, kadar bunga bagi pinjaman tersebut akan naik dengan banyak. Kesan ini mungkin merupakan satu sebab mengapa Bank Negara Malaysia memansuhkan peraturan Q pada awal tahun 1970-an, dan sejak itu kadar bunga pinjaman dan simpanan ditentukan melalui pasaran bebas.

perbadanan multinasional (*multinational corporation*) Syarikat yang menjalankan perniagaan dan mempunyai cawangan di beberapa buah negara dengan geribu pejabat di salah sebuah negara tersebut. Misalnya, Shell, British Petroleum (BP), dan Nestle. Jumlah jualan atau harta beberapa perbadanan ini melebihi keluaran negara kebanyakan negara membangun. Perbadanan ini dapat mengambil faedah daripada ekonomi bidang secara menegak dan mendatar, dan sesetengahnya mendapat faedah monopoli.

perbelanjaan awam (*public expenditure*) Perbelanjaan sesebuah negara untuk tujuan perkhidmatan sosial seperti keselamatan, pelajaran, pembayaran bunga terhadap hutang negara, dan pelaburan kerajaan.

perbelanjaan negara (*national expenditure*) Jumlah perbelanjaan sesebuah negara terhadap barang akhir dan perkhidmatan dalam satu jangka masa, biasanya setahun. Formulanya ialah:

$$E = C + I + G + (X - M)$$

apabila E = perbelanjaan negara,

C = perbelanjaan penggunaan,

I = perbelanjaan pelaburan,

G = perbelanjaan kerajaan,

X = perbelanjaan pemastautin asing terhadap eksport, dan

M = perbelanjaan terhadap import.

perbelanjaan penggunaan persendirian (*personal consumption expenditure*) Perbelanjaan orang ramai terhadap barang akhir dan perkhidmatan yang bukan bertujuan untuk mengeluarkan barang lain. *Lihat juga* perbelanjaan negara.

perdagangan (*trade*) Penjualan dan pembelian barang dengan menggunakan wang sebagai alat perantaraan pertukaran, atau pertukaran barang dengan barang. Pada asalnya, perdagangan dilakukan secara barter apabila barang ditukarkan dengan barang kerana wang belum lagi diperkenalkan. Aktiviti perdagangan bertambah pesat apabila darjah pengkhususan dan pembahagian kerja meningkat dalam aktiviti ekonomi. Perdagangan boleh dikelaskan kepada perdagangan setempat apabila urusan niaga jual beli berlaku dalam negeri sahaja, seperti aktiviti perniagaan borong dan runcit, dan perdagangan antarabangsa yang melibatkan eksport dan import.

perdagangan antarabangsa (*international trade*) Perdagangan antara sebuah negara dengan negara lain yang melibatkan import-eksport barang dan perkhidmatan. Perdagangan antarabangsa memerlukan penggunaan mata wang asing untuk menyempurnakan urusan niaga. Oleh itu, perdagangan antarabangsa mewujudkan pasaran untuk mata wang. Perdagangan antarabangsa juga dicirikan oleh sekatan tarif dan bukan tarif oleh setiap negara untuk melindungi kepentingan negara masing-masing.

perdagangan bebas (*free trade*) Perdagangan antarabangsa yang sebarang sekatan seperti kuota atau tarif tidak dikenakan oleh negara yang terlibat terhadap barang-barang import mana-mana negara. Ahli ekonomi klasik berpendapat bahawa perdagangan bebas tidak benar-benar wujud.

perdagangan berbilang hala (*multilateral trade*) Perdagangan yang sebarang sekatan tarif atau bukan tarif tidak dikenakan, yang bererti setiap negara bebas untuk berdagang sesama mereka.

perdagangan borong (*wholesale trade*) Perdagangan antara seorang pedagang dengan pedagang lain, atau antara pedagang dengan pengeluar, bukannya antara pedagang dengan pengguna.

perdagangan dalam negeri (*domestic trade*) *Lihat* perdagangan domestik.

perdagangan domestik (*domestic trade*) Perdagangan antara pembeli dengan penjual dari negara yang sama. Perdagangan domestik biasanya menggunakan sejenis mata wang sahaja. *Sinonim* perdagangan dalam negeri.

perdagangan dua hala (*bilateral trade*) Perdagangan antara dua negara atau lebih yang membuat persetujuan bahawa kesemua negara yang terlibat akan mengimbangi imbalan import dan eksport negara-negara tersebut.

perdagangan entrepot (*entrepot trade*) Perdagangan yang berasaskan pembelian barang oleh sebuah negara dari negara lain dengan tujuan untuk mengeksport barang tersebut ke negara lain. Misalnya, Singapura mengimport getah dan kelapa sawit dari Malaysia, dan kemudiannya mengeksport barang tersebut ke negara lain.

perdagangan runcit

perdagangan runcit (*retail trade*) Perdagangan antara pedagang dengan orang awam melalui kedai, pasar, atau jualan langsung.

pergerakan buruh (*labour movement*) Usaha dan kegiatan kumpulan tertentu, biasanya dalam bentuk kesatuan, yang bertujuan memperbaiki keadaan kerja dan taraf hidup para pekerja. Pergerakan buruh biasanya dilakukan melalui tawar-menawar dengan pihak pengurusan. Misalnya, kegiatan yang dijalankan oleh kesatuan sekerja.

pergerakan modal jangka panjang (*long-term capital movement*) Pembelian atau penjualan aset-aset jangka panjang antara pemastautin sesebuah negara dengan pemastautin negara asing. Apabila pemastautin sebuah negara, sama ada orang perseorangan, firma, bank, atau kerajaan, menanam modal seperti membeli bon atau saham, atau memberi pinjaman jangka panjang kepada pemastautin negara asing, modal dikatakan mengalir keluar dari negara itu. Perkara sebaliknya berlaku apabila pemastautin negara tersebut membuat pinjaman dari negara asing, atau pemastautin negara asing menanam modal di negara itu. Pergerakan modal jangka panjang bertujuan membiayai aliran masuk barang dan perkhidmatan dari negara pemberi pinjam ke negara penghutang, atau dari negara penanam modal ke negara modal itu dilaburkan.

perkadaran berubah (*variable proportion*) Sifat fungsi pengeluaran yang membolehkan berbagai-bagai input digabungkan dengan nisbah yang berbeza untuk mengeluarkan jumlah output yang sama. Nisbah yang berbeza ini boleh digambarkan oleh keluk isokuan yang cembung ke arah asalan. Perkadaran berubah berlaku apabila input-input yang terlibat adalah saling menggantikan tetapi bukan pengganti yang sempurna kerana keupayaan setiap input mempunyai had untuk menggantikan input lain. Misalnya, buruh dan modal bukanlah pengganti sempurna antara satu sama lain tetapi boleh saling mengganti pada suatu kadar tertentu mengikut proses pengeluaran yang terlibat.

perkhidmatan (*service*) Sebarang kegiatan ekonomi yang mengeluarkan output bukan dalam bentuk barang tetapi yang memberi kepuasan kepada pengguna atau yang boleh membantu mempertingkatkan kecekapan pengeluaran barang. Misalnya, perkhidmatan yang diberikan oleh tukang gunting, bank, dan hotel.

perkhidmatan langsung (*direct service*) Pekerjaan yang tidak mempunyai kaitan dengan urus niaga barang. Misalnya, perkhidmatan yang diberikan oleh doktor, guru, peguam, hakim, penghibur, dan polis. Peratusan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan langsung di negara maju lebih besar daripada di negara kurang maju.

perkongsian (*partnership*) Syarikat perniagaan yang dimiliki oleh dua individu atau lebih dengan tujuan memperoleh keuntungan yang lebih besar. Pemilik perkongsian berkongsi untung dan sama-sama menanggung sebarang kerugian atau tanggungjawab kewangan syarikat tersebut. Kontrak atau perjanjian perkongsian dibuat untuk rakan kongsi dan

menggariskan tanggungjawab masing-masing.

perkongsian cukai (*tax sharing*) Pengagihan hasil cukai antara pentadbiran kerajaan di peringkat lebih tinggi seperti kerajaan negeri, dengan pentadbiran kerajaan di peringkat yang lebih rendah seperti daerah atau jajahan, untuk tujuan pentadbiran dan pembangunan. Mengikut amalan perkongsian cukai, kerajaan negeri akan mengenakan cukai dan memungut hasil cukai di semua daerah atau jajahan pentadbirannya dan kemudian berkongsi membelanjakan cukai itu dengan pihak-pihak pentadbiran daerah atau jajahan tersebut. Perkongsian cukai bertujuan untuk membekalkan pihak pentadbiran di peringkat yang lebih rendah dengan dana yang mencukupi. Biasanya, perkongsian cukai tidak dikawal oleh kerajaan pusat. Oleh itu, unit-unit pentadbiran kerajaan negeri bebas berkongsi menggunakan dana tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat dua masalah yang timbul daripada amalan perkongsian cukai, iaitu:

- i) Kadar pembahagian dana antara daerah-daerah biasanya berdasarkan sumbangan cukai daripada daerah-daerah berkenaan tetapi adalah sukar untuk menentukan dari daerah mana cukai tersebut dipungut; oleh itu, ketetapan rekod yang ada tentang perkara ini sukar ditentukan.
- ii) Agihan yang berdasarkan kadar sumbangan daerah menyebabkan kawasan yang lebih maju menerima kadar yang lebih tinggi daripada kawasan mundur.

perkongsian pasaran (*market sharing*) Persetujuan yang dibuat oleh beberapa syarikat untuk berkongsi pasaran bagi mengelakkan persaingan. Satu syarikat memasarkan sejenis barang di satu kawasan, sementara syarikat lain memasarkan barang yang sama di kawasan yang lain. Perkongsian pasaran biasanya dilarang oleh undang-undang tetapi syarikat-syarikat dibenarkan membuat persetujuan tidak rasmi atau membezakan keluaran mengikut kawasan geografi.

perkongsian untung (*profit sharing*) Skema insentif kerja yang mengagihkan untung antara para pekerja setelah ditolak upah dan perbelanjaan lain. Misalnya, bonus yang diberikan kepada pekerja pada akhir tahun apabila syarikat beroleh keuntungan yang tinggi pada tahun berkenaan. Perkongsian untung bertujuan untuk mewujudkan kesetiaan pekerja terhadap syarikat dan menggalakkan pekerja berusaha lebih kuat untuk meningkatkan prestasi syarikat.

perlakuan pengguna (*consumer behaviour*) Tindak balas pengguna terhadap perubahan pasaran, seperti perubahan harga dan perubahan kuasa beli. Oleh sebab pendapatannya terhad, pengguna akan memaksimumkan utilitinya. Pada umumnya, kejatuhan harga akan menyebabkan pengguna meningkatkan penggunaan, dan kenaikan harga pula akan menyebabkan pengguna mengambil tindakan sebaliknya. *Sinonim* gelagat pengguna, kelakuan pengguna.

perlindungan (*protection*) Pengenaan cukai terhadap import dengan tujuan

perlindungan nilai

melindungi pengeluar tempatan daripada persaingan pengeluar asing. Pengenaan tarif menyebabkan harga import meningkat dan dengan itu, pengeluar tempatan yang mengeluarkan barang yang sama dapat bersaing walaupun kos pengeluaran tempatan lebih tinggi daripada kos pengeluaran pengeluar asing. Biasanya perlindungan dilakukan untuk melindungi industri muda.

perlindungan nilai (*hedging*) Tindakan pembeli atau penjual berurus niaga di pasaran semerta atau pasaran ke depan dengan tujuan mengurangkan kerugian atau mengelakkan kejatuhan pendapatan yang berpunca daripada risiko perubahan harga pada masa hadapan. Misalnya, pengimport di Malaysia membeli barang bernilai AS\$100 000 dari Amerika Syarikat dan perlu membayarnya dalam masa tiga bulan. Kadar pertukaran semerta semasa ialah RM2.50 = AS\$1.00 tetapi kadar pertukaran tiga bulan kemudian mungkin lebih tinggi daripada itu. Sekiranya pengimport tersebut menunggu tiga bulan untuk membeli dolar dan kebetulan kadar pertukaran waktu itu ialah RM2.70 = AS\$1.00, beliau perlu membayar RM270 000 iaitu RM20 000 lebih banyak daripada ringgit yang diperlukan jika beliau membeli dolar sekarang. Untuk mengelakkan risiko kadar pertukaran tersebut, pengimport boleh membuat perlindungan nilai dengan membeli dolar pada masa sekarang dengan harga RM250 000, menyimpannya selama tiga bulan, dan membayar harga import tersebut. Pengimport juga boleh melindungi nilai dengan membeli dolar di pasaran ke depan. Misalnya, jika harga ke depan tiga bulan bagi dolar ialah RM2.55 = AS\$1.00, pengimport boleh membeli AS\$100 000 yang akan diserahkan tiga bulan kemudian. Walaupun kadar pertukaran bagi dolar meningkat tiga bulan kemudian, pengimport hanya perlu membayar RM255 000 untuk mendapatkan dolar bagi membayar harga import.

perlindungan nilai terhadap inflasi (*hedging against inflation*) Tindakan orang ramai membeli aset khususnya aset benar, untuk mengelakkan kemungkinan kerugian akibat kejatuhan nilai wang kesan daripada inflasi.

permintaan (*demand*) Kemahuan atau kesediaan seseorang untuk membeli sesuatu barang atau perkhidmatan yang disertai dengan kemampuan untuk membeli. *Lihat juga* fungsi permintaan, keluk permintaan.

permintaan anjal (*elastic demand*) Keadaan apabila kuantiti yang diminta berubah dengan banyak apabila terdapat perubahan yang kecil dalam harga. Permintaan anjal berlaku apabila pekali keanjalan lebih besar daripada satu. *Lihat juga* keanjalan permintaan.

permintaan anjal sempurna (*perfectly elastic demand*) *Lihat* keanjalan permintaan tak terhingga.

permintaan awasan (*precautionary demand*) *Lihat* permintaan wang.

permintaan berkait (*derived demand*) *Lihat* permintaan terbitan.

permintaan berkesan (*effective demand*) Permintaan terhadap sesuatu barang yang disusuli dengan kemampuan pengguna untuk membelanjakan wang.

- permintaan berlebihan** (*excess demand*) Keadaan apabila kuantiti yang diminta melebihi kuantiti yang ditawarkan pada satu tingkat harga. Permintaan berlebihan biasanya wujud dalam jangka pendek kerana dalam jangka panjang permintaan akan mencapai keseimbangan.
- permintaan bersama** (*joint demand*) Permintaan terhadap dua atau lebih barang atau input yang digunakan bersama. Permintaan bersama dicirikan oleh peningkatan kuantiti kedua-dua barang atau input tersebut secara serentak apabila harga salah satu daripadanya jatuh. Misalnya, permintaan untuk kereta dan petrol oleh pengguna, dan permintaan untuk benang dan kain oleh firma membuat pakaian. *Sinonim* permintaan penggenap.
- permintaan Hicks** (*Hicksian demand*) Lihat permintaan pampasan Hicks.
- permintaan input** (*input demand*) Kuantiti input yang diminta oleh firma pada satu tingkat harga yang memaksimumkan untung pada satu tingkat teknologi dan output. *Lihat juga* fungsi permintaan input.
- permintaan input bersyarat** (*conditional input demand*) Permintaan terhadap input oleh sesebuah firma pada satu tingkat permintaan input tertentu apabila firma tersebut ingin mengeluarkan satu tingkat output tertentu. Firma yang meminimumkan kos akan menambahkan penggunaan sebarang input selagi daya pengeluaran melebihi tambahan kos daripada penggunaan input tersebut. Firma hanya berhenti menambahkan penggunaan input apabila kedua-dua faktor adalah sama. Jika pasaran persaingan sempurna bagi input wujud, maka tambahan kos bagi setiap unit ialah harga input. Oleh itu, untuk meminimumkan kos pada setiap tingkat output, firma akan memilih kuantiti satu input supaya daya pengeluaran input sama dengan harga input, dan daya pengeluaran input lain sama dengan harga masing-masing. *Sinonim* input kos terendah. *Lihat juga* permintaan input.
- permintaan langsung** (*direct demand*) Permintaan terhadap sesuatu barang kerana ciri-ciri dan kualiti barang itu sendiri, bukan kerana barang lain yang diterbitkan. Misalnya, permintaan untuk barang pengguna.
- permintaan Marshall** (*Marshallian demand*) Kuantiti barang yang diminta oleh pengguna pada pelbagai tingkat harga apabila pendapatan wang pengguna diandaikan tetap. Keluk permintaan Marshall ialah hubungan kuantiti dengan tingkat harga barang tersebut apabila harga barang-barang lain dan pendapatan wang pengguna dianggap tetap. *Lihat juga* permintaan pampasan Hicks.
- permintaan pampasan Hicks** (*Hicks compensated demand*) Kuantiti barang yang diminta oleh pengguna pada pelbagai tingkat harga apabila pendapatan benar pengguna diandaikan tetap. Pendapatan benar pengguna juga dianggap tetap jika utiliti pengguna tidak berubah. Keluk permintaan pampasan Hicks menggambarkan hubungan kuantiti dengan harga barang apabila harga barang-barang lain dan pendapatan benar pengguna dianggap tetap. *Sinonim* permintaan Hicks, permintaan utiliti tetap.
- permintaan pasaran** (*market demand*) Kuantiti barang yang ingin dibeli

permintaan penggenap

oleh semua pengguna pada pelbagai tingkat harga. Keluk permintaan biasanya bercerun negatif, yang bererti lebih banyak barang yang diminta oleh pengguna pada tingkat harga yang rendah, dan sebaliknya. Permintaan pasaran boleh dianggap sebagai agregat permintaan individu pada satu tingkat harga tertentu, dan keluknya diperoleh dengan menjumlahkan kesemua keluk permintaan individu secara mendatar.

permintaan penggenap (*complementary demand*) Lihat permintaan bersama.

permintaan tak anjal (*inelastic demand*) Keadaan apabila kuantiti yang diminta berubah dengan sedikit apabila terdapat perubahan yang besar dalam harga. Permintaan tak anjal berlaku apabila pekali keanjalan kurang daripada satu.

permintaan teraruh (*induced demand*) Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi yang berpunca daripada pertambahan pendapatan negara. Pertambahan dalam pendapatan biasanya akan mendorong orang ramai menambahkan perbelanjaan penggunaan dan mendorong syarikat menambahkan perbelanjaan terhadap barang-barang modal, yang seterusnya turut menyumbang kepada pertambahan dalam permintaan.

permintaan terbitan (*derived demand*) Permintaan terhadap sesuatu input atau barang bukan kerana input atau barang itu sendiri, tetapi barang yang diterbitkan atau yang dihasilkan oleh input atau barang tersebut. Misalnya, permintaan terhadap getah kerana adanya permintaan terhadap tayar. *Sinonim* permintaan berkait.

permintaan utiliti tetap (*fixed utility demand*) Lihat permintaan pampasan Hicks.

permintaan wang (*demand for money*) Permintaan untuk memegang wang sebagai suatu alternatif selain daripada melaburkan wang tersebut dengan membeli bon atau menyimpan di bank. Menurut Keynes, wang diminta untuk tiga tujuan asas, iaitu tujuan urus niaga yang melibatkan keperluan wang untuk menampung keperluan harian, tujuan spekulasi, dan tujuan awasan seperti untuk perbelanjaan rawatan. *Lihat juga* fungsi permintaan wang.

perniagaan tani (*agribusiness*) Bidang kajian atau profesion yang memasukkan unsur-unsur perniagaan pertanian. Perniagaan tani mengamalkan pendekatan yang memberi penekanan terhadap perlunya aktiviti pertanian diusahakan secara komersil dan menguntungkan, berbeza daripada pendekatan yang menekankan aktiviti pertanian sebagai suatu aktiviti pengeluaran sara diri.

perolehan (*acquisition*) Pembelian sebuah syarikat oleh syarikat yang lain pada harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Perolehan merupakan pelaburan oleh syarikat pembeli yang membolehkannya memperluas aktiviti dan menggunakan sumber kewangan dan kemahirannya dengan lebih baik dan berkesan, dan membolehkan syarikat tersebut berkembang dengan cepat. Perolehan berbeza daripada pengambilalihan kerana firma

- yang dibeli tidak melepaskan kepentingan mereka dalam firma tersebut.
- perolehan pindahan** (*transfer earnings*) Jumlah pendapatan yang mesti diterima oleh faktor pengeluaran daripada aktiviti pengeluaran yang sedang dilakukan untuk menghalang faktor tersebut daripada berpindah kepada aktiviti pengeluaran lain. Biasanya, faktor pengeluaran menerima pendapatan yang melebihi jumlah perolehan, dan lebihan ini disebut sewa ekonomi. *Lihat juga* sewa ekonomi.
- perolehan purata sejam** (*average hourly earning*) Bayaran purata bagi sejam bekerja yang dikira dengan membahagikan jumlah upah suatu industri atau ekonomi dengan bilangan jam buruh bekerja. Perolehan ini termasuk bayaran untuk perubatan, dan cuti bergaji yang dikira sebelum ditolak cukai dan bayaran keselamatan sosial. Statistik tentang perolehan sejam menggambarkan perubahan-perubahan dalam kadar asas sejam, dan juga mengambil kira bayaran lebih masa, dan kerja giliran malam pada kadar premium.
- perpetuiti** (*perpetuity*) *Lihat* konsol.
- persaingan bermonopoli** (*monopolistic competition*) Struktur pasaran yang mengandungi banyak firma yang menawarkan barang keluaran yang hampir sama dan yang dianggap pengganti yang hampir bagi satu sama lain. Misalnya, pakaian dan makanan yang hanya dibezakan dari segi jenama.
- persaingan beroligopoli** (*oligopolistic competition*) Struktur pasaran yang mengandungi beberapa firma besar yang bersaing antara satu sama lain dan menawarkan barang keluaran yang sama yang dianggap pengganti yang hampir bagi satu sama lain. *Lihat juga* oligopoli.
- persaingan bukan harga** (*nonprice competition*) Persaingan antara firma dalam industri untuk menguasai pasaran melalui pelbagai cara yang tidak melibatkan pengubahan harga. Beberapa kaedah persaingan bukan harga ialah dengan reka bentuk yang berlainan, promosi, dan pengiklanan.
- persaingan harga** (*price competition*) Persaingan yang melibatkan penurunan harga oleh firma dengan tujuan untuk menguasai pasaran. Persaingan harga tulen terjadi dalam industri barang yang bersifat homogen apabila syarikat tidak dapat bersaing dengan membezakan pengeluaran seperti melalui pengiklanan atau kaedah pembungkusan. Dalam pasaran persaingan bermonopoli atau beroligopoli, persaingan harga juga berlaku tetapi biasanya bersama-sama dengan persaingan kualiti. Dalam industri tersebut, apabila satu syarikat menurunkan harga barang keluarannya lebih rendah daripada harga pasaran untuk menarik pelanggan, syarikat lain juga mungkin akan berbuat demikian. Keadaan ini seterusnya akan mencetuskan perang harga.
- persaingan kualiti** (*quality competition*) Persaingan bukan harga antara firma apabila setiap firma cuba menguasai pasaran dengan memperbaiki mutu barang keluaran masing-masing. Persaingan kualiti biasanya terjadi dalam pasaran oligopoli.

persaingan sempurna

persaingan sempurna (*perfect competition*) Struktur pasaran yang dicirikan oleh ramai penjual dan pembeli, yang masing-masing tidak dapat mempengaruhi harga di pasaran. Dalam persaingan sempurna, penjual dan pembeli mempunyai maklumat yang sempurna tentang teknologi, harga, dan kualiti barang. Barang yang diniagakan dalam persaingan sempurna adalah homogen pada pandangan setiap penjual dan pembeli, dan mereka menganggap harga diberi. Dalam struktur pasaran ini juga penjual (firma) bebas untuk keluar masuk pasaran, dan sumber-sumber bermobiliti sempurna. Apabila syarat-syarat tersebut dipenuhi, dalam pasaran persaingan sempurna akan wujud hanya satu harga, iaitu harga pasaran dalam jangka panjang, tetapi dalam jangka pendek harga boleh turun naik. Walaupun persaingan sempurna mungkin tidak wujud, konsep ini amat penting dalam menganalisis pasaran yang wujud, yang hampir-hampir memenuhi syarat persaingan sempurna. *Sinonim* persaingan tulen, pasaran sempurna.

persaingan tak adil (*unfair competition*) Persaingan antara firma yang melibatkan helah perniagaan, firma yang tidak amanah, atau firma yang tidak menepati janji. Beberapa bentuk persaingan tak adil termasuk diskriminasi harga antara pelbagai jenis barang, dan di kalangan firma, pemalsuan dan penipuan pengiklanan, pengintipan, dan penggugatan.

persaingan tak sempurna (*imperfect competition*) Struktur pasaran yang tidak memenuhi ciri-ciri utama persaingan sempurna. Persaingan tak sempurna wujud apabila berlaku satu atau lebih perkara yang berikut:

- i) Satu pengeluar menguasai pasaran sepenuhnya sehingga mewujudkan kuasa monopoli.
- ii) Sebahagian pengeluar boleh menguasai pasaran sepenuhnya hingga wujud oligopoli.
- iii) Pengeluar boleh mempengaruhi harga menerusi pembezaan keluaran sehingga wujud persaingan bermonopoli.
- iv) Pembeli menguasai pasaran kerana pembeli tersebut merupakan pembeli tunggal (monopsoni).
- v) Wujudnya ketidakpastian dan pengetahuan tak sempurna tentang harga dan kos pengeluaran.
- vi) Wujudnya sekatan untuk firma keluar masuk pasaran seperti sekatan yang dikenakan oleh kerajaan.

persaingan tulen (*pure competition*) Lihat persaingan sempurna.

persamaan bentuk terkurang (*reduced form equation*) Persamaan yang mengandungi pemboleh ubah bersandar, yang setiap satunya bergantung pada pemboleh ubah pratentu yang bebas daripada pengaruh pemboleh ubah bersandar. Oleh sebab tiap-tiap persamaan bentuk terkurang mengandungi satu pemboleh ubah bersandar sahaja, maka kaedah “ganda dua terkecil biasa” boleh digunakan untuk mendapatkan anggaran yang tekal.

- persamaan pertukaran** (*equation of exchange*) Lihat teori kuantiti wang.
- persamaan regresi** (*regression equation*) Persamaan matematik yang menerangkan pertalian yang terbaik yang telah ditentukan secara statistik antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas dalam analisis regresi.
- persamaan untung** (*profit equation*) Persamaan atau identiti yang menunjukkan bahawa untung sesebuah firma diperoleh dengan mendapatkan perbezaan antara hasil dengan kos pengeluaran firma tersebut.
- persatuan perdagangan** (*trade association*) Persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada syarikat-syarikat dalam suatu industri yang sama. Persatuan perdagangan ditubuhkan untuk menetapkan kualiti keluaran syarikat-syarikat tersebut, dan mendapatkan kerjasama antara syarikat dalam penyebaran maklumat dari segi pemasaran melalui iklan, teknologi, dan kaedah pengeluaran yang menjimatkan kos. Semasa persatuan ini mula-mula ditubuhkan, syarikat-syarikat lebih menitikberatkan kerjasama antara syarikat tetapi fungsi utama telah bertukar kepada usaha mengurangkan tekanan persaingan. Misalnya, Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia dan Persatuan Automobol Malaysia.
- pertambahan semula jadi** (*natural increase*) Pertambahan penduduk akibat kelahiran dan kematian semata-mata, iaitu tidak termasuk pertambahan akibat migrasi. Kadar pertambahan semula jadi ialah perbezaan antara kadar kelahiran kasar dengan kadar kematian kasar.
- pertanian perdagangan campuran** (*mixed commercial farming*) Sektor pertanian pada tahap peralihan daripada pertanian sara diri kepada pertanian bercorak perdagangan. Pada peringkat pertanian perdagangan campuran, petani masih mencampurkan komposisi tanaman mereka antara tanaman untuk makanan dan tanaman untuk jualan.
- pertanian terbuka** (*open agriculture*) Sektor pertanian yang mempunyai hubungan rantaian dengan sektor lain dalam ekonomi seperti sektor pembuatan. Rantaian tersebut boleh wujud sama ada melalui pasaran input, pasaran output, atau kedua-duanya sekali.
- pertukaran asing** (*foreign exchange*) Mata wang negara asing yang diperlukan oleh sesebuah negara untuk membolehkan negara itu menyempurnakan urusan niaga antarabangsa. Biasanya pertukaran asing terdiri daripada deposit bank dalam sebutan mata wang asing dan wang kertas negara asing. Sesebuah negara biasanya menyimpan rizab mata wang asing yang terdiri daripada beberapa mata wang utama dunia dan hak pengeluaran khas (SDR) untuk membiayai import barang-barang dan memenuhi keperluan pembayaran kepada negara asing.
- pertumbuhan ekonomi sifar** (*zero economic growth*) Keadaan apabila jumlah barang dan perkhidmatan tidak berubah setiap tahun. Pertumbuhan ekonomi sifar berlaku apabila tiada pertambahan dalam pelaburan bersih sama ada dari pihak swasta atau kerajaan, kecuali pelaburan penggantian

pertumbuhan penduduk

yang diperlukan untuk mengganti modal yang telah haus atau rosak.

pertumbuhan penduduk (*population growth*) Arah aliran pertumbuhan atau pengurangan penduduk. Pertumbuhan penduduk boleh berlaku secara semula jadi apabila kadar kelahiran melebihi kadar kematian, atau akibat migrasi apabila kadar imigrasi melebihi kadar emigrasi.

pertumbuhan tak seimbang (*unbalanced growth*) Keadaan apabila kadar pertumbuhan ekonomi antara sektor atau antara negara berbeza kerana kadar peruntukan pelaburan modal bagi sektor atau negara berkenaan berbeza. Pertumbuhan tak seimbang antara sektor disebabkan oleh perancangan yang berat sebelah, yang berdasarkan kepentingan atau motif pembuat dasar atau potensi faedah rantaian ke hadapan atau ke belakang yang besar, hasil rancangan dan strategi pertumbuhan yang dipersetujui. Pertumbuhan tak seimbang antara negara disebabkan oleh perbezaan dalam pelaburan modal yang dimiliki oleh negara-negara berkenaan.

pertumbuhan terimbang (*balanced growth*) Pertumbuhan terancang yang melibatkan kesemua sektor ekonomi. Pertumbuhan dalam sektor perindustrian memerlukan pertumbuhan modal dan pertumbuhan dalam sektor pengeluaran. Pada masa yang sama hasil keluaran perlu diminta oleh pengguna. Oleh itu pasaran bagi barang yang dihasilkan perlu wujud, dan untuk tujuan ini sistem perhubungan dan infrastruktur yang teratur adalah penting. Program pertumbuhan terimbang melibatkan perancangan yang teratur bagi semua sektor untuk mengurangkan pergeseran dan mengelakkan halangan pertumbuhan ekonomi.

pertumbuhan termapan (*sustained growth*) Peningkatan yang berterusan dalam keluaran negara kasar per kapita dan pendapatan benar per kapita. Pertumbuhan termapan merupakan pertumbuhan jangka panjang yang sihat apabila kebekuan ekonomi dan kemelesetan tidak wujud langsung. Dalam keadaan ini peluang pekerjaan bagi penduduk turut bertambah, yang bererti kebajikan ekonomi penduduk turut meningkat. Menurut teori pembangunan yang dikemukakan oleh W. Rostow, pertumbuhan termapan di negara membangun akan diikuti oleh tahap pemecutan pembangunan ekonomi, iaitu peringkat pembangunan yang pesat sebelum peningkatan kematangan pembangunan dicapai. *Lihat juga* tahap pemecutan.

peruntukan sumber (*allocation of resource*) Pengagihan sumber untuk pelbagai kegunaan dan golongan pengguna kerana sumber yang ada terhad. Dalam sistem ekonomi bebas, peruntukan sumber ditentukan oleh mekanisme harga. Dalam sistem ekonomi terancang pihak berkuasa merancang dan menentukan peruntukan sumber yang dianggap terbaik mengikut kepentingan masyarakat.

perusahaan awam (*public enterprise*) Perbadanan atau syarikat yang dimiliki dan dikawal oleh kerajaan atau badan kerajaan. Perusahaan awam biasanya menjalankan kegiatan ekonomi untuk kepentingan awam,

seperti pengangkutan, utiliti industri, dan barang yang mempunyai kepentingan politik, seperti kepentingan keselamatan. Misalnya, Bank Simpanan Nasional, Keretapi Tanah Melayu, dan Petronas.

perusahaan bebas (*free enterprise*) Lihat perusahaan swasta.

perusahaan swasta (*private enterprise*) Sistem ekonomi yang membenarkan individu, secara perseorangan atau secara gabungan dengan individu lain, memiliki harta benda atau sumber produktif dan menggunakan sumber itu untuk proses pengeluaran. *Sinonim* perusahaan bebas, ekonomi pemilikan persendirian.

pesuruh bayar (*drawee*) Individu atau institusi yang mengeluarkan bil pertukaran. Pesuruh bayar bagi urusan bil pertukaran ialah penghutang dan penerima bil tersebut, tetapi pesuruh bayar bagi cek ialah pihak bank yang mengeluarkan cek tersebut.

piawai emas (*gold standard*) Sistem pentadbiran kewangan yang secara berkanun menetapkan nilai mata wang sesebuah negara dalam sebutan kuantiti emas, dengan peranan perbendaharaan negara yang bersedia membeli dan menjual emas pada harga yang ditetapkan itu. Sistem piawai emas peringkat antarabangsa beroperasi dari tahun 1880 hingga 1914, dan dalam tempoh tersebut kebanyakan negara menetapkan nilai mata wang masing-masing dalam sebutan emas. Misalnya, United Kingdom menetapkan £1.00 bersamaan dengan 113.0016 grain emas tulen, dan Amerika Syarikat menetapkan AS\$1.00 bersamaan dengan 23.22 grain emas tulen. Oleh sebab nilai setiap mata wang ditetapkan dalam sebutan emas, kadar pertukaran antara mata wang tersebut juga adalah tetap, iaitu £1.00 = AS\$4.866.

piawai pertukaran emas (*gold exchange standard*) Sistem menetapkan nilai mata wang sesebuah negara dalam sebutan satu mata wang utama yang nilainya ditetapkan dalam sebutan emas. Sistem pertukaran emas beroperasi pada awal kurun ke-20 hingga tahun 1971. Negara-negara di dunia memancang mata wang masing-masing pada mata wang utama seperti paun sterling dan dolar Amerika dengan nilai paun dan dolar pula ditetapkan dalam sebutan emas. Sistem pertukaran emas ialah satu sistem kadar pertukaran tetap dengan negara penyimpan rizab antarabangsa, bukan sahaja dalam bentuk emas tetapi juga dalam bentuk mata wang utama.

pilihan bergu (*double option*) Lihat opsi bergu.

pinjaman keras (*hard loan*) Pinjaman asing yang boleh dibayar semula dalam mata wang utama, selalunya dolar Amerika. Pinjaman ini amnya mempunyai kadar bunga yang tinggi dan sukar dibayar semula, kerana negeri yang menerima pinjaman itu selalunya mempunyai mata wang lembut yang tidak boleh ditukar dengan bebas kepada dolar Amerika Syarikat.

pinjaman terikat (*tied loan*) Pinjaman asing yang mengenakan syarat peminjam dikehendaki membelanjakan pinjaman tersebut, iaitu membeli

piramid penduduk

barang dan perkhidmatan input dan bahan mentah hanya di negara pemberi pinjaman. Misalnya, jika Malaysia membuat pinjaman daripada Jepun, maka pinjaman yang didapati hendaklah dibelanjakan dengan membeli barang, input, dan bahan mentah di Jepun sahaja. Syarat ini dikenakan supaya peluang pekerjaan dan tingkat pengeluaran negara pemberi pinjaman bertambah dan imbalan pembayaran tidak terjejas. Syarat ini tidak digemari oleh negara peminjam kerana barang dan input yang dibeli mungkin boleh didapati dengan lebih murah di negara lain.

piramid penduduk (*population pyramid*) Gambar rajah berbentuk segi tiga atau piramid yang menunjukkan taburan penduduk mengikut kumpulan umur. Bagi kumpulan umur tertinggi di puncak piramid, bilangan penduduk adalah kecil; bagi kumpulan umur yang lebih rendah, bilangan penduduk semakin besar; dan bagi kumpulan umur yang paling rendah di tapak piramid, bilangan penduduk adalah paling ramai.

populasi (*population*) Set kesemua kemungkinan pengamatan yang memberi maklumat secara total tentang fenomena yang dikaji. Populasi digunakan untuk memilih sampel yang boleh memberi gambaran tentang maklumat tersebut. Misalnya, dalam kajian ketinggian kaum wanita Melayu di Malaysia Barat, populasinya ialah semua wanita Melayu di Malaysia Barat.

portfolio (*portfolio*) Kombinasi aset kewangan seperti saham, bon, dan sekuriti lain yang dipegang oleh individu atau syarikat untuk tujuan pelaburan. Portfolio bank termasuk wang tunai dan pinjaman.

potongan cukai (*tax deduction*) Perbelanjaan yang dibenarkan oleh peruntukan undang-undang cukai, untuk ditolak daripada pendapatan boleh cukai. Misalnya, perbelanjaan insurans nyawa, caruman KWSP, perbelanjaan pendidikan anak di luar negeri, dan perbelanjaan perubatan ibu bapa. Ini bererti sebahagian daripada perbelanjaan tersebut akan dikecualikan daripada cukai, yang jumlahnya bergantung pada kadar cukai yang tertinggi daripada pendapatan kena cukai. *Lihat juga* kredit cukai.

prasyarat untuk maju (*precondition for take-off*) Tahap peralihan dalam proses pertumbuhan ekonomi apabila struktur politik dan sosial masyarakat mengalami perubahan daripada yang bercorak tradisi kepada yang lebih moden dan sesuai untuk pertumbuhan ekonomi yang pesat. Tahap ini juga dicirikan oleh pembangunan struktur yang sesuai untuk pembangunan industri pembuatan moden. Persediaan infrastruktur yang sesuai seterusnya membolehkan ekonomi memasuki tahap pemecutan.

prinsip ekonomi (*economic principle*) Konsep asas teori ekonomi yang menyediakan alat asas untuk analisis ekonomi. Misalnya, prinsip kos melepasi, prinsip penggantian, prinsip kekurangan, dan prinsip pulangan berkurangan.

prinsip faedah (*benefit principle*) Prinsip percukaian yang menyarankan supaya mereka yang mendapat faedah daripada sesuatu program atau

rancangan kerajaan dikenakan cukai yang berkadaran dengan faedah tersebut.

prinsip kemampuan membayar (*ability-to-pay principle*) Prinsip percukaian yang menyarankan supaya mereka yang berpendapatan tinggi membayar cukai yang lebih atau membayar harga yang lebih tinggi terhadap sebarang kemudahan awam, daripada mereka yang berpendapatan rendah.

prinsip pencepatan (*acceleration principle*) Teori yang menyatakan bahawa pertambahan dalam permintaan barang pengguna akan mengakibatkan permintaan terhadap barang modal bertambah dengan kadar yang lebih besar. Keadaan ini menerangkan mengapa permintaan terhadap barang modal bertambah atau berkurang dengan kadar yang lebih cepat daripada permintaan untuk barang pengguna. Pendapatan ini akan menyebabkan pertambahan dalam permintaan barang yang seterusnya akan meningkatkan pelaburan. Pertambahan dalam pelaburan akan membawa kepada peningkatan pendapatan pekerja dan golongan yang terlibat dalam pelaburan tersebut.

prinsip pengganda (*multiplier principle*) Teori atau idea yang menyatakan bahawa perubahan dalam perbelanjaan agregat seperti pelaburan akan mewujudkan tindakan berterusan yang menyebabkan perubahan yang lebih besar dalam jumlah pendapatan. Misalnya, tindakan seorang pengusaha mendirikan kilang akan meningkatkan pendapatan pekerja binaan dan pembekal.

prinsip penggantian (*substitution principle*) Prinsip yang menerangkan bahawa sebuah firma akan menukarkan kaedah pengeluaran daripada teknik kos tinggi kepada teknik kos rendah apabila berlaku perubahan harga sesuatu input atau faktor pengeluaran. Misalnya, apabila kos modal bertambah manakala kos buruh tidak berubah, sebuah firma akan mengurangkan modal dan menambahkan buruh untuk mengeluarkan jumlah output yang sama seperti sebelum berlakunya perubahan kos. Prinsip penggantian mengandaikan bahawa firma akan berusaha meminimumkan kos. Prinsip ini penting dalam peruntukan semula sumber ekonomi apabila berlaku perubahan harga relatif faktor pengeluaran.

program sokongan harga (*price support programme*) Langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menetapkan harga lantai barang-barang, biasanya barang pertanian, untuk menjamin kestabilan pendapatan golongan tertentu, terutamanya golongan petani. Program ini biasanya melibatkan tindakan kerajaan memberi subsidi kepada petani jika harga keluaran rendah daripada harga pasaran, atau membeli kesemua keluaran yang melebihi permintaan dan menyimpan keluaran tersebut sebagai stok yang akan dijual apabila berlaku kekurangan keluaran. Di Malaysia, program sokongan harga ini dilaksanakan dalam industri padi dalam bentuk harga minimum terjamin. Dalam program ini kerajaan membeli keluaran petani pada harga yang dijamin tanpa mengira keadaan pasaran. *Lihat juga* harga lantai.

proletariat (*proletariat*) Kelas pekerja yang memiliki sedikit harta atau

promosi eksport

tidak memiliki harta langsung yang menyebabkan mereka terpaksa bergantung pada upah daripada tenaga kerja mereka. Mengikuti Karl Marx, golongan proletariat ditindas oleh golongan kapitalis yang memberi golongan ini upah yang rendah. Penindasan oleh golongan kapitalis ini akhirnya akan mencetuskan pemberontakan dan seterusnya mewujudkan ekonomi sosialis. *Sinonim* kelas pekerja.

promosi eksport (*export promotion*) Langkah kerajaan yang dilaksanakan secara terancang untuk meningkatkan eksport seperti pemberian insentif eksport.

promosi jualan (*sales promotion*) Usaha memperkenalkan barang dan perkhidmatan untuk mewujudkan permintaan baru atau memperluas pasaran untuk meningkatkan jualan keluaran yang diperkenalkan. Misalnya, melalui pemberian sampel percuma, diskaun terhadap harga keluaran, atau pertunjukan khas di tempat yang berpotensi. Promosi jualan meliputi juga aktiviti pemasaran seperti menghantar jurujual dari satu tempat ke satu tempat, dan menjual secara terus daripada pengusaha kepada pengguna.

proses pengeluaran (*production process*) Lihat teknik pengeluaran.

pujukan moral (*moral persuasion*) Rayuan atau desakan autoriti kewangan kepada bank perdagangan, institusi kewangan lain, atau orang ramai supaya mengambil langkah-langkah tertentu yang membantu mencapai matlamat dasar kewangan atau dasar ekonomi.

pulangan berkurangan ikut bidangan (*diminishing returns to scale*) Lihat pulangan ikut bidangan.

pulangan bertambah ikut bidangan (*increasing returns to scale*) Lihat pulangan ikut bidangan.

pulangan ikut bidangan (*returns to scale*) Hubungan antara kadar pertambahan output dengan kadar pertambahan input apabila semua input diandaikan bertambah pada kadar yang sama dalam keadaan tingkat teknologi yang tetap. Apabila kadar pertambahan input sama dengan kadar pertambahan output, proses pengeluaran dikatakan mengikut pulangan malar ikut bidangan. Misalnya, jika input bertambah sebanyak dua kali ganda, output juga bertambah sebanyak dua kali ganda. Apabila kadar pertambahan output kurang daripada kadar pertambahan input, proses pengeluaran dikatakan mengikut pulangan berkurangan ikut bidangan. Misalnya, jika input bertambah dua kali ganda, output bertambah sebanyak 1.5 kali ganda. Sebaliknya apabila kadar pertambahan output lebih besar daripada kadar pertambahan input, proses pengeluaran dikatakan mengikut pulangan bertambah ikut bidangan.

pulangan malar ikut bidangan (*constant returns to scale*) Lihat pulangan ikut bidangan.

pulangan tahunan (*annual returns*) Penyata tahunan sebuah syarikat berhad yang menunjukkan ringkasan harta tanggungan, untung dan rugi, dan


putaran ganas kemiskinan

saham yang dimiliki oleh syarikat tersebut, serta senarai pengarah yang mengendalikan syarikat itu.

putaran ganas kemiskinan (*vicious circle of poverty*) Keadaan yang saling memperkuat antara faktor-faktor yang cenderung menyebabkan fenomena kemunduran. Misalnya, harga yang tinggi akan menyebabkan penggunaan yang rendah dan seterusnya menyebabkan taraf kesihatan, pendidikan, tingkat teknologi, dan daya pengeluaran menjadi rendah.

R

rajaah selerakan (*scatter diagram*) Persembahan graf yang menunjukkan titik yang menghubungkan dua pemboleh ubah. Biasanya rajaah selerakan menunjukkan hubungan pemboleh ubah, dari segi arah aliran atau pertalian sebab akibat. Contoh rajaah selerakan adalah seperti yang berikut:



Rajah ini menunjukkan titik yang menghubungkan tingkat pendapatan dengan jumlah penggunaan. Keadaan taburan titik menunjukkan ada hubungan yang positif antara pendapatan dan penggunaan, iaitu apabila pendapatan meningkat, jumlah penggunaan turut meningkat.


ralat dan ketinggalan (*error and omission*) Butiran dalam akaun imbangan pembayaran yang mencatatkan jumlah nilai dan perkara-perkara yang gagal dimasukkan dalam butiran utama dalam imbangan pembayaran.

Biasanya perkara-perkara yang termasuk dalam ralat dan ketinggalan ialah nilai aliran modal jangka pendek yang tidak dilaporkan, dan nilai segala urus niaga antarabangsa secara gelap, seperti penyeludupan dan pendapatan luar negeri yang tidak dilaporkan.

ralat piawai (*standard error*) Lihat varians sampel.

rancangan ekonomi (*economic plan*) Dokumentasi rancangan kerajaan tentang ekonomi semasa, perbelanjaan awam, unjuran makroekonomi, dan perancangan sektor kerajaan dan swasta. Misalnya, rancangan pembangunan lima tahun.

rancangan pengeluaran (*production plan*) Kombinasi pelbagai tingkat output dan input dengan kuantiti masing-masing yang boleh dipilih oleh firma dalam proses pengeluaran. Rancangan pengeluaran adalah cekap jika pelbagai tingkat output yang dikeluarkan oleh suatu kombinasi input adalah maksimum. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah, rancangan pengeluaran cekap digambarkan oleh kombinasi input dan tingkat output dalam kawasan bertanda "kawasan cekap". $I_1 - I_3$ ialah keluk isokuam. Garis R dan R_1 ialah garis banjar yang memisahkan kawasan cekap dengan kawasan yang pengeluarannya tidak cekap.



rancangan pengeluaran cekap (*efficient production plan*) Lihat rancangan pengeluaran.

rantaian (*linkage*) Keupayaan suatu industri atau sektor untuk menggalakkan pembentukan dan pertumbuhan industri atau sektor lain dalam ekonomi. Rantaian berlaku kerana wujudnya saling berkait antara industri atau sektor menerusi penggunaan input seperti bahan mentah, barang modal, dan penggunaan output seperti barang siap dan separuh siap. Suatu industri mungkin membeli input industri lain apabila industri yang pertama itu berkembang, maka peningkatan dalam penggunaan input

rantaian bank

akan mengembangkan industri yang satu lagi. Industri mungkin menjual output seperti barang modal kepada industri lain. Rantaian ke hadapan ialah pembesaran suatu industri yang membawa kepada pembesaran industri yang menggunakan output. Misalnya, perkembangan industri keluli membolehkan kewujudan industri kereta, industri kejuruteraan, dan industri yang menggunakan keluli sebagai bahan mentah utama. Rantaian ke belakang ialah pembesaran suatu industri yang membawa kepada pembesaran industri pembekalan input-input yang berkaitan. Misalnya, pembesaran kilang membuat tayar menggalakkan aktiviti menanam semula getah atau menoreh semula pokok-pokok getah yang dahulunya terbiar.

rantaian bank (*bank chain*) Pengembangan urusan bank yang melibatkan pembukaan cawangan baru atau pembentukan syarikat kewangan daripada bank induk yang berkaitan.

rantaian ke belakang (*backward linkage*) Lihat rantaian.

rantaian ke hadapan (*forward linkage*) Lihat rantaian.

R & D (*R&D*) *Singkatan* bagi *research and development*. Lihat penyelidikan dan pembangunan.

rebat (*rebate*) Pemulangan semula sebahagian daripada bayaran yang telah, sedang, atau akan dibuat terhadap suatu urus niaga barang atau perkhidmatan. Rebat berbeza daripada diskaun kerana rebat diberi setelah urus niaga berakhir, manakala diskaun merupakan pemotongan terhadap harga barang yang dibuat pada awal-awal lagi. Rebat juga merupakan satu bentuk diskriminasi harga yang diberi pada urus niaga tertentu.

reflasi (*reflation*) Inflasi yang berlaku pada masa pemulihan ekonomi yang berpunca daripada tindakan kerajaan mengambil langkah-langkah mengatasi kemerosotan ekonomi. Kadar kenaikan harga biasanya tidak tinggi kerana pada waktu itu perkembangan permintaan juga disertai dengan perkembangan dalam pengeluaran.

reformasi tanah (*land reform*) Penyusunan semula sistem hak milik dan penggunaan tanah pertanian dengan tujuan memperbaiki agihan pendapatan, meningkatkan daya pengeluaran, dan pembangunan sektor pertanian dan luar bandar. Reformasi tanah biasanya melibatkan pemindahan hak milik tanah daripada pemilik yang tidak mengusahakan tanah tersebut kepada penyewa, atau pemecahan ladang besar kepada kebun-kebun kecil untuk diusahakan oleh petani secara perseorangan atau secara koperasi, atau penyatuan tanah bersaiz kecil yang tidak ekonomik. Biasanya reformasi tanah disertai dengan usaha-usaha membaikkan institusi seperti kredit dan pemasaran.

regresi kuasa dua terkecil (*least square regression*) Kaedah untuk menganggarkan hubungan berfungsi, khususnya hubungan linear atau hubungan yang telah diubah bentuk kepada hubungan linear. Dalam kaedah ini penganggar persamaan regresi diperoleh dengan

meminimumkan jumlah ralat kuasa dua. Ralat kuasa dua ialah perbezaan antara nilai sebenar pemboleh ubah bersandar dengan nilai yang dijangkakan oleh persamaan regresi. Penganggar yang diperoleh oleh kaedah ini ialah penganggar kuasa dua terkecil, dan nilai kepada penganggar ini disebut anggaran kuasa dua terkecil. *Lihat juga* analisis regresi. *Sinonim* kuasa dua terkecil biasa.

reka baru (*innovation*) Cara baru mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Biasanya reka baru menambahkan daya pengeluaran atau cara menyediakan dan memasarkan sesuatu keluaran. Reka baru yang utama sering membawa kepada pelaburan modal yang besar dalam loji dan alatan yang baru, dan seterusnya menyediakan suatu penggalak penting kepada aktiviti ekonomi. Misalnya, pada pertengahan abad ke-20, reka baru yang sangat penting ialah kapal terbang jet, pusat mewujudkan kuasa elektrik nuklear, loji automobil automatik, dan penggunaan kad kredit dalam sistem kewangan.

REPO (*REPO*) *Singkatan bagi repurchase agreement.* Urus niaga yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia yang berbentuk penjualan alat hutang jangka pendek, seperti sijil deposit boleh niaga dan penerimaan jurubank oleh institusi kewangan kepada pelabur, dengan syarat alat hutang tersebut akan dibeli semula oleh penjualnya pada satu tempoh tertentu sebelum tempoh matang, dan pada harga yang telah ditentukan. REPO memberi kemudahan kepada institusi kewangan yang memerlukan pembiayaan jangka pendek, supaya institusi kewangan tersebut tidak bergantung hanya pada pinjaman daripada pasaran wang.

revolusi agraria (*agrarian revolution*) Transformasi sektor pertanian daripada pertanian cukup hidup kepada pertanian komersil. Revolusi agraria menghasilkan peningkatan dalam daya pengeluaran buruh dan tanah pertanian. Revolusi ini diikuti dengan pengenalan teknologi, kejenteraan pertanian moden, penggunaan baka hasil tinggi, baja kimia, dan racun serangga. Revolusi ini kemudiannya merebak ke negara membangun dan dikenali sebagai revolusi hijau. *Lihat juga* revolusi hijau.

revolusi hijau (*green revolution*) Transformasi pertanian yang melibatkan baka hasil tinggi dan penggunaan input pertanian moden. Revolusi ini merebak pada tahun 1960-an di beberapa negara Asia dan Afrika. Revolusi hijau berjaya meningkatkan pengeluaran bahan makanan terutamanya jagung, beras, dan gandum. Bagaimanapun revolusi ini memerlukan input penggenap seperti baja, racun rumpai dan serangga, dan sistem pengairan yang baik. Faedah daripada revolusi ini lebih dinikmati oleh golongan petani yang sudah kaya yang menguasai sumber pertanian seperti tanah dan kredit.

riba (*usury*) Pengenaan bunga atas pinjaman atau hutang. Di negara bukan Islam riba merujuk pengenaan bunga yang terlalu tinggi manakala menurut ajaran Islam riba ialah bunga yang dikenakan terhadap sebarang pinjaman atau hutang. *Lihat juga* kadar bunga.

risiko (*risk*) Kemungkinan untung atau rugi yang dihadapi oleh seseorang

dalam menjalankan urus niaga atau dalam membuat suatu keputusan. Risiko wujud apabila suatu peristiwa itu mungkin berlaku atau tidak. Dalam aktiviti perniagaan, peniaga mengalami kerugian apabila harga jatuh dan mengalami keuntungan apabila harga naik. Dalam aktiviti pelaburan, pelabur mengalami kerugian apabila harga jatuh lebih rendah daripada harga belian, dan sebaliknya. Dalam kedua-dua aktiviti, peniaga dan pelabur mengalami risiko akibat perubahan harga. Keuntungan yang diperoleh merupakan ganjaran kepada pelabur atau peniaga yang berani menghadapi risiko.

risiko boleh insurans (*insurable risk*) Risiko yang timbul daripada peristiwa seperti kebakaran, yang kemungkinan untung ruginya boleh dikira.

risiko tak boleh insurans (*uninsurable risk*) Risiko yang timbul daripada peristiwa seperti gempa bumi dan letupan gunung berapi, yang kemungkinan untung ruginya tidak boleh dikira.

risiko usaha niaga (*venture risk*) *Lihat* modal usaha niaga.

rizab (*reserve*) Sebahagian pendapatan atau wang yang diasingkan oleh orang perseorangan, syarikat, atau negara untuk tujuan tertentu. Firma menyimpan rizab untuk tujuan mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat, menyediakan pembangunan masa depan, dan sebagai penyediaan untuk perkara luar jangka. Rizab syarikat disimpan dalam bentuk tunai atau dilabur dalam aset jangka pendek. Syarikat kewangan seperti bank terpaksa menyimpan jumlah rizab yang agak besar dalam bentuk tunai. Sesebuah negara menyimpan rizab terutama dalam bentuk mata wang asing untuk dijual di pasaran pertukaran asing sebagai kawalan terhadap nilai mata wang itu.

rizab bank (*bank reserve*) Wang tunai yang dideposit di bank pusat dan aset cair yang diluluskan yang perlu disimpan oleh bank atau institusi kewangan yang tidak boleh dipinjamkan kepada pelanggan bank. Tujuan rizab bank ini adalah untuk menjaga kadar kecairan bank tersebut supaya tidak timbul masalah tunai apabila pelanggan ingin mengeluarkan simpanan mereka.

rugi (*loss*) Perbezaan antara perbelanjaan dengan hasil pendapatan sebuah firma apabila perbezaan tersebut negatif. Firma mengalami kerugian apabila jumlah hasil tidak dapat menutup jumlah kos perbelanjaan. Kerugian jangka pendek wujud apabila jumlah hasil tidak dapat menutup jumlah kos berubah. Firma yang mengalami kerugian jangka pendek dan jangka panjang terpaksa menutup perusahaannya. *Lihat juga* untung.

rugi atas kertas (*loss on paper*) Kerugian yang dialami tetapi belum dibayar dalam bentuk tunai. Misalnya, jika seorang pelabur membeli saham sebanyak 1000 unit dengan harga RM1.00 seunit, dan seminggu kemudian harga saham tersebut jatuh kepada 50 sen seunit, maka pelabur itu mengalami rugi atas kertas sebanyak RM500. Kerugian sebenar pelabur hanya akan wujud sekiranya saham itu dijual pada harga tersebut. Sebaliknya, jika harga saham naik kepada RM1.50 seunit, maka pelabur mengalami untung atas kertas sebanyak RM500.

S

saham (*stock*) Modal sah syarikat yang dicarumkan oleh pemilik. Pemegang saham mempunyai tuntutan terhadap aset dan tanggungan syarikat, berhak mengambil bahagian dalam pengurusan secara langsung atau tidak, dan berhak menerima sebahagian daripada keuntungan.

saham biasa (*common stock*) Saham syarikat yang memberikan hak kepada pemilik menerima seluruh pendapatan syarikat setelah diambil kira dividen kepada pemegang saham keutamaan. Sekiranya sebuah syarikat dibubarkan, pemegang saham biasa hanya berhak menerima agihan baki aset setelah semua hutang syarikat dan semua tuntutan pemegang saham keutamaan dijelaskan. Ini bererti pemegang saham biasa menanggung risiko rugi niaga lebih besar berbanding dengan pemegang saham keutamaan.

saham boleh panggil (*callable stock*) Saham yang sebahagian atau keseluruhannya boleh dibeli semula oleh syarikat dengan membayar pemegang saham mengikut harga yang ditetapkan, yang biasanya lebih tinggi daripada nilai tara saham tersebut.

saham keutamaan (*preferred stock*) Saham yang pemiliknya diberi keutamaan dari segi pembayaran dividen dan penerimaan aset sekiranya syarikat dibubarkan. Pemilik saham ini menerima kadar dividen yang tetap dan dibayar dividen terlebih dahulu sebelum baki dividen dibahagikan kepada pemilik saham biasa.

saham modal (*capital stock*) Nilai wang kesemua saham yang diterbitkan oleh sesebuah syarikat. Saham modal juga meliputi modal yang telah dilaburkan secara tetap oleh firma. Pemegang saham mempunyai sijil yang menunjukkan jumlah saham yang dimiliki dan juga hak mereka. Saham modal boleh diklasifikasikan kepada saham biasa dan saham keutamaan.

saham pampasan (*compensation stock*) Pampasan yang diberi kepada semua pemegang saham dalam bentuk saham apabila sesuatu industri dimiliknegarakan. Jumlah saham yang diberi adalah sama nilainya dengan

saham perbadanan

keuntungan yang diperoleh daripada saham yang dipegang pada masa industri itu dimiliknegerakan. Dalam usaha untuk memiliknegerakan industri, saham pampasan diberi kepada pemegang saham dalam bentuk surat jaminan kerajaan.

saham perbadanan (*corporation stock*) Saham yang dikeluarkan dengan kadar bunga yang tetap yang dapat ditunaikan selepas beberapa tahun yang dinyatakan.

saham pinjaman boleh tukar (*convertible loan stock*) Sekuriti hutang yang mempunyai pilihan untuk ditukarkan kepada saham syarikat pada tarikh yang ditentukan. Dalam tempoh sebelum ditukarkan, sekuriti tersebut menerima kadar faedah yang ditetapkan.

sampel (*sample*) 1. Sebahagian daripada populasi yang diambil atau dipilih untuk tujuan kajian. Kaji selidik biasanya melibatkan populasi yang besar. Pengumpulan maklumat daripada populasi tentunya memakan belanja yang besar. Oleh itu hanya sebahagian atau peratusan tertentu daripada populasi dipilih untuk memperoleh maklumat. Sampel dengan saiz yang mencukupi dipilih mengikut kaedah tertentu supaya sampel tersebut benar-benar memiliki ciri umum populasi yang diwakilinya. Misalnya, jika matlamat penyelidikan adalah untuk mengkaji taraf hidup peserta FELDA yang mempunyai populasi kira-kira 300 000 orang, maka sampel yang terdiri daripada 3000 peserta FELDA dianggap mencukupi untuk mengetahui ciri umum taraf hidup peserta FELDA. Biasanya pemilihan sampel dibuat secara rambang. 2. Contoh keluaran terutama keluaran baru yang diberi secara percuma kepada pengguna sebagai promosi jualan. Tujuan sampel diberi adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai meneliti dan memberi pandangan terhadap keluaran tersebut.

sampel berkebarangkalian (*probabilistic sample*) Lihat sampel rambang.

sampel berprobabilistik (*probabilistic sample*) Lihat sampel rambang.

sampel rambang (*random sample*) Kaedah pengambilan sampel yang setiap ahli daripada suatu subset populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Jika peluang untuk dipilih adalah sama bagi setiap ahli populasi, maka kaedah ini disebut sampel rambang mudah. *Sinonim* sampel berkebarangkalian, sampel berprobabilistik.

sandaran (*backing*) Sokongan yang diperlukan bagi pengeluaran mata wang. Sokongan ini mungkin dalam bentuk emas atau sekuriti kerajaan. Mata wang yang tidak mempunyai sandaran dianggap tidak teguh dan mudah mengalami penurunan. Sandaran juga menjamin keteguhan mata wang di pasaran mata wang antarabangsa.

sebutan benar (*real term*) Nilai yang dinyatakan dalam sebutan barang-barang, bukannya dalam sebutan wang. Sebutan benar merujuk ciri fizikal dan ciri boleh nampak sesuatu fenomena. Oleh sebab ciri fizikal bagi kebanyakan barang dan perkhidmatan tidak boleh diukur atau dibandingkan secara langsung, pengukuran dalam bentuk wang terpaksa dibuat dahulu dan kemudian diselaraskan dengan indeks harga yang sesuai supaya sebutan

benar diperoleh. Misalnya, pendapatan negara ialah jumlah agregat barang dan perkhidmatan dalam negara yang dinilai pada harga wang. Untuk mendapatkan pendapatan negara benar yang merupakan aliran fizikal barang dan perkhidmatan, pendapatan negara nominal (harga semasa) dibahagikan dengan indeks harga yang sesuai seperti indeks harga pengguna. Dalam ekonomi, sebutan benar lebih dipentingkan kerana ia menggambarkan kuasa beli wang atau jumlah fizikal barang dan perkhidmatan.

sebut harga (*quotation*) Penyataan tentang harga yang diberikan oleh pembekal kepada pihak yang ingin membuat pesanan.

sekatan bukan tarif (*non-tariff barrier*) Sekatan terhadap perdagangan bebas yang bukan berbentuk cukai. Misalnya, kuota import, sekatan mutu yang ketat, dan kawalan spesifikasi. Dalam era perdagangan bebas sebahagian besar sekatan tarif akan dihapuskan. Negara-negara mungkin memilih sekatan bukan tarif sebagai satu bentuk sekatan.

sekatan ekonomi (*economic sanctions*) Sekatan perdagangan semua barang dan perkhidmatan kecuali barang-barang perubatan dan makanan yang dikenakan oleh sebuah atau sekumpulan negara terhadap sebuah negara lain untuk memaksa negara tersebut tunduk kepada suatu permintaan. Misalnya, sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan yang menegah semua negara daripada berdagang dengan negara tersebut kerana mengamalkan dasar apartheid.

sekatan kemasukan (*barrier to entry*) Sekatan yang wujud bagi firma baru yang ingin memasuki industri. Firma yang berlumba-lumba untuk memasuki industri mewujudkan persaingan yang seterusnya membolehkan industri beroperasi dengan lebih cekap. Sekatan kemasukan mungkin berbentuk keperluan modal yang tinggi, kadar kecekapan atau teknologi yang tinggi, atau sekatan yang sengaja diadakan seperti peraturan yang tidak membenarkan lebih daripada satu syarikat mengeluarkan suatu jenis barang atau perkhidmatan.

sekatan masuk kerja (*lockout*) Halangan majikan terhadap pekerja daripada melaksanakan kerja mereka sebagai langkah tindak balas ancaman mogok. Tindakan ini jarang dilaksanakan, melainkan apabila tiada tanda rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja akan selesai.

sekatan perdagangan (*trade barrier*) Sekatan terhadap perdagangan antarabangsa yang mempunyai tujuan ekonomi dan politik. Sekatan yang selalu diamalkan ialah tarif, kuota, dan kawalan pertukaran asing. Tujuan utama sekatan ini diwujudkan adalah untuk melindungi pengeluaran dalam negeri yang bersifat penggantian import, mengawalimbangan perdagangan, dan seterusnya mengawal inflasi import dan pengangguran.

sekatan teknik terhadap perdagangan (*technical barrier to trade*) Sekatan terhadap perdagangan antarabangsa yang berbentuk penerapan piawai tertentu terhadap barang-barang, iaitu dalam bentuk spesifikasi barang, keperluan pembungkusan dan pelabelan, keperluan kebersihan serta syarat-syarat tentang kesihatan dan keselamatan.

sektor awam

sektor awam (*public sector*) Bahagian ekonomi yang kesemua kegiatannya terletak di bawah kawalan dan arahan kerajaan atau negara. Sektor awam meliputi jabatan dan agensi kerajaan, perbadanan, dan perusahaan awam. Sumber-sumber dalam sektor ini dimiliki oleh negara dan kegunaan sumber-sumber tersebut biasanya adalah untuk kepentingan umum. *Lihat juga* sektor swasta.

sektor benar (*real sector*) Bahagian ekonomi yang terlibat dalam pengeluaran barang fizikal dan perkhidmatan yang terdiri daripada komponen pendapatan negara yang termasuk perbelanjaan penggunaan, pelaburan, perbelanjaan kerajaan, dan import-eksport. Sektor benar dibezakan daripada sektor kewangan.

sektor kewangan (*financial sector*) Bahagian ekonomi yang terlibat dalam urus niaga aset kewangan yang terdiri daripada komponen pasaran wang dan pasaran modal seperti wang, bon, saham, dan kadar bunga.

sektor swasta (*private sector*) Bahagian ekonomi yang kesemua aktivitinya terletak di bawah kawalan unit ekonomi bukan kerajaan. Unit ekonomi seperti isi rumah atau firma dalam sektor ini memiliki sumber yang digunakan terutamanya untuk kepentingan sendiri.

sektor utama (*leading sector*) 1. Sektor dalam ekonomi yang boleh mencetuskan rantaian ke hadapan dan rantaian ke belakang kepada sektor-sektor lain. 2. Sektor penting dalam ekonomi yang menyumbangkan sebahagian besar daripada keluaran negara. Bagi kebanyakan negara membangun, sektor pertanian merupakan sektor utama bagi pendapatan eksport dan bagi keluaran dalam negara kasar. *Lihat juga* industri utama.

sekuriti (*security*) Dokumen sah yang menjadi bukti penyertaan modal atau bukti hutang terhadap pemilikan suatu harta, yang boleh dipindah milik dan bersifat kekal atau jangka panjang. Misalnya, sijil saham, sijil bon, dan sijil sekuriti kerajaan. Pemilik sekuriti saham berhak menerima dividen, sementara pemilik sekuriti hutang berhak menerima bunga.

sekuriti boleh panggil (*callable security*) *Lihat* sekuriti boleh tebus.

sekuriti boleh tebus (*redeemable security*) Sekuriti seperti bon dan saham yang boleh dibeli semula pada harga tara oleh syarikat atau badan yang menerbitkannya sebelum tarikh matang. Kebanyakan sekuriti boleh tebus ialah sekuriti yang mempunyai bunga yang tetap, seperti bon dan konsol (yang tidak mempunyai tarikh penebusan). Sekuriti yang tidak mempunyai bunga seperti saham biasa dan beberapa saham keutamaan tergolong dalam sekuriti yang tidak boleh tebus. *Sinonim* sekuriti boleh panggil.

sekuriti cagaran (*collateral security*) *Lihat* cagaran.

sekuriti kerajaan (*government security*) Surat hutang seperti bon yang dikeluarkan oleh kerajaan yang merupakan pinjaman jangka panjang kerajaan daripada institusi kewangan dan orang perseorangan. Sekuriti kerajaan menjanjikan bayaran pokok dan bunga pada kadar tertentu pada suatu tarikh yang ditetapkan.

sekuriti peringkat kedua (*secondary security*) Sekuriti yang dikeluarkan

terutamanya oleh pengantara kewangan dengan tujuan memperoleh sekuriti peringkat pertama. Misalnya, deposit di institusi kewangan dan sijil deposit boleh niaga. *Sinonim* sekuriti tak langsung.

sekuriti peringkat pertama (*primary security*) Alat hutang atau sekuriti, dan ekuiti yang dikeluarkan oleh sektor asal, seperti isi rumah, firma, atau kerajaan yang memerlukan pinjaman, bukannya oleh pengantara kewangan. Misalnya, apabila syarikat yang memerlukan dana meminjam dengan menjual bon syarikat atau mengeluarkan saham, maka syarikat tersebut mengeluarkan sekuriti peringkat pertama.

sekuriti tak langsung (*indirect security*) Lihat sekuriti peringkat kedua.

sekuriti tak tersenarai (*unlisted security*) Sekuriti perniagaan atau perusahaan yang tidak didaftarkan dalam bursa kerana tidak memenuhi keperluan atau syarat untuk disenaraikan dalam bursa tersebut. Biasanya sekuriti tak tersenarai dipasarkan di bursa saham secara pasaran atas kaunter.

sempadan kemungkinan pengeluaran (*production possibility frontier*) Lihat keluk kemungkinan pengeluaran.

sempadan kemungkinan utiliti (*utility possibility frontier*) Lihat keluk kemungkinan utiliti.

serbuan bank (*bank run*) Keadaan apabila orang ramai bertindak mengeluarkan deposit mereka daripada bank kerana tidak lagi mempercayai kedudukan kewangan bank tersebut atau keseluruhan sistem bank. Sekiranya berleluasa, serbuan bank boleh melumpuhkan sistem kewangan negara. Oleh itu, bank pusat diberi tanggungjawab membantu bank di samping menjamin kepercayaan orang ramai terhadap urusan sistem bank.

set kemungkinan pengeluaran (*production possibility set*) Set yang mengandungi kesemua rancangan pengeluaran yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah firma dalam proses pengeluaran firma itu. Set ini menunjukkan kesemua kombinasi input yang boleh digunakan oleh firma dan output yang boleh dikeluarkan daripada kombinasi tersebut. *Lihat juga* rancangan pengeluaran.

setem perdagangan (*trading stamp*) Kupon boleh tebus yang diberikan kepada pelanggan yang membeli di kedai runcit. Setem perdagangan ini kemudiannya ditukarkan semula kepada bentuk tunai oleh kedai runcit dengan syarikat setem, iaitu syarikat khas yang mengendalikan pertukaran setem perdagangan kepada wang tunai. Setem perdagangan diamalkan dengan meluas di negara maju dan biasanya dikeluarkan oleh syarikat perniagaan borong untuk melariskan jualan sesuatu barang. Biasanya nilai setem perdagangan ini ialah antara 3 peratus hingga 10 peratus.

sewa (*rent*) Bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh barang tahan lama, seperti peti sejuk, televisyen, komputer, dan barang-barang yang tidak boleh dipindahkan seperti tanah, bangunan, dan bilik pejabat. Dalam ekonomi, sewa boleh dibahagikan kepada sewa ekonomi dan sewa kuasi. *Lihat juga* sewa ekonomi dan sewa kuasi.

sewa bumbung (*ceiling rent*) Kadar sewa maksimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa untuk mengawal kadar sewa. Tujuan sewa bumbung adalah

sewa ekonomi

untuk melindungi golongan penyewa supaya tidak teraniaya.

sewa ekonomi (*economic rent*) Harga yang dibayar kepada faktor pengeluaran produktif yang mempunyai penawaran tak anjal sempurna. Misalnya, bayaran kepada pemain badminton negara kerana kebolehan yang tidak dimiliki oleh orang lain. *Sinonim* sewa ekonomi tulen.

sewa ekonomi tulen (*pure economic rent*) Lihat sewa ekonomi.

sewa kuasi (*quasi rent*) Jumlah bayaran yang diterima oleh sumber dalam jangka pendek, yang merupakan lebih pulangan minimum yang diperlukan supaya sumber tersebut kekal dalam penggunaan semasa. Misalnya, perbezaan jumlah hasil dan jumlah kos berubah sebuah firma. Oleh sebab firma masih beroperasi selagi perbezaan wujud dalam jangka pendek perbezaan tersebut dianggap sewa kuasi. *Lihat juga* sewa, sewa ekonomi.


sewa tulen (*pure rent*) Lihat sewa ekonomi.

sijil deposit (*certificate of deposit*) Sijil yang menunjukkan jumlah deposit dalam bank perdagangan bagi satu tempoh tertentu dengan kadar bunga tertentu. Sijil deposit biasanya dikeluarkan bagi deposit yang besar jumlahnya. Sesetengah deposit boleh dijual beli dalam masa sebelum deposit tersebut ditebus dan disebut sijil deposit boleh niaga.

sijil keasalan (*certificate of origin*) Sijil yang dikeluarkan oleh pengeksport yang mengandungi maklumat tentang negara asal barang yang dieksport. Sijil keasalan diperlukan oleh pihak kastam dalam penentuan kadar tarif, dan penting bagi memperoleh kadar tarif yang rendah.

sijil penubuhan (*certificate of incorporation*) Sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa setelah firma memenuhi segala peraturan yang ditetapkan sebagai perakuan penubuhan firma tersebut.

silang Keynes (*Keynesian cross*) Graf yang memberi gambaran bagaimana tingkat keseimbangan pendapatan ditentukan dalam sesebuah ekonomi, iaitu oleh persilangan antara permintaan agregat dan penawaran agregat. Model silang Keynes merupakan kes khusus model Keynes yang hanya mengambil kira sektor benar sementara sektor kewangan diabaikan.



simpan kira (*book-keeping*) Penyimpanan akaun kira-kira perniagaan secara sistematik.

simpanan (*saving*) Lihat tabungan.

simpanan automatik (*automatic saving*) 1. Baki pendapatan selepas penggunaan apabila pendapatan selepas cukai amat besar dan tidak menjadi beban kepada penyimpan. Apabila cukai pendapatan menjadi semakin progresif, simpanan automatik menjadi bertambah kecil. 2. Simpanan yang dibuat terus daripada potongan gaji, seperti untuk caruman kepada kumpulan wang simpanan pekerja, tabung amanah, dan simpanan untuk masa tua.

simpanan semasa (*demand deposit*) Deposit di bank yang dapat dikeluarkan oleh penyimpan tanpa memberi sebarang notis kepada bank terlebih dahulu. Pengambilan wang daripada simpanan semasa biasanya dilakukan dengan menggunakan cek. Akaun yang mengandungi simpanan semasa dikenali sebagai akaun semasa. *Sinonim* deposit akaun semasa.

siri masa (*time series*) Satu set pemerhatian pemboleh ubah ekonomi tertentu yang diperolehi secara berturutan mengikut tempoh masa tertentu seperti tiap-tiap bulan (bagi data bulanan), tiap-tiap tiga bulan (bagi data sukuan), dan tiap-tiap tahun (bagi data tahunan). Maklumat daripada data ini berguna untuk tujuan peramalan dan untuk membuat keputusan setelah data itu diproses secara statistik. Untuk tujuan ini, biasanya data bulanan dan sukuan akan diselaraskan dengan faktor bermusim supaya siri masa yang didapati terkeluar daripada pengaruh musim.

sisa (*residual*) Pemboleh ubah yang mewakili semua perkara yang tidak sistematik yang tidak diambil kira dalam persamaan regresi. Anggaran sisa diperolehi dengan mengambil perbezaan antara pemboleh ubah endogen dengan anggaran persamaan regresi. Misalnya, bagi persamaan yang berikut:

$$C = a + bY + U,$$

apabila C = jumlah perbelanjaan penggunaan,

Y = jumlah pendapatan boleh guna,

a dan b = parameter yang ingin dianggarkan, dan

U = pemboleh ubah ralat yang mewakili faktor-faktor lain yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan.

Apabila a dan b diketahui daripada penganggaran dan ditandakan dengan \hat{a} dan \hat{b} , maka persamaan di atas menjadi $\hat{C} = \hat{a} + \hat{b}Y$, apabila \hat{C} ialah jumlah perbelanjaan yang dianggar berdasarkan \hat{a} , \hat{b} , dan Y. Oleh itu, anggaran sisa bagi persamaan tersebut ialah $U = C - \hat{C}$, iaitu perbezaan nilai sebenar dengan nilai yang dianggarkan.

sisihan piawai (*standard deviation*) Lihat varians.

sistem Bretton Woods (*Bretton Woods system*) Sistem kewangan antarabangsa yang menetapkan dolar Amerika bersamaan dengan AS\$35.00 bagi setiap auns emas tulen dan nilai mata wang negara lain dalam sebutan dolar. Sistem Bretton Woods pada asasnya ialah sistem pertukaran emas yang

sistem campuran

beroperasi antara tahun 1944 hingga 1971. Menurut sistem ini negara dikehendaki bersedia untuk campur tangan dengan menjual atau membeli dolar supaya kadar pertukaran antara mata wang masing-masing dengan dolar tidak melebihi 1% di atas atau di bawah nilai par.

sistem campuran (*mixed system*) Lihat ekonomi campuran.

sistem ekonomi (*economic system*) Peraturan kegiatan ekonomi manusia berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Peraturan tersebut menentukan bagaimana sumber ekonomi dan faedah ekonomi diagihkan untuk menentukan apa yang akan dikeluarkan, bagaimana, dan untuk siapa sesuatu itu dikeluarkan. Sistem ekonomi yang wujud ialah sistem ekonomi campuran, sistem ekonomi kapitalis, sistem ekonomi sosialis, dan sistem ekonomi Islam.

sistem ekonomi campuran (*mixed economic system*) Lihat ekonomi campuran.

sistem ekonomi komunis (*communist economic system*) Lihat sosialisme.

sistem ekonomi sosialis (*socialist economic system*) Lihat sosialisme.

sistem harga (*price system*) Lihat mekanisme pasaran.

sistem keutamaan teram (*generalized system of preferences*) Lihat GSP.

sistem kewangan (*monetary system*) Sistem yang meliputi institusi, organisasi, dan segala yang berkaitan dengan wang dan kewangan sesebuah negara, iaitu organisasi seperti bank dan syarikat kewangan, institusi dan peraturan seperti penentuan unit mata wang atau alat kewangan lain, kaedah penentuan pertukaran asing serta dasar kewangan.

sistem Keynes (*Keynesian system*) Lihat ekonomi Keynes.

sistem pasaran (*market system*) Sistem ekonomi yang bergantung sepenuhnya pada mekanisme pasaran untuk menentukan peruntukan sumber dan pemilihan teknik yang digunakan untuk proses pengeluaran, penentuan harga, dan pengagihan barang atau perkhidmatan di kalangan anggota masyarakat ekonomi tersebut. Di bawah sistem pasaran, semua kegiatan ekonomi diatur dan diselaraskan oleh tindak balas bebas kuasa pasaran. Sistem pasaran kadang-kadang dikenali juga sebagai sistem harga, sistem usaha bebas dan kapitalisme. *Lihat juga* mekanisme pasaran.

sistem penentuan harga dua tingkat (*two-tier pricing system*) Sistem pembayaran yang berbeza mengikut kelas kerana layanan yang berbeza bagi suatu perkhidmatan. Misalnya, bayaran perkhidmatan pos kelas pertama berbeza dengan bayaran kelas kedua, dan bayaran perkhidmatan penerbangan kelas pertama atau kelas perniagaan berbeza dengan bayaran perkhidmatan kelas ekonomi. Sistem penentuan harga dua tingkat juga diamalkan oleh bank perdagangan dalam mengenakan kadar bunga terhadap pelbagai jenis pinjaman yang berbeza dari segi risiko dan saiz pinjaman.

sistem pertukaran emas (*gold exchange system*) Lihat piawai pertukaran emas.

sistem piawai emas (*gold standard system*) Lihat piawai emas.

sistem rekursif (*recursive system*) Sistem persamaan ekonometrik yang terdapat pergantungan searah di kalangan pemboleh ubah endogen atau

pemboleh ubah bersandarnya. Dalam sistem rekursif, pemboleh ubah endogen pertama yang hanya ditentukan oleh pemboleh ubah eksogen ditulis dahulu, diikuti oleh pemboleh ubah endogen kedua yang ditentukan hanya oleh pemboleh ubah endogen pertama dan pemboleh ubah eksogen, dan seterusnya. Satu ciri penting sistem persamaan ini ialah pemboleh ubah endogen yang ditentukan kemudian tidak memberi kesan maklum balas terhadap pemboleh ubah endogen yang ditentukan dahulu.

sistem tertutup (*closed system*) Lihat ekonomi tertutup.

sistem titik asas (*basing-point system*) Sistem penentuan harga yang mengenakan bayaran yang sama bagi semua pelanggannya tanpa mengira jarak barang yang hendak dibawa. Sistem titik asas ini tidak lagi digunakan kerana pembekal besar mendapat keuntungan yang lebih berbanding dengan pembekal tempatan yang kecil. Sistem ini digunakan di beberapa negeri di Amerika Syarikat.

sistem urusan bank (*banking system*) Sistem yang meliputi semua institusi kewangan dan peraturan dalam menjalankan urusan perbankan, iaitu pengambilan deposit dan pemberian pinjaman. Di Malaysia, sistem urusan bank meliputi bank perdagangan, bank saudagar, Bank Islam, dan syarikat kewangan berlesen.

skim kawalan komoditi (*commodity control scheme*) Rancangan yang berbentuk kawalan terhadap pengeluaran sesetengah komoditi dengan tujuan mengawal output untuk menstabilkan harga dan menggalakkan pengeluaran. Skim kawalan komoditi dilaksanakan oleh negara-negara pengeluar untuk menstabilkan harga komoditi seperti getah dan kopi.

soal selidik (*questionnaire*) Set soalan yang digunakan dalam kaji selidik seperti kajian pasaran yang bertujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan.

sosialisme (*socialism*) Sistem ekonomi perancangan pusat yang pemerintahnya merupakan pembuat keputusan yang tunggal dalam mengendalikan dan menentukan arah ekonomi negara. Pemerintah memutuskan jenis, jumlah, cara suatu barang dikeluarkan, dan bagaimana barang tersebut diagihkan. Oleh itu, sistem ekonomi ini memerlukan perancangan yang menyeluruh untuk semua kegiatan ekonomi. *Sinonim* sistem ekonomi sosialis, sistem ekonomi komunis.

sosialisme pasaran (*market socialism*) Sistem ekonomi yang menentukan negara memiliki semua sumber ekonomi, tetapi pengagihan sumber di kalangan individu dalam ekonomi hanya berdasarkan satu sistem harga. Sosialisme pasaran berbeza daripada ekonomi perancangan pusat yang pengagihan sumber dalam ekonominya ditentukan oleh pihak berkuasa. *Lihat juga* ekonomi perancangan pusat.

sosialisme terancang (*planned socialism*) Sistem ekonomi yang semua faktor pengeluarannya (kecuali buruh) dimiliki oleh negara, dan pengagihan sumber ditentukan di peringkat pusat. *Lihat juga* sosialisme pasaran.

spekulasi (*speculation*) Tindakan mengambil risiko oleh pihak-pihak pelabur

stagflasi

atau peniaga yang mengharapkan keuntungan daripada urus niaga kewangan dan perniagaan. Pespekulasi biasanya membeli sekuriti bukannya untuk mendapatkan dividen tetapi untuk mendapatkan keuntungan. Misalnya, pembeli saham yang menjual saham apabila harga naik.

stagflasi (*stagflation*) Keadaan apabila berlakunya genangan dan disertai dengan kadar inflasi yang tinggi. Stagflasi biasanya berlaku kerana kejutan penawaran yang negatif seperti kenaikan harga minyak oleh OPEC pada tahun 1974 yang menyebabkan inflasi di samping menjejaskan daya pengeluaran. Stagflasi juga boleh berlaku apabila usaha untuk mengurangkan inflasi melalui pengurangan permintaan agregat gagal untuk menurunkan kadar inflasi dengan serta-merta, tetapi sebaliknya menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

statistik 1. (*statistic*) Sebarang pemboleh ubah fungsi kepada sampel yang nilainya boleh digunakan untuk membuat perihalan tentang data. Contoh statistik ialah min sampel, varians sampel, dan penganggar pekali regresi. Statistik yang digunakan untuk menganggarkan suatu parameter dikenali sebagai penganggar parameter. Statistik yang digunakan untuk ujian dikenali sebagai statistik ujian. **2.** (*statistics*) Bidang ilmu yang berkaitan dengan pengumpulan, persembahan, dan penganalisan data empirik. Statistik digunakan dengan dua cara, iaitu secara deskriptif atau secara pentakbiran. Statistik deskriptif secara khusus meringkaskan dan menghuraikan suatu set data. Statistik pentakbiran pula secara khusus menganalisis set data pensampelan dan membuat telahan tentang populasi dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Penggunaan kaedah statistik pentakbiran membantu dalam membuat keputusan secara objektif dalam keadaan ketaktentuan.

statistik deskriptif (*descriptive statistics*) Lihat statistik.

statistik Durbin-Watson (*Durbin-Watson statistic*) Statistik yang digunakan untuk menguji kewujudan autokorelasi dalam sebutan ralat dalam persamaan regresi. Pada umumnya nilai statistik Durbin-Watson, di sekitar 2, menandakan tidak wujudnya masalah autokorelasi.

statistik ekonomi (*economic statistics*) Cabang ilmu statistik yang khusus bagi pengumpulan, pemerihalan, dan penganalisan data ekonomi.

statistik pentakbiran (*inferential statistics*) Lihat statistik.

stok penimbal (*buffer stock*) Simpanan yang dibuat untuk mengatasi masalah turun naik penawaran dan harga yang tidak menentu. Apabila penawaran barang tinggi, barang tersebut akan dibeli oleh pihak kerajaan dan disimpan supaya harga tidak turun. Apabila penawaran rendah dan harga tinggi, penjualan daripada stok penimbal akan dibuat. Stok penimbal dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjadikan penawaran barang lebih kurang sama dengan permintaan semasa.

stok wang (*money stock*) Lihat penawaran wang.

struktur pasaran (*market structure*) Bentuk pasaran yang terdapat dalam sebuah ekonomi, sama ada pasaran persaingan sempurna, monopoli tulen,

pasaran oligopoli, atau persaingan bermonopoli. Struktur ini dibezakan mengikut jumlah penjual dan pembeli, dan bentuk sekatan. *Lihat juga* monopoli, oligopoli, persaingan bermonopoli, persaingan sempurna.

subahat (*collusion*) Persefahaman atau perjanjian, biasanya secara sulit antara firma untuk bekerjasama dalam penentuan harga, keluaran, dan pembahagian pasaran. Matlamat utama firma bersubahat adalah untuk mengelakkan persaingan yang boleh merugikan pihak yang terlibat. Subahat sering terjadi di kalangan firma oligopoli.

subsidi (*subsidy*) Bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang perseorangan, unit pengeluaran, atau pengeksport sama ada dalam bentuk bayaran langsung seperti geran atau pinjaman, atau langkah-langkah yang memberikan kesan yang sama seperti bayaran langsung. Langkah-langkah tersebut termasuklah jaminan terhadap harga dan pasaran, khidmat atau kemudahan bantuan, dan pemotongan atau pengecualian cukai.

subsidi eksport (*export subsidy*) Subsidi yang diberikan kepada pengeluar khususnya yang mengeksport keluarannya untuk menggalakkan peningkatan eksport sesebuah negara. Misalnya, pinjaman kerajaan pada kos yang rendah, promosi dan pengiklanan secara langsung oleh kerajaan di luar negeri bagi pihak pengeksport, dan pelepasan cukai berdasarkan nilai barang-barang yang dieksport.

subsidi pertanian (*agricultural subsidies*) Sokongan barang dan perkhidmatan pertanian kepada petani yang bertujuan mengurangkan kos atau meningkatkan pendapatan petani. Misalnya, subsidi baja yang bertujuan mengurangkan kos pengeluaran petani apabila harga baja tinggi, dan subsidi harga yang bertujuan meningkatkan pendapatan petani. Perkhidmatan pertanian seperti penyelidikan, pengembangan, dan pengairan juga merupakan subsidi yang diberikan kepada petani tanpa sebarang bayaran atau dikenakan bayaran yang minimum.

subsidi sekali gus (*lump-sum subsidy*) Bantuan kewangan atau sebarang bentuk bantuan atau potongan yang mempunyai nilai ekonomi, biasanya yang diberi oleh kerajaan kepada individu atau pengeluar dalam jumlah yang tetap atau yang tidak mengikut pendapatan, output, atau nilai eksport. Misalnya, subsidi harga terhadap barang keperluan utama.

sumber (*resource*) Anugerah yang diperolehi secara semula jadi atau yang dikumpulkan oleh manusia. Sumber dapat dibahagikan kepada sumber yang boleh dibaharui, seperti sumber hutan dan sumber yang tidak boleh dibaharui, seperti bahan galian.

sumber asli (*natural resource*) Sumber yang wujud secara semula jadi seperti tanah yang tidak perlu dibaja, bahan galian, hasil hutan semula jadi, dan hasil laut.

sumber boleh dibaharui (*renewable resource*) *Lihat* sumber.

sumber bukan manusia (*nonhuman resource*) *Lihat* sumber manusia.

sumber harta milik bersama (*common property resource*) *Lihat* harta milik bersama.

sumber manusia

sumber manusia (*human resource*) Jumlah dan kualiti buruh yang boleh digunakan sebagai sumber yang produktif. Sumber lain seperti tanah dan modal merupakan sumber bukan manusia.

sumber pemberi pinjam terakhir (*lender of last resort*) Bank pusat sebagai pemberi pinjam kepada bank atau syarikat kewangan apabila bank atau syarikat kewangan tersebut mengalami masalah mudah tunai. Bank pusat boleh menaikkan kadar bunga terhadap pinjaman tersebut supaya bank lebih berhati-hati dalam urusan kredit, dan penciptaan kredit juga dapat dikawal.

sumber tak boleh dibaharui (*nonrenewable resource*) Sumber semula jadi yang kuantiti penawarannya terhad, dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Misalnya, petroleum dan logam.

suntikan (*injection*) Aliran masuk wang dalam aliran pusingan pendapatan sebuah ekonomi yang meningkatkan pendapatan negara. Peningkatan pendapatan akibat suntikan bergantung pada saiz pengganda. Misalnya, pelaburan, perbelanjaan kerajaan, dan eksport.

surat kredit (*letter of credit*) Surat arahan yang membenarkan bank membayar sejumlah wang yang tertulis pada surat itu kepada penama atau wakil penama tersebut yang biasanya merupakan bank lain. Surat kredit penting dalam urus niaga import-eksport apabila pembayaran untuk urus niaga tersebut biasanya melibatkan dua buah bank, satu di negara pengimport dan satu lagi di negara pengeksport.

susut nilai (*depreciation*) 1. Penurunan nilai barang modal seperti jentera dan bangunan kerana haus atau rosak, atau barang tersebut dapat digantikan dengan bahan yang lebih moden. Susut nilai merupakan kos kepada perniagaan, dan mesti ditolak daripada untung. 2. Kejatuhan nilai suatu mata wang dalam sebutan mata wang lain. Misalnya, jika pada suatu masa, kadar pertukaran antara ringgit dan yen ialah $RM1.00 = 100$ yen, tetapi sekarang kadar pertukaran ialah $RM1.00 = 90$ yen, maka ringgit dikatakan mengalami susut nilai mata wang. Pada masa yang sama yen mengalami naik nilai terhadap ringgit. Dalam sistem pengapungan bebas kadar pertukaran atau harga suatu mata wang bergantung pada permintaan dan penawaran mata wang tersebut dalam pasaran pertukaran asing.

susut nilai dicepatkan (*accelerated depreciation*) Susut nilai yang dikira dengan memberi elaun susut nilai yang lebih tinggi pada tahun-tahun awal berbanding dengan tahun kemudian. Mengikut kaedah ini, firma dibenarkan melupuskan jentera atau harta tetap bagi jangka masa yang lebih cepat daripada yang sepatutnya.

susut nilai modal (*depreciation of capital*) Keadaan apabila barang modal menjadi haus atau rosak menyebabkan barang modal tersebut perlu digantikan dengan yang baru.

syarikat (*company*) Sekumpulan individu yang bersatu secara formal untuk tujuan perniagaan. Sesebuah syarikat ditubuhkan berdasarkan Akta Syarikat dan mesti didaftarkan terlebih dahulu dengan Pendaftar Syarikat. Perniagaan

hanya boleh dimulakan setelah permohonan diluluskan.

syarikat asing (*foreign company*) Syarikat yang ditubuhkan mengikut undang-undang penubuhan syarikat sebuah negara lain, dan bukan mengikut undang-undang syarikat tempat syarikat tersebut menjalankan perniagaan.

syarikat berhad (*limited company*) Syarikat saham bersama yang tanggungan kewangannya terhad. Tanggungan setiap ahli terhad kepada jumlah saham yang dimiliki. Jika syarikat dibubarkan, pemiutang berhak menuntut setakat jumlah saham modal yang dicarumkan. *Sinonim* syarikat liabiliti berhad.

syarikat induk (*parent company*) Syarikat yang memiliki dan mengawal syarikat lain yang lebih kecil, yang dikenali sebagai anak syarikat melalui pemilikan saham layak mengundi yang melebihi 50%.

syarikat kerjasama (*cooperative society*) Lihat koperasi.

syarikat liabiliti berhad (*limited liability company*) Lihat syarikat berhad.

syarikat pemegangan (*holding company*) Syarikat yang ditubuhkan semata-mata untuk memegang lebih daripada separuh modal saham dan stok sebuah syarikat atau beberapa syarikat untuk kawalan.

syarikat saham bersama (*joint stock company*) Syarikat yang bercirikan pembahagian modal kepada saham-saham kecil. Pelabur dalam syarikat ini boleh memiliki sejumlah unit saham dan dianggap memiliki sebahagian daripada syarikat berkenaan. Keuntungan syarikat dalam bentuk dividen diagih kepada pelabur mengikut unit saham yang dimiliki. Syarikat saham bersama biasanya berbentuk syarikat liabiliti berhad dan dikenali juga sebagai syarikat berhad.

syarikat sendirian berhad (*private limited company*) Syarikat yang pemiliknya adalah seorang atau beberapa orang, tetapi tidak melebihi sebilangan tertentu. Pemilik syarikat ini diberi tanggungan terhad, iaitu setakat jumlah nilai saham yang terbayar sahaja.

syer bonus (*bonus share*) Saham baru yang ditawarkan kepada pemegang saham sebuah syarikat sebagai satu cara untuk menukar untung syarikat yang tidak dibahagi kepada modal. Syer bonus dikeluarkan oleh syarikat apabila syarikat tersebut ingin membesarkan modalnya dan mengagihkan untung kepada pemegang saham secara berkadar dengan jumlah saham yang dipegang pada suatu tarikh yang ditetapkan.

T

tabiat membeli (*buying habit*) Gelagat pengguna yang biasanya lebih gemar membeli suatu barang yang mempunyai jenama yang pernah digunakan dan tidak gemar mencuba jenama baru.

tablau ekonomi (*tableau economique*) Jadual yang menunjukkan saling pergantungan dalam sistem ekonomi yang diperkenalkan oleh Francois Quesnay pada tahun 1759. Tablau ekonomi bertujuan menganalisis bagaimana sektor ekonomi yang berlainan berurus niaga antara satu sama lain, dan bagaimana wang yang diterima dibelanjakan semula supaya aktiviti ekonomi berterusan. Tablau ekonomi mengandaikan sektor pertanian sebagai sektor yang produktif, manakala golongan tuan tanah merupakan sektor yang tidak produktif. Output dari sektor pertanian akan mengalir ke sektor tuan tanah yang mempunyai pendapatan daripada sewa tanah mereka. Sebahagian daripada hasil jualan output itu akan digunakan oleh petani untuk tujuan penggunaan, dan sebahagian lagi untuk membeli input seperti benih dan membayar sewa tanah. Pusingan ini akan berterusan selagi tidak ada gangguan dalam aliran pengeluaran dan penggunaan dalam sesebuah ekonomi.

tabungan (*saving*) Pendapatan yang tidak digunakan untuk perbelanjaan penggunaan. Dalam teori penentuan pendapatan negara, tabungan didefinisikan sebagai pendapatan yang diterima oleh sektor isi rumah yang tidak dikembalikan semula ke dalam peredaran pendapatan dalam bentuk perbelanjaan terhadap barang dan perkhidmatan. Oleh itu, tabungan dianggap sebagai satu unsur bocoran dalam pusingan pendapatan negara, yang kesannya mengurangkan tingkat pendapatan negara. *Sinonim* simpanan.

tabungan negatif (*negative saving*) *Lihat* makan tabungan.

tabungan paksa (*forced saving*) Tabungan yang berlaku kerana orang ramai terpaksa mengurangkan penggunaan. Pengurangan dalam jumlah yang digunakan untuk barang pengguna disebabkan oleh tambahan cukai atau

harga yang lebih tinggi. Misalnya, apabila harga atau cukai meningkat, pengguna terpaksa mengurangkan jumlah penggunaan.

tabungan persendirian (*personal saving*) Pendapatan boleh guna perseorangan yang tidak digunakan untuk penggunaan persendirian, atau pendapatan boleh guna perseorangan ditolak perbelanjaan penggunaan perseorangan.

tabungan syarikat (*corporate saving*) Bahagian keuntungan yang tidak diagihkan sebagai dividen tetapi disimpan untuk tujuan pembesaran syarikat.

tabungan wajib (*compulsory saving*) Tabungan yang dibuat oleh orang ramai bukan secara sukarela tetapi kerana terpaksa. Misalnya, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

tahap pemecutan (*take-off stage*) Tahap pembangunan ekonomi yang telah terlepas daripada halangan institusi dan masyarakat tradisi, dan mula memasuki tahap pencapaian matlamat negara seperti kadar pertumbuhan output benar dan guna tenaga yang tinggi, dan perubahan sikap rakyat yang positif dan progresif untuk menjamin pertumbuhan yang berterusan. Mengikut W. Rostow tahap pemecutan ialah tahap yang kritikal dalam sejarah pembangunan ekonomi kerana semua prasyarat untuk pertumbuhan yang pantas dan berterusan telah dipenuhi. Antara prasyarat tersebut ialah saham modal yang mencukupi supaya kadar pelaburan yang tinggi dicapai, kemajuan teknologi yang moden untuk perkembangan industri perkilangan, dan kuasa politik yang berminat untuk pembangunan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

tahun asas (*base year*) Tahun yang dipilih sebagai permulaan bagi pengiraan satu siri nombor indeks. Biasanya indeks yang diberikan kepada tahun asas ialah nombor 100. Tahun asas digunakan bagi membandingkan harga pada tahun-tahun yang berlainan dengan harga tahun asas. Biasanya tahun asas yang dipilih ialah satu tahun yang mempunyai ciri-ciri yang normal seperti tiada kemelesetan atau inflasi yang tinggi.

tahun fiskal (*fiscal year*) Jangka masa 12 bulan yang digunakan oleh badan atau syarikat sebagai tempoh pengiraan perakaunan, seperti penyata tahunan bagi syarikat dan belanjawan bagi kerajaan. Di Malaysia, tahun fiskal yang digunakan oleh kerajaan bersamaan tahun kalendar.

tahun melambung (*boom year*) Tahun yang barang dan perkhidmatannya bertambah lebih daripada 4.5%, pendapatan wang selepas cukai bertambah lebih daripada 10% setahun, dan kadar pengangguran adalah di bawah 5.5% daripada jumlah tenaga buruh.

taksiran cukai (*tax assessment*) Penyata yang menunjukkan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh seseorang. Penyata tersebut mengandungi jumlah pendapatan tahunan serta imbuhan lain yang diterima, potongan dan pengecualian yang diberi seperti untuk diri, isteri, anak-anak, bayaran zakat, dan derma yang dibenarkan.

tanah (*land*) Faktor pengeluaran selain daripada buruh dan modal sebagai

input dalam proses pengeluaran. Tanah merujuk semua jenis sumber semula jadi, termasuk tanah dalam pengertian sehari-hari, darjah kesuburan, iklim, dan faktor semula jadi lain yang mempengaruhi kualiti tanah, sumber galian, hasil hutan, dan apa juga yang datang secara semula jadi daripada bumi. Umumnya, tanah dianggap faktor tetap, walaupun pada tingkat harga tanah yang cukup tinggi, penawarannya boleh bertambah. Permintaan untuk tanah bergantung pada ciri-ciri seperti kesuburan, kedudukan, dan sama ada tanah itu berlebihan atau berkurangan.

tanaman kontan (*cash crop*) Tanaman yang ditanam untuk tujuan komersil.

Petani memperoleh hasil tanaman dengan menjualkannya kepada orang tengah untuk memperoleh pendapatan dan kadangkala memasarkan hasil itu sendiri. Teknik pertanian yang moden dan cekap diamalkan agar output maksimum dapat dihasilkan, kerana motif utama petani adalah untuk memaksimumkan pendapatannya.

tanda perdagangan (*trademark*) Sebarang bentuk perkataan, nama, alat, atau simbol yang digunakan oleh pengeluar atau peniaga untuk memperkenalkan syarikat yang mengeluarkan sesuatu barang. Tujuan tanda perdagangan adalah untuk membezakan keluaran suatu syarikat daripada syarikat yang lain. Pada masa kini, tanda perdagangan adalah sangat penting kerana keluaran yang hampir sama fungsi dan bentuk adalah terlalu banyak dalam pasaran. Tanda perdagangan penting bagi pengeluar yang telah berjaya mengekalkan sebahagian besar keluarannya dalam pasaran supaya pembeli tidak tersilap membeli barang yang hampir serupa bentuknya. Tanda perdagangan juga memberi kepercayaan kepada pembeli apabila keluaran baru diperkenalkan. *Sinonim* cap dagang.

taraf hidup (*standard of living*) Ukuran keupayaan seseorang atau sesuatu isi rumah memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Jika keperluan asas sahaja yang dipenuhi, maka taraf hidup dianggap rendah. Sebaliknya jika keperluan hidup yang dipenuhi melebihi keperluan asas, maka taraf hidup adalah tinggi. Sebuah negara dikatakan mempunyai taraf hidup yang tinggi jika kebanyakan penduduknya mencapai taraf hidup yang tinggi, dan sebaliknya. Taraf hidup sesebuah negara biasanya diukur berdasarkan pendapatan per kapita, agihan pendapatan, kadar kenal huruf, kadar kematian bayi, jangkaan hidup, dan nisbah kemudahan asas terhadap bilangan penduduk negara berkenaan. *Sinonim* tingkat hidup.

taraf kredit (*credit status*) Lihat pengkadaran kredit.

taraf perintis (*pioneer status*) Galakan pelaburan yang berbentuk pemberian pelepasan cukai kepada syarikat yang mengeluarkan barang yang dianggap baru tetapi penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Syarikat yang diberi taraf perintis dikecualikan sepenuhnya daripada membayar cukai pendapatan, cukai pembangunan, dan cukai untung berlebihan selama dua tahun hingga lima tahun dari tarikh operasi, mengikut jumlah pelaburan dalam modal tetap syarikat tersebut. Syarikat yang mempunyai modal tetap tidak melebihi RM250 000 diberi dua tahun pelepasan cukai, antara

RM250 000 hingga RM500 000 diberi tiga tahun, antara RM500 000 hingga RM1 juta diberi empat tahun, dan yang mempunyai modal tetap melebihi RM1 juta diberi lima tahun. Syarikat yang mendirikan kilang dalam kawasan pembangunan, mengeluarkan barang yang diutamakan, dan penggunaan input tempatannya mencapai satu tahap yang ditetapkan, juga diberi tambahan pelepasan cukai yang tidak melebihi tiga tahun.

tarif (tariff) Cukai terhadap barang-barang yang diimport. Tujuan tarif dikenakan adalah untuk mengurangkan kuantiti import yang diminta, mendapatkan hasil cukai, menggalakkan pengeluaran barang tempatan, dan memperbaikiimbangan bayaran. *Sinonim* duti kastam, duti import, cukai import.

tarif ad valorem (ad valorem tariff) Nilai cukai import yang bergantung pada peratusan nilai (bukan kuantiti) barang yang diimport. Misalnya, 40% daripada harga barang elektrik dan 5% daripada nilai bahan pembinaan. Perbezaan peratusan ini bergantung pada objektif tarif itu dikenakan dan sifat barang yang diimport. Misalnya, jika kerajaan tidak menggalakkan sesuatu barang itu diimport, peratusan yang tinggi akan dikenakan.

tarif berbilang bahagian (multi-part tariff) Tarif yang dikenakan terhadap suatu barang import yang kadarnya berbeza mengikut negara asal barang import tersebut.

tarif dua bahagian (two-part tariff) Kadar bayaran yang berbeza yang dikenakan terhadap penggunaan perkhidmatan atau kemudahan awam seperti air dan kuasa elektrik. Kadar yang berbeza itu mengikut tingkat penggunaan atau tujuan penggunaan. Misalnya, kadar bayaran elektrik untuk rumah kediaman berbeza daripada kadar bayaran untuk perusahaan atau perniagaan. Kadar bayaran elektrik untuk rumah kediaman pula berbeza-beza untuk sejumlah unit yang pertama berbanding dengan sejumlah unit yang kedua. Tarif dua bahagian ini juga merupakan satu contoh amalan diskriminasi harga. *Lihat juga* diskriminasi harga.

tarif khusus (specific tariff) *Lihat* tarif spesifik.

tarif mencegah (prohibitive tariff) Tarif yang kadarnya terlalu tinggi sehingga boleh menghalang perdagangan antarabangsa. Tarif terhadap suatu barang import akan meningkatkan harga barang import tersebut yang seterusnya menggalakkan pertambahan pengeluaran dalam negeri. Jika kadar tarif terlalu tinggi, pengeluar dalam negeri mungkin menambahkan pengeluaran sehingga negara tidak lagi perlu mengimport.

tarif nominal (nominal tariff) Tarif import yang dikira berasaskan harga barangan akhir, iaitu barang yang bukan digunakan untuk mengeluarkan barang lain.

tarif optimum (optimum tariff) Kadar tarif yang memaksimumkan faedah yang diperoleh daripada pembaikan kadar syarat perdagangan setelah diambil kira kemungkinan jumlah unit perdagangan yang jatuh akibat penenaan kadar tarif tersebut.

tarif perlindungan (protective tariff) Tarif yang dikenakan terhadap barang

tarif spesifik

yang bertujuan melindungi pengeluaran dalam negeri daripada persaingan pengeluaran asing, bukan untuk menambahkan hasil kerajaan.

tarif spesifik (*specific tariff*) Nilai cukai import yang bergantung pada kuantiti atau ukuran unit, bukan nilai barang yang diimport. Misalnya, RM1.00 bagi sebuah buku atau RM2.00 bagi seela kain yang diimport. Penentuan nilai cukai bergantung pada harga barang-barang import. Biasanya nilai cukai adalah tinggi jika harga barang import mahal, dan sebaliknya. *Sinonim* tarif khusus.

tarif terpilih (*selective tariff*) Tarif yang mengenakan kadar cukai import yang berbeza terhadap barang yang berbeza dengan tujuan yang berbeza. Misalnya, jika tujuan tarif adalah untuk mendapatkan hasil kutipan yang banyak, maka kerajaan perlu mengenakan kadar cukai yang tinggi terhadap barang import yang tak anjal permintaannya dan cukai yang rendah terhadap barang yang anjal permintaannya. Jika tujuan tarif adalah untuk menggalakkan industri muda dan penggantian import, maka kerajaan perlu mengenakan kadar cukai import yang tinggi terhadap barang akhir dan kadar cukai import yang rendah terhadap barang pertengahan dan input. Jika tujuan tarif adalah untuk memperbaikiimbangan perdagangan, maka kadar tarif yang tinggi dikenakan terhadap barang anjal, manakala untuk tujuan mengagihkan semula pendapatan, kadar tarif yang tinggi dikenakan terhadap barang mewah.

tarif timbal balas (*countervailing tariff*) Lihat duti timbal balas.

tarikh kematangan (*maturity date*) Tarikh apabila nota, bon, hutang, atau sebarang tanggungan kewangan mesti dijelaskan sepenuhnya. Penjelasan pada tarikh kematangan melibatkan bayaran pokok dan bunga.

tarikh penebusan (*redemption date*) Tarikh apabila sekuriti seperti debentur atau pinjaman perlu ditebus.

tawar-menawar (*bargain*) Perundingan secara formal atau tidak formal untuk menentukan harga yang dipersetujui sebelum suatu urusan niaga diputuskan.

tawar-menawar kolektif (*collective bargaining*) Tawar-menawar yang dilakukan antara wakil pekerja dan majikan, biasanya dalam menentukan kadar upah dan syarat pekerjaan. Antara perkara yang diambil kira dalam tawar-menawar ini ialah kenaikan upah, jumlah jam kerja, pengambilan atau pemecatan pekerja, dan kebajikan pekerja. Tawar-menawar kolektif mendapat tentangan hebat daripada pihak yang berpendapat bahawa kesatuan sekerja dan majikan jarang sekali mengambil kira kebajikan orang ramai. *Sinonim* tawar-menawar pekerja-majikan.

tawar-menawar pekerja-majikan (*collective bargaining*) Lihat tawar-menawar kolektif.

tawar-menawar upah (*wage bargaining*) Proses menuntut kadar upah tertentu secara perundingan antara kesatuan sekerja dengan organisasi majikan. Biasanya dalam tawar-menawar upah, persetujuan perundingan bukan sahaja meliputi kadar upah, tetapi juga syarat pekerjaan seperti jangka masa kerja, faedah sampingan yang berbentuk wang atau bukan wang, cuti

tahunan, syarat kerja lebih masa, dan keadaan kerja.

tawaran blok (*block offer*) Tawaran oleh unit pelaburan dalam bilangan yang besar pada satu masa yang diminta oleh pelabur. Harga yang ditawarkan tetap untuk satu jangka masa tertentu.

tekanan inflasi (*inflationary pressure*) Keadaan ekonomi seperti peningkatan permintaan agregat yang memungkinkan berlakunya peningkatan dalam tingkat harga umum. Keadaan ini mungkin berpunca daripada pertambahan dalam perbelanjaan kerajaan, pertambahan baki benar, atau peningkatan keyakinan sektor perniagaan terhadap ekonomi yang lebih cepat daripada pertumbuhan keluaran negara, atau peningkatan kos pengeluaran yang lebih cepat daripada peningkatan daya pengeluaran. Tekanan inflasi biasanya wujud semasa ekonomi mengalami pertumbuhan yang amat pesat atau menghampiri tahap guna tenaga penuh.

tekanan penduduk (*population pressure*) Keadaan yang wujud apabila pertumbuhan penduduk, sama ada secara semula jadi atau akibat migrasi, yang terlalu cepat dan melebihi kadar pertumbuhan ekonomi. Tekanan penduduk yang gagal dikawal boleh mencetuskan pengangguran yang berleluasa, kejatuhan taraf hidup, dan menimbulkan masalah sosial.

teknik intensif buruh (*labour intensive technique*) Kaedah pengeluaran yang menggunakan lebih banyak buruh berbanding dengan modal atau faktor pengeluaran lain. *Lihat juga* keluaran intensif buruh.

teknik jimat buruh (*labour saving technique*) Kaedah pengeluaran yang mengakibatkan buruh dikurangkan. Biasanya teknik penjimatan buruh merujuk teknologi intensif modal negara maju, yang walaupun tidak sesuai tetapi dipindahkan ke negara membangun oleh syarikat multinasional. *Sinonim* teknologi jimat buruh.

teknik pengeluaran (*production technique*) Cara input-input digabungkan dan digunakan dalam mengeluarkan suatu tingkat output. Teknik pengeluaran dikatakan cekap dari segi ekonomi jika teknik tersebut boleh mengeluarkan suatu tingkat output dengan kos yang terendah, dan dikatakan cekap dari segi teknik jika teknik itu boleh mengeluarkan output dengan kuantiti input yang minimum. *Sinonim* proses pengeluaran.

teknokrasi (*technocracy*) Program pembentukan semula ekonomi dan sosial yang mencadangkan supaya jurutera dan ahli sains mengawal corak kehidupan ekonomi. Menurut para teknokrat, masyarakat moden telah menjadi sangat kompleks untuk dikendalikan oleh ahli-ahli politik dan pengusaha kapitalis. Oleh itu, kawalan patut berada di tangan orang yang mengendalikan revolusi industri, seperti jurutera dan ahli sains.

teknologi jimat buruh (*labour saving technology*) *Lihat* teknik jimat buruh.

teknologi Leontief (*Leontief technology*) *Lihat* fungsi pengeluaran linear.

teknologi linear (*linear technology*) *Lihat* fungsi pengeluaran linear.

tenaga buruh (*labour force*) Penduduk yang dianggap aktif dari segi ekonomi, iaitu yang berumur antara 16 hingga 64 tahun, yang sedang bekerja dan

teorem had memusat

yang menganggur. Penduduk yang bersekolah tidak termasuk dalam golongan tenaga buruh.

teorem had memusat (*central limit theorem*) Teorem yang menyatakan bahawa pengeluaran suatu sampel rambang akan menghampiri taburan normal apabila saiz sampel cukup besar. Teorem ini amat berguna dalam kajian sains sosial yang membolehkan sebarang kajian diasaskan kepada anggaran dan pengujian statistik berasaskan taburan normal.

teorem Heckscher-Ohlin (*Heckscher-Ohlin theorem*) Sebahagian daripada teori Heckscher-Ohlin yang menyatakan bahawa sesebuah negara akan mengeksport barang yang proses pengeluarannya menggunakan secara intensif faktor yang banyak teranugerah dan murah harganya, dan mengimport barang yang proses pengeluarannya menggunakan secara intensif faktor yang kurang dan mahal harganya di negara tersebut.

teorem Heckscher-Ohlin-Samuelson (*Heckscher-Ohlin-Samuelson theorem*)
Lihat teorem penyamaan harga faktor.

teorem penyamaan harga faktor (*factor-price equalization theorem*) Sebahagian daripada teori Heckscher-Ohlin yang meramalkan bahawa perdagangan bebas antara negara akan membawa kepada penyamaan pulangan kepada faktor-faktor pengeluaran, sama ada secara mutlak atau relatif, antara negara-negara yang berdagang. *Sinonim* teorem Heckscher-Ohlin-Samuelson.

teorem sarang lelabah (*cobweb theorem*) Teorem yang menyatakan bahawa penawaran bergantung pada lat satu tahun dan permintaan bergantung pada harga suatu barang. Fenomenon ini berlaku terutamanya bagi keluaran pertanian apabila terdapat lat masa antara pembuatan keputusan untuk mengeluarkan sesuatu barang dengan pengeluaran sebenar. Misalnya, pertambahan permintaan akan menaikkan harga kerana dalam jangka pendek tiada tambahan dalam penawaran. Harga yang tinggi menyebabkan pengeluar meningkatkan output dan seterusnya menyebabkan pertambahan dalam pengeluaran. Pertambahan dalam pengeluaran pula akan menyebabkan kejatuhan harga, yang seterusnya akan mengakibatkan pengurangan, penawaran dan pengurangan output.

teorem Stolper Samuelson (*Stolper Samuelson theorem*) Teorem perdagangan antarabangsa yang menyatakan bahawa peningkatan harga suatu barang, misalnya akibat penggunaan tarif, akan menyebabkan peningkatan pulangan bagi faktor yang digunakan secara intensif dalam pengeluaran barang tersebut. Ekoran daripada teorem ini, penyamaan harga faktor di negara-negara yang berdagang terjadi seperti yang diramalkan oleh teorem penyamaan harga faktor.

teori (*theory*) Suatu pernyataan yang mesti mengandungi perkara yang berikut:

- i) Suatu set definisi tentang pemboleh ubah yang digunakan.
- ii) Suatu set andaian yang membolehkan teori itu berfungsi.
- iii) Satu hipotesis atau lebih tentang perhubungan pemboleh ubah.
- iv) Ramalan atau penelahan yang boleh disimpulkan daripada andaian

- teori, dan yang boleh diuji secara pemerhatian empirik yang sebenar. Teori digunakan untuk menerangkan fenomenon yang diperhatikan. Suatu teori yang baik dan berjaya membolehkan kita menelaah atau meramalkan akibat yang mungkin wujud apabila berlaku kejadian-kejadian yang berbeza.
- teori anugerah faktor** (*factor endowment theory*) Lihat teori Heckscher-Ohlin.
- teori bunga dana boleh pinjam** (*loanable fund theory of interest*) Teori yang menyatakan bahawa kadar bunga ditentukan oleh permintaan dan penawaran dana pinjaman di pasaran bon dan surat hutang. Teori ini berbeza daripada teori kecairan kadar bunga Keynes yang menyatakan bahawa kadar bunga ditentukan oleh permintaan dan penawaran wang.
- teori bunga tangguh guna** (*abstinence theory of interest*) Teori yang menekankan bahawa bunga merupakan suatu bayaran, kerana menangguhkan penggunaan sekarang. Bunga dalam hal ini merupakan bayaran untuk menyimpan dalam bentuk tabungan sebahagian pendapatan yang sepatutnya dibelanjakan sekarang. Misalnya, sesetengah orang sanggup membayar bunga kerana meminjam untuk mendapatkan faedah daripada penggunaan sekarang. Ini bermakna terdapat golongan yang sanggup memberi pinjaman atau mewujudkan dana pinjaman, yang lebih menggemari penggunaan masa hadapan, dari penggunaan sekarang. Pinjaman yang mereka sanggup berikan menerima bunga kerana menangguh guna untuk penggunaan masa hadapan.
- teori daya pengeluaran sut** (*marginal productivity theory*) Teori yang menerangkan bagaimana pendapatan atau pulangan setiap faktor pengeluaran ditentukan berdasarkan sumbangan sut faktor tersebut. Misalnya, upah pekerja dibayar berdasarkan nilai sumbangan pekerja tersebut terhadap barang yang dikeluarkan. Pendapatan faktor boleh ditambah jika nilai sumbangan faktor bertambah. Teori daya pengeluaran sut mengandaikan persaingan sempurna dalam pasaran faktor. Teori ini juga menyatakan bahawa apabila satu faktor pengeluaran ditambah, nilai sumbangan setiap faktor kepada pengeluaran akan berkurangan. Untuk memaksimumkan keuntungan, majikan akan menambahkan faktor pengeluaran sehingga bayaran terhadap faktor itu sama dengan nilai sumbangannya. *Sinonim* doktrin daya pengeluaran sut. *Lihat juga* hukum daya pengeluaran sut berkurangan.
- teori daya pengeluaran sut buruh** (*marginal productivity theory of labour*) Teori yang menerangkan kadar upah yang dibayar kepada pekerja adalah sama dengan tingkat daya pengeluaran sutnya. Teori ini menjelaskan perbezaan upah yang diterima oleh pekerja. Bagaimanapun, teori ini gagal menjelaskan perbezaan upah antara pekerja yang mempunyai daya pengeluaran yang sama, tetapi membuat kerja dan bekerja di tempat yang berlainan. Teori ini juga tidak mengambil kira faktor keadaan tak mobiliti buruh dan kegiatan kesatuan sekerja. *Sinonim* teori daya pengeluaran sut upah. *Lihat juga* teori daya pengeluaran sut.
- teori daya pengeluaran sut upah** (*marginal productivity theory of wages*)

Lihat teori daya pengeluaran sut buruh.

teori Dow (*Dow theory*) Teori yang cuba meramalkan pergerakan harga saham pada masa depan dengan berasaskan semata-mata kepada tingkat purata beberapa saham terpilih. Teori Dow berdasarkan tiga pergerakan asas dalam pasaran saham iaitu; arah aliran utama yang terdiri daripada arah aliran ke atas atau arah aliran ke bawah jangka panjang bagi harga, arah aliran peringkat kedua yang terdiri daripada arah aliran ke atas jangka pendek dalam bursa menurun utama atau arah aliran ke bawah jangka pendek dalam bursa menaik utama, dan turun naik harga harian di pasaran saham.

teori faedah (*benefit theory*) Teori yang menyatakan bahawa orang ramai harus dicukai oleh kerajaan menurut faedah yang diperoleh daripada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Teori ini sering digunakan sebagai asas oleh kerajaan tempatan untuk mengenakan bayaran bagi perkhidmatan yang disediakan. Bagaimanapun, teori faedah dianggap kurang sesuai kerana teori ini bersifat regresif dan kebanyakan perkhidmatan kerajaan ditujukan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

teori Heckscher-Ohlin (*Heckscher-Ohlin theory*) Teori perdagangan antarabangsa yang menyatakan bahawa sesebuah negara akan mengeksport barang yang proses pengeluarannya memerlukan penggunaan secara intensif faktor yang teranugerah dengan banyak dan murah harganya di negara tersebut. Menurut teori ini lagi, apabila wujud perdagangan, maka akan lahir pulangan faktor pengeluaran yang sama, sama ada secara mutlak atau relatif antara negara-negara yang berdagang. *Sinonim* teori H-O, teori anugerah faktor, teori perkadaran faktor.

teori H-O (*H-O theory*) Lihat teori Heckscher-Ohlin.

teori jangkaan rasional (*rational expectation theory*) Teori yang menyatakan bahawa agen ekonomi, individu, atau isi rumah membuat jangkaan berdasarkan maklumat yang ada dan kefahaman mereka terhadap ekonomi. Oleh itu, jangkaan mereka terhadap masa depan akan mempengaruhi gelagat ekonomi semasa. Berdasarkan hakikat tersebut, kerajaan berusaha mewujudkan keadaan yang stabil dengan melaksanakan dasar jangka panjang yang bersifat sederhana yang boleh diikuti oleh organisasi. Sebarang perubahan dalam dasar fiskal atau kewangan tidak boleh mengubah output dan pengangguran, kerana permintaan dan penawaran akan berfungsi secukupnya untuk mengubah tingkat harga dan upah sehingga tingkat output dan pengangguran tidak berubah.

teori kecairan bunga (*liquidity theory of interest*) Teori yang menyatakan bahawa kadar bunga di pasaran ditentukan oleh keinginan memegang wang iaitu kecairan, dan penawaran wang. Menurut teori ini apabila keinginan memegang wang meningkat maka aset akan ditukarkan kepada wang. Jika penawaran wang tetap, perkara ini akan menyebabkan harga aset jatuh, dan kadar bunga meningkat. Jika penawaran meningkat sedangkan keinginan memegang wang tetap, maka lebih wang tersebut akan

digunakan untuk membeli aset nominal. Pertambahan permintaan untuk aset akan menyebabkan harga meningkat dan kadar bunga menurun. Kadar bunga keseimbangan tercapai apabila permintaan atau keinginan memegang wang adalah sama dengan penawaran wang. *Sinonim* teori kecairan bunga Keynes.

teori kecairan bunga Keynes (*Keynesian liquidity theory of interest*) Lihat teori kecairan bunga.

teori kependudukan Malthus (*Malthusian theory of population*) Teori yang cuba menjelaskan perkaitan antara kadar pertumbuhan makanan dengan kadar pertumbuhan penduduk. Mengikut teori ini, makanan hanya berkembang mengikut siri matematik (misalnya, 1, 2, 3,) manakala penduduk pula berkembang mengikut siri geometri (misalnya, 1, 2, 4, 8,). Oleh itu, akan tiba suatu masa apabila bilangan penduduk melebihi makanan yang dikeluarkan. Langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk mengawal malapetaka seperti kebuluran, peperangan, dan wabak penyakit yang boleh menghapuskan sebahagian daripada penduduk kerana pada waktu malapetaka, taraf hidup jatuh dan kadar upah turun ke aras cukup hidup.

teori kesan baki benar (*real balance effect theory*) Teori yang menyatakan bahawa penurunan dalam tingkat harga umum akan menyebabkan kenaikan dalam penggunaan dan pelaburan. Kesan terhadap penggunaan disebut kesan Pigou, manakala kesan terhadap pelaburan disebut kesan Keynes. Teori kesan baki benar ini dibentuk berdasarkan hujah bahawa terdapat pertalian antara baki wang yang dipegang dengan perbelanjaan terhadap barang dan perkhidmatan. Penurunan harga umum meningkatkan kuasa beli wang yang dipegang, iaitu dengan jumlah wang yang sama, kuantiti barang dan perkhidmatan yang boleh dibeli bertambah. Oleh itu, apabila tingkat harga umum turun, maka berlakulah gangguan dalam pertalian antara baki benar dan perbelanjaan yang mewujudkan lebih penawaran aset cair. Sebahagian daripada aset cair akan dibelanjakan oleh individu untuk barang dan perkhidmatan, manakala sebahagian yang lain akan dipinjamkan. Tindakan ini akan menyebabkan pertambahan dalam penawaran dan pasaran wang boleh pinjam, dan seterusnya menurunkan kadar bunga. Kadar bunga yang rendah akan menambahkan pelaburan. Oleh itu, kesan baki benar meningkatkan tingkat penggunaan dan pelaburan. *Sinonim* kesan baki benar, kesan Pigou.

teori kesan sehaluan (*ratchet effect theory*) Teori yang menyatakan bahawa pengguna dan pelabur masing-masing berusaha mengekalkan tingkat penggunaan dan pelaburan pada permulaan suatu kemerosotan. Walaupun keadaan ekonomi sedang merosot, tingkat penggunaan dan pelaburan yang tinggi amat sukar untuk diturunkan, kerana agen ekonomi yang terlibat tidak mahu merasakan kesempitan setelah mengalami kesenangan pada zaman melambung. Sebaliknya, apabila zaman kemerosotan mula pulih, tingkat penggunaan dan pelaburan akan bertambah dengan kadar yang

teori kuantiti wang

lebih kurang sama seperti semasa kemerosotan. Corak penggunaan dan pelaburan begini menimbulkan kesan sehaluan.

teori kuantiti wang (*quantity theory of money*) Teori yang menyatakan bahawa tingkat harga umum berubah secara langsung dengan jumlah wang dalam edaran. Perhubungan tersebut boleh ditunjukkan oleh persamaan pertukaran, iaitu:

$$MV = PT$$

apabila M = kuantiti wang,

V = halaju pusingan wang,

P = tingkat harga umum, dan

T = jumlah urus niaga.

Persamaan di atas telah diperkenalkan oleh Irving Fisher yang mengandaikan bahawa dalam jangka pendek, halaju wang dan jumlah urus niaga adalah tetap. Oleh itu, tingkat harga berkadaran tetap dengan jumlah penawaran wang.

teori lokasi (*location theory*) Teori tentang faktor yang menentukan penempatan kegiatan ekonomi, seperti pertanian dan perbandaran. Teori ini juga menganalisis pola ruang, seperti pengangkutan, kaitan antara pengeluaran dengan faktor lokasi, jarak lokasi dengan pasaran, dan jarak lokasi dengan bahan mentah.

teori makroekonomi (*macroeconomic theory*) Prinsip-prinsip yang munasabah yang cuba menjelaskan suatu fenomenon yang melibatkan agregat-agregat ekonomi. Teori makroekonomi terdiri daripada takrif tentang pemboleh ubah, andaian yang menentukan keadaan bila teori tersebut mungkin berlaku, dan hipotesis tentang hubungan antara pemboleh ubah yang menjelaskan sesuatu fenomenon. Misalnya, teori penggunaan kitaran hayat, teori kecairan bunga Keynes, dan teori pelaburan neoklasik.

teori nilai buruh (*labour theory of value*) Teori yang menyatakan bahawa nilai suatu barang ditentukan oleh nilai buruh yang diperlukan untuk mengeluarkan barang tersebut, termasuk nilai yang terselindung dalam input lain seperti modal. Misalnya, jika suatu barang memerlukan seorang pekerja bekerja selama dua hari untuk menyiapkannya, maka barang tersebut adalah dua kali ganda lebih bernilai daripada suatu barang lain yang boleh disiapkan dalam masa sehari.

teori pariti kuasa beli (*purchasing power parity theory*) Teori yang menyatakan bahawa kadar pertukaran keseimbangan antara dua mata wang ditentukan oleh kuasa beli mata wang tersebut di dalam negeri masing-masing. Teori pariti kuasa beli mutlak menyatakan bahawa kadar pertukaran keseimbangan adalah nisbah harga dalam dua negara. Ini boleh ditunjukkan dalam bentuk formula seperti yang berikut:

$$R_{xy} = P_x/P_y$$

apabila R_{xy} = kadar pertukaran antara mata wang negara x dengan negara y, dan

P_x dan P_y = tingkat-tingkat harga di negara x dan y.

Misalnya, jika RM1.00 dapat membeli suatu barang dan S\$0.60 dapat membeli sejumlah barang yang sama, maka kadar pertukaran pariti kuasa beli ialah RM1.00 = S\$0.60. Manakala teori pariti kuasa beli relatif menyatakan perubahan kadar pertukaran dalam sesuatu tempoh sepatutnya berkadar tetap terhadap perubahan relatif tingkat harga dalam kedua-dua negara tersebut. Formulanya adalah seperti yang berikut:

$$R_{xy1} = \frac{(P_{x1}/P_{x0})}{(P_{y1}/P_{y0})} R_{xy0}$$

apabila R_{xy0} dan R_{xy1} = masing-masing ialah kadar pertukaran dalam tempoh 0 dan 1,

P_{x0} dan P_{x1} = masing-masing ialah tingkat harga di negara x dalam tempoh 0 dan 1, dan

P_{y0} dan P_{y1} = masing-masing ialah tingkat harga di negara y dalam tempoh 0 dan 1.

Misalnya, jika tingkat harga umum tidak berubah di negara y dalam kedua-dua tempoh 0 dan 1, manakala tingkat harga dalam negara x meningkat sebanyak 50% maka teori pariti kuasa beli meramalkan kadar pertukaran di antara negara x dan y akan bertambah sebanyak 50%.

teori pariti kuasa beli mutlak (*absolute purchasing power parity theory*) Lihat teori pariti kuasa beli.

teori pariti kuasa beli relatif (*relative purchasing power parity theory*) Lihat teori pariti kuasa beli.

teori penentuan pendapatan negara (*theory of national income determination*)

Teori yang cuba menjelaskan keseimbangan pendapatan negara yang dicapai apabila permintaan agregat sama dengan penawaran agregat. Komponen permintaan agregat terdiri daripada perbelanjaan penggunaan, C, perbelanjaan pelaburan, I, perbelanjaan kerajaan, G, dan perbelanjaan eksport bersih, (X - M). Formulanya ialah:

$$AD = C + I + G + (X - M)$$

Penawaran agregat ialah jumlah output, Y, yang dikeluarkan oleh sesebuah negara. Menurut teori ini, keseimbangan pendapatan negara diperolehi apabila jumlah output yang dikeluarkan sama dengan jumlah perbelanjaan, iaitu $Y = C + I + G + (X - M)$.

teori pengalihan daya pengeluaran sut (*marginal productivity theory of distribution*) Teori yang menyatakan bahawa agihan pendapatan di kalangan pemilik faktor bergantung pada jumlah faktor yang dimiliki. Setiap faktor dibayar mengikut daya pengeluaran sut masing-masing, dan oleh itu pemilik faktor memperoleh pulangan berkadar dengan jumlah faktor yang dimiliki. Teori ini juga mengandaikan bahawa pasaran untuk faktor pengeluaran adalah sempurna.

teori pengguna

teori pengguna (*consumer theory*) Teori yang menjelaskan gelagat pengguna semasa membuat pembelian sesuatu barang apabila pengguna berhadapan dengan perubahan pemboleh ubah seperti harga, harga barang lain, dan tingkat pendapatan. Teori pengguna berdasarkan analisis keluk puas sama atau teori keutamaan. Andaian utama dalam teori pengguna ialah kerasionalan pengguna, manakala hipotesis utama teori ini ialah hubungan negatif antara kuantiti yang diminta dengan harga.

teori perkadaran faktor (*factor-proportion theory*) Lihat teori Heckscher-Ohlin.

teori pusat pinggir (*centre periphery theory*) Teori yang menyatakan bahawa kemunduran berpunca daripada kewujudan bersama dan kawasan yang berbeza dari segi kegiatan dan kekayaan ekonomi. Menurut teori ini, kawasan pusat yang kaya menguasai kegiatan ekonomi kawasan pinggir yang mundur sehingga sebarang usaha untuk membawa kawasan pinggir ke arah kemajuan dan kebebasan ekonomi adalah amat sukar. Kewujudan pusat pinggir dikaitkan dengan sistem penjajahan yang mencetuskan kawasan pusat di negara penjajah dan kawasan pinggir di negara yang dijajahi. Ciri kebergantungan kawasan pinggir pada kegiatan ekonomi kawasan pusat menyebabkan kawasan pinggir tidak dapat mengembangkan kegiatan ekonominya secara berasingan atau bebas daripada ketentuan keperluan ekonomi kawasan pusat. Lihat juga dualisme ekonomi.

teori tawar-menawar upah (*bargaining theory of wages*) Teori yang menyatakan bahawa upah ditentukan oleh kekuatan tawar-menawar antara pekerja dengan majikan. Sekiranya pekerja melalui kesatuan sekerja, mempunyai kuasa tawar-menawar yang lebih kuat, upah cenderung menjadi lebih tinggi daripada keadaan apabila majikan mempunyai kuasa tawar-menawar.

teori terbaik kedua (*second best theory*) Teori yang menyatakan jika salah satu daripada syarat keoptimuman Pareto tidak dipenuhi, keadaan terbaik hanya boleh dicapai dengan mengabaikan semua syarat keoptimuman Pareto. Keadaan terbaik ini dikenali sebagai terbaik kedua optimum, dan keadaan ini berlaku dalam pasaran persaingan tidak sempurna apabila optimum Pareto tidak boleh dicapai.

tingkat harga (*price level*) Purata tingkat harga umum pada suatu masa berbanding dengan tingkat harga umum pada satu tahun asas. Tingkat harga biasanya diukur dengan menggunakan indeks harga pengguna atau pendeflasi keluaran negara kasar.

tingkat hidup (*level of living*) Lihat taraf hidup.

tingkat upah (*wage level*) Tingkat purata upah bagi suatu sektor ekonomi, suatu industri, atau bagi ekonomi secara keseluruhan. Tingkat upah boleh dinyatakan dalam nilai wang atau nilai benar bagi satu tempoh masa. Tingkat upah merupakan upah purata yang dibayar kepada semua peringkat pekerja untuk menunjukkan keadaan ekonomi negara. Tingkat upah ini biasanya digunakan untuk membandingkan tingkat kebajikan pekerja dalam

ekonomi dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain.

titik eksport emas (*gold export point*) Lihat titik emas.

titik emas (*gold point*) Kadar pertukaran yang terletak di antara dua kadar pertukaran di atas dan di bawah pariti *mint*. Pada titik ini, tidak berlaku eksport atau import emas yang bertujuan mengambil untung daripada perbezaan nilai mata wang dalam sebutan mata wang asing dan dalam sebutan emas. Misalnya, pariti *mint* antara dolar Amerika Syarikat dan paun sterling ialah $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.866 , dan kos membawa emas yang bernilai $\text{£}1.00$ antara New York dan London ialah $\text{AS}\$0.03$. Oleh itu, kadar pertukaran yang lebih tinggi daripada $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.896 , misalnya $\text{£}1.00 = \text{AS}\5.00 akan mendorong pengeksportan emas dari Amerika Syarikat. Ini kerana dengan membeli sejumlah emas bernilai $\text{£}1.00$ dari perbendaharaan Amerika Syarikat pada kos $\text{AS}\$4.866$, membayar kos pengangkutan sebanyak $\text{AS}\$0.03$, dan menjual emas tersebut di London, seseorang akan memperoleh keuntungan sebanyak $\text{AS}\$0.104$, iaitu pada kadar pertukaran $\text{£}1.00 = \text{AS}\5.00 . Kadar pertukaran $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.896 iaitu pariti *mint* apabila dicampur dengan kos pengangkutan dikenali sebagai titik eksport emas bagi Amerika Syarikat. Sebaliknya, apabila kadar pertukaran lebih rendah daripada $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.836 , emas diimport oleh Amerika Syarikat. Kadar pertukaran $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.836 , iaitu pariti *mint* ditolak kos pengangkutan, dikenali sebagai titik import emas bagi Amerika Syarikat.

titik import emas (*gold import point*) Lihat titik emas.

titik pulang-modal (*break-even point*) Tingkat penjualan yang pendapatan daripadanya hanya cukup-cukup untuk menampung kos pengeluaran tanpa sebarang keuntungan atau kerugian.

titik pusingan atas (*upper turning point*) Titik puncak suatu kitaran perniagaan. Pada titik ini penggunaan input adalah pada keupayaan penuh, dan berlaku kekurangan penawaran bahan mentah dan buruh, terutama buruh mahir. Pada titik ini juga output sukar ditambah kerana penawaran sumber terhad. Output hanya boleh ditambah melalui pelaburan yang menambahkan keupayaan. Dana untuk pelaburan juga akan berkurangan akhirnya. Pertambahan dalam permintaan akan diikuti oleh kenaikan harga yang lebih daripada kenaikan output. Oleh itu, pada titik pusingan atas semua jenis perniagaan cenderung membawa keuntungan.

titik spesi (*specie point*) Had turun naik kadar pertukaran antara dua mata wang terhadap piawai emas. Misalnya, sejumlah emas yang sama boleh dibeli dengan nilai $\text{£}1.00$ di pasaran London, atau $\text{AS}\$4.70$ di pasaran New York. Ini bererti kadar pertukaran pada nilai tara ialah $\text{£}1.00 = \text{AS}\4.70 . Jika harga emas di London turun, iaitu kurang daripada $\text{AS}\$4.70$, maka emas tersebut boleh dijual di New York dengan harga $\text{AS}\$4.70$. Tindakan ini menguntungkan jika kos pengangkutan dan insurans kurang daripada perbezaan nilai antara kadar pada nilai tara dengan kadar di London. Untuk mengelakkan amalan ini, kejatuhan kadar pertukaran di

London tidak sepatutnya melebihi jumlah kos pengangkutan. Jika harga emas naik di London, kadarnya tidak akan melebihi kos pengangkutan dari New York ke London. Oleh itu, kadar naik dan turun merupakan titik spesi bagi dua kadar pertukaran asing.

transye emas (*gold tranche*) Bahagian kuota sebanyak 25% yang boleh dipinjam secara automatik oleh sebuah negara ahli Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tanpa dikenakan sebarang syarat atau sekatan. Pinjaman selanjutnya sehingga maksimum 125% daripada kuota tersebut yang dikenali sebagai transye kredit, dikenakan syarat-syarat tertentu dan pada kadar bunga yang lebih tinggi. Pinjaman ini adalah sebagai imbalan bagi caruman yang dibuat oleh negara ahli kepada IMF.

transye kredit (*credit tranche*) Lihat transye emas.

tuan tanah (*landlord*) Tuan punya tanah atau harta benda yang disewakan. Tuan tanah akan dibayar sewa apabila penyewa dibenarkan mengerjakan tanah atau menggunakan harta benda milik tuan tanah tersebut.

tuan tanah duduk luar (*absentee landlord*) Tuan tanah yang tidak tinggal di kawasan tanah yang dimilikinya. Menurut konsep ini, fungsi pemilikan dan pengerjaan tanah adalah berasingan.

tukar ganti buruh (*labour turnover*) Kekerapan buruh diganti atau bertukar kerja pada suatu masa tertentu. Kadar tukar ganti buruh lebih cepat semasa tingkat ekonomi meningkat, iaitu apabila buruh menjangkakan ekonomi akan terus meningkat.

tukar ganti upah guna tenaga (*wage-employment trade-off*) Dilema yang sering dihadapi oleh kesatuan sekerja apabila kejayaan menuntut upah yang lebih tinggi akan diikuti oleh pengangguran, manakala penambahan pengambilan pekerja akan diikuti oleh penurunan kadar upah.

tumpuan pasaran (*market concentration*) Keadaan yang menggambarkan darjah penguasaan pasaran suatu industri oleh beberapa firma besar. Apabila sebahagian besar daripada jumlah jualan suatu industri hanya merupakan output beberapa syarikat sahaja, industri berkenaan dikatakan mempunyai tumpuan pasaran yang tinggi. Sebuah syarikat yang menguasai pasaran tidak boleh dianggap sebagai syarikat monopoli atau oligopoli kerana dalam industri terdapat banyak syarikat lain yang bersaing menjual barang yang sama.

tunai masa serahan (*cash on delivery*) Bayaran tunai yang perlu dibayar sepenuhnya semasa penerimaan barang. Syarat ini biasanya dikenakan bagi barang yang dipesan melalui pos atau yang dihantar melalui jurujual.

tunai runcit (*petty cash*) Sejumlah wang yang disimpan, biasanya dalam kotak tunai runcit, untuk menjelaskan bayaran bagi perbelanjaan kecil.

turun naik harga barangan (*commodity price fluctuation*) Lihat turun naik harga pertanian.

turun naik harga komoditi (*commodity price fluctuation*) Sinonim turun-naik harga barangan. Lihat turun naik harga pertanian.

turun naik harga pertanian (*agricultural price fluctuation*) Turun naik harga

yang disebabkan oleh permintaan terhadap barangan pertanian yang tidak anjal dan penawaran yang mengambil masa yang lama untuk bertindak balas terhadap perubahan permintaan. Misalnya, apabila terdapat pertambahan permintaan yang tidak dapat dipenuhi oleh penawaran jangka pendek yang tetap, harga akan meningkat. Harga yang tinggi akan merangsangkan pengeluar untuk menambahkan pengeluaran. Jika penawaran melebihi permintaan, harga akan turun dengan diikuti oleh pengurangan pengeluaran, yang seterusnya menyebabkan harga meningkat semula. Kitaran turun naik harga ini akan berterusan dan merupakan ciri utama barangan pertanian. *Lihat juga* teorem sarang lelabah.

turun naik kitaran (*cyclical fluctuation*) Keadaan yang menggambarkan kitaran perniagaan yang melibatkan keadaan melambung yang dicirikan oleh kegiatan ekonomi yang pesat dan diikuti oleh keadaan meleset yang dicirikan oleh kegiatan ekonomi yang lembap. Turun naik kitaran mungkin berlaku berulang kali sebelum ekonomi pulih semula menjadi normal.

turun nilai mata wang (*currency depreciation*) *Lihat* susut nilai 2.

U

undang-undang antipakatan (*antitrust law*) Undang-undang yang diwujudkan untuk menyekat monopoli dan sebarang pakatan antara firma yang bertujuan menaikkan harga dan mencegah persaingan antara firma. Undang-undang antipakatan dilaksanakan di kebanyakan negara dengan tujuan menggalakkan persaingan yang sihat.

undang-undang syarikat (*company law*) Peraturan tentang pembentukan, pendaftaran, dan operasi semua jenis syarikat. Undang-undang ini biasanya terkandung dalam Akta Syarikat.

unit akaun (*unit of account*) Fungsi wang yang bertujuan memberi ukuran nilai kepada sesuatu barang. Apabila wang bertindak sebagai unit akaun, nilai suatu barang boleh disebut dalam sebutan nilai wang tanpa menyebut nilai barang itu dalam sebutan nilai barang lain. Unit akaun memudahkan pernyataan pertukaran harga suatu barang dengan barang lain.

unit kewangan (*monetary unit*) Unit piawai bagi mata wang sesebuah negara. Misalnya, ringgit bagi Malaysia, yen bagi Jepun, rupiah bagi Indonesia, dan dolar bagi Amerika Syarikat.

untung (*profit*) Perbezaan antara jumlah hasil dan jumlah kos. Konsep untung dalam ekonomi membezakan antara untung perakaunan dan untung ekonomi. Untung perakaunan ialah jumlah hasil ditolak jumlah kos yang sebenarnya dibayar oleh sesebuah firma, dan untung ekonomi pula ialah jumlah hasil ditolak jumlah kos yang terdiri daripada kos penggunaan dan kos melepasi. Kos melepasi di sini ialah bayaran kepada pengusaha supaya dapat mengekalkannya dalam pengeluaran tersebut. *Lihat juga* untung tulen.

untung benar (*real profit*) Kuasa beli bagi untung yang diterima oleh seseorang pengusaha. Untung benar ini dikira dengan membahagikan untung wang dengan suatu indeks seperti indeks harga pengguna. Oleh itu, untung benar akan berubah secara songsang dengan indeks harga, dan secara langsung dengan untung wang. Untung benar tidak berubah jika untung wang dan indeks harga berubah pada hala dan kadar yang sama.

- untung ekonomi** (*economic profit*) Lihat untung tulen.
- untung kendalian** (*operating profit*) Lihat untung perakaunan.
- untung atas kertas** (*paper profit*) Lihat rugi atas kertas.
- untung monopoli** (*monopoly profit*) Untung tulen yang diperoleh oleh sesebuah firma kerana firma itu mempunyai kuasa monopoli, sama ada yang bersifat sementara atau berkekalan. Untung monopoli biasanya diperoleh oleh firma monopoli, selain daripada untung normal. *Lihat juga* untung tulen, untung normal.
- untung normal** (*normal profit*) Pulangan kepada semua input yang digunakan oleh satu firma yang membolehkan firma itu kekal dalam industri. Sebuah firma memperoleh untung normal apabila jumlah hasil firma tersebut sama dengan jumlah kos yang termasuk kos pengusaha. Oleh itu, untung normal juga boleh dianggap sebagai kos melepas pengusaha. Dalam jangka panjang, firma dalam pasaran persaingan sempurna hanya menerima untung normal kerana untung tulen akan berkurangan dengan kemasukan firma baru.
- untung perakaunan** (*accounting profit*) Jumlah hasil tolak jumlah kos yang diambil kira dalam perakaunan syarikat. Untung perakaunan berbeza daripada untung ekonomi kerana untung perakaunan tidak mengambil kira kos melepas. Misalnya, jumlah hasil sebuah syarikat ialah RM100 000 dan kos perakaunan ialah RM90 000, maka untung perakaunan ialah RM10 000. Untung ekonomi syarikat lebih rendah daripada untung perakaunan, kerana dalam pengiraan untung ekonomi, bayaran kepada pengusaha perlu ditolak supaya pengusaha tersebut tidak mengalihkan perusahaannya untuk tujuan lain. Jika bayaran kepada pengusaha ialah RM8000, maka untung ekonomi hanyalah RM2000. *Lihat juga* untung ekonomi. *Sinonim* untung kendalian.
- untung tak diagih** (*undistributed profit*) Untung yang tidak dibahagikan dalam bentuk dividen kepada pemilik ekuiti modal. Untung tak diagih akan digunakan semula sebagai sumber pembiayaan dalaman untuk tujuan pertumbuhan perniagaan atau perbadanan. Oleh itu, untung ini penting untuk perancangan pelaburan, terutama bagi syarikat perbadanan yang besar.
- untung tulen** (*pure profit*) Bahagian pendapatan suatu perusahaan yang diterima oleh pengusaha selepas ditolak pembayaran kadar bunga, sewa, upah, dan perbelanjaan mengurus. Untung tulen dianggap sebagai pulangan kerana melibatkan risiko. Secara praktiknya, untung tulen ialah perbezaan antara pulangan dengan jumlah kos yang terdiri daripada kos penggunaan faktor dan kos melepas. *Sinonim* untung ekonomi.
- upah** (*wages*) Bayaran terhadap perkhidmatan seseorang buruh. Upah biasanya merujuk bayaran terhadap perkhidmatan yang diberi oleh buruh kasar, iaitu buruh kolar biru. Bayaran kepada buruh kolar putih disebut gaji.
- upah benar** (*real wage*) Kuasa beli wang daripada upah yang diterima oleh

upah kadar masa

seseorang pekerja. Upah benar diperoleh dengan membahagikan upah wang dengan indeks harga pengguna. Dalam keadaan melambung, upah benar secara amnya menurun kerana indeks harga pengguna naik dengan lebih pantas daripada upah wang. *Lihat juga* upah wang.

upah kadar masa (*time-rate wage*) Pembayaran upah yang berasaskan masa seperti jam, minggu, dan bulan, bukannya kuantiti output yang dihasilkan. Upah kadar masa biasanya diberi kepada pekerja kolar putih kerana output pekerja ini sukar diukur dari segi kuantiti.

upah minimum (*minimum wage*) Upah terendah yang boleh dibayar oleh majikan kepada pekerja seperti yang disyaratkan oleh undang-undang. Upah minimum menjamin taraf hidup yang minimum bagi para pekerja.

upah nominal (*nominal wage*) 1. Upah wang yang diterima. *Lihat juga* upah wang. 2. Sebahagian daripada upah yang diterima dalam bentuk wang sebagai tambahan kepada upah yang diterima dalam bentuk barangan seperti pengangkutan percuma, pakaian seragam, dan penginapan percuma.

upah wang (*money wage*) Jumlah wang yang diterima oleh buruh atau individu sebagai bayaran terhadap perkhidmatan yang diberi. Misalnya, RM50 sejam atau RM2000 sebulan. Upah wang berbeza dengan upah benar kerana upah wang tidak mengambil kira kuasa beli wang. *Lihat juga* upah benar.

urusan bank (*banking*) Segala urusan yang berkaitan dengan perbankan, seperti menerima deposit dan memberi pinjaman.

urusan bank cawangan (*branch banking*) Sistem yang membenarkan bank menubuhkan cawangan di suatu kawasan yang ditetapkan. Misalnya, di Malaysia bank dibenarkan membuka cawangan di mana-mana yang dirasakan perlu. *Lihat juga* urusan bank unit.

urusan bank unit (*unit banking*) Sistem bank yang tidak membenarkan bank membuka cawangan. Sistem ini diamalkan di Amerika Syarikat sebelum tahun 1930-an. Urusan bank unit bertujuan mengelakkan kuasa monopoli dalam urusan niaga kewangan oleh sebuah institusi kewangan yang kukuh. Kelemahan sistem ini ialah kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada bank lain apabila sebuah bank menghadapi krisis kewangan; tidak seperti sistem bank cawangan yang masalah krisis kewangannya dapat diatasi dengan bantuan daripada bank cawangan yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Misalnya, semasa kemelesetan besar tahun 1930-an, sejumlah besar bank unit menghadapi kegagalan operasi, sementara bank cawangan tidak menerima kesan yang mengancam operasi mereka.

usaha sama (*joint venture*) Perkongsian sama ada sementara atau kekal yang dibentuk oleh dua atau lebih individu atau syarikat yang bertujuan mengendalikan aktiviti perniagaan untuk mendapatkan keuntungan. Pihak-pihak yang terlibat berkongsi kos dan keuntungan mengikut kadar yang ditetapkan.

utiliti (*utility*) Jumlah kepuasan yang diperoleh daripada sesuatu barang atau

khidmat yang diperolehi daripada barang tersebut. Utiliti biasanya tidak berkait dengan kebergunaan barang tetapi sebaliknya menerangkan hubungan antara tingkat penggunaan barang atau perkhidmatan dengan tingkat kepuasan pengguna. Nilai utiliti dikatakan tinggi jika kepuasan yang diberikan tinggi, dan berubah-ubah apabila jumlah penggunaannya berubah. Misalnya, barang seperti air berguna kepada manusia tetapi utilitinya rendah jika dibandingkan dengan berlian. Utiliti mempengaruhi permintaan terhadap barang, tetapi yang menentukan permintaan ialah utiliti sut, bukannya jumlah utiliti. *Lihat juga* utiliti sut.

utiliti awam (*public utility*) Syarikat atau perusahaan yang biasanya beroperasi secara monopoli yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan yang berkepentingan umum. Misalnya di Malaysia, industri yang menawarkan perkhidmatan bekalan elektrik ialah Tenaga Nasional Berhad, dan perkhidmatan telefon ialah Syarikat Telekom Malaysia.

utiliti negatif (*disutility*) Ketidakelesaan atau kemudaratan yang diperolehi daripada penggunaan sesuatu barang. Misalnya, pendedahan kulit kepada cahaya matahari untuk tempoh yang singkat akan memberikan kebaikan, tetapi akan menyebabkan kerosakan kulit jika didedahkan terlalu lama. Oleh itu setiap tambahan masa bagi pendedahan yang melebihi had tertentu akan menghasilkan utiliti negatif.

utiliti sut (*marginal utility*) Tambahan kepuasan atau utiliti yang diperolehi oleh pengguna daripada tambahan satu unit barang. Utiliti sut sesuatu barang bergantung pada jumlah barang yang dimiliki oleh pengguna, iaitu semakin banyak barang dimiliki oleh pengguna maka utiliti sut barang tersebut semakin berkurangan. Permintaan sesuatu barang ditentukan oleh utiliti sut, bukannya jumlah kepuasan barang tersebut. Pengguna akan menambah permintaan untuk sesuatu barang sehingga utiliti sut yang diperolehi daripada setiap unit pendapatan yang dibelanjakan terhadap barang tersebut adalah sama dengan utiliti sut pendapatan. *Lihat juga* hukum utiliti sut berkurangan.

utiliti sut pendapatan (*marginal utility of income*) Tambahan utiliti yang diperolehi apabila terdapat tambahan satu unit pendapatan yang dibelanjakan, atau yang boleh dibelanjakan terhadap barang atau penggunaan. Dalam konteks teori pengguna, utiliti sut pendapatan menentukan keseimbangan pengguna, khususnya pengguna akan menambahkan pembelian sesuatu barang selagi utiliti sut barang tersebut melebihi utiliti sut pendapatan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan untuk mendapatkan barang tersebut. Dalam konteks umum, utiliti sut pendapatan menggambarkan tambahan utiliti atau kepuasan penggunaan apabila terdapat tambahan satu ringgit pendapatan. Biasanya semakin tinggi pendapatan seseorang, maka semakin rendah utiliti sut pendapatannya.

V

variabel (*variable*) Lihat pemboleh ubah.

variabel rawak (*random variable*) Lihat pemboleh ubah rambang.

varians (*variance*) Ukuran tentang sejauh mana sesuatu pemboleh ubah rawak mempunyai nilai yang terselerak di sekitar nilai min. Formulanya ialah:

$$\sigma^2 = \int_{-\infty}^{\infty} (x_i - \mu)^2 f(x) dx$$

apabila pemboleh ubah X selanjur, dan

$$\sigma^2 = \sum_{i=-\infty}^{\infty} (x_i - \mu)^2 f(x)$$

apabila pemboleh ubah X diskret. Dalam formula di atas σ^2 ialah varians bagi pemboleh ubah rambang X yang mempunyai min dan fungsi kebarangkalian $f(x)$. σ^2 ialah parameter yang mengambil nilai positif. Nilai σ^2 yang kecil menandakan pemboleh ubah X terselerak hampir dengan min, dan nilai σ^2 yang besar menandakan X mengambil nilai yang berselerak jauh daripada min. Punca kuasa dua bagi varians, yang biasanya ditandakan dengan σ , dikenali sebagai sisihan piawai.

varians sampel (*sample variance*) Statistik yang mengukur sejauh mana pemboleh ubah sampel berselerak di sekitar min sampel. Formulanya ialah:

$$S^2 = \sum_{i=1}^N (X_i - \bar{X})^2 / (N-1)$$

apabila S^2 = varians sampel,

X_i = cerapan sampel ke-i ,

\bar{X} = min sampel, dan

N = saiz sampel.

Nilai bagi varians sampel digunakan untuk menganggarkan nilai varians. Punca kuasa dua bagi varians sampel yang sering ditandakan dengan S,

dikenali sebagai ralat piawai.

vektor (*vector*) Himpunan nombor atau unsur yang disusun secara tertib dalam satu dimensi. Satu vektor tertib n mengandungi n unsur dan ditulis $a = [a_1, \dots, a_n]$. Vektor sifar atau vektor nol ialah vektor yang mengandungi unsur, yang semuanya bernilai sifar. Vektor unit ialah vektor yang mengandungi satu unsur yang bernilai 1 dan unsur-unsur lain yang bernilai 0. Vektor boleh ditulis secara mengufuk atau secara menegak. Vektor yang ditulis secara mengufuk disebut vektor baris, dan vektor yang ditulis secara menegak disebut vektor ruangan. Vektor ruangan ialah transposisi vektor baris, dan sebaliknya.

vektor baris (*row vector*) Lihat vektor.

vektor nol (*null vector*) Lihat vektor.

vektor ruangan (*column vector*) Lihat vektor.

vektor sifar (*zero vector*) Lihat vektor.

vektor unit (*unit vector*) Lihat vektor.

W

wang (*money*) Sebarang alat yang diterima umum sebagai alat pembayaran dalam pembelian barang atau perkhidmatan, atau penjelasan hutang. Masyarakat dunia pernah mengguna barangan berharga semasa, seperti lembu, kulit kerang, garam, dan logam berharga, seperti emas dan perak, sebagai wang. Wang bentuk itu disebut wang komoditi. Wang yang berbentuk duit yang dibuat daripada logam berharga yang nilai mukanya adalah sama dengan nilai logam tersebut di pasaran juga pernah digunakan. Kini wang terdiri daripada wang kertas dan duit syiling, dan deposit akaun semasa di bank (cek) yang diterima umum sebagai media pertukaran.

wang asas (*base money*) Jumlah mata wang yang dipegang oleh orang ramai atau institusi bukan bank, wang tunai di bank, dan deposit bank perdagangan di bank pusat. Jumlah penawaran wang dalam sebuah negara ialah gandaan kepada jumlah wang asas negara itu. *Sinonim* wang berkuasa tinggi.

wang berkuasa tinggi (*high-powered money*) Lihat wang asas.

wang cacat (*bad money*) Wang syiling yang nilai mukanya ialah lebih tinggi daripada nilai sebenar logam yang digunakan untuk membuat syiling tersebut, seperti syiling emas dan syiling perak. Syiling emas dan syiling perak pernah dikeluarkan sebagai wang yang nilainya sama dengan nilai logam tersebut. Apabila suatu logam rosak atau menjadi haus, nilai syiling yang dibuat daripada logam tersebut akan jatuh. Akibatnya, wang yang mempunyai nilai yang sama dengan nilai logam yang digunakan tidak akan wujud dalam edaran. Menurut Hukum Gersham, proses tersebut akan menghasilkan wang cacat yang akan mengetepikan wang baik dari peredaran.

wang dalam (*inside money*) Wang yang apabila diambil kira tuntutan dan tanggungan semua sektor dalam ekonomi, bukannya merupakan tuntutan bersih sektor swasta terhadap sektor kerajaan, iaitu suatu sektor di luar

sektor swasta tersebut. Apabila kerajaan mengeluarkan wang tetapi pada masa yang sama memegang hutang sektor swasta dalam jumlah yang sama, maka semua wang tersebut merupakan wang dalam. Tuntutan sektor swasta terhadap kerajaan dimansuhkan oleh tuntutan sektor kerajaan terhadap sektor swasta, dan wang yang dipegang oleh sektor swasta bukanlah tuntutan bersih sektor ini terhadap sektor kerajaan. *Lihat juga* wang luar.

wang fiat (*fiat money*) Wang yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada nilai wang itu sendiri. Misalnya, wang RM1.00 yang harga kertasnya terlalu kecil.

wang fidusiari (*fiduciary money*) Wang yang hanya sebahagian daripada nilainya disokong oleh emas dan perak. Nilai wang fidusiari bergantung pada kepercayaan orang ramai yang diwujudkan oleh kerajaan yang mengisytiharkan wang ini sah. *Lihat juga* wang, wang fiat.

wang hampir (*near money*) *Lihat* wang kuasi.

wang ketat (*tight money*) Keadaan apabila pinjaman sukar diperoleh dan kadar bunga adalah tinggi. Wang ketat berlaku apabila kerajaan melaksanakan dasar penguncupan wang dengan menyekat pertumbuhan kredit, biasanya untuk mengawal inflasi.

wang kuasi (*quasi money*) Aset kewangan yang boleh ditebus kepada wang dengan senang dan tanpa melibatkan kos yang tinggi. Misalnya, akaun simpanan, simpanan tetap, bil perbendaharaan, dan surat jaminan jangka pendek. Wang kuasi ialah pengganti yang paling hampir kepada wang.

wang luar (*outside money*) Tuntutan bersih sektor swasta, iaitu isi rumah dan firma, terhadap sektor kerajaan, iaitu suatu sektor di luar sektor swasta tersebut, setelah diambil kira tuntutan dan tanggungan semua sektor dalam ekonomi. Misalnya, wang yang dikeluarkan oleh kerajaan dan yang dipegang oleh orang ramai. Apabila kerajaan mengeluarkan wang, kerajaan sebenarnya mengeluarkan janji (atau tanggungan) untuk membayar nilai wang tersebut apabila dituntut oleh pemegangnya. Oleh itu, sekiranya kerajaan tidak memegang sebarang tuntutan kewangan terhadap sektor swasta, semua wang yang dikeluarkan merupakan tuntutan bersih orang ramai terhadap kerajaan, dan wang ini disebut wang luar.

wang luas (*broad money*) Mata wang dalam peredaran, deposit akaun semasa, deposit simpanan, dan deposit tetap di bank perdagangan, bank saudagar, dan syarikat kewangan. Konsep wang luas memandang wang bukan sahaja sebagai medium pertukaran tetapi juga sebagai unit akaun dan simpanan nilai. *Lihat juga* penawaran wang.

wang mahal (*dear money*) Keadaan apabila kos untuk meminjam wang tinggi kerana kadar bunga tinggi, dan pinjaman bank sukar diperoleh. *Lihat juga* wang murah.

wang murah (*cheap money*) Keadaan ekonomi apabila pinjaman dapat diperoleh dengan mudah pada kadar bunga yang rendah. Wang murah

wujud apabila kerajaan sesebuah negara mengamalkan dasar kewangan berkembang dengan menggalakkan penciptaan kredit dan penambahan bekalan wang.

wang panas (*hot money*) Wang atau modal jangka pendek yang bergerak dengan pantas akibat dorongan jangkaan suatu perubahan dalam kadar pertukaran asing, keinginan untuk melepaskan kerugian akibat peperangan, cukai yang tinggi, levi modal, kesulitan ekonomi dalaman, atau inflasi. Pergerakan ini akan menyebabkan ketakstabilan kerana wang panas memburukkan lagi kesulitan imbalan pembayaran.

wang panggilan (*money at call*) Pinjaman jangka pendek yang diberikan oleh bank kepada gedung diskaun atau broker bil. Misalnya, bil perbendaharaan boleh dipanggil balik dengan notis yang tidak melebihi 14 hari. Wang panggilan biasanya digunakan oleh gedung diskaun untuk membeli surat hutang. Wang panggilan ialah aset yang paling cair dipegang oleh bank perdagangan.

wang sah (*legal tender*) Wang yang wajib diterima sebagai alat untuk menjelaskan urusan niaga atau membayar hutang. Misalnya, mata wang. *Lihat juga* mata wang, wang.

wang sempit (*narrow money*) Mata wang dalam peredaran dan deposit akaun semasa. Wang sempit mentakrifkan wang semata-mata sebagai media pertukaran. Secara praktik, stok wang sempit diukur dengan M1. Di Malaysia, M1 terdiri daripada mata wang dalam peredaran, deposit akaun semasa di bank perdagangan, dan sijil deposit boleh niaga.

wang tanda (*token money*) Wang yang nilai mukanya adalah lebih besar daripada nilai kandungan logam yang digunakan untuk membuat wang tersebut. Misalnya, semua wang sah yang digunakan seperti wang kertas dan wang syiling bagi ringgit Malaysia. Kuantiti wang tanda mestilah terhad jumlahnya supaya nilai wang tersebut boleh dipercayai.

wang tunai (*cash*) Wang syiling dan wang kertas yang dipegang oleh orang ramai, wang tunai di bank, dan deposit akaun semasa.

waran dividen (*dividend warrant*) Surat arahan yang dikeluarkan oleh syarikat berhad yang membolehkan pembayaran dividen untuk satu tempoh tertentu dibuat.

Z

zon industri (*industrial zone*) Kawasan yang dikhaskan oleh kerajaan untuk pembinaan industri, terutamanya industri perkilangan. Misalnya, Zon Industri Shah Alam, Zon Industri Prai, dan Zon Industri Senawang. *Lihat juga* estet industri.

zon perdagangan bebas (*free trade zone*) Kawasan yang disediakan khas untuk pembinaan kilang yang mengeluarkan barang eksport. Syarikat dalam zon perdagangan bebas menikmati pengecualian daripada cukai import terhadap bahan mentah, bahan modal, atau sebarang input yang digunakan untuk pengeluaran, dan pengecualian daripada cukai terhadap keluarannya. Di Malaysia, zon perdagangan bebas mula diperkenalkan pada tahun 1970-an. Misalnya, zon perdagangan bebas di Bayan Lepas, Sungai Way Subang, dan Pasir Gudang.

SENARAI KATA MASUKAN

Bahasa Inggeris

Bahasa Melayu

A

<i>ability to pay</i>	kemampuan membayar
<i>ability-to-pay principle</i>	prinsip kemampuan membayar
<i>absentee landlord</i>	tuan tanah duduk luar
<i>absolute advantage</i>	faedah mutlak
<i>absolute income hypothesis</i>	hipotesis pendapatan mutlak
<i>absolute monopoly</i>	monopoli mutlak
<i>absolute poverty</i>	kemiskinan mutlak
<i>absolute purchasing power parity theory</i>	teori pariti kuasa beli mutlak
<i>abstinence theory of interest</i>	teori bunga tangguh guna
<i>accelerated depreciation</i>	susut nilai dicepatkan
<i>acceleration principle</i>	prinsip percepatan
<i>acceptance</i>	penerimaan
<i>acceptance bank</i>	bank penerimaan
<i>acceptance credit</i>	kredit penerimaan
<i>acceptance house</i>	gedung penerimaan
<i>account</i>	akaun
<i>account payee only</i>	akaun penerima sahaja
<i>account receivable</i>	akaun belum terima
<i>accounting</i>	perakaunan
<i>accounting profit</i>	untung perakaunan
<i>acid-test ratio</i>	nisbah ujian asid
<i>acquisition</i>	perolehan
<i>active balance</i>	imbangan aktif
<i>active market</i>	pasaran aktif
<i>ad valorem tariff</i>	tarif <i>ad valorem</i>

<i>ad valorem tax</i>	cukai <i>ad valorem</i>
<i>adaptive expectation hypothesis</i>	hipotesis jangkaan mudah suai
<i>adjustable peg</i>	pancangan boleh laras
<i>administered price</i>	harga tertadbir
<i>adverse balance</i>	imbangan negatif
<i>advertising</i>	pengiklanan
<i>advice note</i>	nota makluman
<i>affluent society</i>	masyarakat mewah
<i>ageing population</i>	penduduk berumur
<i>aggregate</i>	agregat
<i>aggregative model</i>	model agregat
<i>agrarian revolution</i>	revolusi agraria
<i>agribusiness</i>	perniagaan tani
<i>agricultural bank</i>	bank pertanian
<i>agricultural economics</i>	ekonomi pertanian
<i>agricultural marketing</i>	pemasaran pertanian
<i>agricultural policy</i>	dasar pertanian
<i>agricultural price fluctuation</i>	turun naik harga pertanian
<i>agricultural subsidies</i>	subsidi pertanian
<i>allocation of resource</i>	peruntukan sumber
<i>allocative efficiency</i>	kecekapan peruntukan
<i>allowances</i>	elaun
<i>alternative</i>	alternatif
<i>alternative cost</i>	kos alternatif
<i>amalgamation</i>	penggabungan
<i>amortisation</i>	pelunasan
<i>annual improvement factor</i>	faktor pembaikan tahunan
<i>annual returns</i>	pulangan tahunan
<i>annuity</i>	anuiti
<i>annuity bond</i>	bon anuiti
<i>anticipated price</i>	harga dijangka
<i>antitrade production</i>	pengeluaran antidiagangan
<i>antitrust</i>	antipakatan
<i>antitrust law</i>	undang-undang antipakatan
<i>applied economics</i>	ekonomi gunaan
<i>appreciation</i>	naik nilai
<i>apprenticeship</i>	perantisan
<i>appropriation</i>	pengasingan
<i>appropriation</i>	pengambilgunaan
<i>arbitrage</i>	arbitraj
<i>arbitration</i>	penimbangtaraan
<i>arc elasticity</i>	keanjalan lengkok
<i>arc elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan lengkok
<i>arc elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran lengkok

<i>arithmetic mean</i>	min aritmetik
<i>arithmetic progression</i>	jangjang aritmetik
<i>assembly line</i>	barisan pemasangan
<i>assessed value</i>	nilai tertaksir
<i>asset</i>	aset
<i>assumption</i>	andaian
<i>assurance</i>	asurans
<i>atomistic economy</i>	ekonomi kecil
<i>auction</i>	lelong
<i>audit</i>	audit
<i>austerity</i>	jimat cermat
<i>autarchy</i>	autarki
<i>authorised capital</i>	modal dibenarkan
<i>automatic saving</i>	simpanan automatik
<i>automatic selling</i>	penjualan automatik
<i>automatic stabilizer</i>	penstabil automatik
<i>automation</i>	automasi
<i>autonomous investment</i>	pelaburan autonomi
<i>autonomous variable</i>	membolehkan ubah autonomi
<i>auxiliary capital</i>	modal tambahan
<i>average cost</i>	kos purata
<i>average cost curve</i>	keluk kos purata
<i>average hourly earning</i>	perolehan purata sejam
<i>average propensity to consume</i>	kecenderungan menggunakan purata
<i>average propensity to import</i>	kecenderungan mengimport purata
<i>average propensity to save</i>	kecenderungan menabung purata
<i>average propensity to tax</i>	kecenderungan mencukai purata
<i>average revenue</i>	hasil purata
<i>average revenue curve</i>	keluk hasil purata

B

<i>backing</i>	sandaran
<i>backward area</i>	kawasan mundur
<i>backward integration</i>	integrasi ke belakang
<i>backward linkage</i>	rantaian ke belakang
<i>backwardation</i>	bayaran tangguh serah
<i>backwash effect</i>	kesan surutan
<i>bad debt</i>	hutang lapuk
<i>bad money</i>	wang cacat
<i>balance of payment</i>	imbangan pembayaran
<i>balance of trade</i>	imbangan perdagangan
<i>balance sheet</i>	kunci kira-kira
<i>balanced budget</i>	belanjawan terimbang

<i>balanced growth</i>	pertumbuhan terimbang
<i>bank</i>	bank
<i>bank acceptance</i>	penerimaan bank
<i>bank advances</i>	pendahuluan bank
<i>bank bill</i>	bil bank
<i>bank chain</i>	rantaian bank
<i>bank charge</i>	caj bank
<i>bank credit</i>	kredit bank
<i>bank deposit</i>	deposit bank
<i>bank draft</i>	draf bank
<i>bank giro credit</i>	kredit bank giro
<i>bank note</i>	nota bank
<i>bank of discount</i>	bank diskaun
<i>bank rate</i>	kadar bank
<i>bank reserve</i>	cadangan bank, rizab bank
<i>bank run</i>	serbuan bank
<i>banker's cheque</i>	cek bank
<i>banker's discount</i>	diskaun jurubank
<i>banker's draft</i>	draf bank
<i>banking</i>	urusan bank
<i>banking school</i>	mazhab bank
<i>banking system</i>	sistem urusan bank
<i>bankrupt</i>	mufliis
<i>bankruptcy</i>	kebankrapan
<i>bargain</i>	tawar-menawar
<i>bargaining power</i>	kuasa tawar-menawar
<i>bargaining theory of wages</i>	teori tawar-menawar upah
<i>barrier to entry</i>	sekatan kemasukan
<i>barter</i>	barter
<i>barter economy</i>	ekonomi barter
<i>base lending rate</i>	kadar pemberian pinjaman asas, kadar pinjaman asas
<i>base money</i>	wang asas
<i>base rate</i>	kadar asas
<i>base year</i>	tahun asas
<i>base year price</i>	harga tahun asas
<i>basic balance</i>	imbangan asas
<i>basic economic problem</i>	masalah asas ekonomi
<i>basic needs</i>	keperluan asas
<i>basing-point system</i>	sistem titik asas
<i>Bayesian statistical method</i>	kaedah statistik Bayes
<i>beggar-thy-neighbour policy</i>	dasar memapakan jiran
<i>benefit</i>	faedah
<i>benefit principle</i>	prinsip faedah

<i>benefit theory</i>	teori faedah
<i>bilateral monopoly</i>	monopoli dua hala
<i>bilateral trade</i>	perdagangan dua hala
<i>bill of exchange</i>	bil pertukaran
<i>bill rate</i>	kadar bil
<i>bimetallism</i>	kedwilogaman
<i>birth rate</i>	kadar kelahiran
<i>black exchange rate</i>	kadar pertukaran gelap
<i>blank cheque</i>	cek kosong
<i>block grant</i>	geran blok
<i>block offer</i>	tawaran blok
<i>blue-collar job</i>	kerja kolar biru
<i>bond</i>	bon
<i>bonus share</i>	syer bonus
<i>book value</i>	nilai buku
<i>book-keeping</i>	simpan kira
<i>boom</i>	melambung
<i>boom year</i>	tahun melambung
<i>borrower nation</i>	negara peminjam
<i>bottle-neck inflation</i>	inflasi sesak
<i>bounced cheque</i>	cek lambung
<i>bourgeois</i>	borjuis
<i>boycott</i>	pemulauan
<i>branch banking</i>	urusan bank cawangan
<i>break-even point</i>	titik pulang-modal
<i>Bretton Woods system</i>	sistem Bretton Woods
<i>broad money</i>	wang luas
<i>budget</i>	belanjawan
<i>budget constraint</i>	kekangan belanjawan
<i>budget deficit</i>	defisit belanjawan, kurangan be- lanjawan
<i>budget line</i>	garis belanjawan
<i>budget surplus</i>	lebih belanjawan
<i>buffer stock</i>	stok penimbal
<i>built-in stabilizer</i>	penstabil automatik
<i>buoyancy</i>	keapungan
<i>business failure</i>	kegagalan perniagaan
<i>business wealth</i>	kekayaan perniagaan
<i>buy now campaign</i>	kempen beli sekarang
<i>buyer's surplus</i>	lebih pembeli
<i>buying habit</i>	tabiat membeli
<i>by-product</i>	keluaran sampingan

C

<i>cagamas bond</i>	bon cagamas
<i>callable security</i>	sekuriti boleh panggil
<i>callable stock</i>	saham boleh panggil
<i>Cambridge school</i>	mazhab Cambridge
<i>capacity</i>	keupayaan
<i>capacity utilization rate</i>	kadar penggunaan keupayaan
<i>capital</i>	modal
<i>capital account</i>	akaun modal
<i>capital allowance</i>	elaun modal
<i>capital asset</i>	aset modal
<i>capital coefficient</i>	koefisien modal, pekali modal
<i>capital consumption allowance</i>	elaun guna modal
<i>capital gain</i>	laba modal
<i>capital goods</i>	barang modal
<i>capital intensive</i>	intensif modal
<i>capital levy</i>	levi modal
<i>capital market</i>	pasaran modal
<i>capital stock</i>	saham modal
<i>capital-intensive product</i>	keluaran intensif modal
<i>capital-labour ratio</i>	nisbah modal-buruh
<i>capital-land ratio</i>	nisbah modal-tanah
<i>capital-output ratio</i>	nisbah modal-output
<i>capitalism</i>	kapitalisme
<i>captive market</i>	pasaran terbolot
<i>carrying cost</i>	kos pemilikan
<i>cartel</i>	kartel
<i>cash</i>	wang tunai
<i>cash crop</i>	tanaman kontan
<i>cash discount</i>	diskaun tunai
<i>cash flow</i>	aliran tunai
<i>cash on delivery</i>	tunai masa serahan
<i>cash price</i>	harga tunai
<i>cash ratio</i>	nisbah tunai
<i>cash surrender value</i>	nilai serah tunai
<i>ceiling price</i>	harga bumbung
<i>ceiling rent</i>	sewa bumbung
<i>census</i>	banci
<i>central limit theorem</i>	teorem had memusat
<i>central planning economics</i>	ekonomi perancangan pusat
<i>centre periphery theory</i>	teori pusat pinggir
<i>certificate of deposit</i>	sijil deposit

<i>certificate of incorporation</i>	sijil penubuhan
<i>certificate of origin</i>	sijil keasalan
<i>ceteris paribus</i>	<i>ceteris paribus</i>
<i>ceteris paribus fallacy</i>	kekeliruan <i>ceteris paribus</i>
<i>chain stores</i>	kedai rantaian
<i>cheap money</i>	wang murah
<i>cheque</i>	cek
<i>Chicago school</i>	mazhab Chicago
<i>CIF</i>	CIF
<i>circular flow</i>	aliran pusingan
<i>circulating capital</i>	modal pusingan
<i>classical liberalism</i>	liberalisme klasik
<i>classical school</i>	mazhab klasik
<i>clearing house</i>	gedung penjelasan
<i>close cooperation</i>	kerjasama rapat
<i>closed economy</i>	ekonomi tertutup
<i>closed shop</i>	kedai tertutup
<i>closed system</i>	sistem tertutup
<i>Cobb-Douglas production function</i>	fungsi pengeluaran Cobb-Douglas
<i>cobweb theorem</i>	teorem sarang lelabah
<i>coefficient of determination</i>	koefisien penentuan, pekali penentuan
<i>collateral</i>	cagaran
<i>collateral security</i>	sekuriti cagaran
<i>collective bargaining</i>	tawar-menawar kolektif, tawar-menawar pekerja-majikan
<i>collective farm</i>	ladang kelompok
<i>collusion</i>	subahat
<i>collusive oligopoly</i>	oligopoli bersubahat
<i>colonialism</i>	kolonialisme
<i>column vector</i>	vektor ruangan
<i>commercial bank</i>	bank perdagangan
<i>commercial credit</i>	kredit perdagangan
<i>commission</i>	komisen
<i>commodity</i>	barangan, komoditi
<i>commodity control scheme</i>	skim kawalan komoditi
<i>commodity exchange</i>	bursa komoditi
<i>commodity price fluctuation</i>	turun naik harga barangan, turun naik harga komoditi
<i>common cost</i>	kos sepunya
<i>common price index</i>	indeks harga pengguna
<i>common property</i>	harta milik bersama
<i>common property resource</i>	sumber harta milik bersama
<i>common stock</i>	saham biasa

<i>common strike</i>	mogok umum
<i>communism</i>	komunisme
<i>communist economic system</i>	sistem ekonomi komunis
<i>community indifference curve</i>	keluk puas sama komuniti
<i>company</i>	syarikat
<i>company law</i>	undang-undang syarikat
<i>comparative advantage</i>	faedah berbanding
<i>compensation stock</i>	saham pampasan
<i>competitive firm</i>	firma bersaing
<i>complementarity</i>	kesalinggenapan
<i>complementary demand</i>	permintaan penggenap
<i>complementary factor</i>	faktor pelengkap
<i>complementary goods</i>	barang penggenap
<i>complementary input</i>	input penggenap
<i>compulsory saving</i>	tabungan wajib
<i>concentration ratio</i>	nisbah penumpuan
<i>conditional grant</i>	geran bersyarat
<i>conditional input demand</i>	permintaan input bersyarat
<i>conditional input demand curve</i>	keluk permintaan input bersyarat
<i>conditional input demand function</i>	fungsi permintaan input bersyarat
<i>conglomerate</i>	konglomerat
<i>conglomerate merger</i>	penyatuan konglomerat
<i>conservation</i>	pemuliharaan
<i>consignment</i>	konsainan
<i>consignment note</i>	nota konsainan
<i>consol</i>	konsol
<i>consortium</i>	konsortium
<i>consortium bank</i>	bank konsortium
<i>constant price</i>	harga malar
<i>constant returns to scale</i>	pulangan malar ikut bidangan
<i>consumer behaviour</i>	gelagat pengguna, perlakuan pengguna
<i>consumer cooperative</i>	koperasi pengguna
<i>consumer credit</i>	kredit pengguna
<i>consumer preference</i>	keutamaan pengguna
<i>consumer sovereignty</i>	keagungan pengguna
<i>consumer surplus</i>	lebihannya pengguna
<i>consumer theory</i>	teori pengguna
<i>consumers' market research</i>	kajian pasaran pengguna
<i>consumption basket</i>	longgokan penggunaan
<i>consumption bundle</i>	longgokan penggunaan
<i>consumption contract curve</i>	keluk kontrak penggunaan
<i>consumption function</i>	fungsi penggunaan
<i>consumption line</i>	garis penggunaan

<i>consumption tax</i>	cukai penggunaan
<i>consumption possibilities line</i>	garis kemungkinan penggunaan
<i>contract</i>	kontrak
<i>contract note</i>	nota kontrak
<i>control of investment</i>	kawalan pelaburan
<i>conversion rights</i>	hak penukaran
<i>convertibility</i>	kebolehtukaran
<i>convertible loan stock</i>	saham pinjaman boleh tukar
<i>cooperative</i>	koperasi
<i>cooperative farm</i>	ladang koperasi
<i>cooperative society</i>	syarikat kerjasama
<i>corporate saving</i>	tabungan syarikat
<i>corporate tax</i>	cukai korporat, cukai syarikat
<i>corporation stock</i>	saham perbadanan
<i>correlation</i>	korelasi
<i>correlation coefficient</i>	koefisien korelasi, pekali korelasi
<i>cost</i>	kos
<i>cost effectiveness</i>	keberkesanan kos
<i>cost function</i>	fungsi kos
<i>cost insurance and freight</i>	kos insurans dan tambang
<i>cost of living</i>	kos sara hidup
<i>cost of living index</i>	indeks kos sara hidup
<i>cost of production</i>	kos pengeluaran
<i>cost schedule</i>	jadual kos
<i>cost-benefit analysis</i>	analisis kos-faedah
<i>cost-plus-percentage-fee contract</i>	kontrak kos tokok fi peratusan
<i>cost-push inflation</i>	inflasi tolakan kos
<i>cottage industry</i>	industri kotej, industri di rumah
<i>countertrade</i>	dagangan balas
<i>countervailing credit</i>	kredit timbal balas
<i>countervailing duty</i>	duti timbal balas
<i>countervailing power</i>	kuasa timbal balas
<i>countervailing tariff</i>	tarif timbal balas
<i>coupon</i>	kupon
<i>cover note</i>	nota lindung
<i>covered interest arbitrage</i>	arbitraj bunga dilindungi
<i>crawling peg</i>	pancangan merangkak
<i>credit</i>	kredit
<i>credit control</i>	kawalan kredit
<i>credit crunch</i>	hancuran kredit
<i>credit instrument</i>	alat kredit
<i>credit insurance</i>	insurans kredit
<i>credit note</i>	nota kredit
<i>credit rating</i>	kedudukan kredit; pengkadaran kredit
<i>credit status</i>	taraf kredit

<i>credit tranche</i>	transye kredit
<i>credit union</i>	kesatuan kredit
<i>creditor</i>	pemiutang
<i>creditor nation</i>	negara pemberi hutang, negara pemberi pinjam
<i>creeping inflation</i>	inflasi merayap
<i>cross elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan silang
<i>cross elasticity of demand</i>	keanjalan penawaran silang
<i>cross rate</i>	kadar silang
<i>cross-price elasticity</i>	keanjalan harga silang
<i>crossed cheque</i>	cek berpaling
<i>crowding-out effect</i>	kesan himpitan
<i>currency</i>	mata wang
<i>currency appreciation</i>	naik nilai mata wang
<i>currency convertibility</i>	kebolehtukaran mata wang
<i>currency depreciation</i>	turun nilai mata wang
<i>current account</i>	akaun semasa
<i>current account deposit</i>	deposit akaun semasa
<i>current asset</i>	aset semasa
<i>current balance</i>	imbangan semasa
<i>current liability</i>	liabiliti semasa
<i>current price</i>	harga semasa
<i>current ratio</i>	nisbah semasa
<i>custom duty</i>	duti kastam
<i>custom union</i>	kesatuan kastam
<i>customary price</i>	harga kebiasaan
<i>cyclical effect</i>	kesan kitaran
<i>cyclical fluctuation</i>	turun naik kitaran
<i>cyclical unemployment</i>	pengangguran kitaran

D

<i>dear money</i>	wang mahal
<i>death rate</i>	kadar kematian
<i>debenture</i>	debetur
<i>debit</i>	debit
<i>debt instrument</i>	alat hutang
<i>debt management</i>	pengurusan hutang
<i>debt monetization</i>	pengewangan hutang
<i>debt service ratio</i>	nisbah khidmat hutang
<i>debt servicing</i>	bayaran khidmat hutang
<i>debtor nation</i>	negara penghutang
<i>deficit budget</i>	belanjawan defisit, belanjawan kurangan

<i>deficit financing</i>	pembiayaan defisit
<i>deflation</i>	deflasi
<i>deflationary gap</i>	jurang deflasi
<i>delivery note</i>	nota penyerahan
<i>demand</i>	permintaan
<i>demand curve</i>	keluk permintaan
<i>demand deposit</i>	simpanan semasa
<i>demand elasticity</i>	keanjalan permintaan
<i>demand for money</i>	permintaan wang
<i>demand function</i>	fungsi permintaan
<i>demand schedule</i>	jadual permintaan
<i>demand-pull inflation</i>	inflasi tarikan permintaan
<i>demand-side economy</i>	ekonomi sebelah permintaan
<i>demography</i>	demografi
<i>demonstration effect</i>	kesan demonstrasi
<i>dependence effect</i>	kesan pergantungan
<i>dependency ratio</i>	nisbah pergantungan
<i>dependent variable</i>	pemboleh ubah bersandar
<i>deposit</i>	cengkeram
<i>depreciation</i>	susut nilai
<i>depreciation of capital</i>	susut nilai modal
<i>depressed area</i>	kawasan mundur
<i>depression</i>	kemelesetan
<i>derived demand</i>	permintaan berkait, permintaan terbitan
<i>derived value</i>	nilai terbitan
<i>descriptive economics</i>	ekonomi deskriptif, ekonomi perihalan
<i>descriptive statistics</i>	statistik deskriptif
<i>devaluation</i>	penurunan nilai
<i>developed country</i>	negara maju
<i>developing area</i>	kawasan membangun
<i>developing country</i>	negara membangun
<i>development</i>	pembangunan
<i>development economics</i>	ekonomi pembangunan
<i>differential duty</i>	duti berbeza
<i>differentiated product</i>	keluaran sama lainan
<i>diffusion index</i>	indeks peresapan
<i>diminishing marginal productivity</i>	daya pengeluaran sut berkurangan
<i>diminishing returns to scale</i>	pulangan berkurangan ikut bidangan
<i>direct benefits</i>	faedah langsung
<i>direct cost</i>	kos langsung
<i>direct debit</i>	debit langsung
<i>direct demand</i>	permintaan langsung

<i>direct investment</i>	pelaburan langsung
<i>direct production</i>	pengeluaran langsung
<i>direct selling</i>	penjualan langsung
<i>direct service</i>	perkhidmatan langsung
<i>direct tax</i>	cukai langsung
<i>direct taxation</i>	pencukaian langsung
<i>direction of labour</i>	pengarahan buruh
<i>directional effect</i>	kesan berarah
<i>dirty float</i>	apungan kotor
<i>discount</i>	diskaun
<i>discount operation</i>	operasi diskaun
<i>discount rate</i>	kadar diskaun
<i>discounted cash flow</i>	aliran tunai terdiskaun
<i>discounted cash flow method</i>	kaedah aliran tunai terdiskaun
<i>discriminating monopoly</i>	monopoli berdiskriminasi
<i>discriminatory duty</i>	duti berdiskriminasi
<i>discriminatory tax</i>	cukai berdiskriminasi
<i>diseconomies of scale</i>	ekonomi tak ikut bidangan
<i>disequilibrium</i>	ketakseimbangan
<i>disguised unemployment</i>	pengangguran tak ketara
<i>dishonoured cheque</i>	cek tak layan
<i>disinflation</i>	disinflasi
<i>disposable income</i>	pendapatan boleh guna
<i>dissaving</i>	makan tabungan
<i>distressed area</i>	kawasan mundur
<i>distributed lag</i>	lat tertabur
<i>distribution of property</i>	pengagihan harta
<i>distributive cost</i>	kos pengedaran
<i>distributor</i>	pengedar
<i>disutility</i>	utiliti negatif
<i>diversification</i>	pempelbagaian
<i>dividend</i>	dividen
<i>dividend limitation</i>	pengehadan dividen
<i>dividend warrant</i>	waran dividen
<i>division of labour</i>	pembahagian kerja
<i>dollar area</i>	kawasan dolar
<i>dollar gap</i>	jurang dolar
<i>domestic debt</i>	hutang dalam negeri
<i>domestic trade</i>	perdagangan domestik, perdagangan dalam negeri
<i>dominant-firm oligopoly</i>	oligopoli firma berpengaruh
<i>doomsday model</i>	model hari kiamat
<i>double counting</i>	kiraan dua kali
<i>double entry</i>	catatan bergu

<i>double option</i>	opsyen bergu, pilihan bergu
<i>double standard</i>	dua nilai
<i>double taxation relief</i>	pelepasan cukai dua kali
<i>Dow theory</i>	teori Dow
<i>down payment</i>	bayaran pendahuluan
<i>downward phase</i>	fasa ke bawah
<i>downward swing</i>	ayunan ke bawah
<i>drawee</i>	pesuruh bayar
<i>drawer</i>	penyuruh bayar
<i>dualism</i>	dualisme
<i>dummy variable</i>	pemboleh ubah dami
<i>dumping</i>	lambakan
<i>duopoly</i>	duopoli
<i>durable goods</i>	barang tahan lama
<i>Durbin-Watson statistic</i>	statistik Durbin-Watson
<i>dynamic analysis</i>	analisis dinamik
<i>dynamic economics</i>	ekonomi dinamik

E

<i>earning asset</i>	aset berperolehan
<i>economic community</i>	komuniti ekonomi
<i>economic constraint</i>	kekangan ekonomi
<i>economic cooperation</i>	kerjasama ekonomi
<i>economic demography</i>	demografi ekonomi
<i>economic development</i>	pembangunan ekonomi
<i>economic dualism</i>	dualisme ekonomi
<i>economic efficiency</i>	kecekapan ekonomi
<i>economic goods</i>	barang ekonomi
<i>economic integration</i>	integrasi ekonomi
<i>economic law</i>	hukum ekonomi
<i>economic man</i>	manusia ekonomi
<i>economic model</i>	model ekonomi
<i>economic plan</i>	pelan ekonomi, rancangan ekonomi
<i>economic planning</i>	perancangan ekonomi
<i>economic principle</i>	prinsip ekonomi
<i>economic profit</i>	untung ekonomi
<i>economic rent</i>	sewa ekonomi
<i>economic sanctions</i>	sekatan ekonomi
<i>economic statistics</i>	statistik ekonomi
<i>economic system</i>	sistem ekonomi
<i>economic variable</i>	pemboleh ubah ekonomi
<i>economics</i>	ekonomi

<i>economies of scale</i>	ekonomi bidangan
<i>effective demand</i>	permintaan berkesan
<i>effective exchange rate</i>	kadar pertukaran berkesan
<i>effective rate of protection</i>	kadar perlindungan berkesan
<i>efficient production plan</i>	rancangan pengeluaran cekap
<i>elastic demand</i>	permintaan anjal
<i>elastic supply</i>	penawaran anjal
<i>elasticity of substitution</i>	keanjalan penggantian
<i>embargo</i>	embargo
<i>emigration</i>	emigrasi
<i>emolument</i>	emolumen
<i>employment</i>	guna tenaga
<i>enclave economy</i>	ekonomi kantong
<i>Engle's law</i>	hukum Engle
<i>entrepot</i>	entrepot
<i>entrepot trade</i>	perdagangan entrepot
<i>equal cost curve</i>	keluk kos sama
<i>equal cost line</i>	garis kos sama
<i>equal product curve</i>	keluk keluaran sama
<i>equation of exchange</i>	persamaan pertukaran
<i>equilibrium price</i>	harga keseimbangan
<i>equilibrium quantity</i>	kuantiti keseimbangan
<i>equity</i>	ekuiti
<i>error and omission</i>	ralat dan ketinggalan
<i>estate</i>	estet
<i>Eurodollar</i>	Eurodolar
<i>Eurodollar market</i>	pasaran Eurodolar
<i>ex-ante</i>	<i>ex-ante</i>
<i>ex-post</i>	<i>ex-post</i>
<i>excess benefit tax</i>	cukai untung berlebihan
<i>excess burden</i>	beban berlebihan
<i>excess capacity</i>	keupayaan berlebihan
<i>excess demand</i>	permintaan berlebihan
<i>excess profit tax</i>	cukai untung berlebihan
<i>exchange control</i>	kawalan pertukaran
<i>exchange medium</i>	perantara pertukaran
<i>exchange rate</i>	kadar pertukaran
<i>excise duty</i>	duti eksais
<i>excise tax</i>	cukai eksais
<i>expectation of life</i>	jangkaan hidup
<i>export</i>	eksport
<i>export dependence</i>	kebergantungan eksport
<i>export duty</i>	duti eksport
<i>export promotion</i>	promosi eksport

export subsidy
export tax
external debt
external economy
external liability
extractive industry

subsidi eksport
 cukai eksport
 hutang luar negeri
 ekonomi luaran
 liabiliti luaran
 industri ekstraktif

F

factor endowment
factor endowment theory
factor mobility
factor price
factor-price equalization theorem
factor-propotion theory
factoring
fair price
fallacy of composition
false-cause fallacy
false-paradigm model
family allowance
fee
fertility rate
fiat money
fiduciary money
final benefit
final goods
financial instrument
financial intermediary
financial liberalization
financial sector
firm
fiscal incentive
fiscal policy
fiscal year
fixed asset
fixed cost
fixed deposit
fixed exchange rate
fixed input
fixed utility demand
fixed-rate production function
flexible exchange rate

anugerah faktor
 teori anugerah faktor
 mobiliti faktor
 harga faktor
 teorem penyamaan harga faktor
 teori perkadaran faktor
 pemfaktoran
 harga patut
 kekeliruan komposisi
 kekeliruan kepalsuan sebab
 model paradigma palsu
 elaun keluarga
 fi
 kadar kesuburan
 wang fiat
 wang fidusiari
 faedah akhir
 barang akhir
 alat kewangan
 pengantara kewangan
 liberalisasi kewangan
 sektor kewangan
 firma
 insentif fiskal
 dasar fiskal
 tahun fiskal
 aset tetap
 kos tetap
 deposit tetap
 kadar pertukaran tetap
 input tetap
 permintaan utiliti tetap
 fungsi pengeluaran berkadar tetap
 kadar pertukaran fleksibel, kadar
 pertukaran boleh ubah

<i>floating exchange rate</i>	kadar pertukaran terapung
<i>floating liability</i>	liabiliti terapung
<i>floor price</i>	harga lantai
<i>flow variable</i>	membolehkan ubah aliran
<i>forced saving</i>	tabungan paksa
<i>forced unemployment</i>	pengangguran terpaksa
<i>foreign aid</i>	bantuan asing
<i>foreign company</i>	syarikat asing
<i>foreign debt</i>	hutang asing
<i>foreign direct investment</i>	pelaburan langsung asing
<i>foreign exchange</i>	pertukaran asing
<i>foreign exchange market</i>	pasaran pertukaran asing
<i>foreign exchange rate</i>	kadar pertukaran asing
<i>foreign investment</i>	pelaburan asing
<i>forward linkage</i>	rantaian ke hadapan
<i>forward price</i>	harga ke hadapan
<i>forward integration</i>	integrasi ke hadapan
<i>free enterprise</i>	perusahaan bebas
<i>free goods</i>	barang percuma
<i>free market</i>	pasaran bebas
<i>free trade</i>	perdagangan bebas
<i>free trade area</i>	kawasan perdagangan bebas
<i>free trade zone</i>	zon perdagangan bebas
<i>frictional unemployment</i>	pengangguran geseran
<i>fringe benefit</i>	faedah sampingan
<i>full capacity</i>	keupayaan penuh
<i>full employment</i>	guna tenaga penuh
<i>function</i>	fungsi
<i>functional distribution of income</i>	agihan pendapatan fungsian
<i>fund</i>	dana
<i>futures market</i>	pasaran ke depan
<i>futures price</i>	harga ke depan

G

<i>galloping inflation</i>	inflasi melompat
<i>GDP</i>	KDNK
<i>general equilibrium</i>	keseimbangan umum
<i>general equilibrium analysis</i>	analisis keseimbangan umum
<i>general grant</i>	geran am
<i>generalized system of preferences</i>	sistem keutamaan teram
<i>geometric mean</i>	min geometri
<i>geometric progression</i>	jangjang geometri
<i>Giffen goods</i>	barang Giffen

<i>Gini coefficient</i>	koefisien Gini, pekali Gini
<i>GNP</i>	KNK
<i>GNP deflator</i>	pendeflasi keluaran negara kasar
<i>GNP price deflator</i>	pendeflasi harga keluaran negara kasar
<i>gold exchange standard</i>	piawai pertukaran emas
<i>gold exchange system</i>	sistem pertukaran emas
<i>gold export point</i>	titik eksport emas
<i>gold import point</i>	titik import emas
<i>gold point</i>	titik emas
<i>gold standard</i>	piawai emas
<i>gold standard system</i>	sistem piawai emas
<i>gold tranche</i>	transye emas
<i>goods</i>	barang
<i>government bond</i>	bon kerajaan
<i>government control</i>	kawalan kerajaan
<i>government debt</i>	hutang kerajaan
<i>government income</i>	pendapatan kerajaan
<i>government revenue</i>	hasil kerajaan
<i>government security</i>	sekuriti kerajaan
<i>grant</i>	geran
<i>green revolution</i>	revolusi hijau
<i>Gresham's law</i>	hukum Gresham
<i>grey-collar job</i>	kerja kolar kelabu
<i>gross domestic product</i>	keluaran dalam negara kasar
<i>gross investment</i>	pelaburan kasar
<i>gross national product</i>	keluaran negara kasar
<i>gross national product gap</i>	jurang keluaran negara kasar
<i>growth pole</i>	kutub pertumbuhan
<i>GSP</i>	GSP
<i>guaranteed minimum price</i>	harga minimum terjamin
<i>guaranteed price</i>	harga terjamin

H

<i>H-O theory</i>	teori H-O
<i>hard currency</i>	mata wang kukuh, mata wang utama
<i>hard loan</i>	pinjaman keras
<i>harmonic progression</i>	janjang berharmoni
<i>Heckscher-Ohlin theorem</i>	teorem Heckscher-Ohlin
<i>Heckscher-Ohlin theory</i>	teori Heckscher-Ohlin
<i>Heckscher-Ohlin-Samuelson theorem</i>	teorem Heckscher-Ohlin-Samuelson
<i>hedge fund</i>	dana perlindungan
<i>hedging</i>	perlindungan nilai
<i>hedging against inflation</i>	perlindungan nilai terhadap inflasi

<i>hedonic price</i>	harga hedonik
<i>hedonism</i>	hedonisme
<i>heterogenous product</i>	keluaran heterogen
<i>Hicks compensated demand</i>	permintaan pampasan Hicks
<i>Hicks compensated demand curve</i>	keluk permintaan pampasan Hicks
<i>Hicks demand curve</i>	keluk permintaan Hicks
<i>Hicksian demand</i>	permintaan Hicks
<i>hidden inflation</i>	inflasi tersembunyi
<i>hidden tax</i>	cukai tersembunyi
<i>high-powered money</i>	wang berkuasa tinggi
<i>hoarding</i>	penyorokan
<i>holding company</i>	syarikat pemegangan
<i>homogenous production function</i>	fungsi pengeluaran homogen
<i>horizontal equity</i>	ekuiti mendatar
<i>horizontal integration</i>	integrasi mendatar
<i>horizontal merger</i>	penyatuan mendatar
<i>hot money</i>	wang panas
<i>household</i>	isi rumah
<i>household formation</i>	pembentukan isi rumah
<i>human capital</i>	modal manusia
<i>human resource</i>	sumber manusia
<i>Hume's price-species flow mechanism</i>	mekanisme aliran harga-spesies Hume
<i>hyperinflation</i>	inflasi melampau

I

<i>ideal capacity</i>	keupayaan unggul
<i>identity</i>	identiti
<i>idle capacity</i>	keupayaan terbiar
<i>imperfect competition</i>	persaingan tak sempurna
<i>implicit GNP deflator</i>	pendeflasi keluaran negara kasar tersirat
<i>import</i>	import
<i>import duty</i>	duti import
<i>import tax</i>	cukai import
<i>income analysis</i>	analisis pendapatan
<i>income distribution</i>	agihan pendapatan
<i>income effect</i>	kesan pendapatan
<i>income inflation</i>	inflasi pendapatan
<i>income policy</i>	dasar pendapatan
<i>income tax</i>	cukai pendapatan
<i>increasing returns to scale</i>	pulangan bertambah ikut bidang

<i>indemnity</i>	ganti rugi
<i>indenture</i>	indentur
<i>independent variable</i>	pemboleh ubah tak bersandar
<i>index of lagging indicator</i>	indeks penunjuk lat
<i>index of leading indicator</i>	indeks penunjuk utama
<i>indifference curve</i>	keluk puas sama
<i>indirect benefit</i>	faedah tak langsung
<i>indirect cost</i>	kos tak langsung
<i>indirect security</i>	sekuriti tak langsung
<i>indirect tax</i>	cukai tak langsung
<i>indivisible input</i>	input tak boleh bahagi
<i>induced demand</i>	permintaan teraruh
<i>induced investment</i>	pelaburan teraruh
<i>induced variable</i>	pemboleh ubah teraruh
<i>inductive method</i>	kaedah aruhan
<i>industrial area</i>	kawasan industri
<i>industrial court</i>	mahkamah perindustrian
<i>industrial estate</i>	estet industri
<i>industrial market research</i>	kajian pasaran perindustrian
<i>industrial migration</i>	penghijrahan industri
<i>industrial production index</i>	indeks pengeluaran industri
<i>industrial union</i>	kesatuan sekerja industri
<i>industrial welfare</i>	kebijakan industri
<i>industrial zone</i>	zon industri
<i>industrialisation</i>	pengindustrian
<i>industry</i>	industri
<i>inelastic demand</i>	permintaan tak anjal
<i>inelastic supply</i>	penawaran tak anjal
<i>infant industry</i>	industri muda
<i>inferential statistics</i>	statistik pentakbiran
<i>inferior goods</i>	barang bawahan
<i>inferior input</i>	input bawahan
<i>infinite elasticity</i>	keanjalan infinit, keanjalan tak terhingga
<i>infinite elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan infinit, keanjalan permintaan tak terhingga
<i>infinite elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran infinit, keanjalan penawaran tak terhingga
<i>inflation</i>	inflasi
<i>inflationary gap</i>	jurang inflasi, lompong inflasi
<i>inflationary pressure</i>	tekanan inflasi
<i>infrastructure</i>	infrastruktur
<i>inheritance tax</i>	cukai warisan
<i>initial allowance</i>	elaun permulaan

<i>initial capital allowance</i>	elaun modal ditambah
<i>injection</i>	suntikan
<i>innovation</i>	reka baru
<i>input</i>	input
<i>input demand</i>	permintaan input
<i>input demand curve</i>	keluk permintaan input
<i>input demand function</i>	fungsi permintaan input
<i>input heterogeneity</i>	keheterogenan input
<i>input homogeneity</i>	kehomogenan input
<i>input-output production function</i>	fungsi pengeluaran input-output
<i>input-output analysis</i>	analisis input-output
<i>inside lag</i>	lat dalam
<i>inside money</i>	wang dalam
<i>insurable risk</i>	risiko boleh insurans
<i>insurance</i>	insurans
<i>intangible asset</i>	aset tak ketara
<i>intangible benefit</i>	faedah tak ketara
<i>intangible cost</i>	kos tak ketara
<i>integration</i>	integrasi
<i>intellectual property</i>	harta benda intelek
<i>interest</i>	bunga
<i>intermediate benefit</i>	faedah perantaraan
<i>intermediate goods</i>	barang perantaraan
<i>intermediate input</i>	input pertengahan
<i>internal debt</i>	hutang dalam negeri
<i>internal economy</i>	ekonomi dalaman
<i>internal rate of return</i>	kadar pulangan dalaman
<i>international trade</i>	perdagangan antarabangsa
<i>inventory</i>	inventori
<i>inventory investment</i>	pelaburan inventori
<i>investment</i>	pelaburan
<i>investment tax allowance</i>	elaun cukai pelaburan
<i>invisible export</i>	eksport tak nampak
<i>IS curve</i>	keluk IS
<i>isocost curve</i>	keluk isokos
<i>isoquant curve</i>	keluk isokuan

J

<i>J-curve effect</i>	kesan keluk-J
<i>J-curve phenomenon</i>	fenomenon keluk J
<i>job vacancy rate</i>	kadar kekosongan kerja
<i>jobber</i>	jober
<i>joint cost</i>	kos bersama

<i>joint demand</i>	permintaan bersama
<i>joint float</i>	apungan bersama
<i>joint input</i>	input bersama
<i>joint product</i>	keluaran bersama
<i>joint profit maximization</i>	pemaksimuman untung bersama
<i>joint stock company</i>	syarikat saham bersama
<i>joint supply</i>	penawaran bersama
<i>joint venture</i>	usaha sama
<i>just price</i>	harga adil

K

<i>key currency</i>	mata wang penting
<i>key industry</i>	industri penting
<i>Keynes effect</i>	kesan Keynes
<i>Keynesian cross</i>	silang Keynes
<i>Keynesian economics</i>	ekonomi Keynes
<i>Keynesian liquidity theory of interest</i>	teori kecairan bunga Keynes
<i>Keynesian model</i>	model Keynes
<i>Keynesian multiplier</i>	pengganda Keynes
<i>Keynesian system</i>	sistem Keynes
<i>kinked demand curve</i>	keluk permintaan terpatah
<i>Kitchin cycle</i>	kitaran Kitchin
<i>Kondratieff cycle</i>	kitaran Kondratieff
<i>Kuznets cycle</i>	kitaran Kuznets
<i>Kuznets curve</i>	keluk Kuznets

L

<i>labour</i>	buruh
<i>labour economics</i>	ekonomi buruh
<i>labour force</i>	tenaga buruh
<i>labour force participation rate</i>	kadar penyertaan tenaga buruh
<i>labour income</i>	pendapatan buruh
<i>labour-augmenting technological progress</i>	kemajuan teknologi berimbuan buruh
<i>labour-intensive product</i>	keluaran intensif buruh
<i>labour intensive technique</i>	teknik intensif buruh
<i>labour marginal product</i>	keluaran sut buruh
<i>labour market</i>	pasaran buruh
<i>labour mobility</i>	mobiliti buruh
<i>labour movement</i>	pergerakan buruh
<i>labour participation rate</i>	kadar penyertaan buruh

<i>labour productivity approach</i>	pendekatan daya pengeluaran buruh
<i>labour saving</i>	penjimatan buruh
<i>labour saving technique</i>	teknik jimat buruh
<i>labour saving technology</i>	teknologi jimat buruh
<i>labour shortage</i>	kekurangan buruh
<i>labour supply</i>	penawaran buruh
<i>labour supply curve</i>	keluk penawaran buruh
<i>labour surplus</i>	lebihan buruh
<i>labour theory of value</i>	teori nilai buruh
<i>labour turnover</i>	tukar ganti buruh
<i>labour union</i>	kesatuan sekerja
<i>labour utilization relief</i>	kelonggaran cukai penggunaan buruh
<i>labour-output ratio</i>	nisbah buruh-output
<i>labour-saving bias</i>	bias penjimatan buruh
<i>labour-saving technological progress</i>	kemajuan teknologi jimat buruh
<i>Laffer curve</i>	keluk Laffer
<i>laissez-faire</i>	<i>laissez-faire</i>
<i>land</i>	tanah
<i>land bank</i>	bank tanah
<i>land economics</i>	ekonomi tanah
<i>landlord</i>	tuan tanah
<i>land reform</i>	reformasi tanah
<i>large-scale production</i>	pengeluaran bidangan besar
<i>Laspeyres price index</i>	indeks harga Laspeyres
<i>Laspeyres quantity index</i>	indeks kuantiti Laspeyres
<i>lateral integration</i>	integrasi mendatar
<i>law of constant return to scale</i>	hukum pulangan malar ikut bidangan
<i>law of demand</i>	hukum permintaan
<i>law of diminishing marginal physical returns</i>	hukum pulangan fizikal sut berkurangan
<i>law of diminishing marginal productivity</i>	hukum daya pengeluaran sut berkurangan
<i>law of diminishing marginal utility</i>	hukum utiliti sut berkurangan
<i>law of diminishing returns</i>	hukum pulangan berkurangan
<i>law of diminishing substitution</i>	hukum penggantian berkurangan
<i>law of minimum wage</i>	hukum upah minimum
<i>law of supply</i>	hukum penawaran
<i>law of variable proportion</i>	hukum perkadaran berubah
<i>lead time</i>	masa tunggu
<i>leading industry</i>	industri utama
<i>leading sector</i>	sektor utama
<i>leakage</i>	bocoran

<i>least cost expansion path</i>	laluhan pengembangan kos terendah
<i>least cost input</i>	input kos terendah
<i>least square regression</i>	regresi kuasa dua terkecil
<i>least-cost combination</i>	gabungan kos terendah
<i>legal tender</i>	wang sah
<i>lender of last resort</i>	sumber pemberi pinjam terakhir
<i>Leontief paradox</i>	paradoks Leontief
<i>Leontief production function</i>	fungsi pengeluaran Leontief
<i>Leontief technology</i>	teknologi Leontief
<i>less developed country</i>	negara kurang maju
<i>letter of credit</i>	surat kredit
<i>level of living</i>	tingkat hidup
<i>lexicographic preference</i>	keutamaan leksikografi
<i>liability</i>	liabiliti
<i>licensed manufacturing warehouse</i>	gudang pembuatan berlesen
<i>lien</i>	lien
<i>life annuity</i>	anuiti hayat
<i>life expectancy</i>	jangkaan hidup
<i>life insurance</i>	insurans nyawa
<i>life sustenance</i>	keperluan hidup
<i>life-cycle hypothesis</i>	hipotesis kitaran hidup
<i>limited company</i>	syarikat berhad
<i>limited liability</i>	liabiliti terhad
<i>limited liability company</i>	syarikat liabiliti berhad
<i>limits-to-growth model</i>	model had pertumbuhan
<i>linear function</i>	fungsi linear
<i>linear homogenous production function</i>	fungsi pengeluaran homogen linear
<i>linear production function</i>	fungsi pengeluaran linear
<i>linear technology</i>	teknologi linear
<i>linkage</i>	rantaian
<i>liquid asset</i>	aset cair
<i>liquidation</i>	pembubaran
<i>liquidity</i>	kecairan
<i>liquidity preference</i>	keutamaan kecairan
<i>liquidity ratio</i>	nisbah kecairan
<i>liquidity theory of interest</i>	teori kecairan bunga
<i>liquidity trap</i>	perangkap kecairan
<i>list price</i>	harga senarai
<i>LM curve</i>	keluk LM
<i>loan deposit ratio</i>	nisbah pinjaman deposit
<i>loanable fund</i>	dana boleh pinjam
<i>loanable fund theory of interest</i>	teori bunga dana boleh pinjam
<i>location theory</i>	teori lokasi
<i>lockout</i>	sekatan masuk kerja

<i>long position</i>	kedudukan panjang
<i>long run</i>	jangka panjang
<i>long-run average cost</i>	kos purata jangka panjang
<i>long-run average cost curve</i>	keluk kos purata jangka panjang
<i>long-run elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan jangka panjang
<i>long-run elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran jangka panjang
<i>long-run equilibrium</i>	keseimbangan jangka panjang
<i>long-run equilibrium of the firm</i>	keseimbangan jangka panjang bagi firma
<i>long-run marginal cost</i>	kos sut jangka panjang
<i>long-run marginal cost curve</i>	keluk kos sut jangka panjang
<i>long-run market supply curve</i>	keluk penawaran pasaran jangka panjang
<i>long-run Phillips curve</i>	keluk Phillips jangka panjang
<i>long-run supply</i>	penawaran jangka panjang
<i>long-term asset</i>	aset jangka panjang
<i>long-term capital</i>	modal jangka panjang
<i>long-term capital movement</i>	pergerakan modal jangka panjang
<i>long-term liability</i>	liabiliti jangka panjang
<i>Lorenz curve</i>	keluk Lorenz
<i>loss</i>	rugi
<i>loss on paper</i>	rugi atas kertas
<i>low-income country</i>	negara miskin
<i>lowest-cost firm</i>	firma kos terendah
<i>Lucas demand curve</i>	keluk permintaan Lucas
<i>Lucas supply curve</i>	keluk penawaran Lucas
<i>lump-sum subsidy</i>	subsidi sekali gus
<i>lump-sum tax</i>	cukai sekaligus
<i>luxury goods</i>	barang mewah

M

<i>macroeconomic model</i>	model makroekonomi
<i>macroeconomic policy</i>	dasar makroekonomi
<i>macroeconomic theory</i>	teori makroekonomi
<i>macroeconomics</i>	makroekonomi
<i>Malthusian population trap</i>	perangkap penduduk Malthus
<i>Malthusian theory of population</i>	teori kependudukan Malthus
<i>managed currency</i>	mata wang terurus
<i>managed float</i>	apungan terurus
<i>managed price</i>	harga terurus
<i>managerial economics</i>	ekonomi pengurusan
<i>manpower development</i>	pembangunan tenaga manusia

<i>manpower planning</i>	perancangan tenaga manusia
<i>manpower policy</i>	dasar tenaga manusia
<i>margin requirement</i>	keperluan margin
<i>marginal analysis</i>	analisis marginal, analisis sut
<i>marginal benefit</i>	faedah sut
<i>marginal cost</i>	kos sut
<i>marginal cost curve</i>	keluk kos sut
<i>marginal cost pricing</i>	penentuan harga kos sut
<i>marginal efficiency of capital</i>	kecekapan modal sut
<i>marginal efficiency of investment</i>	kecekapan pelaburan sut
<i>marginal physical product</i>	keluaran fizikal sut
<i>marginal product</i>	keluaran sut
<i>marginal productivity</i>	daya pengeluaran sut
<i>marginal productivity doctrine</i>	doktrin daya pengeluaran sut
<i>marginal productivity theory</i>	teori daya pengeluaran sut
<i>marginal productivity theory of distribution</i>	teori pengagihan daya pengeluaran sut
<i>marginal productivity theory of labour</i>	teori daya pengeluaran sut buruh
<i>marginal productivity theory of wages</i>	teori daya pengeluaran sut upah
<i>marginal propensity to consume</i>	kecenderungan mengguna sut
<i>marginal propensity to import</i>	kecenderungan mengimport sut
<i>marginal propensity to save</i>	kecenderungan menabung sut
<i>marginal propensity to tax</i>	kecenderungan mencukai sut
<i>marginal rate of substitution</i>	kadar penggantian sut
<i>marginal rate of technical substitution</i>	kadar penggantian teknik sut
<i>marginal rate of transformation</i>	kadar transformasi sut
<i>marginal revenue</i>	hasil sut
<i>marginal revenue curve</i>	keluk hasil sut
<i>marginal revenue product</i>	keluaran hasil sut
<i>marginal satisfaction</i>	kepuasan sut
<i>marginal social benefit</i>	faedah sosial sut
<i>marginal social cost</i>	kos sosial sut
<i>marginal tax rate</i>	kadar cukai sut
<i>marginal utility</i>	utiliti sut
<i>marginal utility of income</i>	utiliti sut pendapatan
<i>mark-up inflation</i>	inflasi tokok
<i>mark-up pricing</i>	penentuan harga tokok
<i>market</i>	pasaran
<i>market capitalism</i>	kapitalisme pasaran
<i>market clearing</i>	penjelasan pasaran
<i>market concentration</i>	tumpuan pasaran
<i>market demand</i>	permintaan pasaran
<i>market economy</i>	ekonomi pasaran
<i>market equilibrium</i>	keseimbangan pasaran

<i>market failure</i>	kegagalan pasaran
<i>market forces</i>	daya pasaran
<i>market imperfection</i>	ketaksempurnaan pasaran
<i>market mechanism</i>	mekanisme pasaran
<i>market power</i>	kuasa pasaran
<i>market price</i>	harga pasaran
<i>market rate of substitution</i>	kadar penggantian pasaran
<i>market research</i>	penyelidikan pasaran
<i>market sharing</i>	pembahagian pasaran, perkongsian pasaran
<i>market socialism</i>	sosialisme pasaran
<i>market structure</i>	struktur pasaran
<i>market supply</i>	penawaran pasaran
<i>market supply curve</i>	keluk penawaran pasaran
<i>market system</i>	sistem pasaran
<i>marketing cooperative</i>	koperasi pemasaran
<i>Marshall demand curve</i>	keluk permintaan Marshall
<i>Marshallian demand</i>	permintaan Marshall
<i>Marshallian stability</i>	kestabilan Marshall
<i>mass production</i>	pengeluaran besar-besaran
<i>matching grant</i>	geran pepadanan
<i>mathematical economics</i>	ekonomi matematik
<i>mature economy</i>	ekonomi matang
<i>maturity date</i>	tarikh kematangan
<i>maximum price</i>	harga maksimum
<i>measured consumption</i>	penggunaan terukur
<i>measured income</i>	pendapatan terukur
<i>medium of exchange</i>	medium pertukaran
<i>mercantilism</i>	merkantilisme
<i>merchandise balance</i>	imbangan dagangan
<i>merchant bank</i>	bank saudagar
<i>merger</i>	penyatuan
<i>merit goods</i>	barang merit
<i>microeconomic policy</i>	dasar mikroekonomi
<i>microeconomics</i>	mikroekonomi
<i>mid-point elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan titik tengah
<i>mid-point elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran titik tengah
<i>middleman</i>	orang tengah
<i>migration</i>	penghijrahan
<i>minimum price</i>	harga minimum
<i>minimum wage</i>	upah minimum
<i>minimum wage rate</i>	kadar upah minimum
<i>mint parity</i>	pariti <i>mint</i>
<i>mixed commercial farming</i>	pertanian perdagangan campuran

<i>mixed economic system</i>	sistem ekonomi campuran
<i>mixed economy</i>	ekonomi campuran
<i>mixed system</i>	sistem campuran
<i>modernization</i>	pemodenan
<i>monetarist</i>	monetaris, pemaham kewangan
<i>monetary asset</i>	aset kewangan
<i>monetary authority</i>	autoriti kewangan
<i>monetary economics</i>	ekonomi kewangan
<i>monetary policy</i>	dasar kewangan
<i>monetary rule</i>	peraturan kewangan
<i>monetary system</i>	sistem kewangan
<i>monetary union</i>	kesatuan kewangan
<i>monetary unit</i>	unit kewangan
<i>monetization</i>	pengewangan
<i>money</i>	wang
<i>money at call</i>	wang panggilan
<i>money creation</i>	penciptaan wang
<i>money crunch</i>	hancuran wang
<i>money demand function</i>	fungsi permintaan wang
<i>money flow</i>	aliran wang
<i>money illusion</i>	maya wang
<i>money income</i>	pendapatan wang
<i>money market</i>	pasaran wang
<i>money multiplier</i>	pengganda wang
<i>money price</i>	harga wang
<i>money stock</i>	stok wang
<i>money supply</i>	penawaran wang
<i>money wage</i>	upah wang
<i>monopolistic competition</i>	persaingan bermonopoli
<i>monopoly</i>	monopoli
<i>monopoly control</i>	kawalan monopoli
<i>monopoly power</i>	kuasa monopoli
<i>monopoly profit</i>	untung monopoli
<i>monopsony</i>	monopsoni
<i>moral persuasion</i>	pujukan moral
<i>mortality rate</i>	kadar kematian
<i>mortgage</i>	gadai janji
<i>multi-part pricing</i>	penentuan harga berbilang bahagian
<i>multi-part tariff</i>	tarif berbilang bahagian
<i>multi-product firm</i>	firma berbilang keluaran
<i>multilateral trade</i>	perdagangan berbilang hala
<i>multinational corporation</i>	perbadanan multinasional
<i>multiple correlation coefficient</i>	koefisien korelasi berbilang, pekali korelasi berbilang
<i>multiple exchange rate</i>	kadar pertukaran berbilang

<i>multiplier</i>	pengganda
<i>multiplier effect</i>	kesan pengganda
<i>multiplier principle</i>	prinsip pengganda
<i>multiplier-accelerator model</i>	model pengganda pencepat

N

<i>narrow money</i>	wang sempit
<i>national debt</i>	hutang negara
<i>national expenditure</i>	perbelanjaan negara
<i>national income</i>	pendapatan negara
<i>national income account</i>	akaun pendapatan negara
<i>national product</i>	keluaran negara
<i>national wealth</i>	kekayaan negara
<i>nationalization</i>	penghaknegeraan, pemiliknegeraan
<i>natural increase</i>	pertambahan semula jadi
<i>natural monopoly</i>	monopoli semula jadi
<i>natural rate of growth</i>	kadar pertumbuhan semula jadi
<i>natural rate of unemployment</i>	kadar pengangguran semula jadi
<i>natural resource</i>	sumber asli
<i>near money</i>	wang hampir
<i>necessity goods</i>	barang perlu
<i>negative feedback</i>	maklum balas negatif
<i>negative income tax</i>	cukai pendapatan negatif
<i>negative investment</i>	pelaburan negatif
<i>negative saving</i>	tabungan negatif
<i>neoclassical economics</i>	ekonomi neoklasik
<i>neoclassical school</i>	mazhab neoklasik
<i>neocolonialism</i>	neokolonialisme
<i>net cash flow</i>	aliran tunai bersih
<i>net export</i>	eksport bersih
<i>net foreign investment</i>	pelaburan asing bersih
<i>net income</i>	pendapatan bersih
<i>net investment</i>	pelaburan bersih
<i>net liquidity balance</i>	imbangan kecairan bersih
<i>net national product</i>	keluaran negara bersih
<i>net present value</i>	nilai kini bersih
<i>net tax multiplier</i>	pengganda cukai bersih
<i>net worth</i>	nilai bersih
<i>neutral production</i>	pengeluaran berkecuali
<i>neutrality of money</i>	keberkecualian wang
<i>new classical economics</i>	ekonomi klasik baru
<i>new classical macroeconomics</i>	makroekonomi klasik baru

<i>new classical school</i>	mazhab klasik baru
<i>newly industrialized country</i>	negara perindustrian baru
<i>nineteenth-century liberalism</i>	liberalisme abad ke-19
<i>nominal price</i>	harga nominal
<i>nominal tariff</i>	tarif nominal
<i>nominal value</i>	nilai nominal
<i>nominal wage</i>	upah nominal
<i>non-tariff barrier</i>	sekatan bukan tarif
<i>non-tax revenue</i>	hasil bukan cukai
<i>noncompeting groups</i>	kumpulan bukan saingan
<i>nondurable goods</i>	barang tak tahan lama
<i>noneconomic factor</i>	faktor bukan ekonomi
<i>noneconomic variable</i>	peboleh ubah bukan ekonomi
<i>nonhuman resource</i>	sumber bukan manusia
<i>nonhuman wealth</i>	kekayaan bukan manusia
<i>nonmarketed goods</i>	barang tak diniagakan
<i>nonmatching grant</i>	geran bukan pepadanan
<i>nonmonetary benefits</i>	faedah bukan kewangan
<i>nonprice competition</i>	persaingan bukan harga
<i>nonprobability sampling</i>	pensampelan bukan kebarangkalian, pensampelan bukan probabiliti
<i>nonrenewable resource</i>	sumber tak boleh dibaharui
<i>nontraded commodity</i>	barangan bukan dagangan, komoditi bukan dagangan
<i>nontraded goods</i>	barang bukan dagangan
<i>normal capacity</i>	keupayaan normal
<i>normal goods</i>	barang normal
<i>normal input</i>	input normal
<i>normal profit</i>	untung normal
<i>normal-profit equilibrium</i>	keseimbangan untung normal
<i>normal unemployment</i>	kadar pengangguran semula jadi
<i>normative economics</i>	ekonomi normatif
<i>null vector</i>	vektor nol
<i>numeraire</i>	<i>numeraire</i>

O

<i>occupational mobility</i>	mobiliti kerja
<i>odd lot</i>	lot ganjil
<i>offer curve</i>	keluk tawaran
<i>official settlements balance</i>	imbangan penyelesaian rasmi
<i>Okun's law</i>	hukum Okun
<i>oligopolistic competition</i>	persaingan beroligopoli
<i>oligopoly</i>	oligopoli

<i>open agriculture</i>	pertanian terbuka
<i>open cheque</i>	cek terbuka
<i>open economy</i>	ekonomi terbuka
<i>open market operation</i>	operasi pasaran terbuka
<i>open shop</i>	kedai terbuka
<i>open unemployment</i>	pengangguran terbuka
<i>operating profit</i>	untung kendalian
<i>opportunity cost</i>	kos melepasi
<i>optimal factor combination</i>	gabungan faktor optimum, kombinasi faktor optimum
<i>optimum currency area</i>	kawasan mata wang optimum
<i>optimum population</i>	penduduk optimum
<i>optimum tariff</i>	tarif optimum
<i>ordinary least square</i>	kuasa dua terkecil biasa
<i>output</i>	output
<i>output expansion path</i>	laluhan pengembangan output
<i>output-employment lag</i>	lat output guna tenaga
<i>outside lag</i>	lat luar
<i>outside money</i>	wang luar
<i>outward-looking development policy</i>	dasar pembangunan melihat keluar
<i>overhead cost</i>	kos overhed
<i>overidentification</i>	pengenalpastian berlebihan
<i>overpopulation</i>	penduduk berlebihan
<i>overproduction</i>	pengeluaran berlebihan
<i>overshooting</i>	kelajakan
<i>overvalued currency</i>	mata wang terlebih nilai
<i>owner's equity</i>	ekuiti pemilik
<i>ownership</i>	pemilikan

P

<i>Paasche price index</i>	indeks harga Paasche
<i>Paasche quantity index</i>	indeks kuantiti Paasche
<i>paper profit</i>	untung atas kertas
<i>par value</i>	nilai par, nilai tara
<i>paradox of thrift</i>	paradoks berjimat
<i>paradox of value</i>	paradoks nilai
<i>parameter</i>	parameter
<i>parent company</i>	syarikat induk
<i>Pareto efficiency</i>	kecekapan Pareto
<i>Pareto improvement</i>	pembaikan Pareto
<i>Pareto optimum</i>	optimum Pareto
<i>partial adjustment hypothesis</i>	hipotesis pelarasan separa

<i>partial adjustment model</i>	model pelarasan separa
<i>partial correlation</i>	korelasi separa
<i>partial equilibrium</i>	keseimbangan separa
<i>partial equilibrium analysis</i>	analisis keseimbangan separa
<i>partnership</i>	perkongasian
<i>patent monopoly</i>	monopoli paten
<i>peak-load pricing</i>	penentuan harga beban masa puncak
<i>peasant society</i>	masyarakat tani
<i>pecuniary benefit</i>	faedah kewangan
<i>pecuniary cost</i>	kos kewangan
<i>pegged exchange rate</i>	kadar pertukaran terpancang
<i>pegging</i>	pancangan
<i>perfect competition</i>	persaingan sempurna
<i>perfect elasticity</i>	keanjalan sempurna
<i>perfect elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan sempurna
<i>perfect elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran sempurna
<i>perfect inelasticity</i>	ketakanjalan sempurna
<i>perfect market</i>	pasaran sempurna
<i>perfect monopoly</i>	monopoli sempurna
<i>perfect substitute</i>	pengganti sempurna
<i>perfectly competitive market</i>	pasaran persaingan sempurna
<i>perfectly elastic demand</i>	permintaan anjal sempurna
<i>perfectly elastic supply</i>	penawaran anjal sempurna
<i>perfectly inelastic supply</i>	penawaran tak anjal sempurna
<i>permanent consumption</i>	penggunaan tetap
<i>permanent income</i>	pendapatan tetap
<i>permanent income hypothesis</i>	hipotesis pendapatan tetap
<i>perpetual bond</i>	bon kekal
<i>perpetuity</i>	perpetuiti
<i>personal consumption expenditure</i>	perbelanjaan penggunaan persendirian
<i>personal disposable income</i>	pendapatan boleh guna perseorangan
<i>personal income</i>	pendapatan perseorangan
<i>personal income tax</i>	cukai pendapatan perseorangan
<i>personal property</i>	harta benda perseorangan
<i>personal rate of substitution</i>	kadar penggantian perseorangan
<i>personal saving</i>	tabungan persendirian
<i>petty cash</i>	tunai runcit
<i>Phillips curve</i>	keluk Phillips
<i>physical capital</i>	modal fizikal
<i>physical flow</i>	aliran fizikal
<i>physical productivity</i>	daya pengeluaran fizikal
<i>physiocracy</i>	fisiokrasi
<i>Pigou effect</i>	kesan Pigou

<i>pioneer industry</i>	industri perintis
<i>pioneer status</i>	taraf perintis
<i>planned socialism</i>	sosialisme terancang
<i>planning model</i>	model perancangan
<i>plant</i>	loji
<i>point elasticity</i>	keanjalan titik
<i>point elasticity of demand</i>	keanjalan permintaan titik
<i>point elasticity of supply</i>	keanjalan penawaran titik
<i>policy instrument</i>	alat dasar
<i>policy variable</i>	pemboleh ubah dasar
<i>political economy</i>	ekonomi politik
<i>poll tax</i>	cukai kepala
<i>population</i>	populasi
<i>population density</i>	kepadatan penduduk
<i>population growth</i>	pertumbuhan penduduk
<i>population mean</i>	min populasi
<i>population pressure</i>	tekanan penduduk
<i>population pyramid</i>	piramid penduduk
<i>portfolio</i>	portfolio
<i>portfolio analysis</i>	analisis portfolio
<i>portfolio investment</i>	pelaburan portfolio
<i>positive economics</i>	ekonomi positif
<i>potential national product</i>	keluaran negara potensi
<i>potential output</i>	output potensi
<i>poverty</i>	kemiskinan
<i>poverty line</i>	garis kemiskinan
<i>precautionary demand</i>	permintaan awasan
<i>precautionary motive</i>	motif awasan
<i>precondition for take-off</i>	prasyarat untuk maju
<i>preferred stock</i>	saham keutamaan
<i>premature inflation</i>	inflasi sebelum masa
<i>present value</i>	nilai kini
<i>present value criterion</i>	kriteria nilai kini
<i>price</i>	harga
<i>price competition</i>	persaingan harga
<i>price control</i>	kawalan harga
<i>price differential</i>	pembezaan harga
<i>price discrimination</i>	diskriminasi harga
<i>price effect</i>	kesan harga
<i>price elasticity of demand</i>	keanjalan harga permintaan
<i>price elasticity of supply</i>	keanjalan harga penawaran
<i>price fixing</i>	penetapan harga
<i>price index</i>	indeks harga
<i>price leadership</i>	kepimpinan harga

<i>price level</i>	tingkat harga
<i>price ratio</i>	nisbah harga
<i>price support programme</i>	program sokongan harga
<i>price system</i>	sistem harga
<i>price taker</i>	penerima harga
<i>price war</i>	perang harga
<i>price-consumption curve</i>	keluk harga-penggunaan
<i>price-earnings ratio</i>	nisbah harga perolehan
<i>price-species flow mechanism</i>	mekanisme aliran harga spesies
<i>primary benefit</i>	faedah utama
<i>primary commodity</i>	barangan utama, komoditi utama
<i>primary cost</i>	kos utama
<i>primary data</i>	data utama
<i>primary industry</i>	industri peringkat pertama
<i>primary market</i>	pasaran peringkat pertama
<i>primary security</i>	sekuriti peringkat pertama
<i>prime rate</i>	kadar utama
<i>prime rate of interest</i>	kadar bunga utama
<i>private benefit</i>	faedah persendirian
<i>private cost</i>	kos persendirian
<i>private enterprise</i>	perusahaan swasta
<i>private foreign investment</i>	pelaburan asing swasta
<i>private goods</i>	barang persendirian
<i>private investment</i>	pelaburan swasta
<i>private limited company</i>	syarikat sendirian berhad
<i>private ownership economy</i>	ekonomi pemilikan persendirian
<i>private property</i>	harta benda persendirian
<i>private property rights</i>	hak harta benda persendirian
<i>private sector</i>	sektor swasta
<i>privatization</i>	penswastaan
<i>probabilistic sample</i>	sampel berkebarangkalian
<i>probability sampling</i>	pensampelan kebarangkalian, pensampelan probabiliti
<i>producer's price index</i>	indeks harga pengeluar
<i>producer's surplus</i>	lebih pengeluar
<i>product cycle model</i>	model kitaran keluaran
<i>product differentiation</i>	pembezaan keluaran
<i>product heterogeneity</i>	keheterogenan keluaran
<i>product homogeneity</i>	kehomogenan keluaran
<i>production</i>	pengeluaran
<i>production contract curve</i>	keluk kontrak pengeluaran
<i>production factor</i>	faktor pengeluaran
<i>production function</i>	fungsi pengeluaran
<i>production plan</i>	rancangan pengeluaran

<i>production possibility curve</i>	keluk kemungkinan pengeluaran
<i>production possibility frontier</i>	sempadan kemungkinan pengeluaran
<i>production possibility function</i>	fungsi kemungkinan pengeluaran
<i>production possibility set</i>	set kemungkinan pengeluaran
<i>production process</i>	proses pengeluaran
<i>production technique</i>	teknik pengeluaran
<i>productive efficiency</i>	kecekapan pengeluaran
<i>productivity</i>	daya pengeluaran
<i>productivity gap</i>	jurang daya pengeluaran
<i>productivity index</i>	indeks daya pengeluaran
<i>profit</i>	untung
<i>profit equation</i>	persamaan untung
<i>profit function</i>	fungsi untung
<i>profit identity</i>	identiti untung
<i>profit margin</i>	margin untung
<i>profit maximization</i>	pemaksimuman untung
<i>profit maximizing output</i>	output pemaksimuman untung
<i>profit sharing</i>	perkongsi untung
<i>progressive income tax</i>	cukai pendapatan progresif
<i>progressive tax</i>	cukai progresif
<i>prohibitive tariff</i>	tarif mencegah
<i>project appraisal</i>	penilaian projek
<i>project evaluation</i>	penilaian projek
<i>proletariat</i>	proletariat
<i>propensity to consume</i>	kecenderungan mengguna
<i>propensity to import</i>	kecenderungan mengimport
<i>propensity to save</i>	kecenderungan menabung
<i>propensity to tax</i>	kecenderungan mencukai
<i>property</i>	harta benda
<i>property rights</i>	hak harta benda
<i>property tax</i>	cukai harta benda
<i>proportional tax</i>	cukai berkadar
<i>proprietorship</i>	keempunyaan
<i>prosperity</i>	kemakmuran
<i>protection</i>	perlindungan
<i>protectionism</i>	fahaman perlindungan
<i>protective tariff</i>	tarif perlindungan
<i>protrade production</i>	pengeluaran prodagangan
<i>public debt</i>	hutang awam
<i>public enterprise</i>	perusahaan awam
<i>public expenditure</i>	perbelanjaan awam
<i>public finance</i>	pembiayaan awam
<i>public goods</i>	barang awam
<i>public investment</i>	pelaburan awam

<i>public ownership</i>	pemilikan awam
<i>public sector</i>	sektor awam
<i>public utility</i>	utiliti awam
<i>public works</i>	kerja awam
<i>purchase tax</i>	cukai belian
<i>purchasing power of money</i>	kuasa beli wang
<i>purchasing power parity theory</i>	teori pariti kuasa beli
<i>pure competition</i>	persaingan tulen
<i>pure economic rent</i>	sewa ekonomi tulen
<i>pure monopoly</i>	monopoli tulen
<i>pure profit</i>	untung tulen
<i>pure rent</i>	sewa tulen

Q

<i>qualitative control</i>	kawalan kualitatif
<i>quality competition</i>	persaingan kualiti
<i>quality control</i>	kawalan mutu, kawalan kualiti
<i>quantitative control</i>	kawalan kuantitatif
<i>quantitative economy</i>	ekonomi kuantitatif
<i>quantity demanded</i>	kuantiti diminta
<i>quantity index</i>	indeks kuantiti
<i>quantity supplied</i>	kuantiti ditawarkan
<i>quantity theory of money</i>	teori kuantiti wang
<i>quasi money</i>	wang kuasi
<i>quasi rent</i>	sewa kuasi
<i>questionnaire</i>	soal selidik
<i>quota</i>	kuota
<i>quotation</i>	sebut harga

R

<i>R & D</i>	R & D
<i>racial discrimination</i>	diskriminasi ras
<i>random sample</i>	sampel rambang
<i>random variable</i>	pemboleh ubah rambang, variabel rawak
<i>ratchet effect theory</i>	teori kesan sehaluan
<i>rate of commodity substitution</i>	kadar penggantian komoditi
<i>rate of interest</i>	kadar bunga
<i>rate of return</i>	kadar pulangan
<i>rate of technical substitution</i>	kadar penggantian teknik
<i>rational expectation hypothesis</i>	hipotesis jangkaan rasional

<i>rational expectation theory</i>	teori jangkaan rasional
<i>rationality</i>	kerasionalan
<i>rationalization</i>	perasionalan
<i>rationing</i>	pencatuan
<i>rationing of foreign exchange</i>	pencatuan pertukaran asing
<i>rationing of goods</i>	pencatuan barang-barang
<i>raw material</i>	bahan mentah
<i>raw vector</i>	vektor baris
<i>real balance</i>	baki benar
<i>real balance effect</i>	kesan baki benar
<i>real balance effect theory</i>	teori kesan baki benar
<i>real benefit</i>	faedah benar
<i>real capital</i>	modal benar
<i>real income</i>	pendapatan benar
<i>real price</i>	harga benar
<i>real profit</i>	untung benar
<i>real sector</i>	sektor benar
<i>real term</i>	sebutan benar
<i>real wage</i>	upah benar
<i>real-bill doctrine</i>	doktrin bil benar
<i>realty</i>	harta tanah
<i>rebate</i>	rebat
<i>recession</i>	kemerosotan
<i>reciprocity</i>	ketimbalbalikan
<i>recovery</i>	pemulihan
<i>rectification push cost inflation</i>	inflasi pengesahan tolakan kos
<i>recursive system</i>	sistem rekursif
<i>redeemable security</i>	sekuriti boleh tebus
<i>redemption</i>	penebusan
<i>redemption date</i>	tarikh penebusan
<i>rediscount rate</i>	kadar diskaun semula
<i>reduced form equation</i>	persamaan bentuk terkurang
<i>reexport</i>	eksport semula
<i>reference cycle</i>	kitaran rujukan
<i>reflation</i>	reflasi
<i>reform liberalism</i>	liberalisme reformasi
<i>refunding</i>	pendanaan semula
<i>refunding bond</i>	bon pendanaan semula
<i>regional account</i>	akaun wilayah
<i>regional analysis</i>	analisis wilayah
<i>regional development</i>	pembangunan wilayah
<i>regional development grant</i>	geran pembangunan wilayah
<i>regional economy</i>	ekonomi wilayah
<i>regional income multiplier</i>	pengganda pendapatan wilayah

<i>regional plan</i>	pelan wilayah
<i>regional planning</i>	perancangan wilayah
<i>regional policy</i>	dasar wilayah
<i>regression analysis</i>	analisis regresi
<i>regression equation</i>	persamaan regresi
<i>regression line</i>	garisan regresi
<i>regression model</i>	model regresi
<i>regression parameter</i>	parameter regresi
<i>regressive income tax</i>	cukai pendapatan regresif
<i>regressive tax</i>	cukai regresif
<i>regulation Q</i>	peraturan Q
<i>relative income hypothesis</i>	hipotesis pendapatan relatif
<i>relative poverty</i>	kemiskinan relatif
<i>relative price</i>	harga relatif
<i>relative purchasing power parity theory</i>	teori pariti kuasa beli relatif
<i>renewable resource</i>	sumber boleh dibaharui
<i>rent</i>	sewa
<i>rent control</i>	kawalan sewa
<i>rental cost</i>	kos sewaan
<i>renter</i>	pemberi sewa
<i>replacement</i>	penggantian
REPO	REPO
<i>repossession</i>	penarikan balik
<i>repressed inflation</i>	inflasi tertekan
<i>reproduction rate</i>	kadar pembiakan
<i>required reserve ratio</i>	nisbah rizab wajib
<i>research and development</i>	penyelidikan dan pembangunan
<i>reserve</i>	rizab
<i>reserve currency</i>	mata wang rizab
<i>reserve requirement</i>	keperluan rizab
<i>residual</i>	sisia
<i>resource</i>	sumber
<i>retail trade</i>	perdagangan runcit
<i>returns to scale</i>	pulangan ikut bidang
<i>revaluation</i>	penilaian semula
<i>revealed preference</i>	keutamaan ternyata
<i>revenue</i>	hasil
<i>revolving fund</i>	dana pusingan
<i>risk</i>	risiko
<i>runaway inflation</i>	inflasi melampau

S

<i>sales promotion</i>	promosi jualan
------------------------	----------------

<i>sales tax</i>	cukai jualan
<i>sample</i>	sampel
<i>sample mean</i>	min sampel
<i>sample variance</i>	varians sampel
<i>sampling</i>	pensampelan
<i>sampling method</i>	kaedah pensampelan
<i>satellite town</i>	bandar satelit
<i>saving</i>	simpanan, tabungan
<i>savings account</i>	akaun tabungan, akaun simpanan
<i>savings bank</i>	bank simpanan
<i>Say's law</i>	hukum Say
<i>scarcity</i>	kekurangan
<i>scatter diagram</i>	rajah selerakan
<i>seasonal unemployment</i>	pengangguran bermusim
<i>second best theory</i>	teori terbaik kedua
<i>secondary benefit</i>	faedah peringkat kedua, faedah sekunder
<i>secondary cost</i>	kos peringkat kedua, kos sekunder
<i>secondary data</i>	data sekunder
<i>secondary industry</i>	industri peringkat kedua
<i>secondary market</i>	pasaran peringkat kedua
<i>secondary security</i>	sekuriti peringkat kedua
<i>secular stagnation</i>	genangan sekular
<i>secular trend</i>	arah aliran sekular
<i>security</i>	sekuriti
<i>selective tariff</i>	tarif terpilih
<i>self-liquidating</i>	cair sendiri
<i>seller's market</i>	pasaran penjual
<i>semi-skilled labour</i>	buruh separuh mahir
<i>service</i>	perkhidmatan
<i>service life</i>	hayat perkhidmatan
<i>sex discrimination</i>	diskriminasi jantina
<i>shadow price</i>	harga bayangan
<i>short position</i>	kedudukan pendek
<i>short run</i>	jangka pendek
<i>short-run market supply curve</i>	keluk penawaran pasaran jangka pendek
<i>short-run Phillips curve</i>	keluk Phillips jangka pendek
<i>short-run supply curve</i>	keluk penawaran jangka pendek
<i>short-term liability</i>	liabiliti jangka pendek
<i>shortage</i>	kurangan
<i>simple correlation coefficient</i>	koefisien korelasi mudah, pekali korelasi mudah
<i>sinking fund</i>	dana terikat

<i>skilled labour</i>	buruh mahir
<i>slum area</i>	kawasan mundur
<i>small economy</i>	ekonomi kecil
<i>smallholding</i>	kebun kecil
<i>small-scale production</i>	pengeluaran bidang kecil
<i>social benefits</i>	faedah sosial
<i>social cost</i>	kos sosial
<i>social indifference curve</i>	keluk puas sama sosial
<i>social welfare</i>	kebijakan masyarakat
<i>social welfare function</i>	fungsi kebijakan sosial
<i>social welfare maximization</i>	pemaksimuman kebijakan sosial
<i>socialism</i>	sosialisme
<i>socialist economic system</i>	sistem ekonomi sosialis
<i>soft currency</i>	mata wang lembut
<i>soil conservation</i>	pemuliharaan tanah
<i>sole proprietorship</i>	keempunyaan tunggal
<i>special deposit</i>	deposit khas
<i>Special Drawing Rights</i>	Hak Pengeluaran Khas
<i>specialization</i>	pengkhususan
<i>specialization of labour</i>	pengkhususan buruh
<i>specie point</i>	titik spesi
<i>specific grant</i>	geran spesifik
<i>specific tariff</i>	tarif khusus, tarif spesifik
<i>spectral analysis</i>	analisis spektrum
<i>speculation</i>	spekulasi
<i>speculative motive</i>	motif spekulasi
<i>spot market</i>	pasaran semerta
<i>spot price</i>	harga semerta
<i>spread effect</i>	kesan tebaran
<i>stability</i>	kestabilan
<i>stabilization</i>	penstabilan
<i>stabilization of equilibrium</i>	penstabilan keseimbangan
<i>stagflation</i>	stagflasi
<i>stagnation</i>	genangan
<i>standard deviation</i>	sisihan piawai
<i>standard error</i>	ralat piawai
<i>standard of living</i>	taraf hidup
<i>stationary state</i>	keadaan pegun
<i>statistic</i>	statistik
<i>statistical inference</i>	pentakbiran statistik, inferens statistik
<i>statistics</i>	statistik
<i>statutory reserve ratio</i>	nisbah rizab berkanun
<i>sterling area</i>	kawasan sterling
<i>stochastic variable</i>	pemboleh ubah stokastik

<i>stock</i>	saham
<i>stock variable</i>	pemboleh ubah stok
<i>Stolper Samuelson theorem</i>	teorem Stolper Samuelson
<i>strike</i>	mogok
<i>structural adjustment</i>	pelarasan struktur
<i>structural unemployment</i>	pengangguran struktur
<i>subsidiary company</i>	anak syarikat
<i>subsidy</i>	subsidi
<i>subsistence allowance</i>	elaun sara diri
<i>substitute goods</i>	barang pengganti
<i>substitute input</i>	input pengganti
<i>substitution effect</i>	kesan penggantian
<i>substitution principle</i>	prinsip penggantian
<i>sunrise industry</i>	industri fajar
<i>sunset industry</i>	industri senja
<i>superior goods</i>	barang atasan
<i>supply</i>	penawaran
<i>supply curve</i>	keluk penawaran
<i>supply elasticity</i>	keanjalan penawaran
<i>supply function</i>	fungsi penawaran
<i>supply of effort</i>	penawaran masa kerja
<i>supply response</i>	gerak balas penawaran
<i>supply response function</i>	fungsi gerak balas penawaran
<i>supply shock</i>	kejutan penawaran
<i>supply shock inflation</i>	inflasi kejutan penawaran
<i>supply-side economy</i>	ekonomi sebelah penawaran
<i>supply-side inflation</i>	inflasi sebelah penawaran
<i>surplus budget</i>	belanjawan lebihan
<i>surplus value</i>	nilai lebihan
<i>surrender value</i>	nilai serahan
<i>survey</i>	kaji selidik
<i>sustained growth</i>	pertumbuhan termapan

T

<i>tableau economique</i>	tablau ekonomi
<i>take-home pay</i>	gaji bawa pulang
<i>take-off stage</i>	tahap pemecutan
<i>takeover</i>	pengambilalihan
<i>tangible asset</i>	aset ketara
<i>tangible benefit</i>	faedah ketara
<i>tangible cost</i>	kos ketara
<i>tangible goods</i>	barang ketara
<i>tariff</i>	tarif

<i>taste</i>	cita rasa
<i>tax</i>	cukai
<i>tax allowance</i>	elaun cukai
<i>tax assessment</i>	taksiran cukai
<i>tax avoidance</i>	pengelakan cukai
<i>tax base</i>	asas cukai
<i>tax burden</i>	beban cukai
<i>tax credit</i>	kredit cukai
<i>tax deduction</i>	potongan cukai
<i>tax equalization</i>	penyamaan cukai
<i>tax equity</i>	ekuiti cukai
<i>tax exemption</i>	pengecualian cukai
<i>tax holiday</i>	kelepasan cukai
<i>tax incentive</i>	insentif cukai
<i>tax incidence</i>	insidens cukai
<i>tax revenue</i>	hasil cukai
<i>tax sharing</i>	perkongsiian cukai
<i>tax-based income policy</i>	dasar pendapatan asas cukai
<i>tax-loss carry back</i>	kerugian cukai dibawa ke belakang
<i>tax-loss carry forward</i>	kerugian cukai dibawa ke hadapan
<i>taxable capacity</i>	keupayaan boleh cukai
<i>taxable income</i>	pendapatan boleh cukai
<i>technical barrier to trade</i>	sekatan teknik terhadap perdagangan
<i>technical coefficient</i>	koefisien teknik, pekali teknik
<i>technical efficiency</i>	kecekapan teknik
<i>technocracy</i>	teknokrasi
<i>technological efficiency</i>	kecekapan teknologi
<i>technological unemployment</i>	pengangguran teknologi
<i>temporary layoff</i>	pemberhentian kerja sementara
<i>terms of trade</i>	kadar syarat perdagangan
<i>tertiary industry</i>	industri peringkat ketiga
<i>theory</i>	teori
<i>theory of national income determination</i>	teori penentuan pendapatan negara
<i>third world country</i>	negara dunia ketiga
<i>thrift</i>	jimat cermat
<i>tied loan</i>	pinjaman terikat
<i>tight money</i>	wang ketat
<i>time deposit</i>	deposit bermasa
<i>time series</i>	siri masa
<i>time-rate wage</i>	upah kadar masa
<i>token money</i>	wang tanda
<i>total cost</i>	jumlah kos
<i>total cost curve</i>	keluk jumlah kos
<i>total inelasticity</i>	ketakanjalan sempurna

<i>total product</i>	jumlah keluaran
<i>total product curve</i>	keluk jumlah keluaran
<i>total revenue</i>	jumlah hasil
<i>total revenue curve</i>	keluk jumlah hasil
<i>total supply of labour</i>	jumlah penawaran buruh
<i>total utility</i>	jumlah utiliti
<i>total utility curve</i>	keluk jumlah utiliti
<i>total variable cost</i>	jumlah kos berubah
<i>tourism</i>	pelancongan
<i>trade</i>	perdagangan
<i>trade association</i>	persatuan perdagangan
<i>trade barrier</i>	sekatan perdagangan
<i>trade bill</i>	bil perdagangan
<i>trade credit</i>	Kredit perdagangan
<i>trade cycle</i>	kitaran perdagangan
<i>trade discount</i>	diskaun perdagangan
<i>trade diversion</i>	pelencongan perdagangan
<i>trade union</i>	kesatuan sekerja
<i>trademark</i>	cap dagang, tanda perdagangan
<i>trading stamp</i>	setem perdagangan
<i>traditional directed economy</i>	ekonomi terarah tradisional
<i>transaction cost</i>	kos urus niaga
<i>transaction motive</i>	motif urus niaga
<i>transfer earnings</i>	perolehan pindahan
<i>transfer income</i>	pendapatan pindahan
<i>transfer payment</i>	bayaran pindahan
<i>transformation curve</i>	keluk transformasi
<i>transitory consumption</i>	penggunaan sementara
<i>transitory income</i>	pendapatan sementara
<i>transportation</i>	pengangkutan
<i>treasury bill</i>	bil perbendaharaan
<i>treasury note</i>	nota perbendaharaan
<i>trend</i>	arah aliran
<i>trustee</i>	pemegang amanah
<i>twentieth-century liberalism</i>	liberalisme abad ke-20
<i>two-part tariff</i>	tarif dua bahagian
<i>two-tier pricing system</i>	sistem penentuan harga dua tingkat

U

<i>unbalanced growth</i>	pertumbuhan tidak seimbang
<i>uncertainty</i>	ketakpastian
<i>unconditional grant</i>	geran tak bersyarat
<i>uncovered interest arbitrage</i>	arbitraj bunga tak dilindungi

<i>underconsumption</i>	kurang penggunaan
<i>underdeveloped country</i>	negara kurang membangun
<i>underdevelopment</i>	kurang pembangunan
<i>underemployment</i>	guna tenaga tak penuh
<i>underidentification</i>	pengenalpastian terkurang
<i>underpopulation</i>	kurang penduduk
<i>undervalued currency</i>	mata wang terkurang nilai
<i>undistributed profit</i>	untung tak diagih
<i>unemployed person</i>	penganggur
<i>unemployment</i>	pengangguran
<i>unemployment benefit</i>	bantuan pengangguran
<i>unemployment compensation</i>	pampasan pengangguran
<i>unemployment insurance</i>	insurans pengangguran
<i>unemployment rate</i>	kadar pengangguran
<i>unfair competition</i>	persaingan tak adil
<i>unfavourable balance</i>	imbangan tak memuaskan
<i>uninsurable risk</i>	risiko tak boleh insurans
<i>union</i>	kesatuan
<i>union label</i>	lambang kesatuan
<i>union shop</i>	kedai kesatuan
<i>unit banking</i>	urusan bank unit
<i>unit of account</i>	unit akaun
<i>unit vector</i>	vektor unit
<i>unitary elasticity</i>	keanjalan satu
<i>unlimited liability</i>	liabiliti tak terhad
<i>unlisted security</i>	sekuriti tak tersenarai
<i>unpaid worker</i>	pekerja tak berupah
<i>unproductive labour</i>	buruh tak produktif
<i>unreported activity</i>	aktiviti tak dilaporkan
<i>upper turning point</i>	titik pusingan atas
<i>urban renewal</i>	pembaharuan bandar
<i>urbanization</i>	pembandaran
<i>user cost</i>	kos pengguna
<i>usury</i>	riba
<i>utility</i>	utiliti
<i>utility curve</i>	keluk utiliti
<i>utility maximization</i>	pemaksimuman utiliti
<i>utility possibility curve</i>	keluk kemungkinan utiliti
<i>utility possibility frontier</i>	sempadan kemungkinan utiliti

V

*validity of inflation*inflasi terperakui
nilai

<i>value added</i>	nilai ditambah
<i>value of marginal product</i>	nilai keluaran sut
<i>value-added tax</i>	cukai nilai ditambah
<i>variable</i>	pemboleh ubah, variabel
<i>variable cost</i>	kos berubah
<i>variable factor</i>	faktor berubah
<i>variable input</i>	input berubah
<i>variable proportion</i>	perkadaran berubah
<i>variance</i>	varians
<i>Veblen effect</i>	kesan Veblen
<i>vector</i>	vektor
<i>velocity of money</i>	halaju wang
<i>venture capital</i>	modal usaha niaga
<i>venture risk</i>	risiko usaha niaga
<i>verification</i>	pengesahan
<i>vertical equity</i>	ekuiti menegak, keadilan menegak, kesaksamaan menegak
<i>vertical integration</i>	integrasi menegak
<i>vertical merger</i>	penyatuan menegak
<i>vicious circle of poverty</i>	putaran ganas kemiskinan
<i>visible export</i>	eksport nampak
<i>voluntary export restrain</i>	kawalan eksport sukarela
<i>voluntary unemployment</i>	penganggur sukarela

W

<i>wage bargaining</i>	tawar-menawar upah
<i>wage control</i>	kawalan upah
<i>wage determination</i>	penentuan upah
<i>wage differential</i>	kebezaan upah
<i>wage level</i>	tingkat upah
<i>wage rate</i>	kadar upah
<i>wage rigidity</i>	ketegaran upah
<i>wage-cost push inflation</i>	inflasi tolakan kos upah
<i>wage-employment trade-off</i>	tukar ganti upah guna tenaga
<i>wage-price flexibility</i>	kebolehubahan upah-harga
<i>wage-price guideline</i>	garis panduan upah-harga
<i>wage-price guideposts</i>	panduan upah-harga
<i>wage-push inflation</i>	inflasi tolakan upah
<i>wages</i>	upah
<i>Walrasian law</i>	hukum Walras
<i>Walrasian stability</i>	kestabilan Walras
<i>wants</i>	kehendak
<i>wealth</i>	kekayaan

<i>wealth effect</i>	kesan kekayaan
<i>welfare criterion</i>	kriteria kebajikan
<i>welfare economics</i>	ekonomi kebajikan
<i>welfare payment</i>	bayaran kebajikan
<i>welfare state</i>	negara kebajikan
<i>white-collar job</i>	kerja kolar putih
<i>wholesale price index</i>	indeks harga borong
<i>wholesale trade</i>	perdagangan borong
<i>wild inflation</i>	inflasi liar
<i>wildcat strike</i>	mogok liar
<i>windfall loss</i>	kerugian durian runtuh
<i>windfall profit</i>	keuntungan durian runtuh
<i>withholding of income tax</i>	penangguhan cukai pendapatan
<i>women discrimination</i>	diskriminasi wanita
<i>working capital</i>	modal kerja
<i>working class</i>	kelas pekerja
<i>world price</i>	harga dunia
	X
<i>X inefficiency</i>	ketakcekapan X
	Y
<i>yield</i>	kadar hasil
	Z
<i>zero economic growth</i>	pertumbuhan ekonomi sifar
<i>zero elasticity</i>	keanjalan sifar
<i>zero vector</i>	vektor sifar
<i>zero-profit equilibrium</i>	keseimbangan untung sifar

RUJUKAN

- Adam, J.H. 1982. *Longman Dictionary of Business English*. Essex: Longman Group Ltd.
- Baumol, W.J. dan A.S. Blinder 1982. *Economics: Principles and Policy*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka 1987. *Istilah Ekonomi*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka 1989. *Kamus Dewan*. Cetakan Pertama. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka 1985. *Kamus Dwibahasa*. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gilpin, A. 1977. *Dictionary of Economic Terms*. Edisi Keempat. London : Butterworth.
- Gordon, R.J. 1978. *Macroeconomics*. Edisi Kedua. Boston : Little Brown and Company.
- Greenwald, D. et al. 1983. *The Concise McGraw-Hill Dictionary of Modern Economics: A handbook of terms and organizations*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Hansen, J.L. 1977. *A Dictionary of Economics*. Edisi Keempat. London: MacDonald & Evans Ltd.
- Kementerian Kewangan Malaysia 1990. *Laporan Ekonomi 1991/92*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Lipsey, R.G. dan P.O. Steiner 1981. *Economics*. Edisi Keenam. New York: Harper & Row Publishers.
- Mansfield, E. 1975. *Microeconomics: Theory and applications*. Edisi Kedua. New York: W.W. Norton.
- Mansor Jusoh dan Hamzaid Yahya 1990. *Ekonomi Kewangan Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Jusoh 1990. *Inflasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McConnell, C.R. 1975. *Economics: Principles, Problems and Policies*. Edisi

- Keenam. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Md. Zyadi Md. Tahir dan Ragayah Hj. Mat Zin 1990. *Ekonomi Percukaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Zyadi Md. Tahir *et al.* 1988. *Makroekonomi: Prinsip dan Analisis*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Moffat, D.W. 1983. *Economics Dictionary*. Edisi Kedua. New York: Elsevier.
- Osman Rani Hassan (ed.) 1987. *Kamus Istilah Ekonomi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Pearce, D.W. 1983. *The Dictionary of Modern Economics*. Revised Edition. London: MacMillan Press.
- Ruffin, R.J. dan P.R. Gregory 1983. *Principles of Economics*. Glenview: Scott, Foresman & Co.
- Salvatore, D. 1983. *International Economics*. New York: MacMillan.
- Sloan, H.S. dan A.J. Zurcher 1970. *Dictionary of Economics*. New York: Barnes and Noble Books.
- Taylor, P.A.S. 1969. *A New Dictionary of Economics*. London: Routledge & Keagen Paul.
- Todaro, M.P. 1981. *Economic Development in the Third World*. Edisi Kedua. New York: Longman.